BUKU 1

Bahagian Dewan Undangan Negeri, PSUKPP

NEGERI PULAU PINANG

PENYATA RASMI

MESYUARAT PERTAMA
PENGGAL PERSIDANGAN KEEMPAT

DEWAN UNDANGAN NEGERI
YANG KEEMPAT BELAS

SOALAN BERTULIS DAN JAWAPAN

30 OGOS 2021 – 2 SEPTEMBER 2021

Dikeluarkan oleh

BAHAGIAN DEWAN UNDANGAN NEGERI
PULAU PINANG

NEGERI PULAU PINANG

PENYATA RASMI

MESYUARAT PERTAMA
PENGGAL PERSIDANGAN KEEMPAT

DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS

No. Soalan	Kandungan	Muka Surat
I	Ahli KawasanMachang Bubuk (YB. Lee Khai Loon)	1 - 92
II	Ahli Kawsan Pantai Jerejak (YB. Datuk Seri Saifuddin Nasution Bin Ismail)	93 - 147
III	Ahli Kawasan Bayan Lepas (YB. Azrul Mahathir Bin Aziz)	148 - 172
IV	Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Lee Chun Kit)	172 - 230
V	Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Ong Khan Lee)	230 - 276
VI	Ahli Kawasan Batu Lancang (YB. Ong Ah Teong)	277 - 338
VII	Ahli Kawasan Bukit Tambun (YB. Goh Choon Aik)	338 - 500

SOALAN YANG DIKEMUKAKAN BAGI MENDAPATKAN JAWAPAN BERTULIS DARIPADA YAB. KETUA MENTERI

I. Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon) bertanya kepada YAB. Ketua Menteri:

1. Kes Bunuh Diri.

   (a) Senaraikan bilangan kes bunuh diri mengikut daerah dan bulan sejak tahun 2019 sehingga kini.

   (b) Apakah punca berlakunya kes bunuh diri yang meningkat disebabkan pandemik COVID-19?

   (c) Selain daripada usaha *hotline* atau *careline* daripada Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO), apakah usaha yang diambil oleh Kerajaan Negeri dalam pencegahan bunuh diri?

JAWAPAN OLEH YAB. KETUA MENTERI:

1. (a) Statistik kes bunuh diri mengikut daerah dan bulan sejak tahun 2019 sehingga kini seperti di **Lampiran A**.

   (b) Mengikut Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr. Noor Hisham Abdullah, pandemik COVID-19 memberi impak ketara ke atas kesihatan mental apabila jumlah kes bunuh diri sejak tahun 2019. Sesetengah individu berisiko tinggi untuk mengalami masalah kesihatan mental termasuk kemurungan terutama ketika berada dalam keadaan *stress* (tekanan) yang melampau serta isolasi daripada rangkaian sokongan keluarga dan sahabat handai. Memandangkan kemurungan ini gagal dikenal pasti dan dirawat dengan baik, ianya meningkatkan risiko tingkah laku bunuh diri.

   Mengikut laporan, 3 daripada setiap 4 orang terdapat masalah mental. Kerajaan bersama NGO dan NGI telah mewujudkan satu jawatankuasa Suicide Prevention Committee. Kesedaran mengenai masalah dan cara kawalan telah dihebahkan melalui webinar dan *Zoom* khasnya semasa pandemik COVID-19. Faktor utama berlakunya kes bunuh diri adalah disebabkan oleh masalah kewangan yang kritikal akibat daripada kehilangan kerja, hilang punca pendapatan dan kehilangan modal perniagaan. Hal ini menyebabkan individu terpaksa menanggung hutang dengan institusi perbankan dan terpaksa membuat pinjaman dengan along untuk menyelesaikan hutang piutang. Faktor lain yang mendorong kes bunuh diri adalah desakan hidup sehingga mengalami masalah kesihatan mental dan menyebabkan hilang keyakinan untuk meneruskan kehidupan. Tindakan bunuh diri ini boleh mengundang kepada "*copycat suicide*" bagi mereka yang berisiko.

   (c) Kerajaan Negeri bersama NGO telah berusaha memberi kaunseling secara talian. Hebahan maklumat cara perhubungan atau panggilan kepada kaunselor juga dipertingkatkan. Semua pejabat khidmat ADUN, wakil rakyat dan Pegawai Seranta telah diberi kursus kaunseling. Ini adalah perancangan agar mereka mempunyai pengetahuan yang lebih dan arif dalam usaha memberi kaunseling dan membantu golongan yang tertekan dan terkesan akibat pandemik COVID-19. Gabungan PgCare juga membantu menyelesaikan kes kesihatan mental yang dirujuk oleh orang ramai dan pejabat khidmat. Media masa juga diminta untuk mengelakkan membuat hebahan berkenaan cara dan gambar mangsa bunuh diri bagi mengelakkan berlakunya kes "copycat suicide".

LAMPIRAN A

STATISTIK BUNUH DIRI TEMPOH TAHUN JAN 2019 HINGGA JULAI 2021

TAHUN	DAERAH	BULAN												JUMLAH	PUNCA BUNUH DIRI											
		JAN	FEB	MAC	APRIL	MEI	JUN	JUL	OGOS	SEPT	OKT	NOV	DIS		TEKANAN MENGHIDUPI COVID 19	MASALAH PERIBADI	MASALAH KELUARGA	MASALAH KEWANGAN	SAKIT MENTAL	HALUSINASI	TEKANAN PERSEKOLAHAN	KEMURUNGAN / MASALAH KESIHATAN	HIV	PENGARUH DADAH	PEMABUK TEGAR	MASALAH HUTANG	TIDAK DIKETAHUI
2019	TIMUR LAUT	3	1	2	1	1	2	1	4	3	3	5	4	30		3		2	3		5	1		1			15
	SEBERANG PERAI UTARA						1		1	1	1			4						1		2		1			
	SEBERANG PERAI TENGAH	5	1	1		2	3	2	1	5	1		4	25		1	5	1	3			7	1	3	1	3	
	SEBERANG PERAI SELATAN	2		2			1		1	1	1		1	9				1	1		1	4			1	1	
	BARAT DAYA			1							1		2	4		1										3
JUMLAH		10	2	6	1	3	7	3	7	10	7	5	11	72	0	5	5	4	7	1	6	14	1	5	2	4	18

TAHUN	DAERAH	BULAN												JUMLAH	PUNCA BUNUH DIRI											
		JAN	FEB	MAC	APRIL	MEI	JUN	JUL	OGOS	SEPT	OKT	NOV	DIS		TEKANAN MENGHIDUPI COVID 19	MASALAH PERIBADI	MASALAH KELUARGA	MASALAH KEWANGAN	SAKIT MENTAL	HALUSINASI	TEKANAN PERSEKOLAHAN	KEMURUNGAN / MASALAH KESIHATAN	HIV	PENGARUH DADAH	PEMABUK TEGAR	MASALAH HUTANG	TIDAK DIKETAHUI
2020	TIMUR LAUT	1	2	4	2	4	3		2	4	2	4	2	30			3		1		8	4				1	13
	SEBERANG PERAI UTARA	1	1	1		1				1				5					1			4					
	SEBERANG PERAI TENGAH	2	2	1	3	3	2	3	3	2	2	1	2	26		2	4	1	5		3	5		1	1	1	3
	SEBERANG PERAI SELATAN				1	1				1	2	4	1	10			2	1	2		4	1					
	BARAT DAYA	1	1					1	2		1	1		7		2			1		2	1					1
JUMLAH		5	6	6	6	9	5	4	7	8	7	10	5	78	0	4	9	2	10	0	17	15	0	1	1	2	17

TAHUN	DAERAH	BULAN								JUMLAH	PUNCA BUNUH DIRI														
		JAN	FEB	MAC	APRIL	MEI	JUN	JUL	[redacted]		TEKANAN MENGHIDUPI COVID-19	MASALAH PERIBADI	MASALAH KELUARGA	MASALAH KEWANGAN	SAKIT MENTAL	HALUSINASI	TEKANAN PERSEKOLAHAN	KEMURUNGAN / MASALAH KESIHATAN	HIV	PENGARUH DADAH	PEMABUK TEGAR	MASALAH HUTANG	TIDAK DIKETAHUI
2021	TIMUR LAUT	2	4	3	1	2	2	3	[redacted]	17			1		1		6	2					7
	SEBERANG PERAI UTARA	1	2			2	3		[redacted]	8					4			4					
	SEBERANG PERAI TENGAH	2	7	3	1	2	3	2	[redacted]	20	1		3	1	1		5	4		1		2	2
	SEBERANG PERAI SELATAN		2	1	2	2	1	3	[redacted]	11	1	1	2	1	1		2	2				1	
	BARAT DAYA			2	1	1	3	2	[redacted]	9				5	1			2					1
JUMLAH		5	15	9	5	9	12	10	[redacted]	65	2	1	6	7	8	0	13	14	0	1	0	3	10

2. Kes Keganasan Rumah Tangga.

(a) Senaraikan bilangan kes keganasan rumah tangga mengikut bulan sejak 2020 sehingga kini.

(b) Apakah masalah utama yang dihadapi oleh mangsa-mangsa keganasan rumah tangga semasa berdepan dengan pihak berkuasa?

(c) Apakah usaha Kerajaan Negeri dan penguatkuasa dalam menangani asalah keganasan rumah tangga khasnya dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP)?

JAWAPAN OLEH YAB. KETUA MENTERI::

2. (a) Jumlah kes keganasan rumah tangga berdasarkan data Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) bagi tahun 2020 adalah sebanyak 88 kes dan 58 kes bagi tahun 2021.

Jumlah kes keganasan rumah tangga berdasarkan data Polis Diraja Malaysia (PDRM) bagi tahun 2020 adalah sebanyak 368 kes dan 304 kes bagi tahun 2021.

Perincian bilangan kes keganasan rumahtangga mengikut bulan adalah seperti di LAMPIRAN A**.**

(b) Masalah utama yang dihadapi oleh mangsa-mangsa keganasan rumah tangga semasa berdepan dengan pihak berkuasa adalah seperti berikut:

(i) Mangsa membuat laporan polis tetapi enggan mengambil tindakan undang-undang ke atas suspek. Laporan dibuat sebagai amaran kepada suspek;

(ii) Mangsa enggan menjalani rawatan di hospital dan ini mengganggu proses siasatan yang dijalankan;

(iii) Mangsa lambat membuat laporan polis sehingga menyebabkan kesan/bukti kecederaan telah hilang;

(iv) Mangsa mengambil tindakan menarik balik laporan polis atas desakan keluarga dan alasan telah berbaik semula dengan suspek; dan

(v) Mangsa memerlukan tempat perlindungan segera kerana melarikan diri dari pelaku dan tiada keluarga terdekat untuk membantu.

(c) Usaha Kerajaan Negeri dan penguatkuasa dalam menangani masalah keganasan rumah tangga khasnya dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) adalah seperti berikut:

(i) JKM sentiasa membuat advokasi mengenai perlindungan bagi kes keganasan rumah tangga dan bantuan sokongan yang boleh didapati oleh mangsa supaya mangsa tidak takut untuk membuat laporan polis;

(ii) Sistem Talian Kasih 15999 juga disediakan dengan operasi secara 24 jam bagi sebarang aduan atau mendapatkan perkhidmatan sokongan dan kini ditambah baik dengan kemudahan talian WhatsApp;

(iii) JKM juga dalam proses untuk menambah bilangan tempat selamat yang digazetkan untuk dijadikan sebagai tempat perlindungan kepada mangsa keganasan rumah tangga;

(iv) Kerajaan Negeri melalui Perbadanan Pembangunan Wanita Pulau Pinang (PWDC) telah mewujudkan First Support Point untuk memudahkan mangsa membuat laporan dan mendapatkan bantuan segera. Sehingga kini, 29 Pusat Khidmat ADUN dan 12 Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) telah diiktiraf sebagai First Support Point;

(v) PWDC juga giat menjalankan sesi taklimat kesedaran berkaitan keganasan rumah tangga kepada jabatan dan agensi Kerajaan Negeri serta NGO; dan

(vi) PWDC akan bekerjasama dengan Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang (JHEAIPP) dan juga organisasi agama bukan Islam bagi menambah baik kursus pra perkahwinan supaya dapat memberi kesedaran dan pengetahuan awal tentang keganasan rumah tangga dan konflik dalam perkahwinan.

LAMPIRAN A

STATISTIK KES KEGANASAN RUMAH TANGGA BERDASARKAN DATA JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT (JKM)

BIL	BULAN	BILANGAN KES	
		2020	2021
1	Januari	3	8
2	Februari	8	1
3	Mac	2	15
4	April	12	3
5	Mei	20	10
6	Jun	3	15
7	Julai	5	6
8	Ogos	3	-
9	September	9	-
10	Oktober	5	-
11	November	11	-
12	Disember	7	-
Jumlah		**88**	**58**

STATISTIK KES KEGANASAN RUMAH TANGGA BERDASARKAN DATA POLIS DIRAJA MALAYSIA (PDRM)

Tahun / bulan / Daerah	2020												Jumlah
	JAN	FEB	MAC	APRIL	MEI	JUN	JULAI	OGOS	SEP	OKT	NOV	DIS	
TL	8	5	11	3	7	5	5	8	8	9	6	7	**82**
BD	5	3	3	4	6	6	2	5	5	9	8	3	**58**
SPU	7	4	5	2	7	4	3	7	12	7	15	9	**81**
SPT	8	12	13	13	10	9	4	9	5	5	13	10	**112**
SPS	5	5	2	2	2	1	1	4	4	4	3	1	**85**
JUMLAH	**33**	**29**	**34**	**24**	**32**	**25**	**15**	**33**	**34**	**34**	**45**	**30**	**368**

Tahun / bulan / Daerah	2021							Jumlah
	JAN	FEB	MAC	APRIL	MEI	JUN	JULAI	
TL	8	4	13	13	22	16	7	**83**
BD	5	4	10	13	7	6	12	**57**
SPU	8	5	12	11	8	5	15	**64**
SPT	7	3	16	13	15	12	21	**87**
SPS	1	2	2	1	1	1	5	**13**
JUMLAH	**29**	**18**	**53**	**51**	**53**	**40**	**60**	**304**

3. Program Vaksinasi COVID-19.

(a) Terangkan punca program vaksinasi COVID-19 yang amat perlahan di Pulau Pinang.

(b) Jangkaan negeri akan mencapai herd immunity 80% jumlah penduduk mendapat dua (2) dos vaksin?

(c) Mengapa Kerajaan Negeri tidak membeli vaksin untuk mempercepatkan kadar vaksinasi khasnya kepada economic frontliners seperti penjaja, pekerja di sektor perkhidmatan?

JAWAPAN OLEH YAB. KETUA MENTERI::

3. (a) Sehingga 26 Ogos 2021, sebanyak 1,812,825 dos vaksin telah diberi di Pulau Pinang, daripada jumlah ini, 1,101,371 adalah dos satu (1), manakala 711,454 adalah dos dua (2). Ini menjadikan 80.6% daripada populasi dewasa di Pulau Pinang telah menerima dos satu (1) manakala 52.0% populasi dewasa telah menyempurnakan penerimaan dos dua (2).

Bagi meningkatkan pemberian vaksin di Pulau Pinang, bermula Ogos 2021, satu (1) lagi Pusat Pemberian Vaksin Mega telah dibuka di SPICE Convention Centre yang mempunyai kapasiti 5000 dos sehari dan satu (1) Pusat Pemberian Vaksin di Seberang Perai Tengah iaitu di Hotel Eminent Van Gohh, Bukit Mertajam dengan kapasiti 2000 dos sehari.

(b) Jangkaan adalah pada akhir bulan Oktober 2021, *herd immunity* akan dicapai.

(c) Kerajaan Persekutuan melalui COVID-19 Immunisation Task Force (CITF) Kebangsaan telah memberi jaminan bahawa bekalan vaksin untuk rakyat negara ini telah disediakan dengan secukupnya.

4. Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang (LTAPP).

(a) Terangkan secara terperinci tentang status projek menaik taraf LTAPP.

(b) Senaraikan bilangan penumpang dan pengguna LTAPP mengikut bulan sejak 2020.

(c) Apakah usaha dan tindakan yang akan diambil oleh Kerajaan Negeri terhadap projek pembinaan Lapangan Terbang Antarabangsa Kulim (KXP) yang dijangka akan bermula 2026?

JAWAPAN OLEH YAB. KETUA MENTERI:

4. (a) Penularan wabak COVID-19 telah memberi kesan negatif terhadap industri penerbangan negara. Hal ini juga telah menjejaskan perancangan pihak MAHB bagi pelaksanaan projek menaik taraf Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang (LTAPP) dari 6.5 mppa (million passengers per annum) kepada 12 mppa atau sehingga 25 mppa. Dalam pada itu, syarikat penerbangan yang terjejas dijangka memerlukan tempoh selama tiga (3) tahun untuk pulih sepenuhnya daripada impak ekonomi yang dialami akibat daripada penularan wabak COVID-19.

Oleh yang demikian, pihak Kementerian Pengangkutan (MOT) telah memutuskan untuk menangguhkan semua projek menaik taraf lapangan terbang di Malaysia sehingga industri penerbangan negara dapat dipulihkan kelak. Buat masa ini, pihak MAHB akan bekerjasama dengan pihak Kerajaan Negeri bagi menyelesaikan beberapa isu termasuk proses pengambilan balik tanah yang terlibat dalam projek ini.

Pada masa yang sama, bagi memastikan keperluan pembangunan jangka masa panjang lapangan terbang di Malaysia serta keperluan sistem jaringan kesalinghubungan pengangkutan negara, pihak MOT akan melaksanakan kajian National Airports Strategic Plan (NASP) yang akan bermula pada tahun 2021 dan dijangka siap pada tahun 2023. Setakat ini, perincian mengenai laporan ini masih belum dimaklumkan kepada Kerajaan Negeri.

(b) Statistik pergerakan penumpang di LTAPP bagi sejak tahun 2020 sehingga bulan Jun 2021 adalah seperti jadual berikut:

BULAN	PERGERAKAN PENUMPANG	
	2020	2021 (SEHINGGA JUN)
JAN	696,044	45,064
FEB	469,179	10,455
MAC	232,754	20,777
APR	2,558	28,035
MEI	5,050	19,535
JUN	20,419	4,740
JUL	75,328	-
OGOS	86,851	-
SEPT	95,345	-
OKT	51,707	-
NOV	17,818	-
DIS	73,068	-
JUMLAH	1,826,121	128,606

(d) Pembinaan lapangan terbang seperti Lapangan Terbang Kulim (KXP) adalah di bawah bidang kuasa Kementerian Pengangkutan dan pengurusannya dilaksanakan melalui Malaysia Airports Holdings Berhad (MAHB). Kerajaan Negeri berpendapat cadangan pembinaan KXP perlu diteliti secara mendalam dan lebih terperinci. Berdasarkan semakan Kerajaan Negeri dengan dua (2) laporan yang disediakan oleh juruperunding yang telah melaksanakan kajian kebolehlaksaaan pembinaan Lapangan Terbang Kulim, pembinaan KXP akan memberi impak yang negatif kepada LTAPP khususnya dan Negeri Pulau Pinang amnya. Kerajaan Negeri berpendirian bahawa pihak Kementerian Pengangkutan perlu meneliti perkara ini sekali lagi dan kajian yang lebih terperinci perlu dilaksanakan agar cadangan pembangunan tersebut adalah holistik dan memanfaatkan semua pihak.

Antara usaha dan tindakan yang akan diambil oleh Kerajaan Negeri terhadap projek pembinaan Lapangan Terbang Antarabangsa Kulim (KXP) yang dijangka akan bermula 2026 adalah dengan memastikan Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang (LTAPP) terus mampu berdaya saing dengan melaksanakan perkara-perkara seperti berikut:

(i) Mengadakan penyelarasan bersama pihak MAHB berkenaan perancangan menaik taraf dan pembesaran LTAPP untuk meningkatkan kapasiti keupayaan pengendalian penumpang daripada 6.5 juta kepada 12 juta penumpang setahun;

(ii) Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) meluluskan pelan kebenaran merancang bagi pembinaan Bangunan Letak Kereta Bertingkat Fasa Pertama di LTAPP yang akan menyediakan kira-kira 1,720 lot tempat letak kereta untuk kemudahan yang lebih selesa dan selamat kepada para pengguna;

(iii) Membantu dalam menyediakan maklumat kepada pihak MAHB dalam pelaksanaan Kajian Kebolehlaksanaan Pembinaan Lapangan Terbang Baru di kawasan utara bagi meneliti impak secara jelas kepada kedudukan LTAPP dan pembangunan ekonomi negeri Pulau Pinang;

(iv) Menambahbaik kemudahan jaringan jalan raya untuk ke LTAPP, memperkenalkan laluan LRT daripada pusat bandar ke LTAPP dan memperkemaskan kemudahan pengangkutan awam seperti bas, teksi dan sebagainya; dan

(v) Membantu mengadakan sesi libat urus dan perbincangan lanjut bersama pihak Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI), Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA), Invest Penang, FREPENCA, Federation of Malaysian Manufacturers (FMM) dan pihak-pihak berkepentingan yang lain.

5. Undi 18 Tahun.

(a) Senaraikan bilangan pengundi yang berumur di antara 18 hingga 21 tahun mengikut KADUN.

(b) Memandangkan pelaksanaan Undi 18 telah ditangguh dari Julai 2021 kepada September 2022, apakah usaha Kerajaan Negeri untuk mendekati anak muda?

(c) Nyatakan usaha bersama di antara Kerajaan Negeri dan Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) dalam mendaftarkan pengundi baru.

JAWAPAN OLEH YAB. KETUA MENTERI:

5. (a) Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) sedang dalam persiapan untuk melaksanakan umur kelayakan pengundi 18 tahun dan pendaftaran pemilih secara automatik secara bersekali berdasarkan kepada pindaan di bawah Akta A1603 terhadap Perkara 119 Perlembagaan Persekutuan yang telah diluluskan oleh Parlimen pada Mesyuarat Kedua Penggal Kedua Parlimen Keempat Belas (pindaan ini belum diberi tarikh kuatkuasa). Persiapan yang sedang dilaksanakan oleh SPR adalah meliputi cadangan pindaan kepada Peraturan-Peraturan Pilihan Raya (Pendaftaran Pemilih) 2002 dan undang-undang Iain yang berkaitan, penyediaan standard operating procedures (SOP) dan penyediaan sistem dan infrastruktur bagi pelaksanaan umur kelayakan pengundi 18 tahun dan pendaftaran pemilih secara automatik. Ini termasuk kerja-kerja dilapangan seperti latihan, pendidikan dan penyiasatan. SPR menjangkakan semua persiapan yang sedang diambil tindakan oleh SPR akan dapat disiapkan dan seterusnya dilaksanakan selewat-lewatnya pada bulan September 2022. Sehubungan dengan itu, SPR tidak mempunyai bilangan pengundi berumur 18 hingga 21 tahun.

(b) Dalam usaha mendekati anak muda, Pejabat Pilihan Raya Negeri Pulau Pinang telah melaksanakan beberapa inisiatif untuk memberi kesedaran kepentingan mengundi kepada para pelajar di sekolah-sekolah menengah dan pusat-pusat pengajian tinggi yang bakal atau telah berumur 18 tahun semenjak tahun 2019. Program-program yang yang dilaksanakan meliputi:

(i) Voters Education (VE) kepada pelajar-pelajar sekolah menengah Tingkatan 5 dan Tingkatan 6 yang memberi pendedahan mengenai sistem pilihan raya di Malaysia;

(ii) Civic Education (CE) yang melibatkan pelajar IPTA dan sekolah menengah. Program ini selain memberi pendedahan mengenai sistem pilihan raya juga diikuti dengan simulasi penuh pilihan raya bermula

dari proses penamaan calon sehingga pengisytiharan keputusan pilihan raya; dan

(iii) Penyertaandalam Program Amalan Demokrasi Berparlimen Kelab Malaysiaku di 20 buah sekolah anjuran Pejabat-Pejabat Penerangan Daerah.

(c) Dalam usaha menarik pengundi baru, program pendaftaran pemilih baru dan permohonan pertukaran bahagian pilihan raya dilaksanakan sepanjang tahun melalui beberapa kaedah. Antaranya menjalinkan kerjasama dengan Kerajaan Negeri dengan mengadakan program-program seperti berikut:-

(i) Program pendaftaran luar pejabat/program outreach anjuran Pejabat Pilihan Raya Negeri Pulau Pinang selain program outreach caravan di mana Pejabat Pilihan Raya Negeri Pulau Pinang menjalankan pendaftaran luar pejabat dengan membuka kaunter bergerak bagi memenuhi jemputan jabatan kerajaan/parti politik. Antaranya di Pusat Penempatan Banjir Pengkalan Bongor anjuran PYDC, Big Frab Food Coud anjuran ADUN Sungai Pinang dan di Pasar Awam Sri Uda, Kampung Bagan Jermal;

(ii) Kerjasama dengan 713 Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) di seluruh Pulau Pinang. Sehingga Jun 2021, sebanyak 1,035 permohonan pendaftaran pengundi baru telah dikemukakan; dan

Kerjasama dengan parti-parti politik di Negeri Pulau Pinang yang sehingga Jun 2021 telah mengemukakan 3,291 permohonan pendaftaran baru.

6. Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR).

(a) Terangkan secara terperinci tentang masalah-masalah yang dihadapi oleh murid-murid Pendidikan Khas dalam PdPR.

(b) Sejauh manakah pembelajaran serta implikasi terhadap anak-anak kelainan upaya (OKU) sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang dilaksanakan sejak Mac 2020?

(c) Bagaimanakah Kerajaan Negeri dapat membantu dan menyediakan sistem sokongan kepada ibu bapa yang mempunyai anak OKU yang belajar Pendidikan Khas?

JAWAPAN OLEH YAB. KETUA MENTERI:

6. (a) Masalah-masalah yang dihadapi oleh murid-murid Pendidikan Khas dalam Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR) adalah seperti berikut:-

(i) Murid-murid kelainan upaya (OKU) yang mempunyai kefungsian rendah (low function) yang berada di rumah agak sukar untuk melibatkan diri dalam PdPR kerana ibu bapa atau penjaga perlu mempunyai kemahiran mengurus murid OKU di rumah; dan

(ii) Komitmen dan pemantauan yang berterusan daripada ibu bapa atau penjaga terhadap murid-murid OKU supaya sentiasa melibatkan diri secara berterusan dalam PdPR.

(a) PdPR tetap dilaksanakan bagi murid-murid OKU sepanjang penguatkuasaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Walau bagaimanapun, semasa sesi PdPR ibu bapa/penjaga perlu menjadi proksi guru untuk memudahkan proses PdPR murid-murid OKU. Oleh yang demikian, hubungan kolaboratif yang baik antara guru dan ibu bapa/penjaga serta pengetahuan dan kemahiran yang baik ibu bapa/penjaga untuk menguruskan PdPR murid-murid OKU semasa di rumah

merupakan kunci dalam menentukan pembelajaran murid-murid OKU semasa tempoh PKP.

(b) Kerajaan Negeri menerusi Penang Education Council (PEC) telah menganjurkan pelbagai aktiviti untuk memberikan sokongan kepada ibu bapa/penjaga kepada murid-murid OKU seperti berikut:-

(i) Program Consultation and Educational Centre for Children with Special Needs yang menawarkan sesi penilaian dan intervensi bagi murid-murid OKU dalam kumpulan B40 bagi membantu ibu bapa/penjaga mengenali kaedah pengajaran dan pembelajaran yang sesuai bagi murid-murid OKU;

(ii) Program Pembentukan Pembelajaran Sosial dan Emosi dalam kalangan kanak-kanak berumur 3 hingga 9 tahun yang menyampaikan ilmu kepada ibu bapa/penjaga tentang cara pengajaran serta penjagaan kesihatan mental murid-murid OKU agar sesi pengajaran dan pembelajaran dapat berjalan dengan lancar;

(iii) Program Senaman Otak (Brain Gym) yang memberi maklumat kepada ibu bapa/penjaga tentang pergerakan badan yang efektif untuk membantu hubungan neurologi dalam otak bagi mengurangkan stres semasa sesi pembelajaran murid-murid OKU; dan

Program Pemulihan Melalui Permainan Terapeutik (Healing through Therapeutic Play) yang memberi ilmu kepada ibu bapa/penjaga untuk mengenali kaedah komunikasi dengan murid-murid OKU untuk mengajar mereka tentang cara kawalan perasaan, berinteraksi dan meluahkan fikiran.

7. Unit Rawatan Rapi (ICU) Hospital Seluruh Pulau Pinang.

(a) Senaraikan bilangan katil ICU di seluruh Negeri Pulau Pinang mengikut hospital awam dan swasta.

(b) Senaraikan bilangan pesakit tahun 2021 yang telah dinafikan penggunaan katil ICU disebabkan ICU yang penuh.

(c) Penggunaan katil ICU telah bertambah mendadak akibat daripada pandemik COVID-19, apakah usaha kerajaan memastikan katil ICU dapat menampung keperluan?

JAWAPAN OLEH YAB. KETUA MENTERI:

7. (a) Bilangan katil Unit Rawatan Rapi (ICU) di Negeri Pulau Pinang bagi hospital kerajaan dan hospital swasta adalah seperti di LAMPIRAN A.

(b) Pihak Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) sentiasa berusaha sebaik mungkin bagi memastikan kesemua pesakit mendapat rawatan sewajarnya di kesemua tempat kemudahan kesihatan yang disediakan. Justeru itu, tiada sebarang rekod bilangan pesakit yang telah dinafikan penggunaan katil ICU disebabkan ICU yang penuh.

(c) Kerajaan Negeri melalui Jabatan Kesihatan Negeri (JKN) Pulau Pinang tidak menafikan berlakunya pertambahan mendadak bilangan pesakit yang memerlukan penggunaan katil ICU di hospital-hospital kerajaan akibat pandemik COVID-19 yang melanda negara ini. Oleh itu, bagi menampung pertambahan penggunaan katil ICU yang mendadak ini, beberapa tindakan telah diambil oleh pihak JKN bagi menambah bilangan katil ICU iaitu seperti berikut:-

(i) Mengenal pasti dan mengubah fungsi wad dan dewan bedah sedia ada sebagai wad tambahan ICU dengan menambah bilangan katil, misalnya di Hospital Pulau Pinang dan Hospital Kepala Batas;

(ii) Membina Field ICU (ICU Medan/Lapangan) di Hospital Kepala Batas dengan kerjasama Angkatan Tentera Malaysia (ATM);

(iii) Mengenal pasti anggota kesihatan yang terlatih (ICU trained) dan dimobilisasikan ke lokasi pertambahan katil ICU tersebut;

(iv) Mendapatkan penambahan katil ICU dan peralatan ventilator secara kecemasan dari Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan turut menerima sumbangan daripada pihak Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO);

(v) Mempertimbangkan penggunaan katil ICU di hospital swasta bagi kes-kes bukan COVID-19;

(vi) Menangguhkan pembedahan elektif yang memerlukan katil ICU; dan

(vii) Mengenal pasti pesakit yang berisiko tinggi untuk diberikan rawatan segera agar dapat mengelakkan penggunaan katil ICU dan ventilator.

Pengunaan katil keseluruhan untuk katil COVID-19 di Pulau Pinang seperti di **LAMPIRAN B.**

LAMPIRAN A


BILANGAN KATIL UNIT RAWATAN RAPI (ICU)
DI HOSPITAL AWAM NEGERI PULAU PINANG

BIL.	HOSPITAL KERAJAAN	BILANGAN KATIL ICU
1.	Hospital Pulau Pinang	37
2.	Hospital Seberang Jaya	17
3.	Hospital Bukit Mertajam	7
4.	Hospital Kepala Batas	32
JUMLAH		**93**

BILANGAN KATIL UNIT RAWATAN RAPI (ICU)
DI HOSPITAL SWASTA DI NEGERI PULAU PINANG

BIL.	HOSPITAL SWASTA	BIL. KATIL ICU
1.	Penang Adventist Hospital	10
2.	Hospital Lam Wah Ee	10
3.	Georgetown Specialist Hospital	1
4.	Gleneagles Penang	9
5.	Loh Guan Lye Specialist Centre	7
6.	Island Hospital	14
7.	Pantai Hospital Penang	6
8.	KPJ Penang Specialist Hospital	6
9.	Bagan Specialist Centre	3
	JUMLAH	**66**

OVERALL BOR FOR COVID-19 BEDS IN PENANG



The BOR of Low Risk Bed dropped sharply. Acute Bed BOR in the state has continued to rise from the trough in late June. They had exceeded the previous peak even though more beds were added over last week. BOR of ICU has is close to 100% over the last 3 weeks.

1

ID35/04

1. Increase number of Covid-19 beds

Indicator	6/8	7/8	8/8	9/8	10/8	11/8	12/8
No. of beds (kadar penggunaan)	385/424 = 90.8%	388/424 = 91.5%	400/458 = 87.3%	433/486 = 89.1%	422/486 = 86.8%	476/486 = 97.9%	486/518 = 93.8%
No. of PKRC beds (kadar penggunaan)	1008 (28.5%)	1008 (32%)	1008 (33%)	1008 (32.4%)	1008 (31%)	1008 (35%)	1008 (37%)
No. of ICU beds (kadar penggunaan)	69 (99%)	69 (91%)	69 (96%)	69 (94%)	69 (100%)	69 (101%)	69 (101%)
No of new decanted (private) (Daily)							
# pts pending in ED >24hours (daily)							

IPPT – Daycare patients from HKB

More plans
Decanting of non-Covid-19 patients out to private facilities to make more inpatient Covid-19 beds and reduce numbers of patients waiting in EDs.

Nombor of ICU beds still short of what is required – around 10% of total admission. HR issues. Ventilate outside ICUs.

- Full Covid – Hospital Kepala Batas. Hybrid Covid – Hospital Pulau Pinang, Hospital Bukit Mertajam. KIV other Hospitals too.
- Field ICU have been established in HKB. ATM Field ICU (12 Beds and 12 HDU) and Hybrid ICU (10) – Additional to 10 ICU beds in the main building. HPP – 37 ICU Beds.
- Modificatians have been made to allow hospital to increase capacity to house Covid-19 patients: OPD – 130 beds. Repurpose Non Covid wards are also in the pipe line
- KMP – To be converted to 100 bedded Pusat Rawatan Risiko Tinggi (PRRT) to manage Cat 3 & 4 patients
- Capacity of MEC has been ramped up to receive 20 Cat 3 patients – Will start on 16/8/2021

2

ID35/04

8. Kompaun Ingkar Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

(a) Senaraikan jumlah kompaun ingkar PKP yang dikeluarkan oleh polis mengikut bulan dan daerah.

(b) Senaraikan jumlah kutipan denda ingkar PKP yang diperolehi oleh pihak polis mengikut bulan dan daerah.

(c) Senaraikan bilangan yang tidak mampu menjelaskan bayaran kompaun dan dipenjarakan sejak PKP dilaksanakan sehingga kini.

JAWAPAN OLEH YAB. KETUA MENTERI:

8. (a) (i) Jumlah kutipan denda ingkar PKP yang diperolehi bulan Januari

(a) PKD Timur Laut adalah 12 kompaun (RM24,000)

(b) PKD Barat Daya sebanyak 19 kompaun (RM38,500)

(c) PKD Seberang Perai Utara 12 kompaun (RM24,500)

(d) PKD Seberang Perai Tengah 10 kompaun (RM20,000)

(e) PKD Seberang Perai Selatan 0 kompaun (RM0)

(ii) Jumlah kutipan denda ingkar PKP yang diperolehi bulan Februari

(a) PKD Timur Laut adalah 266 kompaun (RM540,000)

(b) PKD Barat Daya sebanyak 146 kompaun (RM292,500)

(c) PKD Seberang Perai Utara 105 kompaun (RM210,000)

(d) PKD Seberang Perai Tengah 237 kompaun (RM498,000)

(e) PKD Seberang Perai Selatan 1 kompaun (RM2000)

(iii) Jumlah kutipan denda ingkar PKP yang diperolehi bulan Mac

(a) PKD Timur Laut adalah 50 kompaun (RM104,000)

(b) PKD Barat Daya sebanyak 10 kompaun (RM35,000)

(c) PKD Seberang Perai Utara 7 kompaun (RM17,500)

(d) PKD Seberang Perai Tengah 76 kompaun (RM184,000)

(e) PKD Seberang Perai Selatan 10 kompaun (RM20,000)

(iv) Jumlah kutipan denda ingkar PKP yang diperolehi bulan April

(a) PKD Timur Laut adalah 43 kompaun (RM118,000)

(b) PKD Barat Daya sebanyak 4 kompaun (RM32,000)

(c) PKD Seberang Perai Utara 45 kompaun (RM122,000)

(d) PKD Seberang Perai Tengah 107 kompaun (RM224,000)

(e) PKD Seberang Perai Selatan 11 kompaun (RM27,500)

(v) Jumlah kutipan denda ingkar PKP yang diperolehi bulan Mei

(a) PKD Timur Laut adalah 27 kompaun (RM70,000)

(b) PKD Barat Daya sebanyak 43 kompaun (RM94,000)

(c) PKD Seberang Perai Utara 148 kompaun (RM696,000)

(d) PKD Seberang Perai Tengah 95 kompaun (RM195,000)

(e) PKD Seberang Perai Selatan 5 kompaun (RM11,500)

(vi) Jumlah kutipan denda ingkar PKP yang diperolehi bulan Jun

(a) PKD Timur Laut adalah 177 kompaun (RM530,000)

(b) PKD Barat Daya sebanyak 85 kompaun (RM290,000)

(c) PKD Seberang Perai Utara 140 kompaun (RM504,000)

(d) PKD Seberang Perai Tengah 177 kompaun (RM674,000)

(e) PKD Seberang Perai Selatan 47 kompaun (RM126,000)

(vii) Jumlah kutipan denda ingkar PKP yang diperolehi bulan Julai

(a) PKD Timur Laut adalah 39 kompaun (RM230,000)

(b) PKD Barat Daya sebanyak 107 kompaun (RM326,000)

(c) PKD Seberang Perai Utara 138 kompaun (RM596,000)

(d) PKD Seberang Perai Tengah 60 kompaun (RM248,000)

(e) PKD Seberang Perai Selatan 47 kompaun (RM134,000)

(vii) Bagi bulan Ogos hingga Disember 2021 tiada data lagi.

(b) Jumlah kompaun yang dikeluarkan oleh PDRM bermula 12 April 2020 - 12 Ogos 2021

DAERAH	JUMLAH KOMPAUN
TIMUR LAUT	2275
BARAT DAYA	741
SPU	3903
SPT	1902
SPS	368
JUMLAH	9189

(c) Bilangan yang tidak mampu menjelaskan bayaran kompaun dan dipenjarakan sejak PKP dilaksanakan sehingga kini adalah sebanyak 104 kes. Kesemua 104 kes ini telah dihadapkan di mahkamah. Daripadanya sebanyak 2 kes telah dipenjarakan.

9. Tanah Kerajaan Negeri.

(a) Senaraikan Land Bank milik Kerajaan Negeri dan anak syarikat Kerajaan Negeri mengikut lokasi, keluasan dan kategori guna tanah.

(b) Berapakah jumlah keluasan tanah kerajaan yang dirancang untuk membina rumah Ptojek Perumahan Rakyat (PPR) dan Rumah Mampu Milik (RMM)?

(c) Selain daripada kebergantungan kepada hasil tanah, nyatakan usaha yang dilakukan oleh Kerajaan Negeri untuk meningkatkan hasil negeri.

JAWAPAN OLEH YAB. KETUA MENTERI:

9. (a)Tanah kerajaan adalah tanah yang tidak dikeluarkan hakmilik. Tanah ini meliputi tanah yang terdapat di setiap daerah dan digunakan untuk pelbagai tujuan seperti tapak pejabat kerajaan, tapak kuarters, simpanan jalan, simpanan parit, kawasan

lapang, kawasan tadahan air dan sebagainya. Tanah kerajaan juga boleh diwujudkan akibat daripada pengambilan tanah di bawah Akta Pengambilan Tanah 1960 dan juga pengembalian tanah tersebut kepada Kerajaan Negeri disebabkan pelanggaran syarat dan sebagainya. Senarai tanah kerajaan negeri tidak dapat dikemukakan memandangkan bilangannya yang terlalu banyak, tidak dapat ditentukan secara tepat serta berubah-ubah.

Manakala land bank milik anak syarikat Kerajaan Negeri mengikut lokasi, keluasan dan kategori guna tanah adalah seperti di Lampiran A.

(b) Jumlah keluasan tanah Kerajaan Negeri yang dirancang untuk dibina Rumah Mampu Milik adalah seluas 309.24 ekar mengikut pecahan berikut:

Anak syarikat/Agensi	**Keluasan (ekar)**
CMI	48.25
PDC	169.00
Lembaga Perumahan Negeri Pulau Pinang	91.99
JUMLAH	309.24

(c) Selain daripada kebergantungan kepada hasil tanah, Kerajaan Negeri telah melaksanakan usaha untuk mempertingkatkan hasil dan pendapatan negeri seperti berikut:

(i) Kerajaan Negeri sentiasa berusaha untuk mencapai sasaran kutipan yang telah dimuktamadkan di samping menyemak laporan kutipan hasil negeri secara bulanan serta mengadakan pelbagai mesyuarat berkaitan pengurusan kutipan hasil negeri secara berkala. Anggaran kutipan hasil Kerajaan Negeri bagi tahun 2021 adalah berjumlah RM506.02 juta;

(ii) Meningkatkan hasil negeri melalui aktiviti pelaburan, iaitu pelaburan dalam simpanan tetap, pelaburan dalam pasaran ekuiti serta memantau saham-saham baharu;

(iii) Kerajaan Negeri sentiasa komited bagi meningkatkan hasil negeri dan mengurangkan tunggakan hasil dengan melakukan tindakan penguatkuasaan, perundangan dan pemantauan berterusan terhadap tunggakan hasil negeri. Sehingga Jun 2021, tunggakan keseluruhan hasil negeri adalah berjumlah RM93.59 juta;

(iv) Pada masa ini, pelupusan tanah kerajaan adalah dibuat secara terus kepada pemohon tertentu dengan dikenakan bayaran premium mengikut harga pasaran semasa. Selain kaedah ini, kaedah pelupusan tanah secara tender khas akan dilaksanakan di mana tanah kerajaan akan dilupuskan (dijual) kepada pembida tertinggi tertakluk kepada syarat-syarat tertentu bagi menjana hasil yang lebih tinggi kepada Kerajaan Negeri;

(v) Kerajaan Negeri mengambil tindakan untuk menyemak status akaun-akaun deposit dan mewartakan deposit yang tidak dituntut selepas tempoh 12 bulan dari tarikh deposit tersebut boleh dikembalikan, supaya wang tersebut dapat dikreditkan ke dalam Akaun Hasil Disatukan.

Tindakan ini secara tidak langsung akan dapat meningkatkan hasil negeri; dan

(vi) Kerajaan Negeri juga memohon kepada Kerajaan Persekutuan untuk meningkatkan jumlah pemberian kepada Kerajaan Negeri memandangkan Pulau Pinang antara penyumbang tertinggi kepada Pelaburan Langsung Asing (FDI) Malaysia dan ini sekaligus menyumbang kepada hasil negara berupa cukai. Pemberian-pemberian daripada Kerajaan Persekutuan ini termasuklah seperti berikut:

(a) Pemberian Mengikut Bilangan Kepala;

(b) Pemberian Bayaran Perkhidmatan 10% Kerana Melaksanakan Projek-projek Pembangunan Persekutuan;

(c) Pemberian Pertambahan Hasil Kerajaan Persekutuan;

(d) Pemberian Membiayai Perbelanjaan Mengurus Di Bawah Senarai Bersama;

(e) Pemberian Pelancongan;

(f) Pemberian Berdasarkan Tahap Pembangunan Ekonomi, Infrastruktur Dan Kesejahteraan Hidup; dan

(g) Pemberian Kerajaan Persekutuan kepada Kumpulan Wang Amanah Penyenggaraan Jalan Raya Negeri (MARRIS).

LAMPIRAN A

SENARAI *LANK BANK* ANAK SYARIKAT KERAJAAN NEGERI


Bil.	Daerah	Lokasi	Keluasan (ekar)	Gunatanah	Hakmilik
1	Timur Laut	PT 461, Seksyen 23	3,515.00	Tapak Terminal Bas	Perbadanan Ketua Menteri Pulau Pinang (CMI)
2	Timur Laut	PT 4, Seksyen 24	33,586.57	Pembangunan Fort Cornwallis	CMI
3	Timur Laut	PT 61, Seksyen 3	6,055.41	Bangunan Warisan Suffolk House	CMI
4	Timur Laut	PT 222, Seksyen 8	163	Tapak meletak kenderaan	CMI
5	Timur Laut	PT 223, Seksyen 8	802	Tapak meletak kenderaan	CMI
6	Timur Laut	PT 224, Seksyen 8	157	Tapak meletak kenderaan	CMI
7	Timur Laut	PT 254, Seksyen 9W	422	Tapak meletak kenderaan	CMI
8	Timur Laut	PT 351, Seksyen 11E	9,280.00	Pembangunan Bercampur	CMI
9	Timur Laut	PT 352, Seksyen 11E	4,021.00	Pembangunan Bercampur	CMI
10	Timur Laut	PT 353, Seksyen 11E	465	Pembangunan Bercampur	CMI
11	Timur Laut	PT 354, Seksyen 11E	462	Pembangunan Bercampur	CMI
12	Timur Laut	PT 98, Seksyen 4	6,707.95	Perumahan	CMI
13	Timur Laut	PT 71, Mukim 13	10,656.00	Kegunaan Awam	CMI
14	Timur Laut	PT 1475	30.2	Pondok Pengawal	CMI
15	Timur Laut	PT 1476	36.6	Pondok Pengawal	CMI
16	Timur Laut	PT 1477	36.6	Pondok Pengawal	CMI
17	Timur Laut	PT 1478	30.2	Pondok Pengawal	CMI
18	Timur Laut	PT 1479	36.6	Pondok Pengawal	CMI
19	Timur Laut	PT 1480	30.7	Pondok Pengawal	CMI
20	Timur Laut	Lot 10008, Seksyen 1	17,684.76	Pelancongan dan Pendidikan	CMI
21	Timur Laut	PT 72, Bandar Gelugor	1,600.00	Papan Iklan, Menara Telekomunikasi	CMI
22	Timur Laut	PT 258, Seksyen 9W	401	Tapak Laluan Bertutup	CMI
23	Timur Laut	PT 32, Seksyen 10	405	Tapak meletak kenderaan	CMI

Bil.	Daerah	Lokasi	Keluasan (ekar)	Gunatanah	Hakmilik
27	Timur Laut	PT 12, Seksyen 17	2,625.00	Tapak Perhentian Teksi, Bas dan Van Pelancongan	CMI
28	Timur Laut	PT 223, Seksyen 2	16,997.00	Pembangunan Spa Coastal Resort / Hotel	CMI
29	Timur Laut	PT 4051, Mukim 13	1,722.00	Tempat Meletak Kenderaan	CMI
30	Timur Laut	PT 5, Seksyen 24	9,182.35	Tempat Meletak Kenderaan	CMI
31	Timur Laut	PT 127, Seksyen 1	372	Tapak Restoran	CMI
32	Timur Laut	PT 356, Seksyen 11E	8,226.00	Tempat Meletak Kenderaan	CMI
33	Timur Laut	PT 217, Bandar George Town	8,903.00	Akademi Badminton	CMI
34	Timur Laut	PT 73, Bandar Gelugor	3,900.00	Kediaman	CMI
35	Timur Laut	PT 4070, Mukim 13	1,416.00	Tujuan Komersial	CMI
36	Timur Laut	Lot 10000, Bandar Bukit Bendera	31,120.00	Pembangunan Hotel dan Aktiviti Pelancongan	CMI
37	Timur Laut	PT 128, Seksyen 1	3,660.00	Kompleks dan Gerai Bayu Senja	CMI
38	Timur Laut	PT 285, Seksyen 1	467	Tapak Papan Iklan Billboard & Landskap	CMI
39	Timur Laut	Lot 10055, Seksyen 4	26,080.00	Tujuan Komersial-Bandar Perubatan, Hospital, Suite Perubatan dan Hotel	CMI
40	Timur Laut	PT 34, Bandar Bukit Bendera	2,887.00	Hotel dan Restoran	CMI
41	Timur Laut	PT 35, Bandar Bukit Bendera	3,194.00	Hotel dan Restoran	CMI
42	Timur Laut	PT 214, Seksyen 8	4,046.87	Tujuan Komersial	CMI
43	Timur Laut	Lot 10060, Seksyen 3	8,084.00	Kuarters Kerajaan	CMI
44	Timur Laut	PT 82, Seksyen 3	0.4589 hektar	Tapak Pejabat Pengurusan dan Aktiviti Keagamaan RIBI	CMI
45	Timur Laut	PT113, Seksyen 4	6,489.00	Kediaman	CMI
46	Timur Laut	PT 28, Seksyen 2	25	Tapak Menara Telekomunikasi	CMI
47	Timur Laut	Plot A (Bersebelahan Lot 400) & Plot B (Bersebelahan PT223), Seksyen 2	9,064.96	Pembangunan Spa And Wellness Resort / Hotel	CMI
48	Timur Laut	Lot 10042, Seksyen 1, Bandar Jelutong	17,474.37	Kediaman	Perbadanan Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang (SSI)

Bil.	Daerah	Lokasi	Keluasan (ekar)	Gunatanah	Hakmilik
49	Timur Laut	Lot 10043, Seksyen 1, Bandar Jelutong	17,186.78	Kediaman	SSI
50	Timur Laut	Lot 20113, Mukim 13	1,026.00	Pembangunan bercampur	SSI
51	Timur Laut	Lot 9117, Mukim 13	5,451.00	Kediaman dan perniagaan	SSI
52	Timur Laut	Lot 395, Bandar Bukit Bendera	3,800.00	Hotel dan restoran	SSI
53	Timur Laut	Lot 626, Bandar Bukit Bendera	2,865.00	Hotel dan restoran	SSI
54	Timur Laut	Lot 628, Bandar Bukit Bendera	2,902.00	Hotel dan restoran	SSI
55	Timur Laut	Lot 10004, Mukim 16	2,585.00	Tempat letak kereta dan perniagaan	SSI
56	Timur Laut	Lot 341, Seksyen 11E	30,300.00	Pembangunan Perumahan	SSI
57	Timur Laut	Lot 351, Seksyen 11E	1,083.00	Dewan Serbaguna	SSI
58	Timur Laut	PT. 81, Seksyen 4	8,641.50	Pembangunan Perumahan	SSI
59	Timur Laut	PT. 82, Seksyen 4	7,238.10	Pembangunan Perumahan	SSI
60	Timur Laut	PT. 83, Seksyen 4	787.9	Pembangunan Perumahan	SSI
61	Timur Laut	PT. 84, Seksyen 4	7,961.10	Pembangunan Perumahan	SSI
62	Timur Laut	PT 4114, Mukim 13,	8,705.00	Pembangunan Perumahan	SSI
63	Timur Laut	PT 4115, Mukim 13,	10,070.00	Unit komersial	SSI
64	Timur Laut	Lot 4626, Bandar Tg. Bungah	8,863.00	Pembangunan Perumahan	SSI
65	Timur Laut	Lot 898, Seksyen 4	4,756.00	Kediaman	SSI
66	Timur Laut	Macallum, Komtar, Bayan Mutiara, Sungai Nibong, Bukit Jambul & Paya Terubung	784.89	Perumahan & Komersial	Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC)
67	Barat Daya	Lot 73, Mukim 3	44,313.12	Pertanian	CMI
68	Barat Daya	PT 6562, Mukim 1	3,769.92	Tempat letak kereta dan landskap	CMI
69	Barat Daya	Lot 10317, Mukim 6	425,800.00	Pendidikan (AWLU)	CMI
70	Barat Daya	PT 6712, Mukim 12	882.5	Hab Pengangkutan Awam	CMI
71	Barat Daya	PT 6660, Mukim 12	1,056.75	Tempat Letak Kereta	CMI
72	Barat Daya	Petak A, Bersebelahan Lot 696 dan 802, Mukim C	24,281.16	Pusat Penternakan dan Pembenihan Tiram	CMI
73	Barat Daya	PT 6728, Mukim 12	8,093.72	Tokong dan tempat letak kereta	CMI
74	Barat Daya	Lot 10284, Mukim 9, DBD	15,787.00	Pendidikan (SRJKC Yang Cheng)	CMI
75	Barat Daya	PT 6664, Mukim 12	2,614.20	Tempat letak kenderaan dan penyimpanan barang	CMI
76	Barat Daya	PT 6733, Mukim 12	2,293.80	Tempat letak kenderaan	CMI

Bil.	Daerah	Lokasi	Keluasan (ekar)	Gunatanah	Hakmilik
77	Barat Daya	Lot 14820, Mukim 12	7.836 hektar	Muzium perang	SSI
78	Barat Daya	Bayan Baru, Batu Maung, Bayan Lepas, Permatang Damar Laut	148.12	Perumahan, Logistik & Pembesaran Airport	PDC
79	Seberang Perai Utara	Lot 10124, Mukim 2	9,671.00	Bangunan (Galeri Warisan Arkeologi Guar Kepah)	CMI
80	Seberang Perai Utara	PT 1226, Mukim 4	766,273.00	Zon Industri Akuakultur	CMI
81	Seberang Perai Utara	PT 1404, Mukim 4	768,684.00	Zon Industri Akuakultur	CMI
82	Seberang Perai Utara	PT 1405, Mukim 4	403,988.00	Zon Industri Akuakultur	CMI
83	Seberang Perai Utara	PT 483 – PT 490, Seksyen 3	8,094.00	Tapak RIBI	CMI
84	Seberang Perai Utara	PT 2401, Mukim 6	853	Tempat Meletak Kenderaan	CMI
85	Seberang Perai Utara	PT 161, Mukim 16	5,985.30	Gelanggang Badminton dan Kompleks Sukan	CMI
86	Seberang Perai Utara	PT 522, Seksyen 3	625	Tujuan Bengkel	CMI
87	Seberang Perai Utara	PT 1411, Mukim 4	41460	Zon Industri Akuakultur	CMI
88	Seberang Perai Utara	Lot 793-795, 877, 881, 884, 1065, 1067, 1129, 1705, 1706, 2440 & 2441, Mukim 1,	279,314.03	Pembangunan Perumahan	SSI
89	Seberang Perai Utara	PT. 536, Seksyen 3	40,080	Pembangunan Perumahan	SSI
90	Seberang Perai Utara	Lot 4424-4426 & Lot 5562 – 5566, Mukim 6	4,955.00	Pembangunan Kuarters Kerajaan untuk Pegawai-Pegawai PDT SPU	SSI
91	Seberang Perai Utara	PT 1175, Mukim 1, Kuala Muda	2,039.00	Pembangunan Sekolah Agama Rakyat	SSI
92	Seberang Perai Utara	Lot 6103, Seksyen 3	7,206.00	Kediaman dan tapak penjaja	SSI
93	Seberang Perai Utara	Lot 10120, Seksyen 3	3,709 hektar	Kediaman sahaja	SSI
94	Seberang Perai Utara	Lot 10121, Seksyen 3	808	Kediaman sahaja	SSI
95	Seberang Perai Utara	Bertam	4.29	Institusi	PDC
96	Seberang Perai Tengah	PT 12, Mukim 21	33,078.00	Akuakultur	CMI
97	Seberang Perai Tengah	PT 1225, Mukim 17	6,140.00	Tempat Meletak Kenderaan	CMI
98	Seberang Perai Tengah	PT 6404, Mukim 1	3	Papan Tanda	CMI
99	Seberang Perai Tengah	PT 453, Mukim 10	16,187.00	Pendidikan	CMI
100	Seberang Perai Tengah	Lot 31787, Mukim 15	2,257.00	Tempat Meletak Kenderaan Awam	CMI
101	Seberang Perai Tengah	PT 5031, Mukim 1	6,000.00	Tempat Meletak Kenderaan	CMI
102	Seberang Perai Tengah	PT 5032, Mukim 1	506	Stor Menyimpan Barang	CMI
103	Seberang Perai Tengah	Lot 10481, Mukim 2	3,418.00	Perniagaan	CMI

Bil.	Daerah	Lokasi	Keluasan (ekar)	Gunatanah	Hakmilik
104	Seberang Perai Tengah	Lot 10028, Mukim 12	1,152,000.00	Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM)	CMI
105	Seberang Perai Tengah	PT 5051, Mukim 1	687.9	Tempat Letak Kereta	CMI
106	Seberang Perai Tengah	PT 431, Mukim 4	1,335.47	Tempat Letak Kereta	CMI
107	Seberang Perai Tengah	PT 4021 – PT 4060, Mukim 14	8,903.08	Kediaman	CMI
108	Seberang Perai Tengah	Lot 635, Mukim 14	8,909.56	Perumahan (Tok Subuh)	CMI
109	Seberang Perai Tengah	PT 1222, Mukim 13	25.12	Menara telekomunikasi	SSI
110	Seberang Perai Tengah	PT 4518, Mukim 11	26	Menara telekomunikasi	SSI
111	Seberang Perai Tengah	PT 3689, Mukim 14	25	Menara telekomunikasi	SSI
112	Seberang Perai Tengah	PT BM/93/62, Mukim 12 (HSM:35)	6,449.67	Tempat perlindungan haiwan	SSI
113	Seberang Perai Tengah	PT BM/93/62, Mukim 12 (HSM:36)	6,449.67	Tempat perlindungan haiwan	SSI
114	Seberang Perai Tengah	PT BM/93/62, Mukim 12 (HSM:37)	9,484.80	Tempat perlindungan haiwan	SSI
115	Seberang Perai Tengah	Lot 311, Mukim 19	13.487	Tiada	SSI
116	Seberang Perai Tengah	Lot 498, Mukim 19	8.931	Tiada	SSI
117	Seberang Perai Tengah	Penang science Park North, Seb. Jaya, Perai, Bkt Tengah, Juru & Bkt Minyak	280.36	Perindustrian & Perumahan	PDC
118	Seberang Perai Selatan	PT 5262, Mukim 13	12,781.00	Pembangunan	CMI
119	Seberang Perai Selatan	PT 5263, Mukim 13	1,102.98	Pembangunan	CMI
120	Seberang Perai Selatan	PT 714, Mukim 10	7,535.15	Pertanian	CMI
121	Seberang Perai Selatan	PT 2195, Mukim 11	61,130.00	Rumah Kediaman	CMI
122	Seberang Perai Selatan	PT 2194, Mukim 11	35,410.00	Rumah Kediaman, Sekolah	CMI
123	Seberang Perai Selatan	Lot 680, Mukim 1	8,462.00	Kediaman	CMI
124	Seberang Perai Selatan	Lot 3167, Mukim 5	14,884.00	Perumahan (Taman Seruling Emas)	CMI
125	Seberang Perai Selatan	Lot 10198, Mukim 5	15,193.00	Perumahan (Taman Sungai Duri Permai)	CMI
126	Seberang Perai Selatan	Lot 680, Mukim 1	8,462.00	Perumahan (Kepala Gajah)	CMI
127	Seberang Perai Selatan	Bandar Cassia, East Batu Kawan, Penang Science Park South & Batu Kawan Industrail Park 2	4,398.47	Perindustrian & Pembangunan Bercampur	PDC



The BOR of Low Risk Bed dropped sharply. Acute Bed BOR in the state has continued to rise from the trough in late June. They had exceeded the previous peak even though more beds were added over last week. BOR of ICU has is close to 100% over the last 3 weeks.

1

ID35/04

1. Increase number of Covid-19 beds

Indicator	6/8	7/8	8/8	9/8	10/8	11/8	12/8
No. of beds (kadar penggunaan)	385/424 = 90.8%	388/424 = 91.5%	400/458 = 87.3%	433/486 = 89.1%	422/486 = 86.8%	476/486 = 97.9%	486/518 = 93.8%
No. of PKRC beds (kadar penggunaan)	1008 (28.5%)	1008 (32%)	1008 (33%)	1008 (32.4%)	1008 (31%)	1008 (35%)	1008 (37%)
No. of ICU beds (kadar penggunaan)	69 (99%)	69 (91%)	69 (96%)	69 (94%)	69 (100%)	69 (101%)	69 (101%)

No of new decanted (private) (Daily)

pts pending in ED >24hours (daily)

IPPT – Daycare patients from HKB

More plans
Decanting of non-Covid-19 patients out to private facilities to make more inpatient Covid-19 beds and reduce numbers of patients waiting in EDs.

Nombor of ICU beds still short of what is required – around 10% of total admission. HR issues. Ventilate outside ICUs.

- Full Covid – Hospital Kepala Batas. Hybrid Covid – Hospital Pulau Pinang, Hospital Bukit Mertajam. KIV other Hospitals too.
- Field ICU have been established in HKB. ATM Field ICU (12 Beds and 12 HDU) and Hybrid ICU (10) – Additional to 10 ICU beds in the main building. HPP – 37 ICU Beds.
- Modificatians have been made to allow hospital to increase capacity to house Covid-19 patients: OPD – 130 beds. Repurpose Non Covid wards are also in the pipe line
- KMP – To be converted to 100 bedded Pusat Rawatan Risiko Tinggi (PRRT) to manage Cat 3 & 4 patients
- Capacity of MEC has been ramped up to receive 20 Cat 3 patients – Will start on 16/8/2021

2

ID35/04

10. Penipuan secara maya di internet semakin serius.

(a) Senaraikan kes penipuan di internet seperti *phishing*, e-dagang, Macau *scam* dan sebagainya mengikut daerah dan jumlah kerugian sejak 2020.

(b) Nyatakan jumlah kes yang berjaya ditangkap dan dibawa ke mahkamah sejak 2020 sehingga kini.

(c) Terangkan usaha yang diambil oleh Kerajaan Negeri bagi membendung jenayah siber yang berleluasa?

JAWAPAN OLEH YAB. KETUA MENTERI:

10. (a) Statistik kes penipuan di internet seperti phishing, e-dagang, macau scam dan sebagainya mengikut daerah dan jumlah kerugian seperti di **LAMPIRAN A**.

(b) Jumlah kes yang berjaya ditangkap dan dibawa ke mahkamah sejak 2020 sehingga kini.

TAHUN	TANGKAPAN	TUDUH
2020 (Jan - Dis)	561 orang	236 kertas siasatan
2021 (Jan - Julai)	329 orang	88 kertas siasatan

(c) Usaha yang diambil oleh Kerajaan Negeri bagi membendung jenayah siber yang berleluasa adalah seperti berikut:-

(i) Melaksanakan kempen pencegahan bersasar melalui High Profile Policing ditempat-tempat tumpuan orang ramai di sekitar Pulau Pinang;

(ii) Menyiarkan maklumat dan risalah terkini kes-kes jenayah siber serta langkah pencegahan melalui laman media sosial. Maklumat dan nasihat terkini boleh diperolehi melalui laman facebook PDRM Pulau Pinang;

(iii) Memberi peringatan kepada orang ramai melalui media massa seperti wawancara dan temubual di Mutiara FM; dan

(iv) Mengadakan kempen kesedaran/risalah.

LAMPIRAN A

STATISTIK JENAYAH SIBER TAHUN 2020 / 2021 (JAN - JUL)

TAHUN 2020

BIL	DAERAH	MACAU SCAM				E-DAGANG				PARCEL/LOVE SCAM				PTW				PELABURAN				JUMLAH			
		KS	KERUGIAN	TANGKAPAN	PERTUDUHAN	KS	KERUGIAN	TANGKAPAN	PERTUDUHAN	KS	KERUGIAN	TANGKAPAN	PERTUDUHAN	KS	KERUGIAN	TANGKAPAN	PERTUDUHAN	KS	KERUGIAN	TANGKAPAN	PERTUDUHAN	KS	KERUGIAN	TANGKAPAN	PERTUDUHAN
1	TL	58	1,949,661.09	41	18	199	1,749,635.55	58	22	50	2,808,933.30	15	2	208	1,928,942.51	74	25	67	8,428,478.91	24	16	582	16865651.36	212	83
2	BD	49	3,178,737.64	15	7	120	402,708.60	21	9	26	197,425.00	5	1	107	1,211,287.82	25	16	25	956,462.13	11	8	327	5946621.19	77	41
3	SPU	32	2,023,767.54	21	10	78	549,240.09	24	8	24	531,873.00	9	2	70	646,574.03	21	14	35	3,447,989.62	13	7	239	7199444.28	88	41
4	SPT	16	880,062.58	24	5	85	770,844.66	29	15	26	1,353,564.05	11	3	81	1,592,528.22	26	16	21	1,944,499.58	18	9	229	6541499.09	108	48
5	SPS	18	386,050.00	20	7	43	302,619.80	21	6	7	334,789.00	4	1	54	443,116.59	19	5	16	507,728.83	12	4	138	1974304.22	76	23
JUMLAH		**173**	**8,418,278.85**	**121**	**47**	**525**	**3,775,048.70**	**153**	**60**	**133**	**5,226,584.35**	**44**	**9**	**520**	**5,822,449.17**	**165**	**76**	**164**	**15,285,159.07**	**78**	**44**	1515	38527520.14	561	236

TAHUN 2021 (JAN-JUL)

BIL	DAERAH	MACAU SCAM				E-DAGANG				PARCEL/LOVE SCAM				PTW				PELABURAN				JUMLAH			
		KS	KERUGIAN	TANGKAPAN	PERTUDUHAN	KS	KERUGIAN	TANGKAPAN	PERTUDUHAN	KS	KERUGIAN	TANGKAPAN	PERTUDUHAN	KS	KERUGIAN	TANGKAPAN	PERTUDUHAN	KS	KERUGIAN	TANGKAPAN	PERTUDUHAN	KS	KERUGIAN	TANGKAPAN	PERTUDUHAN
1	TL	237	4,496,327.68	15	8	187	1,094,413.00	6	1	34	745,730.04	4	1	105	999,194.73	40	6	109	13,750,610.22	56	25	672	21,086,275.67	121	41
2	BD	88	1,621,518.44	7	1	136	744,363.98	5	1	26	451,419.00	7	1	61	522,133.04	16	2	49	6,934,912.17	2	3	360	10,274,346.63	37	8
3	SPU	61	704,003.37	14	1	90	829,733.28	22	2	14	835,697.00	8	0	40	503,320.89	16	1	42	2,769,209.15	4	0	247	5,641,963.69	64	4
4	SPT	46	993,410.04	15	3	49	561,059.50	3	1	6	992,600.00	1	0	29	573,930.09	19	3	48	8,424,238.14	14	20	178	11,545,237.77	52	27
5	SPS	50	537,951.61	23	5	64	206,360.00	13	1	6	79,400.00	2	0	30	376,603.89	15	2	21	457,781.60	2	0	171	1,658,097.10	55	8
JUMLAH		**482**	**8,353,211.14**	**74**	**18**	**526**	**3,435,929.76**	**49**	**6**	**86**	**3,104,846.04**	**22**	**2**	**265**	**2,975,182.64**	**106**	**14**	**269**	**32,336,751.28**	**78**	**48**	**1628**	**50,205,920.86**	329	88

ID47/04

11. Masalah Pembakaran Terbuka.

(a) Senaraikan bilangan aduan yang diterima mengikut bulan, daerah serta tindakan penguatkuasaan yang telah diambil sejak 2020.

(b) Apakah status penggunaan *drone* untuk memantau serta penguatkuasaan pembakaran secara terbuka?

(c) Terangkan secara terperinci tentang masalah dan kekangan yang dihadapi oleh pihak berkuasa dalam usaha membendung pembakaran secara terbuka.

JAWAPAN OLEH YAB. KETUA MENTERI::

11. (a) Berikut adalah bilangan aduan yang diterima mengikut Pejabat Daerah dan Tanah berkaitan pembakaran terbuka daripada pihak Bomba :-

Perbandingan Perangkaan Kebakaran Terbuka JBPM Pulau Pinang Bagi Tahun 2020 Dan 2021

		JUMLAH PANGGILAN	
BIL.	DAERAH	2020	2021 (SEHINGGA 18 OGOS)
1	TIMUR LAUT	294	199
2	BARAT DAYA	197	108
3	SEBERANG PERAI UTARA	337	315
4	SEBERANG PERAI TENGAH	279	241
5	SEBERANG PERAI SELATAN	174	142
	JUMLAH	1281	1005

(b) Buat masa ini Jabatan Alam Sekitar (JAS) mempunyai 3 unit drone berteknologi tinggi yang lengkap dengan sensor haba. Ia digunakan secara aktif untuk tujuan penguatkuasaan dan pemantauan alam sekitar termasuk aktiviti pembakaran terbuka. Penggunaan drone ini digunakan untuk kerja-kerja pengintipan awal dan alat jejak bukti bagi kawasan yang sukar dimasuki termasuk hutan dan sebagainya. JAS Pulau Pinang akan menerima dua unit tambahan drone lagi akhir tahun ini bagi mengukuhkan aktiviti pemantauan dan penguatkuasaan alam sekitar.

(c) Pelbag cabaran yang dihadapi JAS dalam usaha membendung aktiviti pembakaran terbuka. Antaranya adalah seperti berikut:-

(i) JAS hadapi kekangan dari segi jumlah penguatkuasa yang terhad berbanding aduan yang diterima. Ini termasuklah beban untuk laksana penguatkuasaan ke atas industri serta projek-projek pembangunan meliputi aspek pencemaran udara, air dan buangan terjadual.

(ii) JAS menghadapi kekangan dari segi kenderaan yang terhad dan uzur dan ia tidak sepadan dengan bilangan pemandu. Sebanyak 12 unit kenderaan pelbagai jenis yang diguna secara bergilir-gilir dikalangan penguatkuasa dalam menguatkuasakan Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974. Oleh kerana ia digunakan secara intensif setiap hari termasuk di kawasan-kawasan yang sukar diakses, maka ia mempercepatkan lagi proses kerosakan berlaku (wear and tear).

(iii) Kejadian pembakaran terbuka melibatkan kawasan-kawasan kebun atau lereng bukit juga agak sukar diakses dan mungkin mengambil masa yang lama untuk dikenalpasti kedudukan sebenar.

(iv) Sebagaimana yang termaktub dalam Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Perwakilan Kuasa). (Penyiasatan Pembakaran Terbuka) 2000, perwakilan kuasa untuk siasatan pembakaran terbuka turut diberikan kepada Jabatan Bomba dan Penyelamat, Polis Diraja Malaysia, Jabatan Kesihatan, dan Pihak Berkuasa Tempatan (Majlis Perbandaran Seberang Perai dan Majlis Perbandaran Pulau Pinang). Walau bagaimanapun, oleh kerana kekangan tugas agensi-agensi lain, siasatan pembakaran terbuka selalunya akan dibuat oleh kakitangan JAS. Jabatan Kerajaan Tempatan juga ada mengeluarkan arahan kepada semua PBT melalui surat rujukan JKT.F.1300.5/1/1(28) bertarikh 31 Mac 2021 supaya siasatan Pembakaran Terbuka bagi kawasan kediaman dilaksanakan oleh pihak Berkuasa Tempatan, manakala lain-lain pembakaran terbuka melibatkan hutan, kawasan industri, tapak pelupusan dan lain-lain disiasat oleh Jabatan Alam Sekitar. Walau bagaimana pun, mana-mana siasatan yang tidak disiasat atau masih tidak selesai, akan disiasat oleh JAS.

(v) JAS menghadapi kesukaran untuk akses maklumat tanah dalam proses pembuktian ke mahkamah yang mengambil masa dan komitmen kerjasama dari agensi lain. Justeru itu, ada cadangan supaya JAS boleh mengakses carian tanah sebagaimana boleh akses maklumat kenderaan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) dalam konteks perkongsian informasi dan data.

(vi) JAS juga menghadapi kesukaran disebabkan sikap segelintir pengadu yang tidak memberi kerjasama sewajarnya dengan tidak memberi maklumat lengkap atau tepat seperti tiada nombor telefon, identiti palsu, lokasi tidak jelas dan spesifik, penyamaran, aduan kes lama, kes sabotaj jiran dan sebagainya.

(vii) Pemahaman undang-undang dikalangan masyarakat juga masih kurang dimana aduan pembakaran terbuka yang dibuat sebahagiannya dibenarkan dalam Perintah Kualiti Alam Sekeliling (Aktiviti Yang Diistiharkan) (Pembakaran Terbuka) 2003 seperti pembakaran minima untuk acara keagamaan.

(viii) Pembuangan sampah secara haram juga menyumbang kepada kejadian pembakaran terbuka kerana sampah mungkin sengaja dibakar, atau sampah mungkin terbakar sendiri apabila cuaca terlalu panas.

(ix) Bagi pembakaran sisa pertanian, walaupun ia boleh dibenarkan dalam keadaan tertentu, kaedah pelupusan yang lebih sesuai dan mesra alam juga boleh dikaji dan dicadangkan oleh agensi-agensi berkaitan.

12. Terangkan secara terperinci tentang status terkini pelaksanaan *Penang Free Wi-Fi*.

(a) Internet adalah keperluan asas khasnya bagi golongan peniaga serta PdPR, terangkan usaha Kerajaan Negeri dalam membantu rakyat untuk akses kepada perkhidmatan telekomunikasi.

(b) Apakah pandangan Kerajaan Negeri terhadap cadangan menyediakan data internet percuma kepada rakyat Pulau Pinang yang berpendapatan rendah?

JAWAPAN OLEH YAB. KETUA MENTERI:

12. *Penang Free Wi-Fi* (PFW) telah diperkenalkan pada tahun 2009 dengan 1,560 *Access Points* (APs) di 40 KADUN Negeri Pulau Pinang. Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri mengambil keputusan untuk menamatkan perkhidmatan ini pada 13 Februari 2019 kerana terdapat beberapa isu berbangkit berkaitan perkhidmatan PFW seperti tahap

bandwith dan liputan yang disediakan oleh pihak REDtone International Berhad (REDtone) adalah tidak memuaskan.

Selepas penamatan projek PFW tersebut, Kerajaan Negeri melalui PDC Telecomunication Services Sdn. Bhd. telah mengiklankan tender *Request For Proposal* (RFP) secara terbuka sebanyak dua (2) kali, namun pembida-pembida gagal untuk menepati kriteria-kriteria utama yang telah ditetapkan.

Sehubungan dengan itu, Kerajaan Negeri sedang merancang untuk melaksanakan projek *Smart Street Pole* di seluruh Negeri Pulau Pinang yang dilengkapi dengan komponen Wi-Fi percuma di kawasan tumpuan awam seperti di bangunan kerajaan, pasar awam dan hospital. Kerajaan Negeri percaya perkhidmatan Wi-Fi percuma perlu diteruskan dalam menyokong pembangunan kerajaan digital yang semakin pesat melalui pelaksanaan Penang Connectivity Master Plan (PCMP) di samping menuju ke arah teknologi 5G menjelang tahun 2022.

(a) Bagi keperluan perkhidmatan telekomunikasi di Negeri Pulau Pinang dapat diakses oleh seluruh rakyat di Pulau Pinang, Kerajaan Negeri telah merangka Pelan Kesalinghubungan Negeri Pulau Pinang atau Penang Connectivity Master Plan (PCMP) selaras dengan aspirasi negara melalui perancangan Jalinan Digital Negara (JENDELA) bersama-sama dengan sembilan (9) syarikat penyedia perkhidmatan telekomunikasi seperti Celcom Networks Sdn. Bhd., Maxis Broadband Sdn. Bhd., Digi Telecommunications Sdn. Bhd., UMobile Sdn. Bhd., Telekom Malaysia Berhad, TIME dotcom Berhad, YTL Communications Sdn. Bhd., Webe Digital Sdn. Bhd. dan Allo Technology Sdn. Bhd.

Strategi pelaksanaan PCMP ini merangkumi aspek pembangunan infrastruktur telekomunikasi, pengurusan tadbir urus yang lebih cekap dan peningkatan kesedaran awam terhadap pembangunan infrastruktur telekomunikasi 5G di Negeri Pulau Pinang. Bagi pengukuhan infrastruktur telekomunikasi di seluruh Negeri Pulau Pinang, Kerajaan Negeri turut menyediakan insentif memudah cara kepada syarikat telekomunikasi bagi merancakkan pembangunan jaringan telekomunikasi di Pulau Pinang. Melalui perancangan PCMP, Kerajaan Negeri telah menetapkan 20 Inisiatif Strategik bagi mencapai enam (6) Indeks Prestasi Utama (KPI) dalam usaha menaik taraf infrastruktur telekomunikasi ke arah 5G seperti berikut:

(i) 100% ketersediaan kelajuan gigabit di Georgetown dan kawasan berimpak tinggi di Pulau Pinang menjelang tahun 2023;

(ii) 50% premis di kawasan berimpak rendah tersedia dengan capaian sehingga 500Mbps menjelang tahun 2025;

(iii) Ketersediaan 100% rangkaian gentian fiber optik di sekolah, hospital, perpustakaan, balai polis dan pejabat pos menjelang tahun 2025;

(iv) Kelajuan purata jalur lebar mudah alih 50Mbps di 100% kawasan berpenduduk menjelang tahun 2025;

(v) Drop Call Rate (DCR) kurang daripada 3% dan Call Setup Successful Rate (CSSR) sama atau melebihi 95% di kawasan Green Connector di Pulau Pinang menjelang tahun 2023; dan

(vi) 90% jumlah aduan mengenai struktur telekomunikasi di Negeri Pulau Pinang dapat diselesaikan.

Berdasarkan statistik daripada Suruhanajaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC), Negeri Pulau Pinang telah mencapai kadar penembusan jalur lebar mudah alih yang memberangsangkan iaitu sebanyak 139.2% melebihi purata nasional 120.1% yang menjadikan Negeri Pulau Pinang sebagai negeri kedua terbaik di dalam Malaysia selepas Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

Bagi kadar penembusan jalur lebar talian tetap pula, Negeri Pulau Pinang telah mencatatkan sebanyak 47.0% yang juga melebihi purata nasional 39.0%.

Selaras dengan visi Penang2030, Kerajaan Negeri terus komited untuk memastikan penyediaan infrastruktur telekomunikasi yang mampan dan berkualiti tinggi bagi menampung keperluan norma baharu yang semakin mencabar ini. Di bawah perancangan strategik Penang Connectivity Master Plan (PCMP), Kerajaan Negeri telah menggariskan keperluan untuk menguatkuasakan pemasangan infrastruktur komunikasi talian tetap sebagai satu keperluan asas sama seperti bekalan elektrik dan air. Penguatkuasaan pemasangan infrastruktur komunikasi sebagai perkhidmatan asas ini diperuntukkan melalui Undang-Undang Kecil 25 dan 27 di bawah Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam 1984.

Sehubungan dengan itu, Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMK) pada 17 Disember 2020 telah memutuskan agar pihak pemaju kini diwajibkan untuk menyediakan infrastruktur telekomunikasi gentian optik di dalam mana-mana bangunan atau kawasan skim pemajuan baharu di seluruh Negeri Pulau Pinang. Dengan pengumuman dasar baharu ini, Negeri Pulau Pinang muncul sekali lagi menjadi perintis selaku negeri yang pertama di Malaysia yang mengiktiraf infrastruktur telekomunikasi jenis gentian optik sebagai utiliti ketiga, setaraf dengan bekalan elektrik dan air. MCMC akan berperanan sebagai agensi kawal selia dalam memastikan peraturan industri berdasarkan kuasa yang termaktub di dalam Akta Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (1998) dan Akta Komunikasi dan Multimedia (1998) dilaksanakan oleh pihak penyedia infrastruktur dan perkhidmatan.

Dengan penguatkuasaan pemasangan infrastruktur komunikasi, matlamat untuk menyediakan liputan internet bertaraf Gigabit yang pertama di Malaysia dapat dicapai sekali gus menjadi menjadi enabler utama dalam pelaksanaan teknologi capaian 5G di Negeri Pulau Pinang menjelang tahun 2022.

Setakat ini, di bawah inisiatif PCMP yang diperkenalkan pada tahun 2019 dengan sokongan Kerajaan Persekutuan melalui JENDELA, jaringan kesalinghubungan di Pulau Pinang telah menunjukkan peningkatan prestasi yang memberangsangkan. Bagi tempoh 2020 hingga 2021, sebanyak 79 struktur telekomunikasi baharu telah didirikan dan sebanyak 1,384 struktur telekomunikasi telah di naik taraf bagi menambah baik kualiti jaringan komunikasi mudah alih di Negeri Pulau Pinang. Prestasi liputan talian tetap juga telah meningkat dengan penambahan sebanyak 114,355 buah premis diliputi dengan jajaran gentian fiber optik bagi menampung keperluan jaringan komunikasi penduduk setempat.

(b) Kerajaan Negeri sememangnya menyokong inisiatif-inisiatif yang memberi manfaat kepada rakyat khususnya kepada golongan yang berpendapatan rendah. Melalui Program Jaringan Prihatin di bawah Belanjawan 2021 dan ditambahbaik di bawah Program Strategik Memperkasa Rakyat dan Ekonomi (PEMERKASA), kesemua penerima Bantuan Prihatin Rakyat (BPR) layak mendapatkan bantuan bagi perkhidmatan data internet atau pembelian peranti mudah alih melalui dua belas (12) syarikat telekomunikasi.

Antara pakej tambah nilai yang disediakan oleh pihak industri telekomunikasi dan penyiaran untuk kemudahan rakyat adalah seperti berikut:

(i) Penawaran Pakej Peranti RM1 Malaysia Prihatin bagi membolehkan semua rakyat Malaysia memiliki atau menaik taraf pelbagai peranti mudah alih yang menyokong 4G dan VoLTE, bermula dengan RM1;

(ii) Pemberian data harian sebanyak 1GB oleh Celcom, Digi, Maxis, U Mobile dan Telekom Malaysia secara percuma kepada semua pengguna perkhidmatan;

(iii) Pelaksanaan inisiatif *Learn From Home* (LFH) oleh syarikat YTL dalam menyokong sistem pendidikan;

(iv) Sokongan berterusan bagi pakej Jaringan Prihatin untuk golongan B40; dan

(v) Pemberian akses tontonan secara percuma beberapa saluran premium terpilih oleh syarikat penyiar swasta seperti Astro dan Unifi kepada pelanggan mereka.

Pakej-pakej yang ditawarkan ini dijangka memberi kemudahan dan manfaat kepada rakyat untuk menghadapi perubahan norma baharu dalam pendidikan, pekerjaan dan banyak lagi, di samping meringankan beban perbelanjaan para pengguna terutamanya golongan yang berpendapatan rendah.

13. Nyatakan jumlah bilangan pekerja di Pulau Pinang dan berapa ramaikah yang telah berdaftar dengan Sistem Insuran Pekerja (SIP)?

(a) Senaraikan berapa ramai pekerja yang telah memohon Elaun Mencari Pekerjaan PERKESO dan berapa yang berjaya permohonan?

(b) Sejauh manakah SIP dan Elaun Mencari Pekerjaan dapat membantu mereka yang hilang pekerjaan akibat daripada pandemik COVID-19?

JAWAPAN OLEH YAB. KETUA MENTERI::

13. Statistik PERKESO setakat 12 Ogos 2021 merekodkan jumlah bilangan pekerja yang berdaftar di negeri Pulau Pinang adalah 646,612 orang pekerja. Dari jumlah tersebut, sejumlah 632,222 orang merupakan pekerja yang telah berdaftar dengan Sistem Insurans Pekerjaan (SIP).

(a) Statistik permohonan tuntutan faedah SIP bagi negeri Pulau Pinang untuk tahun 2019, 2020 dan 2021;

		KESELURUHAN			PULAU PINANG		
SISTEM INSURANS PEKERJAAN	Tahun	2019	2020	2021	2019	2020	2021
	Permohonan	40,084	107,024	42,534	2,706	8,892	3,242
	Jumlah Lulus	36,083	86,339	30,565	2,517	7,485	2,370
	Jumlah Tolak	4,001	20,685	10,509	189	1,407	764
	Dalam Tindakan	0	0	1,460	0	0	108
	Keseluruhan Pembayaran (RM)	107.54 Juta	366.76 Juta	197.47 Juta	8.03 Juta	32.62 Juta	15.84 Juta

*Statistik sehingga 12 Ogos 2021.

(b) Akta Sistem Insurans Pekerjaan 2017 [Akta 800] telah dikuatkuasakan pada 1 Januari 2018. Tujuan Akta ini adalah untuk membantu Orang Berinsurans yang telah kehilangan pekerjaan.

(1) Bagi pekerja yang kehilangan pekerjaan, antara bantuan di bawah Sistem Insurans Pekerjaan (SIP) menawarkan dua jenis faedah iaitu faedah berbentuk kewangan dan faedah bantuan pencarian pekerjaan yang akan diberikan seperti berikut;

(i) Elaun Mencari Pekerjaan (EMP) iaitu menyediakan elaun mencari pekerjaan bagi tempoh 3 -6 bulan tertakluk kepada syarat kelayakan caruman. Jumlah Elaun Mencari Pekerjaan yang

dibayar adalah berdasarkan Gaji Bulanan Anggapan pada kadar seperti berikut;

(a) 80% pada bulan pertama;

(b) 50% pada bulan kedua;

(c) 40% pada bulan ketiga dan keempat;

(d) 30% pada bulan kelima dan keenam;

(ii) Elaun Bekerja Semula Awal (EBSA) di mana ianya adalah elaun yang dibayar kepada Orang Berinsurans yang kembali bekerja semula segera. Kadar bayaran elaun adalah sebanyak 25% daripada baki Elaun Mencari Pekerjaan (EMP) dan dibayar secara pukal;

(iii) Elaun Pendapatan Berkurangan (EPB), adalah elaun yang disediakan kepada Orang Berinsurans yang bekerja dengan lebih daripada satu majikan dan kehilangan pekerjaan dari salah satu majikan tersebut. Kadar dan tempoh bayaran adalah sama dengan Elaun Mencari Pekerjaan (EMP);

(iv) Orang Berinsurans yang menjalani latihan akan mendapat Elaun Latihan di antara RM10 hingga RM20 sehari selama 6 bulan;

(v) Fi Latihan dibayar kepada Penyedia Latihan yang berdaftar dengan jumlah maksimum sebanyak RM4,000.

(vi) Faedah bantuan pencarian pekerjaan untuk membantu Orang Berinsurans dapat kembali bekerja semula iaitu dengan sokongan secara individu oleh Pegawai Perkhidmatan Pekerjaan PERKESO kepada Orang Berinsurans

(2) Kerajaan amat prihatin dengan nasib pekerja yang kehilangan pekerjaan. Oleh itu peruntukan RM150 juta yang telah dibentangkan dalam belanjawan 2021 dianggarkan akan memanfaatkan kira-kira 130 ribu pekerja yang kehilangan pekerjaan. Program ini dikenali sebagai SIP PRIHATIN 1.0

(3) Inisiatif ini adalah melalui penambaikan bayaran Elaun Mencari Pekerjaan (EMP) dan tempohnya dilanjutkan 3 bulan lagi. Mulai tahun 2021, tempoh Elaun Mencari Pekerjaan (EMP) akan dilanjutkan selama tiga bulan dan kadar layak menuntut adalah 80% bagi bulan pertama, 50% bagi bulan kedua hingga bulan keenam dan seterusnya 30% bagi tiga bulan terakhir.

Selain itu, SIP juga menyediakan kaunseling kerjaya, Skills Profiling, penulisan resume, mock interview, latihan kemahiran bahasa dan penyampaian serta seminar pekerjaan bagi mereka yang telah kehilangan pekerjaan ini.

14. Terangkan secara terperinci tentang *exit-strategy* Kerajaan Negeri Pulau Pinang dalam usaha menangani krisis ekonomi dan kesihatan akibat daripada pandemik COVID-19.

(a) Nyatakan usaha Kerajaan Negeri untuk '*jump-start*' sektor ekonomi serta mengawal kadar inflasi yang membebankan rakyat.

(b) Setujukah kerajaan bahawa semua sektor ekonomi perlu dibuka agar pemulihan ekonomi dapat dijalankan?

JAWAPAN OLEH YAB. KETUA MENTERI:

14. Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah menubuhkan Jawatankuasa Penang Socio Economic Recovery Consultative Council (PSERCC) yang bertujuan untuk memulihkan ekonomi negeri yang terjejas akibat penularan pandemik COVID-19. Jawatankuasa ini

telah mengenal pasti isu ekonomi semasa, cabaran yang menghalang pertumbuhan ekonomi serta merangka dan melaksanakan strategi jangka pendek serta sederhana untuk pemulihan ekonomi Negeri Pulau Pinang.

Perincian tentang exit strategy Kerajaan Negeri dalam usaha menangani krisis ekonomi dan kesihatan akibat daripada pandemik COVID-19 ini adalah seperti di LAMPIRAN A.

(a) Kerajaan Negeri telah mengambil pelbagai usaha untuk 'jump start' sektor ekonomi dan mengawal kadar inflasi yang membebankan rakyat. Antara langkah utama yang diambil adalah dengan membantu golongan peniaga yang terjejas dengan memberikan bantuan kewangan secara 'one-off' dan penyediaan pinjaman tanpa faedah untuk membolehkan kelangsungan perniagaan mereka semasa dan pasca COVID-19. Bagi meringankan beban rakyat pula, pelbagai bantuan telah disediakan kepada golongan yang terkesan di bawah Pakej Bantuan Khas (Penang Lawan COVID-19) Fasa 1.0, 2.0, 2.1, 3.0 dan 3.1 berjumlah RM176.44 juta.

Kerajaan Negeri bersetuju bahawa adalah penting agar semua sektor ekonomi untuk dibuka agar pemulihan ekonomi dapat dijalankan berikutan pandemik ini. Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri mengambil langkah berhati-hati agar tindakan pembukaan sektor ekonomi ini tidak mengkompromi keselamatan dan kesihatan awam. Pembukaan sektor ekonomi ini akan dibuat selaras dengan panduan daripada Majlis Keselamatan Negara dan Kementerian Kesihatan Malaysia agar pembangunan ekonomi dan kesihatan rakyat adalah seiring tanpa menjejaskan mana-mana pihak.

LAMPIRAN A

PELAN TINDAKAN PEMULIHAN NEGERI PULAU PINANG

DI BAWAH JAWATANKUASA *PENANG SOCIO ECONOMIC RECOVERY CONSULTATIVE COUNCIL* (PSERCC)

Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah menubuhkan Jawatankuasa *Penang Socio Economic Recovery Consultative Council* (PSERCC) bagi membincangkan tindakan-tindakan yang boleh dilaksanakan untuk mengurangkan impak pandemik COVID-19 serta mengaktifkan kembali sektor ekonomi negeri yang terjejas akibat penularan pandemik COVID-19. Di bawah PSERCC, enam (6) Jawatankuasa Kerja telah ditubuhkan iaitu:

(a) Sektor Industri/SMI/SME/Peruncitan
(b) Sektor Pasaran Tenaga Kerja
(c) Sektor Perumahan
(d) Sektor Infrastuktur dan Pengangkutan
(e) Sektor Pelancongan
(f) Sektor Industri Makanan

PELAN TINDAKAN PEMULIHAN NEGERI PULAU PINANG

SEKTOR INDUSTRI/SMI/SME/PERUNCITAN

BIL.	PERKARA	BUTIRAN PELAKSANAAN
1	Cadangan memudahkan kelulusan *Special Relief Fund* (SRF)	*Special Relief Fund* (SRF) diluluskan tetapi perlu menunggu sokongan CGC untuk pelepasan dana. Kerajaan Negeri telah mengemukakan cadangan kepada Kementerian Kewangan untuk memohon proses permohonan dapat dipermudah dan pembayaran SRF dipercepatkan.
2	Cadangan mempercepatkan proses bayaran balik tuntutan GST	Kerajaan Negeri telah mengemukakan cadangan kepada Kementerian Kewangan untuk mempercepatkan proses bayaran balik tuntutan GST kepada syarikat-syarikat berkaitan
3	Cadangan pekerja asing turut dipertimbangkan dalam insentif subsidi upah	Pekerja asing tidak termasuk dalam insentif subsidi upah. Kerajaan Negeri telah mengemukakan cadangan kepada Kementerian Kewangan untuk mempertimbangkan cadangan insentif subsidi upah kepada pekerja asing.

BIL.	PERKARA	BUTIRAN PELAKSANAAN
4	Cadangan penambahan pelanjutan moratorium selama enam (6) bulan lagi	Moratorium penangguhan pembayaran pinjaman ditetapkan sehingga September 2020 sahaja. Kerajaan Negeri telah mengemukakan cadangan kepada Kementerian Kewangan untuk mempertimbangkan cadangan pelanjutan moratorium untuk tempoh enam (6) bulan berikutnya
5	Penambahbaikan ke atas isu sekatan terhadap *foreign key personnel* dan pasukan teknikal yang memasuki Malaysia serta kekeliruan akibat SOP yang kurang jelas yang melibatkan pelbagai agensi	Kerajaan Negeri telah mengemukakan cadangan kepada Majlis Keselamatan Negara, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) dan Jabatan Imigresen untuk mempertimbangkan pelaksanaan proses kelulusan dalam tempoh dua (2) minggu bagi kemasukan perniagaan atau Professional Visit Pass (PVP) dan diuruskan oleh satu (1) agensi pusat serta mempunyai tempat perhubungan dari mula hingga selesai permohonan.
6	Kelulusan pengambilan pekerja asing untuk sektor terpilih tidak termasuk pembuatan	Kerajaan Negeri telah mengemukakan cadangan kepada Kementerian Sumber Manusia untuk mempertimbangkan pengambilan pekerja asing bagi sektor pembuatan
7	Cadangan mewujudkan kempen jualan Pulau Pinang dan menggalakkan SME menggunakan platform digital	Kerajaan Negeri melalui Penang Halal International (PHI) telah melancarkan *"Penang EMall"* secara atas talian melalui platform e-dagang *"Shopee"* bagi membantu peniagaan mikro dan perusahaan sederhana kecil. Kempen ini telah berjaya membantu sejumlah 36,507 peniaga.
8	Meningkatkan kadar penyertaan PKS dalam perolehan kerajaan dan MNC	Kadar penyertaan PKS masih rendah dalam perolehan kerajaan dan MNC. InvestPenang telah menganjurkan Hari Pembekal *"Supplier's Day"* secara atas talian pada 1 Julai 2021 dengan kerjasama syarikat Lam Research Malaysia. Sejumlah 256 peserta dari syarikat-syarikat tempatan telah mengambil bahagian. Mengkaji cadangan untuk mempertimbangkan penetapan kuota khusus untuk syarikat tempatan dalam aktiviti perolehan (Jabatan Kerajaan Negeri / Persekutuan yang berkaitan). MNC pula mempertimbangkan untuk membuka perolehan bahan tidak langsung kepada PKS tempatan (FMM, FREPENCA) untuk mendorong perolehan tempatan.
9	Cadangan pelanjutan Skim Pinjaman Kelangsungan Perniagaan (PEKA) oleh PDC	Pada masa ini, Skim PEKA tidak akan dilanjutkan kerana peruntukan telah digunakan sepenuhnya. Kerajaan Negeri sedang mempertimbangkan untuk

BIL.	PERKARA	BUTIRAN PELAKSANAAN
		menyediakan pinjaman secara bersasar kepada penerima sektor yang memerlukan.
10	Cadangan supaya sektor pembuatan dikecualikan daripada ditutup sepenuhnya sekiranya PKP diperkenalkan semula	Kilang-kilang di Pulau Pinang mengamalkan pematuhan SOP keselamatan dan kebersihan dalaman yang ketat. Kerajaan Negeri telah mengemukakan cadangan kepada Majlis Keselamatan Negara dan MITI untuk mempertimbangkan sektor pembuatan dikecualikan untuk ditutup sepenuhnya sekiranya Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dilaksanakan semula.

PELAN TINDAKAN PEMULIHAN NEGERI PULAU PINANG

SEKTOR PASARAN TENAGA KERJA

BIL.	PERKARA	BUTIRAN PELAKSANAAN
1	Platform berkenaan maklumat dan statistik sektor pasaran tenaga kerja di Pulau Pinang	Satu sekretariat untuk mengumpulkan maklumat dan statistik sektor pasaran tenaga kerja telah ditubuhkan yang merangkumi Penang CAT Centre, Penang Skills Development Centre, Penang Institute, PERKESO, FREPENCA dan BPEN. Secretariat ini akan menyediakan maklumat dan statistik berkaitan situasi pasaran tenaga kerja di Pulau Pinang kepada YB EXCO Pembangunan Modal Insan.
2	Memperkasakan peranan Penang CAT Centre	Penang CAT Centre terus memainkan peranannya untuk meningkatkan pembangunan sumber manusia melalui kempen My Penang, My Workplace yang bertujuan untuk menarik bakat-bakat dari seluruh negara bagi memilih Pulau Pinang sebagai destinasi kerjaya. Di bawah kempen ini terdapat dua (2) siri webinar bertajuk *"Onwards & Upwards: Explore New Careers in Penang"* yang dihadiri oleh hampir 700 orang pencari kerja, lepasan graduan dan pelajar-pelajar institut pengajian tinggi di seluruh negara. Kempen ini dianjurkan oleh Penang CAT Centre dan disertai oleh syarikat-syarikat di Pulau Pinang seperti Micron, Clarivate, Keysight, ViTrox, Jabil, Pentamaster, Teleperformance dan ManpowerGroup.
3	Syarikat memainkan peranan dengan mendaftarkan pekerja yang bakal kehilangan kerja di	Individu kehilangan pekerjaan yang membuat permohonan untuk mendapatkan Skim Insurans Pekerja akan memperolehi ID MyFutureJobs secara

BIL.	PERKARA	BUTIRAN PELAKSANAAN
	sistem Penang CAT Centre/MyFutureJobs	automatik dan seorang *caseworker* akan ditugaskan untuk membantu setiap pencari kerja
4	Program peningkatkan kemahiran pekerja	Di bawah PenjanaKerjaya, majikan yang mengambil pekerja layak memohon subsidi agar pekerja tersebut menjalani latihan semula atau peningkatan kemahiran *(re-skilling & upskilling)* berdasarkan keperluan pekerjaan atau industri berkenaan, tertakluk kepada kadar antara RM4,000 hingga RM7,000. PSDC juga menawarkan pelbagai kursus-kursus jangka pendek dan seminar dalam bidang teknikal, soft skills dan IT yang boleh diambil oleh pekerja bagi meningkatkan kemahiran mereka.
5	Kajian untuk mengenal pasti pengangguran yang bakal berlaku dan puncanya serta meneliti dan menangani persaingan antara pekerja yang kehilangan kerja dan pencari kerja lepasan universiti	Penang Institute telah memulakan kajian tersebut dan dalam proses pengumpulan data. Kajian dijangka akan disiapkan pada akhir tahun 2021. Kos pelaksanaan kajian termasuk dalam permohonan peruntukan Penang Institute kepada Kerajaan Negeri bagi tahun 2021

PELAN TINDAKAN PEMULIHAN NEGERI PULAU PINANG

SEKTOR PERUMAHAN

BIL.	PERKARA	BUTIRAN PELAKSANAAN
1	Insentif kepada pembeli	a) Had siling maksima RMM diturunkan sebanyak 10 peratus bagi projek baru. b) Keluasan RMM ditingkatkan 50kps jika pemaju ingin mengekalkan harga maksima asal. c) Skor minima 70% Qlassic CIDB.
2	Insentif kepada pemaju	a) Pengurangan harga had siling hartanah pembelian warga asing bagi tempoh 1 tahun. b) Pengurangan Fi Kelulusan (State Consent Fees) sebanyak 50% secara menyeluruh bagi tempoh 1 tahun. c) Pengecualian levi pembelian warga asing bagi tempoh1 tahun. d) Penggunaan kuota RMM mengikut PBT. e) Nisbah Plot 1:4 pembinaan RMM. f) Pengurangan kos pembangunan bagi tempoh 1 tahun.

BIL.	PERKARA	BUTIRAN PELAKSANAAN
3	Insentif tambahan kepada pemaju serta kajian dan syor pengurangan kos pembangunan dan pematuhan	a) Pengurangan kadar sumbangan *in kind* pembukaan pasaran terbuka RMM 100 peratus kepada LPNPP. b) Pengecualian Pemeriksa Bebas bagi Laporan Kajian Lalu Lintas (TIA) dan Penyediaan Laporan Kajian Impak Sosial (SIA). c) Cadangan diskaun 50% dari 15% premium nilai tanah dikenakan dan pengiraan premium dipinda daripada nilai tanah kepada perbezaan nilai tanah. d) Cadangan pengiraan premium dipinda daripada nilai tanah kepada perbezaan nilai tanah.
4	Penyediaan Rumah Mampu Milik (RMM) melalui konsep sewa beli	Sebanyak 10 skim perumahan RMM telah siap dan sedia untuk ditawarkan, manakala dua (2) skim perumahan di peringkat pembinaan dan dua (2) skim perumahan lagi di peringkat perancangan.

PELAN TINDAKAN PEMULIHAN NEGERI PULAU PINANG

SEKTOR INFRASTUKTUR DAN PENGANGKUTAN

BIL.	PERKARA	BUTIRAN PELAKSANAAN
1	*Penang Connectivity Master Plan* (PCMP)	
	a) Projek Penaiktarafan Infrastruktur *Copper* Milik Telekom Malaysia (TM) kepada Fiber Optik di seluruh Negeri Pulau Pinang.	53% kawasan di seluruh Negeri Pulau Pinang telah dinaiktaraf kepada jajaran fiber optik Unifi sehingga bulan Jun 2021. Dijangka akan mencapai 100% fiberisation menjelang Jun 2022.
	b) Projek *Allo Nationwide Fiberisation Plan* (AFNP)	Sedang dalam proses pemasangan yang melibatkan 11,000 home premises di seluruh kawasan Seberang Jaya.
	c) Projek *Fiber Clip On Solution* (FTTL)	Pemasangan telah siap sepenuhnya melibatkan 8,711 premis rumah di seluruh Negeri Pulau Pinang sehingga Jun 2021.

BIL.	PERKARA	BUTIRAN PELAKSANAAN
	d) Projek *Smart Street Pole* di Negeri Pulau Pinang	Pelaksanaan projek masih di peringkat *Proof of Concept* (POC) oleh Syarikat Webe Digital Sdn Bhd dan Celcom Berhad.
2	Cadangan Pembinaan Pencawang Masuk Utama (PMU) 275 kV	Perbincangan TNB bersama JKPTG akan dibuat bagi membincangkan proses pemindahan 12 buah rumah transit. Perbincangan bersama Lembaga Perumahan Pulau Pinang juga akan dijalankan bagi memohon rumah PPRT bagi tujuan perpindahan penghuni rumah transit. TNB akan membincangkan perkara di atas bersama KeTSA bagi tujuan kelulusan untuk menanggung kos perpindahan secara keseluruhan seperti yang dimohon oleh MINDEF.
3	Ekonomi Digital	*Startups* - Meningkatkan penglibatan komuniti kejuruteraan/perisian melalui pendekatan *engagement*. Pembangunan program dan perkhidmatan untuk *Startups*. *Local Enterprise Development* - Meningkatkan penglibatan PKS. Membangunkan aliran urus niaga untuk syarikat ICT. Beralih dari pendedahan asas ke digitalisasi proses perniagaan untuk PKS mikro. Pelabur (*Investor*) - Menyediakan petunjuk selaras dengan matlamat Ekonomi Digital. Mengenal pasti peluang semasa yang sesuai untuk pelaburan digital.
4	Pembangunan Projek Lebuhraya *Northern Corridor Highway* (NCH)	NCIA dan LLM dalam tindakan untuk memuktamadkan *Statement of Needs* (SON) projek. Model pelaksanaan akan dikemukakan untuk kelulusan Jemaah Menteri. Cadangan jajaran hubungan dari Serdang ke Jambatan Kedua Pulau Pinang sepanjang 25.5km.

PELAN TINDAKAN PEMULIHAN NEGERI PULAU PINANG

SEKTOR PELANCONGAN

BIL.	PERKARA	BUTIRAN PELAKSANAAN
1	Program promosi dan rangsangan pasaran tempatan	a) Kempen taktikal merangkumi produksi video (*Experience it all in Penang, The other side of the Island, The opposite side of the Island, Penang through the lens* dan lain-lain), kempen *Penang Tour Packages* dan kempen *Penang Frontliners*. b) Kempen pengiklanan di *family mart retails, covered walkaways, giant cubes* dan laman web *Penang Travel Deals.* c) Kempen media dengan kerjasama Astro Radio. d) Promosi muslim-friendly dan halal melalui risalah. Risalah Jalan-Jalan Penang dan Muslim Travel Guide yang masih dalam peringkat penyediaan.
2	Kempen *Responsible Tourism*	Promosi melalui badan bas (*bus wrap*) perhentian bas bagi mewujudkan kesedaran masyarakat akan pelancongan bertanggungjawab.
3	Promosikan Pulau Pinang secara digital untuk mencapai sasaran pelancong lebih tinggi dan impak media sosial yang diinginkan	a) Promosi melalui kolaborasi dengan Penang Foodie, Penang Hidden Gems dan pengiklanan media sosial. Kempen akan dimulakan pada suatu masa yang akan ditetapkan kemudian. b) Pengiklanan digital dengan Sojern bagi mempromosikan *Jom! Experience Penang Campaign* telah diselesaikan. c) Pengiklanan atas talian melalui laman web rasmi *Going Places (Malaysia Airlines inflight magazine)* ditangguhkan sementara. d) Penambahbaikan laman web pelancongan mypenang.gov.my
4	Meningkatkan daya perbelanjaan dan menjana pendapatan untuk pemain industri tempatan	Tarikh permulaan kempen akan ditentukan setelah perjalanan merentas negeri dibenarkan semula. Kempen dengan kerjasama Shopee.

BIL.	PERKARA	BUTIRAN PELAKSANAAN
5	Kerjasama dengan penggiat-penggiat pelancongan untuk merangsang pelancongan domestik	Kolaborasi dengan Klook, Booking.com, Shopback dan AirAsia. Kempen telah diluluskan pada tahun 2020, namun telah ditangguhkan sehingga sektor pelancongan dapat beroperasi semula.
6	Mengekalkan penjenamaan Pulau Pinang di pasaran luar negara	a) Penglibatan dalam pameran perdagangan luar negara secara maya seperti *ITB Asia Virtual, Virtual Wedding Festival, Malaysia Meet 2021 - Istanbul, Moscow and Almaty, Travel Meet Asia Virtual* dan *ITB China.* b) Penglibatan dalam webminar secara atas talian seperti *New Zealand Travel Agents together with Malaysia Airlines, Online Cooking Class with Malaysia Airlines Australia and Travel Agents, Virtual Tour – The Habitat with Scandinavia Travel Agents* dan *Nordic Travel Agents together with Tourism Malaysia.*

PELAN TINDAKAN PEMULIHAN NEGERI PULAU PINANG

SEKTOR INDUSTRI MAKANAN

BIL.	PERKARA	BUTIRAN PELAKSANAAN
1	Pengkuatkuasaan Rumah Sembelih (Akta rumah sembelihan di bawah Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) Pulau Pinang adalah meliputi rumah sembelihan babi dan ruminan sahaja)	a) Sehingga kini, 5 buah rumah sembelihan babi telah dilesenkan dan 2 buah rumah sembelihan ruminan swasta dilesenkan serta 1 rumah sembelihan ruminan JPV. b) 5 buah rumah sembelihan babi tersebut terbahagi kepada 1 di SPS, 2 di SPU, 1 di DBD dan 1 di DTL manakala rumah sembelihan ruminan di DTL dan SPT. c) JPV telah menghantar notis kepada pemilik Rumah Sembelihan yang tidak berlesen untuk tidak beroperasi dan tindakan penguatkuasaan akan diambil ke atas aduan yang diterima oleh Jabatan.
2	Wabak penyakit *Lumpy Skin Disease* (LSD) pada ternakan lembu	a) Kertas MMK telah dibentangkan dan diluluskan pada 23 Julai 2021 dan pewartaan dalam peringkat proses dokumentasi. b) Permohonan peruntukan perolehan vaksin dengan anggaran RM72,000 setahun dipohon

BIL.	PERKARA	BUTIRAN PELAKSANAAN
		untuk tahun 2022. Bagi tahun 2021, perolehan vaksin menggunakan penjimatan daripada peruntukan tahun Jabatan semasa. c) Peruntukan wang ehsan/saguhati bagi ternakan yang diarahkan dilupus akibat penyakit dengan anggaran RM30,000 setahun. Sehingga 21 Ogos 2021, sebanyak 11 ekor lembu telah dilupuskan oleh pihak Jabatan. Tuntutan akan dikemukakan untuk mendapatkan wang ehsan/saguhati daripada Kerajaan Negeri.
3	Program Imunisasi Industri COVID-19 Kerjasama Awam-Swasta - Pusat Pemberian Vaksin Industri (PIKAS-PPVIN) (Permohonan telah dihantar oleh Persatuan Penternak dan Peladang Negeri Pulau Pinang)	a) Dalam pertimbangan program PIKAS-PPVIN awam di EQ kepada pekerja yang terlibat dalam rantaian bekalan makanan dalam sektor ternakan seramai 1,570 orang. b) Program pemvaksinan bagi pekerja yang terlibat dengan industri unggas turut dilaksanakan di bawah program Program Vaksinasi Barisan Sektor Ekonomi Pulau Pinang (PVac). c) Seramai 70 orang telah menerima suntikan dos pertama vaksin dan sedang menunggu suntikan dos kedua vaksin, manakala seramai 2,039 orang telah mendapat temujanji untuk suntikan dos pertama vaksin bermula pada 9 Ogos 2021. d) Status pelaksanaan program pemvaksinan telah diurus dan mencapai kadar 90%.
4	Masalah dalam pembekalan kepada usahawan (Pertubuhan Usahawan Industri Desa - kebanyakan kilang dalam pembuatan pembungkusan plastik tidak dapat dibuka menyebabkan masalah dalam pembekalan)	a) Bermula 1 Jun 2021, permohonan sokongan untuk pengoperasian penternak atau usahawan Industri Asas Ternakan (IATn) yang berdaftar dengan JPV dan mempunyai Sijil SSM perlu melalui Sistem CIMS 3.0 di mana pertimbangan dan kelulusan akan diberikan oleh pihak MAFI. b) Pihak JPV Pulau Pinang hanya akan mengeluarkan surat sokongan pengoperasian kepada penternak dan usahawan IATn yang berdaftar dengan pihak Jabatan, tidak mempunyai sijil SSM, merupakan penternak / pengusaha IATn kecil atau tergolong dalam kategori isi rumah B40 selaras dengan arahan daripada pihak MAFI. c) Ibu Pejabat Perkhidmatan Veterinar Putrajaya (IPPV) telah memberi taklimat pada 19 Ogos 2021 berkenaan perlaksanaan sistem eTernak kepada pegawai di semua negeri

BIL.	PERKARA	BUTIRAN PELAKSANAAN
		untuk menyelaraskan permohonan surat sokongan bagi pengoperasian di dalam tempoh COVID-19 kepada para penternak / pengusaha IATn.
5	Isu kenaikan harga makan ternakan susulan daripada kenaikan bekalan bahan mentah yang diimport	a) Perundingan dengan MPOB mengurangkan kapasiti eksport PKE yang merupakan sumber bahan mentah dalam negara. b) Insentif bekalan makanan dan bahan makanan tambahan kepada penternak terkesan. Pemberian Bantuan Makanan Ternakan & Penokok Diet (Supplement) Ternakan telah dilaksanakan melalui Pakej Bantuan Rakyat Pulau Pinang 2.0 berjumlah RM 200,001.50 dengan 988 orang penerima pada tahun 2020 dan melalui Pakej Bantuan Rakyat Pulau Pinang 3.1 melibatkan peruntukan sebanyak RM574,424,00 dengan 1,088 penerima pada tahun 2021. c) Cadangan kajian berterusan sumber bahan mentah alternatif yang tersedia dalam negara sebagai bahan mentah. d) Mempertimbangkan lebih banyak bantuan sokongan tanaman fodder untuk penternakan ruminan dan makanan alternatif bagi ternakan lain sebagai bekalan makanan utama untuk mengurangkan kebergantungan kepada makanan komersial/pallet melalui permohonan bantuan Jabatan.
6	Pelaksanaan Sistem Penternakan Moden mampu meningkatkan pengeluaran melalui peningkatan populasi ternakan dalam kapasiti ladang yang sama dengan lebih berkualiti dan mesra alam	Pelaksanaan merangkumi dua pendekatan seperti berikut: a) Pelaksanaan Enakmen Penternakan Babi yang bermula tahun 2020 dengan penguatkuasaan pelesenan ladang ternakan di atas kepatuhan syarat-syarat pelesenan yang telah ditetapkan. Sebanyak 147 ladang ternakan babi telah dilesenkan mengikut kriteria dan syarat yang telah ditetapkan dalam pelesenan. Verifikasi ladang babi sedang dilaksanakan bermula 2 Ogos 2021 dan seterusnya semua ladang babi perlu mengamalkan penternakan secara kandang tertutup sepenuhnya mulai tahun 2022. b) Enakmen Perladangan Unggas Negeri Pulau Pinang 2020 telah diwartakan pada 19 Oktober 2020 dan berkuatkuasa pada 1 Januari 2021 bagi memastikan ladang-ladang ternakan beroperasi mengikut keperluan dan

BIL.	PERKARA	BUTIRAN PELAKSANAAN
		mematuhi kehendak asas regulatori veterinar. Peraturan-Peraturan Pengawalan Perladangan Unggas dalam proses semakan undang-undang sebelum ianya diimplementasi dan dilaksanakan oleh pihak Jabatan.
7	Keselamatan Makanan *(Food Safety)*	a) Pengutkuasaan Akta Rumah Sembelih (Penswastaan 1993) – Pemeriksaan Ante / Post Mortem bagi memastikan prosedur pemeriksaan daging dipatuhi untuk menjamin keselamatan kepada pengguna. b) Penempatan Pegawai Pemeriksa Daging (Meat Inspector) – Kemasukan sebanyak 12 orang pegawai *(contract of service)* pada Mac 2021 untuk pemeriksaan daging di rumah sembelih swasta yang terlibat memastikan bekalan daging suci, sihat serta selamat untuk dimakan.
8	Penstrukturan Semula Kawasan Kekal Ternakan	Mewujudkan kawasan penternakan dirancang sebelum ini sebagai kawasan pembangunan industri penternakan di kawasan khas penternakan (dicadangkan seumpama ini dalam Deraf Rancangan Tempatan Seberang Perai 2030) sebagai kawasan pengeluaran ternakan berpusat dan kekal bagi jaminan pengeluaran hasil makanan dan keselamatan makanan *(food security).*
9	Projek *'Farmer to Farmer'*	a) Telah mendapat persetujuan penggunaan peruntukkan Pembangunan di bawah P01. Program dijangka akan dilaksanakan pada Ogos 2021. b) Terdapat 10 projek sebagai projek *"pilot"* merangkumi 8 projek fertigasi dan 2 projek Cendawan. c) Manakala projek Industri Asas Tani lebih kepada pembangunan berpusat iaitu menyediakan kemudahan pembungkusan berpusat (Penggunaan Mesin *Retort*).
10	Projek Pembangunan Pusat Agro Pelancongan Relau	Projek untuk dimohon melalui NCIA di bawah RMKe-12. Walau bagaimanapun, belum mendapat perakuan daripada pihak JPM. Dalam pertimbangan untuk pelaksanaan secara *"Request for Proposal".*

BIL.	PERKARA	BUTIRAN PELAKSANAAN
11	Isu pengeluaran dan penjualan buah-buahan	Jabatan Pertanian sedang dalam tindakan untuk menyediakan ruang pasaran kepada petani secara kerjasama dengan AEON.
12	Isu kenaikan harga bahan tanaman padi	a) Terdapat aduan dari petani di mana peningkatan dari segi kos seperti racun dan baja yang naik antara 20% hingga 40% berikutan pandemik COVID-19. b) Jabatan Pertanian telah mengadakan sesi hands-on kepada petani melalui penyediaan baja sendiri.
13	Isu harga sayur naik turun sepanjang PKP	Pemantauan dari Jabatan Pertanian mendapati penjualan sayur-sayuran masih terkawal dengan harga yang berpatutan. Petani lebih bijak dalam pengaturan penjualan sayuran.
14	Projek *'Farm to Farm'* - Projek ternakan keli	a) BQ untuk projek berkenaan telah disiapkan oleh Jabatan Perikanan dan telah diserahkan kepada BPEN. BPEN akan menjalankan proses sebutharga tersebut. b) Data Sistem Ternakan Air Tawar 2020: tangki air tawar – pengeluaran 56.33 mt dengan nilai RM498,891.60.
15	Projek TOL Kerang	a) Kajian telah dilaksanakan di daerah SPU dan di Beting Selatan. Pada masa ini, dalam proses untuk menyelesaikan kajian biomass di daerah SPT dan SPS. b) Sebanyak 13 Lot Penternakan Kerang di SPU akan dibuka. Iklan penyertaan peserta kebun kerang telah dikeluarkan pada 18 Ogos 2021. c) Data Sistem Kultur Laut (SKL) 2020: Kerang – pengeluaran 2,691.32 mt dengan nilai RM21,531,887.61
16	Lesen Sampan Khas Negeri Pulau Pinang	Permohonan oleh nelayan dari tahun 2018 hingga 2020. Kelulusan – 535 Lesen yang telah keluar - 326 KIV untuk siasatan semula – 38 Tidak disokong – 72 Tidak Hadir (Tidak hadir sewaktu program sukat sampan bagi tujuan pelesenan) – 51 Baki (Nama duplicate) – 48

BIL.	PERKARA	BUTIRAN PELAKSANAAN
		Data Perikanan Tangkapan 2020: Pendaratan untuk perikanan tangkapan yang meliputi kesemua zon (A, B, C, C2/C3) ialah sebanyak 56,848.53 mt dengan nilai RM513,426,731.71
17	Isu kesukaran menjual ternakan ikan sangkar a) PENKUA Persatuan Penternak Akuakultur Pulau Pinang – Ikan ternakan tidak dapat dieksport kerana isu permit bot Hong Kong dan harga ikan merosot disebabkan tiada pembeli b) Vaksinasi kepada pekerja asing sangkar ikan	a) Surat Kementerian Pengangkutan Malaysia bertarikh 15 Julai 2021 memaklumkan bahawa YB Menteri Pengangkutan telah memberi pengecualian dan membenarkan vesel ikan hidup Hong Kong memasuki perairan Malaysia dan tempoh pengecualian adalah pada 13 Julai sehingga 31 Disember 2022. b) Pihak Industri telah memohon kepada PIKAS untuk menyegerakan vaksin dalam industri makanan. c) Data Sistem Ternakan Air Payau 2020: Sangkar air payau - pengeluaran 18,684.35 mt dengan nilai RM427,685,546.52
18	Projek HUB Tuna di Jeti Batu Maung	a) Penang Development Corperation (PDC) tidak meluluskan permohonan Syarikat Abadi Utama Food Industries Sdn. Bhd. kerana bekas Restoran Jeti Batu Musang tersebut akan dirobohkan untuk tujuan pembangunan lain (Ecotourism dan Pembangunan Bercampur). b) Mesyuarat di antara pihak PDC bersama PPN Pulau Pinang telah diadakan pada 18 Ogos 2021 bagi membincangkan perkara ini dengan lebih lanjut. Satu penyelesaian terbaik akan dicapai setelah pembentangan lanjut oleh pemohon kelak. c) 93,898 tan metrik hasil perikanan yang dianggarkan bernilai RM1.16 bilion setahun. Terdapat 11 buah vesel tuna di Pulau Pinang. Pendaratan di Dermaga Dalam, Penang Port. Untuk tahun 2020, sebanyak 30 kali pendaratan telah dicatatkan iaitu melibatkan 11 vesel tempatan dan 2 vesel asing. Sebanyak 1,943,843.53 kg ikan tuna telah didaratkan di Penang Port yang membawa nilai USD7,775,374.12 atau RM31,196,496.48.
19	Industri Asas Tani (IAT) - *Retort Technology*	a) Bagi mempromosikan penggunaan teknologi retort dalam industri makanan, pengusaha IAT di Pulau Pinang digalakkan untuk menggunakan teknologi tersebut. Oleh itu, pada tahun 2021, sebanyak 2 projek yang

BIL.	PERKARA	BUTIRAN PELAKSANAAN
		menggunakan teknologi retort akan dilaksanakan. Projek tersebut akan diperluaskan lagi pada masa hadapan. b) Penggunaan *Easy Pack Retort* sebab mereka merupakan syarikat tempatan dan berada dalam Jawatankuasa Keselamatan Makanan yang melibatkan USM dan UITM. c) Mewujudkan komuniti *Retort,* untuk membantu usahawan terutamanya jika mempunyai automated sealer. d) Buat satu *Retort* machine dahulu untuk diletakkan di satu tempat dan dapat melatih dan memberi perkhidmatan kepada peniaga-peniaga). e) Pihak jabatan juga telah melaksanakan kajian penggunaan mesin *"retort"* kepada PKS Industri Asas Tani.

15. Senaraikan kehadiran Kerajaan Negeri dalam mesyuarat Majlis Keselamatan Negara (MKN) yang dipengerusikan oleh Perdana Menteri.

(a) Nyatakan keputusan-keputusan mesyuarat MKN yang melibatkan Kerajaan Negeri serta kesannya ke atas rakyat.

(b) Sejauh manakah peranan Kerajaan Negeri dalam usaha menangani kesan-kesan dan penularan pandemik COVID-19?

JAWAPAN OLEH YAB. KETUA MENTERI:

15. Senarai Kehadiran mesyuarat Majlis Keselamatan Negara (MKN):

Y.A.B. Perdana Menteri;

Y.A.B. Ketua Menteri/Menteri Besar;

YB. Jemaah Menteri

Urusetia Majlis Keselamatan Negara (MKN)

Sehingga 9 Ogos 2021, mesyuarat MKN yang dipengerusikan oleh Perdana Menteri telah bersidang sebanyak 113 kali. Sebagai makluman, Y.A.B. Ketua Menteri menghadiri setiap mesyuarat yang dijemput hadir. Namun demikian Y.A.B. Ketua Menteri hanya sekali tidak dapat hadir ekoran terikat dengan persidangan Dewan Rakyat di ibu negara.

(a) Semua pelaksanaan prosedur operasi standard (SOP) yang dilaksanakan di Negeri Pulau Pinang merupakan keputusan ditetapkan dalam mesyuarat MKN. Ini termasuk perkara-perkara berkait dengan Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK), Pelan Pemulihan Negara (PPN) dan lain-lain berkaitan.

Bagaimanapun, terdapat beberapa SOP dilaksanakan mengikut situasi Negeri Pulau Pinang yang mana perkara tersebut turut diketengahkan menjelang mesyuarat yang diadakan. Terbaru adalah berhubung ketetapan Kerajaan Negeri Pulau Pinang dalam memastikan pemilik aau kakitangan premis makanan mendapat sekurang-kurangnya satu dos vaksin demi kepentingan semua pihak. Selain itu, SOP pengoperasian bagi pasar-pasar juga ditetapkan mengikut situasi Negeri Pulau Pinang.

(b) Selain memastikan Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK) berada di landasan yang betul khasnya untuk memberikan perlindungan kepada rakyat, dan seterusnya membentuk kelompok imunisasi di negeri ini, Kerajaan Negeri sentiasa menyambut baik cadangan serta idea semua pihak dalam mengekang penularan pandemik COVID-19.

(c) Kerajaan Negeri sentiasa bekerjasama rapat dengan Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang (JKNPP) dalam memastikan pelan penyusunan kemudahan perubatan sentiasa bersiap siaga dalam berdepan peningkatan kes harian. Antaranya inisiatif terkini yang diambil adalah:

(i) Pertambahan katil untuk pesakit COVID-19 yang mana Kompleks Masyarakat Penyayang (KMP) bakal dijadikan sebagai usat Kuarantin dan Rawatan COVID-19 Berisiko Rendah (PKRC) dengan penempatan 100 buah katil bagi menempatkan pesakit Kategori 3 dan Kategori 4;

(ii) Jaminan pembekalan tangki oksigen yang mencukupi bagi keperluan pesakit, dan setiap isi rumah adalah digalakkan untuk memiliki ‘pulse oximeter’ yang dapat dibeli secara dalam talian dan juga farmasi-farmasi terdekat;

(iii) Menambah baik serta meningkatkan sistem pengesanan kontak bagi memastikan rantaian perebakan dapat diputuskan pada kadar sesegera mungkin;

(iv) Pautan khas https://forms.gle/1PSgwdPA5L32ugxy7 oleh Pusat Kesiapsiagaan dan Tindak Cepat Krisis (CPRC) JKNPP yang mana individu dengan keputusan positif COVID-19 boleh membuat laporan bagi tindakan pihak-pihak berkaitan;

(v) Pusat Penilaian COVID-19 (CAC) di Hotline 04 – 382 7143 / 04 – 3827142 beroperasi pada setiap hari dari jam 8 pagi hingga 10 malam bagi pemantauan kes-kes positif yang diletakkan di bawah pemantauan di rumah.

Selain penyusunan semula pelan kemudahan kesihatan negeri, pendekatan yang diputuskan adalah termasuk mewujudkan Pusat Kuarantin dan Rawatan COVID-19 Berisiko Rendah (PKRC) di lain-lain lokasi hasil usaha sama semua pihak termasuk pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan (NGO).

16. Terangkan secara terperinci tentang usaha Kerajaan Negeri dalam menangani kesesakan lalu lintas di persimpangan Jalan Alma - Jalan Rozhan dan Jalan Seladang.

(a) Apakah status terkini tentang cadangan untuk membina satu jalan untuk sambung Jalan Seladang terus kepada Jalan Alma?

(b) Nyatakan usaha jangka masa pendek dan panjang untuk mengurangkan kesesakan lalu lintas di persimpangan tersebut.

JAWAPAN OLEH YAB. KETUA MENTERI:

16. Pihak Jabatan Kerja Raya (JKR) Negeri Pulau Pinang telah menyiapkan reka bentuk bagi menyelesaikan masalah lalu lintas dengan mencadangkan satu (1) pembinaan jejambat yang merentangi persimpangan tersebut supaya aliran trafik menjadi lebih lancar dan cadangan ini telah disenaraikan di dalam Rancangan Negeri Pulau Pinang (RNPP) 2022.

(a) Status terkini tentang cadangan untuk membina satu (1) jalan untuk menyambungkan Jalan Seladang terus ke Jalan Alma telah ditangguhkan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang disebabkan oleh kos pengambilan balik tanah yang tinggi. Anggaran JKR bagi kos pembinaan adalah RM6 juta manakala kos pengambilan balik tanah adalah sebanyak RM12 juta.

7	Komuniti	016-4902904	**BALAI RAKYAT JALAN PETANI**	Timur Laut	Pulau Pinang	Dato Keramat	Jelutong	Program Kebuniti 2.0 (KOMUNITI)	15,000.00	Penyediaan Kemudahan, Peralatan dan Bahan bagi Projek Kebuniti	1	set	
			BILANGAN PESERTA 10							(Fertigasi Terbuka) dengan peralatan seperti set lengkap fertigasi (poliboq, media, baja infrastruktur ringkas & sls. pengairan)			

								JUMLAH KOMUNITI DAERAH TIMUR LAUT	105,000.00		7		
1	Komuniti		**TAMAN JAJAR**	Barat Daya	Pulau Pinang	Bayan Lepas	Balik Pulau	Program Kebuniti 2.0 (KOMUNITI)	50,000.00	Kerja-kerja Pembangunan Taman Pertanian	1	projek	
			BILANGAN PESERTA 10							Bandar			
2	Komuniti		**SURAU PAGAR BULOH**	Barat Daya	Pulau Pinang	Bayan Lepas	Balik Pulau	Program Kebuniti 2.0 (KOMUNITI)	50,000.00	Kerja-kerja Pembangunan Taman Pertanian	1	projek	
			BILANGAN PESERTA 10							Bandar			
3	Komuniti		**KOMUNITI TAMAN RAJAWALI**	Barat Daya	Pulau Pinang	Batu Maung	Bayan Baru	Program Kebuniti 2.0 (KOMUNITI)	50,000.00	Kerja-kerja Pembangunan Taman Pertanian	1	projek	
			BILANGAN PESERTA 10							Bandar			
4	Komuniti		**KOMUNITI PERMATANG TEPI, B.PULAU**	Barat Daya	Pulau Pinang	Pulau Betong	Balik Pulau	Program Kebuniti 2.0 (KOMUNITI)	15,000.00	Penyediaan Kemudahan, Peralatan dan Bahan bagi Projek Kebuniti	1	Set	
		730612-07-5035	WONG KEM BENG							(Fertigasi Terbuka) dengan peralatan seperti set lengkap fertigasi (poliberg, media, baja infrastruktur ringkas & sls. pengairan)			
		620730-07-5934	WONG CHOON YUENN										
		770420-07-6054	TAN BEE KOON										
		610728-07-5780	ANG SOO KEE										
		780506-08-5135	KU HENG SENG										
		910412-07-5715	NICHOLAS CHOO HSUEN HOW										
		770203-07-7187	LIM KOK CHIAW										
		870811-07-5209	OOI CHEE CHOON										
		731209-03-5565	GOH SENG HONG										
		421122-07-5349	WONG CHUN HOONG										
5	Komuniti		**KOMUNITI VISTARIA CONDO, SG. ARA**	Barat Daya	Pulau Pinang	Batu Maung	Bayan Baru	Program Kebuniti 2.0 (KOMUNITI)	15,000.00	Penyediaan Kemudahan, Peralatan dan Bahan bagi Projek Kebuniti	1	set	
		610508-08-5453	CHANDRA SEGAR A/L RAMA CHANDERAM							(Fertigasi Terbuka) dengan peralatan seperti set lengkap fertigasi (poliberg, media, baja infrastruktur ringkas & sls. pengairan)			
		901209-07-5563	MD. FAZIL BIN ITAM										
		870621-38-5187	SHREERAM A/L THIAGARAJA										
		781230-07-5361	TAN KEAN HUAT										
		570405-08-5709	VELAI THUM A/L SUPAIAH										
		811113-14-5732	VATSALA A/P PARIASAMY										
		770714-05-5930	WONG YI HUEY										
		610803-02-6075	SUKUMARAN SUBRAMANIAM										
		631127-07-5159	ING IOO HOW										

		460327-07-5117	SEOW AH KOO										
6	Komuniti		**PERMATANG DAMAR LAUT**	Barat Daya	Pulau Pinang	Batu Maung	Bayan Baru	Program Kebuniti 2.0 (KOMUNITI)	15,000.00	Penyediaan Kemudahan, Peralatan dan Bahan bagi Projek Kebuniti	1	set	
		620718-07-5087	CHOA AH HUA							(Fertigasi Terbuka) dengan peralatan seperti set lengkap fertigasi (poliberg, media, baja infrastruktur ringkas & sls. pengairan)			
		701027-07-5080	TAN PHAIK MEAY										
		750731-07-5580	TAN CHUAN SAR										
		570907-07-5559	TAN CHUAN HONG										
		670313-07-5169	TAN CHOO BAN										
		840711-07-5232	THONG FIK LI										
		600110-07-5257	TAN CHEW HOO										
		640610-07-5372	TAN PHAIK SOW										
		470105-07-5883	PANG KUN KONG										
		561122-08-6328	TANG KOK SWEE										
7	Komuniti		**TAMAN SRI NIBONG, BAYAN LEPAS**	Barat Daya	Pulau Pinang	Pantai Jerejak	Bayan Baru	Program Kebuniti 2.0 (KOMUNITI)					
		620828-5442	KONG SEOW YUEN						15,000.00	Penyediaan Kemudahan, Peralatan dan Bahan bagi Projek Kebuniti	1	set	
		840811-07-5199	LEE CHUN HENG							(Fertigasi Terbuka) dengan peralatan seperti set lengkap fertigasi (poliberg, media, baja infrastruktur ringkas & sls. pengairan)			
		880508-01-5893	SIOW EIK KWANG										
		570718-04-5813	CHONG YIT LIN										
		481012-7-5001	KIM FONG GOH										
		800914-07-5449	NG TET FOR										
		590707-07-5368	PON NYOK KIM										
		730510-08-5759	TEH CHOONG HEE										
		600307-07-5485	LOH LAY ENG										
		530113-01-5136	LAI MEI SING										
8	Komuniti		**SEK. KEB. BAYAN BARU**	Barat Daya	Pulau Pinang	Pantai Jerejak	Bayan Baru	Program Kebuniti 2.0 (KOMUNITI)					
		790301-07-5022	NOORHANIZA BINTI MUHAMAD						15,000.00	Penyediaan Kemudahan, Peralatan dan Bahan bagi Projek Kebuniti	1	set	
		800720-08-5818	ROSNANIYAH BINTI ZAKARIA							(Fertigasi Terbuka) dengan peralatan seperti set lengkap fertigasi (poliberg, media, baja infrastruktur ringkas & sls. pengairan)			
		880301-02-5401	SHALINI A/P MUNIRATNAM										
		900517-02-5758	NORATIKAH BINTI HALIMIN @ SOLEHIN										
		800714-03-5279	RAZMAN BIN ABDUL RASHID										
		770920-07-6393	MOHD FEROZ SHAH B. RAMBLI										
		880904-06-5556	UMI KALSUM BINTI ZAKARIA										
		631230-02-5420	HARTINI BINTI ABD HADI										
		851109-11-5096	ANAS SABRI BIN GHAZALI										
		881203-26-5379	MUHAMMAD SHOFI BIN ABDUL KADER										

9	Komuniti		**SEKOLAH PENDIDIKAN ISLAM KG. PERLIS**	Barat Daya	Pulau Pinang	Pulau Betong	Balik Pulau	Program Kebuniti 2.0 (KOMUNITI)	15,000.00	Penyediaan Kemudahan, Peralatan dan Bahan bagi Projek Kebuniti (Fertigasi Terbuka) dengan peralatan seperti set lengkap fertigasi (polibeg, media, baja infrastruktur ringkas & sis. pengairan)	1	set	
		680511-07-5576	ZAINI BINTI CHEEK										
		680529-07-5696	FARIDAH BINTI ISMAIL										
		711218-07-5736	HABIDAH BINTI ISHAK										
		680522-07-5514	HALIMAH BINTI ISMAIL										
		851006-07-5130	SITI SALWA BINTI MD. SAAD										
10	Komuniti		**KOMUNITI SUNGAI RUSA, BALIK PULAU**	Barat Daya	Pulau Pinang	Teluk Bahang	Balik Pulau	Program Kebuniti 2.0 (KOMUNITI)	15,000.00	Penyediaan Kemudahan, Peralatan dan Bahan bagi Projek Kebuniti (Fertigasi Terbuka) dengan peralatan seperti set lengkap fertigasi (polibeg, media, baja infrastruktur ringkas & sis. pengairan)	1	set	
		570619-07-5175	AB. RAHIM BIN ZAINAL										
			BILANGAN PESERTA 10										
11	Komuniti		**KOMUNITI TAMAN TITI HEIGHT, BALIK PULAU**	Barat Daya	Pulau Pinang	Pulau Betong	Balik Pulau	Program Kebuniti 2.0 (KOMUNITI)					
		731125-13-5031	MUHAMMAD ALWI NIP BIN ABDULLAH						15,000.00	Penyediaan Kemudahan, Peralatan dan Bahan bagi Projek Kebuniti (Fertigasi Terbuka) dengan peralatan seperti set lengkap fertigasi (polibeg, media, baja infrastruktur ringkas & sis. pengairan)	1	set	
		701230-07-5377	YUHEZRI BIN MOHD YUSUFF										
		710619-07-5585	HASLINA BINTI MAN										
		470907-07-5495	CHE RAH BINTI ISMAIL										
		720402-02-6135	HAMIDAH BINTI MOHAMAD										
		570222-07-5716	JAMILAH BINTI OTHMAN										
		541016-07-5059	SURIANI BINTI HUSSAIN										
		500822-07-5149	ZAINAB BINTI HUSSIN										
		521226-07-5059	KALSOM BINTI ATSHAD										
		680815-08-6294	HALIMAH BINTI MAT DIN										
12	Komuniti		**KAMPUNG SUNGAI NIBONG, GELUGOR**	Barat Daya	Pulau Pinang	Pantai Jerejak	Bayan Baru	Program Kebuniti 2.0 (KOMUNITI)					
		640626-02-5584	DIYANA LEE BINTI ABDULLAH						15,000.00	Penyediaan Kemudahan, Peralatan dan Bahan bagi Projek Kebuniti (Fertigasi Terbuka) dengan peralatan seperti set lengkap fertigasi (polibeg, media, baja infrastruktur ringkas & sis. pengairan)	1	set	
		810121-07-5050	KOAY GUEK SIM										
		791117-08-5576	NG SHU LIN										
		780929-07-5047	ALAGESAN AYARU										
13	Komuniti		**SURAU AN-NUR SUNGAI NIBONG**	Barat Daya	Pulau Pinang	Pantai Jerejak	Bayan Baru	Program Kebuniti 2.0 (KOMUNITI)	20,000.00	Penyediaan Kemudahan, Peralatan dan Bahan bagi Projek Kebuniti (Fertigasi Terbuka) dengan peralatan seperti set lengkap fertigasi (polibeg, media, baja infrastruktur ringkas & sis. pengairan)	1	set	
			BILANGAN PESERTA 10										
								JUMLAH KOMUNITI DAERAH BARAT DAYA	305,000.00		13		
								JUMLAH KESELURUHAN KOMUNITI	**908,000.00**				

		DAERAH SEBERANG PERAI UTARA	9,750.00		39	
		DAERAH SEBERANG PERAI TENGAH	41,750.00		167	
		DAERAH SEBERANG PERAI SELATAN	13,500.00		54	
JUMLAH INDIVIDU		**DAERAH TIMUR LAUT**	1,000.00		4	
		DAERAH BARAT DAYA	37,500.00		150	
		IBU PEJABAT	199,000.00		320	
		JUMLAH KESELURUHAN INDIVIDU	**302,500.00**		734	
		JUMLAH KESELURUHAN KEBUNITI 2.0	**1,210,500.00**			

RUMUSAN PELAKSANAAN PROGRAM PERTANIAN BANDAR / PENJAJA / KEBUNITI DARI TAHUN 2019 - 2021

Bil.	Tahun 2019			Tahun 2021						KEBUNITI 2.0									JUMLAH								
	Daerah	Bil. Projek	Bil. Peserta	Parlimen	Bil. Projek	Bil. Peserta	DUN	Bil. Projek	Bil. Peserta	Daerah	Bil. Projek	Bil. Peserta	Parlimen	Bil. Projek	Bil. Peserta	DUN	Bil. Projek	Bil. Peserta	Daerah	Bil. Projek	Bil. Peserta	Parlimen	Bil. Projek	Bil. Peserta	DUN	Bil. Projek	Bil. Peserta
1	Seberang Perai Utara	5	60	Kepala Batas	3	30	Penaga	2	20	Seberang Perai Utara	18	181	Kepala Batas	9	89	Penaga	6	59	Seberang Perai Utara	59	988	Kepala Batas	28	446	Penaga	13	211
2							Bertam	0	0							Bertam	1	10							Bertam	5	80
3							Pinang Tunggal	1	10							Pinang Tunggal	2	20							Pinang Tunggal	10	155
4				Tasek Gelugor	1	10	Permatang Berangan	0	0				Tasek Gelugor	8	82	Permatang Berangan	3	30				Tasek Gelugor	26	462	Permatang Berangan	12	175
5							Sungai Dua	1	10							Sungai Dua	4	42							Sungai Dua	10	187
6							Telok Ayer Tawar	0	0							Telok Ayer Tawar	1	10							Telok Ayer Tawar	4	100
7				Bagan	1	20	Sungai Puyu	0	0				Bagan	1	10	Sungai Puyu	0	0				Bagan	5	80	Sungai Puyu	0	0
8							Bagan Jermal	0	0							Bagan Jermal	1	10							Bagan Jermal	3	40
9							Bagan Dalam	1	20							Bagan Dalam	0	0							Bagan Dalam	2	40
10	Seberang Perai Tengah	10	172	Permatang Pauh	7	136	Seberang Jaya	3	36	Seberang Perai Tengah	7	73	Permatang Pauh	2	20	Seberang Jaya	0	0	Seberang Perai Tengah	48	946	Permatang Pauh	26	547	Seberang Jaya	8	196
11							Permatang Pasir	1	25							Permatang Pasir	2	20							Permatang Pasir	10	230
12							Penanti	3	75							Penanti	0	0							Penanti	8	141
13				Bukit Mertajam	2	11	Berapit	0	0				Bukit Mertajam	4	42	Berapit	0	0				Bukit Mertajam	16	278	Berapit	2	20
14							Machang Bubuk	2	11							Machang Bubuk	1	11							Machang Bubuk	8	132
15							Padang Lalang	0	0							Padang Lalang	3	31							Padang Lalang	6	126
16				Batu Kawan	2	40	Perai	1	25				Batu Kawan	1	11	Perai	0	0				Batu Kawan	9	196	Perai	2	55
17							Bukit Tengah	0	0							Bukit Tengah	1	11							Bukit Tengah	4	66
18							Bukit Tambun	1	15							Bukit Tambun	0	0							Bukit Tambun	3	75
19	Seberang Perai Selatan	9	130	Nibong Tebal	8	115	Jawi	4	45	Seberang Perai Selatan	6	62	Nibong Tebal	6	62	Jawi	4	41	Seberang Perai Selatan	40	785	Nibong Tebal	37	710	Jawi	13	236
20							Sungai Bakap	2	30							Sungai Bakap	1	11							Sungai Bakap	12	251
21							Sungai Acheh	2	40							Sungai Acheh	1	10							Sungai Acheh	12	223
22	Daerah Timur Laut	10	176	Bukit Bendera	3	41	Tanjong Bunga	0	0	Daerah Timur Laut	7	67	Bukit Bendera	2	20	Tanjong Bunga	2	20	Daerah Timur Laut	44	582	Bukit Bendera	10	131	Tanjong Bunga	5	55
23							Air Putih	1	1							Air Putih	0	0							Air Putih	3	36
24							Kebun Bunga	0	0							Kebun Bunga	0	0							Kebun Bunga	0	0
25							Pulau Tikus	2	40							Pulau Tikus	0	0							Pulau Tikus	2	40
26				Tanjong	1	25	Padang Kota	0	0				Tanjong	0	0	Padang Kota	0	0				Tanjong	4	40	Padang Kota	1	10
27							Pengkalan Kota	0	0							Pengkalan Kota	0	0							Pengkalan Kota	0	0
28							KOMTAR	1	25							KOMTAR	0	0							KOMTAR	3	30
29				Jelutong	3	60	Datok Keramat	2	35				Jelutong	2	17	Datok Keramat	2	17				Jelutong	10	131	Datok Keramat	7	87
30							Sungai Pinang	1	25							Sungai Pinang	0	0							Sungai Pinang	2	34
31							Batu Lanchang	0	0							Batu Lanchang	0	0							Batu Lanchang	1	10
32				Bukit Gelugor	2	35	Seri Delima	2	35				Bukit Gelugor	2	20	Seri Delima	1	10				Bukit Gelugor	13	160	Seri Delima	7	90
33							Air Itam	0	0							Air Itam	0	0							Air Itam	2	20
34							Paya Terubong	0	0							Paya Terubong	1	10							Paya Terubong	4	50
35				Bayan Baru	3	55	Batu Uban	0	0				Bayan Baru	8	74	Batu Uban	1	10				Bayan Baru	29	489	Batu Uban	7	120
36	Daerah Barat Daya	10	150				Pantai Jerejak	1	15	Daerah Barat Daya	13	119				Pantai Jerejak	4	34	Daerah Barat Daya	52	883				Pantai Jerejak	10	144
37							Batu Maung	2	40							Batu Maung	3	30							Batu Maung	12	225
38				Balik Pulau	8	130	Bayan Lepas	2	16				Balik Pulau	6	55	Bayan Lepas	2	20				Balik Pulau	30	514	Bayan Lepas	9	126
39							Pulau Betong	1	25							Pulau Betong	3	25							Pulau Betong	11	204
40							Telok Bahang	5	69							Telok Bahang	1	10							Telok Bahang	10	184
	Pelbagai	1	0				Pelbagai	1	0	Pelbagai	4	800	Pelbagai	4	800	Pelbagai	4	800							Pelbagai	9	1343
	JUMLAH	45	688		44	688		45	688	JUMLAH	51	502		51	502		55	1302		243	4184		243	4184		243	4184

19. Apakah status terkini tentang kajian pelaksanaan Persidangan DUN di atas talian atau secara maya?

(a) Nyatakan peruntukan-peruntukan di dalam Peraturan-Peraturan Majlis Mesyuarat DUN Pulau Pinang yang perlu dipinda agar persidangan secara atas talian dapat diadakan.

(b) Sila bagi *roadmap* untuk merealisasikan serta membolehkan persidangan DUN dijalankan secara maya.

JAWAPAN OLEH YAB. KETUA MENTERI:

19. Kerajaan Negeri Pulau Pinang melalui Penasihat Undang-Undang Negeri Pulau Pinang sedang mengkaji keperluan pindaan peruntukan-peruntukan Perlembagaan Negeri dan Peraturan-Peraturan Majlis Mesyuarat DUN Pulau Pinang bagi Pelaksanaan Persidangan Dewan Undangan Negeri melalui atas talian.

(a) Pejabat Penasihat Undang-Undang Negeri Pulau Pinang telah memutuskan untuk tidak meneruskan pindaan dalam masa yang terdekat ini memandangkan Parlimen dan Kerajaan Persekutuan tidak meneruskan cadangan untuk membentangkan pindaan Perlembagaan bagi membolehkan Persidangan Parlimen secara atas talian atau secara maya.

Perkara 19 Perlembagaan Negeri berhubung memanggil, memprorog dan membubarkan Dewan Undangan perlu dipinda terlebih dahulu sebelum pindaan kepada Peraturan-Peraturan Majlis Mesyuarat DUN Pulau Pinang.

"19.(1) Yang di-Pertua Negeri hendaklah memanggil Dewan Undangan dari semasa ke semasa dan tidak boleh membiarkan enam (6) bulan berlalu antara persidangan yang akhir dalam satu (1) penggal dengan tarikh yang ditetapkan untuk persidangan pertamanya dalam penggal yang kemudiannya."

Frasa 'memanggil' pada Perkara 19 Perlembagaan Negeri membawa maksud hendaklah hadir secara fizikal.

(b) Pindaan Perlembagaan Negeri dan Peraturan-Peraturan Majlis Mesyuarat DUN Pulau Pinang memerlukan kajian yang teliti bagi memastikan Persidangan Dewan Undangan Negeri melalui atas talian adalah selaras dengan peruntukan undang-undang.

Setelah kajian dilaksanakan, cadangan pindaan Perlembagaan Negeri hendaklah dibentangkan kepada Jawatankuasa Perlembagaan Negeri yang dipengerusikan oleh Y.A.B. Ketua Menteri sebelum Rang Undang-Undang pindaan dibentangkan dalam Dewan Undangan Negeri.

Bagi pindaan Peraturan-Peraturan Majlis Mesyuarat DUN Pulau Pinang pula perlu dibentangkan kepada Jawatankuasa Peraturan-Peraturan Mesyuarat yang dipengerusikan oleh Yang di-Pertua Dewan. Setelah dipersetujui, pindaan akan dibentangkan dalam Dewan Undangan Negeri.

20. Senaraikan nisbah polis dengan masyarakat mengikut balai polis di seluruh Negeri Pulau Pinang.

(a) Apakah status terkini dan masalah yang dihadapi berkenaan dengan cadangan untuk menambah satu balai polis di Alma yang mempunyai kepadatan penduduk yang tinggi?

(b) Apakah status terkini tentang cadangan menaik taraf Gred C Balai Polis Machang Bubuk kepada Gred A?

JAWAPAN OLEH YAB. KETUA MENTERI:

20. Nisbah polis dengan masyarakat mengikut balai polis adalah:-

BALAI	NISBAH KEKUATAN POLIS DENGAN PENDUDUK
BALAI BUKIT MERTAJAM	1 : 697
BALAI BUKIT TENGAH	1 : 2255
BALAI SEBERANG JAYA	1 : 1255
BALAI PERAI	1 : 1183
BALAI KUBANG SEMANG	1 : 1303
BALAI MACHANG BUBOK	1 : 1988

(a) Sehingga kini IPD SPT tidak pernah membuat permohonan atau cadangan untuk menambah balai polis di Alma.

(b) Begitu juga tiada cadangan dikemukakan untuk menaik taraf Balai Polis Machang Bubok sehingga kini.

21. Jalur lebar merupakan keperluan utiliti untuk rakyat.

(a) Sejauh manakah keberkesanan pemasangan kabel fiber *Clip On Solution* dilaksanakan?

(b) Senaraikan jumlah bilangan rumah di kampung dan taman perumahan yang lama telah berjaya fiberisation mengikut KADUN.

(c) Terangkan status terkini tentang pelaksanaan *Allo Nationwide Fiberisation Plan* (ANFP) di seluruh negeri serta keberkesanannya.

JAWAPAN OLEH YAB. KETUA MENTERI:

21. (a) Pemasangan kabel gentian optik secara Clip On Solution di Negeri Pulau Pinang adalah terbukti dapat membantu mempercepatkan pemasangan kabel gentian optik dalam tempoh yang lebih singkat dan pada kos yang lebih murah. Selain itu, faktor utama Kerajaan Negeri memperkenalkan pemasangan kabel fiber Clip On Solution ini adalah untuk menyokong kepesatan pembangunan di Negeri Pulau Pinang yang memerlukan penyediaan infrastruktur telekomunikasi yang cepat dan mudah bagi memenuhi pemintaan serta keperluan komersial. Dalam masa yang sama, penembusan jalur lebar tetap di kawasan-kawasan yang sensitif seperti kawasan brown field dan Tapak Warisan Dunia UNESCO juga adalah sangat sesuai dengan pelaksanaan pemasangan kabel fiber Clip On Solution berbanding dengan kaedah pemasangan kabel fiber secara konvensional. Sehingga Julai 2021, pemasangan projek Clip On Solution ini telah memberi manfaat internet berkelajuan tinggi 1Gbps kepada 8,710 unit rumah (home pass) sepanjang 100km seperti di LAMPIRAN A.

(b) Kerajaan Negeri tidak mempunyai maklumat berkaitan bilangan rumah di kampung dan taman perumahan lama yang diliputi jajaran fiber optik. Walau bagaimanapun, setakat ini sebanyak 388,244 home pass telah berjaya diliputi dengan jajaran fiber optik di seluruh Negeri Pulau Pinang seperti di Lampiran B.

(c) Projek Allo Nationwide Fiberisation Plan (ANFP) di Negeri Pulau Pinang diterajui oleh Syarikat Allo Technology Sdn. Bhd. (Allo) iaitu syarikat subsidiari kepada Tenaga Nasional Berhad (TNB). Pelaksanaan projek ANFP ini merupakan kaedah fiberisasi terbaharu yang menggunakan konsep pemasangan kabel fiber optik dari satu tiang ke satu tiang yang lain untuk dihubungkan terus ke rumah pelanggan dengan kapasiti internet berkelajuan 1Gbps bagi setiap pengguna.

Jawatankuasa Pemandu Infrastruktur Telekomunikasi Negeri Pulau Pinang pada 26 Februari 2021 telah bersetuju bahawa projek ANFP akan dilaksanakan secara Proof of Concept (POC) di beberapa kawasan underserved dengan melibatkan sebanyak 28,000 home pass.

Pihak Allo telah siap membuat pemasangan (Ready For Service) bagi projek ANFP di 1,024 home pass di kawasan Seberang Jaya melibatkan kawasan Rumah Pangsa Lorong Tuna, Lengkok Tenggiri dan Rumah Pangsa Kerajaan Negeri Seberang Jaya. Buat masa ini, pihak Allo sedang dalam pelaksanaan untuk menyiapkan baki 17,576 buah home pass di kawasan Seberang Jaya, Penanti, Jelutong, Balik Pulau dan Batu Maung.

LAMPIRAN A

SENARAI JUMLAH BILANGAN *HOME PASS* (HP) PEMASANGAN KABEL FIBER *CLIP ON SOLUTION* MENGIKUT KAWASAN ADUN DI SELURUH NEGERI PULAU PINANG

BIL.	KADUN	NAMA LOKASI	BILANGAN *HOME PASS* (HP)
1	Batu Lancang	Perumahan Kerajaan Jalan Masjid Negeri	24
2		Symphony Park	132
3	Bukit Tengah	Taman Bayu Mutiara	448
4	Tanjong Bunga	Taman Sri Setia	236
5		Taman Tanjung Bungah	1552
6		Taman Lembah Permai	562
7		Taman Chee Seng	240
8	Batu Maung	Taman Tunas Muda	216
9		Arena Curve	206
10	Bayan Lepas	Ideal Haus	117
11		Dua Villas	135
12		Sathu Terrace	182
13		Golden Triangle Condominium	170
14	Batu Maung	Taman Desa Mayang	295
15		Sunway Tunas	792
16	Seri Delima	Taman Island Glades	1860
17	Pantai Jerejak	Taman Sri Nibong	839
18		Taman Melati Jaya	158
19	Batu Uban	Halaman Bukit Gambir	275
20		Minden Residences 1	79
21		Kampung Dua Bukit	54
22		Batu Uban, Sungai Dua	110
23		Kuarters JKR Batu Uban	28
JUMLAH			**8,710**

LAMPIRAN B

SENARAI BILANGAN *HOME PASS* DI KAMPUNG DAN TAMAN PERUMAHAN LAMA YANG DILIPUTI JAJARAN FIBER OPTIK MENGIKUT KADUN DI NEGERI PULAU PINANG SEHINGGA BULAN JULAI 2021

BIL.	KADUN	BILANGAN *HOME PASS* (HP)		
		TM	TIME	MAXIS
1	N.01 - Penaga	2,000	-	250
2	N.02 - Bertam	6,000	-	-
3	N.03 - Pinang Tunggal	8,000	-	570
4	N.04 - Permatang Berangan	4,000	-	-
5	N.05 - Sungai Dua	4,000	-	-
6	N.06 - Telok Ayer Tawar	2,000	-	-
7	N.07 - Sungai Puyu	2,000	-	-
8	N.08 - Bagan Jermal	2,000	407	-
9	N.09 - Bagan Dalam	12,000	1,760	-
10	N.10 - Seberang Jaya	13,000	2,647	-
11	N.11 - Permatang Pasir	1,000	105	-
12	N.12 - Penanti	2,000	-	-
13	N.13 - Berapit	14,000	-	-
14	N.14 - Machang Bubuk	8,000	144	-
15	N.15 - Padang Lalang	8,000	-	-
16	N.16 - Perai	1,000	-	-
17	N.17 - Bukit Tengah	12,000	3,714	-
18	N.18 - Bukit Tambun	24,000	3,722	-
19	N.19 - Jawi	10,000	-	-
20	N.20 - Sungai Bakap	4,000	575	288
21	N.21 - Sungai Acheh	2,000	-	-

22	N.22 - Tanjong Bunga	8,000	18,504	185
23	N.23 - Air Puteh	900	612	-
24	N.24 - Kebun Bunga	1,000	8,712	-
25	N.25 - Pulau Tikus	1,000	822	1,121
26	N.26 - Padang Kota	300	3,034	-
27	N.27 - Pengkalan Kota	400	5,697	-
28	N.28 - Komtar	8,000	10,371	-
29	N.29 - Datok Keramat	700	2,309	-
30	N.30 - Sungai Pinang	1,000	11,495	-
31	N.31 - Batu Lancang	2,000	4,883	-
32	N.32 - Seri Delima	8,000	9,596	-
33	N.33 - Air Itam	6,000	2,950	-
34	N.34 - Paya Terubong	1,000	20,255	-
35	N.35 - Batu Uban	1,000	22,277	-
36	N.36 - Pantai Jerejak	900	12,082	-
37	N.37 - Batu Maung	2,000	6,915	51
38	N.38 - Bayan Lepas	24,000	20,467	-
39	N.39 - Pulau Betong	4,000	-	-
40	N.40 - Telok Bahang	500	24	-
JUMLAH		**211,700**	**174,079**	**2,465**
		388,244		

22. Terangkan secara terperinci tentang cadangan pembinaan sebuah sekolah SJKC Lim Chong Eu di Alma.

(a) Apakah perkembangan terkini berkenaan dengan perbincangan pihak Kerajaan Negeri dengan pemaju yang ingin menderma sebidang tanah untuk tujuan pembinaan sekolah?

(b) Senaraikan tanah-tanah rezab yang bertujuan untuk pembinaan sekolah mengikut lokasi, daerah dan keluasan.

JAWAPAN OLEH YAB. KETUA MENTERI:

22. Mesyuarat Jemaah Menteri pada 11 Julai 2018 telah bersetuju dengan pembinaan sebuah Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) yang baharu di Negeri Pulau Pinang. Seterusnya, Kerajaan Negeri telah dimaklumkan tentang keputusan ini oleh Pejabat Timbalan Menteri Pendidikan melalui surat bertarikh 10 Januari 2020 dan juga cadangan nama SJKC Tun Lim Chong Eu bagi sekolah tersebut. Pihak Kerajaan Negeri diminta untuk membuat kajian dan memberi cadangan tapak yang sesuai bagi pembinaan sekolah.

Berikutan itu, Kerajaan Negeri dengan serta-mertanya membuat pengumuman untuk mengalu-alukan cadangan tapak bagi sekolah tersebut. Sebuah syarikat pemaju telah menawarkan sebidang tanah dengan keluasan empat (4) ekar yang terletak di kawasan Alma, Machang Bubuk. Tapak yang dicadangkan adalah strategik kerana terletak berhampiran dengan empat (4) buah SJKC yang mempunyai bilangan kemasukan pelajar yang tinggi. Pada masa yang sama, sebuah lagi syarikat pemaju telah menawarkan sebidang tanah dengan keluasan 5.16 ekar untuk tujuan pembinaan sekolah tersebut.

(a) Kedua-dua syarikat pemaju yang telah menawarkan tapak untuk pembinaan sekolah kini sedang dalam proses mengubah pelan pembangunan dan proses pemindahan hak milik tanah kepada Kerajaan Negeri akan dilaksanakan kemudian. Kerajaan Negeri akan membuat keputusan tentang tapak bagi SJKC Tun Lim Chong Eu setelah hak milik tanah dipindahkan kepada Kerajaan Negeri.

Secara asasnya, dalam setiap projek pembangunan yang mana terdapat tanah yang diperuntukkan bagi tujuan pembinaan sekolah, Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang perlu memohon untuk mewartakan tapak tersebut bagi tujuan sekolah yang mana tanah ini akan berada di bawah kawalan Pesuruhjaya Tanah Persekutuan. Sekiranya tidak dimohon untuk tujuan pewartaan tesebut, maka tanah tersebut akan kekal sebagai tanah kerajaan, namun ia masih lagi di bawah rekod Pelan Kebenaran Merancang yang telah diluluskan yang telah ditetapkan bagi tujuan rizab sekolah. Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri tidak mempunyai senarai tanah-tanah rizab yang bertujuan untuk pembinaan sekolah.

23. Senaraikan bilangan pemberhentian pekerja mengikut bulan sejak tahun 2020 sehingga kini.

(a) Senaraikan pelabur-pelabur baru yang datang ke Pulau Pinang sejak tahun 2020 dan bilangan peluang pekerjaan yang dicipta.

(b) Nyatakan usaha Kerajaan Negeri dalam menarik pelaburan domestik (DDI) serta senaraikan nilai DDI mengikut nama syarikat dan peluang pekerjaan yang dicipta.

JAWAPAN OLEH YAB. KETUA MENTERI:

23. Berdasarkan rekod Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO), jumlah pekerja yang diberhentikan dari Januari 2020 sehingga 13 Ogos 2021 adalah seramai 13,038 orang dengan pecahan mengikut bulan seperti Jadual 1 di bawah:

Jadual 1: Bilangan pemberhentian pekerja di Pulau Pinang, tahun 2020 dan sehingga 13 Ogos 2021

Bulan	**Pemberhentian Pekerja**
Januari 2020	415
Februari 2020	250
Mac 2020	418
April 2020	384
Mei 2020	906
Jun 2020	2,745
Julai 2020	2,309
Ogos 2020	1,182
September 2020	506
Oktober 2020	452
November 2020	537
Disember 2020	361
JUMLAH 2020	10,465
Januari 2021	474
Februari 2021	327
Mac 2021	374
April 2021	476
Mei 2021	228
Jun 2021	280
Julai 2021	269
Sehingga 13 Ogos 2021	145
JUMLAH 2021	2,573
JUMLAH KESELURUHAN	13,038

Sumber: PERKESO (13 Ogos 2021)

(a) Berdasarkan rekod Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA), pelabur-pelabur baharu yang masuk ke Pulau Pinang sejak tahun 2020 dan bilangan peluang pekerjaan yang dicipta adalah seperti Jadual 2 di bawah:

Jadual 2: Kemasukan pelaburan baharu ke Pulau Pinang dan bilangan peluang pekerjaan yang dicipta sejak tahun 2020

Nama syarikat	Peluang pekerjaan diwujudkan
Lam Research	600
Bosch	400
Dexcom	N/A
UCT	650
Simmtech (Sustio)	1,200

Sumber: MIDA dan syarikat masing-masing (2021)

(b) Untuk menarik pelaburan domestik (DDI), Kerajaan Negeri melalui Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) telah membangunkan taman-taman perindustrian yang dilengkapi dengan kemudahan infrastruktur. Tanah di taman-taman perindustrian ini dijual kepada syarikat tempatan pada harga yang bersubsidi untuk menggalakkan pelaburan dan mewujudkan peluang pekerjaan kepada rakyat. Kawalan penjualan tanah kosong dalam taman perindustrian PDC juga telah diperketatkan untuk mengekang aktiviti spekulasi tanah supaya syarikat tempatan boleh memiliki tanah perindustrian pada harga yang berpatutan.

Selain itu, Kerajaan Negeri menerusi InvestPenang juga melaksanakan inisiatif untuk memberi sokongan dan maklumat berkenaan dengan industri kepada syarikat tempatan bagi memperkukuhkan kedudukan syarikat tersebut dalam rantaian bekalan. Antara usaha Kerajaan Negeri adalah seperti berikut:

(i) Hari Pembekal (Supplier Day)

InvestPenang mengambil inisiatif untuk menggalakkan syarikat multinasional untuk menambah kadar pembelian mereka dalam kalangan syarikat tempatan sebagai sebahagian daripada penyumberan tempatan (local sourcing), terutamanya bagi projek-projek yang strategik. Hari Pembekal bersama syarikat multinasional telah diadakan pada 1 Julai 2021 untuk membolehkan syarikat multinasional menyampaikan maklumat terkini mengenai program penyumberan tempatan mereka seperti jenis komoditi yang dicari, jangka masa pembelian, kriteria kelayakan pembekal, program pembangunan pembekal dan sebagainya kepada syarikat tempatan di negeri Pulau Pinang. Seramai 256 peserta telah menyertai sesi tersebut dan sebagai langkah susulan, pihak InvestPenang sedang mengumpul profil dan kertas cadangan yang diterima daripada syarikat-syarikat tempatan untuk pertimbangan pihak syarikat multinasional. Hari Pembekal seterusnya juga dicadang pada bulan Oktober 2021 dan akan menumpukan pada sektor peranti perubatan;

(ii) Pusat Penasihat Pasaran, Sumber dan Latihan IKS Pulau Pinang (Penang SME Advisory, Resource and Traning- Penang S.M.A.R.T. Centre)

Sejak penubuhannya dari Jun 2010 sehingga bulan Ogos 2021, Pusat S.M.A.R.T telah memberi khidmat nasihat kepada 1,902 kes/syarikat daripada pelbagai industri. Sebanyak 87 bengkel/seminar/webinar pembangunan telah dianjurkan untuk menyampaikan maklumat terkini dan meningkatkan kesedaran syarikat-syarikat tempatan terhadap pola pasaran dan teknologi yang kritikal dalam rantaian bekalan antarabangsa;

(iii) Bangunan Pusat Industri Kecil dan Sederhana (IKS) Pulau Pinang (SME Centre)

Bangunan Pusat IKS Pulau Pinang yang terletak di Bayan Lepas mempunyai ruang seluas 129,000 kaki persegi dan mula beroperasi sejak bulan Oktober 2012. Bangunan tersebut telah mencapai 70 peratus kadar penghunian di mana terdapat sebanyak 13 syarikat yang sedang beroperasi di dalam bangunan tersebut. Pusat ini bertujuan untuk memberikan bantuan kepada syarikat IKS tempatan bagi meningkatkan status dalam rantaian nilai (value chain) melalui pengurangan kos perniagaan di tahap penubuhan awal dan pengembangan syarikat-syarikat IKS. Di kala situasi pandemik yang tidak menentu ini, syarikat-syarikat IKS tempatan yang menyewa ruang dalan bangunan ini dapat meneruskan operasi mereka dengan kadar sewa yang bersubsidi; dan

(iv) Perkampungan-perkampungan IKS (SME Villages)

Kadar penghunian (sewaan dan jualan) bagi bangunan sedia ada di Perkampungan IKS telah mencapai hampir 90 peratus di mana Bangunan Semi-D IKS di Kawasan Perindustrian Batu Kawan telah habis dijual 100 peratus kepada syarikat IKS. Dalam kawasan yang sama, plot kosong sebesar 150 ekar yang dibangunkan sebagai salah satu perkampungan IKS pula telah dijual sebanyak 80 peratus.

Berdasarkan rekod MIDA, DDI untuk sektor pembuatan di Pulau Pinang adalah seperti berikut:

Tempoh	Nilai DDI (RM)	Peluang pekerjaan diwujudkan
Jan-Dis 2020	3,562,795,021	4,534
Jan-Mac 2021	566,775,389	1,226

Sumber: MIDA Sumber : MIDA (2021)

Senarai lima (5) DDI utama di Pulau Pinang bagi tahun 2020 dan Januari sehingga Mac 2021 dan jumlah peluang pekerjaan yang diwujudkan adalah seperti Jadual 3 dan Jadual 4 di bawah. Walau bagaimanapun, nilai bagi setiap projek tidak dapat didedahkan atas sebab perjanjian ketidakdedahan (non-disclosure agreement).

Jadual 3: Lima (5) DDI utama di Pulau Pinang bagi tahun 2020

Nama Syarikat	Peluang pekerjaan diwujudkan
Alliance Contract Manufacturing Sdn. Bhd.	89
Nationgate Integration (M) Sdn. Bhd.	665
Vitrox Technologies Sdn. Bhd.	79
Iconic Medicare Sdn. Bhd.	276
UWC Industrial Sdn. Bhd.	110

Sumber: MIDA (2021)

Jadual 4: Lima (5) DDI utama di Pulau Pinang bagi Januari - Mac 2021

Nama Syarikat	Peluang pekerjaan diwujudkan
CG Solutions Enterprise Sdn. Bhd.	N/A
Geo Glamor Sdn. Bhd.	N/A
Greatech Integration (M) Sdn. Bhd.	20
GUH Circuit Industry (PG) Sdn. Bhd.	N/A
Paradigm Metal Industries Sdn. Bhd.	200

Sumber: MIDA (2021)

24. Senaraikan bilangan pekerja ekonomi gig di Pulau Pinang mengikut daerah, jantina dan purata pendapatan sebulan.

    (a) Sejauh manakah hak dan kebajikan pekerja ekonomi gig ini dilindungi dalam undang-undang termasuk bayaran gaji minima?

    (b) Apakah usaha Kerajaan Negeri dalam membantu dan melindungi pekerja ekonomi gig daripada eksploitasi syarikat MNCs dan pengusaha?

JAWAPAN OLEH YAB. KETUA MENTERI:

24. Ekonomi gig merangkumi syarikat yang menggaji pekerja kontrak untuk tempoh yang sementara atau pekerjaan yang berdasarkan projek. Salah satu bidang pekerjaan ekonomi gig adalah pemandu e-hailing. Berdasarkan pembayaran insentif Penang

Lawan COVID-19 kepada pemandu e-hailing yang telah dilaksanakan pada bulan April 2020, bilangan pekerja ekonomi gig yang bekerja sebagai pemandu e-hailing di Negeri Pulau Pinang mengikut syarikat adalah seperti jadual di bawah:

Syarikat	Bilangan pekerja
GRAB	8,076
MULA	262
Tutucars	16
Mycar	11
Dacsee	9
Ezcab	9
DOB	3
Mygo	3
Getcar	1
Jumlah	8,390

Kerajaan Negeri tidak mempunyai rekod tentang bilangan pekerja ekonomi gig dalam bidang lain selain e-hailing.

(a) Dalam perlindungan hak dan kebajikan pekerja ekonomi gig, Kerajaan Negeri menyokong inisiatif di bawah Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) iaitu Dana Padanan Bagi Platform Ekonomi Gig (PenjanaGig) bagi menjamin keselamatan sosial dan kebajikan golongan Orang Bekerja Sendiri (OBS) yang melibatkan aktiviti pekerjaan ekonomi gig. PenjanaGig adalah bantuan kerajaan dan platform penyedia perkhidmatan dalam bentuk caruman kepada Skim Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri (SKSPS). Di bawah inisiatif ini, caruman akan dibayar melalui sumbangan kerajaan sebanyak 70 peratus manakala baki 30 peratus daripada sumbangan orang bekerja sendiri/platform penyedia perkhidmatan.

Tambahan itu, melalui Program KerjayaGig, skop Insentif Pengambilan Pekerja di bawah PenjanaKerjaya 2.0 turut diperluaskan kepada individu kehilangan pekerjaan dan penganggur daripada golongan rentan yang terlibat dalam peluang pekerjaan jangka pendek seperti ekonomi gig sehingga mereka dapat memperoleh pekerjaan sepenuh masa. Di bawah program ini, insentif seperti berikut layak dinikmati oleh pekerja ekonomi gig:

(i) Insentif sebanyak RM 600 bagi setiap individu selagi mana mereka terlibat dengan pekerjaan sendiri/gig sehingga 6 bulan; dan

(ii) Insentif berjumlah RM 200 kepada organisasi, platform atau pertubuhan bagi setiap pengambilan pekerjaan sementara atau gig yang disediakan oleh operator yang berdaftar dengan PERKESO.

Kerajaan Negeri telah bekerjasama dengan pihak PERKESO dalam usaha menguar-uarkan inisiatif dan program yang tersedia di bawah organisasi melalui sesi perkongsian berkaitan Inisiatif Pakej Perlindungan Rakyat Dan Pemulihan Ekonomi (PEMULIH) di bawah PERKESO merangkumi insentif bagi pekerja ekonomi gig. Sesi perkongsian yang pertama telah diadakan pada 20 Ogos 2021 dan dihadiri oleh wakil Pusat Khidmat ADUN, Pejabat Daerah dan Tanah serta jabatan/agensi Kerajaan Negeri yang berkaitan.

26. Apakah risiko yang mungkin akan menyumbang ke atas kehilangan status UNESCO George Town World Heritage Site?

(a) Senaraikan permohonan dan kelulusan pembangunan di dalam Tapak Warisan UNESCO George Town sejak 2019 mengikut lokasi dan skala pembangunan.

(b) Apakah usaha yang diambil oleh Kerajaan Negeri untuk memelihara serta memulihara kawasan tapak warisan sejarah George Town?

JAWAPAN OLEH YAB. KETUA MENTERI:

26. Seperti yang termaktub dalam Artikel 192, Operational Guidelines for the Implementation of the World Heritage Convention, Jawatankuasa Warisan Dunia (World Heritage Committee) boleh membuat keputusan untuk mengeluarkan sesuatu kawasan daripada Senarai Warisan Dunia sekiranya kawasan berkenaan telah kehilangan ciri-ciri dan Nilai-Nilai Keunggulan Sejagat (Outstanding Universal Value) dengan syarat kerja-kerja pembaikan, pemulihan atau pemuliharaan tidak dilaksanakan dalam masa yang telah dicadangkan.

Menurut Pusat Warisan Dunia (World Heritage Centre UNESCO), faktor-faktor yang mungkin menjejas dan mengancam Nilai-Nilai Keunggulan Sejagat sesebuah Tapak Warisan Dunia adalah seperti berikut:-

(i) Faktor-faktor Pengurusan dan Institusi (Management and Institutional Factors);

(ii) Bangunan dan Pembangunan (Buildings and Developments);

(iii) Kegunaan Sosial/Kebudayaan Tapak Warisan (Social/Cultural Uses of Heritage);

(iv) Infrastruktur Pengangkutan (Traffic Infrastructures);

(v) Infrastruktur Perkhidmatan (Services Infrastructures);

(vi) Perubahan Iklim dan Kejadian Cuaca yang Teruk (Climate Change and Severe Weather Events);

(vii) Pencemaran (Pollutions);

(viii) Aktiviti Manusia Lain (Other Human Activities); dan

(ix) Sebagainya.

(a) Senarai permohonan dan kelulusan pembangunan (diperakukan di Mesyuarat Jawatankuasa TRP) bagi pemajuan di dalam tapak warisan UNESCO George Town sejak 2019 mengikut lokasi dan skala pembangunan adalah seperti jadual di bawah:-

Jenis permohonan	2019		2020		2021 (Sehingga Julai 2021)	
	Kawasan Penampan	Kawasan Teras	Kawasan Penampan	Kawasan Teras	Kawasan Penampan	Kawasan Teras
Pelan Kebenaran Merancang Pra-Rundingan Warisan (PRA-PM)	2	8	3	-	-	3
Pelan Bangunan Pra-Rundingan Warisan (PRA-PB)	12	7	7	4	7	3
Jumlah permohonan diperakukan	14	15	10	4	7	6
Jumlah	**29**		**14**		**13**	

(Sumber: Majlis Bandaraya Pulau Pinang, MBPP)

(b) Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah melaksanakan pelbagai inisiatif untuk memelihara dan memulihara Tapak Warisan Dunia UNESCO George Town. Ini termasuk pelaksanaan Rancangan Kawasan Khas Tapak Warisan Dunia UNESCO George Town sebagai strategi pengurusan, pelan tindakan dan panduan utama dalam melindungi Nilai Keunggulan Sejagat Tapak Warisan Dunia UNESCO George Town. Dokumen ini telah diperakui oleh Pusat Warisan Dunia (World Heritage Centre) UNESCO sebagai pelan pengurusan konservasi (Conservation Management Plan) yang utama untuk Tapak Warisan Dunia George Town.

Pada tahun 2010, Kerajaan Negeri Pulau Pinang juga telah menubuhkan George Town World Heritage Incorporated (GTWHI) sebagai agensi pengurusan Tapak Warisan (Site Manager) bagi Tapak Warisan Dunia UNESCO George Town. Melalui perkhidmatan konsultasi yang percuma, GTWHI telah membimbing komuniti tempatan, pemilik bangunan, kontraktor dan lain-lain untuk mematuhi peraturan dan syarat-syarat yang telah ditetapkan dalam Rancangan Kawasan Khas Tapak Warisan Dunia UNESCO George Town. Langkah ini adalah untuk memastikan kerja-kerja pemuliharaan, pemeliharaan, dan pembaikian bangunan dalam Tapak Warisan Dunia George Town tidak mengancam status Tapak Warisan Dunia UNESCO George Town.

27. Sejauh manakah pertanian moden dilaksanakan di Negeri Pulau Pinang?

(a) Senaraikan program-program pertanian moden yang telah dilaksanakan oleh petani, penternak mengikut lokasi, jenis pertanian, keluasan tapak dan hasil setahun.

(b) Apakah usaha dan rancangan Kerajaan Negeri dalam membangunkan sektor pertanian dengan teknologi serta inovatif yang mampu meningkatkan produktiviti serta hasil?

JAWAPAN OLEH YAB. KETUA MENTERI:

27. (a) Berikut merupakan program-program pertanian moden yang telah dilaksanakan oleh petani mengikut lokasi, jenis pertanian, keluasan tapak dan hasil setahun iaitu:

(i) Penanaman Sayur-sayuran/ Buah-buahan Secara Fertigasi

BIL	LOKASI	JENIS PERTANIAN	KELUASAN (HA)	HASIL / TAHUN
1	Permatang Nibong	Cili	0.4	5,600 kg
2	Samagagah	Halia	1.0	14,500 kg
3	Prai	Timun	1.0	42,000 kg
4	Guar Perahu	Cili / Timun	1.0	36,200 kg
5	Padang Temusu	Cili	0.2	2,800 kg
6	Guar Perahu	Cili	0.4	4,600 kg
7	Guar Perahu	Timun	0.2	4,200 kg
8	Taman Guar Perahu	Timun / Peria	0.6	16,800 kg
9	Taman Guar Perahu	Timun	0.6	37,800 kg
10	Kubang Semang	Cili	0.1	2,400 kg
11	Kubang Semang	Cili	0.2	4,600 kg
12	Kubang Semang	Terung	0.3	10,200 kg
13	Kepala Bukit	Halia	0.1	1,400 kg
14	Kubang Ulu	Timun / Cili	1.0	63,000 kg
15	Kubang Ulu	Terung	2.4	42,000 kg
16	Guar Perahu	Timun	0.4	25,200 kg
17	Berapit	Halia	0.5	7,000 kg
18	Berapit	Cili	2.0	26,500 kg
19	Teluk Wang	Halia	0.8	12,000 kg
20	Mengkuang Titi	Sayuran Buah	1.2	17,500 kg
21	Mengkuang Titi	Sayuran Buah	0.8	21,000 kg
22	Bukit Teh	Timun	1.0	18,400 kg
23	Machang Bubok	Rock Melon	1.0	12,000 kg
24	Machang Bubok	Cili	3.2	44,800 kg
25	Taman Saujana Permai	Peria / Petola	3.2	40,200 kg

Laporan Hasil Projek Pertanian Bandar adalah seperti di LAMPIRAN A.

(ii) Laporan Hasil Projek Pertanian Bandar (PENJANA) adalah seperti di LAMPIRAN B.

(b) Pelbagai usaha dan rancangan telah dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri melalui Jabatan Pertanian Negeri Pulau Pinang dalam membangunkan sektor pertanian dengan teknologi dan inovasi yang mampu meningkatkan produktiviti dan hasil pertanian.

Jabatan Pertanian Negeri bertanggungjawab dalam mempromosikan pelbagai pakej teknologi pertanian terkini serta menyokong pelbagai usaha dalam penciptaan inovasi pertanian yang kreatif, menjimatkan kos dan praktikal untuk kegunaan petani. Antara inovasi yang telah menerima Anugerah Inovasi Pertanian Tahun 2019 anjuran Jabatan Pertanian Malaysia ialah Pengasingan Roselle dan Sistem Penyejukan Rumah Cendawan Berkonsepkan Evaporative di mana masing-masing telah menerima anugerah emas dan perak. Manakala untuk inovasi Alat Pengisian Media Penanaman Fertigasi, Alat Penuai Padi Tanah Jerlus dan Alat Perangkap Koloni Kelulut, kesemuanya menerima anugerah gangsa atas penyertaan tersebut.

Jabatan Pertanian Negeri juga merancang untuk memperkenalkan Teknologi Veggie Factory yang merupakan inovasi kaedah penanaman sayur-sayuran secara tertutup menggunakan sistem pencahayaan.

Teknologi ini mempunyai beberapa kelebihan seperti berikut:

(i) kurang risiko terhadap perubahan biotik dan abiotik persekitaran (contoh: bencana alam, perosak tanaman, dan sebagainya;

(ii) mampu mempercepatkan pengeluaran hasil dan konsisten serta mampu menjamin kecukupan bekalan bahan makanan;

(iii) hasil tanaman berkualiti premium dan bebas daripada penggunaan racun makhluk perosak; dan

(iv) mampu mengoptimumkan penggunaan sumber air dan tanah (contoh: sumber air dapat dijimatkan antara 70 hingga 90 peratus berbanding penggunaan kaedah konvensional).

Selain itu, penggunaan dron dalam bidang pertanian sudah tidak asing lagi di negara ini terutamanya untuk membantu dalam tugas berkaitan penanaman padi dan pengurusan tanaman. Teknologi ini penting bagi memastikan pertumbuhan ekonomi pertanian berkembang maju, sekali gus merealisasikan matlamat pembangunan negara, iaitu meningkatkan pendapatan petani.

Era globalisasi ternyata mempengaruhi gaya dan kaedah pertanian masa kini yang tidak lagi bergantung penuh terhadap peralatan tradisional. Sebaliknya, segalanya kini boleh dilakukan ‘di hujung jari’. Justeru, Jabatan Pertanian beralih menggunakan teknologi, terutamanya Internet Of Things (IOT) demi produktiviti dan kecekapan yang lebih baik. Melalui kaedah pertanian pintar, petani tidak perlu lagi turun ke lapangan bagi menabur baja, melakukan siraman dan sebagainya, sebaliknya mereka boleh berbuat demikian dengan menggunakan alat kawalan dari jauh atau telefon pintar sahaja.

Selaras dengan keperluan meningkatkan pengeluaran hasil pertanian, perkhidmatan mekanisasi dan automasi diperlukan dalam setiap aktiviti pengeluaran khususnya dari peringkat penyediaan tapak/tanah hinggalah pemasaran hasil-hasil pertanian. Perkhidmatan ini menjadi lebih kritikal kerana terdapatnya persaingan yang kuat daripada sektor lain khususnya dalam mendapatkan tenaga buruh.

Sehubungan dengan itu, Jabatan Pertanian menggalakkan para petani menggunakan jentera ladang secara intensif bagi meningkatkan produktiviti pengeluaran pertanian, meningkatkan daya saing produk pertanian dan mengurangkan kebergantungan kepada tenaga buruh.

LAMPIRAN A

(i) LAPORAN HASIL PROJEK PERTANIAN BANDAR

Bil	ID Kelompok, Nama Kelompok, Peserta & IC	Nama Daerah / Parlimen / DUN	Parlimen	DUN	Jenis projek/ sub projek/ komponen projek	Luas Fizikal (ha)	Bil. Petani	Nama/ jenis tanaman yang terlibat	Kumulatif Kuantiti (mt)	Catatan
1	Kg. Lembah (Guar Tuan Syed)	Seberang Perai Utara	Kepala Batas	Penaga	Pertanian Bandar (Individu)	0.01	12	Sayur daun	40.00	
2	Padang Temusu	Seberang Perai Tengah	Permatang Pauh	Penanti	Pertanian Bandar (Individu)	0.01	10	Sayur daun	150.00	
3	Sg. Acheh	Seberang Perai Selatan	Nibong Tebal	Sungai Acheh	Pertanian Bandar (Individu)	0.01	10	Sayur daun	0.00	**Belum berhasil**
4	Tasek, Simpang Ampat	Seberang Perai Selatan	Nibong Tebal	Sungai Bakap	Pertanian Bandar (Individu)	0.01	10	Sayur daun	0.00	**Belum berhasil**
5	Kg. Perlis	Barat Daya	Balik Pulau	Pulau Betong	Pertanian Bandar (Individu)	0.01	14	Sayur daun	0.00	**Belum berhasil**
6	Pelbagai	Timur Laut	Pelbagai	Pelbagai	Pertanian Bandar (Individu)	0.01	30	Sayur daun	0.00	**Belum berhasil**
7	Masjid Pongsu Seribu	Seberang Perai Utara	Tasek Gelugor	Sungai Dua	Pertanian Bandar (Komuniti)	0.02	15	Sayur daun	25.00	
8	KPW Lahar Kepar	Seberang Perai Utara	Kepala Batas	Bertam	Pertanian Bandar (Komuniti)	0.02	20	Sayur daun	30.00	
9	Kampung Agong	Seberang Perai Utara	Kepala Batas	Penaga	Pertanian Bandar (Komuniti)	0.02	20	Sayur daun	10.00	
10	JKK Bumbong Lima	Seberang Perai Utara	Kepala Batas	Pinang Tunggal	Pertanian Bandar (Komuniti)	0.02	20	Sayur daun	18.00	
11	Kg. Padang	Seberang Perai Utara	Kepala Batas	Penaga	Pertanian Bandar (Komuniti)	0.02	20	Sayur daun	30.00	
12	Telok Air Tawar	Seberang Perai Utara	Tasek Gelugor	Teluk Air Tawar	Pertanian Bandar (Komuniti)	0.02	20	Sayur daun	40.00	
13	KPW Kg. Permatang Nibong	Seberang Perai Tengah	Permatang Pauh	Permatang Pasir	Pertanian Bandar (Komuniti)	0.01	20	Sayur daun	7.00	
14	KPW Sg. Semambu	Seberang Perai Tengah	Permatang Pauh	Permatang Pasir	Pertanian Bandar (Komuniti)	0.01	20	Sayur daun	90.00	
15	Masjid Kg. Terus	Seberang Perai Tengah	Permatang Pauh	Permatang Pasir	Pertanian Bandar (Komuniti)	0.01	20	Sayur daun	0.02	
16	Sg. Chenaam	Seberang Perai Selatan	Nibong Tebal	Sungai Acheh	Pertanian Bandar (Komuniti)	0.01	20	Sayur daun	0.00	**Belum berhasil**
17	KPW Sg. Duri	Seberang Perai Selatan	Nibong Tebal	Sungai Bakap	Pertanian Bandar (Komuniti)	0.01	20	Sayur daun	41.00	
18	Tasek Cempedak	Seberang Perai Selatan	Nibong Tebal	Sungai Bakap	Pertanian Bandar (Komuniti)	0.1	20	Sayur daun	0.00	**Hasil dijangka pada Mac 2021**
19	MPKK Telok Bahang	Barat Daya	Balik Pulau	Telok Bahang	Pertanian Bandar (Komuniti)	0.1	15	Sayur daun	0.00	**Projek tidak aktif**
20	Apartmen Penang Hill	Barat Daya	Bayan Baru	Bukit Bendera	Pertanian Bandar (Komuniti)	0.1	20	Sayur daun	250.00	**Sayuran buah dan**

Bil	ID Kelompok, Nama Kelompok, Peserta & IC	Nama Daerah / Parlimen / DUN	Parlimen	DUN	Jenis projek/ sub projek/ komponen projek	Luas Fizikal (ha)	Bil. Petani	Nama/ jenis tanaman yang terlibat	Kumulatif Kuantiti (mt)	Catatan
										sayuran daun
21	Sg. Rusa	Barat Daya	Balik Pulau	Telok Bahang	Pertanian Bandar (Komuniti)	0.1	20	Sayur daun	78.00	**Mula berhasil Disember 2020 (cili fertigasi)**
22	MPKK Kg. Perlis	Barat Daya	Balik Pulau	Pulau Betong	Pertanian Bandar (Komuniti)	0.1	20	Sayur daun	86.00	**Mula berhasil Disember 2020 (cili fertigasi)**
23	Dewan MPKK Batu Uban	Timur Laut	Bayan Baru	Batu Uban	Pertanian Bandar (Komuniti)	0.1	15	Sayur daun	0.00	**Belum berhasil (Kawasan projek dinaik taraf oleh Pej Daerah TL)**
24	Dewan MPKK Jalan York	Timur Laut	Jelutong	Dato Keramat	Pertanian Bandar (Komuniti)	0.1	15	Sayur daun	0.00	**Belum berhasil (Kawasan projek dinaik taraf oleh Pej. Daerah TL)**
25	MPKK Sungai Emas	Timur Laut	Bukit Bendera	Tanjong Bunga	Pertanian Bandar (Komuniti)	0.1	15	Sayur daun	250.00	**Tanaman betik, limau**

3

Bil	ID Kelompok, Nama Kelompok, Peserta & IC	Nama Daerah / Parlimen / DUN	Parlimen	DUN	Jenis projek/ sub projek/ komponen projek	Luas Fizikal (ha)	Bil. Petani	Nama/ jenis tanaman yang terlibat	Kumulatif Kuantiti (mt)	Catatan
										kasturi, amrah, sayur buah dan daun
26	MPKK Sg. Gelugor	Timur Laut	Bukit Gelugor	Seri Delima	Pertanian Bandar (Komuniti)	0.1	15	Sayur daun	0.00	**Belum berhasil. Tanaman cili fertigasi dan sayur daun**
27	PPR Taman Manggis	Timur Laut	Tanjung	Komtar	Pertanian Bandar (Komuniti)	0.1	15	Sayur daun	72.00	**Sayuran buah dan daun**
28	PPR Taman Manggis	Timur Laut	Tanjung	Komtar	Pertanian Bandar (Komuniti)	0.1	15	Sayur daun	0.00	**Belum berhasil**
29	Pelbagai	Pelbagai	Pelbagai	Pelbagai	Pertanian Bandar	0.1	15	Sayur daun	0.00	**Belum berhasil**
30	SMK Telok Air Tawar	Seberang Perai Utara	Tasek Gelugor	Teluk Air Tawar	Pertanian Bandar (sekolah)	0.01	50	Sayur daun	20.00	
31	SMK Sri Muda	Seberang Perai Utara	Kepala Batas	Penaga	Pertanian Bandar (sekolah)	0.01	50	Sayur daun	15.00	
32	PAKSY Lubok Meriam	Seberang Perai Utara	Tasek Gelugor	Sungai Dua	Pertanian Bandar (sekolah)	0.01	50	Sayur daun	25.00	
33	Sekolah Agama Al-Ahmadiah	Seberang Perai Tengah	Bukit Mertajam	Padang Lalang	Pertanian Bandar (sekolah)	0.01	50	Sayurbuah	107.00	

4

ID183/06

Bil	ID Kelompok, Nama Kelompok, Peserta & IC	Nama Daerah / Parlimen / DUN	Parlimen	DUN	Jenis projek/ sub projek/ komponen projek	Luas Fizikal (ha)	Bil. Petani	Nama/ jenis tanaman yang terlibat	Kumulatif Kuantiti (mt)	Catatan
34	SK Permatang Pauh	Seberang Perai Tengah	Permatang Pauh	Seberang Jaya	Pertanian Bandar (sekolah)	0.01	50	Sayur daun	8.00	
35	SMKA Al-Masriyah	Seberang Perai Tengah	Permatang Pauh	Permatang Pasir	Pertanian Bandar (sekolah)	0.1	50	Sayur daun / buah	14.00	
36	SMA Ad-Diniah, Sg. Duri	Seberang Perai Selatan	Nibong Tebal	Sungai Bakap	Pertanian Bandar (sekolah)	0.1	50	Sayur daun / buah	0.00	**Belum berhasil**
37	SK Sg. Acheh	Seberang Perai Selatan	Nibong Tebal	Sungai Acheh	Pertanian Bandar (sekolah)	0.1	50	Sayur daun / buah	0.00	**Hasil dijangka pada Mac 2021**
38	SK Keledang Jaya, Changkat	Seberang Perai Selatan	Nibong Tebal	Jawi	Pertanian Bandar (sekolah)	0.1	50	Sayur daun / buah	0.00	**Dalam proses menyemai terong**
39	SMK Seri	Barat Daya	Balik Pulau	Pulau Betong	Pertanian Bandar (sekolah)	0.1	50	Sayur daun / buah	0.00	**Belum berhasil (Tanaman cili fertigasi)**
40	Sek Kebangsaan Permatang Damar Laut	Barat Daya	Balik Pulau	Teluk Bahang	Pertanian Bandar (sekolah)	0.1	50	Sayur daun / buah	170.00	**Sayuran daun dan sayuran buah**
41	MRSM Balik Pulau	Barat Daya	Bayan Baru	Batu Maung	Pertanian Bandar (sekolah)	0.1	50	Sayur daun / buah	122.00	**Fertigasi Cili, sayuran daun dan buah**
42	PDK Tasek Gelugor	Seberang Perai Utara	Kepala Batas	Pinang Tunggal	Pertanian Bandar (Institusi)	0.1	25	Sayur daun	15.00	

Bil	ID Kelompok, Nama Kelompok, Peserta & IC	Nama Daerah / Parlimen / DUN	Parlimen	DUN	Jenis projek/ sub projek/ komponen projek	Luas Fizikal (ha)	Bil. Petani	Nama/ jenis tanaman yang terlibat	Kumulatif Kuantiti (mt)	Catatan
43	KEMAS Kg Kijang	Seberang Perai Tengah	Bukit Mertajam	Machang Bubok	Pertanian Bandar (Institusi)	0.01	25	Sayur daun	30.00	
44	KEMAS Tun Sardon	Seberang Perai Tengah	Permatang Pauh	Penanti	Pertanian Bandar (Institusi)	0.01	25	Sayur daun	8.00	
45	KEMAS Sg. Setar	Seberang Perai Selatan	Nibong Tebal	Sungai Acheh	Pertanian Bandar (Institusi)	0.01	25	Sayur daun	20.00	
46	ILKM Jawi	Seberang Perai Selatan	Nibong Tebal	Jawi	Pertanian Bandar (Institusi)	0.01	25	Sayur daun	30.00	
47	USM Transkrian	Seberang Perai Selatan	Nibong Tebal	Sungai Bakap	Pertanian Bandar (Komuniti)	0.1	20	Sayur daun	0.00	**Projek dipindah ke USM**
48	USM (Pentadbiran)	Timur Laut	Bayan Baru	Batu Uban	Pertanian Bandar (Institusi)	0.1	30	Sayur daun	135.00	**Sayuran daun dan sayuran buah**
49	Bomba KG. Terang	Barat Daya	Balik Pulau	Pulau Betong	Pertanian Bandar (Institusi)	0.1	20	Sayur daun	127.00	**Sayuran daun dan sayuran buah**
50	Pelbagai	Timur Laut	Pelbagai	Pelbagai	Pertanian Bandar (Institusi)	0.01	15	Sayur daun	0.00	**Belum berhasil**
JUMLAH							**1311**		**2,063.02**	

(ii) LAPORAN HASIL PROJEK PERTANIAN BANDAR (PENJANA)

Bil	ID Kelompok, Nama Kelompok, Peserta & IC	Nama Daerah / Parlimen / DUN	Parlimen	DUN	Jenis projek/ sub projek/ komponen projek	Luas Fizikal (ha)	Bil. Petani	Nama/ jenis tanaman yang terlibat	Kumulatif Kuantiti (kg)	Catatan
1	Projek Komuniti Paya Keladi Hujung	Seberang Perai Utara	Kepala Batas	Pinang Tunggal	Pertanian Bandar (Komuniti)	0.01	10	Halia	0.00	**Mula bertanam. Baru semai (halia)**
2	Projek Komuniti Halaman Temenggung, Taman Koskam, Kepala Batas	Seberang Perai Utara	Tasek Gelugor	Permatang Berangan	Pertanian Bandar (Komuniti)	0.01	10	Sayur daun/ buah	20.00	
3	Projek Komuniti Permatang Kerai Kecil	Seberang Perai Utara	Tasek Gelugor	Permatang Berangan	Pertanian Bandar (Komuniti)	0.01	10	Sayur daun/ buah	20.00	
4	Projek Komuniti PAWE Sg Dua	Seberang Perai Utara	Tasek Gelugor	Sungai Dua	Pertanian Bandar (Komuniti)	0.01	10	Sayur daun/ buah	50.00	
5	Projek Komuniti Padang Chempedak	Seberang Perai Utara	Tasek Gelugor	Permatang Berangan	Pertanian Bandar (Komuniti)	0.01	10	Sayur daun/ buah	20.00	
6	Projek Komuniti Kg. Cegar	Seberang Perai Utara	Tasek Gelugor	Permatang Berangan	Pertanian Bandar (Komuniti)	0.02	10	Sayur daun/ buah	150.00	

7	Taman Bagan Jaya, Jalan Thamby Kecil, Butterworth.	Seberang Perai Utara	Bagan	Bagan Jermal	Pertanian Bandar (Komuniti)	0.01	10	Sayur daun/ buah	20.00	
8	Dewan MPKK Pekan Darat	Seberang Perai Utara	Kepala Batas	Bertam	Pertanian Bandar (Komuniti)	0.02	10	Sayur daun/ buah	25.00	
9	Kampung Petani	Seberang Perai Tengah	Permata ng Pauh	Permatang Pasir	Pertanian Bandar (Komuniti)	0.10	10	Timun	0.45	
10	Sg. Semambu, Kubang Semang	Seberang Perai Tengah	Permata ng Pauh	Penanti	Pertanian Bandar (Komuniti)	0.10	11	Ubi kayu/ Limau kasturi	0.00	**Belum berhasil**
11	Bukit Indera Muda	Seberang Perai Tengah	Permata ng Pauh	Permatang Pasir	Pertanian Bandar (Komuniti)	0.20	10	Halia	0.00	**Belum berhasil**
12	Guar Jering	Seberang Perai Tengah	Permata ng Pauh	Penanti	Pertanian Bandar (Komuniti)	0.10	10	Cili	0.00	**Belum berhasil**
13	Maahad Mengkuang Titi	Seberang Perai Tengah	Permata ng Pauh	Penanti	Pertanian Bandar (Komuniti)	0.10	10	Sayur daun/ buah	0.26	
14	Kampung Besar, Berapit	Seberang Perai Tengah	Bukit Mertajam	Berapit	Pertanian Bandar (Komuniti)	0.1	10	Halia	0.00	**Belum berhasil**
15	Taman Alma Jaya (Fertigasi)	Seberang Perai Tengah	Bukit Mertajam	Machang Bubok	Pertanian Bandar (Komuniti)	0.1	10	Terung	0.00	**Belum berhasil**
16	Dewan MPKK Taman Bukit Minyak	Seberang Perai Tengah	Batu Kawan	Bukit Tengah	Pertanian Bandar (Komuniti)	0.2	10	Terung	0.00	**Belum berhasil**
17	Sungai Acheh	Seberang Perai Selatan	Nibong Tebal	Sungai Acheh	Pertanian Bandar (Komuniti)	0.2	10	Sayur daun/ buah	8.00	
18	Simpang Tiga	Seberang Perai Selatan	Nibong Tebal	Sungai Acheh	Pertanian Bandar (Komuniti)	0.2	11	Sayur daun/ buah	18.00	

19	Seri Ampangan	Seberang Perai Selatan	Nibong Tebal	Sungai Acheh	Pertanian Bandar (Komuniti)	0.2	11	Sayur daun/ buah	200.00	
20	PIBG SMK Agama Syeikh Abdullah Fahim	Seberang Perai Selatan	Nibong Tebal	Sungai Acheh	Pertanian Bandar (Komuniti)	0.2	11	Sayur daun/ buah	300.00	
21	Pusat Islam Perda Tech	Seberang Perai Selatan	Nibong Tebal	Sungai Bakap	Pertanian Bandar (Komuniti)	0.2	11	Sayur daun/ buah	50.00	
22	Surau Ar-Rohman,Taman Panchur Utama	Seberang Perai Selatan	Nibong Tebal	Sungai Bakap	Pertanian Bandar (Komuniti)	0.2	14	Sayur daun/ buah	50.00	
23	MPKK Kampung Naran, Bayan Lepas	Barat Daya	Bayan Baru	Batu Maung	Pertanian Bandar (Komuniti)	0.10	10	Cili Fertigasi	0.00	**Belum berhasil**
24	Komuniti Taman Jajar, Sungai Ara	Barat Daya	Bayan Baru	Batu Maung	Pertanian Bandar (Komuniti)	0.12	30	Sayur buah/ daun	465.00	
25	Komuniti Taman Seri Indah, Balik Pulau	Barat Daya	Balik Pulau	Pulau Betong	Pertanian Bandar (Komuniti)	0.12	10	Cili fertigasi	0.00	**Belum berhasil**
26	Komuniti Taman Rajawali, Bayan Lepas	Barat Daya	Balik Pulau	Bayan Lepas	Pertanian Bandar (Komuniti)	0.20	10	Cili fertigasi	275.00	
27	Kampung Permatang Pasir, Balik Pulau	Barat Daya	Balik Pulau	Teluk Bahang	Pertanian Bandar (Komuniti)	0.10	20	Cili fertigasi	0.00	**Belum berhasil**
28	Surau Pagar Buluh	Barat Daya	Bayan Baru	Batu Maung	Pertanian Bandar (Komuniti)	0.05	10	Cili fertigasi / terung & sayur daun	76.00	
29	MPKK Kampung Bharu, Air Itam	Timur Laut	Bukit Bendera	Air Itam	Pertanian Bandar (Komuniti)	0.40	10	Pelbagai tanaman, cili dan terung	573.00	
30	MPKK Island Paek, GreenLand	Timur Laut	Bukit Gelugor	Seri Delima	Pertanian Bandar (Komuniti)	1.25	10	Cili fertigasi	0.00	**Belum berhasil**
31	MPKK Bandar Baru Jelutong	Timur Laut	Jelutong	Sungai Pinang	Pertanian Bandar (Komuniti)	0.16	9	Cili fertigasi	0.00	**Belum berhasil**
32	MPKK Sungai Emas, Batu Feringghi	Timur Laut	Bukit Bendera	Tanjong Bunga	Pertanian Bandar (Komuniti)	0.10	10	Sayuran daun	250.00	
33	Komuniti Lakeside Tower, Bukit Jambul	Timur Laut	Bukit Gelugor	Paya Terubong	Pertanian Bandar (Komuniti)	0.08	10	Cili fertigasi / terung & sayur daun	79.00	
34	Daerah Seberang Perai Utara	Seberang Perai Utara	Pelbagai	Pelbagai	Pertanian Bandar (Individu)	18.50	185	Sayur daun / buah	1,300.00	
35	Daerah Seberang Perai Tengah	Seberang Perai Tengah	Pelbagai	Pelbagai	Pertanian Bandar (Individu)	16.30	163	Sayur daun / buah	0.29	
36	Daerah Seberang Perai Selatan	Seberang Perai Selatan	Pelbagai	Pelbagai	Pertanian Bandar (Individu)	12.50	125	Sayur daun / buah	0.00	**Belum berhasil**
37	Daerah Barat Daya / Timur Laut	Barat Daya / Timur Laut	Pelbagai	Pelbagai	Pertanian Bandar (Individu)	543.00	70	Sayur daun / buah	0.00	**Belum berhasil**
JUMLAH							**911**		**3,950.00**	

28. Senaraikan bilangan penerima Bantuan Prihatin Rakyat (BPR) mengikut KADUN, kategori keluarga/bujang dan jumlah peruntukan sejak 2020.

(a) Nyatakan bantuan-bantuan yang boleh dipohon oleh golongan orang kurang upaya (OKU) bagi meringankan beban kos sara hidup mereka.

(b) Apakah dasar dan program kebajikan dan perlindungan Kerajaan Negeri selain daripada memberi bantuan kewangan one-*off*?

JAWAPAN OLEH YAB. KETUA MENTERI:

28. Bantuan Prihatin Rakyat (BPR) merupakan bantuan yang disediakan oleh Kerajaan Persekutuan bermula tahun 2021 kepada golongan B40 dan M40 untuk meringankan beban mereka akibat kesan pandemik COVID-19. Bilangan penerima BPR di Pulau Pinang adalah berjumlah 20,135 penerima dengan pecahan 2,495 penerima kategori keluarga dan 17,640 penerima kategori bujang dengan perbelanjaan sebanyak RM12,019,050.00. Maklumat terperinci mengikut KADUN dan kategori adalah seperti di LAMPIRAN A**.**

(a) Antara bantuan-bantuan yang boleh dipohon oleh golongan Orang Kurang Upaya (OKU) bagi meringankan beban kos sara hidup mereka adalah seperti berikut :

(i) Bantuan kewangan bulanan yang dilaksanakan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) mengikut skim bantuan tersebut adalah seperti berikut :

(a) Bantuan Agenda Ekonomi Saksama (BAES);

(b) Bantuan OKU Tidak Berupaya Bekerja (BTB);

(c) Elaun Pekerja Orang Kurang Upaya (EPOKU);

(d) Bantuan Penjagaan Pesakit Kronik/OKU Terlantar (BPT);

(e) Bantuan Alat Tiruan; dan

(f) Bantuan Kewangan Khas OKU di bawah Pakej Perlindungan Rakyat dan Pemulihan Ekonomi (PEMULIH).

(ii) Program Bantuan OKU iaitu sebuah bantuan kewangan di bawah Program i-Sejahtera yang disalurkan kepada penerima sumbangan setiap tahun. Kerajaan Negeri telah menaikkan amaun sumbangan daripada RM130 kepada RM150 bermula tahun 2020 bagi meringankan beban kewangan yang dihadapi oleh golongan OKU;

(iii) Melibatkan diri dalam program “Job Coaching” dan “Disability Equality Training” iaitu program kerjasama antara JKM dengan agensi-agensi lain seperti Jabatan Tenaga Kerja, Jabatan Kesihatan Negeri dan majikan-majikan yang berpotensi untuk mengambil golongan OKU sebagai tenaga kerja; dan

(iv) Klien berstatus OKU miskin boleh memohon untuk menyertai Program “2-Year Exit Programme” yang dijalankan oleh JKM. Program berkonsepkan kebajikan produktif tersebut bertujuan untuk melatih dan membina daya upaya klien agar dapat keluar daripada kepompong kemiskinan. Maklumat lanjut mengenai permohonan ini boleh dirujuk di pejabat JKM;

(b) Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah melaksanakan pelbagai usaha dan inisiatif bagi menjaga kebajikan rakyat selain daripada memberi bantuan kewangan one-off. Antara dasar dan inisiatif bagi menjaga kebajikan rakyat adalah :

(i) Menyalurkan bantuan kewangan di bawah peruntukan Kerajaan Negeri. Bantuan-bantuan di bawah seliaan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) ini merangkumi Bantuan Agenda Ekonomi Saksama (BAES) secara

bulanan manakala bantuan-bantuan lain adalah seperti Bantuan Pendidikan Pelajar Miskin, Bantuan Bencana Alam, Tabung Bantuan Segera Negeri, Bantuan Latihan Sambil Belajar dan Bantuan Alat Tiruan/Alat Sokongan;

(ii) Melaksanakan Program “2 Years Exit Programme” (2YEP) kepada penerima-penerima bantuan JKM yang layak. Program yang berkonsepkan kebajikan produktif ini menyediakan peserta program ke arah kehidupan yang lebih berdikari agar tidak bergantung kepada bantuan kerajaan semata-mata untuk sara hidup selain mewujudkan peluang penjanaan sumber pendapatan yang stabil dan berterusan kepada peserta program;

(iii) Bantuan Bina Baru merupakan antara bantuan yang diberikan kepada golongan miskin untuk menampung perbelanjaan membina rumah kediaman yang lebih selamat dan sesuai untuk didiami. Bantuan Baik Pulih Rumah pula diberikan untuk menampung kos-kos membaik pulih rumah kediaman yang rosak agar bebanan implikasi kewangan tersebut kepada golongan miskin dapat dikurangkan;

(iv) Mengadakan kursus-kursus kemahiran di bawah Program Pembangunan Modal Insan. Melalui program ini, keluarga miskin digalakkan menyertai kursus-kursus kemahiran tertentu seperti kursus masakan atau jahitan supaya kemahiran tersebut boleh dimanfaatkan untuk menjana pendapatan dan dapat hidup berdikari tanpa perlu bergantung kepada bantuan kerajaan;

(v) Melaksanakan Program Peningkatan dan Pemulihan Ekonomi di bawah Program Peningkatan dan Pemulihan Ekonomi. Program ini memfokuskan kepada peniaga kecil sepenuh masa termasuk golongan miskin yang menjalankan perniagaan. Individu yang telah menjalankan perniagaan sekurang-kurangnya satu (1) tahun dan berpendapatan kurang daripada RM3,000.00 sebulan adalah layak untuk mendapat bantuan peralatan dalam usaha mengembangkan lagi perniagaan sedia ada;

(vi) Menyediakan perkhidmatan Skim Pinjaman Harapan (SPH) kepada usahawan atau anak negeri yang ingin menceburi bidang keusahawanan. SPH di bawah seliaan Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) ini menyediakan saluran modal tambahan yang mudah dan tidak membebankan peminjam tanpa syarat-syarat kelayakan yang kompleks dan menyukarkan proses pinjaman. Program pinjaman mikrokredit memberi peluang kepada usahawan tempatan, penganggur dan golongan B40 untuk menceburi bidang keusahawanan dengan membuat pinjaman wang tanpa sebarang cagaran dan penjamin. Golongan-golongan miskin ini dapat menggunakan pinjaman yang disediakan ini untuk mengubah nasib hidup mereka;

(vii) Menyediakan kemudahan pinjaman kredit Tabung Usahawan Tani (TUT) Negeri Pulau Pinang. Tabung pinjaman mikro kredit tanpa faedah ini diwujudkan bagi memberi dorongan kepada penternak, petani dan nelayan dalam golongan B40 khususnya untuk menjadikan sektor industri asas tani sebagai kerjaya dan punca pendapatan yang besar. Dahulunya dikenali sebagai Tabung Usahawan Tani Muda (TUTM) dan memfokuskan kepada belia, kini had umur tabung tersebut telah diperluas kepada peminjam berumur 18 hingga 60 tahun; dan

Memberi bantuan makanan kepada golongan sasar yang telah dikenal pasti termasuklah golongan miskin. Program yang dinamakan sebagai Program Mutiara Foodbank ini berkonsepkan pengagihan semula makanan yang diselamatkan dan masih boleh dimakan dari pelbagai pasar raya sekitar Pulau Pinang kepada penerima manfaat.

LAMPIRAN A

KADUN	Bantuan Prihatin Rakyat (BPR)		
	ISI RUMAH	**BUJANG**	**Peruntukan Keseluruhan Pulau Pinang**
N01 - PENAGA	85	698	
N02 - BERTAM	119	1,289	
N03 - PINANG TUNGGAL	8	89	
N04 - PERMATANG BERANGAN	66	798	
N05 - SUNGAI DUA	37	343	
N06 - TELOK AYER TAWAR	26	258	
N07 - SUNGAI PUYU	87	548	
N08 - BAGAN JERMAL	49	240	
N09 - BAGAN DALAM	18	136	
N10 - SEBERANG JAYA	134	1,135	
N11 - PERMATANG PASIR	0	0	
N12 - PENANTI	33	323	
N13 - BERAPIT	391	2,724	**RM12,019,050.00**
N14 - MACHANG BUBUK	21	180	
N15 - PADANG LALANG	0	0	
N16 - PERAI	22	176	
N17 - BUKIT TENGAH	0	0	
N18 - BUKIT TAMBUN	102	993	
N19 - JAWI	85	840	
N20 - SUNGAI BAKAP	73	620	
N21 - SUNGAI ACHEH	23	225	
N22 - TANJONG BUNGA	99	394	
N23 - AIR PUTEH	0	0	
N24 - KEBUN BUNGA	43	127	
N25 - PULAU TIKUS	17	43	
N26 - PADANG KOTA	7	21	
N27 - PENGKALAN KOTA	46	145	
N28 - KOMTAR	11	51	
N29 - DATOK KERAMAT	23	114	
N30 - SUNGAI PINANG	40	220	
N31 - BATU LANCANG	132	668	
N32 - SERI DELIMA	101	565	
N33 - AIR ITAM	119	488	
N34 - PAYA TERUBONG	68	311	
N35 - BATU UBAN	0	0	
N36 - PANTAI JEREJAK	28	214	
N37 - BATU MAUNG	24	225	
N38 - BAYAN LEPAS	260	1,756	
N39 - PULAU BETONG	61	445	
N40 - TELOK BAHANG	37	238	
JUMLAH PENERIMA	**2,495**	**17,640**	
	20,135		

Bilangan Penerima Bantuan Prihatin Rakyat (BPR) Mengikut Kawasan Ahli Dewan Undangan Negeri (KADUN) dan Kategori

29. Senaraikan bilangan transaksi hartanah yang berlangsung mengikut bulan, jenis hartanah dan nilai sejak 2020 sehingga kini.

(a) Sejauh manakah pandemik COVID-19 mempengaruhi nilai pasaran hartanah?

(b) Jangkaan pasaran hartanah yang lesu akan berlarutan sehingga bila?

(c) Apakah faktor yang boleh bangkitkan semula sektor hartanah di Pulau Pinang?


JAWAPAN OLEH Y.A.B. KETUA MENTERI

29. Secara keseluruhannya, terdapat sejumlah 188,713 transaksi berkaitan hartanah yang diuruskan bagi tempoh Januari 2020 sehingga Julai 2021 dengan nilai kutipan hasil berjumlah RM217,937,296.29 mengikut pecahan seperti berikut:

Tempoh	Bilangan transaksi	Nilai (RM)
Januari – Disember 2020	128,892	146,717,753.29
Januari – Julai 2021	59,821	71,219,543.00
JUMLAH	188,713	217,937,296.29

(a) Sejak pandemik COVID-19 bermula pada awal tahun 2020, harga rumah Negeri Pulau Pinang telah berubah-ubah. Pada suku ketiga tahun 2020, ia mencatat penurunan terbesar sebanyak 1.1% suku-ke-suku (q-o-q) dan 1.2% tahun-ke-tahun (y-o-y) masing-masing berikutan permintaan yang rendah pada suku kedua tahun 2020. Harga rumah kemudian meningkat pada suku keempat tahun 2020 sebelum penurunan yang kedua pada suku pertama tahun 2021 (Carta 1).

Carta 1: Perubahan Indeks Harga Rumah, Pulau Pinang, S1 2019-S1 2021




Sumber: Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta (JPPH), 2021

Permintaan hartanah adalah berkaitan dengan keadaan ekonomi keseluruhan dan kadar pengangguran. Pada suku kedua tahun 2020 (setelah penutupan ekonomi), permintaan untuk semua hartanah telah berkurangan secara drastik. Secara khususnya, jumlah dan nilai transaksi hartanah kediaman menjunam lebih daripada 40% q-o-q dan lebih daripada 50% y-o-y. Pada suku ketiga tahun 2020, keadaan pandemik


yang bertukar baik pada ketika itu dan inisiatif seperti Kempen Pemilikan Rumah (HOC) dan moratorium pinjaman telah mendorong permintaan hartanah. Walau bagaimanapun, pada suku pertama tahun 2021, peningkatan kehilangan pekerjaan disebabkan oleh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 3.0 dan penurunan Keluaran Dalaman Negeri Kasar (KDNK) telah melemahkan permintaan (Carta 2). Akan tetapi, nilai transaksi bagi hartanah kediaman bernilai lebih daripada RM 1 juta adalah tidak terjejas (Carta 3).

Carta 2: Perubahan suku-ke-suku jumlah dan nilai transaksi hartanah kediaman, KDNK and pengganggguran



Sumber: Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta (JPPH) dan Jabatan Perangkaan Malaysia, 2021

Carta 3: Nilai transaksi hartanah kediaman mengikut harga rumah, Pulau Pinang



(b) Walaupun keadaan ekonomi kekal lemah, trend ini di jangka tidak akan berlarutan untuk tempoh masa yang panjang. Menurut Juwai IQI[1] dan Knight Frank[2], pasaran hartanah di Malaysia dijangka akan bertambah baik pada awal tahun 2022 memandangkan penguatkuasaan PKP secara berpanjangan

menyebabkan pembeli yang mempunyai kemampuan, terutama pembeli kali pertama akan memanfaatkan HOC, pengecualian cukai dan kadar faedah yang rendah untuk membeli rumah pertama mereka.

(c) Seperti yang ditunjukkan melalui carta-carta di atas, harga rumah dan pekerjaan adalah faktor utama untuk membangkitkan sektor hartanah. Pekerja yang mempunyai pekerjaan yang mendatangkan pendapatan boleh meningkatkan kuasa beli seterusnya meningkatkan permintaan hartanah. Selain itu, insentif-insentif seperti HOC, pengecualian cukai dan kadar bunga yang rendah juga dapat merangsangkan pembelian rumah. Penjualan rumah kediaman yang berharga rendah mungkin akan merosot kerana golongan berpendapatan rendah tidak mampu untuk berbelanja selain daripada perbelanjaan untuk keperluan asas.

Selain itu, pertumbuhan dalam perkhidmatan kurier dan e-perdagangan akan meningkatkan permintaan bagi ruang simpanan/gudang. Ini dapat meningkatkan permintaan bagi sewaan kompleks perniagaan atau rumah.

[1] The Sun daily (8 Jul 2021). Outlook for Malaysia's residential real estate market improving. https://www.thesundaily.my/business/outlook-for-malaysia-s-residential-real-estate-market-improving-YY8045010

[2] Penang Property Talk (20 July 2021). Property market confidence returning by 2022

30. Pengurusan sumber air di antara Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan Kedah.

(a) Apakah strategi dan langkah *water diplomacy* yang berkesan dan efektif diambil oleh Kerajaan Negeri agar masalah ini boleh ditangani dengan baik?

(b) Apakah usaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk menjamin sumber air dari Ulu Muda tidak tercemar dan terjejas?

JAWAPAN OLEH YAB. KETUA MENTERI:

30. Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah mencadangkan kepada pihak Kerajaan Persekutuan agar satu pihak berkuasa bebas ditubuhkan untuk memelihara dan mengurus sumber air dari Ulu Muda. Ia dicadangkan sebagai Ulu Muda Basin Authority (UMBA) dengan langkah diplomasi bagi memastikan sumber air tidak tercemar dan tidak terjejas seperti berikut:

(i) UMBA ditubuhkan untuk menyusun dan melaksanakan "Rancangan Lembangan Ulu Muda" untuk kepentingan 4.2 juta rakyat di Perlis, Kedah dan Pulau Pinang;

(ii) Ulu Muda mesti dikendalikan secara lestari sebagai kawasan tadahan air utama di Wilayah Ekonomi Koridor Utara (NCER); dan

(iii) Pengurusan lestari perlu dilaksanakan bagi menghentikan sepenuhnya dan melarang semua aktiviti pembalakan, perlombongan dan lain-lain yang mencemarkan sumber air di Ulu Muda.

Selain itu, fungsi UMBA sebagai badan penting dalam pelaksanaan program "Air untuk Masa Hadapan" mempunyai empat (4) keutamaan iaitu menangani perubahan iklim, menyokong sungai yang baik, menggunakan air dengan berhemat dan menjamin bekalan air.

Keempat-empat keutamaan ini secara meluas menggambarkan cabaran yang sedang dihadapi oleh Perlis, Kedah dan Pulau Pinang kini, berhubung keselamatan bekalan air di NCER. Kerajaan Negeri Pulau Pinang juga meminta agar Kerajaan Persekutuan menjadi penyumbang utama kepada Rancangan Lembangan Ulu Muda melalui peruntukan tahunan Persekutuan yang diperoleh daripada perolehan cukai dari Perlis,

Kedah dan Pulau Pinang agar negeri - negeri ini dapat menerima manfaat secara langsung daripada projek ini.

II. Ahli Kawasan Pantai Jerejak (YB. Datuk Seri Saifuddin Nasution Bin Ismail) bertanya kepada YAB. Ketua Menteri:

1. Senaraikan semua maklumat lengkap penerima Program i-Sejahtera di DUN Pantai Jerejak.

JAWAPAN OLEH YAB. KETUA MENTERI:

1. Lima (5) program dalam Program Kebajikan Kerajaan Negeri Pulau Pinang (i-Sejahtera) adalah:

   (a) Program Penghargaan Warga Emas;

   (b) Program Bantuan Ibu Tunggal;

   (c) Program Bantuan Orang Kurang Upaya (OKU);

   (d) Program Ibu Emas dan

   (e) Program Anak Emas.

   Maklumat statistik penerima program i-Sejahtera bagi Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) Pantai Jerejak Daerah Barat Daya sejak 2010 sehingga adalah seramai 8,188 orang penerima seperti di bawah:

MAKLUMAT PENDAFTARAN PROGRAM i-SEJAHTERA DI KADUN PANTAI JEREJAK DAERAH BARAT DAYA SEJAK 2010 SEHINGGA TERKINI

PROGRAM	JUMLAH SUMBANGAN (RM)	PEMBAYARAN	BILANGAN YANG MENDAFTAR
Penghargaan Warga Emas	150.00	Sekali setahun	4,990
Bantuan Ibu Tunggal	100.00	Sekali setahun	198
Ibu Emas	100.00	Sekali setahun	562
Bantuan OKU	150.00	Sekali setahun	246
Anak Emas	200.00	*One-off*	2,192
Jumlah Penerima Program i-Sejahtera KADUN Pantai Jerejak			**8,188**

Maklumat perbelanjaan program-program i-Sejahtera bagi tahun 2020 dan 2021 Daerah Barat Daya adalah sebanyak RM7,050,950.00 seperti di bawah:

PROGRAM	TAHUN 2020		TAHUN 2021	
	Bilangan Penerima	Jumlah Perbelanjaan (RM)	Bilangan Penerima	Jumlah Perbelanjaan sehingga Julai (RM)
Penghargaan Warga Emas	15,864	2,379,600.00	20,242	3,036,300.00

Bantuan Ibu Tunggal	1,180	118,000.00	1,317	131,700.00
Ibu Emas	5,103	510,300.00	5,645	546,500.00
Bantuan OKU	231	34,650.00	218	32,700.00
Anak Emas	979	195,800.00	327	65,400.00
JUMLAH	23,357	3,238,350.00	27,749	3,812,600.00
JUMLAH BESAR	**7,050,950.00**			

Selain itu, sekiranya berlaku kematian ke atas penerima Program Penghargaan Warga Emas, Program Bantuan Ibu Tunggal dan Bantuan OKU, waris boleh menuntut bantuan khairat kematian secara one-off sebanyak RM1,000.00. Maklumat tuntutan khairat kematian bagi Daerah Barat Daya bagi tahun 2020 dan 2021 adalah berjumlah RM745,000.00 seperti di bawah:

PROGRAM	**Tahun 2020**		**Tahun 2021**	
	Bilangan Penerima	**Jumlah Perbelanjaan (RM)**	**Bilangan Penerima**	**Jumlah Perbelanjaan sehingga Julai (RM)**
Penghargaan Warga Emas	481	481,000.00	258	258,000.00
Bantuan Ibu Tunggal	4	4,000.00	2	2,000.00
JUMLAH BESAR	**745,000.00**			

2. Senaraikan semua bantuan atau program dan jumlah yang disalurkan oleh Kerajaan Negeri untuk membantu mereka yang terkesan dengan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan Pelan Pemulihan Negara (PPN).

JAWAPAN OLEH Y.A.B. KETUA MENTERI

2. Kerajaan Negeri telah meluluskan Pakej Bantuan Rakyat Pulau Pinang bagi mengurangkan beban golongan paling terkesan serta mengaktifkan kembali sektor ekonomi negeri yang terjejas akibat penularan pandemik COVID-19 dan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) serta tempoh Pelan Pemulihan Negara (PPN). Pakej bantuan ini telah dilaksanakan secara berfasa iaitu Fasa 1, 2 dan 2.1 pada tahun 2020 dan Fasa 3 dan 3.1 pada tahun 2021. Senarai bantuan adalah seperti di **LAMPIRAN A.**

LAMPIRAN A

SENARAI BANTUAN DI BAWAH PAKEJ BANTUAN RAKYAT PULAU PINANG (PENANG LAWAN COVID-19)

FASA 1

BIL.	INSENTIF / BANTUAN (FASA 1)	ANGGARAN PERUNTUKAN (RM)	BILANGAN PENERIMA SEBENAR	PERBELANJAAN SEBENAR (RM)
1	One-off RM500 kepada peniaga dan penjaja berlesen	7,072,000.00	11,456 peniaga (MBPP - 6,806, MBSP - 4,518, FAMA - 132)	5,728,000.00
2	Bekalan peralatan keselamatan diri (*face mask, hand sanitizer* dll.)	10,000,000.00	Rakyat Pulau Pinang dan kakitangan barisan hadapan	8,416,587.00
3	Bantuan tunai one-off kepada pesakit COVID-19 Pulau Pinang	300,000.00	92 (pesakit dan waris pesakit COVID-19)	46,500.00
4	One-off RM500 kepada pemandu pelancong berdaftar	685,000.00	751	375,500.00
5	One-off RM500 kepada penerima bantuan Jabatan Kebajikan Masyarakat dan AES di bawah BPEN	9,328,500.00	18,747 (JKM - 18,087, AES - 660)	9,373,500.00
6	Penambahan RM200 dalam wang insentif tahunan kepada penarik beca dan *upfront* RM300 (April, Mei, Jun)	63,600.00	189 penarik beca	94,500.00
7	Penambahan RM200 dalam wang insentif tahunan kepada pemandu teksi dan *upfront* RM300 (bayaran fasa 2)	449,600.00	2,221 pemandu teksi	1,110,500.00
8	One-off RM300 kepada pemandu e-hailing	3,000,000.00	8,390 pemandu e-hailing	2,517,000.00
9	Bantuan kewangan khas kepada masjid dan surau	495,000.00	702 (226 masjid, 476 surau)	464,000.00

BIL.	INSENTIF / BANTUAN (FASA 1)	ANGGARAN PERUNTUKAN (RM)	BILANGAN PENERIMA SEBENAR	PERBELANJAAN SEBENAR (RM)
10	Bantuan Khas Kewangan one-off RM300 kepada kakitangan barisan hadapan kedua-dua PBT	1,437,300.00	4,983 kakitangan (MBPP – 1,892, MBSP - 3,091)	1,494,900.00
11	Bantuan Khas Kewangan one-off RM300 kepada 10,511 kakitangan barisan hadapan Jabatan Persekutuan	3,300,000.00	8,048 kakitangan (ATM - 240, RELA - 164, PDRM - 1,787, JKNPP - 5,107, APM - 300, JIM - 450)	2,414,400.00
12	Peruntukan khas RM30,000 kepada setiap ADUN	1,200,000.00	40 ADUN	1,200,000.00
13	Pinjaman Tanpa Faedah Kelangsungan Perniagaan Pulau Pinang *(Penang Business Continuity Zero Interest Loan)*	30,000,000.00	1,651 SME dan mikro	28,740,000.00
14	Bantuan zakat sebanyak RM3 juta kepada golongan asnaf	3,000,000.00	6,000 golongan asnaf	3,000,000.00
15	Pengecualian sewa bulanan Rumah Sewa Kerajaan Negeri (RSKN) dan Projek Perumahan Rakyat (PPR) kelolaan Kerajaan Negeri	932,844.00	Anggaran 4,860 keluarga	932,844.00
16	Pengecualian sewa premis-premis perniagaan Kerajaan Negeri dan pihak berkuasa tempatan (PBT)	1,610,000.00	Anggaran 10,999 premis perniagaan	1,610,000.00
17	Penangguhan tempoh pembayaran kepada Kerajaan Negeri bagi cukai tanah/petak, bayaran skim sewa beli RSKN dan pinjaman (SPH, TUT dan penuntut)	-	Rakyat Pulau Pinang	-
18	Pegawai Penyelaras Khas kepada Ketua Menteri (Tasek Gelugor/Kepala Batas dan Balik Pulau)	60,000.00	Rakyat di kawasan Parlimen berkaitan	60,000.00
19	Pengawai Penyelaras KADUN Penaga, Sungai Dua dan Permatang Berangan (YAB KM)	90,000.00	Rakyat di KADUN berkaitan	90,000.00

BIL.	INSENTIF / BANTUAN (FASA 1)	ANGGARAN PERUNTUKAN (RM)	BILANGAN PENERIMA SEBENAR	PERBELANJAAN SEBENAR (RM)
20	Bantuan untuk pelarian Rohingya (NGO)	100,000.00	-	100,000.00
21	Peruntukan kepada *Penang Science Cluster* untuk menyediakan *facemask* bagi petugas barisan hadapan	60,000.00	Petugas barisan hadapan	60,000.00
22	Bantuan Barang Keperluan Harian kepada rakyat yang kurang berkemampuan	1,032,500.00	20,650 keluarga	1,032,500.00
23	Bantuan Khas Kewangan one-off RM300 kepada kakitangan barisan hadapan Bahagian Perumahan, PSUKPP	15,300.00	51 kakitangan	15,300.00
24	Peruntukan Makanan dan Minuman Petugas Ops COVID-19 PDRM	120,000.00	Petugas Ops COVID-19	120,000.00
25	Bantuan Khas Kewangan *one-off* RM500 kepada pengusaha kuda	4,500.00	9 pengusaha kuda	4,500.00
26	Bantuan Khas Kewangan *one-off* RM200 kepada pemandu bas dan *upfront* RM300 bayaran Fasa 2	260,500.00	463 pemandu bas	231,500.00
27	Pembelian *facemask* bagi perlindungan dan mitigasi ancaman COVID-19	35,000.00	Rakyat Pulau Pinang	35,000.00
28	Projek Penyediaan Makmal Minilab di Lapangan Terbang Antarabangsa Bayan Lepas	186,100.00	-	90,000.00
29	Peruntukan kepada Kelab PDRM untuk pembelian khemah semasa tempoh PKPB	225,000.00	-	225,000.00
JUMLAH BESAR		**75,062,744.00**	**100,302**	**69,582,031.00**

FASA 2.0

BIL.	INSENTIF / BANTUAN (FASA 2.0)	ANGGARAN PERUNTUKAN (RM)	BILANGAN PENERIMA SEBENAR	PERBELANJAAN SEBENAR (RM)
1	Rebat bagi cukai taksiran tahun 2020	47,311,854.20	Anggaran 597,806 (MBPP - 281,949,	47,311,854.20

BIL.	INSENTIF / BANTUAN (FASA 2.0)	ANGGARAN PERUNTUKAN (RM)	BILANGAN PENERIMA SEBENAR	PERBELANJAAN SEBENAR (RM)
			MBSP - 315,857)	
2	Bantuan Khas Kewangan sebanyak RM500 secara one-off penjaja/penggerai yang berniaga dalam kompleks makanan/ kedai persendirian (*shoplot*)	1,551,500.00	1,670 penjaja/ penggerai (MBPP - 1,229, MBSP - 441)	835,000.00
3	Bantuan Khas Kewangan sebanyak RM500 secara *one-off* kepada penjaja/penggerai yang mempunyai *tagging* dan berdaftar dengan PBT	2,833,000.00	1,586 penjaja/ penggerai (MBPP - 1,345, MBSP - 241)	793,000.00
4	Bantuan Khas Kewangan sebanyak RM300 secara *one-off* kepada kakitangan barisan hadapan yang terlibat dalam menangani wabak COVID-19	1,853,700.00	6,390 kakitangan (PDRM - 4,090, ATM - 1,436, APM - 60, RELA - 239, Vet. Askar Wataniah - 277, BOMBA - 211, PSUKPP Pengawal Keselamatan - 77)	1,917,000.00
5	Bantuan Khas Kewangan sebanyak RM300 secara *one-off* kepada ahli MPKK dan JPWK sebagai penghargaan dalam usaha membantu Kerajaan Negeri membendung penularan wabak Covid 19	1,815,000.00	3,383 ahli (MPKK - 3,074, JPWK - 309)	1,014,900.00
6	Bantuan Khas Kewangan sebanyak RM500 secara *one-off* kepada pemandu bas/van persiaran, kereta sewa / limosin pelancongan	165,500.00	351 pemandu	175,500.00
7	Bantuan Khas Kewangan sebanyak RM300 secara *one-off* kepada pengusaha lancang air (*watercraft operator*) di Pulau Pinang	6,900.00	21 pengusaha	6,300.00
8	Peruntukan RM200,000 untuk pelaksanaan Show Penang, sebuah projek bagi membangunkan kandungan digital *(digital content)* sektor seni, budaya dan warisan yang pertama dalam negara	200,000.00	24 penerima	64,830.00

BIL.	INSENTIF / BANTUAN (FASA 2.0)	ANGGARAN PERUNTUKAN (RM)	BILANGAN PENERIMA SEBENAR	PERBELANJAAN SEBENAR (RM)
9	Bantuan Khas Kewangan sebanyak RM500 secara one-*off* kepada pengusaha taska dan pusat jagaan kanak-kanak yang berdaftar dengan Jabatan Masyarakat dan tadika yang berdaftar dengan Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang	322,500.00	494 pengusaha (Tadika - 314, Taska – 118, Pusat Jagaan Kanak-Kanak - 62)	247,000.00
10	Peruntukan RM100,000 kepada pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan individu yang membantu masyarakat Pulau Pinang menangani masalah keganasan rumah tangga	100,000.00	5 NGO dan individu	65,000.00
11	Bantuan Khas Kewangan sebanyak RM400 secara *one-off* kepada Nelayan Pesisir Pantai (Zon A)	2,325,600.00	3,999 nelayan	1,599,600.00
12	Bantuan kotak insulasi (RM180) kepada 250 nelayan darat/sungai	45,000.00	250 nelayan darat/sungai	38,750.00
13	Insentif makanan ternakan bagi penternak tradisional untuk komoditi unggas, ruminan dan babi	200,147.00	988 penternak	200,001.50
14	Pinjaman Tanpa Faedah Kelangsungan Perniagaan Pulau Pinang *(Penang Business Continuity Zero Interest Loan)* - Pelancongan	10,000,000.00	93 peniaga	3,245,000.00
15	Bantuan Zakat	5,000,000.00	3,769 penerima	1,884,500.00
16	Pengecualian Kadar Sewaan dan Pajakan bagi Projek-projek CMI dan SSI bagi bulan April dan Mei 2020	271,926.00	33 pengusaha/ syarikat	271,926.00
17	Diskaun dan Pengecualian Kadar Sewaan bagi bulan April, Mei dan Jun 2020 bagi premis-premis tertentu milik PDC	1,030,000.00	387 syarikat/ premis/ penghuni	1,030,000.00

BIL.	INSENTIF / BANTUAN (FASA 2.0)	ANGGARAN PERUNTUKAN (RM)	BILANGAN PENERIMA SEBENAR	PERBELANJAAN SEBENAR (RM)
18	Konsesi sewa kepada 24 lot komersial Perbadanan Bukit Bendera Pulau Pinang untuk setengah bulan pada Januari dan Februari 2020, dan sepenuhnya untuk Mac, April dan Mei 2020. Bantuan *one-off* RM500 kepada pengendali servis jip di Bukit Bendera.	448,253.00	24 lot komersial / 13 pengendali jip	448,253.00
19	Pengecualian Sewa Bulanan RSKN dan PPR untuk bulan Jun dan Julai 2020	516,000.00	2,911 unit	516,000.00
20	Pengecualian bayaran sewa bagi unit kedai di bawah pengurusan Bahagian Perumahan Kerajaan Negeri untuk bulan Mei, Jun dan Julai 2020	76,741.00	122 unit	76,741.00
JUMLAH BESAR		**76,073,621.20**	**624,306**	**61,741,155.70**

FASA 2.1

BIL.	INSENTIF / BANTUAN (FASA 2.1)	ANGGARAN PERUNTUKAN (RM)	BILANGAN PENERIMA SEBENAR	PERBELANJAAN SEBENAR (RM)
1	Bantuan Khas Kewangan one-off RM500 kepada pengusaha kantin sekolah berdaftar di Pulau Pinang	219,500.00	462 pengusaha kantin	231,000.00
2	Bantuan Khas Kewangan one-off RM500 kepada syarikat penganjur acara *(event management)* di Pulau Pinang	100,000.00	160 syarikat	80,000.00
3	Bantuan Khas Kewangan one-off RM1,000 kepada Pertubuhan Rumah Ibadat Bukan Islam	1,711,000.00	601 pertubuhan	601,000.00
4	Bantuan Khas Kewangan one-off RM500 kepada Pertubuhan/Persatuan yang aktif dan berdaftar dengan ROS di Pulau Pinang.	1,740,500.00	634 pertubuhan/ persatuan	317,000.00
5	Bantuan Khas Kewangan one-off RM500 bagi pengusaha	75,000.00	243 pengusaha	121,500.00

BIL.	INSENTIF / BANTUAN (FASA 2.1)	ANGGARAN PERUNTUKAN (RM)	BILANGAN PENERIMA SEBENAR	PERBELANJAAN SEBENAR (RM)
	penjual akhbar dan buku Pulau Pinang			
6	Bantuan Khas Kewangan one-off RM500 bagi Persatuan Belia Pulau Pinang	257,500.00	12 persatuan	6,000.00
JUMLAH BESAR		**4,103,500.00**	**2,112**	**1,356,500.00**

ASA 3.0

BIL.	INSENTIF / BANTUAN (FASA 3.0)	ANGGARAN PERUNTUKAN (RM)	BILANGAN PENERIMA SEBENAR	PERBELANJAAN SEBENAR (RM)
1	Bantuan Khas Kewangan *one-off* RM500 kepada: i) peniaga dan penjaja berlesen; ii) penjaja/penggerai yang berniaga dalam kompleks makanan/kedai persendirian (shoplot); iii) penjaja/penggerai yang mempunyai tagging dan berdaftar dengan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT); dan iv) peniaga pasar tani (FAMA)	7,356,000.00	16,322 peniaga (i) MBPP - 6,930, MBSP - 5,770; (ii) MBPP - 1,296, MBSP - 661; (iii) MBPP - 1,410, MBSP - 173; (iv) FAMA – 82]	8,161,000.00
2	Bantuan Khas Kewangan *one-off* RM200 kepada penarik beca	57,600.00	157 penarik beca	31,400.00
3	Bantuan Khas Kewangan *one-off* RM500 kepada pengusaha kantin sekolah berdaftar di Pulau Pinang	231,000.00	435 pengusaha kantin	217,500.00
4	Bantuan Khas Kewangan *one-off* RM500 kepada peniaga yang berlesen dengan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT): i) perkhidmatan gunting rambut/salun rambut; ii) perkhidmatan salun kecantikan dan spa; iii) perkhidmatan pusat refleksologi; dan iv) perkhidmatan bekam	1,464,500.00	869 peniaga (i) MBPP - 225, MBSP - 354; (ii) MBPP - 95, MBSP - 137; (iii) MBPP - 38, MBSP - 19; (iv) MBPP - 0, MBSP - 1]	434,500.00
5	Peruntukan Khas RM30,000 kepada semua ADUN, Ahli Parlimen Kerajaan Negeri, ADUN Angkat, Pegawai Penyelaras KADUN dan	1,770,000.00	59 penerima	1,770,000.00

BIL.	INSENTIF / BANTUAN (FASA 3.0)	ANGGARAN PERUNTUKAN (RM)	BILANGAN PENERIMA SEBENAR	PERBELANJAAN SEBENAR (RM)
	Pegawai Penyelaras Khas kepada Ketua Menteri untuk membantu rakyat yang terkesan dengan PKP 2.0			
JUMLAH BESAR		**10,879,100.00**	**17,842**	**10,614,400.00**

FASA 3.1

BIL.	INSENTIF / BANTUAN (FASA 3.1)	ANGGARAN PERUNTUKAN (RM)	BILANGAN PENERIMA SEBENAR	PERBELANJAAN SEBENAR (RM)
1	Geran pensijilan halal berjumlah RM320 kepada usahawan mikro baharu dan sedia ada melalui Penang Halal International	288,000.00	88 usahawan	10,720.00
2	Bantuan Khas kewangan RM1,000 secara one-off kepada SME yang berdaftar dengan SME Association Malaysia (SAMENTA)	1,000,000.00	333 SME	333,000.00
3	Bantuan khas kewangan RM500 secara one-off kepada pengusaha kegiatan sukan dan aktiviti kecergasan yang berdaftar dengan PBT	97,000.00	38 pengusaha	19,000.00
4	Bantuan khas kewangan RM500 secara one-off kepada pengendali perkhidmatan Mobile SPA	31,500.00	42 pengusaha	21,000.00
5	Insentif makanan ternakan bagi penternak tradisional untuk komoditi unggas, ruminan dan babi di bawah seliaan Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri	574,424.00	1,088 penternak	0.00
6	Bantuan Khas Kewangan RM500 secara one-off kepada pemandu bas/van persiaran, kereta sewa / limosin pelancongan	175,500.00	142 pemandu	71,000.00
7	Bantuan Khas Kewangan RM500 secara one-off kepada pemandu pelancong berdaftar	683,500.00	587 pemandu pelancong	293,500.00

BIL.	INSENTIF / BANTUAN (FASA 3.1)	ANGGARAN PERUNTUKAN (RM)	BILANGAN PENERIMA SEBENAR	PERBELANJAAN SEBENAR (RM)
8	Bantuan Khas Kewangan RM500 secara one-off kepada pengusaha lancang air (watercraft operator) di Pulau Pinang	11,500.00	21 pengusaha lancang air	10,500.00
9	Bantuan Khas Kewangan RM500 secara one-off kepada pengusaha kuda rekreasi Pulau Pinang	4,500.00	9 pengusaha kuda	4,500.00
10	Bantuan khas kewangan RM500 secara one-off kepada pengusaha kantin dan kafeteria di IPTA/IPTS/Kolej/Institut Latihan	250,000.00	31 pengusaha kantin	15,500.00
11	Bantuan Peralatan Kesihatan Dan Penyediaan Kelengkapan Program Imunisasi COVID-19 Negeri Pulau Pinang	2,000,000.00	5 PDT	1,351,420.95
12	Bantuan khas kewangan RM5,000 secara one-off kepada pusat jagaan kanak-kanak / warga emas/ OKU /perlindungan wanita di Pulau Pinang	520,000.00	94 pusat jagaan	470,000.00
13	Bantuan khas kewangan RM1,000 secara one-off kepada *Tourist Attraction Operators*	60,000.00	10 pengusaha	10,000.00
14	Bantuan khas kewangan RM1,000 secara one-off kepada kuil-kuil yang berdaftar di bawah Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia	83,000.00	46 pertubuhan	46,000.00
15	Bantuan khas kewangan RM1,000 secara one-off kepada Rumah Ibadat Bukan Islam yang berdaftar di bawah Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia	539,000.00	286 pertubuhan	286,000.00
16	Bantuan khas kewangan RM1,000 secara one-off kepada surau berdaftar di bawah JHEAIPP	600,000.00	600 surau	600,000.00
17	Bantuan khas kewangan RM500 secara one-off kepada guru-guru sekolah agama	467,500.00	935 guru	467,500.00

BIL.	INSENTIF / BANTUAN (FASA 3.1)	ANGGARAN PERUNTUKAN (RM)	BILANGAN PENERIMA SEBENAR	PERBELANJAAN SEBENAR (RM)
	rakyat berdaftar di bawah JHEAIPP			
18	Bantuan khas kewangan RM500 secara one-off kepada Pemegang Tauliah Mengajar yang berdaftar dan diperakukan oleh JHEAIPP	27,500.00	55 pemegang tauliah mengajar	27,500.00
19	Program kerjasama pintar dengan penyedia platform marketplace digital commerce	1,000,000.00	-	353,438.00
20	Bantuan khas kewangan RM10,000.00 kepada Persatuan BOMBA Sukarela dan Pasukan CERT	360,000.00	36 persatuan	360,000.00
21	Pengecualian 2 bulan sewaan dan pajakan bagi projek-projek CMI dan SSI yang berkaitan kepada pengusaha/syarikat	381,000.00	20 pengusaha/ syarikat	381,000.00
22	Peruntukan tambahan RM20,000.00 kepada YB ADUN Kerajaan Negeri, YB Parlimen Kerajaan Negeri, YB ADUN Angkat, Pegawai Penyelaras KADUN dan Pegawai Penyelaras Khas YAB Ketua Menteri bagi membantu golongan terjejas	1,180,000.00	59 penerima	1,180,000.00
JUMLAH BESAR		**10,333,924.00**	**4,525**	**6,311,578.95**

3. Apakah rasional Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) tidak membenarkan tempat letak kereta yang tiada sambutan dijadikan tapak sementara penjaja bagi membantu golongan terkesan?

   (a) Rujuk surat Bil :MBPP.BL.100-5/1/12 kepada pihak saya, mengapa tidak disertakan alasan penolakan cadangan saya?

JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI

3. Kerajaan Negeri melalui Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) boleh mempertimbangkan sekiranya terdapat permohonan bagi menggunakan lot tempat letak kereta bagi tujuan perniagaan berdasarkan kepada perkara-perkara seperti berikut :

   (i) kesesuaian lokasi;

   (ii) penggunaan lot selepas waktu kawalan operasi tempat letak kereta;

   (iii) tempoh penggunaan lot tersebut; dan

   (iv) syarat-syarat lain tertakluk kepada kelulusan Bahagian Pelesenan MBPP.

   (a) MBPP telah meneliti cadangan yang telah diutarakan oleh Yang Berhormat ADUN Pantai Jerejak untuk menjadikan kawasan tempat letak kereta di hadapan cawangan TNB dan Old Town Bayan Baru sebagai tapak penjaja sementara bagi membantu golongan terkesan. Walau bagaimanapun, MBPP tidak dapat mempertimbangkan cadangan tersebut selepas mengambil kira beberapa faktor seperti berikut :

      (i) Tapak tersebut merupakan tempat letak kereta awam dan mempunyai kepentingan awam iaitu keperluan penggunaan tempat letak kereta untuk orang awam;

      (ii) Penggunaan tapak tersebut sebagai tapak penjaja sementara boleh menimbulkan masalah gangguan terhadap pergerakan lalu lintas di kawasan sekitar;

      (iii) Terdapat kekerapan penggunaan tempat letak kereta yang tinggi oleh orang awam yang bekerja di kawasan sekitar; dan

      (iv) Aktiviti penjajaan di kawasan tersebut boleh membahayakan keselamatan penjaja, pembeli dan pengguna jalan raya.

      Selain itu, merujuk kepada peruntukan di bawah Perintah 31(1) Perintah Pengankutan Jalan (Tempat Letak Kereta) Majlis Perbandaran Pulau Pinang 2014 menyatakan bahawa tidak membenarkan apa-apa aktiviti perdagangan atau perniagaan dijalankan di mana-mana tempat letak kereta atau petak letak kereta.

4. Mohon Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) senaraikan jumlah kutipan dari caj tempat letak kereta yang terdapat di DUN Pantai Jerejak.

JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI

4. Jumlah nnn keseluruhan kutipan caj tempat letak kereta di kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Pantai Jerejak bermula 19 Ogos 2019 sehingga 31 Julai 2021 melalui sistem *Penang Smart Parking* adalah sebanyak RM1,642,588.00. Perincian kutipan caj tempat letak kereta secara bulanan adalah seperti di LAMPIRAN A.

LAMPIRAN A

JUMLAH KUTIPAN BULANAN CAJ TEMPAT LETAK KERETA DI KAWASAN DUN PANTAI JEREJAK

Bulan	Kutipan Bulanan		
	2019 **(Bermula 19 Ogos 2019)**	**2020**	**2021** **(Sehingga 31 Julai 2021)**
Januari	[redacted]	RM58,389.20	RM106,430.40
Februari		RM71,820.80	RM110,484.00
Mac		RM50,156.40	RM172,834.00
April		RM5,917.60	RM156,415.20
Mei		RM19,007.60	RM104,312.00
Jun		RM50,033.20	RM65,490.00
Julai		RM73,396.40	RM86,713.20
Ogos	RM169.20	RM71,489.60	[redacted]
September	RM1,063.20	RM98,538.40	
Oktober	RM3,628.00	RM113,054.40	
November	RM7,932.40	RM95,236.40	
Disember	RM17,274.00	RM102,802.40	
Jumlah Kutipan	**RM30,066.80**	**RM809,842.40**	**RM802,678.80**
Jumlah Keseluruhan	**RM1,642,588**		

5. Mohon Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) senaraikan secara terperinci peruntukan yang digunakan atau projek pembangunan yang diadakan di DUN Pantai Jerejak.

JAWAPAN OLEH YAB. KETUA MENTERI:

5. Terdapat sebanyak 10 projek pembangunan dengan peruntukan keseluruhan berjumlah sebanyak RM58,624,331.00 telah diperuntukan bagi projek pembangunan di kawasan KADUN Pantai Jerejak semenjak tahun 2017 sehingga kini. Senarai terperinci projek dan peruntukan adalah seperti di bawah:

BIL	PERKARA	STATUS	KOS (RM)	PERUNTUKAN (PERSEKUTUAN/ NEGERI / MBPP)
1	*Request For Proposal* (RFP) Bagi Cadangan Menggantikan Lampu Jalan *High Pressure Sodium Vapour* (HPSV) Kepada Lampu Jenis *Light Emitting Diode* (LED) Di Kawasan Penyelenggaraan Majlis Bandaraya Pulau Pinang (Fasa 2)	Siap (2021)	4,200,000.00	MBPP
2	Penyelenggaraan Lampu Jalan	Siap (2020)	366,250.00	MBPP
		Siap (2021)	241,450.00	
3	Pembaikan Lampu Di Laluan Basikal	Siap (2020)	210,724.00	MBPP
		Siap (2021)	155,178.00	
4	Pemasangan Lampu Solar Di Laluan Basikal Bilangan (19) unit	Siap (2020)	182,565.00	MBPP
5	Projek Pembinaan Laluan Basikal dan Pejalan Kaki Dan Lain-Lain Kerja Berkaitan di Lebuhraya Kampung Jawa, Pulau Pinang	Siap (2019)	2,000,000.00	MBPP
6	Menaik taraf Dan Mengubahsuai Tandas Kompleks Makan Bayan Baru, Pulau Pinang.	Siap (2018)	390,398.00	MBPP
7	Membina Struktur Bumbung Bagi Laluan Basikal Di Jambatan Harapan, Mukim 12, Bayan Lepas, Daerah Timur Laut, Pulau Pinang	Siap (2020)	675,836.00	PERSEKUTUAN
8	Membaik pulih Bumbung (Water Proofing) Dan Tangki Air Desa Putra, Lot 15987, Mukim 12, Bayan Baru, Daerah Timur Laut, Pulau Pinang.	Siap (2021)	127,000.00	PERSEKUTUAN
9	Pembinaan Bilik Kios Di Pusat Bayaran Setempat, Spice,Mukim 12, Bayan Baru, Daerah Timur Laut, Pulau Pinang	Siap (2021)	74,930.00	MBPP
10	Membina Bangunan Pusat Konvensyen Antarabangsa Pulau Pinang (SPICE) Di Atas Lot 11569, 11543 & 7481, Mukim 12 Jalan Tun Dr Awang Daerah Barat Daya Pulau Pinang	Siap (2017)	50,000,000.00	MBPP
JUMLAH KESELURUHAN			**58,624,331.00**	

6. Apakah status proses pemutihan yang dijalankan oleh Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) terhadap peniaga-peniaga di sepanjang Jalan Mahsuri yang menggunakan pintu belakang rumah sebagai premis perniagaan?

JAWAPAN OLEH YAB. KETUA MENTERI:

6. Premis di sekitar Jalan Mahsuri, Bayan Baru adalah dikategorikan sebagai zon "Perumahan Tetap Sedia Ada" di bawah Pelan Dasar Perancangan Dan Kawalan Pemajuan, Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), 1996. Menurut Pelan Dasar ini, pertukaran ke atas kegunaan tanah dan bangunan kepada komersial adalah tidak dibenarkan.

Oleh yang demikian, pada masa ini tiada garis panduan khusus yang digubal untuk membenarkan pertukaran kegunaan bangunan kediaman sediada kepada aktiviti komersial di sekitar Jalan Mahsuri, Bayan Baru. Jalan Mahsuri juga bukan jalan akses keluar masuk yang sah bagi premis-premis tersebut.

Aktiviti komersial yang dijalankan di tapak pada masa ini adalah tidak sah kerana bercanggah dengan Pelan Dasar Perancangan Dan Kawalan Pemajuan, MBPP tersebut. Setakat ini, tiada proses pemutihan yang dijalankan terhadap peniaga-peniaga yang menjalankan perniagaan tanpa kebenaran di kawasan tersebut.

7. Apakah status permohonan gelanggang bola keranjang berbumbung di Taman Sunway Tunas?

JAWAPAN OLEH YAB. KETUA MENTERI:

7. Berdasarkan rekod semakan terkini, Pejabat Daerah dan Tanah Daerah Barat Daya (PDTDBD) tidak menerima sebarang permohonan daripada Pejabat ADUN Pantai Jerejak berkaitan naik taraf gelanggang bola keranjang berbumbung di Taman Sunway Tunas.

Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) pula tiada halangan untuk menaik taraf gelanggang bola keranjang sedia ada di atas tanah kerajaan di kawasan Sunway Tunas namun tertakluk kepada persetujuan Pihak Berkuasa Negeri.

Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) akan memanjangkan surat kepada ADUN Pantai Jerejak untuk memaklumkan bahawa pihak MBPP tiada mempunyai sebarang bantahan terhadap permohonan penaiktarafan gelanggang bola keranjang di Taman Sunway Tunas.

Seterusnya, ADUN Pantai Jerejak boleh mengemukakan surat permohonan penaiktarafan gelanggang bola keranjang di Taman Sunway Tunas kepada Pejabat MMK Belia dan Sukan Negeri Pulau Pinang.

Tanah lapang ini adalah merupakan tanah lapang milik kerajaan yang belum diwartakan. Oleh yang demikian, sebarang cadangan pembangunan yang ingin dilakukan di atas tanah tersebut perlu mendapatkan ulasan atau kelulusan daripada Kerajaan Negeri Pulau Pinang terlebih dahulu.

8. Apakah perancangan Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) terhadap Padang Rekreasi di hadapan Public Bank Pantai Jerejak?

JAWAPAN OLEH YAB. KETUA MENTERI:

8. Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) telah pun meluluskan perancangan pemajuan Padang Rekreasi di hadapan Public Bank Pantai Jerejak berdasarkan kepada permohonan dan lawatan tapak bersama Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK)

dan wakil pejabat ADUN Pantai Jerejak pada 4 Ogos 2021. Skop projek ini adalah melibatkan penyediaan kemudahan orang awam seperti berikut:

(a) pemasangan alat senaman luar;

(b) penambahan peralatan mainan kanak-kanak; dan

(c) meningkatkan tahap keselamatan melalui pencahayaan di tanah lapang.

Perancangan projek di Tanah Lapang Pantai Jerejak dianggarkan berjumlah RM14,704.00 menggunakan peruntukan tahunan MBPP dan projek dijangka bermula pada bulan Oktober 2021.

9. Mohon Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) senaraikan secara terperinci jumlah tindakan dan rampasan yang dilakukan untuk tempoh Januari dan Ogos 2021.

JAWAPAN OLEH YAB. KETUA MENTERI:

9. Jumlah keseluruhan tindakan penguatkuasaan dan rampasan ke atas penjaja tidak berlesen di kawasan Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dalam tempoh Januari hingga Ogos 2021 adalah sebanyak 164 kes iaitu 63 kes di Daerah Timur Laut manakala 101 kes di Daerah Barat Daya. Perincian jumlah tindakan penguatkuasaan dan rampasan mengikut daerah adalah seperti berikut:

BULAN	TINDAKAN PENGUATKUASAAN DAN RAMPASAN		JUMLAH
	DTL	DBD	
JAN	1	0	1
FEB	0	0	0
MAC	13	5	18
APRIL	22	23	45
MEI	6	26	32
JUN	14	37	51
JULAI	7	10	17
*OGOS (sehingga 16 Ogos 2021)	0	0	0
JUMLAH KESELURUHAN	63	101	164

10. Adakah Kerajaan Negeri melalui Bahagian Perancang Ekonomi Negeri (BPEN) bercadang untuk mendirikan Dewan Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) kepada semua MPKK di DUN Pantai Jerejak?

JAWAPAN OLEH YAB. KETUA MENTERI:

10. Sehingga kini, terdapat sejumlah empat (4) dewan untuk kegunaan Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) di DUN Pantai Jerejak iaitu Dewan MPKK Sungai Nibong Besar, Dewan MPKK Sungai Nibong Pantai, Dewan MPKK Jalan Tengah dan Dewan MPKK Jalan Tengah Selatan. Kerajaan Negeri pada masa ini tidak berhasrat untuk mendirikan Dewan MPKK kepada semua MPKK di DUN Pantai Jerejak. Sebarang perancangan pembinaan dewan baharu adalah bergantung kepada kedudukan kewangan semasa Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

11. Mohon Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) senaraikan secara terperinci tapak atau tanah kosong yang masih ada di DUN Pantai Jerejak.

JAWAPAN OLEH YAB. KETUA MENTERI:

11. Tapak/ tanah kosong yang masih ada di kawasan DUN Pantai Jerejak adalah berkeluasan 5.1223 ekar seperti perincian di Jadual dibawah dan pelan yang dilampirkan.

SENARAI TAPAK/TANAH KOSONG DI KAWASAN DUN PANTAI JEREJAK


Bil.	Lokasi	Keluasan (ekar)
1.	Bersebelahan Loji Bayan Mutiara, Mukim 12, DBD	0.4700
2.	Lot 71400, Mukim 12, DBD	0.8319
3.	Lot 71447, Mukim 12, DBD	0.0766
4.	Lot 7596, Mukim 12, DBD	0.5636
5.	Sebahagian Lot 11611, Mukim 12, DBD	1.4000
6.	Lot 2327, Mukim 12, DBD	0.5310
	Lot 2328, Mukim 12, DBD	0.4462
7.	Tapak Bersebelahan RIBI, Mukim 12, DBD	0.3000
	Tapak Bersebelahan RIBI, Mukim 12, DBD	0.5030
JUMLAH		**5.1223**

* *Maklumat setakat Julai 2021*

** Sila rujuk pelan yang di lampirkan berdasarkan nombor bilangan di dalam jadual


LAMPIRAN 2

PELAN LOKASI TAPAK/TANAH KOSONG DI KAWASAN DUN PANTAI JEREJAK



LAMPIRAN 3

PELAN LOKASI TAPAK/TANAH KOSONG DI KAWASAN DUN PANTAI JEREJAK




12. Senaraikan secara terperinci tapak Rumah Ibadat Bukan Islam (RIBI) yang masih ada di DUN Pantai Jerejak.

JAWAPAN OLEH YAB. KETUA MENTERI:

12. Berdasarkan data yang telah dikemas kini pada tahun 2016 daripada SMARTPLAN Geoportal, sistem maklumat guna tanah PLANMalaysia@Pulau Pinang, terdapat dua (2) tapak Rumah Ibadat Bukan Islam (RIBI) yang masih ada di DUN Pantai Jerejak iaitu tapak bagi Tokong Cina. Perincian tapak RIBI adalah seperti di bawah:

BIL	NAMA PERSATUAN	ALAMAT	KELUASAN BANGUNAN (m.p)	STATUS TANAH
1	Tokong Cina Tua Pek Kong (Belakang Pasar) Bayan Baru	Sebahagian Lot 1096 Jln.Sungai Nibong Mukim 12, Daerah Barat Daya, Pulau Pinang	290.63	Tanah Kerajaan
2	Tokong Cina Sungai Nibong	Lot 5808, Jln.Sungai Nibong, Sungai Nibong, Mukim 12, Daerah Barat Daya, Pulau Pinang	1496.18	Tanah Milik

PLANMalaysia@Pulau Pinang akan melaksanakan semula Kajian Korelasi Pola Pembangunan Dan Taburan Tempat-Tempat Ibadat Bukan Islam untuk keseluruhan Negeri Pulau Pinang yang dijangka bermula pada tahun 2022.


KADUN
PANTAI
JEREJA

13. Masalah rumah tidak berpenghuni sehingga dipenuhi semak dan pokok liar masih tiada penyelesaian.

(a) Apakah mekanisme Pihak Berkuasa Negeri dalam menangani isu ini supaya tidak menimbulkan ketidakselesaan kepada jiran sebelah?

JAWAPAN OLEH YAB. KETUA MENTERI:

13. (a) Bagi mengatasi masalah rumah tidak berpenghuni sehingga dipenuhi semak dan pokok liar, PBT melaksanakan tindakan penguatkuasaan melalui SOP seperti berikut:

(i) Membuat carian maklumat pemilik di Pejabat Tanah dan Galian;

(ii) Mengeluarkan Notis Menghendaki Kacau Ganggu Dihapuskan di bawah Seksyen 82 Akta Kerajaan Tempatan 1976 atau Notis di bawah Seksyen 8(1) Akta Pemusnahan Serangga Pembawa Penyakit 1975 kepada pemilik rumah;

(iii) Mengambil tindakan penguatkuasaan dengan mengeluarkan kompaun sekiranya kehendak notis tidak dipatuhi;

(iv) Melakukan kerja-kerja pembersihan dan mengenakan kos pembersihan kepada pemilik rumah berkenaan; dan

(v) Mengambil tindakan mahkamah.

14. Bolehkah Lembaga Perumahan memperincikan tawaran Tabung Penyelenggaraan Maksimum 80% (TPM80PP) di kawasan Parlimen Bayan Baru berdasarkan jenis projek sama ada penyelenggaraan lif, bumbung, jalan tar dan cat?

JAWAPAN OLEH YAB. KETUA MENTERI:

14. Kerajaan Negeri Pulau Pinang di bawah tadbir urus yang cekap, amanah dan telus telah mampu mewujudkan satu tabung yang dikenali dengan nama Tabung Penyelenggaraan Maksima 80 Pulau Pinang (TPM80PP). Penubuhan tabung ini dengan tujuan utama adalah untuk membantu kediaman berstrata dalam hal ehwal penyenggaraan harta bersama. Ini merupakan salah satu inisiatif dalam meningkatkan taraf hidup dan kesejahteraan rakyat di seluruh Negeri Pulau Pinang.

Sejak tabung ini ditubuhkan pada tahun 2008, sebanyak RM45.2 juta telah dibelanjakan dengan bilangan kerja sebanyak 479. Khusus bagi Parlimen Bayan Baru pula, sebanyak RM7,819,622.06 telah diluluskan dengan bilangan kerja sebanyak 55. Perincian bagi setiap kerja adalah seperti di **bawah:**

BIL	JENIS PROJEK	BIL PROJEK	AMAUN
1	Menaiktaraf dan/atau Menggantikan Lif	30	RM5,749,195.30
2	Menggantikan dan/atau Menaiktaraf Bumbung	5	RM417,708.30
3	Pengecatan	4	RM473,130.00
4	Penggantian Tangki dan/atau Menaiktaraf Sistem Perpaipan	12	RM932,286.40
5	Penurapan Jalan	1	RM12,017.70
6	Dinding Bata/Pagar *(Anti Climb)*	2	RM204,084.36
7	Railing /Jeriji Tangga	1	RM31,200.00
JUMLAH		**55**	**RM7,819,622.06**

15. Adakah Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) ada rancangan untuk mengurangkan cukai taksiran kepada pengusaha-pengusaha Kompleks Beli Belah yang terjejas akibat pelaksanaan Pelan Pemulihan Negara (PPN) dan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) sebelum ini?

JAWAPAN OLEH YAB. KETUA MENTERI:

15. Bagi mengurangkan beban cukai taksiran kepada pengusaha-pengusaha Kompleks Beli-Belah yang terjejas akibat perlaksanaan Pelan Pemulihan Negara dan Perintah Kawalan Pergerakan sebelum ini, kedua-dua Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) telah memberikan rebat kepada pengusaha-pengusaha Kompleks Beli-Belah seperti berikut:

    (a) Pada tahun 2020, pemberian rebat sebanyak 100% diberikan bagi perbezaan kenaikan cukai taksiran dalam Senarai Nilaian Baharu 2020 berbanding cukai taksiran dari tahun 2019; dan

    Pada tahun 2021, pemberian rebat sebanyak 50% diberikan bagi perbezaan kenaikan cukai taksiran dalam Senarai Nilaian Baharu 2020 berbanding cukai taksiran dari tahun 2019.

16. Bolehkah pihak Lembaga Perumahan Pulau Pinang senaraikan secara terperinci kekosongan unit rumah Kos Rendah yang masih terdapat di bahagian Pulau?

JAWAPAN OLEH YAB. KETUA MENTERI:

16. Secara keseluruhan sehingga 15 Ogos 2021 terdapat sebanyak 1,016 unit Rumah Mampu Milik (RMM A) sedia untuk ditawarkan dengan pecahan sebanyak 43 unit di daerah Timur Laut dan 973 unit di daerah Barat Daya. Dalam masa yang sama, terdapat sebanyak 2,581 senarai menunggu RMM A di daerah Timur Laut dan 3,436 di daerah Barat Daya. Sehubungan dengan itu, Jawatankuasa Pembersihan dan Peningkatan Mutu Proses Pemilihan Perumahan (JPPPP)/Selection and Process Enhancement Committee (SPEC) membenarkan untuk pemohon RMM A dari daerah Timur Laut untuk ditawarkan ke daerah Barat Daya tanpa menjejaskan kekananan permohonan. Di bawah keputusan ini, sebanyak 200 nama dari senarai menunggu RMM A di daerah Timur Laut telah ditawarkan ke projek di daerah Barat Daya. Perlu juga diambil maklum sebanyak 612 unit RMM A yang berada di daerah Barat Daya ditawarkan di bawah kaedah Sewa Beli yang dapat mengatasi isu penolakan pinjaman dan unit-unit ini siap dan sedia untuk didiami. Senarai terperinci unit RMM A di kawasan pulau adalah sepertimana diperincikan di **bawah:**

BIL.	NAMA PROJEK	BILANGAN UNIT	BAKI UNIT
DAERAH TIMUR LAUT			
1.	TURNKEY	361	19
2.	SERI SAUJANA	238	24
DAERAH BARAT DAYA			
3.	SERI BAYU	123	2
4.	K PARK	1,124	964
5.	PANGSAPURI RIMBUN	459	7
	JUMLAH	**2,305**	**1,016**

17. Bolehkah pihak Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) memberi perincian:

    (a) Kes positif COVID-19 yang terlibat di Pasar Bayan Baru dan Kompleks Makanan dan Minuman Bayan Baru dari Januari hingga Ogos 2021?

(b) Apakah tindakan pihak MBPP dalam membendung penularan virus COVID-19 dalam dua (2) premis ini?

JAWAPAN OLEH YAB. KETUA MENTERI:

17. (a) Bagi tempoh Januari hingga Ogos 2021, bilangan kes positif COVID-19 yang direkodkan di Pasar dan Kompleks Makanan Bayan Baru adalah dua (2) kes sahaja.

(b) Tindakan yang diambil oleh MBPP bagi membendung penularan virus COVID-19 di kedua-dua premis ini adalah seperti berikut:

(i) Mewajibkan pemeriksaan suhu dan imbasan MySejahtera bagi setiap peniaga dan pengunjung Pasar dan Kompleks Makanan Bayan Baru;

(ii) Mengadakan kawalan RELA/Polis Komuniti di pintu masuk;

(iii) Menyediakan laluan keluar masuk sehala bagi memudahkan kawalan;

(iv) Menghadkan jumlah pelanggan yang memasuki pasar dan kompleks dalam satu-satu masa;

(v) Membuat hebahan berkala kepada peniaga dan pelanggan mengenai pentingnya penjarakan fizikal dan kewajipan memakai face mask dengan sempurna;

(vi) Menjalankan pemantauan harian di Pasar dan Kompleks Makanan Bayan Baru; dan

Mengambil tindakan sewajarnya selaras dengan arahan yang dikeluarkan Majlis Keselamatan Negara dari masa ke semasa.

18. Tindakan penguatkuasaan terhadap penjaja-penjaja tepi jalan DUN Pantai Jerejak.

(a) Berapakah jumlah penguatkuasaan yang telah dijalankan oleh pihak Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dalam tempoh Januari hingga Ogos 2021?

(b) Selain kaedah tindakan penguatkuasaan, apakah perancangan lain MBPP dalam isu penjaja tepi jalan?

JAWAPAN OLEH YAB. KETUA MENTERI:

18. (a) Sehingga 17 Ogos 2021, Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) telah menjalankan sebanyak 18 tindakan penguatkuasaan di KADUN Pantai Jerejak. Perincian tindakan penguatkuasaan mengikut bulan adalah seperti berikut:

Bil	Bulan	Bilangan
1.	Januari	0
2.	Februari	0
3.	Mac	1
4.	April	3
5.	Mei	2
6.	Jun	8
7.	Julai	4
8.	Ogos	0
Jumlah		18

(b) Pihak MBPP sememangnya mengambil berat terhadap isu-isu penjaja tersebut. Bagi mengatasi isu penjaja tersebut, terdapat beberapa perancangan seperti berikut:

(i) Mengeluarkan Permit Sementara Bagi Perniagaan Dari Rumah (Business From Home) untuk membantu rakyat yang terkesan akibat pandemik COVID-19 pada awal Oktober 2020;

(ii) Memberikan lesen trak bergerak bagi memudahkan para peniaga yang baru berniaga dengan membenarkan pemegang lesen beroperasi di mana-mana tiga (3) lokasi

(iii) Menyediakan gerai kepada peniaga pasar malam/ pagi/ minggu/ tani bagi membantu golongan terjejas dan tidak dapat beroperasi sepanjang pandemik COVID-19 serta memberikan pengecualian bayaran sewaan. Individu yang menjalankan perniagaan di dalam pasar/kompleks juga dibenarkan menukar jenis perniagaan yang lain sekiranya aktiviti semasa tidak dibenarkan berdasarkan ketetapan MKN;

(iv) Membuat pengisian tawaran tapak pasar/ kompleks/ tapak penjaja MBPP dengan lebih kerap. Proses permohonan dilaksanakan secara atas talian bagi memastikan orang awam boleh memohon dan mendapat tapak perniagaan dengan pengecualian caj bayaran selama tempoh 6 bulan; dan

(v) Melaksanakan program Jom Beli Online (JBO) bagi membantu peniaga menjalankan perniagaan secara atas talian dengan kerjasama pihak lain ataupun dengan menjalankan perniagaan sendiri.

Selain itu, Kerajaan Negeri turut prihatin terhadap penjaja yang terkesan dengan memberikan bantuan kepada penjaja berlesen dan penjaja tagging yang disalurkan melalui Pakej Bantuan Rakyat 1.0, 2.0 & 3.0 iaitu sebanyak RM500.00 dari tahun 2020 hingga 2021.

19. Dari tempoh Januari hingga Ogos 2021, berapakah perbelanjaan Kerajaan Negeri dalam edaran bakul makanan kepada penduduk terkesan di Pulau Pinang dan dalam tempoh sama berapakah kos telah dibelanja untuk Pakej Rangsangan Ekonomi serta perinciannya?

JAWAPAN OLEH YAB. KETUA MENTERI:

19. Dari tempoh Januari hingga Ogos 2021, Kerajaan Negeri telah membelanjakan peruntukan berjumlah RM540,000.00 bagi tujuan menyediakan bantuan bakul makanan/pek makanan kering kepada penduduk yang terkesan akibat pandemik COVID-19 di Pulau Pinang.

Selain itu, YB. Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) dan YB. Parlimen juga telah diberikan peruntukan berjumlah RM50,000.00 di bawah Pakej Bantuan Khas (Penang Lawan COVID-19) untuk memberikan bantuan segera kepada penduduk yang terjejas di kawasan masing-masing termasuk penyediaan bakul makanan. Implikasi kos keseluruhan peruntukan khas ini adalah berjumlah RM2.95 juta.

Kerajaan Negeri turut menyediakan peruntukan tahunan bagi tujuan pemberian bekalan di bawah P16(03) bagi setiap KADUN berjumlah RM120,000.00 bagi YB. ADUN dan RM220,000.00 bagi YB. Pengerusi Jawatankuasa Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMK). Peruntukan ini digunakan bagi tujuan membantu rakyat yang terjejas dalam tempoh pandemik ini.

Peruntukan keseluruhan yang telah diperuntukkan bagi Pakej Bantuan Khas (Penang Lawan COVID-19) Fasa 3 dan Fasa 3.1 pada tahun ini adalah berjumlah RM21.21 juta. Perincian Pakej Bantuan Khas (Penang Lawan COVID-19) Fasa 3 adalah seperti di LAMPIRAN A manakala Fasa 3.1 adalah seperti di LAMPIRAN B.

LAMPIRAN A

LAPORAN PAKEJ BANTUAN KHAS (PENANG LAWAN COVID-19) FASA 3 KEMASKINI SEHINGGA 17 OGOS 2021									
BIL.	**INSENTIF / BANTUAN**	**ANGGARAN PENERIMA MANFAAT**	**ANGGARAN PERUNTUKAN (RM)**	**AGENSI PELAKSANA / PEMBAYAR**	**PECAHAN BILANGAN PENERIMA**	**BILANGAN PENERIMA MANFAAT SEBENAR**	**PERBELANJAAN SEBENAR (RM)**	**BAKI (RM) (RM)**	**PERATUS BELANJA (%)**
1	Bantuan Khas Kewangan *one-off* **RM500** kepada:	**14,712 peniaga MBPP - 9,380 MBSP - 5,200 FAMA - 132**	7,356,000.00	**MBPP MBSP FAMA**	**16,322**	**16,322**	8,161,000.00	**- 805,000.00**	**110.94**
	i) peniaga dan penjaja berlesen;	6,806		MBPP	6,930				
		4,518		MBSP	5,770				
	ii) penjaja/penggerai yang berniaga dalam kompleks makanan/kedai persendirian (*shoplot*);	1,229		MBPP	1,296				
		441		MBSP	661				
	iii) penjaja/penggerai yang mempunyai t*agging* dan berdaftar dengan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT); dan	1,345		MBPP	1,410				
		241		MBSP	173				
	iv) peniaga pasar tani (FAMA)	132		FAMA	82				
2	Bantuan Khas Kewangan *one-off* **RM200** kepada penarik beca.	288 penarik beca	57,600.00	**BPEN, PSUKPP**	157	**157**	31,400.00	**26,200.00**	**54.51**
3	Bantuan Khas Kewangan *one-off* **RM500** kepada pengusaha kantin sekolah berdaftar di Pulau Pinang	462 pengusaha	231,000.00	**Jabatan Pendidikan Negeri, JHEAIPP**	435	**435**	217,500.00	**13,500.00**	**94.16**
4	Bantuan Khas Kewangan *one-off* **RM500** kepada peniaga yang berlesen dengan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) :	**2929 peniaga MBPP - 1334 MBSP - 1595**	1,464,500.00	**MBPP MBSP**	**869**	**869**	434,500.00	**1,030,000.00**	**29.67**
	i) perkhidmatan gunting rambut/salun rambut;	760		MBPP	225				
		1421		MBSP	354				
	ii) perkhidmatan salun kecantikan dan spa;	489		MBPP	95				
		131		MBSP	137				
	iii) perkhidmatan pusat refleksologi; dan	85		MBPP	38				
		34		MBSP	19				
	iv) perkhidmatan bekam	0		MBPP	0				
		9		MBSP	1				

LAMPIRAN A

LAPORAN PAKEJ BANTUAN KHAS (PENANG LAWAN COVID-19) FASA 3 KEMASKINI SEHINGGA 17 OGOS 2021									
BIL.	**INSENTIF / BANTUAN**	**ANGGARAN PENERIMA MANFAAT**	**ANGGARAN PERUNTUKAN (RM)**	**AGENSI PELAKSANA / PEMBAYAR**	**PECAHAN BILANGAN PENERIMA**	**BILANGAN PENERIMA MANFAAT SEBENAR**	**PERBELANJAAN SEBENAR (RM)**	**BAKI (RM) (RM)**	**PERATUS BELANJA (%)**
5	Peruntukan Khas **RM30,000** kepada semua ADUN, Ahli Parlimen Kerajaan Negeri, ADUN Angkat, Pegawai Penyelaras KADUN dan Pegawai Penyelaras Khas Parlimen untuk membantu rakyat yang terkesan dengan PKP 2.0	59	1,770,000.00	**JKN**	58	**59**	1,770,000.00	**0.00**	**100.00**
	JUMLAH		**10,879,100.00**		**17,841**	**17,842**	**10,614,400.00**	**264,700.00**	**97.57**

LAMPIRAN B

LAPORAN PAKEJ BANTUAN KHAS (PENANG LAWAN COVID-19) FASA 3.1 KEMASKINI SEHINGGA 17 OGOS 2021								
BIL	**INSENTIF/BANTUAN**	**ANGGARAN PENERIMA**	**IMPLIKASI KEWANGAN (RM)**	**JABATAN/ AGENSI PELAKSANA**	**BILANGAN PENERIMA SEBENAR**	**BELANJA SEBENAR (RM)**	**BAKI (RM)**	**PERATUS BELANJA (%)**
1	Geran pensijilan halal berjumlah RM320 kepada usahawan mikro baharu dan sedia ada melalui Penang Halal International (PHI).	900	288,000.00	Penang Halal International (PHI)	88	10,720.00	**277,280.00**	**3.72**
2	Bantuan Khas kewangan RM1,000 secara *one-off* kepada SME yang berdaftar dengan *SME Association Malaysia* (SAMENTA)	1,000	1,000,000.00	BPEN	333	333,000.00	**667,000.00**	**33.30**
3	Bantuan khas kewangan RM500 secara *one-off* kepada pengusaha kegiatan sukan dan aktiviti kecergasan yang berdaftar dengan PBT.	194	97,000.00	BKT (MBPP & MBSP)	38	19,000.00	**78,000.00**	**19.59**
4	Bantuan khas kewangan RM500 secara *one-off* kepada pengendali perkhidmatan *Mobile Spa*	63	31,500.00	BKT (MBPP & MBSP)	42	21,000.00	**10,500.00**	**66.67**

LAMPIRAN B

LAPORAN PAKEJ BANTUAN KHAS (PENANG LAWAN COVID-19) FASA 3.1 KEMASKINI SEHINGGA 17 OGOS 2021								
BIL	**INSENTIF/BANTUAN**	**ANGGARAN PENERIMA**	**IMPLIKASI KEWANGAN (RM)**	**JABATAN/ AGENSI PELAKSANA**	**BILANGAN PENERIMA SEBENAR**	**BELANJA SEBENAR (RM)**	**BAKI (RM)**	**PERATUS BELANJA (%)**
5	Insentif makanan ternakan bagi penternak tradisional untuk komoditi unggas, ruminan dan babi di bawah seliaan Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri (JPV).	1,088	574,424.00	Jabatan Perkhidmatan Veterinar	1,088	0.00	**574,424.00**	**0.00**
6	Bantuan Khas Kewangan RM500 secara *one-off* kepada pemandu bas/van persiaran, kereta sewa / limosin pelancongan.	351	175,500.00	BPEN	142	71,000.00	**104,500.00**	**40.46**
7	Bantuan Khas Kewangan RM500 secara *one-off* kepada pemandu pelancong berdaftar.	1,367	683,500.00	BPEN	587	293,500.00	**390,000.00**	**42.94**
8	Bantuan Khas Kewangan RM500 secara *one-off* kepada pengusaha lancang air (*watercraft operator*) di Pulau Pinang.	23	11,500.00	BPEN	21	10,500.00	**1,000.00**	**91.30**
9	Bantuan Khas Kewangan RM500 secara *one-off* kepada pengusaha kuda rekreasi Pulau Pinang.	9	4,500.00	BPEN	9	4,500.00	**0.00**	**100.00**
10	Bantuan khas kewangan RM500 secara *one-off* kepada pengusaha kantin dan kafeteria di IPTA/IPTS/Kolej/Institut Latihan	500	250,000.00	BKP	31	15,500.00	**234,500.00**	**6.20**
11	Bantuan Peralatan Kesihatan Dan Penyediaan Kelengkapan Program Imunisasi COVID-19 Negeri Pulau Pinang	-	2,000,000.00	BKP	5	1,351,420.95	**648,579.05**	**67.57**
12	Bantuan khas kewangan RM5,000 secara *one-off* kepada pusat jagaan kanak-kanak / warga emas/ OKU /perlindungan wanita di Pulau Pinang	104	520,000.00	Jabatan Kebajikan Masyarakat	94	470,000.00	**50,000.00**	**90.38**
13	Bantuan khas kewangan RM1,000 secara *one-off* kepada *Tourist Attraction Operators*.	60	60,000.00	BPEN	10	10,000.00	**50,000.00**	**16.67**
14	Bantuan khas kewangan RM1,000 secara *one-off* kepada kuil-kuil yang berdaftar di bawah Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia	83	83,000.00	BPEN / Lembaga Wakaf Hindu	46	46,000.00	**37,000.00**	**55.42**

LAMPIRAN B

LAPORAN PAKEJ BANTUAN KHAS (PENANG LAWAN COVID-19) FASA 3.1 KEMASKINI SEHINGGA 17 OGOS 2021								
BIL	**INSENTIF/BANTUAN**	**ANGGARAN PENERIMA**	**IMPLIKASI KEWANGAN (RM)**	**JABATAN/ AGENSI PELAKSANA**	**BILANGAN PENERIMA SEBENAR**	**BELANJA SEBENAR (RM)**	**BAKI (RM)**	**PERATUS BELANJA (%)**
15	Bantuan khas kewangan RM1,000 secara *one-off* kepada Rumah Ibadat Bukan Islam yang berdaftar dibawah Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia	539	539,000.00	BPEN	286	286,000.00	**253,000.00**	**53.06**
16	Bantuan khas kewangan RM1,000 secara *one-off* kepada surau berdaftar dibawah JHEAIPP	600	600,000.00	JHEAIPP	600	600,000.00	**0.00**	**100.00**
17	Bantuan khas kewangan RM500 secara *one-off* kepada guru-guru sekolah agama rakyat berdaftar dibawah JHEAIPP	935	467,500.00	JHEAIPP	935	467,500.00	**0.00**	**100.00**
18	Bantuan khas kewangan RM500 secara *one-off* kepada Pemegang Tauliah Mengajar yang berdaftar dan diperakukan oleh JHEAIPP	55	27,500.00	JHEAIPP	55	27,500.00	**0.00**	**100.00**
19	Program kerjasama pintar dengan penyedia *platform marketplace digital commerce*	15,000	1,000,000.00	BPEN / PHI		353,438.00	**646,562.00**	**35.34**
20	Bantuan khas kewangan RM10,000.00 kepada Persatuan BOMBA Sukarela dan Pasukan CERT	36	360,000.00	BKP	36	360,000.00	**0.00**	**100.00**
21	Pengecualian 2 bulan sewaan dan pajakan bagi projek-projek CMI dan SSI yang berkaitan kepada pengusaha/syarikat	20	381,000.00	CMI	20	381,000.00	**0.00**	**100.00**
22	Peruntukan tambahan RM20,000.00 kepada YB ADUN Kerajaan Negeri, YB Parlimen Kerajaan Negeri, YB ADUN Angkat, Pegawai Penyelaras KADUN dan Pegawai Penyelaras Khas YAB Ketua Menteri bagi membantu golongan terjejas	59	1,180,000.00	JKN	59	1,180,000.00	**0.00**	**100.00**
	JUMLAH KESELURUHAN (RM)	**22,986**	**10,333,924.00**		**4,525**	**6,311,578.95**	**4,022,345.05**	**61.08**

5

ID169/02

20. Bagi tempoh Januari hingga Ogos 2021, berapakah bantuan dari pihak Zakat yang telah disalurkan kepada penduduk Pantai Jerejak yang terkesan?

(a) Adakah pihak Zakat bercadang untuk memastikan lebih ramai penduduk mendapat bantuan?

JAWAPAN OLEH YAB. KETUA MENTERI:

20. Berdasarkan rekod Zakat Pulau Pinang (ZPP), bantuan yang telah disalurkan kepada penduduk Pantai Jerejak yang terkesan bagi tempoh Januari hingga Ogos 2021 adalah seperti berikut:-

(i) Bantuan secara one off kepada 392 penerima yang melibatkan peruntukan sejumlah RM400,066.29;

(ii) Bantuan kewangan bulanan dan bantuan makanan bulanan kepada 71 orang penerima yang melibatkan peruntukan sejumlah RM167,385.39; dan

(iii) Bantuan Khas COVID-19 berjumlah RM500 kepada 95 penerima yang melibatkan peruntukan sejumlah RM47,500.00.

(a) ZPP sentiasa berhasrat untuk membantu lebih ramai penduduk yang memerlukan bantuan. Bagi tujuan memastikan lebih ramai penduduk mendapat bantuan, ZPP telah melaksanakan beberapa inisiatif berikut:-

(i) Melaksanakan permohonan Skim Bantuan Khas COVID-19 Fasa 3 secara dalam talian mulai 7 Jun 2021 hingga 12 Jun 2021;

(ii) Melanjutkan tempoh pelaksanaan Skim Bantuan Khas COVID-19 Fasa 3 dengan membuka permohonan semua mulai 9 Ogos 2021 hingga 15 Ogos 2021;

(iii) Melaksanakan pemberian Bantuan Makanan Kecemasan COVID-19 mulai 1 Jun 2021 sehingga kini berdasarkan permohonan yang diterima secara dalam talian, aduan melalui telefon dan media sosial;

(iv) Mewujudkan enam (6) talian HOTLINE yang diuar-uarkan melalui media sosial bagi memudahkan masyarakat berhubung dengan ZPP;

(v) Mengaktifkan Zakat Penang Responce Team (ZPRT) yang bertindak untuk membuat tindakan dan penghantaran barangan makanan keperluan dalam tempoh 24 jam aduan diterima;

(vi) Menjalinkan kerjasama dengan Masjid Negeri dan masjid-masjid daerah seluruh Pulau Pinang melalui ‘Program Gerobok Rezeki’ mulai 1 Ogos 2021. Melalui program ini, pihak ZPP akan membekalkan hamper makanan kepada pihak masjid yang terlibat untuk membantu golongan yang terkesan dengan lebih cepat;

(vii) Melancarkan Misi Mencari Bendera Putih melalui tiga (3) talian HOTLINE khas;

(viii) Mewujudkan Sistem Permohonan Bantuan Permulaan Ke IPT secara dalam talian mulai 1 Ogos 2021; dan

(ix) Menjalinkan kerjasama dengan kariah dan pertubuhan-pertubuhan NGO yang berkepentingan untuk membantu kumpulan sasar seperti Persatuan Pemandu Teksi, Persatuan Pemandu Bas / Van Kilang, Persatuan Penarik Beca dan sebagainya.

21. Pandemik COVID-19.

(a) Berapakah kumulatif kematian dicatat sehingga 10 Ogos 2021?

(b) Adakah Kerajaan Negeri mempunyai maklumat terperinci keluarga si mati di DUN Pantai Jerejak?

(c) Adakah keluarga si mati akan diberi pampasan dan keistimewaan dalam mencari pekerjaan dan program bantuan Kerajaan Negeri?

JAWAPAN OLEH YAB. KETUA MENTERI:


21. (a) Dari 1 Januari 2021 hingga 10 Ogos 2021 jumlah kumulatif kematian COVID-19 di Pulau Pinang yang diumumkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia adalah 258 kes. LAMPIRAN A menunjukkan *trend* kematian dengan terperinci.

(b) Daripada jumlah kematian yang dilaporkan terdapat 3 kematian yang dilaporkan di KADUN Pantai Jerejak.

(i) Terdapat line listing yang mempunyai semua butiran si mati.

(ii) KKM telah menghantar email pada 10 Ogos 2021 berkaitan maklumat tanggungan kes kematian suami dan isteri disebabkan COVID-19. Format itu akan disalurkan kepada bahagian SUK untuk mendapatkan butiran tersebut.

(c) Kerajaan Negeri telah memberi peruntukan sebanyak RM1,000.00 kepada waris si mati disebabkan oleh COVID-19 pada tahun lepas di bawah Bantuan Penang Lawan COVID-19 1.0. Ini merupakan bantuan one-off. Pada masa yang sama, terdapat Bantuan Khas (One Off) Pengurusan Kematian COVID-19 daripada Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) untuk kematian akibat COVID-19 atau kematian dengan COVID-19 kepada warganegara Malaysia yang akan diberikan dalam tempoh 30 hari bekerja setelah menghantar dokumen lengkap.




Exponential increment over the last 7 weeks with ICU at full capacity.

Announced by KKM 274

1


ID514/02



This is worrying. The cumulative BID numbers had shown sharp increase over the last 6 weeks.

2

ID514/02


Bilangan Kes dan Kematian COVID-19 Dalam Kalangan Ibu Hamil/Postnatal, Mac 2020 hingga Jun2021
1000
800
600
400
200
0
20
15
10
5
0
Mac 2020
April 2020
Mei 2020
Jun 2020
Julai 2020
Ogos 2020
September 2020
Oktober 2020
November 2020
Disember 2020
Januari 2021
Februari 2021
Mac 2021
April 2021
Mei 2021
Jun 2021
Ibu Hamil/Postnatal di jangkiti COVID-19
Kematian Ibu Hamil

3

ID514/02

22. Wad Unit Rawatan Rapi (ICU).

(a) Berapakah kapasiti katil wad ICU sama ada hospital awam dan swasta di Pulau Pinang?

(b) Mampukah kapasiti ini menampung kes COVID-19 tahap 3, 4 dan 5 di Pulau Pinang?

(c) Jika tidak, apakah perancangan Jabatan Kesihatan Negeri untuk memastikan tiada pesakit yang tidak dapat rawatan di ICU?

JAWAPAN OLEH YAB. KETUA MENTERI:

22. (a) Kapasiti katil Unit Rawatan Rapi (ICU) di negeri Pulau Pinang bagi hospital kerajaan dan hospital swasta adalah seperti jadual di bawah.

HOSPITAL KERAJAAN	BIL KATIL ICU
Hospital Pulau Pinang	37
Hospital Seberang Jaya	17
Hospital Bukit Mertajam	7
Hospital Kepala Batas	32
JUMLAH	**93**

HOSPITAL SWASTA	BIL KATIL ICU	KATIL HDU/CCU	VENTILATOR
Penang Adventist Hospital	10	9	12
Hospital Lam Wah Ee	10	2	12
Georgetown Specialist Hospital	1	1	2
Gleneagles Penang	9	12	16
Loh Guan Lye Specialist Centre	7	6	9
Island Hospital	14	6	13
Pantai Hospital Penang	6	10	8
KPJ Penang Specialist Hospital	6	3	4
Bagan Specialist Centre	3	0	2
JUMLAH	66	49	78

Pengunaan katil keseluruhan untuk katil Covid-19 di Penang seperti di Lampiran A

(a) Kapasiti sedia ada tidak akan dapat menampung keperluan pesakit COVID-19 jika trend peningkatan jangkitan tidak menurun.

Maklumat Kes-kes Covid-19 mengikut kategori di Lampiran B

(b) Antara tindakan yang telah diambil adalah seperti berikut:

(i) Mengenalpasti dan mengubah fungsi wad dan dewan bedah sedia ada sebagai wad tambahan ICU dengan penambahan katil, contohnya di Hospital Pulau Pinang dan Hospital Kepala Batas;

(ii) Membina Field ICU (ICU Medan/Lapangan di Hospital Kepala Batas dengan kerjasama Angkatan Tentera Malaysia;

(iii) Mengenalpasti anggota kesihatan yang terlatih (ICU trained) dan dimobilisasikan ke lokasi tersebut;

(iv) Mendapatkan penambahan katil ICU and alatan ventilator secara kecemasan dari Kementerian Kesihatan Malaysia dan sumbangan NGO;


(v) Mempertimbangkan penggunaan ICU di hospital swasta bagi kes-kes bukan COVID-19;

(vi) Menangguhkan pembedahan elektif yang memerlukan katil ICU; dan

(vii) Mengenalpasti pesakit yang berisiko tinggi untuk diberi rawatan segera agar dapat mengelakkan penggunaan katil ICU dan ventilator.

Menaiktaraf Bangunan Kerajaan Negeri iaitu Kompleks Masyarakat Penyayang (KMP) sebagai PKRC khasnya bagi pesakit COVID-19 kategori 3 dan 4. Cadangan ini diluluskan pada 16 Ogos 2021 ini.

OVERALL BOR FOR COVID-19 BEDS IN PENANG



The BOR of Low Risk Bed dropped sharply. Acute Bed BOR in the state has continued to rise from the trough in late June. They had exceeded the previous peak even though more beds were added over last week. BOR of ICU has is close to 100% over the last 3 weeks.

1. Increase number of Covid-19 beds

Indicator	6/8	7/8	8/8	9/8	10/8	11/8	12/8
No. of beds (kadar penggunaan)	385/424 = 90.8%	388/424 = 91.5%	400/458 = 87.3%	433/486 = 89.1%	422/486 = 86.8%	476/486 = 97.9%	486/518 = 93.8%
No. of PKRC beds (kadar penggunaan)	1008 (28.5%)	1008 (32%)	1008 (33%)	1008 (32.4%)	1008 (31%)	1008 (35%)	1008 (37%)
No. of ICU beds (kadar penggunaan)	69 (99%)	69 (91%)	69 (96%)	69 (94%)	69 (100%)	69 (101%)	69 (101%)

No of new decanted (private) (Daily)


pts pending in ED >24hours (daily)

IPPT – Daycare patients from HKB

More plans
Decanting of non-Covid-19 patients out to private facilities to make more inpatient Covid-19 beds and reduce numbers of patients waiting in EDs.

Nombor of ICU beds still short of what is required – around 10% of total admission. HR issues. Ventilate outside ICUs.

- Full Covid – Hospital Kepala Batas. Hybrid Covid – Hospital Pulau Pinang, Hospital Bukit Mertajam. KIV other Hospitals too.
- Field ICU have been established in HKB. ATM Field ICU (12 Beds and 12 HDU) and Hybrid ICU (10) – Additional to 10 ICU beds in the main building. HPP – 37 ICU Beds.
- Modificatians have been made to allow hospital to increase capacity to house Covid-19 patients: OPD – 130 beds. Repurpose Non Covid wards are also in the pipe line
- KMP – To be converted to 100 bedded Pusat Rawatan Risiko Tinggi (PRRT) to manage Cat 3 & 4 patients
- Capacity of MEC has been ramped up to receive 20 Cat 3 patients – Will start on 16/8/2021



Category 1 and 2 cases remains as the majority of the cases admitted (around 60%). Category 3-5 cases continues to increase over the past 1 week and now constitute 40% of the cases admitted.

KES BAHARU MENGIKUT KATEGORI 26.8.2021

CRISIS PREPAREDNESS AND RESPONSE CENTRE
NEGERI PULAU PINANG

KATEGORI KES	BILANGAN KES (%)	KES TANPA SEJARAH VAKSINASI (%)
KATEGORI 1 (TIADA GEJALA)	781 (37.6%)	542 (69.4%)
KATEGORI 2 (GEJALA RINGAN)	1253 (60.3%)	626 (49.9%)
KATEGORI 3 (JANGKITAN PARU-PARU)	9 (0.4%)	4 (44.4%)
KATEGORI 4 (JANGKITAN PARU-PARU DAN MEMERLUKAN OKSIGEN)	23 (1.1%)	15 (65.2%)
KATEGORI 5 (JANGKITANPARU-PARU DAN MEMERLUKAN BANTUAN PERNAFASAN)	12 (0.6)	12 (100%)

23. Situasi ekonomi Pulau Pinang.

(a) Berapakah kilang yang telah menamatkan operasi di Pulau Pinang bagi tempoh Mac 2020 hingga Ogos 2021 dan ia melibatkan berapakah jumlah penduduk Pulau Pinang yang hilang pekerjaan?

(b) Apakah program atau inisiatif Kerajaan Negeri untuk bantu mereka?

JAWAPAN OLEH YAB. KETUA MENTERI:

23. (a) Berdasarkan statistik daripada Jabatan Tenaga Kerja Pulau Pinang, jumlah kilang (sektor pembuatan) yang telah menamatkan operasi di Pulau Pinang bagi tempoh Mac 2020 hingga Julai 2021 serta bilangan pekerja yang terlibat adalah seperti berikut:

TAHUN	BILANGAN KILANG YANG TERLIBAT	BILANGAN PEKERJA YANG TERLIBAT
2020	122	3113
2021	32	185
JUMLAH	154	3298

Sumber: Jabatan Tenaga Kerja Negeri Pulau Pinang

(berdasarkan penghantaran borang PK/98 oleh majikan kepada JTKPP setakat Julai 2021).

(b) Antara program atau inisiatif Kerajaan Negeri untuk membantu mereka yang hilang pekerjaan adalah seperti berikut:

(i) Menganjurkan program *Career Exploration Week*: *My Penang*, *My Workplace* yang berlangsung secara *virtual* pada 26 September hingga 2 Oktober 2020 bagi membantu pencari kerja terutamanya yang terjejas dengan keadaan semasa pandemik COVID-19;

(ii) Penyediaan khidmat pemudah cara untuk pemadanan pekerjaan (*job matching*) melalui *Penang Career Assistance and Training Centre* (Pusat CAT). Kerajaan Negeri melalui Pusat CAT menjalani pemadanan kerja secara berkumpulan (group job matching) untuk membantu pencari kerja termasuk pekerja yang hilang pekerjaan dengan menjalankan pemadanan jawatan bersesuaian apabila menerima permintaan dari majikan/ syarikat. Sepanjang setengah tahun pertama 2021, sebanyak dua (2) siri webinar telah dianjurkan pada bulan Mac dan Mei yang melibatkan lapan (8) buah syarikat manakala tiga (3) siri lagi akan dijalankan pada bulan Ogos dan suku ke-4 tahun 2021;

(iii) Kerjasama dengan PERKESO dalam membantu pencari kerja melalui program-program yang ditawarkan oleh PERKESO (latihan, kaunseling, insentif kewangan & lain-lain);

(iv) Kerjasama dengan *The Northern Implementation Authority* (NCIA) dalam mempromosikan program di bawah Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA) iaitu program JomKerja & JomNiaga melalui saluran komunikasi sedia ada seperti laman sesawang InvestPenang, Pusat CAT serta menyalurkan pertanyaan daripada golongan yang disasarkan terus kepada pihak yang berkaitan;

(v) Kerjasama dengan TalentCorp dalam mempromosikan program Career Comeback melalui Facebook Pusat CAT Centre serta menyalurkan pertanyaan daripada golongan yang disasarkan terus kepada pihak yang berkaitan;

(vi) Mewujudkan peluang pekerjaan baru melalui aktiviti promosi dan menarik pelaburan baharu. Justeru, peluang perkerjaan secara langsung akan terhasil dan ini membuka peluang yang luas kepada penduduk tempatan bagi memenuhi kekosongan yang ditawarkan;

(vii) Pada 11 Ogos 2021, Kerajaan Negeri bersama-sama NGO (badan-badan bukan kerajaan), para pemain industri utama serta golongan profesional di negeri ini berkolaborasi membentuk *PgCare Alliance* atau Gabungan PgCare bertujuan memberi sokongan dan bantuan kepada masyarakat yang terjejas akibat pandemik COVID-19. Gabungan tersebut bakal berfungsi berlandaskan empat (4) teras utama iaitu kesihatan mental, pekerjaan, makanan dan perlindungan serta kewangan. Layari laman web https://www.pgcarealliance atau melalui *facebook*, pgalliance bagi perincian lanjut; dan

(viii) Oleh kerana PKP 3.0, satu karnival kerjaya maya dikenali sebagai Penang Virtual Career Fair 2021 telah diadakan mulai 26 hingga 29 Ogos 2021 anjuran *Penang Youth Development Corporation* (PYDC) dan PERKESO, Majlis Bandaraya Seberang Jaya (MBSP) dengan kerjasama Pusat PgCare, *Federation Of Malaysian Manufacturers* (FMM) dan institusi-institusi pendidikan.

24. Invest Penang.

(a) Berapakah jumlah pelabur asing yang dapat ditarik dalam tempoh Januari hingga Ogos 2021?

(b) Bolehkah senaraikan secara terperinci pelabur asing ini dan jumlah pelaburan?

JAWAPAN OLEH YAB. KETUA MENTERI:

24. (a) Berdasarkan data daripada Lembaga Penggalakkan Pelaburan Malaysia (MIDA), pada Januari hingga Mac 2021, Pulau Pinang mencatat RM516,279,828 pelaburan asing (foreign direct investment) sektor pembuatan yang merangkumi 10 projek.

Prestasi pelaburan bagi bulan April hingga Ogos 2021 masih belum diumumkan oleh MIDA.

(b) Senarai terperinci lima (5) pelabur asing utama di Pulau Pinang bagi bulan Januari hingga Mac 2021 adalah seperti berikut:

Syarikat	Industri	Negara
Ascentec Engineering Sdn. Bhd.	Produk Logam Fabrikasi	Amerika Syarikat
Bruker (Malaysia) Sdn. Bhd.	Mesin & Peralatan	Switzerland
BYD Electronics (M) Sdn. Bhd.	Elektrik & Elektronik	Hong Kong
Dolphin Manufacturing Solutions Sdn. Bhd.	Peralatan Pengangkutan	Singapore
Mehow Medical (M) Sdn. Bhd.	Peralatan saintifik dan mengukur	China

Sumber : MIDA

Walau bagaimanapun, nilai bagi setiap projek tidak dapat didedahkan kerana non-disclosure agreement pihak MIDA.

25. Cabaran kemelesetan ekonomi global.

(a) Adakah Kerajaan Negeri mempunyai strategi keluar dalam aspek menghadapi cabaran ekonomi selepas pandemik COVID-19?

(b) Jika ya, bolehkah senaraikan perinciannya?

JAWAPAN OLEH Y.A.B. KETUA MENTERI

25. Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah menubuhkan Jawatankuasa Penang Socio Economic Recovery Consultative Council (PSERCC) bagi membincangkan tindakan-tindakan yang boleh dilaksanakan untuk mengurangkan impak pandemik COVID-19 serta mengaktifkan kembali sektor ekonomi negeri yang terjejas akibat penularan pandemik COVID-19. Strategi Kerajaan Negeri dalam aspek menghadapi cabaran ekonomi selepas pandemik COVID-19 adalah berdasarkan pelan tindakan pemulihan negeri Pulau Pinang seperti di **Lampiran A**.

LAMPIRAN A

PELAN TINDAKAN PEMULIHAN NEGERI PULAU PINANG
DI BAWAH *PENANG SOCIO ECONOMIC RECOVERY CONSULTATIVE COUNCIL* (PSERCC)

A) SEKTOR INDUSTRI/SMI/SME/PERUNCITAN

BIL.	PERKARA	BUTIRAN PELAKSANAAN
1	Cadangan memudahkan kelulusan *Special Relief Fund* (SRF)	*Special Relief Fund* (SRF) diluluskan tetapi perlu menunggu sokongan CGC untuk pelepasan dana. Kerajaan Negeri telah mengemukakan cadangan kepada Kementerian Kewangan untuk memohon proses permohonan dapat dipermudah dan pembayaran SRF dipercepatkan.
2	Cadangan mempercepatkan proses bayaran balik tuntutan GST	Kerajaan Negeri telah mengemukakan cadangan kepada Kementerian Kewangan untuk mempercepatkan proses bayaran balik tuntutan GST kepada syarikat-syarikat berkaitan.
3	Cadangan pekerja asing turut dipertimbangkan dalam insentif subsidi upah	Pekerja asing tidak termasuk dalam insentif subsidi upah. Kerajaan Negeri telah mengemukakan cadangan kepada Kementerian Kewangan untuk mempertimbangkan cadangan insentif subsidi upah kepada pekerja asing.
4	Cadangan penambahan pelanjutan moratorium selama enam (6) bulan lagi	Moratorium penangguhan pembayaran pinjaman ditetapkan sehingga September 2020 sahaja. Kerajaan Negeri telah mengemukakan cadangan kepada Kementerian Kewangan untuk mempertimbangkan cadangan pelanjutan moratorium untuk tempoh enam (6) bulan berikutnya
5	Penambahbaikan ke atas isu sekatan terhadap *foreign key personnel* dan pasukan teknikal yang memasuki Malaysia serta kekeliruan akibat SOP yang kurang jelas yang melibatkan pelbagai agensi	Kerajaan Negeri telah mengemukakan cadangan kepada Majlis Keselamatan Negara, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) dan Jabatan Imigresen untuk mempertimbangkan pelaksanaan proses kelulusan dalam tempoh dua (2) minggu bagi kemasukan perniagaan atau Professional Visit Pass (PVP) dan diuruskan oleh satu (1) agensi pusat serta mempunyai tempat perhubungan dari mula hingga selesai permohonan.
6	Kelulusan pengambilan pekerja asing untuk sektor terpilih tidak termasuk pembuatan	Kerajaan Negeri telah mengemukakan cadangan kepada Kementerian Sumber Manusia untuk mempertimbangkan pengambilan pekerja asing bagi sektor pembuatan
7	Cadangan mewujudkan kempen jualan Pulau Pinang dan menggalakkan SME menggunakan platform digital	Kerajaan Negeri melalui Penang Halal International (PHI) telah melancarkan *"Penang EMall"* secara atas talian melalui platform e-dagang *"Shopee"* bagi membantu peniagaan mikro dan perusahaan sederhana kecil. Kempen ini telah berjaya membantu sejumlah 36,507 peniaga.
8	Meningkatkan kadar penyertaan PKS dalam perolehan kerajaan dan MNC	Kadar penyertaan PKS masih rendah dalam perolehan kerajaan dan MNC. InvestPenang telah menganjurkan Hari Pembekal *"Supplier's Day"* secara atas talian pada 1 Julai 2021 dengan kerjasama syarikat Lam Research Malaysia. Sejumlah 256 peserta dari syarikat-syarikat tempatan telah mengambil bahagian. Mengkaji cadangan untuk mempertimbangkan penetapan kuota khusus untuk syarikat tempatan dalam aktiviti perolehan

BIL.	PERKARA	BUTIRAN PELAKSANAAN
		(Jabatan Kerajaan Negeri / Persekutuan yang berkaitan). MNC pula mempertimbangkan untuk membuka perolehan bahan tidak langsung kepada PKS tempatan (FMM, FREPENCA) untuk mendorong perolehan tempatan.
9	Cadangan pelanjutan Skim Pinjaman Kelangsungan Perniagaan (PEKA) oleh PDC	Pada masa ini, Skim PEKA tidak akan dilanjutkan kerana peruntukan telah digunakan sepenuhnya. Kerajaan Negeri sedang mempertimbangkan untuk menyediakan pinjaman secara bersasar kepada penerima sektor yang memerlukan.
10	Cadangan supaya sektor pembuatan dikecualikan daripada ditutup sepenuhnya sekiranya PKP diperkenalkan semula	Kilang-kilang di Pulau Pinang mengamalkan pematuhan SOP keselamatan dan kebersihan dalaman yang ketat. Kerajaan Negeri telah mengemukakan cadangan kepada Majlis Keselamatan Negara dan MITI untuk mempertimbangkan sektor pembuatan dikecualikan untuk ditutup sepenuhnya sekiranya Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dilaksanakan semula.

B) SEKTOR PASARAN TENAGA KERJA

BIL.	PERKARA	BUTIRAN PELAKSANAAN
1	Platform berkenaan maklumat dan statistik sektor pasaran tenaga kerja di Pulau Pinang	Satu sekretariat untuk mengumpulkan maklumat dan statistik sektor pasaran tenaga kerja telah ditubuhkan yang merangkumi Penang CAT Centre, Penang Skills Development Centre, Penang Institute, PERKESO, FREPENCA dan BPEN. Secretariat ini akan menyediakan maklumat dan statistik berkaitan situasi pasaran tenaga kerja di Pulau Pinang kepada YB EXCO Pembangunan Modal Insan.
2	Memperkasakan peranan Penang CAT Centre	Penang CAT Centre terus memainkan peranannya untuk meningkatkan pembangunan sumber manusia melalui kempen My Penang, My Workplace yang bertujuan untuk menarik bakat-bakat dari seluruh negara bagi memilih Pulau Pinang sebagai destinasi kerjaya. Di bawah kempen ini terdapat dua (2) siri webinar bertajuk *"Onwards & Upwards: Explore New Careers in Penang"* yang dihadiri oleh hampir 700 orang pencari kerja, lepasan graduan dan pelajar-pelajar institut pengajian tinggi di seluruh negara. Kempen ini dianjurkan oleh Penang CAT Centre dan disertai oleh syarikat-syarikat di Pulau Pinang seperti Micron, Clarivate, Keysight, ViTrox, Jabil, Pentamaster, Teleperformance dan ManpowerGroup.
3	Syarikat memainkan peranan dengan mendaftarkan pekerja yang bakal kehilangan kerja di sistem Penang CAT Centre/MyFutureJobs	Individu kehilangan pekerjaan yang membuat permohonan untuk mendapatkan Skim Insurans Pekerja akan memperolehi ID MyFutureJobs secara automatik dan seorang *caseworker* akan ditugaskan untuk membantu setiap pencari kerja
4	Program peningkatkan kemahiran pekerja	Di bawah PenjanaKerjaya, majikan yang mengambil pekerja layak memohon subsidi agar pekerja tersebut menjalani latihan semula atau peningkatan kemahiran *(re-skilling & upskilling)* berdasarkan keperluan pekerjaan atau industri berkenaan, tertakluk kepada kadar antara RM4,000 hingga RM7,000. PSDC juga menawarkan pelbagai kursus-kursus jangka pendek dan seminar dalam bidang teknikal, soft skills dan IT yang boleh diambil oleh pekerja bagi meningkatkan kemahiran mereka.
5	Kajian untuk mengenal pasti pengangguran yang bakal berlaku	Penang Institute telah memulakan kajian tersebut dan dalam proses pengumpulan data. Kajian dijangka akan disiapkan pada

BIL.	PERKARA	BUTIRAN PELAKSANAAN
	dan puncanya serta meneliti dan menangani persaingan antara pekerja yang kehilangan kerja dan pencari kerja lepasan universiti	akhir tahun 2021. Kos pelaksanaan kajian termasuk dalam permohonan peruntukan Penang Institute kepada Kerajaan Negeri bagi tahun 2021

C) SEKTOR PERUMAHAN

BIL.	PERKARA	BUTIRAN PELAKSANAAN
1	Insentif kepada pembeli	a) Had siling maksima RMM diturunkan sebanyak 10 peratus bagi projek baru. b) Keluasan RMM ditingkatkan 50kps jika pemaju ingin mengekalkan harga maksima asal. c) Skor minima 70% Qlassic CIDB.
2	Insentif kepada pemaju	a) Pengurangan harga had siling hartanah pembelian warga asing bagi tempoh 1 tahun. b) Pengurangan Fi Kelulusan (State Consent Fees) sebanyak 50% secara menyeluruh bagi tempoh 1 tahun. c) Pengecualian levi pembelian warga asing bagi tempoh1 tahun. d) Penggunaan kuota RMM mengikut PBT. e) Nisbah Plot 1:4 pembinaan RMM. f) Pengurangan kos pembangunan bagi tempoh 1 tahun.
3	Insentif tambahan kepada pemaju serta kajian dan syor pengurangan kos pembangunan dan pematuhan	a) Pengurangan kadar sumbangan *in kind* pembukaan pasaran terbuka RMM 100 peratus kepada LPNPP. b) Pengecualian Pemeriksa Bebas bagi Laporan Kajian Lalu Lintas (TIA) dan Penyediaan Laporan Kajian Impak Sosial (SIA). c) Cadangan diskaun 50% dari 15% premium nilai tanah dikenakan dan pengiraan premium dipinda daripada nilai tanah kepada perbezaan nilai tanah. d) Cadangan pengiraan premium dipinda daripada nilai tanah kepada perbezaan nilai tanah.
4	Penyediaan Rumah Mampu Milik (RMM) melalui konsep sewa beli	Sebanyak 10 skim perumahan RMM telah siap dan sedia untuk ditawarkan, manakala dua (2) skim perumahan di peringkat pembinaan dan dua (2) skim perumahan lagi di peringkat perancangan.

D) SEKTOR INFRASTUKTUR DAN PENGANGKUTAN

BIL.	PERKARA	BUTIRAN PELAKSANAAN
1	*Penang Connectivity Master Plan* (PCMP)	
	a) Projek Penaiktarafan Infrastruktur *Copper* Milik Telekom Malaysia (TM) kepada Fiber Optik di seluruh Negeri Pulau Pinang.	53% kawasan di seluruh Negeri Pulau Pinang telah dinaiktaraf kepada jajaran fiber optik Unifi sehingga bulan Jun 2021. Dijangka akan mencapai 100% fiberisation menjelang Jun 2022.
	b) Projek *Allo Nationwide Fiberisation Plan* (AFNP)	Sedang dalam proses pemasangan yang melibatkan 11,000 home premises di seluruh kawasan Seberang Jaya.
	c) Projek *Fiber Clip On Solution* (FTTL)	Pemasangan telah siap sepenuhnya melibatkan 8,711 premis rumah di seluruh Negeri Pulau Pinang sehingga Jun 2021.
	d) Projek *Smart Street Pole* di Negeri Pulau Pinang	Pelaksanaan projek masih di peringkat *Proof of Concept* (POC) oleh Syarikat Webe Digital Sdn Bhd dan Celcom Berhad.
2	Cadangan Pembinaan Pencawang Masuk Utama (PMU) 275 kV	Perbincangan TNB bersama JKPTG akan dibuat bagi membincangkan proses pemindahan 12 buah rumah transit. Perbincangan bersama Lembaga Perumahan Pulau Pinang juga akan dijalankan bagi memohon rumah PPRT bagi tujuan perpindahan penghuni rumah transit. TNB akan membincangkan perkara di atas bersama KeTSA bagi tujuan kelulusan untuk menanggung kos perpindahan secara keseluruhan seperti yang dimohon oleh MINDEF.
3	Ekonomi Digital	*Startups* - Meningkatkan penglibatan komuniti kejuruteraan/perisian melalui pendekatan *engagement*. Pembangunan program dan perkhidmatan untuk *Startups*. *Local Enterprise Development* - Meningkatkan penglibatan PKS. Membangunkan aliran urus niaga untuk syarikat ICT. Beralih dari pendedahan asas ke digitalisasi proses perniagaan untuk PKS mikro. Pelabur (*Investor*) - Menyediakan petunjuk selaras dengan matlamat Ekonomi Digital. Mengenal pasti peluang semasa yang sesuai untuk pelaburan digital.
4	Pembangunan Projek Lebuhraya *Northern Corridor Highway* (NCH)	NCIA dan LLM dalam tindakan untuk memuktamadkan *Statement of Needs* (SON) projek. Model pelaksanaan akan dikemukakan untuk kelulusan Jemaah Menteri. Cadangan jajaran hubungan dari Serdang ke Jambatan Kedua Pulau Pinang sepanjang 25.5km.

E) SEKTOR PELANCONGAN

BIL.	PERKARA	BUTIRAN PELAKSANAAN
1	Program promosi dan rangsangan pasaran tempatan	a) Kempen taktikal merangkumi produksi video (*Experience it all in Penang, The other side of the Island, The opposite side of the Island, Penang through the lens* dan lain-lain), kempen *Penang Tour Packages* dan kempen *Penang Frontliners*. b) Kempen pengiklanan di *family mart retails, covered walkaways, giant cubes* dan laman web *Penang Travel Deals.* c) Kempen media dengan kerjasama Astro Radio. d) Promosi muslim-friendly dan halal melalui risalah. Risalah Jalan-Jalan Penang dan Muslim Travel Guide yang masih dalam peringkat penyediaan.
2	Kempen *Responsible Tourism*	Promosi melalui badan bas (*bus wrap*) perhentian bas bagi mewujudkan kesedaran masyarakat akan pelancongan bertanggungjawab
3	Promosikan Pulau Pinang secara digital untuk mencapai sasaran pelancong lebih tinggi dan impak media sosial yang diinginkan	a) Promosi melalui kolaborasi dengan Penang Foodie, Penang Hidden Gems dan pengiklanan media sosial. Kempen akan dimulakan pada suatu masa yang akan ditetapkan kemudian. b) Pengiklanan digital dengan Sojern bagi mempromosikan *Jom! Experience Penang Campaign* telah diselesaikan. c) Pengiklanan atas talian melalui laman web rasmi *Going Places (Malaysia Airlines inflight magazine)* ditangguhkan sementara. d) Penambahbaikan laman web pelancongan mypenang.gov.my
4	Meningkatkan daya perbelanjaan dan menjana pendapatan untuk pemain industri tempatan	Tarikh permulaan kempen akan ditentukan setelah perjalanan merentas negeri dibenarkan semula. Kempen dengan kerjasama Shopee.
5	Kerjasama dengan penggiat-penggiat pelancongan untuk merangsang pelancongan domestik	Kolaborasi dengan Klook, Booking.com, Shopback dan AirAsia. Kempen telah diluluskan pada tahun 2020, namun telah ditangguhkan sehingga sektor pelancongan dapat beroperasi semula.
6	Mengekalkan penjenamaan Pulau Pinang di pasaran luar negara	a) Penglibatan dalam pameran perdagangan luar negara secara maya seperti *ITB Asia Virtual, Virtual Wedding Festival, Malaysia Meet 2021 - Istanbul, Moscow and Almaty, Travel Meet Asia Virtual* dan *ITB China.* b) Penglibatan dalam webminar secara atas talian seperti *New Zealand Travel Agents together with Malaysia Airlines, Online Cooking Class with Malaysia Airlines Australia and Travel Agents, Virtual Tour – The Habitat with Scandinavia Travel Agents* dan *Nordic Travel Agents together with Tourism Malaysia.*

F) SEKTOR INDUSTRI MAKANAN

BIL.	PERKARA	BUTIRAN PELAKSANAAN
1	Pengkuatkuasaan Rumah Sembelih (Akta rumah sembelihan di bawah Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) Pulau Pinang adalah meliputi rumah sembelihan babi dan ruminan sahaja)	a) Sehingga kini, 5 buah rumah sembelihan babi telah dilesenkan dan 2 buah rumah sembelihan ruminan swasta dilesenkan serta 1 rumah sembelihan ruminan JPV. b) 5 buah rumah sembelihan babi tersebut terbahagi kepada 1 di SPS, 2 di SPU, 1 di DBD dan 1 di DTL manakala rumah sembelihan ruminan di DTL dan SPT. c) JPV telah menghantar notis kepada pemilik Rumah Sembelihan yang tidak berlesen untuk tidak beroperasi dan tindakan penguatkuasaan akan diambil ke atas aduan yang diterima oleh Jabatan.
2	Wabak penyakit *Lumpy Skin Disease* (LSD) pada ternakan lembu	a) Kertas MMK telah dibentangkan dan diluluskan pada 23 Julai 2021 dan pewartaan dalam peringkat proses dokumentasi. b) Permohonan peruntukan perolehan vaksin dengan anggaran RM72,000 setahun dipohon untuk tahun 2022. Bagi tahun 2021, perolehan vaksin menggunakan penjimatan daripada peruntukan tahun Jabatan semasa. c) Peruntukan wang ehsan/saguhati bagi ternakan yang diarahkan dilupus akibat penyakit dengan anggaran RM30,000 setahun. Sehingga 21 Ogos 2021, sebanyak 11 ekor lembu telah dilupuskan oleh pihak Jabatan. Tuntutan akan dikemukakan untuk mendapatkan wang ehsan/saguhati daripada Kerajaan Negeri.
3	Program lmunisasi lndustri COVID-19 Kerjasama Awam-Swasta - Pusat Pemberian Vaksin Industri (PIKAS-PPVIN) (Permohonan telah dihantar oleh Persatuan Penternak dan Peladang Negeri Pulau Pinang)	a) Dalam pertimbangan program PIKAS-PPVIN awam di EQ kepada pekerja yang terlibat dalam rantaian bekalan makanan dalam sektor ternakan seramai 1,570 orang. b) Program pemvaksinan bagi pekerja yang terlibat dengan industri unggas turut dilaksanakan di bawah program Program Vaksinasi Barisan Sektor Ekonomi Pulau Pinang (PVac). c) Seramai 70 orang telah menerima suntikan dos pertama vaksin dan sedang menunggu suntikan dos kedua vaksin, manakala seramai 2,039 orang telah mendapat temujanji untuk suntikan dos pertama vaksin bermula pada 9 Ogos 2021. d) Status pelaksanaan program pemvaksinan telah diurus dan mencapai kadar 90%.
4	Masalah dalam pembekalan kepada usahawan (Pertubuhan Usahawan Industri Desa - kebanyakan kilang dalam pembuatan pembungkusan plastik tidak dapat dibuka menyebabkan masalah dalam pembekalan)	a) Bermula 1 Jun 2021, permohonan sokongan untuk pengoperasian penternak atau usahawan Industri Asas Ternakan (IATn) yang berdaftar dengan JPV dan mempunyai Sijil SSM perlu melalui Sistem CIMS 3.0 di mana pertimbangan dan kelulusan akan diberikan oleh pihak MAFI. b) Pihak JPV Pulau Pinang hanya akan mengeluarkan surat sokongan pengoperasian kepada penternak dan usahawan IATn yang berdaftar dengan pihak Jabatan, tidak mempunyai sijil SSM, merupakan penternak / pengusaha IATn kecil atau tergolong dalam kategori isi rumah B40 selaras dengan arahan daripada pihak MAFI.

BIL.	PERKARA	BUTIRAN PELAKSANAAN
		c) Ibu Pejabat Perkhidmatan Veterinar Putrajaya (IPPV) telah memberi taklimat pada 19 Ogos 2021 berkenaan perlaksanaan sistem eTernak kepada pegawai di semua negeri untuk menyelaraskan permohonan surat sokongan bagi pengoperasian di dalam tempoh COVID-19 kepada para penternak / pengusaha IATn.
5	Isu kenaikan harga makan ternakan susulan daripada kenaikan bekalan bahan mentah yang diimport	a) Perundingan dengan MPOB mengurangkan kapasiti eksport PKE yang merupakan sumber bahan mentah dalam negara. b) Insentif bekalan makanan dan bahan makanan tambahan kepada penternak terkesan. Pemberian Bantuan Makanan Ternakan & Penokok Diet (Supplement) Ternakan telah dilaksanakan melalui Pakej Bantuan Rakyat Pulau Pinang 2.0 berjumlah RM 200,001.50 dengan 988 orang penerima pada tahun 2020 dan melalui Pakej Bantuan Rakyat Pulau Pinang 3.1 melibatkan peruntukan sebanyak RM574,424,00 dengan 1,088 penerima pada tahun 2021. c) Cadangan kajian berterusan sumber bahan mentah alternatif yang tersedia dalam negara sebagai bahan mentah. d) Mempertimbangkan lebih banyak bantuan sokongan tanaman fodder untuk penternakan ruminan dan makanan alternatif bagi ternakan lain sebagai bekalan makanan utama untuk mengurangkan kebergantungan kepada makanan komersial/pallet melalui permohonan bantuan Jabatan.
6	Pelaksanaan Sistem Penternakan Moden mampu meningkatkan pengeluaran melalui peningkatan populasi ternakan dalam kapasiti ladang yang sama dengan lebih berkualiti dan mesra alam	Pelaksanaan merangkumi dua pendekatan seperti berikut: a) Pelaksanaan Enakmen Penternakan Babi yang bermula tahun 2020 dengan penguatkuasaan pelesenan ladang ternakan di atas kepatuhan syarat-syarat pelesenan yang telah ditetapkan. Sebanyak 147 ladang ternakan babi telah dilesenkan mengikut kriteria dan syarat yang telah ditetapkan dalam pelesenan. Verifikasi ladang babi sedang dilaksanakan bermula 2 Ogos 2021 dan seterusnya semua ladang babi perlu mengamalkan penternakan secara kandang tertutup sepenuhnya mulai tahun 2022. b) Enakmen Perladangan Unggas Negeri Pulau Pinang 2020 telah diwartakan pada 19 Oktober 2020 dan berkuatkuasa pada 1 Januari 2021 bagi memastikan ladang-ladang ternakan beroperasi mengikut keperluan dan mematuhi kehendak asas regulatori veterinar. Peraturan-Peraturan Pengawalan Perladangan Unggas dalam proses semakan undang-undang sebelum ianya diimplementasi dan dilaksanakan oleh pihak Jabatan.
7	Keselamatan Makanan *(Food Safety)*	a) Pengutkuasaan Akta Rumah Sembelih (Penswastaan 1993) – Pemeriksaan Ante / Post Mortem bagi memastikan prosedur pemeriksaan daging dipatuhi untuk menjamin keselamatan kepada pengguna. b) Penempatan Pegawai Pemeriksa Daging (Meat Inspector) – Kemasukan sebanyak 12 orang pegawai *(contract of service)* pada Mac 2021 untuk pemeriksaan daging di rumah sembelih swasta yang terlibat memastikan bekalan daging suci, sihat serta selamat untuk dimakan.
8	Penstrukturan Semula Kawasan Kekal Ternakan	Mewujudkan kawasan penternakan dirancang sebelum ini sebagai kawasan pembangunan industri penternakan di kawasan khas penternakan (dicadangkan seumpama ini dalam Deraf Rancangan Tempatan Seberang Perai 2030) sebagai kawasan pengeluaran

BIL.	PERKARA	BUTIRAN PELAKSANAAN
		ternakan berpusat dan kekal bagi jaminan pengeluaran hasil makanan dan keselamatan makanan *(food security).*
9	Projek *'Farmer to Farmer'*	a) Telah mendapat persetujuan penggunaan peruntukkan Pembangunan di bawah P01. Program dijangka akan dilaksanakan pada Ogos 2021. b) Terdapat 10 projek sebagai projek *"pilot"* merangkumi 8 projek fertigasi dan 2 projek Cendawan. c) Manakala projek Industri Asas Tani lebih kepada pembangunan berpusat iaitu menyediakan kemudahan pembungkusan berpusat (Penggunaan Mesin *Retort*).
10	Projek Pembangunan Pusat Agro Pelancongan Relau	Projek untuk dimohon melalui NCIA di bawah RMKe-12. Walau bagaimanapun, belum mendapat perakuan daripada pihak JPM. Dalam pertimbangan untuk pelaksanaan secara *"Request for Proposal".*
11	Isu pengeluaran dan penjualan buah-buahan	Jabatan Pertanian sedang dalam tindakan untuk menyediakan ruang pasaran kepada petani secara kerjasama dengan AEON.
12	Isu kenaikan harga bahan tanaman padi	a) Terdapat aduan dari petani di mana peningkatan dari segi kos seperti racun dan baja yang naik antara 20% hingga 40% berikutan pandemik COVID-19. b) Jabatan Pertanian telah mengadakan sesi hands-on kepada petani melalui penyediaan baja sendiri.
13	Isu harga sayur naik turun sepanjang PKP	Pemantauan dari Jabatan Pertanian mendapati penjualan sayur-sayuran masih terkawal dengan harga yang berpatutan. Petani lebih bijak dalam pengaturan penjualan sayuran.
14	Projek *'Farm to Farm'* - Projek ternakan keli	a) BQ untuk projek berkenaan telah disiapkan oleh Jabatan Perikanan dan telah diserahkan kepada BPEN. BPEN akan menjalankan proses sebutharga tersebut. b) Data Sistem Ternakan Air Tawar 2020: tangki air tawar – pengeluaran 56.33 mt dengan nilai RM498,891.60.
15	Projek TOL Kerang	a) Kajian telah dilaksanakan di daerah SPU dan di Beting Selatan. Pada masa ini, dalam proses untuk menyelesaikan kajian biomass di daerah SPT dan SPS. b) Sebanyak 13 Lot Penternakan Kerang di SPU akan dibuka. Iklan penyertaan peserta kebun kerang telah dikeluarkan pada 18 Ogos 2021. c) Data Sistem Kultur Laut (SKL) 2020: Kerang – pengeluaran 2,691.32 mt dengan nilai RM21,531,887.61
16	Lesen Sampan Khas Negeri Pulau Pinang	Permohonan oleh nelayan dari tahun 2018 hingga 2020. Kelulusan – 535 Lesen yang telah keluar - 326 KIV untuk siasatan semula – 38 Tidak disokong – 72 Tidak Hadir (Tidak hadir sewaktu program sukat sampan bagi tujuan pelesenan) – 51 Baki (Nama duplicate) – 48 Data Perikanan Tangkapan 2020: Pendaratan untuk perikanan

BIL.	PERKARA	BUTIRAN PELAKSANAAN
		tangkapan yang meliputi kesemua zon (A, B, C, C2/C3) ialah sebanyak 56,848.53 mt dengan nilai RM513,426,731.71
17	Isu kesukaran menjual ternakan ikan sangkar a) PENKUA Persatuan Penternak Akuakultur Pulau Pinang – Ikan ternakan tidak dapat dieksport kerana isu permit bot Hong Kong dan harga ikan merosot disebabkan tiada pembeli b) Vaksinasi kepada pekerja asing sangkar ikan	a) Surat Kementerian Pengangkutan Malaysia bertarikh 15 Julai 2021 memaklumkan bahawa YB Menteri Pengangkutan telah memberi pengecualian dan membenarkan vesel ikan hidup Hong Kong memasuki perairan Malaysia dan tempoh pengecualian adalah pada 13 Julai sehingga 31 Disember 2022. b) Pihak Industri telah memohon kepada PIKAS untuk menyegerakan vaksin dalam industri makanan. c) Data Sistem Ternakan Air Payau 2020: Sangkar air payau - pengeluaran 18,684.35 mt dengan nilai RM427,685,546.52
18	Projek HUB Tuna di Jeti Batu Maung	a) Penang Development Corperation (PDC) tidak meluluskan permohonan Syarikat Abadi Utama Food Industries Sdn. Bhd. kerana bekas Restoran Jeti Batu Musang tersebut akan dirobohkan untuk tujuan pembangunan lain (Ecotourism dan Pembangunan Bercampur). b) Mesyuarat di antara pihak PDC bersama PPN Pulau Pinang telah diadakan pada 18 Ogos 2021 bagi membincangkan perkara ini dengan lebih lanjut. Satu penyelesaian terbaik akan dicapai setelah pembentangan lanjut oleh pemohon kelak. c) 93,898 tan metrik hasil perikanan yang dianggarkan bernilai RM1.16 bilion setahun. Terdapat 11 buah vesel tuna di Pulau Pinang. Pendaratan di Dermaga Dalam, Penang Port. Untuk tahun 2020, sebanyak 30 kali pendaratan telah dicatatkan iaitu melibatkan 11 vesel tempatan dan 2 vesel asing. Sebanyak 1,943,843.53 kg ikan tuna telah didaratkan di Penang Port yang membawa nilai USD7,775,374.12 atau RM31,196,496.48.
19	Industri Asas Tani (IAT) - *Retort Technology*	a) Bagi mempromosikan penggunaan teknologi retort dalam industri makanan, pengusaha IAT di Pulau Pinang digalakkan untuk menggunakan teknologi tersebut. Oleh itu, pada tahun 2021, sebanyak 2 projek yang menggunakan teknologi retort akan dilaksanakan. Projek tersebut akan diperluaskan lagi pada masa hadapan. b) Penggunaan *Easy Pack Retort* sebab mereka merupakan syarikat tempatan dan berada dalam Jawatankuasa Keselamatan Makanan yang melibatkan USM dan UITM. c) Mewujudkan komuniti *Retort*, untuk membantu usahawan terutamanya jika mempunyai automated sealer. d) Buat satu *Retort* machine dahulu untuk diletakkan di satu tempat dan dapat melatih dan memberi perkhidmatan kepada peniaga-peniaga). e) Pihak jabatan juga telah melaksanakan kajian penggunaan mesin *"retort"* kepada PKS Industri Asas Tani.

26. Isu longkang dan parit.

(a) Pembangunan pesat di Bayan Baru menjadikan kapasiti longkang dan parit di taman perumahan sudah tidak dapat menampung aliran air hujan, adakah Kerajaan Negeri bercadang menaik taraf?

(b) Berapakah sumbangan pihak pemaju kepada Kerajaan Negeri yang telah digunakan di DUN Pantai Jerejak dalam pembangunan infrastruktur?

JAWAPAN OLEH YAB. KETUA MENTERI:

26. (a) Pembangunan pesat di kawasan Bayan Baru sememangnya memerlukan naik taraf kapasiti longkang dan parit di taman-taman perumahan bagi mengelakkan kejadian banjir kilat akibat hujan lebat berlaku. Sehubungan itu, Kerajaan Negeri telah meluluskan peruntukan sebanyak RM20,217,500.00 kepada Jabatan Pengairan dan Saliran Pulau Pinang (JPSPP) untuk melaksanakan projek Rancangan Tebatan Banjir Bayan Baru. Projek menaik taraf sistem perparitan bagi taman-taman perumahan di kawasan Bayan Baru adalah sebuah projek berimpak tinggi yang akan memberi impak positif kepada masyarakat setempat dengan menurunkan kebarangkalian berlakunya banjir pada kadar minima apabila berlakunya hujan lebat.

(b) Sumbangan pihak pemaju kepada Kerajaan Negeri yang telah digunakan bagi tujuan pembangunan infrastruktur di DUN Pantai Jerejak dari tahun 2018 hingga 2021 adalah berjumlah RM16.58 juta. Perincian projek infrastruktur tersebut adalah seperti berikut:

BIL.	PERKARA	STATUS	KOS (RM)
1.	Penggantian Lampu Jalan High Pressure Sodium Vapour (HPSV) Kepada Lampu Jenis Light Emitting Diode (LED) Di Kawasan Penyelenggaraan MBPP (Fasa 2)	Siap (2021)	4.2 juta
2.	Pemasangan Lampu Solar Di Laluan Basikal	Siap (2020)	0.18 juta
3.	Projek Pembinaan Laluan Basikal dan Pejalan Kaki Dan Lain-Lain Kerja Berkaitan di Lebuhraya Kampung Jawa, Pulau Pinang	Siap (2019)	2.0 Juta
4.	Pembinaan Jejantas Basikal Dan Pejalan Kaki Di Lebuh Raya Tun Dr. Lim Chong Eu Berdekatan Queensbay Serta Pembinaan Jambatan Merentangi Sungai Nibong, Pulau Pinang	Siap (2018)	7.5 Juta
5.	Membina Dan Menaik taraf Laluan Basikal Dan Pejalan Kaki Dari Queensbay Ke Bayan Baru, Pulau Pinang	Siap (2018)	2.7 juta
	JUMLAH		16.58 juta

27. Rancangan Malaysia ke-12.

(a) Adakah Kerajaan Negeri memberi cadangan pembangunan di Pantai Jerejak untuk dimasukkan ke dalam RMK-12?

(b) Jika ya, bolehkah senaraikan cadangan ini?

JAWAPAN OLEH Y.A.B. KETUA MENTERI

27. Pada masa ini, Kerajaan Negeri belum mempunyai perancangan projek pembangunan di Pantai Jerejak untuk dikemukakan di bawah Rancangan Malaysia Ke-12. Kerajaan Negeri melalui Jabatan Pengairan dan Saliran sentiasa memantau dan menjalankan kerja-kerja penyelengaraan secara berkala khususnya di Sungai Nipah, Sungai Nibong Kecil dan Sungai Nibong Besar. Kerajaan Negeri mengalu-alukan cadangan pembangunan daripada ADUN kawasan untuk dimohon di bawah Rancangan Malaysia Ke-12.

28. Bagi kategori membaik pulih rumah, adakah pihak Zakat bercadang meningkatkan syarat pendapatan bulanan pemohon kepada lebih dari RM1,500 yang diguna pakai sekarang?

(a) Untuk kategori bantuan persekolahan, adakah pihak Zakat mempunyai perancangan untuk menambah baik syarat agar lebih ramai dapat manfaat?

JAWAPAN OLEH Y.A.B. KETUA MENTERI

28. Pihak Zakat Pulau Pinang bercadang untuk meningkatkan syarat pendapatan bulanan pemohon bagi bantuan kategori membaik pulih rumah daripada RM1,500 ke RM2,000 mulai tahun 2022. Cadangan bagi meningkatkan syarat pendapatan bulanan pemohon ini memerlukan kelulusan di peringkat Mesyuarat Jawatankuasa Perumahan Zakat Pulau Pinang dan Lembaga Pengarah Zakat Pulau Pinang.

(a) Pihak Zakat Pulau Pinang sentiasa meneliti keadaan sosioekonomi masyarakat Islam di Pulau Pinang dan membuat perancangan untuk menambah baik syarat permohonan dari masa ke semasa agar lebih ramai dapat menerima manfaat di bawah kategori bantuan persekolahan. Antara perancangan baharu di bawah kategori bantuan persekolahan adalah untuk menambah bilangan penerima bantuan yang diperuntukkan ke sekolah-sekolah mulai tahun 2022.

29. Adakah Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) bercadang memasang CCTV di beberapa *hotspot* di kawasan Bayan Baru?

(a) Jika ya, mohon senaraikan tempat tersebut?

JAWAPAN OLEH YAB. KETUA MENTERI:

29. Pada ketika ini, terdapat sebanyak 154 unit kamera Closed Circuit Television (CCTV) telah dipasang di 58 lokasi hotspot di kawasan Bayan Baru. Senarai bilangan CCTV dan lokasi CCTV yang telah dipasang di kawasan Bayan Baru adalah seperti di **LAMPIRAN A**.

Kriteria-kriteria yang diambil kira dalam pemilihan lokasi untuk pemasangan CCTV adalah ditentukan oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) atas nasihat daripada Polis Diraja Malaysia (PDRM) berdasarkan statistik kekerapan berlakunya jenayah disesuatu kawasan dan persimpangan jalan yang mempunyai aliran trafik yang tinggi bagi tujuan kawalan lalu lintas. Kamera CCTV juga dipasang di kawasan-kawasan aktiviti kerja tanah tanpa kelulusan seperti di kawasan bukit bagi memantau kejadian tanah runtuh, serta kawasan *hotspot* banjir.

Secara amnya, projek-projek pemasangan kamera CCTV dilaksanakan demi kepentingan awam bagi meningkatkan tahap keselamatan, mengurangkan

insiden jenayah, mengawal lalulintas serta meningkatkan penguatkuasaan PBT dengan lebih berkesan.

(a) Setakat ini, Pihak Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) tidak mempunyai sebarang perancangan untuk menambah bilangan kamera CCTV di kawasan Bayan Baru. Walau bagaimanapun, pihak MBPP akan mempertimbangkan cadangan daripada mana-mana pihak jika kamera CCTV tambahan diperlukan.

LAMPIRAN A

SENARAI LOKASI CCTV DI KAWASAN BAYAN BARU

BIL	LOKASI	Bilangan CCTV
1	Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang	5
2	Persimpangan Jalan Garuda / Jalan Sultan Azlan Shah	3
3	Jalan Sultan Azlan Shah (Berhadapan Tokong Ular)	3
4	Persimpangan Lebuh Sungai Tiram 1 / Jalan Mayang Pasir	2
5	Persimpangan Persiaran Bayan Baru / Persiaran Bayan Indah	1
6	Jejantas Pejalan Kaki Queensbay	3
7	Persiaran Bayan Indah (Bulatan Queensbay Mall)	3
8	Persimpangan Persiaran Bayan Indah/ Lebuhraya Tun Dr Lim Chong Eu	2
9	Pintu Masuk Terminal Bas Ekspres Sungai Nibong	2
10	Pintu Keluar Terminal Bas Ekspres Sungai Nibong	2
11	Persimpangan Jalan Bukit Gambir / Jalan Rumbia	2
12	Persimpangan Jalan Tun Dr Awang / Jalan Bukit Gambir	3
13	Persimpangan Jalan Rumbia / Lorong Relau 2	2
14	Persimpangan Jalan Tun Dr Awang / Jalan Kampung Relau	3
15	Persimpangan Jalan Sultan Azlan Shah / Jalan Mayang Pasir (Hadapan Sunway Prima)	3
16	Jalan Sultan Azlan Shah hadapan pusat Kawalan Kastam FIZ 1 (berdekatan Osram)	3
17	Jalan Sultan Azlan Shah berdekatan laluan masuk pejabat IQ Group Holding Bhd	3
18	Persimpangan Jalan Sultan Azlan Shah/Jalan Tengah	3
19	Persimpangan Lebuhraya Kampung Jawa/ Jalan Sultan Azlan Shah	3
20	Persimpangan Lebuhraya Mayang Pasir / Caltex Bukit Gedong	3
21	Persimpangan Lebuhraya Mayang Pasir / Persiaran Mahsuri (CIMB Bank)	4
22	Persimpangan Jalan Tengah/ Jalan Tun Dr Awang	3
23	Persimpangan Jalan Kampung Jawa / Lebuh Kampung Jawa (Kilang Fastron)	3
24	Jalan Tun Dr Awang depan Hong Leong Bank	3
25	Persimpangan Lebuh Kampung Jawa/ Lebuhraya Sungai Nibong	3
26	Persimpangan Lebuh Bukit Jambul / Persiaran Bukit Jambul	3
27	Persimpangan Jalan Aziz Ibrahim / Jalan Pantai Jerjak 15 (Tapak Pasar Malam Pantai Jerjak)	3
28	Bulatan Queensbay / Gold Coast Condominium Resort	3
29	Jalan Sungai Dua/ Lorong Sungai Dua (berdekatan USM)	3
30	Solok Kampung Relau - Kompleks Bukit Jambul	1
31	Tempat letak motosikal belakang Sunshine - Eden Bakery	1
32	Persimpangan Jalan Mahsuri / Jalan Mayang Pasir	1
33	Pasar Awam Desa Mayang	1
34	Jalan Sultan Azlan Shah (Shell & Caltex)	1

BIL	LOKASI	Bilangan CCTV
35	Persimpang Jalan Sultan Azlan Shah / Jalan Mahsuri	1
36	Hadapan S.J.K (C) Kwang Hwa	3
37	Persimpangan Jalan Batu Maung/Lintang Batu Maung	3
38	Persimpangan Jalan Batu Maung/Jalan Baru Batu Maung	3
39	Persimpangan Lebuhraya Tun Dr Lim Chong Eu/Persiaran Bayan Lepas	3
40	Persimpangan Lintang Bayan Lepas/Lintang Bayan Lepas 2	3
41	Persimpangan Lintang Bayan Lepas/Hilir Sungai Keluang 1	3
42	Persimpangan Hilir Sungai Keluang 2/Hilir Sungai Keluang 1	3
43	Persimpangan Hilir Sungai Keluang 3/Hilir Sungai Keluang 4	3
44	Persimpangan Hilir Sungai Keluang 2/Hilir Sungai Keluang 4	3
45	Persimpangan Lorong Sungai Tiram 1/Lorong Sungai Tiram	3
46	Persimpangan Jalan Kampung Jawa/Lebuhraya Tun Dr. Lim Chong Eu	3
47	Persimpangan Jalan Tun Dr Awang/Persiaran Paya Terubong 5/Jalan Dato Ismail Hashim	4
48	Jalan Bukit Gambir - Depan Pintu Masuk USM	3
49	Persimpangan Jalan Sultan Azlan Shah/Jalan Sungai Dua	4
50	Pasar Bayan Baru	3
51	Persimpangan Lebuh Bukit Jambul / Persiaran Bukit Jambul	1
52	Persimpangan Jalan Tengah / Jalan Tun Dr. Awang	1
53	Pintu Keluar Terminal Bas Ekspres Sungai Nibong	1
54	Jalan Permatang Damar Laut (Kampung Binjai) (Sungai Bayan Lepas)	3
55	Persimpangan Lebuhraya Batu Maung / Lebuh Batu Maung 2	3
56	Jalan Sultan Azlan Shah (Jejantas Pejalan Kaki berdekatan Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang)	6
57	Persimpangan Lebuhraya Tun Dr Lim Chong Eu / Jalan Batu Uban	3
58	Laluan Masuk Kompleks Bukit Jambul	1
	JUMLAH KESELURUHAN	**154**

III. Ahli Kawasan Bayan Lepas (YB. Azrul Mahathir Bin Aziz) bertanya kepada YAB. Ketua Menteri:

1. Sila nyatakan kriteria yang tidak sesuai untuk cadangan pembinaan Asrama Pekerja Asing yang tidak dipertimbangkan pembinaannya. Sebolehnya senaraikan lima (5) syarat yang perlu dipenuhi.

JAWAPAN OLEH YAB. KETUA MENTERI:

1. Berdasarkan Garis Panduan Perancangan Pembinaan Penginapan Pekerja Negeri Pulau Pinang Tahun 2021, antara kriteria yang tidak sesuai untuk cadangan pembinaan asrama pekerja asing adalah kawasan yang tidak mematuhi keperluan dalam garis panduan dan / atau rancangan pemajuan.

   Lima (5) syarat yang perlu dipenuhi berdasarkan garis panduan tersebut adalah seperti berikut :-

   (i) Mematuhi zon perlingkungan di bawah Pelan Dasar Perancangan dan Kawalan Pemajuan - Hanya Zon Perniagaan dan Zon Industri (industri ringan dan sederhana) sahaja dibenarkan;

   (ii) Mematuhi kawalan nisbah plot - bagi pembangunan baharu, nisbah plot yang dibenarkan adalah 2:1 dan maksimum 3.5:1;

   (iii) Mematuhi keluasan minimum tapak - bagi pembangunan baharu, minimum keluasan tapak yang dibenarkan adalah dua (2) ekar;

   (iv) Mematuhi kawalan ketinggian bangunan - tertakluk kepada ketinggian di sesuatu kawasan yang telah diluluskan oleh Pihak Berkuasa Tempatan dan perlu merujuk kepada Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia (CAAM) sekiranya terletak di laluan Flight Path; dan

   (v) Penyediaan ruang penginapan pekerja hendaklah mematuhi keperluan minimum di bawah Akta 446 dan peraturan-peraturan di bawahnya seperti berikut:-

      (a) Ruang tidur pada kadar 3.0 mp / pekerja (konsep dormitori) dan 3.6 mp / pekerja (konsep pangsapuri); dan

      (b) Penyediaan tandas pada kadar 1 tandas bagi setiap 15 pekerja (konsep dormitori) dan 1 tandas bagi setiap 6 pekerja (konsep pangsapuri).

2. Bagaimanakah ramalan penguncupan ekonomi negeri Pulau Pinang bagi tahun 2021?

JAWAPAN OLEH Y.A.B. KETUA MENTERI

2. Secara keseluruhannya, ekonomi negeri Pulau Pinang bagi tahun 2021 dijangka akan menyerupai prestasi ekonomi pada tahun 2020. Pada tahun 2020, Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) Pulau Pinang telah menguncup sebanyak 2.1%. Meskipun begitu, prestasi tersebut adalah lebih baik berbanding pertumbuhan di peringkat nasional yang mencacatkan penguncupan 5.6%. KDNK yang direkodkan oleh Pulau Pinang merupakan yang ke-empat tertinggi di Malaysia.

   Penurunan KDNK Pulau Pinang pada tahun 2020 adalah dipengaruhi oleh sektor perkhidmatan yang menguncup 5.7% (2019: 5.5%) didorong oleh subsektor perdagangan borong & runcit, penginapan dan makanan & minuman. Selain itu, penurunan dalam subsektor pengangkutan & penyimpanan, hartanah serta perkhidmatan perniagaan turut mempengaruhi prestasi sektor ini. Walau bagaimanapun, pertumbuhan lebih baik dalam produk elektrik, elektronik & optikal pada tahun 2020 menyokong prestasi sektor Pembuatan untuk meningkat kepada 2.8% (2019: 2.7%). Secara keseluruhannya, pertumbuhan positif di sektor Pembuatan telah mengurangkan kesan kemerosotan ekonomi di Pulau Pinang pada tahun 2020.

Pertumbuhan sektor pembuatan adalah disebabkan oleh peningkatan permintaan dunia untuk produk elektrik, elektronik dan optikal. Subsektor ini telah menyumbang sebanyak 30.8% dalam KDNK Pulau Pinang meningkat sebanyak 6.4% pada tahun 2020. Lebih-lebih lagi, subsektor ini telah dipertanggungjawabkan sebesar 35.8% daripada jumlah keluaran E&E di seluruh negara. Trend ini diramalkan akan berterusan bagi tahun 2021 dengan anggaran pertumbuhan yang lebih tinggi. Semasa PKP3.0 dilaksanakan, Indeks Pengeluaran Perindustrian (IPI) bagi produk E&E menunjukkan pertumbuhan sebanyak 21.6% pada bulan Mei 2021. Nilai jualannya juga meningkat sebanyak 31% dalam bulan yang sama. Beberapa syarikat yang membuat pengumuman awam berkenaan dengan pelaburan di Pulau Pinang pada tahun 2021 juga adalah daripada sektor ini, contohnya Simmtech Holdings Inc., JHM, Greatech, dan JV antara Applied Engineering dan QES.

Sektor pembinaan bagi tahun 2021 dijangka akan terjejas disebabkan oleh peningkatan kes COVID-19 dan pelaksanaan PKP3.0. Sektor ini mencatatkan penurunan paling tinggi berbanding sektor yang lain, iaitu sebanyak 15.5% pada tahun 2020. Pembinaan bangunan adalah lebih perlahan disebabkan oleh permintaan harta benda yang lebih lembap, selain peningkatan harta tidak terjual (overhang property). Pulau Pinang berada di tempat kedua bagi unit harta kediaman yang tidak terjual dengan 4,477 unit, di belakang Negeri Johor (6,001 unit).

Sektor perkhidmatan bagi tahun 2021 juga dijangka mencatatkan penurunan berbanding tahun sebelumnya. Sektor ini telah menguncup sebanyak 5.7% pada tahun 2020 di mana perdagangan borong dan runcit, makanan dan minimum dan penginapan mengalami kemerosotan yang agak signifikan (-9.5%). Sektor ini didorong oleh aktiviti pelancongan yang sangat terkesan dengan pandemik COVID-19, di mana pelancong antarabangsa tidak dibenarkan memasuki negara sejak Mac 2020. Selain itu, pelancong domestik ke Pulau Pinang juga telah mencatatkan penurunan sebanyak 42.2%. Pelancongan perubatan (Medical Tourism) dan pelancongan MICE (Meetings, Incentives, Conventions and Exhibitions) juga telah merosot dengan penurunan pelancong. Justeru, lebih banyak inisiatif yang kreatif dan innovatif perlu diberi tumpuan untuk membina semula sektor ini dengan kerjasama penggiat sektor pelancongan.

Sektor pertanian dijangka tidak akan mengalami perubahan yang ketara. Bagi tahun 2020, sektor Pertanian mencatatkan penurunan 0.8% berbanding tahun sebelumnya. Trend ini dijangka lebih kurang sama walaupun sektor ini dibenarkan beroperasi semasa PKP3.0. Perkara ini disebabkan oleh jangka masa beroperasi yang lebih pendek, masalah logistik, kekurangan tenaga kerja dan peningkatan kes COVID-19 di kebun-kebun Cameron Highlands yang mendorong peningkatan harga sayur-sayuran berikutan kekurangan sayur-sayuran dalam pasaran.

3. Sektor Pendidikan yang penting teruk terjejas ketika mengharungi pandemik COVID-19.

   (a) Apakah tindakan Kerajaan Negeri dalam memastikan tiada kecicirán berlaku?

   (b) Adakah Kerajaan Negeri bersedia untuk memacu kembali projek Penang Free WiFi bagi menyediakan akses internet kepada semua pelajar memandangkan tidak semua keluarga mampu membayar bil internet atau Unifi?

JAWAPAN OLEH YAB. KETUA MENTERI:

3. (a) Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang (JPNPP) telah mengambil langkah-langkah dalam memastikan tiada kecicirán dalam kalangan pelajar semasa pandemik COVID-19 seperti berikut:

      (i) Memantau kehadiran pelajar ke kelas secara Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR) oleh pihak JPNPP, Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) dan sekolah melalui Sistem Pelaporan PdPR (SPdPR);

(ii) Menjalinkan kerjasama dengan pihak Pelibatan Ibu Bapa Komuniti dan Swasta (PIBKS) dengan menganjurkan webinar Sembang Santai PdPR dan menghebahkan maklumat berkaitan PdPR di dalam kumpulan WhatsApp komuniti dan di masjid;

(iii) Memperoleh sumbangan peranti/data *internet* daripada pihak-pihak tertentu bagi mengatasi isu pelajar yang tidak dapat mengikuti PdPR disebabkan tidak mempunyai peranti dan data; dan

(iv) Membangun dan memuat naik modul bagi subjek pelajaran di Pelantar Penang Digital Movers (PDM) untuk diakses oleh pelajar bagi PdPR.

(b) Pada ketika ini, Kerajaan Negeri tidak bercadang untuk melaksanakan semula perkhidmatan Penang Free WiFi. Sebaliknya, perkhidmatan *internet* percuma akan diintegrasikan melalui projek Smart Street Pole di seluruh Negeri Pulau Pinang yang dijangka akan dilaksanakan pada penghujung tahun 2021. Pelaksanaan projek ini akan ditumpukan di kawasan-kawasan awam seperti sekolah, pejabat kerajaan, pasar awam dan lain-lain. Projek ini merupakan usaha Kerajaan Negeri untuk mengurangkan jurang digital serta selaras dengan pembangunan kerajaan digital di kawasan-kawasan awam seperti pelaksanaan pembelajaran digital.

Selain itu, di bawah Pakej Perlindungan Rakyat dan Pemulihan Ekonomi (PEMULIH), lima (5) syarikat penyedia perkhidmatan telekomunikasi utama, iaitu Celcom, Digi, Maxis, U-Mobile dan Telekom Malaysia (TM) telah bersetuju untuk melanjutkan pemberian 1GB data harian percuma kepada semua pelanggan masing-masing sehingga 31 Disember 2021.

4. Apakah status pembinaan dan sejauh manakah perkembangan Kompleks Pasar Teluk Kumbar?

JAWAPAN OLEH YAB. KETUA MENTERI:

4. Status pembinaan Kompleks Pasar Teluk Kumbar kini dalam peringkat penyediaan semula lukisan. Panggilan tender telah dibuat pada bulan Februari 2020 yang lalu namun telah dibatalkan pada bulan Ogos 2020 atas sebab kesilapan teknikal oleh pihak perunding arkitek dan konsortiumnya. Panggilan semula tender telah dibuat pada bulan November 2020.

5. Berapakah jumlah kes bunuh diri sepanjang pandemik COVID-19?

JAWAPAN OLEH YAB. KETUA MENTERI:

5. Jumlah kes bunuh diri sepanjang pandemik COVID-19 yang direkodkan adalah seperti di **LAMPIRAN**.

LAMPIRAN A

STATISTIK BUNUH DIRI SEPANJANG PANDEMIK COVID-19																						
TAHUN	DAERAH	WARGANEGARA/BANGSA									BUKAN W/N		JUMLAH	UMUR								
		MELAYU		CINA		INDIA		LAIN-LAIN		TIDAK DIKETAHUI												
		L	P	L	P	L	P	L	P		L	P		17-20	21-30	31-40	41-50	51-60	61-70	71-80	81-90	TIDAK DIKETAHUI
2020	TIMUR LAUT	2		14	8	2					4		30		3	4	5	5	7	2		4
	SEBERANG PERAI UTARA				1	2	2						5			2	2				1	
	SEBERANG PERAI TENGAH	1		7	2	6	5				5		26	2	9	2	2	4	3	3		1
	SEBERANG PERAI SELATAN	1		4		4	1						10		3	4		2	1			
	BARAT DAYA			4	1	1	1						7	1		2	2			1	1	
JUMLAH		4	0	29	12	15	9	0	0	0	9	0	78	3	15	14	11	11	11	6	2	5
		4		41		24		0		0	9		78									

TAHUN	DAERAH	WARGANEGARA/BANGSA									BUKAN W/N		JUMLAH	UMUR								
		MELAYU		CINA		INDIA		LAIN-LAIN		TIDAK DIKETAHUI												
		L	P	L	P	L	P	L	P		L	P		17-20	21-30	31-40	41-50	51-60	61-70	71-80	81-90	TIDAK DIKETAHUI
2021	TIMUR LAUT	1		8	1	1	1			1	4		17	1	4	4	3	3	1			1
	SEBERANG PERAI UTARA			5	1	1					1		8		4	1			1	1	1	
	SEBERANG PERAI TENGAH	1		6	1	3				1	8		20	1	6	3	3	4				3
	SEBERANG PERAI SELATAN	1		2		1	1				5	1	11		4	4	3					
	BARAT DAYA	1		3	1	1		1			2		9			1	2	2	1	1		2
JUMLAH		4	0	24	4	7	2	1	0	2	20	1	65	2	18	13	11	9	3	2	1	6
		4		28		9		1		2	21		65									

6. Pekerja Asing.

(a) Adakah Kerajaan Negeri masih mengalu-alukan pekerja asing hadir secara beramai-ramai bertugas di sektor perkilangan?

(b) Adakah ianya setimpal dengan risiko yang ditanggung rakyat dengan cadangan membina asrama pekerja asing di tengah-tengah komuniti? Sebagai contoh cadangan pembinaan asrama yang menempatkan puluhan ribu warga asing di Teluk Kumbar.

JAWAPAN OLEH YAB. KETUA MENTERI:

6. (a) Memandangkan sektor perkilangan adalah sektor terbesar di Negeri Pulau Pinang dan mendapat permintaan yang tinggi terhadap penggunaan tenaga kerja warga asing, maka sektor ini dibenarkan untuk menggunakan tenaga kerja warga asing. Pihak Kerajaan Negeri Pulau Pinang akan memastikan pengendalian khidmat tenaga warga asing ini sentiasa dalam keadaan terkawal melalui penyediaan penginapan pekerja yang khusus bagi kumpulan warga asing selaras dengan Garis Panduan Perancangan Pembinaan Penginapan Pekerja Di Negeri Pulau Pinang 2021 dan Seksyen 24H, Akta Standard Minimum Perumahan, Penginapan dan Kemudahan Pekerja (Pindaan), 2019, (Akta 446).

Pembinaan asrama perkerja merupakan langkah untuk mengelakkan kumpulan warga asing mendatangkan kesan sosial kepada masyarakat sekeliling. Selaras dengan itu, Kajian Social Impact Assessment (SIA) telah disyaratkan untuk dijalankan bagi mengenal pasti impak kepada masyarakat sekeliling dan cadangan-cadangan bagi mengatasinya.

(b) Pembinaan asrama pekerja dapat membantu rakyat Negeri Pulau Pinang lebih selamat kerana pada masa kini ramai pekerja-pekerja asing ini tinggal bersama komuniti di flat-flat, kampung-kampung dan taman perumahan. Ini adalah lebih merbahaya dan pada masa pandemik COVID-19, risiko kepada masyarakat adalah lebih tinggi.

Asrama pekerja adalah satu penyelesaian jangka panjang bagi mengatasi masalah kebanjiran pekerja asing di Negeri Pulau Pinang. Penginapan pekerja asing adalah lebih selamat, sistematik dan kondusif kepada pekerja dan masyarakat setempat.

Status dan perincian asrama pekerja di Pulau Pinang adalah seperti berikut:

STATUS	SKIM / UNIT
Siap Dibina	2 skim; 6,221 katil
Sedang Dibina	7 skim; 55,238 katil
Sedang Dimohon	2 skim; 12,380 katil
Keseluruhan	11 skim; 73,839 katil

PEMAJU	NO LOT & LOKASI ASRAMA PEKERJA	TARIKH LULUS OSC/JPN	JUMLAH UNIT/PENGHUNI	STATUS
1. JUMLAH PEMBINAAN PENGINAPAN PEKERJA YANG TELAH SIAP DAN DIDUDUKI				
Tetuan Westlite Dormitory (Bukit	Lot 9224, Mukim 14, Daerah Seberang Perai Selatan.	28.4.2016	369 unit 3,321 penghuni	Siap diduduki dan beroperasi

PEMAJU	NO LOT & LOKASI ASRAMA PEKERJA	TARIKH LULUS OSC/JPN	JUMLAH UNIT/PENGHUNI	STATUS
Minyak) Sdn Bhd				
Tetuan Ong Hang Meng Construction Sdn Bhd	Lot 797, Jalan Permatang Damar Laut, Mukim 12, Batu Maung, Daerah Barat Daya, Pulau Pinang		364 unit 2,900 penghuni	Siap diduduki dan beroperasi
JUMLAH KECIL			6,221 penghuni	
2. JUMLAH PEMBINAAN PENGINAPAN PEKERJA YANG TELAH LULUS / DALAM PROSES PEMBINAAN				
Tetuan Westlite Dormitory (Penang-Juru) Sdn Bhd	Lot 14750, Mukim 13, Daerah Seberang Perai Tengah.	8.3.2017	339 unit 6,102 penghuni	Borang C1 Belum dikeluarkan
Tetuan Passion Paradise Sdn. Bhd.	Lot 1226, Mukim 12, Daerah Seberang Perai Selatan	8.3.2017	910 unit 3,640 penghuni	Dalam pembinaan
Tetuan Right Pristine Development Sdn. Bhd.	Lot 1249, Mukim 14, Jalan Permatang Tinggi, Daerah Seberang Perai Tengah	22.2.2017	408 unit 4,896 penghuni	Borang C1 dikeluarkan pada 29.11.2017 Pembinaan belum dimulakan
Tetuan GUH Realty Sdn. Bhd.	Lot 1377, 1690 & 1692, Mukim 12, Seberang Perai Selatan	6.11.2019	138 unit 6,180 penghuni	Borang C1 belum dikeluarkan
Tetuan Biopolis Resources Sdn Bhd	“Petak A”, Penang Science North, Mukim 13, Daerah Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang	6.8.2020	684 unit 9,420 penghuni	Borang C1 belum dikeluarkan
Tetuan Zantalite Enterprise (M) Sdn Bhd	Lot 1435 dan 1437. Mukim 9, Teluk Kumbar, Daerah Barat Daya, Lorong Gertak Sanggul, Pulau Pinang		25,000 penghuni	Telah lulus permohonan perlingkungan semula di Mesyuarat JK Perancang

PEMAJU	NO LOT & LOKASI ASRAMA PEKERJA	TARIKH LULUS OSC/JPN	JUMLAH UNIT/PENGHUNI	STATUS
JUMLAH KECIL			55,238 penghuni	
3. JUMLAH PERMOHONAN BARU / CADANGAN				
Cadangan	Daerah Barat Daya		8,700	Masih dalam cadangan
RP Dormitory Sdn Bhd	Batu Maung		140 unit 1,680 penghuni	Masih dalam cadangan
Cadangan	Daerah Timur Laut		2,000	Masih dalam cadangan
JUMLAH KECIL			12,380 penghuni	
JUMLAH KESELURUHAN			73,839 penghuni	

7. Pandemik COVID-19

(a) Nyatakan tahap kepuasan Kerajaan Negeri terhadap Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) khususnya di Pulau Pinang dalam menghadapi pandemik COVID-19.

(b) Apakah cadangan penambahbaikan yang amat perlu dilaksanakan oleh Jabatan Kesihatan Negeri (JKN) Pulau Pinang bagi memerangi COVID-19 bersama Kerajaan Negeri dan penglibatan pelbagai peringkat di bawah Kerajaan Negeri?

JAWAPAN OLEH Y.A.B. KETUA MENTERI

7. (a) Kerajaan Negeri sentiasa berganding bahu dengan Kementerian Kesihatan Negeri (KKM) menerusi Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang (JKNPP) dalam menghadapi pandemik COVID-19.

Pelbagai inisiatif dilaksanakan secara berterusan yang mana gerak kerja utama adalah menerusi mesyuarat Jawatankuasa Khas Keselamatan Negeri (JKKN) – Pengurusan COVID-19. Manakala bagi penyelarasan Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK), usaha penyelarasan yang dijalankan adalah menerusi Badan Bertindak Imunisasi COVID-19 (CITF) Negeri. Selain itu, mesyuarat teknikal turut diadakan bagi menyelaraskan gerak kerja semasa.

Mesyuarat-mesyuarat berkaitan diadakan secara berkala dan pelbagai isu-isu dibincang, diputuskan dan dilaksanakan bersama dalam menghadapi pandemik COVID-19 secara menyeluruh di Pulau Pinang.

JKNPP telah mendapat kerjasama yang amat baik daripada Kerajaan Negeri, agensi-agensi kerajaan, badan serta pertubuhan bukan kerajaan (NGO), syarikat-syarikat swasta dan juga individu-individu dalam usaha membendung wabak COVID-19 di Pulau Pinang. Semua pihak menggembleng tenaga, sumber manusia dan bantuan diperlukan bagi memastikan kemudahan perubatan negeri tidak lumpuh sepenuhnya. Antara kerjasama yang termeterai adalah termasuk kolaborasi Pusat Pemberian Vaksin (PPV), Pusat Kuarantin dan Rawatan Covid Berisiko Rendah (PKRC), Penang Unified Call Center (PUCC) bagi pengurusan kes positif, pengesanan kontak dan pemakluman data serta statistik kes harian.

8. Penguatkuasaan Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP).

(a) Berapakah jumlah notis Penguatkuasaan MBPP yang telah dikeluarkan kepada peniaga-peniaga kecil di kawasan DUN Bayan Lepas?

(b) Adakah MBPP tidak menyedari bahawa rakyat sedang tertekan dalam meneruskan kehidupan dan notis tersebut telah menekan jiwa mereka?

JAWAPAN OLEH YAB. KETUA MENTERI:

8. (a) Bilangan 'Notis Untuk Mengambil Tindakan Penguatkuasaan' yang telah dikeluarkan oleh MBPP ke atas peniaga-peniaga kecil di kawasan DUN Bayan Lepas pada tahun ini sehingga bulan Julai 2021 adalah sebanyak 72 notis.

(b) Kerajaan Negeri sedar akan keadaan semasa yang dihadapi oleh rakyat Pulau Pinang dalam menghadapi situasi pandemik COVID-19 yang sangat mencabar ini. Namun begitu, notis yang dikeluarkan adalah sebagai peringatan terhadap pelbagai kesalahan yang telah dilakukan. Tindakan ini adalah sejajar dengan peraturan dan arahan kerja yang ditetapkan bagi menjamin kesejahteraan penduduk terutama dalam aspek yang melibatkan isu keselamatan di kawasan yang terlibat.

9. Pembesaran Tapak Surau Bayu Nyaman

(a) Apakah status permohonan pembesaran tapak Surau Bayu Nyaman?

(b) Adakah telah selesai sepenuhnya? Jika tidak, sila jelaskan.

JAWAPAN OLEH YAB. KETUA MENTERI:

9. (a) Pihak Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) telah menyelesaikan urusan permohonan pemberimilikan tanah kerajaan di atas Lot 20303, Mukim 11, Daerah Barat Daya dan pihak Pejabat Daerah dan Tanah Barat Daya sedang memproses serahan hak milik kepada MAINPP.

(b) Urusan permohonan pemberimilikan tanah bagi pembinaan Surau Bayu Nyaman kini berada dalam fasa akhir dengan bayaran tuntutan melalui Borang 5A telah dijelaskan sepenuhnya oleh MAINPP dan Pejabat Daerah dan Tanah Barat Daya sedang memproses serahan hak milik kepada MAINPP.

10. Kebanyakan rumah Kos Rendah bertingkat mengalami kebocoran tangki air dan sering berlaku kerosakan besi penghadang railing atau grill di laluan pejalan kaki. Mereka juga kebanyakannya tidak mempunyai Badan Pengurusan bagi memohon bantuan daripada Tabung Penyelenggaraan Maksimum 80 Peratus Pulau Pinang (TPM80PP).

(a) Bolehkah sekiranya dicadangkan permohonan tersebut dibuat melalui Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) seliaan kawasan terbabit?

JAWAPAN OLEH YAB. KETUA MENTERI:

10. Kerajaan Negeri sejak tahun 2008 amat memandang serius dan akan terus berusaha keras bagi terus membantu perumahan swasta yang layak dari aspek penyelenggaraan.

Selaras dengan pematuhan di bawah Akta Pengurusan Strata 2013 [Akta 757] Sekyen 17(1) dan Sekyen 19(2)(b) dan Seksyen 23(1) telah dengan jelas menyatakan kewajipan penubuhan Badan Pengurusan Bersama ataupun Ejen Pengurusan dan Pembukaan Akaun Senggaraan.

Seksyen 17(1), Akta 757 "Suatu badan pengurusan bersama hendaklah ditubuhkan apabila mesyuarat agung tahunan pertama bagi badan pengurusan bersama itu diadakan—"

Seksyen 19(2)(b), Akta 757 "melantik seorang ejen pengurusan di bawah Bahagian VI untuk menyenggarakan atau menguruskan bangunan atau tanah yang dicadangkan untuk dipecah bahagi kepada petak-petak dan harta bersama yang terdapat di dalam kawasan pemajuan itu."

Sekyen 23 (1), Akta 757 "Badan pengurusan bersama hendaklah membuka dan menyenggarakan suatu akaun penyenggaraan dengan suatu bank atau institusi kewangan bagi maksud yang dinyatakan dalam subseksyen (3)."

Oleh yang demikian, penubuhan Badan Pengurusan Bersama / Perbadanan Pengurusan (JMB/MC) adalah pematuhan terhadap akta berkuatkuasa semasa di mana JMB/MC ataupun pelantikan ejen pengurusan hendaklah disempurnakan bagi mana-mana perumahan berstrata.

Walau bagaimanapun, permohonan daripada Jawatankuasa Penduduk ataupun daripada Ahli Dewan Undangan Negeri kawasan masing-masing akan dipertimbangkan melalui Jawatankuasa Penilaian Tabung Penyelenggaraan Maksima 80 Pulau Pinang berdasarkan kepada peruntukan perundangan semasa.

11. Sektor pemasaran perabot dan pakaian masih lagi tidak dibenarkan beroperasi sehingga kini (awal Ogos 2021) yang dikategorikan sebagai kurang penting tetapi ianya melibatkan ramai pekerja dan peniaga.

    (a) Apakah langkah-langkah yang diambil Kerajaan Negeri bagi membantu golongan tersebut?

    (b) Bagaimanakah Kerajaan Negeri menanganinya agar industri sektor ini dapat bertahan?

JAWAPAN OLEH YAB. KETUA MENTERI:

11. (a) Kerajaan sentiasa membantu sektor perniagaan yang terjejas semasa pandemik Covid-19 bagi memastikan peniaga serta pekerja mempunyai ruang untuk beroperasi bagi menjana pendapatan. Antara langkah-langkah yang diambil Kerajaan Negeri bagi membantu golongan tersebut adalah menggalakkan mana-mana sektor yang tidak tersenarai dibawah SEKTOR PERKHIDMATAN PERLU (essential services) untuk memohon kelulusan daripada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) bagi menjalankan perniagaan atas talian atau e-dagang supaya pemilik perniagaan boleh memasarkan produk mereka secara atas talian serta dibenarkan untuk hadir ke premis bagi tujuan pembungkusan dan penghantaran barangan kepada pelanggan. Berdasarkan rekod KPDNHEP Pulau Pinang, sebanyak 1,904 permohonan diluluskan daripada peniaga dibawah sektor e-dagang bagi membolehkan peniaga menjalankan perniagaan.

    Berdasarkan pengumuman terkini pada ada 16 Ogos 2021, Kerajaan Persekutuan telah membenarkan 19 JENIS PERNIAGAAN di bawah Sektor Perdagangan dan Pengedaran beroperasi bagi membantu peniaga memulihkan perniagaan yang terjejas semasa pandemik Covid-19 termasuk kedai perabot dan kedai pakaian, fesyen dan aksesori.

    (b) Antara langkah Kerajaan Negeri bagi menangani agar industri sektor ini dapat bertahan adalah seperti berikut:

        (i) Mewujudkan Skim PEKA PKS iaitu satu skim pinjaman tanpa faedah dengan jumlah peruntukan sebanyak RM30.0 juta daripada Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Skim PEKA PKS ini telah diwujudkan di bawah Bantuan Rakyat Negeri Pulau Pinang semasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) pada bulan April tahun 2020. Sejumlah RM28.74 juta telah diluluskan kepada 1,651 syarikat. Satu lagi skim pinjaman

kelangsungan perniagaan ialah Skim PEKA Pelancongan dengan peruntukan RM10.0 juta. Oleh kerana PKP yang berpanjangan dan pengenalan PKP 3.0 yang menyebabkan banyak sektor industri 'non-essential' tidak dapat menjalankan perniagaan untuk tempoh yang panjang, Kerajaan Negeri Pulau Pinang melalui mesyuarat MMK pada 25 Ogos lalu telah meluluskan RM5 juta untuk membantu sektor ini di bawah Skim Pinjaman PEKA PKS 3.0 dengan nilai pinjaman antara RM5,000 hingga RM20,000. Skim Pinjaman akan dilancarkan pada pertengahan September dengan PDC sebagai urusetia.

(ii) Melaksanakan Program Vaksinasi Barisan Sektor Ekonomi Negeri Pulau Pinang (PVac), satu inisiatif Kerajaan Negeri bersama dengan sektor swasta untuk membantu mempercepatkan program vaksinasi kepada pekerja di semua sektor. Pvac telah dimulakan pada 9 Ogos 2021 di PPV Jawi dengan jumlah seramai 20,000 peserta. Program vaksinasi ini terbuka kepada semua sektor perkilangan dan peruncitan termasuk sektor perabot dan pakaian.

(iii) Kerjasama dengan KPDNHEP dalam pelaksanaan PROGRAM RETAIL INDUSTRY VACCINATION PROGAMME (RiVAC), yang dikhususkan kepada sektor peruncitan melibatkan 10,000 orang pekerja telah pun bermula pada 16 Ogos 2021.

12. Projek Tambakan Selatan Pulau Pinang (PSR) dan Penang Transport Master Plan (PTMP).

(a) Adakah Kerajaan Negeri bersedia menangguhkannya sehingga ekonomi negeri kembali stabil dan kita bebas daripada pandemik COVID-19?

(b) Penduduk Daerah Barat Daya (DBD) menghadapi isu utama kesesakan lalu lintas daripada Bukit Belah ke Genting Balik Pulau. Bolehkah Kerajaan Negeri memberikan keutamaan kepada pembesaran jalan raya tersebut?

JAWAPAN OLEH YAB. KETUA MENTERI:

12. (a) Kerajaan Negeri Pulau Pinang sentiasa komited dalam melaksanakan projek PSR dan PTMP ini yang merupakan pelaburan infrastruktur bagi menjamin pertumbuhan ekonomi negeri Pulau Pinang untuk jangka masa panjang. PSR yang juga dikenali sebagai pembangunan Penang South Islands (PSI) telah dikenal pasti oleh Majlis Perundingan Pemulihan Sosioekonomi Pulau Pinang (PSERCC) sebagai pemacu pemulihan ekonomi untuk menghadapi kesan pandemik COVID-19 terutamanya dari segi kesan terhadap pertumbuhan ekonomi. Bagi jangka masa pendek, pelaksanaan PSR dan PTMP akan menjana peluang perniagaan kepada banyak syarikat-syarikat pembekal bahan pembinaan dan perkhidmatan tempatan. Peluang perniagaan ini membolehkan syarikat-syarikat ini menjana pendapatan dan mengekalkan pekerja sedia ada, selain membayar cukai kepada kerajaan. Bagi jangka masa panjang, projek PSR ini menyasarkan pelaburan langsung asing (FDI) sebanyak RM70 bilion, dan Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) sebanyak RM1.5 trilion, serta mewujudkan lebih 300,000 peluang pekerjaan menjelang tahun 2050.

Buat masa ini, Kerajaan Negeri masih meneruskan pelaksanaan projek berdasarkan garis masa perancangan projek memandangkan terdapat keperluan kepada pelaksanaan projek-projek ini khususnya kepada rakyat negeri Pulau Pinang, pembangunan dan ekonomi negeri.

(b) Laluan Bukit Belah ke Genting Balik Pulau merupakan Jalan Persekutuan di bawah bidang kuasa Kementerian Kerja Raya (KKR) yang diwartakan sebagai

Jalan Mengelilingi Pulau FT006, di mana laluan tersebut telah dicadangkan untuk dinaiktaraf di dalam RMK-11 dan dimajukan semula di dalam RMK-12 pada Mac 2021 kepada Kementerian Kerja Raya Malaysia oleh Bahagian Projek Jalan, Ibu Pejabat JKR Pulau Pinang untuk kelulusan.

13. Isu rangkaian komunikasi kawasan Mutiara Perdana masih mendukacitakan walaupun kepadatan penduduk tinggi. Liputan rangkaian bagi penggunaan telefon bimbit adalah amat teruk. Perkara ini telah dibangkitkan semasa sidang DUN yang lepas.

(a) Apakah tindakan yang telah atau akan diambil bagi mengatasi isu ini ketika dunia serba maju dengan maklumat?

JAWAPAN OLEH YAB. KETUA MENTERI:

13. Kerajaan Negeri sememangnya memberi perhatian terhadap isu rangkaian komunikasi di kawasan Mutiara Perdana yang dilaporkan mengalami liputan rangkaian bagi penggunaan telefon bimbit yang amat teruk semasa sidang DUN yang lepas. Berdasarkan kepada data daripada pihak Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC), kadar penembusan 4G di kawasan tersebut adalah sebanyak 97.62% pada tahun 2020 yang merupakan prestasi kadar penembusan yang agak baik. Walaubagaimanapun, kapasiti KADUN tersebut dapat dipertingkatkan lagi melalui perancangan penaiktarafan rangkaian komunikasi Kerajaan Negeri Pulau Pinang di bawah Penang Connectivity Master Plan (PCMP).

(a) Kerajaan Negeri melalui Bahagian Kerajaan Tempatan telah mengadakan perbincangan bagi mengatasi isu liputan mudah alih di kawasan Mutiara Perdana bersama MCMC dan Syarikat Penyedia Perkhidmatan (NSP) dan kesemua pihak bersetuju supaya tindakan penaiktarafan kualiti liputan di kawasan tersebut di lakukan segera.

Status terkini perancangan inisiatif strategik yang telah dijalankan bagi mengatasi isu liputan mudah alih adalah dengan menaiktaraf struktur sedia ada melalui penambahan bilangan struktur telekomunikasi baharu bagi menampung keperluan liputan mudah alih yang semakin meningkat.

Untuk itu, pihak Penyedia Fasiliti (NFP) telah menambah keluasan liputan dengan meningkatkan kapasiti bagi setiap pemancar berhampiran. Proses penaiktarafan ini sedang dijalankan dan dijangka akan siap sepenuhnya pada suku ke-3 tahun 2021.

Selain daripada liputan talian mudah alih, rakyat Pulau Pinang juga dapat berkomunikasi secara atas talian melalui panggilan internet. Untuk itu, Kerajaan Negeri telah menjalankan inisiatif meningkatkan prestasi jalur lebar seperti berikut :

(i) Menaiktaraf kabel copper milik Telekom Malaysia (TM) di kawasan Mutiara Perdana kepada gantian fiber optik.

(a) Bagi projek penggantian gentian fiber optik di kawasan Mutiara Perdana, pihak TM telah memasang sebanyak 200 port Unifi manakala pihak TIME dotCom Bhd pula telah memasang sebanyak 1,483 port TIME yang telah memberikan manfaat internet berkelajuan tinggi sehingga 1Gbps.

(ii) Mewajibkan semua projek perumahan baharu dilengkapi dengan infrastruktur gentian optik dan perlu memastikan ketersediaan servis dan perkhidmatan sebelum Certificate of Completion and Compliance (CCC) dikeluarkan melalui Undang-undang Kecil Bangunan Seragam (UKBS).

Kerajaan Negeri komited dalam memudahcara pembangunan infrastruktur telekomunikasi di Negeri Pulau Pinang menerusi penyediaan Garis Panduan Pembinaan Menara dan Struktur Pemancar Komunikasi Negeri Pulau Pinang yang baharu. Garis panduan ini dijadualkan untuk dimuktamadkan pada suku keempat 2021 dan dijangka mampu merancakkan lagi pembangunan infrastruktur telekomunikasi Negeri Pulau Pinang bagi menampung keperluan pengguna yang padat pada ketika ini.

14. Apakah status pembesaran Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang (LTAPP)? Sila jelaskan perancangan terkini pembesaran tersebut.

JAWAPAN OLEH YAB. KETUA MENTERI:

14. Penularan wabak COVID-19 telah memberi kesan negatif terhadap industri penerbangan negara. Hal ini juga telah menjejaskan perancangan pihak Malaysia Airports Holdings Berhad (MAHB) bagi pelaksanaan projek menaik taraf Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang (LTAPP) dari 6.5 mppa (million passengers per annum) kepada 12 mppa atau sehingga 25 mppa. Dalam pada itu, syarikat penerbangan yang terjejas dijangka memerlukan tempoh selama tiga (3) tahun untuk pulih sepenuhnya daripada impak ekonomi yang dialami akibat daripada penularan wabak COVID-19.

Oleh yang demikian, pihak Kementerian Pengangkutan (MOT) telah memutuskan untuk menangguhkan semua projek menaik taraf lapangan terbang di Malaysia sehingga industri penerbangan negara dapat dipulihkan kelak. Buat masa ini, pihak MAHB akan bekerjasama dengan pihak Kerajaan Negeri Pulau Pinang bagi menyelesaikan beberapa isu termasuk proses pengambilan balik tanah yang terlibat dalam projek ini.

Pada masa yang sama, bagi memastikan keperluan pembangunan jangka masa panjang lapangan terbang di Malaysia serta keperluan sistem jaringan kesalinghubungan pengangkutan negara, pihak MOT akan melaksanakan kajian National Airports Strategic Plan (NASP) yang akan bermula pada tahun 2021 dan dijangka siap pada tahun 2023. Setakat ini, perincian mengenai laporan cadangan pelaksanaan NASP ini masih belum dimaklumkan kepada Kerajaan Negeri.

15. Anak muda adalah aset penting negeri kita. Pandemik COVID-19 ini banyak menjejaskan aktiviti kesukanan dan fizikal.

(a) Apakah perancangan EXCO Belia dan Sukan agar pemuda dan remaja ini dapat menjalankan aktiviti kesukanan dengan norma baharu?

(b) Bagaimanakah cara untuk membendung mereka daripada aktiviti yang tidak sihat seperti ketagihan permainan video yang melampau?

JAWAPAN OLEH YAB. KETUA MENTERI:

15. (a) Dalam tempoh pandemik COVID-19, pematuhan terhadap prosedur operasi standard (SOP) sebagaimana yang dikeluarkan oleh Kementerian Belia dan Sukan (KBS) / Majlis Keselamatan Negara (MKN) menjadi keutamaan tertinggi yang harus dipatuhi oleh setiap penggiat sukan negeri.

Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) telah mengeluarkan kenyataan bahawa COVID-19 boleh merebak melalui udara jika berada dalam ruang sempit tanpa pengaliran udara yang baik atau keadaan di mana ramai orang berkumpul bagi tempoh masa yang lama. Sebagai tambahan, virus SARS-CoV-2 juga boleh merebak melalui titisan cecair melalui partikel titisan cecair yang besar (droplet) atau partikel yang kecil (aerosol).

Sehubungan dengan itu, masyarakat yang ingin melaksanakan sebarang aktiviti kesukanan dalam tempoh ini adalah digalakkan untuk menjalankan di dalam rumah supaya mengurangkan risiko terdedah kepada wabak Covid-19.

EXCO Belia dan Sukan Negeri Pulau Pinang dan atlet-atlet Negeri Pulau Pinang telah mengambil insiatif untuk merakamkan klip pendek yang menunujukkan senaman dalam tempoh Pelan Pemulihan Negara Fasa 1 (1 Jun 2021 – 6 Julai 2021) untuk menggalakkan masyarakat termasuklah pemuda dan remaja menjalankan aktiviti sukan di dalam rumah. Klip pendek ini bertujuan berkongsi dengan masyarakat mengenai aktiviti sukan yang boleh dijalankan di dalam rumah dan cara-cara untuk melakukan aktiviti senaman tersebut.

(b) Permainan video dan e-Sukan boleh dilihat sebagai satu aktiviti yang mampu mengisi masa lapang. Ia juga amat sesuai untuk setiap lapisan umur. Namun begitu, ketagihan terhadap aktiviti ini, baik dalam kalangan kanak-kanak mahupun golongan dewasa, boleh memberi implikasi negatif kepada kesihatan seseorang individu sekiranya dilakukan secara berlebihan.

Aktiviti yang khusus sebegini dikhuatiri boleh menimbulkan tindak balas neurologi yang memberikan perasaan gembira kepada pemain tersebut dan ia seterusnya mendorong pemain untuk bermain secara berterusan tanpa menghiraukan dunia sebenar.

Seseorang pemain yang menggemari permainan video seharusnya bijak dalam menetapkan jumlah masa yang sewajarnya untuk melaksanakan aktiviti permainan elektronik serta mengamalkan disiplin diri yang tinggi. Antara langkah terbaik yang boleh diterapkan adalah dengan:

(i) Menyusun jadual harian dengan sebaiknya bagi memastikan pengurusan masa yang berkualiti dan memastikan kekerapan serta tempoh masa permainan video adalah terkawal. Sebolehnya mereka perlu mengehadkan aktiviti permainan ini untuk beberapa jam sahaja dalam sehari;

(ii) Pemain-pemain juga perlu peka terhadap perubahan corak tingkah laku diri. Sekiranya mereka mendapati bahawa mereka mulai mengalami kesan seperti hilang minat terhadap aktiviti harian, gangguan mood, hilang tumpuan terhadap dunia realiti dan prestasi pelajaran yang kian merosot, mereka perlu mendapatkan khidmat nasihat daripada kaunselor dan pakar psikiatri sekiranya perlu;

(iii) Peranan sokongan oleh rakan-rakan dan ahli keluarga kepada pemain yang mengalami masalah ketagihan juga adalah amat penting. Sokongan serta amalan berkomunikasi secara kerap dengan pemain-pemain dari semasa ke semasa boleh mengalih perhatian dan tumpuan mereka daripada kekhusyukan permainan video dan membantu mereka untuk pulih; dan

(iv) Peranan Persatuan Sukan Elektronik Negeri Pulau Pinang untuk mendidik dan memberi bimbingan bukan setakat dalam menjadi seorang pemain e-Sukan yang handal tetapi juga dari segi keseimbangan gaya hidup yang sihat juga adalah penting dan wajar diutamakan.

Permainan video boleh menjadi aktiviti yang menyeronokkan dan bermanfaat jika dilakukan dengan cara yang betul. Setiap pemain seharusnya tidak terlalu taksub dengan aktiviti permainan ini dan perlu memastikan segala aktiviti yang dilaksanakan dilakukan secara seimbang.

Sebagai tambahan, pihak Perbadanan Pembangunan Belia Pulau Pinang (PYDC) turut berpandangan bahawa e-Sukan merupakan salah satu sukan maya

yang mula dikenali sebagai industri global yang berkembang pesat di mana terdapat jutaan pemain di seluruh dunia.

Ramai beranggapan bahawa e-Sukan hanya berkait dengan permainan tetapi pada hakikatnya, industri ini menyediakan peluang pekerjaan yang perlu diterokai secara lebih intensif. Antara bidang pekerjaan dalam industri e-Sukan adalah seperti jurulatih, pengacara, game developer, pengurusan, operasi, jualan, pengurus acara, bimbingan, ejen pelancongan dan juga penyelaras media sosial.

Dengan mengatasi masalah ketagihan permainan video yang melampau, PYDC telah mengambil beberapa inisiatif untuk mencegah aktiviti yang tidak sihat dalam golongan belia.

Sehubungan dengan itu, pihak PYDC menjalinkan kerjasama dengan Magnus Games Studio dengan melancarkan Penang Young Digital Talent – e-Sport Development Series. PYDC dan rakan kolaborasi Magnus Games Studio mengambil inisiatif ini bagi mendidik golongan belia Pulau Pinang mengenai industri e-Sukan dan mengubah perspektif generasi baharu belia Pulau Pinang mengenainya.

Objektif utama Penang Young Digital Talent adalah untuk mengembangkan bakat dan mempersiapkan golongan belia agar dapat menyumbang ke arah yang lebih positif dalam transformasi industri digital terutamanya bagi perniagaan kecil dan sederhana tempatan serta dapat menjana sektor ekonomi masyarakat tempatan. Konsep e-Sukan sebenarnya tidak hanya berkisar tentang permainan semata-mata, tetapi ia berupaya mewujudkan ekosistem digital yang sihat seiring dengan norma baharu dan kemajuan sektor ekonomi negara.

Penang Young Digital Talent – e-Sport Development Series terdiri daripada tiga (3) sesi bengkel di mana senarai nama bengkel-bengkel tersebut adalah seperti di Jadual 1 berikut:

Masa pelaksanaan	Kursus-kursus yang ditawarkan
Julai 2021	Certificate in 3D Development in Games
Ogos 2021	Certificate in Game Development
September 2021	Certificate in Business in the Game

Jadual 1

PYDC telah menganjurkan beberapa pertandingan e-Sukan dalam kalangan belia Pulau Pinang pada tahun 2021. Antaranya adalah pertandingan yang dinamakan sebagai Youth e-Sports Challenge 2021. Ia telah berlangsung pada 27 Jun 2021 dengan penyertaan seramai 320 orang peserta.

Pertandingan ini merupakan usaha sama dengan pihak Kolej SEGi dan ia dibuka kepada seluruh warganegara Malaysia yang berada dalam lingkungan umur 15 hingga 35 tahun.

Pertandingan yang kedua adalah “e-Sports For All” yang merupakan hasil kerjasama dengan Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang (MSNPP) dan Pertubuhan e-Sport Pulau Pinang. “e-Sports For All” telah berlangsung pada 11 hingga 18 Julai 2021 dengan penyertaan seramai 896 peserta. Senarai permainan termasuk PlayerUnknown's Battlegrounds (PUBG), International Federation of Association Football 21 (FIFA 21) dan Defense of the Ancients. (DOTA 2).

Dengan adanya pertandingan e-Sukan ini, para peserta dapat menyemai sifat berpasukan dan menyemai pemikiran kritis, meningkatkan kecekapan koordinasi mata dan tangan, meningkatkan daya penyelesaian masalah, melatih fleksibiliti kognitif dan sebagainya.

Selain itu, PYDC juga menganjurkan progam Penang Young Digital Talent. Ini merupakan satu program pensijilan yang akan melayakkan para belia menerima sijil yang diperakui oleh Kerajaan Negeri dan pihak industri.

Program ini akan menawarkan modul teras dan modul kemahiran insaniah kepada peserta. Selain itu, para peserta juga perlu menjalani 80 jam sesi praktikal untuk memastikan mereka mempraktikkan segala ilmu yang telah dipelajari.

Peserta digalakkan mempraktikkan pengetahuan yang telah mereka pelajari dalam 80 jam sesi praktikal. Dengan corak pembelajaran sebegini, para peserta akan menerima pendedahan yang lebih menyeluruh serta lebih efektif dalam meningkatkan pembangunan mereka khususnya dalam kursus yang telah diminati.

Antara kursus-kursus yang telah ditawarkan adalah seperti Jadual 2 berikut:

Masa pelaksanaan	Kursus-kursus yang ditawarkan
Suku tahun pertama	i. Kursus Key Opinion Leader; ii. Kursus Digital Marketing; iii. Kursus e-Commerce; dan iv. Kursus Web Design.
Suku tahun kedua	i. Kursus Digital Marketing; ii. Kursus e-Commerce; iii. Kursus Web Design; dan iv. Kursus Basic Graphic Design.

Jadual 2

Program lain adalah seperti program Reskilling, Upskilling & New Skilling: PYDC Essential Skills Programme yang juga merupakan salah satu program yang menggalakkan golongan belia memantapkan pelbagai aspek dan nilai insaniah termasuklah memupuk komunikasi yang berkesan, meningkatkan kemahiran untuk bekerja secara berpasukan, memupuk daya fikir yang lebih kritikal, meningkatkan daya penyelesaian masalah, memupuk nilai kepimpinan, mengasah kemahiran berpidato dan meningkatkan kemahiran sosial.

Program ini menawarkan sebanyak 16 modul bagi meningkatkan kebolehpasaran golongan belia. Antara modul-modul yang ditawarkan seperti dalam Jadual 3 berikut:

Masa pelaksanaan	Kursus-kursus yang ditawarkan
Suku tahun pertama	i. Personal profile building and Job hunting; ii. Self-leadership for personal success; iii. Personal branding and grooming; iv. Communication and interpersonal skills; v. Effective time management; vi. Managing job and workshop stress; vii. Professional writing skills; dan viii. Selling through the language of the mind.
Suku tahun kedua	i. The art of self-coaching; ii. Personal financial planning; iii. Innovative and resilient mindset; iv. Public speaking: Essential ingredient in personality development;

	v. Develop amazing social skills; vi. Crisis leadership; vii. Managing transition effectively; dan viii. Critical thinking and effective problem-solving.

Jadual 3

Melalui inisiatif-inisiatif ini, ia mampu mengubah stigma terhadap permainan video dan mampu menukar ketagihan tersebut untuk dijadikan sebagai satu kemahiran kerjaya serta hobi yang bermanfaat. Ini turut boleh mengubah persepsi bahawa permainan video berupaya menjadi satu industri yang berpotensi bagi memanfaatkan pembangunan bakat belia di Pulau Pinang. Golongan belia yang berminat pada permainan video juga diberi satu medium yang berstruktur untuk bergiat aktif dalam bidang e-Sukan dan berpotensi menjadikan permainan video ini sebagai kerjaya.

16. Saya sering membangkitkan isu pemajuan Pantai Teluk Bayu dalam Jawatankuasa Tindakan Daerah dan soalan DUN. Antaranya ialah kemudahan asas seperti tandas, bilik persalinan, ruang niaga, surau dan jalan masuk yang sempurna. Teluk Bayu adalah lokasi tumpuan istirahat yang perlu diberikan perhatian.

(a) Apakah perancangan Kerajaan Negeri untuk pemajuan Teluk Bayu?

JAWAPAN OLEH YAB. KETUA MENTERI:

16. Pada bulan April 2021, Pejabat Daerah dan Tanah Daerah Barat Daya dan Majlis Bandaraya Pulau Pinang telah mengadakan lawatan tapak dan kini mereka dalam tindakan untuk meneliti cadangan pemajuan tersebut berdasarkan skop dan tanggungjawab jabatan masing-masing.

17. Ketika pandemik ini, Kerajaan Pusat melalui syarikat utiliti Tenaga Nasional Berhad (TNB) memberikan diskaun bayaran bil sehingga 40 peratus.

(a) Adakah Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP) boleh bersama rakyat dengan menawarkan potongan diskaun bayaran bil air?

JAWAPAN OLEH YAB. KETUA MENTERI:

17. Pihak Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP) tidak berhasrat untuk memberi potongan diskaun atau rebat bil air kepada pengguna air domestik di Pulau Pinang.

Pandemik COVID-19 juga telah menyebabkan pengurangan hasil pendapatan PBAPP. Pada tahun 2020, PBAPP mencatat penurunan penggunaan air kategori perniagaan sebanyak 8.5 peratus (10.656 bilion liter) berbanding dengan tempoh masa yang sama pada tahun 2019. Hasil air kategori perniagaan merupakan sumber pendapatan utama bagi PBAPP.

Walau bagaimanapun, pihak PBAPP telah memberi subsidi air kepada kategori domestik sahaja untuk penggunaan 35,000 liter pertama sebulan untuk semua pengguna domestik di Pulau Pinang. Pada tahun 2020, jumlah subsidi air untuk pengguna domestik oleh PBAPP adalah berjumlah RM95.35 juta.

PBAPP tidak mampu untuk memberi potongan diskaun atau rebat bil air kerana subsidi air untuk kategori domestik masih berterusan pada tahun ini memandangkan Kerajaan Persekutuan tidak meluluskan semakan tarif air pada 21 Julai 2020 berikutan pandemik COVID-19.

18. Menjamin hak rakyat mendapatkan rawatan kesihatan yang baik dan menyedari kepadatan Hospital Besar Pulau Pinang.

(a) Adakah Kerajaan Negeri tidak pernah mencadangkan sebuah lagi hospital kerajaan yang besar dan moden dibina di Daerah Barat Daya (DBD)?

(b) Apakah status dan di peringkat mana pembinaan Klinik Kesihatan Bayan Lepas yang baharu?

JAWAPAN OLEH YAB. KETUA MENTERI:

18. (a) Kerajaan Negeri melalui Jabatan Kesihatan Negeri (JKN) Pulau Pinang sentiasa memantau dan memastikan keperluan fasiliti kesihatan kerajaan di sesuatu tempat adalah mencukupi dan tersedia mengikut keperluan sesuatu kawasan. Bagi Daerah Barat Daya, fasiliti kesihatan kerajaan sedia ada adalah seperti berikut:

Bil.	KEMUDAHAN/ FASILITI	BILANGAN FASILITI
1.	Hospital Balik Pulau (HBP)	1
2.	Klinik Kesihatan	3
3.	Klinik Kesihatan Ibu dan Anak	1
4.	Klinik Desa	12
5.	Klinik Komuniti	3
6.	Klinik Pergigian	4
JUMLAH KESELURUHAN FASILITI		24

Berdasarkan keperluan masa kini, masih belum ada cadangan untuk membina hospital baharu kerajaan di Daerah Barat Daya. Walau bagaimanapun, proses menaik taraf bangunan dan kemudahan sedia ada tetap dilaksanakan dari semasa ke semasa.

Antara kerja menaik taraf yang sedang dilaksanakan termasuklah projek menaik taraf kemudahan di Jabatan Kecemasan, Jabatan Forensik dan Patologi Hospital Balik Pulau yang dilaksanakan bermula pada tahun 2018. Projek ini pada awalnya dijangka siap pada 30 Julai 2021, tetapi mengalami kelewatan dan dijangka akan disiapkan pada Oktober 2021.

Selain itu, pihak JKN juga telah memohon untuk melaksanakan Projek Multistorey Hospital Balik Pulau dalam Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11) Rolling Plan Keempat (RP4) pada tahun 2020 dengan kos sebanyak RM334.2 juta. Projek ini dirancang untuk dilaksanakan bagi menambah baik perkhidmatan di hospital tersebut terutama bagi penduduk di Daerah Barat Daya. Walau bagaimanapun, projek tersebut masih di peringkat pertimbangan untuk disenarai pendek dan seterusnya dikemukakan kepada pihak Unit Perancang Ekonomi (EPU), Jabatan Perdana Menteri (JPM) untuk kelulusan.

(b) Projek Klinik Kesihatan Bayan Lepas telah diluluskan dalam Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11) Rolling Plan Keempat (RP4) dengan kos sebanyak RM41,100,000.00. Borang Permulaan Pelaksanaan Projek telah dikemukakan ke Cawangan Kerja Kesihatan pada 4 Disember 2019. Satu sesi lawatan ke tapak projek juga telah diadakan pada 14 Januari 2020. Berdasarkan

kepada lawatan tersebut, beberapa isu telah dibangkitkan mengenai perancangan awal berkenaan layout baharu klinik yang akan dibina. Klinik asal juga perlu dikosongkan dan dirobohkan agar bangunan baharu dapat dibina.

Satu mesyuarat penyelarasan telah diadakan dan Pejabat Kesihatan Daerah telah mengenal pasti lokasi klinik gantian pada Oktober 2020. Pada Oktober 2020, pihak JKN juga telah memberi persetujuan untuk menukar reka bentuk asal daripada klinik kesihatan (jenis 2) piawai magnus kepada klinik kesihatan (jenis 3) piawai high rise clarus pacto.

Walau bagaimanapun, pada Julai 2021, Kementerian Kesihatan Malaysia telah memutuskan agar projek ini dilaksanakan mengguna pakai kaedah Inisiatif Pembiayaan Swasta (PFI).

19. Peningkatan kes COVID-19 terlalu mencanak tinggi di awal Ogos 2021. Kes di Pulau Pinang sahaja telah mencecah 1000 kes sehari.

(a) Apakah Kerajaan Negeri bersetuju apabila mereka yang positif tanpa gejala dikuarantinkan di rumah?

(b) Apakah langkah ini pilihan terakhir pengawalan penyakit yang mampu dibuat?

JAWAPAN OLEH YAB. KETUA MENTERI:

19. (a) Sehingga 9 Ogos 2021, sebanyak 908 kes baru telah dilaporkan, menjadikan jumlah kumulatif kes COVID-19 di Pulau Pinang adalah sebanyak 53,276 kes. Pada awal pandemik, semua kes positif COVID-19 telah dimasukkan ke hospital untuk tujuan rawatan. Namun begitu, pada Sidang Khas Majlis Keselamatan Negera (MKN): Pengurusan COVID-19 Bil 1 Tahun 2021 pada 4 Januari 2021 dan Mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif Pengurusan Bencana KKM pada 11 Januari 2021 telah bersetuju untuk kes positif COVID-19 kategori 1 (yang tidak bergejala) dan kategori 2 (bergejala ringan) untuk diisolasi di rumah/ tempat kediaman/ hotel atau Pusat Kuarantin dan Rawatan Risiko Rendah (PKRC) atau hospital, mengikut kesesuaian tempat kediaman kes. Untuk Negeri Pulau Pinang, memandangkan bilangan kes positif COVID-19 adalah melebihi kapasiti katil di PKRC dan hospital, kes-kes yang menepati kriteria kategori 1 & 2 dibenarkan diisolasi di tempat kediaman. Kes-kes ini akan dipantau status kesihatan mereka oleh Pusat Penilaian COVID-19 (COVID-19 Assessment Center, CAC) menggunakan senarai semak '*Home Assessment Tool*'.

Maklumat ringkas mengenai PKRC seperti di Lampiran A.

(b) Kerajaan akan memperketatkan SOP sedia ada bagi membenteras penularan wabak COVID-19 di kalangan rakyat Malaysia.

LAMPIRAN A

BIL.	PERKARA	JUMLAH (ORANG/%)	CATATAN
(a)	**PUSAT KUARANTIN DAN RAWATAN COVID-19 BERISIKO RENDAH (PKRC)**		
i.	MEC JAWI, SPS	Lelaki: 260/510 225 (WN) 35 (BWN) Perempuan: 275/498 260 (WN) 15 (BWN)	Lelaki: 260/510 225 (WN) 35 (BWN) Perempuan: 275/498 260 (WN) 15 (BWN)
ii.	PULAZA	Standby Mode 3/8/2021	Standby Mode 3/8/2021
iii.	KOMPLEKS MASYARAKAT PENYAYANG	5/16 (31%)	Mula beroperasi pada 20/8/2021 96 Katil
iv.	LRCC PENJARA JAWI	112/200 (56%)	Mula beroperasi pada 15 Jun 2021
v.	PENJARA SATELLITE BUKIT MERTAJAM	4/341 (1.2%)	Mula beroperasi pada 15 Jun 2021
vi.	PENJARA REMAN PULAU PINANG	0/20 (0%)	Mula beroperasi pada 27 Jun 2021

20. Bantuan Tabung Bencana TYT bagi kes baik pulih rumah yang rosak akibat bencana hanya diberikan 10 peratus atau maksima RM5000 sahaja.

(a) Adakah kerajaan sudi menilai semula jumlah maksima dan peratusan bantuan tersebut?

(b) Apakah boleh diberikan nilai minima bantuan tersebut RM300 bagi suatu kes baik pulih bernilai RM1500?

JAWAPAN OLEH YAB. KETUA MENTERI:

20. (a) Akta Tatacara Kewangan 1957 dan Arahan Akaun Amanah Tabung TYT Negeri Pulau Pinang, penubuhan akaun ini adalah bertujuan untuk memberi bantuan bagi meringankan penderitaan mangsa yang terlibat dengan kejadian bencana alam di Negeri Pulau Pinang. Akaun Amanah ini ditubuhkan pada 30 Mac 2011 yang lalu. Pada masa ini, Kerajaan Negeri ada cadangan untuk menilai semula kadar bantuan.

(b) Nilai bantuan yang diberi hendaklah merujuk kepada Akta Tatacara Kewangan 1957 dan Arahan Akaun Amanah Tabung TYT Negeri Pulau Pinang yang telah ditetapkan iaitu 10% daripada jumlah kerugian bagi kerosakan rumah di mana jika suatu kes baik pulih berjumlah RM1,500.00, maka bantuan segera akan diberikan kepada mangsa yang terjejas adalah sebanyak RM150.00. Walau bagaimanapun, berhubung dengan cadangan kenaikan kadar minimum akan dinilai semula oleh Kerajaan Negeri dan akan diputuskan Jawatankuasa Pentadbiran Akaun Amanah.

21. Apakah syarat-syarat yang Kerajaan Negeri tetapkan untuk kelulusan projek pembinaan asrama warga asing di Lot 1435 dan Lot 1437 Mukim 9?

(a) Apakah tanpa pembesaran Jalan Gertak Sanggul dan Jalan Teluk Kumbar projek ini dibenarkan juga walaupun ianya suatu yang amat tidak wajar?

JAWAPAN OLEH YAB. KETUA MENTERI:

21. Garis Panduan Perancangan Pembinaan Asrama Pekerja Negeri Pulau Pinang yang diluluskan pada 15 Mac 2018 telah dikemaskini selaras penguatkuasaan Peraturan-Peraturan Standard Minimum Perumahan, Penginapan dan Kemudahan Pekerja (Penginapan dan Penginapan Berpusat) 2020 dan pindaan Akta Standard Minimum Perumahan dan Perumahan Pekerja [Akta 446] (Pindaaan) 2019. Ini merupakan usaha proaktif dan sistematik bagi menangani lambakan isu pekerja asing di skim perumahan, selain isu menempatkan pekerja tempatan yang menyewa dengan kadar sewa tinggi di kawasan yang sesak dan tidak terurus. Sehubungan dengan itu, penempatan seumpama ini amat perlu di Pulau Pinang seiring dengan kebergantungan kepada sektor ekonomi pembuatan dan elektronik. Kerajaan Negeri melalui Jawatankuasa Perancang Negeri telah menerima permohonan pelingkungan semula daripada beberapa pemaju termasuk Tetuan Zantalite Enterprise bagi pemajuan asrama pekerja di Lot 1435 & 1437 Mukim 9, Teluk Kumbar, Daerah Barat Daya. Komponen pemajuan terdiri daripada:-

(i) tujuh (7) blok asrama pekerja setinggi 25 tingkat di mana setiap blok mengandungi 300 unit dan tiga (3) tingkat kemudahan sokongan;

(ii) rumah pangsa kos rendah 12 tingkat mengandungi 50 unit bagi pampasan setinggan;

(iii) tempat letak bas 200 petak termasuk ruang bas menunggu; dan

(iv) kemudahan kedai tiga (3) tingkat dan stesen minyak.

Keperluan berhubung pembesaran jalan, naiktaraf persimpangan dan lain-lain akan disentuh dan diperincikan di peringkat Permohonan Kebenaran Merancang,

MBPP berdasarkan syor Laporan Traffic Impact Assesment (TIA) dan lain-lain syarat kelulusan Jawatankuasa Perancang Negeri sebelum ini.

Kerajaan Negeri turut menimbangkan aliran trafik yang tinggi bagi pemajuan ini dan mensyaratkan perkara seperti berikut:-

(i) mematuhi Garispanduan Perancangan Pembinaan Asrama Pekerja di negeri Pulau Pinang yang terkini;

(ii) tertakluk kepada Kelulusan Laporan Traffic Impact Assesment (TIA) sebelum permohonan kebenaran merancang dikemukakan;

(iii) Kebenaran yang sah bagi cadangan laluan keluar/masuk (sebahagian Lot 244 dan sebahagian Lot 1779) yang ditunjukkan selebar 66 kaki. Cadangan jalan akses terus dari pembangunan ke Jalan Gertak Sanggul adalah tidak dibenarkan; dan

(iv) Mematuhi lain-lain syarat di peringkat permohonan kebenaran merancang dan pelan bangunan.

22. Pandemik yang berpanjangan menyebabkan ramai yang terjejas.

(a) Berapa ramaikah asatizah yang berdaftar atau bertauliah dengan Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP)?

(b) Apakah bantuan yang telah disalurkan kepada mereka?

(c) Adakah tindakan susulan dibuat bagi memastikan institusi pondok mampu bertahan?

JAWAPAN OLEH YAB. KETUA MENTERI:

22. (a) Jumlah asatizah berdaftar atau bertauliah dengan Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) adalah seramai 1,648 orang.

(b) Kerajaan Negeri telah menyalurkan Pakej Bantuan Khas Fasa 3.1 (Penang Lawan COVID-19) sebanyak RM500.00 kepada 55 orang pemegang tauliah Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Pulau Pinang (JHEAIPP) yang terjejas pendapatan pada bulan Mei 2021.

(c) Tindakan yang telah diambil untuk memastikan Institusi Pondok bertahan semasa pandemik COVID-19 melibatkan kerjasama antara Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan. Antara tindakan yang telah diambil adalah seperti berikut:

(i) Kerajaan Negeri telah menyalurkan Bantuan Sekolah Agama Rakyat (SAR) bagi tahun 2020 dengan jumlah sebanyak RM120,000.00. Bantuan ini diagihkan kepada Majlis Tuan Guru Pondok Pulau Pinang sebanyak RM20,000.00 dan sepuluh (10) buah Pondok dengan jumlah RM10,000.00 setiap sebuah. Pada tahun 2021, peruntukan yang dimohon untuk Pondok adalah sebanyak RM160,000.00;

(ii) Kerajaan Negeri membantu guru-guru Pondok yang terjejas melalui Pakej Bantuan Khas Fasa 3.1 (Penang Lawan COVID-19) yang telah diagihkan pada April 2021 dengan jumlah bantuan RM40,500.00 kepada 81 orang; dan

(iii) Kerajaan Persekutuan telah menyalurkan peruntukan sejumlah RM415,000.00 pada tahun 2020 untuk menyelenggara dan menaik taraf Institusi Pondok di Pulau Pinang. Kerajaan Persekutuan juga menyalurkan Bantuan Khas Impak Pandemik COVID-19 tahun 2020 kepada warga Institusi Pondok sebanyak RM64,230.00. Pada tahun 2021, pihak Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) akan

mengumumkan jumlah peruntukan berkaitan. Pihak institusi Pondok telah mengemukakan permohonan kepada JAKIM pada awal tahun 2021.

23. Zakat Pulau Pinang (ZPP) telah berjaya menggalas amanah dengan cukup baik di kala pandemik ini dan tugas kian mencabar.

(a) Berapakah jumlah keseluruhan kakitangan Zakat Pulau Pinang?

(b) Berapa ramaikah kakitangan yang difokuskan untuk hal kebajikan yang turun padang bagi menjalankan siasatan kes?

(c) Adakah ZPP bersedia untuk menambahkan bilangan kakitangan?

JAWAPAN OLEH YAB. KETUA MENTERI:

23. (a) Sehingga kini, jumlah kakitangan Zakat Pulau Pinang (ZPP) adalah seramai 113 orang.

(b) Pengurusan hal kebajikan dan turun padang untuk menjalankan siasatan kes terutama bagi Skim Bantuan Khas COVID-19 dilaksanakan oleh Bahagian Kebajikan Asnaf (BKA) yang terdiri daripada tujuh (7) orang kakitangan. Bagi melancarkan urusan pengagihan bantuan kepada golongan yang memerlukan, BKA dibantu oleh 20 orang kakitangan dari bahagian lain mengikut jadual penggiliran.

(c) ZPP sentiasa mengkaji keperluan sumber manusia dari semasa ke semasa. Pihak ZPP telah melantik dua (2) orang kakitangan baharu di Bahagian Kebajikan Asnaf (BKA) yang mana sebelum ini hanya mempunyai lima (5) orang kakitangan. Penambahan bilangan kakitangan di ZPP adalah tertakluk kepada keperluan semasa dan kedudukan kewangan ZPP.

24. Skim Pinjaman Harapan adalah satu mekanisme penting kerajaan untuk membantu peniaga kecil.

(a) Apakah langkah yang telah diambil bagi membantu peminjam yang sedang menghadapi masalah perniagaan sekarang?

(b) Apakah telah ada langkah untuk melonggarkan syarat kepada bakal peminjam untuk meneruskan perniagaan yang terjejas?

(c) Berapa ramaikah yang menyertai skim ini?

JAWAPAN OLEH YAB. KETUA MENTERI:

24. (a) Antara langkah yang telah diambil bagi membantu peminjam SPH yang sedang menghadapi masalah perniagaan adalah melalui Pakej Bantuan Rakyat Pulau Pinang yang telah diumumkan oleh Y.A.B. Ketua Menteri pada bulan Mac 2020, SPH telah memberikan *moratorium* pinjaman selama 3 bulan bermula dari April hingga Jun 2020 kepada peminjam. SPH sekali lagi telah memberikan *moratorium* pinjaman bermula November 2020 hingga Mac 2021. SPH kini sedang dalam proses memohon *moratorium* pinjaman untuk PKP Fasa 3.0 yang bermula Mei 2021 sehingga Disember 2021.

(b) Kerajaan Negeri melalui PDC telah mewujudkan Skim Pinjaman Harapan (SPH) Negeri Pulau Pinang bagi mewujudkan satu sistem penyaluran modal tambahan yang mudah dan tidak membebankan usahawan mikro. Berikut merupakan syarat- syarat SPH:

(i) Warganegara Malaysia berumur 21- 60 tahun;

(ii) Pengundi di Pulau Pinang;

(iii) Berniaga dan menetap di Pulau Pinang;

(iv) Mempunyai tempat perniagaan;

(v) Menjalankan perniagaan melebihi 6 bulan;

(vi) Mempunyai lesen perniagaan MBPP/ MBSP/ SSM; dan

(vii) Nama tidak disenarai hitam (CTOS).

Namun begitu, bagi membantu usahawan mikro ini untuk terus berdaya saing, Jawatankuasa Pemantauan SPH pada 25 Jun 2020 telah bersetuju untuk mengurangkan kadar caj pengurusan dari 8% setahun kepada 6% setahun. Pinjaman SPH juga tidak memerlukan penjamin dan tempoh kelulusan pinjaman adalah selama 30 hari bekerja (tertakluk kepada pengemukaan permohonan lengkap).

(c) Sehingga 31 Julai 2021, SPH telah mengeluarkan pinjaman kepada seramai 3,662 peminjam dengan jumlah RM20.37 Juta.

25. Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) adalah anak syarikat Kerajaan Negeri.

(a) Berapakah jumlah bayaran penyelenggaraan bulanan dan`sink fund` yang dikenakan kepada pemilik unit di Dua Residensi, Teluk Kumbar?

(b) Apakah kemudahan yang disediakan?

(c) Mengapakah ada rungutan yang menganggap ianya tidak setara dengan prasarana yang disediakan berbanding kediaman swasta?

JAWAPAN OLEH YAB. KETUA MENTERI:

25. Projek Dua Residensi ini mengandungi 346 unit RMM B (RM72,500.00) dan 348 unit RMM C (RM250,000.00/850 kps dan RM300,000.00/1,000 kps).

(a) Pemilik unit dikenakan bayaran penyelenggaraan bulanan pada RM0.18/kps dan tambahan sinking fund sebanyak 10% daripada bayaran penyelenggaraan bulanan.

(b) Terdapat 12 kemudahan yang disediakan di Dua Residensi ini seperti berikut:-

(i) dewan komuniti dan ruang tadika;

(ii) kawasan rekreasi tertutup (indoor)/children playground/outdoor gym;

(iii) kawasan rekreasi terbuka (outdoor) beserta gelanggang badminton dan sepak takraw;

(iv) surau;

(v) RIBI;

(vi) tandas awam;

(vii) tiga (3) unit lif untuk setiap blok beserta akses kad;

(viii) tempat letak kenderaan bertingkat beserta lif;

(ix) pondok pengawal dan palang keselamatan;

(x) CCTV di tempat letak kenderaan di dalam lif;

(xi) pusat pengumpulan sampah berpusat; dan

(xii) kehijauan lanskap.

(c) Spesifikasi unit dan lain-lain kemudahan di Dua Residensi telah diterangkan lebih awal kepada bakal pembeli sebelum urusan jual beli dimuktamadkan. Jumlah

kemudahan kos penyelenggaraan dan kos pengurusan yang dikenakan adalah berpadanan dengan kemudahan disediakan berbanding caj dikenakan oleh pemajuan swasta. Penduduk juga boleh menentukan caj apabila mereka menubuhkan Perbadanan Pengurusan/Joint Management Body (JMB) mereka sendiri.

26. Apakah ada projek pemajuan tanah yang akan dibuat oleh Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) di dalam DUN Bayan Lepas?

(a) Apakah MAINPP telah mula meneliti cadangan saya ketika Sesi Libat Urus yang saya bangkitkan hal tanah no Lot 791 Mukim 11 di Kampung Binjai untuk pembangunan perumahan asnaf?

JAWAPAN OLEH YAB. KETUA MENTERI:

26. Pada masa kini, Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) mempunyai projek pemajuan tanah dalam DUN Bayan Lepas. Pihak MAINPP melalui Wakaf Pulau Pinang Sdn. Bhd. telah melaksanakan Request for Proposal (RFP) bagi membangunkan tanah wakaf Lot 60, Mukim 11, Bayan Lepas secara usahasama dengan firma pemaju. Lokasi lot tanah wakaf ini yang berkeluasan 2.85 ekar adalah strategik dan sesuai dengan cadangan konsep pembangunan jenis kediaman untuk ditawarkan kepada penduduk-penduduk yang beragama Islam terutamanya di Pulau Pinang.

Lot 791, Mukim 11, di Kampung Binjai, Daerah Barat Daya merupakan tanah wakaf yang dijual oleh pihak waris pemegang amanah terdahulu kepada pihak pemaju. Walau bagaimanapun, pihak MAINPP telah membuat tuntutan ke atas tanah ini bermula pada 13 Jun 2014 dan Mahkamah Tinggi Pulau Pinang telah membuat keputusan bertarikh 30 Oktober 2017 yang memutuskan tanah lot tersebut adalah terletakhak kepada MAINPP dan nama MAINPP didaftarkan sebagai tuan punya tanah. Isu tuntutan ini telah dibicarakan sehingga ke Mahkamah Persekutuan dan keputusan pada 8 Ogos 2019 telah memihak kepada MAINPP. MAINPP mengambil maklum berkaitan cadangan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Azrul Mahathir bin Aziz untuk Lot 791, Mukim 11, di Kampung Binjai, Daerah Barat Daya ini semasa Sesi Libat Urus antara Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (EXCO) bersama Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pulau Pinang 2021 pada 30 Mac 2021. Pada masa kini, MAINPP sedang melaksanakan kajian ke atas cadangan tesebut.

27. Sekolah Rendah Kebangsaan Relau terletak di penjuru 4 DUN.

(a) Apakah status sekolah terbabit sama ada berada di dalam DUN Bayan Lepas atau Paya Terubong?

JAWAPAN OLEH YAB. KETUA MENTERI:

27. Sekolah Rendah Kebangsaan Relau terletak di penjuru 4 DUN iaitu N34 - Paya Terubong, N36 - Pantai Jerejak, N37 - Batu Maung dan N38 - Bayan Lepas.

Status Sekolah Kebangsaan Relau berada di dalam DUN N34- Paya Terubong

28. Apakah Kerajaan Negeri bersedia untuk mengecualikan cukai petak bagi perumahan Kos Rendah yang dimiliki golongan B40 yang sedang berperang dengan pandemik ini?

JAWAPAN OLEH YAB. KETUA MENTERI:

28. Pengecualian cukai petak bagi perumahan kos rendah sememangnya akan dapat membantu meringankan bebanan tanggungan komitmen rakyat khususnya golongan B40 dalam menongkah arus dan cabaran kesan dari impak pandemik COVID-19.

Kerajaan Negeri boleh menggunakan kuasa sepertimana diperuntukkan di bawah Seksyen 14(1)(j) Kanun Tanah Negara 1965 untuk memberikan pengurangan, perebatan atau penangguhan bayaran cukai bagi petak atau blok sementara. Selain daripada itu, Kaedah-Kaedah Hakmilik Strata Negeri Pulau Pinang 2019 Pg. P.U.40. para 14(2) juga menyatakan "Pihak Berkuasa Negeri boleh mengubah kadar cukai bagi petak atau blok sementara yang dinyatakan di bawah subkaedah 14(1) dalam mana-mana keadaan yang difikirkannya patut dan 14(3) menyatakan "Pihak Berkuasa Negeri boleh meremitkan atau merebatkan apa-apa cukai yang kena dibayar, keseluruhannya atau sebahagiannya, menangguhkan pembayaran cukai bagi petak atau blok sementara sebagaimana yang difikirkannya patut dalam keadaan tertentu." Cadangan ini boleh dipertimbangkan tertakluk kepada proses yang perlu ditetapkan.

29. Apakah perancangan pembangunan yang telah dirancang bagi kawasan DUN Bayan Lepas daripada Kerajaan Negeri atau swasta? Sila nyatakan.

    (a) Apakah sebagai wakil rakyat berhak untuk mencadangkan agar Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) memberikan keutamaan kepada peniaga tempatan untuk memiliki ruang niaga di Kompleks Pasar di Ideal Foresta dan Bukit Belah?

JAWAPAN OLEH YAB. KETUA MENTERI:

29. Pada tahun ini, Kerajaan Negeri melalui Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) mempunyai dua (2) perancangan pembangunan yang telah dirancang di kawasan DUN Bayan Lepas iaitu Pasar dan Kompleks Teluk Kumbar serta Pasar dan Kompleks Kelicap.

    (a) Kerajaan Negeri berpendapat wakil rakyat kawasan boleh mengesyorkan dan memaklumkan kepada peniaga tempatan untuk memiliki ruang niaga di Kompleks Pasar di Ideal Foresta dan Bukit Belah setelah tawaran iklan dibuka untuk penawaran oleh MBPP. Pihak MBPP akan membuka setiap tawaran tapak melalui tawaran iklan di sesawang elesen.mbpp.gov.my selain membuat hebahan di akhbar, media sosial dengan tempoh masa secukupnya. Pemohon juga dikehendaki berdaftar dalam sistem untuk pertimbangan sewajarnya selaras dengan ketetapan Kerajaan Negeri bagi memastikan setiap proses pemilihan dilaksanakan dengan cekap, telus dan akauntabiliti. Selain itu, setiap pemohon akan diberikan peluang semasa temuduga untuk memberikan input dan maklumat berhubung latar belakang dan cadangan perniagaan mereka termasuk aspek-aspek lain. Maklumat atau data lain seperti penjaja tagging serta maklumat daripada agensi-agensi Kerajaan Negeri ataupun pihak berkepentingan akan diberi pertimbangan sewajarnya sekiranya memenuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh MBPP.

IV. Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Lee Chun Kit) bertanya kepada YAB. Ketua Menteri:

1. Bagaimanakah perancangan Kerajaan Negeri untuk mempercepatkan proses vaksinasi bagi individu-individu yang mempunyai kesukaran untuk ke Pusat Pemberian Vaksinasi (PPV)? Contohnya golongan Orang Kurang Upaya (OKU) atau golongan yang menetap di daerah separa/luar bandar.

JAWAPAN OLEH YAB. KETUA MENTERI:

1. Bagi mempercepatkan proses vaksinasi bagi individu-individu yang mempunyai kesukaran untuk ke Pusat Pemberian Vaksinasi (PPV), Kerajaan Negeri dengan kerjasama Badan Bertindak COVID-19 Kebangsaan (CITF), Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT), Jabatan Kesihatan Negeri (JKN) dan Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional Negeri Pulau Pinang (JPNIN) akan menjalankan Program Mobilisasi Vaksin Komuniti (MOVAK) pada 30

Ogos - 2 September untuk Dos 1. Program MOVAK ini dilaksanakan bertujuan untuk menyasarkan pemberian vaksin kepada komuniti secara mobile atau outreach (statik) bagi memudahkan masyarakat mendapatkan suntikan vaksin COVID-19. Pelaksanaan program ini dilihat berjaya membantu golongan yang menetap di daerah separa/luar bandar dan juga kepada golongan Orang Kurang Upaya (OKU) untuk mendapatkan suntikan vaksin COVID-19.

Program Mobilisasi Vaksin Komuniti (Mobile PPV) sedang dijalankan untuk warga emas, orang kurang upaya (OKU) yang mempunyai kesukaran ke PPV. Sehingga 24 Ogos 2021, jumlah individu diberi vaksin adalah 9,020 untuk bulan julai dan Ogos. Jadual Mobile PPV bermula bulan Julai hingga Novembe seperti di **LAMPIRAN A.**

Program o*utreach* ke Pusat Jagaan Warga Emas sehingga 24 Jun 2021 seperti jadual 1

Jadual 1

Daerah	Bilangan Pusat Jagaan telah dikunjungi	Bilangan diberi Vaksin		
		Penghuni	Penjaga	Jumlah
Seberang Perai Selatan	1	11	7	18
Seberang Perai Tengah	8	257	108	365
Seberang Perai Utara	13	441	204	645
Barat Daya	10	146	60	206
Timur Laut	92	1757	943	2700

LAMPIRAN A

JADUAL PROGRAM MOBILISASI VAKSIN KOMUNITI (MOBILE PPV)NEGERI PULAU PINANG

Tarikh	Daerah	Tempat	Bas	Bil. Dos	Anggaran Penerima
22-Jul-21	SPT	SAR Guar Jering	LPPKN	1	241 (282)
23-Jul-21	DTL	Parkir Sunshine Farlim	Outreach	1	420 (420)
24-Jul-21	DTL	Dewan Maccalum	Outreach	1	420 (420)
	DBD	Teluk Bahang	Outreach	1	270-300 (300)
25-Jul-21	DTL	Dewan Seri Pinang - Penarik Beca	Outreach	1	300 (300)
27-Jul-21	DTL	Straits Quay	Outreach	1	200 (200)
		SK Tanjung Tokong	RAPID	1	220 (220)
28-Jul-21	DTL	Dewan Sek Pai Chai Bt. Feringgi	RAPID	1	420 (420)
30-Jul-21	DTL	SK Sri Aman, Kg. Melayu	RAPID	1	300 (396)
31-Jul-21				1	250 (272)
1-Aug-21	SPU	Madrasah Al Saadah, Kuala Muda, Penaga	LPPKN + RAPID	1	350 (445)
2-Aug-21				1	250 (258)

JADUAL PROGRAM MOBILISASI VAKSIN KOMUNITI (MOBILE PPV)
NEGERI PULAU PINANG

Tarikh	Daerah	Tempat	Bas	Bil. Dos	Anggaran Penerima
1-Aug-21	SPU	Madrasah Al Saadah, Kuala Muda, Penaga	LPPKN + RAPID	1	350 (445)
2-Aug-21				1	250 (258)
3-Aug-21	SPS	Estet Ladang Transkrian	RAPID	1	250 (240)
5-Aug-21	SPT	Dewan JKKP Sg Sembilang, Juru	RAPID	1	240 (234)
12-Aug-21	SPT	SAR Guar Jering	RAPID	2	282 (270)
13-Aug-21	DTL	Parkir Sunshine Farlim (Dibatalkan dan dilaksanakan di PPV KMP)	Outreach	2	420
14-Aug-21	DTL	Dewan Maccalum	Outreach	2	420 (420)
	DBD	Teluk Bahang	Outreach	2	300 (300)
	SPS	Dewan MPKK Simpang 3	Outreach	1	300 (334)
15-Aug-21	DTL	Dewan Seri Pinang - Penarik Beca	Outreach	2	300 (289)
	SPS	SJKC Keng Koon Batu Kawan	RAPID (2 Buah)	1	262 (262)
17-Aug-21	DTL	Straits Quay	Outreach	2	200 (198)
		SK Tanjung Tokong	RAPID	2	220 (213)
18-Aug-21	DTL	Dewan Sek Pai Chai Bt. Feringgi	RAPID	2	420 (420)
20-Aug-21	DTL	SK Sri Aman, Kg. Melayu	RAPID	2	396 (387)
21-Aug-21	SPT	Pejabat Daerah & Tanah SPT - Penjaja	RAPID	1	220 (212)
	SPS	SK Sg Setar	Outreach	1	300 (360)
	SPU	Kuala Muda, Penaga	LPPKN + RAPID	2	524 (504)
22-Aug-21	SPU	Kuala Muda, Penaga	LPPKN + RAPID	2	451 (444)
24-Aug-21	SPS	Estet Ladang Transkrian	RAPID	2	240
25-Aug-21	SPT	Pejabat Pendidikan SPT	RAPID	1	240
26-Aug-21		Dewan JKKP Sg Sembilang, Juru	RAPID	2	234
28-Aug-21	SPU	Dewan Dato' Hj. Ahmad Badawi, Bagan Dalam	Outreach	1	500
4-Sep-21	SPU	Dewan Ang Si Chong Soo Province Wellesley, Sg.Puyu	Outreach	1	500
5-Sep-21		Dewan Ang Si Chong Soo Province Wellesley, Sg.Puyu	Outreach	1	500
	SPS	SJKC Keng Koon Batu Kawan	LPPKN + RAPID	2	262
7-Sep-21	SPT	SJKC Perkampungan Berapit	RAPID	1	300
28-Sep-21	SPT	SJKC Perkampungan Berapit	RAPID	2	300
16-Oct-21	SPS	Dewan MPKK Simpang 3	Outreach	2	334
23-Oct-21	SPS	SK Sg Setar	Outreach	2	300
27-Oct-21	SPT	Pejabat Pendidikan SPT	RAPID	2	240
30-Oct-21	SPU	Dewan Dato' Hj. Ahmad Badawi, Bagan Dalam	Outreach	2	500
6-Nov-21	SPU	Dewan Ang Si Chong Soo Province Wellesley, Sg.Puyu	Outreach	2	500
7-Nov-21		Dewan Ang Si Chong Soo Province Wellesley, Sg.Puyu	Outreach	2	500

2. Adakah Kerajaan Negeri akan mempertimbangkan usaha pencegahan untuk kes bunuh diri dalam negeri, memandangkan trend tahun ini telah merekodkan sebanyak 53 kes sepanjang bulan Januari hingga Mei?

JAWAPAN OLEH YAB. KETUA MENTERI:

2. Kerajaan Negeri telah berusaha bersama NGO semoga memberi kaunseling secara talian. Hebahan maklumat cara perhubungan /panggilan kepada kaunselor juga dipertingkatkan. Semua pejabat khidmat ADUN, Wakil Rakyat dan Pegawai Seranta telah diberi kursus kaunseling. Ini adalah perancangan semoga mereka lebih arif dalam usaha kaunseling/ kepada membantu golongan yang tertekan dan terkesan akibat pandemik COVID-19. Gabungan PgCare juga membantu kes *Mental Health* yang dirujukkan oleh orang ramai dan pejabat khidmat. Media massa juga disarankan elakkan hebahan cara dan gambar mangsa bunuh diri semoga kurangkan "*Copycat Suicide*".

3. Apakah pelan Kerajaan Negeri untuk meningkatkan kesedaran terhadap isu kesihatan mental dan meluaskan aksesibiliti kepada perkhidmatan-perkhidmatan kaunseling serta psikiatri kepada rakyat, terutamanya ketika situasi pandemik?

   Contohnya kerjasama dengan Jabatan Kesihatan serta badan-badan NGO berkaitan.

JAWAPAN OLEH YAB. KETUA MENTERI:

3. Kerajaan Negeri mengambil berat dan memberikan perhatian yang serius berkaitan isu kesihatan mental terutamanya melibatkan rakyat negeri ini. Secara dasarnya, rangkaian kerjasama pelbagai agensi dalam pengendalian masalah psikologi dan kesihatan mental telah lama wujud, sama ada melibatkan agensi kerajaan, swasta, universiti, korporat, badan-badan bukan kerajaan (NGO) dan agensi-agensi lain.

   Pandemik COVID-19 yang sedang melanda negara kini turut memberi kesan tekanan, seterusnya mengganggu kesihatan mental masyarakat negara ini tanpa mengira umur dan kategori masyarakat. Tekanan dan bebanan ini lebih dirasai oleh petugas barisan hadapan (frontliners), petugas-petugas sokongan, mereka yang kehilangan ahli keluarga akibat kematian mahupun para pesakit COVID-19 sendiri.

   Bagi meningkatkan kesedaran terhadap isu kesihatan mental dan meluaskan aksesibiliti kepada perkhidmatan-perkhidmatan kaunseling serta psikiatri kepada rakyat negeri ini, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) melalui Jabatan Kesihatan Negeri (JKN) Pulau Pinang turut menyediakan perkhidmatan berkaitan kemudahan psikologikal yang disediakan di fasiliti-fasiliti seperti berikut:

   (a) Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang:

      (i) Kes-kes sedemikian dikendalikan oleh Pakar Kesihatan Awam dan Pegawai Psikologi Kaunseling (Kaunselor);

      (ii) Pasukan Mental Health and Psychosocial Support (MHPSS); dan

      (iii) Masa aksesibiliti perkhidmatan: Sepanjang waktu pejabat.

   (b) Klinik Kesihatan:

      (i) Kes-kes sedemikian dikendalikan oleh Pakar Perubatan Keluarga, Pegawai-pegawai Perubatan, anggota paramedik dan Pegawai Psikologi Kaunseling (Kaunselor);

      (ii) Pasukan Mental Health and Psychosocial Support (MHPSS); dan

      (iii) Masa aksesibiliti perkhidmatan: Sepanjang waktu pejabat.

(c) Hospital:

(i) Kes-kes sedemikian dikendalikan oleh Pakar Psikiatri, Pakar Psikologi Klinikal (Clinical Psychologist), Pegawai-pegawai Perubatan, Pegawai Psikologi Kaunseling (Kaunselor) dan anggota paramedik;

(ii) Pasukan Mental Health and Psychosocial Support (MHPSS); dan

(iii) Masa aksesibiliti perkhidmatan di hospital:

(a) Waktu pejabat:

(i) Temujanji

(ii) Walk-in

(b) Selepas waktu pejabat/cuti:

(i) Pegawai bertugas atas panggilan

(ii) Hadir untuk rawatan di Jabatan Kecemasan dan Traumatologi

(d) MENTARI (Pusat Kesihatan Mental Masyarakat, Klinik Kesihatan Butterworth):

(i) Kes-kes sedemikian dikendalikan oleh Pakar Psikiatri, Pakar Psikologi Klinikal (Clinical Psychologist), Pegawai-pegawai Perubatan, Pegawai Psikologi Kaunseling (Kaunselor) dan anggota paramedik.

(ii) Masa aksesibiliti perkhidmatan: Waktu pejabat.

(e) Talian Kasih:

(i) Talian helpline bebas tol 24 jam yang dikendalikan oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.

(f) Saluran Pendidikan:

(i) Webinar pendidikan telah diadakan dalam pelbagai saluran media.

(g) Kerjasama dengan badan bukan kerajaan terutama dari segi pendidikan dan bantuan psikososial.

(h) Kerjasama dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat:

(i) Petugas-petugas kesihatan dan juga pegawai Jabatan Kerja Perubatan Sosial di hospital memberi khidmat nasihat dan bantuan sosial sewajarnya kepada pesakit berdaftar yang terkesan akibat pandemik ini.

(i) Kerjasama dengan Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO):

(i) Rangkaian kerjasama antara PERKESO, Jabatan Psikiatri dan Kesihatan Mental Hospital Pulau Pinang dan Hospital Bukit Mertajam dan Unit Jurupulih Carakerja di kedua-dua hospital berkenaan telah dijalinkan sebelum ini untuk program RESTART (Re-employment Support, Treatment and Rehabilitation Teamwork) dan MyFutureJobs dengan objektif untuk membantu pesakit yang mengalami masalah kesihatan mental untuk bekerja semula;

(ii) Proses ini meliputi penilaian, pemeriksaan, rawatan, latihan, pemantauan dan pendidikan antara pihak hospital, PERKESO dan majikan; dan

(iii) Program ini amat penting kerana kesan pandemik, kesihatan mental, tahap kefungsian individu dan sosioekonomi adalah berkaitan.

4. Bagaimanakah Kerajaan Negeri dan Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) mempromosikan inisiatif untuk pengusaha baru mendapatkan lesen perniagaan secara sah, dengan infrastruktur dan lokasi yang sesuai terutamanya dalam situasi pandemik?

JAWAPAN OLEH YAB. KETUA MENTERI:

4. Kerajaan Negeri Pulau Pinang menerusi Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) menyediakan platform atas talian bagi peniaga baharu mendapatkan lesen perniagaan secara sah dalam waktu pandemik pada ketika ini. Permohonan mendapatkan lesen perniagaan di MBPP boleh dibuat melalui laman sesawang https://elesen.mbpp.gov.my. Bahagian Pelesenan MBPP juga telah menyediakan dua (2) unit komputer di ruang utama pejabat bagi membantu peniaga yang hadir secara fizikal membuat permohonan secara atas talian.

   Bagi membantu golongan peniaga untuk mendapatkan lesen perniagaan secara segera, tempoh memproses lesen telah dipendekkan dari 45 hari ke 28 hari bagi lesen berisiko dan dari 28 hari ke satu (1) hari bagi lesen tidak berisiko seperti perniagaan di kompleks beli belah. Inisiatif ini dilaksanakan bertujuan untuk membantu peniaga yang memenuhi kelayakan agar dapat memperoleh lesen perniagaan dengan segera.

   MBPP turut memaparkan maklumat mengenai jenis–jenis lesen yang boleh dimohon menerusi laman sesawang yang sama bagi tujuan kemudahan serta informasi kepada para peniaga yang berminat. Satu platform online yang dikenali sebagai Jom Beli Online (JBO) turut diperkenalkan oleh pihak MBPP bagi membantu golongan peniaga mempromosi produk mereka di samping menjalankan perniagaan secara atas talian. Platform online yang sama turut digunakan oleh pihak MBPP bag mempromosikan peniaga yang ditempatkan di tapak pasar, kompleks atau yang menjalankan aktiviti jualan buah-buahan bermusim.

5. Apakah rancangan Kerajaan Negeri untuk menjadikan Negeri Pulau Pinang sebagai destinasi seni persembahan di seluruh Malaysia?

JAWAPAN OLEH YAB. KETUA MENTERI:

5. Kerajaan Negeri Pulau Pinang melalui George Town World Heritage Incorporated (GTWHI) telah menetapkan satu program yang berimpak dan berskala besar yang dianjurkan setiap tahun iaitu George Town Festival, bagi menjadikan Negeri Pulau Pinang sebagai salah satu destinasi utama seni persembahan di seluruh Malaysia.

   Program tersebut berunsurkan kepelbagaian kesenian, kebudayaan dan warisan negeri Pulau Pinang melalui pelbagai aktiviti persembahan secara fizikal dan dalam talian. Penganjuran program ini mendapat sambutan yang sangat baik daripada pelancong tempatan mahupun antarabangsa, yang turut memposisikan Pulau Pinang sebagai satu destinasi seni persembahan terunggul di seluruh Malaysia.

   Pada masa yang sama, Kerajaan Negeri Pulau Pinang juga telah menyalurkan bantuan kewangan untuk mengekalkan operasi Performing Arts Centre of Penang (penangpac) yang amat terkesan oleh wabak pandemik COVID-19 kerana ia merupakan satu-satunya pusat persembahan seni yang berfungsi secara menyeluruh (fully functional) di Pulau Pinang dan bahagian utara Malaysia.

   Selain itu, Kerajaan Negeri Pulau Pinang juga selalu bekerjasama dan menyokong progam-program badan bukan kerajaan (non-governmental organisations) dan persatuan yang terlibat dalam seni persembahan seperti O:PEN Penang, Pertandingan Alat Muzik Cina Kebangsaan (Chong Yee Cup) dan sebagainya.

6. Adakah Kerajaan Negeri sedang mengkaji bagaimana untuk mengembalikan Pilihan Raya Kerajaan Tempatan?

(a) Adakah rayuan sudah dibuat kepada Kerajaan Persekutuan?

JAWAPAN OLEH YAB. KETUA MENTERI:

6. (a) Selaras dengan prinsip demokrasi, Kerajaan Negeri sememangnya berhasrat untuk melaksanakan pilihanraya di peringkat Kerajaan Tempatan. Walau bagaimanapun, dengan pertukaran Kerajaan Persekutuan pada Mac 2020, terdapat cabaran dan halangan yang dihadapi oleh Kerajaan Negeri untuk melaksanakan pilihan raya Kerajaan Tempatan. Ini kerana Seksyen 15 (1) Akta Kerajaan Tempatan 1976 tidak memperuntukkan Pilihanraya Kerajaan Tempatan diadakan. Ini bererti Pilihanraya Kerajaan Tempatan tidak boleh dilaksanakan di Negeri Pulau Pinang sehingga peruntukan ini dipinda.

Terdapat dua pandangan untuk penyelesaian iaitu seperti berikut:

(i) Pihak Berkuasa Negeri boleh memutuskan untuk tidak menerima pakai Seksyen 15(1) tersebut dan lain-lain peruntukan berkaitan dengan pelantikan Ahli Majlis termasuk Yang di-Pertua. Dengan itu, Pilihanraya Kerajaan Tempatan boleh dilaksanakan dengan mewujudkan perundangan baharu oleh Dewan Undangan Negeri berkaitan dengan Pilihanraya Kerajaan Tempatan. Walau bagaimanapun, terdapat peruntukan dalam Akta Pilihanraya yang memperuntukkan semua jenis pilihanraya hendaklah dikendalikan oleh Suruhanjaya Pilihanraya. Ini akan menyebabkan kesukaran untuk mengarahkan Suruhanjaya Pilihanraya menguruskan Pilihanraya Kerajaan Tempatan memandangkan pelbagai jabatan perlu dilibatkan untuk membantu khususnya pihak Polis bagi menjaga keselamatan semasa pilihanraya berlangsung.

(ii) Pandangan kedua ialah Pilihanraya Kerajaan Tempatan tidak boleh diadakan memandangkan Pihak Berkuasa Negeri kini tidak boleh memilih untuk menerima pakai Seksyen 15(1) tersebut memandangkan persetujuan telah diberi oleh Pihak Berkuasa Negeri semasa Mesyuarat Majlis Negara Bagi Kerajaan Tempatan (MNKT) untuk menguatkuasakannya.

Kedua-dua pandangan melibatkan tafsiran perundangan Akta Kerajaan Tempatan, Akta Pilihanraya dan termasuk Perlembagaan Persekutuan. Perkara ini boleh dirujuk kepada Mahkamah Tinggi untuk memperolehi tafsiran yang sebenarnya dan deklarasi bahawa Pihak Berkuasa Negeri mempunyai kuasa untuk mengadakan pilihanraya dengan menamakan Kerajaan Persekutuan serta Suruhanjaya Pilihanraya sebagai pihak dalam prosiding mahkamah. Ini akan membolehkan Peguam Negara untuk mewakili Kerajaan Persekutuan dan Suruhanjaya Pilihanraya manakala Penasihat Undang-Undang Negeri boleh mewakili Kerajaan Negeri Pulau Pinang dalam prosiding mahkamah.

(iii) Kerajaan Negeri pernah memfailkan petisyen memohon untuk mengadakan semula pilihanraya kerajaan tempatan. Walau bagaimanapun, Mahkamah Persekutuan pada tahun 2014 telah menolak Petisyen Pemula Kerajaan Negeri Pulau Pinang mengenai pilihanraya Kerajaan Tempatan kerana ia bercanggah dengan Perkara 75 Perlembagaan Persekutuan.

Kerajaan Negeri berharap akan mendapat kerjasama daripada Kerajaan Persekutuan yang baharu dibentuk untuk menggubal undang-undang

baharu atau meminda Akta Kerajaan Tempatan 1976 bagi membolehkan Pilihanraya di peringkat Kerajaan Tempatan diadakan semula.

7. Apakah tindakan Kerajaan Negeri untuk membangunkan perniagaan dan produk tempatan serta Perusahaan Kecil dan Sederhana (SME) untuk pelancongan lestari (*sustainable tourism*) dalam Penang Tourism Master Plan 2021-2030 (PGTMP)?

JAWAPAN OLEH YAB. KETUA MENTERI:

7. Pembangunan perniagaan dan produk pelancongan tempatan merupakan inisiatif yang penting untuk pelancongan lestari seperti di dalam Penang Tourism Master Plan (PGTMP). Oleh itu, Kerajaan Negeri dalam perancangan untuk melaksanakan inisiatif-inisiatif berikut bersama agensi-agensi kerajaan dan juga melalui kerjasama 3P (Public, Private, People):

   (a) *Sub-Thrust A-1 Promote Alternative Tourism*

      (i) Strategi: Melaksanakan program pelancongan berdasarkan pengalaman (experience-based tourism) dan meningkatkan peluang perbelanjaan untuk pelancong.

      (ii) Strategi: Membangunkan ruang komuniti dan produk pelancongan (spaces for community & tourism products) serta meningkatkan peluang perbelanjaan untuk pelancong

      (iii) Strategi: Meningkatkan nilai warisan, seni dan budaya yang sedia ada serta mempromosikan pelancongan berasaskan komuniti.

   (b) Sub-Thrust A-3 Product Innovation

      (i) Strategi: Produk inovasi dan penjenamaan.

   (c) Sub-Thrust C-1 Enhancement of Creative Economy Ecosystem

      (i) Strategi: Membangunkan hab keusahawan pelancongan

8. Adakah Kerajaan Negeri bersedia untuk membantu golongan yang hilang perkerjaan dan sumber pendapatan?

   (a) Apakah tindakan yang akan diambil oleh Kerajaan Negeri?

JAWAPAN OLEH YAB. KETUA MENTERI

8. Kerajaan Negeri bersedia dan telah pun melaksanakan pelbagai inisiatif untuk membantu golongan yang hilang pekerjaan dan sumber pendapatan.

   (a) Sejak pandemik COVID-19 melanda, Kerajaan Negeri telah menyediakan peruntukan sejumlah RM176.44 juta untuk Pakej Bantuan Khas Rakyat Pulau Pinang (Penang Lawan COVID-19). Bagi tahun 2020, peruntukan telah disediakan dalam tiga (3) fasa iaitu Fasa 1, Fasa 2 dan Fasa 2.1 dengan jumlah peruntukan sebanyak RM155.23 juta. Bagi tahun 2021 pula, sehingga kini peruntukan berjumlah RM21.21 juta telah disediakan di bawah Fasa 3.0 dan 3.1 untuk tujuan ini.

      Peruntukan bagi bantuan ini telah disalurkan di dalam lima (5) fasa agihan seperti berikut:

Tahun	Pakej Bantuan Khas (Penang Lawan COVID-19)	Peruntukan (RM juta)
2020	Fasa 1	75.06
	Fasa 2	76.07
	Fasa 2.1	4.10
2021	Fasa 3.0	10.88
	Fasa 3.1	10.33
JUMLAH		176.44

Perincian Pakej Bantuan Rakyat Pulau Pinang tersebut adalah seperti di Lampiran A.

Selain itu, Kerajaan Negeri Pulau Pinang menerusi Pusat Bantuan Kerjaya dan Bakat Pulau Pinang (Pusat CAT) telah melaksanakan inisiatif-inisiatif untuk membantu rakyat Pulau Pinang yang hilang pekerjaan disebabkan oleh pandemik COVID-19 seperti berikut:

(i) Menjalankan pemadanan kerja secara berkumpulan (group job matching) untuk membantu pencari kerja dengan menjalankan pemadanan jawatan bersesuaian apabila menerima permintaan dari majikan/syarikat. Pusat CAT akan mendapatkan maklumat tentang jenis pekerjaan untuk syarikat yang mengalami penutupan. Susulan itu, Pusat CAT akan menjalani prosedur pemadanan kerja secara berkumpulan dengan syarikat yang memperluaskan operasi;

(ii) Laman sesawang Pusat CAT menjadi satu titik tumpuan kepada majikan dan juga pencari kerja. Melalui perkhidmatan percuma laman sesawang Pusat CAT ini, pihak majikan dapat mempromosi peluang pekerjaan yang ditawarkan manakala pencari kerja juga dapat memohon pekerjaan yang ditawarkan menerusi laman sesawang tersebut;

(iii) Jangkauan kepada agensi-agensi pekerjaan lain secara proaktif bagi memahami peluang-peluang pekerjaan yang aktif untuk dipanjangkan kepada pencari kerja melalui laman sesawang serta Facebook Pusat CAT;

(iv) Menganjurkan siri webinar bertajuk Onwards & Upwards: Explore New Careers in Penang di bawah kempen My Penang, My Workplace yang bertujuan untuk membantu golongan yang hilang pekerjaan dan sumber pendapatan. Siri webinar tersebut memaparkan perkongsian oleh wakil daripada syarikat-syarikat di Pulau Pinang kepada pencari kerja khususnya golongan yang hilang pekerjaan dan sumber pendapatan, lepasan graduan dan pelajar-pelajar institut pengajian tinggi mengenai peluang pekerjaan di syarikat masing-masing di samping keistimewaan bekerja di syarikat-syarikat tersebut. Sebanyak dua (2) sesi webinar telah dianjurkan pada bulan Mac dan Mei 2021 yang melibatkan lapan (8) buah syarikat manakala tiga (3) sesi lagi akan dijalankan pada bulan Ogos dan suku keempat tahun 2021;

(v) Bekerjasama dengan Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) dalam membantu pencari kerja melalui program-program seperti latihan, kaunseling, insentif kewangan dan lain-lain; dan

(vi) Bekerjasama dengan agensi-agensi lain untuk mempromosikan maklumat tentang peluang pekerjaan yang tersedia seperti dengan Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara (NCIA) bagi program JomKerja dan JomNiaga di bawah Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA) dan *TalentCorp* untuk program Career Comeback.

Selain itu, Kerajaan Negeri turut bekerjasama dengan agensi-agensi lain melalui InvestPenang untuk meneruskan usaha mempromosi dan menarik pelaburan, sama ada pelabur baharu ataupun penambahan pelaburan dari pelabur sedia ada, di samping membantu pembangunan industri kecil dan sederhana (IKS) tempatan. Usaha ini akan mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan di Pulau Pinang dan memberi manfaat kepada pencari kerja. Berdasarkan pelaburan yang diluluskan dalam sektor pembuatan di Pulau Pinang dari Januari 2020 sehingga Mac 2021, dianggarkan sebanyak 15,596 peluang pekerjaan akan diwujudkan di Pulau Pinang secara berperingkat dalam tempoh tiga (3) hingga lima (5) tahun yang akan datang;

Sebagai tambahan, Kerajaan Negeri juga turut melaksanakan program-program bantuan bagi menggalakkan keusahawanan di kalangan rakyat Pulau Pinang khususnya kepada pencari kerja. Antara program-program yang dilaksanakan adalah seperti berikut:

(i) Skim Pinjaman Harapan (SPH)

Kerajaan Negeri melalui Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) telah melaksanakan Skim Pinjaman Harapan (SPH) bermula 2009 sehingga kini. Sehingga Julai 2021, seramai 3,662 usahawan/penerima bantuan pembiayaan mikro kredit yang telah diluluskan dengan jumlah pinjaman sebanyak RM20.37 juta telah disalurkan.

(ii) Tabung Usahawan Tani (TUT) Negeri Pulau Pinang

Kerajaan Negeri telah memperkenalkan Tabung Usahawan Tani (TUT) Negeri Pulau Pinang yang sebelum ini dikenali sebagai Tabung Usahawan Tani Muda (TUTM). TUT memberi dorongan kepada golongan belia termasuk para graduan untuk menjadikan sektor industri asas tani sebagai kerjaya dan berpotensi sebagai punca pendapatan yang lumayan. Sehingga Julai 2021, sebanyak RM980,000.00 telah diagihkan kepada 175 orang usahawan untuk menikmati kemudahan kredit ini.

(iii) Program Peningkatan dan Pemulihan Ekonomi (Bantuan Peralatan)

Program ini adalah untuk peniaga kecil sepenuh masa yang menjalankan perniagaan sekurang-kurangnya satu (1) tahun dan berpendapatan RM3,000.00 sebulan. Bantuan ini diberikan untuk mengembangkan perniagaan sedia ada bagi memperolehi hasil yang lebih lumayan.

LAMPIRAN 1

LAPORAN PERBELANJAAN PAKEJ BANTUAN RAKYAT PULAU PINANG (PENANG LAWAN COVID-19)

FASA 1.0

BIL.	INSENTIF / BANTUAN (FASA 1)	ANGGARAN PERUNTUKAN (RM)	BILANGAN PENERIMA SEBENAR	PERBELANJAAN SEBENAR (RM)
1	One-off RM500 kepada peniaga dan penjaja berlesen	7,072,000.00	11,456 peniaga (MBPP - 6,806, MBSP - 4,518, FAMA - 132)	5,728,000.00
2	Bekalan peralatan keselamatan diri (*face mask, hand sanitizer* dll.)	10,000,000.00	Rakyat Pulau Pinang dan kakitangan barisan hadapan	8,416,587.00
3	Bantuan tunai one-off kepada pesakit COVID-19 Pulau Pinang	300,000.00	92 (pesakit dan waris pesakit COVID-19)	46,500.00
4	One-off RM500 kepada pemandu pelancong berdaftar	685,000.00	751	375,500.00
5	One-off RM500 kepada penerima bantuan Jabatan Kebajikan Masyarakat dan AES di bawah BPEN	9,328,500.00	18,747 (JKM - 18,087, AES - 660)	9,373,500.00
6	Penambahan RM200 dalam wang insentif tahunan kepada penarik beca dan *upfront* RM300 (April, Mei, Jun)	63,600.00	189 penarik beca	94,500.00
7	Penambahan RM200 dalam wang insentif tahunan kepada pemandu teksi dan *upfront* RM300 (bayaran fasa 2)	449,600.00	2,221 pemandu teksi	1,110,500.00

BIL.	INSENTIF / BANTUAN (FASA 1)	ANGGARAN PERUNTUKAN (RM)	BILANGAN PENERIMA SEBENAR	PERBELANJAAN SEBENAR (RM)
8	One-off RM300 kepada pemandu e-hailing	3,000,000.00	8,390 pemandu e-hailing	2,517,000.00
9	Bantuan kewangan khas kepada masjid dan surau	495,000.00	702 (226 masjid, 476 surau)	464,000.00
10	Bantuan Khas Kewangan one-off RM300 kepada kakitangan barisan hadapan kedua-dua PBT	1,437,300.00	4,983 kakitangan (MBPP – 1,892, MBSP - 3,091)	1,494,900.00
11	Bantuan Khas Kewangan one-off RM300 kepada 10,511 kakitangan barisan hadapan Jabatan Persekutuan	3,300,000.00	8,048 kakitangan (ATM - 240, RELA - 164, PDRM - 1,787, JKNPP - 5,107, APM - 300, JIM - 450)	2,414,400.00
12	Peruntukan khas RM30,000 kepada setiap ADUN	1,200,000.00	40 ADUN	1,200,000.00
13	Pinjaman Tanpa Faedah Kelangsungan Perniagaan Pulau Pinang *(Penang Business Continuity Zero Interest Loan)*	30,000,000.00	1,651 SME dan mikro	28,740,000.00
14	Bantuan zakat sebanyak RM3 juta kepada golongan asnaf	3,000,000.00	6,000 golongan asnaf	3,000,000.00
15	Pengecualian sewa bulanan Rumah Sewa Kerajaan Negeri (RSKN) dan Projek Perumahan Rakyat (PPR) kelolaan Kerajaan Negeri	932,844.00	Anggaran 4,860 keluarga	932,844.00
16	Pengecualian sewa premis-premis perniagaan Kerajaan Negeri dan pihak berkuasa tempatan (PBT)	1,610,000.00	Anggaran 10,999 premis perniagaan	1,610,000.00

BIL.	INSENTIF / BANTUAN (FASA 1)	ANGGARAN PERUNTUKAN (RM)	BILANGAN PENERIMA SEBENAR	PERBELANJAAN SEBENAR (RM)
17	Penangguhan tempoh pembayaran kepada Kerajaan Negeri bagi cukai tanah/petak, bayaran skim sewa beli RSKN dan pinjaman (SPH, TUT dan penuntut)	-	Rakyat Pulau Pinang	-
18	Pegawai Penyelaras Khas kepada Ketua Menteri (Tasek Gelugor/Kepala Batas dan Balik Pulau)	60,000.00	Rakyat di kawasan Parlimen berkaitan	60,000.00
19	Pengawai Penyelaras KADUN Penaga, Sungai Dua dan Permatang Berangan (YAB KM)	90,000.00	Rakyat di KADUN berkaitan	90,000.00
20	Bantuan untuk pelarian Rohingya (NGO)	100,000.00	-	100,000.00
21	Peruntukan kepada *Penang Science Cluster* untuk menyediakan *facemask* bagi petugas barisan hadapan	60,000.00	Petugas barisan hadapan	60,000.00
22	Bantuan Barang Keperluan Harian kepada rakyat yang kurang berkemampuan	1,032,500.00	20,650 keluarga	1,032,500.00
23	Bantuan Khas Kewangan one-off RM300 kepada kakitangan barisan hadapan Bahagian Perumahan, PSUKPP	15,300.00	51 kakitangan	15,300.00
24	Peruntukan Makanan dan Minuman Petugas Ops COVID-19 PDRM	120,000.00	Petugas Ops COVID-19	120,000.00
25	Bantuan Khas Kewangan *one-off* RM500 kepada pengusaha kuda	4,500.00	9 pengusaha kuda	4,500.00
26	Bantuan Khas Kewangan *one-off* RM200 kepada pemandu bas dan *upfront* RM300 bayaran Fasa 2	260,500.00	463 pemandu bas	231,500.00

BIL.	INSENTIF / BANTUAN (FASA 1)	ANGGARAN PERUNTUKAN (RM)	BILANGAN PENERIMA SEBENAR	PERBELANJAAN SEBENAR (RM)
27	Pembelian *facemask* bagi perlindungan dan mitigasi ancaman COVID-19	35,000.00	Rakyat Pulau Pinang	35,000.00
28	Projek Penyediaan Makmal Minilab di Lapangan Terbang Antarabangsa Bayan Lepas	186,100.00	-	90,000.00
29	Peruntukan kepada Kelab PDRM untuk pembelian khemah semasa tempoh PKPB	225,000.00	-	225,000.00
JUMLAH BESAR		**75,062,744.00**	**100,302**	**69,582,031.00**

FASA 2.0

BIL.	INSENTIF / BANTUAN (FASA 2.0)	ANGGARAN PERUNTUKAN (RM)	BILANGAN PENERIMA SEBENAR	PERBELANJAAN SEBENAR (RM)
1	Rebat bagi cukai taksiran tahun 2020	47,311,854.20	Anggaran 597,806 (MBPP - 281,949, MBSP - 315,857)	47,311,854.20
2	Bantuan Khas Kewangan sebanyak RM500 secara one-off penjaja/penggerai yang berniaga dalam kompleks makanan/ kedai persendirian (*shoplot*)	1,551,500.00	1,670 penjaja/ penggerai (MBPP - 1,229, MBSP - 441)	835,000.00
3	Bantuan Khas Kewangan sebanyak RM500 secara *one-off* kepada penjaja/penggerai yang mempunyai *tagging* dan berdaftar dengan PBT	2,833,000.00	1,586 penjaja/ penggerai (MBPP - 1,345, MBSP - 241)	793,000.00
4	Bantuan Khas Kewangan sebanyak RM300 secara *one-off* kepada kakitangan barisan	1,853,700.00	6,390 kakitangan (PDRM - 4,090, ATM - 1,436,	1,917,000.00

BIL.	INSENTIF / BANTUAN (FASA 2.0)	ANGGARAN PERUNTUKAN (RM)	BILANGAN PENERIMA SEBENAR	PERBELANJAAN SEBENAR (RM)
	hadapan yang terlibat dalam menangani wabak COVID-19		APM - 60, RELA - 239, Vet. Askar Wataniah - 277, BOMBA - 211, PSUKPP Pengawal Keselamatan - 77)	
5	Bantuan Khas Kewangan sebanyak RM300 secara *one-off* kepada ahli MPKK dan JPWK sebagai penghargaan dalam usaha membantu Kerajaan Negeri membendung penularan wabak Covid 19	1,815,000.00	3,383 ahli (MPKK - 3,074, JPWK - 309)	1,014,900.00
6	Bantuan Khas Kewangan sebanyak RM500 secara *one-off* kepada pemandu bas/van persiaran, kereta sewa / limosin pelancongan	165,500.00	351 pemandu	175,500.00
7	Bantuan Khas Kewangan sebanyak RM300 secara *one-off* kepada pengusaha lancang air (*watercraft operator*) di Pulau Pinang	6,900.00	21 pengusaha	6,300.00
8	Peruntukan RM200,000 untuk pelaksanaan Show Penang, sebuah projek bagi membangunkan kandungan digital *(digital content)* sektor seni, budaya dan warisan yang pertama dalam negara	200,000.00	24 penerima	64,830.00
9	Bantuan Khas Kewangan sebanyak RM500 secara one-*off* kepada pengusaha taska dan pusat jagaan kanak-kanak yang berdaftar dengan Jabatan Masyarakat dan tadika	322,500.00	494 pengusaha (Tadika - 314, Taska – 118, Pusat Jagaan Kanak-Kanak - 62)	247,000.00

BIL.	INSENTIF / BANTUAN (FASA 2.0)	ANGGARAN PERUNTUKAN (RM)	BILANGAN PENERIMA SEBENAR	PERBELANJAAN SEBENAR (RM)
	yang berdaftar dengan Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang			
10	Peruntukan RM100,000 kepada pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan individu yang membantu masyarakat Pulau Pinang menangani masalah keganasan rumah tangga	100,000.00	5 NGO dan individu	65,000.00
11	Bantuan Khas Kewangan sebanyak RM400 secara *one-off* kepada Nelayan Pesisir Pantai (Zon A)	2,325,600.00	3,999 nelayan	1,599,600.00
12	Bantuan kotak insulasi (RM180) kepada 250 nelayan darat/sungai	45,000.00	250 nelayan darat/sungai	38,750.00
13	Insentif makanan ternakan bagi penternak tradisional untuk komoditi unggas, ruminan dan babi	200,147.00	988 penternak	200,001.50
14	Pinjaman Tanpa Faedah Kelangsungan Perniagaan Pulau Pinang *(Penang Business Continuity Zero Interest Loan)* - Pelancongan	10,000,000.00	93 peniaga	3,245,000.00
15	Bantuan Zakat	5,000,000.00	3,769 penerima	1,884,500.00
16	Pengecualian Kadar Sewaan dan Pajakan bagi Projek-projek CMI dan SSI bagi bulan April dan Mei 2020	271,926.00	33 pengusaha/ syarikat	271,926.00
17	Diskaun dan Pengecualian Kadar Sewaan bagi bulan April, Mei dan Jun 2020 bagi	1,030,000.00	387 syarikat/ premis/ penghuni	1,030,000.00

BIL.	INSENTIF / BANTUAN (FASA 2.0)	ANGGARAN PERUNTUKAN (RM)	BILANGAN PENERIMA SEBENAR	PERBELANJAAN SEBENAR (RM)
	premis-premis tertentu milik PDC			
18	Konsesi sewa kepada 24 lot komersial Perbadanan Bukit Bendera Pulau Pinang untuk setengah bulan pada Januari dan Februari 2020, dan sepenuhnya untuk Mac, April dan Mei 2020. Bantuan *one-off* RM500 kepada pengendali servis jip di Bukit Bendera.	448,253.00	24 lot komersial / 13 pengendali jip	448,253.00
19	Pengecualian Sewa Bulanan RSKN dan PPR untuk bulan Jun dan Julai 2020	516,000.00	2,911 unit	516,000.00
20	Pengecualian bayaran sewa bagi unit kedai di bawah pengurusan Bahagian Perumahan Kerajaan Negeri untuk bulan Mei, Jun dan Julai 2020	76,741.00	122 unit	76,741.00
JUMLAH BESAR		**76,073,621.20**	**624,306**	**61,741,155.70**

FASA 2.1

BIL.	INSENTIF / BANTUAN (FASA 2.1)	ANGGARAN PERUNTUKAN (RM)	BILANGAN PENERIMA SEBENAR	PERBELANJAAN SEBENAR (RM)
1	Bantuan Khas Kewangan one-off RM500 kepada pengusaha kantin sekolah berdaftar di Pulau Pinang	219,500.00	462 pengusaha kantin	231,000.00
2	Bantuan Khas Kewangan one-off RM500 kepada syarikat penganjur acara *(event management)* di Pulau Pinang	100,000.00	160 syarikat	80,000.00
3	Bantuan Khas Kewangan one-off RM1,000 kepada Pertubuhan Rumah Ibadat Bukan Islam	1,711,000.00	601 pertubuhan	601,000.00
4	Bantuan Khas Kewangan one-off RM500 kepada Pertubuhan/Persatuan yang aktif dan berdaftar dengan ROS di Pulau Pinang.	1,740,500.00	634 pertubuhan/ persatuan	317,000.00
5	Bantuan Khas Kewangan one-off RM500 bagi pengusaha penjual akhbar dan buku Pulau Pinang	75,000.00	243 pengusaha	121,500.00
6	Bantuan Khas Kewangan one-off RM500 bagi Persatuan Belia Pulau Pinang	257,500.00	12 persatuan	6,000.00
JUMLAH BESAR		**4,103,500.00**	**2,112**	**1,356,500.00**

FASA 3.0

BIL.	INSENTIF / BANTUAN (FASA 3.0)	ANGGARAN PERUNTUKAN (RM)	BILANGAN PENERIMA SEBENAR	PERBELANJAAN SEBENAR (RM)
1	Bantuan Khas Kewangan *one-off* RM500 kepada: i) peniaga dan penjaja berlesen; ii) penjaja/penggerai yang berniaga dalam kompleks makanan/kedai persendirian (shoplot);	7,356,000.00	16,322 peniaga [(i) MBPP - 6,930, MBSP - 5,770; (ii) MBPP - 1,296, MBSP - 661; (iii) MBPP - 1,410, MBSP - 173;	8,161,000.00

BIL.	INSENTIF / BANTUAN (FASA 3.0)	ANGGARAN PERUNTUKAN (RM)	BILANGAN PENERIMA SEBENAR	PERBELANJAAN SEBENAR (RM)
	iii) penjaja/penggerai yang mempunyai tagging dan berdaftar dengan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT); dan iv) peniaga pasar tani (FAMA)		(iv) FAMA – 82]	
2	Bantuan Khas Kewangan *one-off* RM200 kepada penarik beca	57,600.00	157 penarik beca	31,400.00
3	Bantuan Khas Kewangan *one-off* RM500 kepada pengusaha kantin sekolah berdaftar di Pulau Pinang	231,000.00	435 pengusaha kantin	217,500.00
4	Bantuan Khas Kewangan *one-off* RM500 kepada peniaga yang berlesen dengan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT): i) perkhidmatan gunting rambut/salun rambut; ii) perkhidmatan salun kecantikan dan spa; iii) perkhidmatan pusat refleksologi; dan iv) perkhidmatan bekam	1,464,500.00	869 peniaga [(i) MBPP - 225, MBSP - 354; (ii) MBPP - 95, MBSP - 137; (iii) MBPP - 38, MBSP - 19; (iv) MBPP - 0, MBSP - 1]	434,500.00
5	Peruntukan Khas RM30,000 kepada semua ADUN, Ahli Parlimen Kerajaan Negeri, ADUN Angkat, Pegawai Penyelaras KADUN dan Pegawai Penyelaras Khas kepada Ketua Menteri untuk membantu rakyat yang terkesan dengan PKP 2.0	1,770,000.00	59 penerima	1,770,000.00
JUMLAH BESAR		**10,879,100.00**	**17,842**	**10,614,400.00**

FASA 3.1

BIL.	INSENTIF / BANTUAN (FASA 3.1)	ANGGARAN PERUNTUKAN (RM)	BILANGAN PENERIMA SEBENAR	PERBELANJAAN SEBENAR (RM)
1	Geran pensijilan halal berjumlah RM320 kepada usahawan mikro baharu dan sedia ada melalui Penang Halal International	288,000.00	88 usahawan	10,720.00
2	Bantuan Khas kewangan RM1,000 secara one-off kepada SME yang berdaftar dengan SME Association Malaysia (SAMENTA)	1,000,000.00	333 SME	333,000.00
3	Bantuan khas kewangan RM500 secara one-off kepada pengusaha kegiatan sukan dan aktiviti kecergasan yang berdaftar dengan PBT	97,000.00	38 pengusaha	19,000.00
4	Bantuan khas kewangan RM500 secara one-off kepada pengendali perkhidmatan Mobile SPA	31,500.00	42 pengusaha	21,000.00
5	Insentif makanan ternakan bagi penternak tradisional untuk komoditi unggas, ruminan dan babi di bawah seliaan Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri	574,424.00	1,088 penternak	0.00
6	Bantuan Khas Kewangan RM500 secara one-off kepada pemandu bas/van persiaran, kereta sewa / limosin pelancongan	175,500.00	142 pemandu	71,000.00
7	Bantuan Khas Kewangan RM500 secara one-off kepada pemandu pelancong berdaftar	683,500.00	587 pemandu pelancong	293,500.00
8	Bantuan Khas Kewangan RM500 secara one-off kepada pengusaha lancang air (watercraft operator) di Pulau Pinang	11,500.00	21 pengusaha lancang air	10,500.00

BIL.	INSENTIF / BANTUAN (FASA 3.1)	ANGGARAN PERUNTUKAN (RM)	BILANGAN PENERIMA SEBENAR	PERBELANJAAN SEBENAR (RM)
9	Bantuan Khas Kewangan RM500 secara one-off kepada pengusaha kuda rekreasi Pulau Pinang	4,500.00	9 pengusaha kuda	4,500.00
10	Bantuan khas kewangan RM500 secara one-off kepada pengusaha kantin dan kafeteria di IPTA/IPTS/Kolej/Institut Latihan	250,000.00	31 pengusaha kantin	15,500.00
11	Bantuan Peralatan Kesihatan Dan Penyediaan Kelengkapan Program Imunisasi COVID-19 Negeri Pulau Pinang	2,000,000.00	5 PDT	1,351,420.95
12	Bantuan khas kewangan RM5,000 secara one-off kepada pusat jagaan kanak-kanak / warga emas/ OKU /perlindungan wanita di Pulau Pinang	520,000.00	94 pusat jagaan	470,000.00
13	Bantuan khas kewangan RM1,000 secara one-off kepada *Tourist Attraction Operators*	60,000.00	10 pengusaha	10,000.00
14	Bantuan khas kewangan RM1,000 secara one-off kepada kuil-kuil yang berdaftar di bawah Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia	83,000.00	46 pertubuhan	46,000.00
15	Bantuan khas kewangan RM1,000 secara one-off kepada Rumah Ibadat Bukan Islam yang berdaftar di bawah Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia	539,000.00	286 pertubuhan	286,000.00
16	Bantuan khas kewangan RM1,000 secara one-off kepada surau berdaftar di bawah JHEAIPP	600,000.00	600 surau	600,000.00
17	Bantuan khas kewangan RM500 secara one-off kepada guru-guru	467,500.00	935 guru	467,500.00

BIL.	INSENTIF / BANTUAN (FASA 3.1)	ANGGARAN PERUNTUKAN (RM)	BILANGAN PENERIMA SEBENAR	PERBELANJAAN SEBENAR (RM)
	sekolah agama rakyat berdaftar di bawah JHEAIPP			
18	Bantuan khas kewangan RM500 secara one-off kepada Pemegang Tauliah Mengajar yang berdaftar dan diperakukan oleh JHEAIPP	27,500.00	55 pemegang tauliah mengajar	27,500.00
19	Program kerjasama pintar dengan penyedia platform marketplace digital commerce	1,000,000.00	-	353,438.00
20	Bantuan khas kewangan RM10,000.00 kepada Persatuan BOMBA Sukarela dan Pasukan CERT	360,000.00	36 persatuan	360,000.00
21	Pengecualian 2 bulan sewaan dan pajakan bagi projek-projek CMI dan SSI yang berkaitan kepada pengusaha/syarikat	381,000.00	20 pengusaha/ syarikat	381,000.00
22	Peruntukan tambahan RM20,000.00 kepada YB ADUN Kerajaan Negeri, YB Parlimen Kerajaan Negeri, YB ADUN Angkat, Pegawai Penyelaras KADUN dan Pegawai Penyelaras Khas YAB Ketua Menteri bagi membantu golongan terjejas	1,180,000.00	59 penerima	1,180,000.00
JUMLAH BESAR		**10,333,924.00**	**4,525**	**6,311,578.95**

9. Apakah rancangan Kerajaan Negeri untuk menolong artis-artis seni di Negeri Pulau Pinang yang sedang menghadapi kesusahan dalam pandemik COVID-19 ini?

JAWAPAN OLEH YAB. KETUA MENTERI:

9. Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah melaksanakan program Pemerkasaan Sektor Kesenian Pulau Pinang (Show Penang) mulai tahun 2020 bagi membantu artis-artis kesenian di Pulau Pinang yang amat terkesan akibat penularan wabak COVID-19. Program ini menggalakkan kumpulan kesenian atau artis individu untuk menganjurkan aktiviti dan program kesenian secara atas talian (*online*) untuk meningkatkan pengamalan digitalisasi dalam golongan tersebut, supaya mereka dapat menyesuaikan diri dengan norma baharu.

   Selain itu, Skim Pinjaman Dana Permulaan Industri Ekonomi Kreatif (Creative Leap Loan), iaitu pinjaman tanpa faedah juga telah diperkenalkan pada awal tahun 2021 untuk menyokong warga industri kreatif yang terkesan akibat penularan pandemik COVID-19.

10. Apakah tindakan yang akan diambil oleh Kerajaan Negeri terhadap gelandangan yang baru kehilangan tempat tinggal? Ini adalah kerana kebanyakan rumah-rumah kebajikan tidak dapat menerima gelandangan buat masa ini akibat pandemik COVID-19.

JAWAPAN OLEH YAB. KETUA MENTERI:

10. Jabatan Kebajikan Masyarakat membantu kes-kes rujukan berkaitan gelandangan yang kehilangan tempat tinggal sekiranya melibatkan individu dengan merujuk kepada pihak Anjung Singgah Yayasan Kebajikan Negara untuk penempatan sementara sehingga klien mampu mendapatkan pekerjaan dan penempatan yang bersesuaian. Pematuhan Prosedur Operasi Standard (SOP) untuk klien menjalani ujian swab COVID-19 sebelum kemasukan perlu dipatuhi bagi memastikan tiada penularan wabak kepada penghuni yang lain.

    Bagi kes-kes yang melibatkan keluarga, sokongan dalam bentuk kewangan melalui Tabung Bantuan Segera Negeri akan disalurkan setelah siasatan dan maklumat lengkap kes diperoleh. Selain daripada itu, mereka juga akan dibantu untuk penempatan sekiranya ada rumah sewa yang sesuai dengan kerjasama pihak zakat bagi yang beragama Islam atau wakaf bagi agama-agama lain untuk bantuan sewaan sehingga klien mampu berdikari.

    Selain itu, Kerajaan Negeri turut menyewakan empat (4) unit bilik Program Perumahan Rakyat (PPR) Jalan Sungai secara percuma bermula Julai 2020 sehingga Julai 2022 bagi penempatan sementara gelandangan yang diselamatkan.

    Pembinaan Pusat Transit Gelandangan di Jalan C.Y. Choy dengan peruntukan Kerajaan Negeri sebanyak RM4.4 juta pula dijangka akan mula beroperasi pada Januari 2022 dengan kapasiti 88 orang penghuni pada satu-satu masa.

11. Apakah langkah Kerajaan Negeri dalam memastikan proses digitalisasi di Pulau Pinang selari dengan matlamat meningkatkan partisipasi awam (public participation) atau e-participation melalui kerajaan digital?

JAWAPAN OLEH YAB. KETUA MENTERI:

11. e-Penyertaan (e-Participation) ialah komunikasi dua (2) hala pengguna, iaitu orang awam dan komuniti yang terlibat dalam proses penyediaan dan membuat keputusan dasar atau program kerajaan. Salah satu saluran yang disediakan untuk partisipasi awam adalah melalui halaman “Suara Anda” yang dipaparkan dan boleh diakses melalui Portal Rasmi Kerajaan Negeri Pulau Pinang, di alamat www.penang.gov.my di bahagian Awam, menu Info Awam dan sub menu Suara Anda. e-Penyertaan ini bertujuan untuk mengumpulkan

maklum balas, cadangan dan pandangan daripada rakyat dan pelanggan berkaitan dasar dan program yang telah dan boleh dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri.

Perkhidmatan kerajaan secara digital terus ditingkatkan bagi kemudahan orang awam bagi menikmati perkhidmatan kerajaan secara dalam talian. Antara perkhidmatan Kerajaan Negeri yang disediakan secara dalam talian adalah seperti Program Kebajikan Kerajaan Negeri (iSejahtera), Portal Pembayaran Atas Talian (eBayar), Kemudahan Pinjaman Penuntut (ePenuntut), Program Bantuan ke IPTA (iBita), Gerbang Aduan Bersepadu (ePintas), Pendaftaran Pekerjaan Sepanjang Masa (e2PSM), Perolehan Kerajaan Negeri (sysP) dan Maklumat Geografi Pulau Pinang (ePeta PeGIS), Permohonan dan Semakan Rumah Kerajaan Negeri (eRumah), Pengurusan Nikah Cerai Ruju' Pulau Pinang (eMunakahat), Sistem eTanah dan lain-lain lagi. Pautan aplikasi perkhidmatan ini disediakan melalui Portal Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

Kerajaan Negeri juga telah membangunkan Pelan Strategik ICT Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang (PSICT PSUKPP) untuk tempoh setiap lima tahun. Beberapa rancangan telah dirancang dan dilaksanakan mengikut lima (5) teras utama yang dijajarkan dengan Pelan Strategik ICT Sektor Awam dan Pelan Strategik Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Pelan tersebut merangkumi skop pengukuhan infrastruktur dan keselamatan ICT, pemantapan aplikasi berimpak tinggi, pengukuhan tadbir urus ICT secara holistik, pemantapan pembudayaan ICT warga kerja dan pemerkasaan penyampaian perkhidmatan Kerajaan Negeri. Pelan Strategik Pendigitalan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang (PSP PSUKPP) 2021 – 2025 kini dalam peringkat pembangunan. Objektif utama pembangunan pelan strategik ini adalah untuk menyediakan pelan yang mengandungi perancangan pelaksanaan projek pendigitalan yang kos efektif dan selaras dengan keutamaan keperluan pengurusan dan operasi Pentadbiran Negeri di bawah PSUKPP bagi tempoh lima tahun. Hala Tuju proses digitalisasi yang ditetapkan sejajar dengan Pelan Induk Transformasi Digital Pulau Pinang, visi Penang2030 dan Rangka Tindakan (Blueprint) Ekonomi Digital Malaysia (MyDigital). Pembangunan PSP PSUKPP 2021 – 2025 juga melibatkan penyertaan awam di mana seramai 1,279 responden telah mengambil bahagian dalam kajian soal selidik secara dalam talian yang telah diadakan.

Pentadbiran Pihak Berkuasa Tempatan di Pulau Pinang yang terdiri dari Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) juga telah mengambil beberapa inisiatif bagi memastikan proses digitalisasi di Pulau Pinang selari dengan matlamat meningkatkan penyertaan awam melalui kerajaan digital. Antara langkah yang diambil oleh MBPP ialah membangunkan aplikasi yang fungsi mesra pengguna serta mudah digunakan oleh semua peringkat masyarakat. Aplikasi yang disediakan ini akan melalui proses pengujian terlebih dahulu sebelum dilancarkan. Sesi pengujian melibatkan penglibatan orang awam dan cadangan penambahbaikan oleh orang awam juga diambil kira. MBPP juga mempelbagaikan saluran penyampaian digital dengan mengambil kira semua situasi dan persekitaran dan menghebahkan inisiatif digital melalui pelbagai saluran media. MBPP sentiasa komited bagi memastikan pembangunan projek digitalisasi MBPP mencapai objektif pembangunannya dan dibina mengikut praktis terbaik.

MBSP juga telah mengambil beberapa langkah dalam meningkatkan penyertaan awam dalam kerajaan digital dengan memudahkan penggunaan sistem melalui antara muka yang mesra pengguna dan hanya memerlukan tiga (3) langkah untuk membuat sesuatu transaksi. MBSP juga menyediakan video pembelajaran secara tutorial penggunaan sistem di media sosial bagi memudahkan pengguna untuk merujuk kembali sekiranya ada keperluan. Cyber Counter Corner disediakan bagi menyediakan bantuan serta pembelajaran secara hands-on untuk pengunjung di kaunter MBSP. MBSP juga telah mewujudkan pasukan Tanya Saya yang sentiasa membantu pengguna yang bermasalah dalam penggunaan perkhidmatan selain bantuan dalam talian secara perbualan dalam talian (chatting) atau Livechat. Talian Helpdesk disediakan khas untuk perkhidmatan cukai

dan lesen. Pada tahun 2019, MBSP telah mengadakan pameran di pasar raya Mydin, iaitu Digital@SeberangPerai yang menyediakan gerai perkhidmatan dalam talian serta membantu pengguna untuk melakukan transaksi dalam talian. Inisiatif ini dihentikan sementara dan akan diteruskan semula selepas Perintah Kawalan Pergerakan.

Jabatan dan agensi negeri di bawah pentadbiran Kerajaan Negeri Pulau Pinang juga telah mengambil inisiatif secara agresif dalam meningkatkan penglibatan awam. Sebagai contoh Pejabat Daerah dan Tanah Timor Laut menggunakan medium seperti portal rasmi dan laman media sosial bagi menggalakkan orang awam untuk mengguna pakai sistem secara dalam talian (online) apabila berurusan dengan jabatan dan agensi kerajaan. Jabatan Perkhidmatan Veterinar juga telah mengambil langkah untuk menyediakan Sistem eVetPg bermula tahun 2021. Sistem ini boleh dimanfaatkan oleh orang awam dan khususnya kepada penternak dan pengusaha dengan mengadaptasi proses digitalisasi dalam perkhidmatan kepada rakyat.

Halaman e-Penyertaan turut disediakan oleh Pejabat Tanah dan Galian Pulau Pinang (PTGPP) dan Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang (JHEAIPP) yang boleh diakses melalui Portal Rasmi jabatan masing-masing untuk mengumpul maklum balas dan pandangan daripada rakyat dan pelanggan berkaitan perkhidmatan digital yang disediakan oleh jabatan. Dengan mengambil kira cadangan yang dikemukakan melalui e-penyertaan, PTGPP misalnya telah menyediakan beberapa kemudahan baharu dalam talian seperti Semakan Nombor Akaun Cukai Tanah menggunakan kad pengenalan dan juga menyemak status perserahan bagi hakmilik tanah, strata dan consent.

Jabatan Kewangan Negeri Pulau Pinang (JKNPP) juga menyediakan pautan maklum balas dan aduan di Portal Rasmi jabatan bagi memudahkan orang awam untuk memberikan maklum balas dan pertanyaan mengenai semua perkhidmatan di JKNPP. Maklum balas dan pertanyaan daripada orang awam ini akan disalurkan terus kepada pegawai yang bertanggungjawab. Selain itu, Sistem Perolehan Kerajaan Negeri Pulau Pinang (sysP) mempunyai ruangan maklum balas dan pertanyaan untuk memudahkan orang awam menyalurkan maklum balas mengenai perkhidmatan sysP yang akan disalurkan terus ke Unit Perolehan Negeri. JKNPP juga menerima aduan dan pertanyaan melalui Sistem ePintas Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

PLANMalaysia@Pulau Pinang juga telah menaik taraf Sistem

Maklumat Geografi (GIS) dengan pembangunan Aplikasi MapServices SMARTPLAN dan salah satu modul yang dibangunkan ialah Rancangan Khas Kawasan (RKK) yang menyediakan saluran seranta untuk rakyat memberi pandangan dan maklum balas berkaitan dengan cadangan perancangan pembangunan sesuatu kawasan.

Jabatan-jabatan negeri di bawah pentadbiran Negeri Pulau Pinang juga sentiasa bergiat aktif dalam usaha ke aras digitalisasi dan sentiasa komited dalam peralihan ke arah meningkatkan penglibatan awam (public participation) atau e-participation melalui kerajaan digital.

12. Apakah langkah-langkah terperinci yang akan dilaksanakan Kerajaan Negeri dalam projek Penang South Islands (PSI) untuk meminimalkan impak kepada alam sekitar, menjamin pembangunan lestari selaras dengan United Nations Sustainable Development Goals (SDGs) dan menjaga keyakinan rakyat serta pelabur?

JAWAPAN OLEH YAB. KETUA MENTERI:

12. Penang South Islands (PSI) akan dibangunkan selaras dengan prinsip-prinsip prinsip-prinsip Environmental, Social and Corporate Governance (ESG) dan Sustainable Development Goals (SDGs), khususnya dalam mencapai matlamat-matlamat seperti berikut:-

(a) Matlamat No. 9 iaitu membina infrastruktur berdaya tahan, membangunkan perindustrian yang mampan dan inklusif, serta mempromosikan inovasi;

(b) Matlamat No. 11 iaitu membina bandar raya dan penempatan yang inklusif, selamat serta mampan; dan

(c) Matlamat No. 13 iaitu dengan mengambil langkah untuk menangani perubahan iklim dan kesan-kesannya.

Hasrat ini juga adalah selaras dengan visi Penang 2030 yang menggerakkan usaha pembangunan negeri ke arah menambah baik taraf kehidupan (liveability) dan kualiti hidup; menaik taraf ekonomi untuk meningkatkan pendapatan isi rumah; dan memperkasakan rakyat melalui penyertaan sivik.

Dalam fasa penambakan, pelbagai langkah akan diambil untuk memastikan projek PSI dilaksanakan dengan berhati-hati dan terkawal untuk meminimakan impak alam sekitar seperti mana yang dikehendaki yang ditetapkan di dalam syarat-syarat kelulusan Laporan Kajian Penilaian Kesan Alam Sekeliling (EIA) dan Pelan Pengurusan Alam Sekitar (EMP).

Kelulusan EIA meliputi 72 syarat, termasuk EMP yang mewajibkan pelaksanaan langkah-langkah kawalan alam sekitar seperti:-

(a) pemantauan kualiti air;

(b) pemantauan kekeruhan secara langsung (real time);

(c) pemantauan kualiti udara;

(d) pemantauan bunyi dan getaran;

(e) pengurusan sisa dan bahan pencemar; dan

(f) pembuangan bahan pengorekan

Manakala, langkah-langkah kawalan alam sekitar yang terperinci sewaktu tambakan adalah seperti berikut:-

(a) Kualiti sedimen akan dipantau di tapak pengorekan dan laporan analisis akan dikemukakan kepada JAS Pulau Pinang setiap suku tahun;

(b) Tirai kelodak akan dipasang untuk menanda kawasan penambakan dan berfungsi sebagai tabir yang memerangkap sedimen dan mengurangkan kekeruhan air semasa proses penambakan untuk mencegah pencemaran air;

(c) Benteng atau ban penahan yang berfungsi sebagai daik akan dibina di sekeliling tapak penambakan untuk membendung air, menstabilkan tanah dan mencegah pencemaran air semasa proses pengisian pasir; dan

(d) Pasir yang dihantar dari tapak pengambilan pasir akan dibawa ke tapak pengendalian pasir (sand rehandling). Dari situ, pasir akan dipam ke tapak penambakan melalui paip secara terkawal.

Kerja mereka bentuk dan perancangan bandar PSI pula mengambil kira garis panduan dan cadangan Intergovernmental Panel on Climate Change (IPCC) di bawah Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) dan cadangan pakar kejuruteraan Belanda, Royal Haskoning DHV untuk memastikan pulau-pulau tersebut akan dibangunkan dengan selamat dan berdaya tahan untuk menghadapi perubahan cuaca dunia.

Untuk melindungi pulau PSI daripada kenaikan paras air laut dan fenomena pertembungan air pasang besar dan pusuan ribut (storm surge), perimeter pulau akan mempunyai platform berketinggian minimum 3m di atas paras laut.

Kawasan penampan pesisiran pantai (coastal buffer) PSI juga akan direka bentuk untuk membolehkan pelaksanaan langkah-langkah mitigasi tambahan yang sesuai secara progresif untuk menangani perubahan iklim pada masa depan.

Langkah mitigasi ini termasuk kawasan penampan persisiran pantai yang mempunyai kelebaran minimum 40m yang boleh dinaik taraf dengan pembinaan sistem "polder" dan "dune" untuk meningkatkan kapasiti penyimpanan air bagi mencegah kejadian banjir akibat kenaikan paras laut.

Sistem pam dan pintu air yang penting dalam menangani air larian ribut juga boleh dilaksanakan dan dinaik taraf untuk memperkasakan langkah pencegahan banjir di masa depan.

Dalam fasa pembangunan pula, PSI akan mengambil kira cadangan Low Carbon Cities Framework (LCCF) untuk mencapai sasaran seperti pengurangan karbon sebanyak 50% dan kehidupan yang mesra alam. Antara inisiatif yang akan dilaksanakan adalah seperti berikut:-

(a) Penggunaan tenaga boleh diperbaharui secara 100% di Green Tech Park;

(b) Pengurangan pengeluaran karbon sebanyak 40% melalui perancangan bandar yang lestari, perkongsian kemudahan, reka bentuk responsif iklim dan ciri-ciri hijau lain;

(c) Peruntukan 20% kegunaan tanah untuk taman, terusan air, ruang awam yang hijau untuk menurunkan suhu persekitaran;

(d) Pengurangan pengeluaran karbon sebanyak 80% melalui pengunaan pengangkutan hijau seperti bas dan trem elektrik serta basikal; dan

(e) Penggunaan loji rawatan air untuk mengitar semula air, sistem penuaian air hujan dan alat penjimatan air bagi mengurangkan permintaan air mentah.

Kerajaan Negeri percaya segala usaha yang diambil akan memberi keyakinan kepada rakyat dan pelabur bahawa PSI adalah sebuah pembangunan hijau yang mampan yang dapat membawa pembaharuan serta pertumbuhan kepada ekonomi, kehidupan rakyat dan masa depan Pulau Pinang sebagai sebuah destinasi perindustrian, perniagaan dan pelancongan antarabangsa yang unggul.

13. Dengan projek Gurney Wharf, bagaimanakah pelan Kerajaan Negeri untuk menjamin usaha pemeliharaan alam sekitar, terutamanya bagi industri perikanan dan komuniti nelayan yang bergantung kepada industri ini sebagai sumber pendapatan?

JAWAPAN OLEH YAB. KETUA MENTERI:

13. Hasrat utama Kerajaan Negeri bagi pembangunan Projek Gurney Wharf adalah bertujuan untuk penyediaan kawasan hijau/rekreasi bagi manfaat penduduk Pulau Pinang dan sememangnya perlindungan alam sekitar dan kawasan laut (marin) menjadi aspek utama yang diberi penekanan semasa peringkat perancangan awal projek.

Antara pelan Kerajaan Negeri untuk menjamin usaha pemeliharaan alam sekitar, terutamanya bagi industri perikanan dan komuniti nelayan yang telah dijalankan termasuklah menyediakan bayaran pampasan kepada nelayan yang terkesan akibat projek ini dengan jumlah bayaran sebanyak RM15,000.00. Bagi pelan pemeliharaan alam sekitar, Kerajaan Negeri sentiasa memantau rapi segala aktiviti penambakan laut yang dijalankan dari semasa ke semasa dengan mengikuti garis panduan ketat oleh pihak Jabatan Alam Sekitar serta memenuhi kesemua syarat yang telah digariskan di dalam Environment Impact Assessment (EIA).

Selain itu, sebagai usaha pemeliharaan alam sekitar terutamanya bagi industri perikanan dan komuniti nelayan, Kerajaan Negeri melalui Jabatan Perikanan (DOF) Negeri Pulau

Pinang telah menjalankan beberapa program pemuliharaan sumber perikanan seperti membina dan melabuhkan tukun tiruan khususnya di perairan sekitar Pulau Kendi kerana kawasan itu yang paling sesuai untuk melabuhkan tukun tiruan jenis konkrit yang bersaiz besar. Sumber perikanan bagi Negeri Pulau Pinang diharap akan bertambah dengan pelaksanaan tukun tiruan ini. Hasil kajian yang dilaksanakan oleh Institut Sumber Marin Asia Tenggara (ISMAT) Terengganu, menunjukkan kawasan yang dilabuhkan tukun tiruan akan meningkatkan produktiviti persekitaran marin secara menyeluruh dan meningkatkan sumber perikanan melalui pembangunan ekosistem marin yang sempurna di dasar laut.

Selain itu, bagi melindungi pesisir pantai, terdapat komponen projek iaitu penyediaan Taman Bakau sebagai salah satu komponen Pembangunan Projek Gurney Wharf ini. Pokok bakau sangat bermanfaat kepada perikanan di mana ia berfungsi sebagai kawasan perlindungan dan pembiakan hidupan laut seperti ikan, udang dan ketam. Ia juga akan dapat menjadi habitat bagi haiwan-haiwan lain seperti burung dan memerang. Pertambahan sumber perikanan ini diharap dapat meningkatkan sumber pendapatan kepada para nelayan berdekatan dengan kawasan Projek Gurney Wharf.

14. Apakah rancangan untuk meningkatkan prestasi Penang Tech Dome supaya masih relevan dalam keadaan norma baru ini? Ini kerana minat terhadap sains dan teknologi mesti dikekalkan dan juga diperluaskan di kalangan pelajar-pelajar sekolah.

JAWAPAN OLEH YAB. KETUA MENTERI:

14. Dunia teknologi telah berkembang dengan jauh lebih pantas daripada jangkaan disebabkan oleh penularan pandemik COVID-19. Untuk memastikan Tech Dome Penang (TDP) kekal menjalankan tanggungjawabnya untuk memupuk minat pelajar terhadap sains dan teknologi dalam keadaan norma baharu ini, TDP telah memperbanyakkan penganjuran bengkel dalam talian tentang teknologi baharu seperti Game Design, Artificial Intelligence (AI), Augmented Reality dan Drone dan tidak hanya mengehadkan kepada sains asas sahaja. Bengkel-bengkel itu mengajar pelajar tentang konsep teknologi tersebut dan juga cara untuk menggunakan teknologi tersebut dalam penghasilan produk yang boleh diguna pakai. Acara Robomania juga akan dijalankan secara dalam talian dengan memaparkan bengkel pengekodan robot diikuti dengan pertandingan robotik yang bertujuan untuk merangsang kreativiti dan sifat ingin tahu para pelajar.

Walau bagaimanapun, tidak dapat dinafikan bahawa kaedah pembelajaran secara praktikal masih merupakan kaedah yang paling berkesan untuk pembelajaran sains dan teknologi. Oleh yang demikian, bengkel sains yang telah dijalankan sejak sebelum penguatkuasaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) masih diteruskan di mana bahan-bahan bengkel yang diperlukan akan dihantar ke sekolah atau rumah pelajar.

Selain itu, alat-alat pameran baharu seperti AI yang mengandungi pengecaman wajah (face recognition), drone dan lebih banyak robot sedang dibangunkan dengan kerjasama beberapa universiti di Malaysia sebagai persediaan apabila kunjungan secara fizikal ke TDP dibenarkan semula kelak.

15. Adakah Kerajaan Negeri bersedia untuk membeli vaksin COVID-19 jikalau vaksin-vaksin yang dibekalkan oleh Kerajaan Persekutuan tidak mencukupi?

JAWAPAN OLEH YAB. KETUA MENTERI:

15. Buat masa sekarang, Kerajaan Negeri melalui Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang (JKNPP) tidak mempunyai sebarang perancangan bagi membuat penbelian vaksin memandangkan jaminan yang telah diberikan oleh Kerajaan Pusat bahawa bekalan

vaksin kepada semua penduduk negara ini adalah mencukupi dan diberikan secara percuma.

Pada masa sama, Kerajaan Negeri juga sentiasa berhubung rapat dengan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan JKNPP bagi memastikan pembekalan vaksin kepada negeri ini adalah mencukupi. Sebagai tambahan, pelbagai usaha turut diambil oleh Kerajaan Negeri bagi memastikan tidak berlakunya gangguan pelaksanaan Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK) pada peringkat negeri Pulau Pinang secara keseluruhan.

16. Apakah rancangan Kerajaan Negeri untuk meningkatkan penguatkuasaan Prosedur Operasi Standard (SOP) COVID-19 untuk menurunkan kes-kes positif COVID-19 di Negeri Pulau Pinang?

JAWAPAN OLEH YAB. KETUA MENTERI

16. Dalam usaha menurunkan kes-kes positif COVID-19 di negeri Pulau Pinang, ia umumnya memerlukan kerjasama semua pihak khususnya berkaitan dengan pematuhan prosedur operasi standard (SOP) semasa. Selain tindakan penguatkuasaan yang dijalankan oleh pihak-pihak berkuasa membabitkan Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang (JKNPP), Polis Diraja Malaysia (PDRM), Majlis Keselamatan Negara (MKN) Negeri Pulau Pinang, pihak-pihak berkuasa tempatan (PBT), Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) dan lain-lain berkaitan, pematuhan SOP kendiri iaitu diri sendiri merupakan faktor terpenting yang mampu memutuskan rantaian penyebaran virus pandemik COVID-19.

17. Apakah rancangan Kerajaan Negeri untuk pembukaan ekonomi tempatan selain SOP-SOP yang akan diumumkan oleh Kerajaan Persekutuan?

JAWAPAN OLEH YAB. KETUA MENTERI

17. Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah menubuhkan Jawatankuasa Penang Socio Economic Recovery Consultative Council (PSERCC) bagi membincangkan tindakan-tindakan yang boleh dilaksanakan untuk mengaktifkan kembali sektor ekonomi negeri yang terjejas akibat penularan pandemik COVID-19. Di bawah PSERCC, enam (6) Jawatankuasa Kerja telah ditubuhkan iaitu:

(i) Sektor Industri/SMI/SME/Peruncitan;

(ii) Sektor Pasaran Tenaga Kerja;

(iii) Sektor Perumahan;

(iv) Sektor Infrastruktur dan Pengangkutan;

(v) Sektor Pelancongan; dan

(vi) Sektor Industri Makanan.

Perincian rancangan Kerajaan Negeri melalui Jawatankuasa PSERCC untuk pembukaan ekonomi tempatan adalah seperti di LAMPIRAN A.

LAMPIRAN A

PELAN TINDAKAN PEMULIHAN NEGERI PULAU PINANG
DI BAWAH *PENANG SOCIO ECONOMIC RECOVERY CONSULTATIVE COUNCIL* (PSERCC)

(a) SEKTOR INDUSTRI/SMI/SME/PERUNCITAN

BIL.	PERKARA	BUTIRAN PELAKSANAAN
i.	Cadangan memudahkan kelulusan *Special Relief Fund* (SRF)	*Special Relief Fund* (SRF) diluluskan tetapi perlu menunggu sokongan CGC untuk pelepasan dana. Kerajaan Negeri telah mengemukakan cadangan kepada Kementerian Kewangan untuk memohon proses permohonan dapat dipermudah dan pembayaran SRF dipercepatkan.
ii.	Cadangan mempercepatkan proses bayaran balik tuntutan GST	Kerajaan Negeri telah mengemukakan cadangan kepada Kementerian Kewangan untuk mempercepatkan proses bayaran balik tuntutan GST kepada syarikat-syarikat berkaitan.
iii.	Cadangan pekerja asing turut dipertimbangkan dalam insentif subsidi upah	Pekerja asing tidak termasuk dalam insentif subsidi upah. Kerajaan Negeri telah mengemukakan cadangan kepada Kementerian Kewangan untuk mempertimbangkan cadangan insentif subsidi upah kepada pekerja asing.
iv.	Cadangan penambahan pelanjutan moratorium selama enam (6) bulan lagi	Moratorium penangguhan pembayaran pinjaman ditetapkan sehingga September 2020 sahaja. Kerajaan Negeri telah mengemukakan cadangan kepada Kementerian Kewangan untuk mempertimbangkan cadangan pelanjutan moratorium untuk tempoh enam (6) bulan berikutnya.
v.	Penambahbaikan ke atas isu sekatan terhadap *foreign key personnel* dan pasukan teknikal yang memasuki Malaysia serta kekeliruan akibat SOP yang kurang jelas yang melibatkan pelbagai agensi	Kerajaan Negeri telah mengemukakan cadangan kepada Majlis Keselamatan Negara, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) dan Jabatan Imigresen untuk mempertimbangkan pelaksanaan proses kelulusan dalam tempoh dua (2) minggu bagi kemasukan perniagaan atau Professional Visit Pass (PVP) dan diuruskan oleh satu (1) agensi pusat serta mempunyai tempat perhubungan dari mula hingga selesai permohonan.
vi.	Kelulusan pengambilan pekerja asing untuk sektor terpilih tidak termasuk pembuatan	Kerajaan Negeri telah mengemukakan cadangan kepada Kementerian Sumber Manusia untuk mempertimbangkan pengambilan pekerja asing bagi sektor pembuatan.
vii.	Cadangan mewujudkan kempen jualan Pulau Pinang dan menggalakkan Perusahaan kecil dan sederhana (PKS) menggunakan platform digital	Kerajaan Negeri melalui Penang Halal International (PHI) telah melancarkan *"Penang EMall"* secara atas talian melalui platform e-dagang Shopee bagi membantu peniagaan mikro dan perusahaan sederhana kecil. Kempen ini telah berjaya membantu sejumlah 36,507 peniaga.
viii.	Meningkatkan kadar penyertaan PKS dalam perolehan kerajaan dan perbadanan multinasional (MNC)	Kadar penyertaan PKS masih rendah dalam perolehan kerajaan dan MNC. InvestPenang telah menganjurkan Hari Pembekal

BIL.	PERKARA	BUTIRAN PELAKSANAAN
		"Supplier's Day" secara atas talian pada 1 Julai 2021 dengan kerjasama syarikat Lam Research Malaysia. Sejumlah 256 peserta dari syarikat-syarikat tempatan telah mengambil bahagian. Mengkaji cadangan untuk mempertimbangkan penetapan kuota khusus untuk syarikat tempatan dalam aktiviti perolehan (Jabatan Kerajaan Negeri / Persekutuan yang berkaitan). MNC pula mempertimbangkan untuk membuka perolehan bahan tidak langsung kepada PKS tempatan (FMM, FREPENCA) untuk mendorong perolehan tempatan.
ix.	Cadangan pelanjutan Skim Pinjaman Kelangsungan Perniagaan (PEKA) oleh PDC	Pada masa ini, Skim PEKA tidak akan dilanjutkan kerana peruntukan telah digunakan sepenuhnya. Kerajaan Negeri sedang mempertimbangkan untuk menyediakan pinjaman secara bersasar kepada penerima sektor yang memerlukan.
x.	Cadangan supaya sektor pembuatan dikecualikan daripada ditutup sepenuhnya sekiranya Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) diperkenalkan semula	Kilang-kilang di Pulau Pinang mengamalkan pematuhan SOP keselamatan dan kebersihan dalaman yang ketat. Kerajaan Negeri telah mengemukakan cadangan kepada Majlis Keselamatan Negara dan MITI untuk mempertimbangkan sektor pembuatan dikecualikan untuk ditutup sepenuhnya sekiranya PKP dilaksanakan semula.

(b) SEKTOR PASARAN TENAGA KERJA

BIL.	PERKARA	BUTIRAN PELAKSANAAN
i.	Platform berkenaan maklumat dan statistik sektor pasaran tenaga kerja di Pulau Pinang	Satu sekretariat untuk mengumpulkan maklumat dan statistik sektor pasaran tenaga kerja telah ditubuhkan yang merangkumi Penang CAT Centre, Penang Skills Development Centre, Penang Institute, PERKESO, FREPENCA dan Bahagian Perancang Ekonomi Negeri (BPEN). Secretariat ini akan menyediakan maklumat dan statistik berkaitan situasi pasaran tenaga kerja di Pulau Pinang kepada YB. EXCO Pembangunan Modal Insan.
ii.	Memperkasakan peranan Penang CAT Centre	Penang CAT Centre terus memainkan peranannya untuk meningkatkan pembangunan sumber manusia melalui kempen My Penang, My Workplace yang bertujuan untuk menarik bakat-bakat dari seluruh negara bagi memilih Pulau Pinang sebagai destinasi kerjaya. Di bawah kempen ini terdapat dua (2) siri webinar bertajuk *"Onwards & Upwards: Explore New Careers in Penang"* yang dihadiri oleh hampir 700 orang pencari kerja, lepasan graduan dan pelajar-pelajar institut pengajian tinggi di seluruh negara. Kempen ini dianjurkan oleh Penang CAT Centre dan disertai oleh syarikat-syarikat di Pulau Pinang seperti Micron, Clarivate, Keysight, ViTrox, Jabil, Pentamaster, Teleperformance dan ManpowerGroup.

BIL.	PERKARA	BUTIRAN PELAKSANAAN
iii.	Syarikat memainkan peranan dengan mendaftarkan pekerja yang bakal kehilangan kerja di sistem Penang CAT Centre/MyFutureJobs	Individu kehilangan pekerjaan yang membuat permohonan untuk mendapatkan Skim Insurans Pekerja akan memperolehi ID MyFutureJobs secara automatik dan seorang *caseworker* akan ditugaskan untuk membantu setiap pencari kerja.
iv.	Program peningkatkan kemahiran pekerja	Di bawah PenjanaKerjaya, majikan yang mengambil pekerja layak memohon subsidi agar pekerja tersebut menjalani latihan semula atau peningkatan kemahiran *(re-skilling & upskilling)* berdasarkan keperluan pekerjaan atau industri berkenaan, tertakluk kepada kadar antara RM4,000 hingga RM7,000. Penang Skill Development Corporation (PSDC) juga menawarkan pelbagai kursus-kursus jangka pendek dan seminar dalam bidang teknikal, soft skills dan teknologi maklumat yang boleh diambil oleh pekerja bagi meningkatkan kemahiran mereka.
v.	Kajian untuk mengenal pasti pengangguran yang bakal berlaku dan puncanya serta meneliti dan menangani persaingan antara pekerja yang kehilangan kerja dan pencari kerja lepasan universiti	Penang Institute telah memulakan kajian tersebut dan dalam proses pengumpulan data. Kajian dijangka akan disiapkan pada akhir tahun 2021. Kos pelaksanaan kajian termasuk dalam permohonan peruntukan Penang Institute kepada Kerajaan Negeri bagi tahun 2021

(c) SEKTOR PERUMAHAN

BIL.	PERKARA	BUTIRAN PELAKSANAAN
i.	Insentif kepada pembeli	a) Had siling maksima Rumah Mampu Milik (RMM) diturunkan sebanyak 10% bagi projek baru. b) Keluasan RMM ditingkatkan 50kps jika pemaju ingin mengekalkan harga maksima asal. c) Skor minima 70% Qlassic CIDB.
ii.	Insentif kepada pemaju	a) Pengurangan harga had siling hartanah pembelian warga asing bagi tempoh 1 tahun. b) Pengurangan Fi Kelulusan (State Consent Fees) sebanyak 50% secara menyeluruh bagi tempoh 1 tahun. c) Pengecualian levi pembelian warga asing bagi tempoh1 tahun. d) Penggunaan kuota RMM mengikut Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). e) Nisbah Plot 1:4 pembinaan RMM. f) Pengurangan kos pembangunan bagi tempoh 1 tahun.
iii.	Insentif tambahan kepada pemaju serta kajian dan syor pengurangan kos pembangunan dan pematuhan	a) Pengurangan kadar sumbangan *in kind* pembukaan pasaran terbuka RMM 100% kepada Lembaga Perumahan negeri Pulau Pinang (LPNPP).

BIL.	PERKARA	BUTIRAN PELAKSANAAN
		b) Pengecualian Pemeriksa Bebas bagi Laporan Kajian Lalu Lintas (TIA) dan Penyediaan Laporan Kajian Impak Sosial (SIA). c) Cadangan diskaun 50% dari 15% premium nilai tanah dikenakan dan pengiraan premium dipinda daripada nilai tanah kepada perbezaan nilai tanah. d) Cadangan pengiraan premium dipinda daripada nilai tanah kepada perbezaan nilai tanah.
iv.	Penyediaan RMM melalui konsep sewa beli	Sebanyak 10 skim perumahan RMM telah siap dan sedia untuk ditawarkan, manakala dua (2) skim perumahan di peringkat pembinaan dan dua (2) skim perumahan lagi di peringkat perancangan.

(d) SEKTOR INFRASTUKTUR DAN PENGANGKUTAN

BIL.	PERKARA	BUTIRAN PELAKSANAAN
i.	*Penang Connectivity Master Plan* (PCMP)	
	a) Projek Penaiktarafan Infrastruktur *Copper* Milik Telekom Malaysia (TM) kepada Fiber Optik di seluruh Negeri Pulau Pinang.	53% kawasan di seluruh Negeri Pulau Pinang telah dinaik taraf kepada jajaran fiber optik Unifi sehingga bulan Jun 2021. Dijangka akan mencapai 100% fiberisation menjelang Jun 2022.
	b) Projek *Allo Nationwide Fiberisation Plan* (AFNP)	Sedang dalam proses pemasangan yang melibatkan 11,000 premis rumah di seluruh kawasan Seberang Jaya.
	c) Projek *Fiber Clip on Solution* (FTTL)	Pemasangan telah siap sepenuhnya melibatkan 8,711 premis rumah di seluruh Negeri Pulau Pinang sehingga Jun 2021.
	d) Projek *Smart Street Pole* di Negeri Pulau Pinang	Pelaksanaan projek masih di peringkat *Proof of Concept* (POC) oleh Syarikat Webe Digital Sdn. Bhd. dan Celcom Berhad.
ii.	Cadangan Pembinaan Pencawang Masuk Utama (PMU) 275 kV	Perbincangan Tenaga Nasional (TNB) bersama JKPTG akan dibuat bagi membincangkan proses pemindahan 12 buah rumah transit. Perbincangan bersama LPNPP juga akan dijalankan bagi memohon rumah PPRT bagi tujuan perpindahan penghuni rumah transit. TNB akan membincangkan perkara di atas bersama KeTSA bagi tujuan kelulusan untuk menanggung kos perpindahan secara keseluruhan seperti yang dimohon oleh MINDEF.

BIL.	PERKARA	BUTIRAN PELAKSANAAN
iii.	Ekonomi Digital	*Startups* - Meningkatkan penglibatan komuniti kejuruteraan/perisian melalui pendekatan *engagement*. Pembangunan program dan perkhidmatan untuk *Startups*. *Local Enterprise Development* - Meningkatkan penglibatan PKS. Membangunkan aliran urus niaga untuk syarikat ICT. Beralih dari pendedahan asas ke digitalisasi proses perniagaan untuk PKS mikro. Pelabur (*Investor*) - Menyediakan petunjuk selaras dengan matlamat Ekonomi Digital. Mengenal pasti peluang semasa yang sesuai untuk pelaburan digital.
iv.	Pembangunan Projek Lebuhraya *Northern Corridor Highway* (NCH)	Northern Corridor Implementation Authority (NCIA) dan Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) dalam tindakan untuk memuktamadkan *Statement of Needs* (SON) projek. Model pelaksanaan akan dikemukakan untuk kelulusan Jemaah Menteri. Cadangan jajaran hubungan dari Serdang ke Jambatan Kedua Pulau Pinang sepanjang 25.5km.

(e) SEKTOR PELANCONGAN

BIL.	PERKARA	BUTIRAN PELAKSANAAN
i.	Program promosi dan rangsangan pasaran tempatan	a) Kempen taktikal merangkumi produksi video (*Experience it all in Penang, The other side of the Island, The opposite side of the Island, Penang through the lens* dan lain-lain), kempen *Penang Tour Packages* dan kempen *Penang Frontliners*. b) Kempen pengiklanan di *family mart retails, covered walkaways, giant cubes* dan laman web *Penang Travel Deals*. c) Kempen media dengan kerjasama Astro Radio. d) Promosi muslim-friendly dan halal melalui risalah. Risalah Jalan-Jalan Penang dan Muslim Travel Guide yang masih dalam peringkat penyediaan.
ii.	Kempen *Responsible Tourism*	Promosi melalui badan bas (*bus wrap*) perhentian bas bagi mewujudkan kesedaran masyarakat akan pelancongan bertanggungjawab

BIL.	PERKARA	BUTIRAN PELAKSANAAN
iii.	Promosikan Pulau Pinang secara digital untuk mencapai sasaran pelancong lebih tinggi dan impak media sosial yang diinginkan	a) a) Promosi melalui kolaborasi dengan Penang Foodie, Penang Hidden Gems dan pengiklanan media sosial. Kempen akan dimulakan pada suatu masa yang akan ditetapkan kemudian. b) Pengiklanan digital dengan Sojern bagi mempromosikan *Jom! Experience Penang Campaign* telah diselesaikan. c) Pengiklanan atas talian melalui laman web rasmi *Going Places (Malaysia Airlines inflight magazine)* ditangguhkan sementara. d) Penambahbaikan laman web pelancongan mypenang.gov.my
iv.	Meningkatkan daya perbelanjaan dan menjana pendapatan untuk pemain industri tempatan	Tarikh permulaan kempen akan ditentukan setelah perjalanan merentas negeri dibenarkan semula. Kempen dengan kerjasama Shopee.
v.	Kerjasama dengan penggiat-penggiat pelancongan untuk merangsang pelancongan domestik	Kolaborasi dengan Klook, Booking.com, Shopback dan AirAsia. Kempen telah diluluskan pada tahun 2020, namun telah ditangguhkan sehingga sektor pelancongan dapat beroperasi semula.
vi.	Mengekalkan penjenamaan Pulau Pinang di pasaran luar negara	a) Penglibatan dalam pameran perdagangan luar negara secara maya seperti *ITB Asia Virtual, Virtual Wedding Festival, Malaysia Meet 2021 - Istanbul, Moscow and Almaty, Travel Meet Asia Virtual* dan *ITB China.* b) Penglibatan dalam webminar secara atas talian seperti *New Zealand Travel Agents together with Malaysia Airlines, Online Cooking Class with Malaysia Airlines Australia and Travel Agents, Virtual Tour – The Habitat with Scandinavia Travel Agents* dan *Nordic Travel Agents together with Tourism Malaysia.*

(f) SEKTOR INDUSTRI MAKANAN

BIL.	PERKARA	BUTIRAN PELAKSANAAN
i.	Pengkuatkuasaan Rumah Sembelih (Akta rumah sembelihan di bawah Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) Pulau Pinang adalah meliputi rumah sembelihan babi dan ruminan sahaja)	a) Sehingga kini, 5 buah rumah sembelihan babi telah dilesenkan dan 2 buah rumah sembelihan ruminan swasta dilesenkan serta 1 rumah sembelihan ruminan JPV. b) 5 buah rumah sembelihan babi tersebut terbahagi kepada 1 di SPS, 2 di SPU, 1 di DBD dan 1 di DTL manakala rumah sembelihan ruminan di DTL dan SPT. c) JPV telah menghantar notis kepada pemilik Rumah Sembelihan yang tidak berlesen untuk tidak beroperasi dan tindakan penguatkuasaan akan diambil ke atas aduan yang diterima oleh Jabatan.

BIL.	PERKARA	BUTIRAN PELAKSANAAN
ii.	Wabak penyakit *Lumpy Skin Disease* (LSD) pada ternakan lembu	a) Kertas MMK telah dibentangkan dan diluluskan pada 23 Julai 2021 dan pewartaan dalam peringkat proses dokumentasi. b) Permohonan peruntukan perolehan vaksin dengan anggaran RM72,000 setahun dipohon untuk tahun 2022. Bagi tahun 2021, perolehan vaksin menggunakan penjimatan daripada peruntukan tahun Jabatan semasa. c) Peruntukan wang ehsan/saguhati bagi ternakan yang diarahkan dilupus akibat penyakit dengan anggaran RM30,000 setahun. Sehingga 21 Ogos 2021, sebanyak 11 ekor lembu telah dilupuskan oleh pihak Jabatan. Tuntutan akan dikemukakan untuk mendapatkan wang ehsan/saguhati daripada Kerajaan Negeri.
iii.	Program lmunisasi lndustri COVID-19 Kerjasama Awam-Swasta - Pusat Pemberian Vaksin Industri (PIKAS-PPVIN) (Permohonan telah dihantar oleh Persatuan Penternak dan Peladang Negeri Pulau Pinang)	(a) Dalam pertimbangan program PIKAS-PPVIN awam di EQ kepada pekerja yang terlibat dalam rantaian bekalan makanan dalam sektor ternakan seramai 1,570 orang. (b) Program pemvaksinan bagi pekerja yang terlibat dengan industri unggas turut dilaksanakan di bawah program Program Vaksinasi Barisan Sektor Ekonomi Pulau Pinang (PVac). (c) Seramai 70 orang telah menerima suntikan dos pertama vaksin dan sedang menunggu suntikan dos kedua vaksin, manakala seramai 2,039 orang telah mendapat temujanji untuk suntikan dos pertama vaksin bermula pada 9 Ogos 2021. (d) Status pelaksanaan program pemvaksinan telah diurus dan mencapai kadar 90%.
iv.	Masalah dalam pembekalan kepada usahawan (Pertubuhan Usahawan Industri Desa - kebanyakan kilang dalam pembuatan pembungkusan plastik tidak dapat dibuka menyebabkan masalah dalam pembekalan)	(a) Bermula 1 Jun 2021, permohonan sokongan untuk pengoperasian penternak atau usahawan Industri Asas Ternakan (IATn) yang berdaftar dengan JPV dan mempunyai Sijil SSM perlu melalui Sistem CIMS 3.0 di mana pertimbangan dan kelulusan akan diberikan oleh pihak MAFI. (b) Pihak JPV Pulau Pinang hanya akan mengeluarkan surat sokongan pengoperasian kepada penternak dan usahawan IATn yang berdaftar dengan pihak Jabatan, tidak mempunyai sijil SSM, merupakan penternak / pengusaha IATn kecil atau tergolong dalam kategori isi rumah B40 selaras dengan arahan daripada pihak MAFI. (c) Ibu Pejabat Perkhidmatan Veterinar Putrajaya (IPPV) telah memberi taklimat pada 19 Ogos 2021 berkenaan perlaksanaan sistem eTernak kepada pegawai di semua negeri untuk menyelaraskan permohonan surat sokongan bagi pengoperasian di dalam tempoh COVID-19 kepada para penternak / pengusaha IATn.
v.	Isu kenaikan harga makan ternakan susulan daripada	(a) Perundingan dengan Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) mengurangkan kapasiti eksport palm kernel

BIL.	PERKARA	BUTIRAN PELAKSANAAN
	kenaikan bekalan bahan mentah yang diimport	expeller (PKE) yang merupakan sumber bahan mentah dalam negara. (b) Insentif bekalan makanan dan bahan makanan tambahan kepada penternak terkesan. Pemberian Bantuan Makanan Ternakan & Penokok Diet (Supplement) Ternakan telah dilaksanakan melalui Pakej Bantuan Rakyat Pulau Pinang 2.0 berjumlah RM 200,001.50 dengan 988 orang penerima pada tahun 2020 dan melalui Pakej Bantuan Rakyat Pulau Pinang 3.1 melibatkan peruntukan sebanyak RM574,424.00 dengan 1,088 penerima pada tahun 2021. (c) Cadangan kajian berterusan sumber bahan mentah alternatif yang tersedia dalam negara sebagai bahan mentah. (d) Mempertimbangkan lebih banyak bantuan sokongan tanaman fodder untuk penternakan ruminan dan makanan alternatif bagi ternakan lain sebagai bekalan makanan utama untuk mengurangkan kebergantungan kepada makanan komersial/pallet melalui permohonan bantuan Jabatan.
vi.	Pelaksanaan Sistem Penternakan Moden mampu meningkatkan pengeluaran melalui peningkatan populasi ternakan dalam kapasiti ladang yang sama dengan lebih berkualiti dan mesra alam	Pelaksanaan merangkumi dua pendekatan seperti berikut: a) Pelaksanaan Enakmen Penternakan Babi yang bermula tahun 2020 dengan penguatkuasaan pelesenan ladang ternakan di atas kepatuhan syarat-syarat pelesenan yang telah ditetapkan. Sebanyak 147 ladang ternakan babi telah dilesenkan mengikut kriteria dan syarat yang telah ditetapkan dalam pelesenan. Verifikasi ladang babi sedang dilaksanakan bermula 2 Ogos 2021 dan seterusnya semua ladang babi perlu mengamalkan penternakan secara kandang tertutup sepenuhnya mulai tahun 2022. b) Enakmen Perladangan Unggas Negeri Pulau Pinang 2020 telah diwartakan pada 19 Oktober 2020 dan berkuatkuasa pada 1 Januari 2021 bagi memastikan ladang-ladang ternakan beroperasi mengikut keperluan dan mematuhi kehendak asas regulatori veterinar. Peraturan-Peraturan Pengawalan Perladangan Unggas dalam proses semakan undang-undang sebelum ianya diimplementasi dan dilaksanakan oleh pihak Jabatan.
vii.	Keselamatan Makanan *(Food Safety)*	(a) Pengutkuasaan Akta Rumah Sembelih (Penswastaan 1993) – Pemeriksaan Ante / Post Mortem bagi memastikan prosedur pemeriksaan daging dipatuhi untuk menjamin keselamatan kepada pengguna. (b) Penempatan Pegawai Pemeriksa Daging (Meat Inspector) – Kemasukan sebanyak 12 orang pegawai *(contract of service)* pada Mac 2021 untuk pemeriksaan daging di rumah sembelih swasta yang terlibat memastikan bekalan daging suci, sihat serta selamat untuk dimakan.

BIL.	PERKARA	BUTIRAN PELAKSANAAN
viii.	Penstrukturan Semula Kawasan Kekal Ternakan	Mewujudkan kawasan penternakan dirancang sebelum ini sebagai kawasan pembangunan industri penternakan di kawasan khas penternakan (dicadangkan seumpama ini dalam Deraf Rancangan Tempatan Seberang Perai 2030) sebagai kawasan pengeluaran ternakan berpusat dan kekal bagi jaminan pengeluaran hasil makanan dan keselamatan makanan *(food security).*
ix.	Projek *'Farmer to Farmer'*	a) Telah mendapat persetujuan penggunaan peruntukkan Pembangunan di bawah P01. Program dijangka akan dilaksanakan pada Ogos 2021. b) Terdapat 10 projek sebagai projek *"pilot"* merangkumi 8 projek fertigasi dan 2 projek Cendawan. c) Manakala projek Industri Asas Tani lebih kepada pembangunan berpusat iaitu menyediakan kemudahan pembungkusan berpusat (Penggunaan Mesin *Retort*).
x.	Projek Pembangunan Pusat Agro Pelancongan Relau	Projek untuk dimohon melalui NCIA di bawah RMKe-12. Walau bagaimanapun, belum mendapat perakuan daripada pihak JPM. Dalam pertimbangan untuk pelaksanaan secara *"Request for Proposal"*.
xi.	Isu pengeluaran dan penjualan buah-buahan	Jabatan Pertanian sedang dalam tindakan untuk menyediakan ruang pasaran kepada petani secara kerjasama dengan AEON.
xii.	Isu kenaikan harga bahan tanaman padi	(a) Terdapat aduan dari petani di mana peningkatan dari segi kos seperti racun dan baja yang naik antara 20% hingga 40% berikutan pandemik COVID-19. (b) Jabatan Pertanian telah mengadakan sesi hands-on kepada petani melalui penyediaan baja sendiri.
xiii.	Isu harga sayur naik turun sepanjang PKP	Pemantauan dari Jabatan Pertanian mendapati penjualan sayur-sayuran masih terkawal dengan harga yang berpatutan. Petani lebih bijak dalam pengaturan penjualan sayuran.
xiv.	Projek *'Farm to Farm'* - Projek ternakan keli	a) BQ untuk projek berkenaan telah disiapkan oleh Jabatan Perikanan dan telah diserahkan kepada BPEN. BPEN akan menjalankan proses sebut harga tersebut. b) Data Sistem Ternakan Air Tawar 2020: tangki air tawar – pengeluaran 56.33 mt dengan nilai RM498,891.60.
xv.	Projek TOL Kerang	a) Kajian telah dilaksanakan di daerah SPU dan di Beting Selatan. Pada masa ini, dalam proses untuk menyelesaikan kajian biomass di daerah SPT dan SPS. b) Sebanyak 13 Lot Penternakan Kerang di SPU akan dibuka. Iklan penyertaan peserta kebun kerang telah dikeluarkan pada 18 Ogos 2021. c) Data Sistem Kultur Laut (SKL) 2020: Kerang – pengeluaran 2,691.32 mt dengan nilai RM21,531,887.61

BIL.	PERKARA	BUTIRAN PELAKSANAAN
xvi.	Lesen Sampan Khas Negeri Pulau Pinang	Permohonan oleh nelayan dari tahun 2018 hingga 2020. a) Kelulusan – 535 b) Lesen yang telah keluar - 326 c) KIV untuk siasatan semula – 38 d) Tidak disokong – 72 e) Tidak Hadir (Tidak hadir sewaktu program sukat sampan bagi tujuan pelesenan) – 51 f) Baki (Nama duplicate) – 48 Data Perikanan Tangkapan 2020: Pendaratan untuk perikanan tangkapan yang meliputi kesemua zon (A, B, C, C2/C3) ialah sebanyak 56,848.53 mt dengan nilai RM513,426,731.71
xvii.	Isu kesukaran menjual ternakan ikan sangkar a) PENKUA Persatuan Penternak Akuakultur Pulau Pinang – Ikan ternakan tidak dapat dieksport kerana isu permit bot Hong Kong dan harga ikan merosot disebabkan tiada pembeli. b) Vaksinasi kepada pekerja asing sangkar ikan	a) Surat Kementerian Pengangkutan Malaysia bertarikh 15 Julai 2021 memaklumkan bahawa YB Menteri Pengangkutan telah memberi pengecualian dan membenarkan vesel ikan hidup Hong Kong memasuki perairan Malaysia dan tempoh pengecualian adalah pada 13 Julai sehingga 31 Disember 2022. b) Pihak Industri telah memohon kepada PIKAS untuk menyegerakan vaksin dalam industri makanan. c) Data Sistem Ternakan Air Payau 2020: Sangkar air payau - pengeluaran 18,684.35 mt dengan nilai RM427,685,546.52
xviii.	Projek HUB Tuna di Jeti Batu Maung	a) Penang Development Corperation (PDC) tidak meluluskan permohonan Syarikat Abadi Utama Food Industries Sdn. Bhd. kerana bekas Restoran Jeti Batu Musang tersebut akan dirobohkan untuk tujuan pembangunan lain (Ecotourism dan Pembangunan Bercampur). b) Mesyuarat di antara pihak PDC bersama Pejabat Perikanan Negeri (PPN) Pulau Pinang telah diadakan pada 18 Ogos 2021 bagi membincangkan perkara ini dengan lebih lanjut. Satu penyelesaian terbaik akan dicapai setelah pembentangan lanjut oleh pemohon kelak. c) 93,898 tan metrik hasil perikanan yang dianggarkan bernilai RM1.16 bilion setahun. Terdapat 11 buah vesel tuna di Pulau Pinang. Pendaratan di Dermaga Dalam, Penang Port. Untuk tahun 2020, sebanyak 30 kali pendaratan telah dicatatkan iaitu melibatkan 11 vesel tempatan dan 2 vesel asing. Sebanyak 1,943,843.53 kg ikan tuna telah didaratkan di Penang Port yang membawa nilai USD7,775,374.12 atau RM31,196,496.48.
xix. 19	Industri Asas Tani (IAT) - *Retort Technology*	a) Bagi mempromosikan penggunaan teknologi retort dalam industri makanan, pengusaha IAT di Pulau Pinang

BIL.	PERKARA	BUTIRAN PELAKSANAAN
		digalakkan untuk menggunakan teknologi tersebut. Oleh itu, pada tahun 2021, sebanyak 2 projek yang menggunakan teknologi retort akan dilaksanakan. Projek tersebut akan diperluaskan lagi pada masa hadapan. b) Penggunaan *Easy Pack Retort* sebab mereka merupakan syarikat tempatan dan berada dalam Jawatankuasa Keselamatan Makanan yang melibatkan USM dan UiTM. c) Mewujudkan komuniti *Retort*, untuk membantu usahawan terutamanya jika mempunyai automated sealer. d) Buat satu *Retort* machine dahulu untuk diletakkan di satu tempat dan dapat melatih dan memberi perkhidmatan kepada peniaga-peniaga). e) Pihak jabatan juga telah melaksanakan kajian penggunaan mesin *"retort"* kepada PKS Industri Asas Tani.

18. Adakah Pihak-Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) akan mengeluarkan dasar untuk mengawal tempat-tempat letak kereta swasta yang meminta bayaran yang tinggi memandangkan Negeri Pulau Pinang sudah tidak ada tempat letak kereta yang mencukupi?

JAWAPAN OLEH YAB. KETUA MENTERI:

18. Setakat ini, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) tidak mengeluarkan dasar khusus untuk mengawal atau menetapkan kadar bayaran bagi tempat letak kereta swasta memandangkan setiap tapak letak kereta adalah hak milik persendirian dan di luar bidang kuasa PBT.

Walau bagaimanapun, pihak Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) akan menguruskan permohonan dan pengeluaran lesen aktiviti tempat letak kereta di bawah Undang-Undang Kecil Tempat Letak Kereta Persendirian, MPPP 1988 dan Undang-Undang Kecil Bayaran Lesen Majlis Perbandaran Seberang Perai 1980 yang bertindak untuk mengawal selia aktiviti tempat meletak kenderaan yang diuruskan oleh syarikat swasta. Kelulusan ini juga adalah tertakluk kepada pematuhan syarat-syarat jabatan teknikal PBT dan Polis DiRaja Malaysia (PDRM).

Selain itu, Kerajaan Negeri melalui kedua PBT juga telah mengambil beberapa pendekatan untuk menyelesaikan masalah kekurangan tempat letak kereta di setiap kawasan terutamanya di kawasan hotspot seperti berikut:

(a) Melebarkan saiz jalan dan melaksanakan sistem jalan sehala bagi menambah bilangan petak letak kenderaan;

(b) Menambah bilangan tempat letak kenderaan bertingkat;

(c) Merangka pelan jangka masa panjang dengan pelaksanaan pengangkutan awam bersepadu mengikut Pelan Induk Pengangkutan;

(d) Menyediakan perkhidmatan bas percuma *Central Area Transit (CAT)* dan *Bridge Express Shuttle Transit (BIST)*

(e) Menyediakan perkhidmatan bas percuma *Central Area Transit (CAT)* dan *Bridge Express Shuttle Transit (BEST)* KOMTAR bagi menggalakkan penggunaan pengangkutan awam terutamanya pada waktu puncak;

(f) Mensyaratkan pemaju untuk menyediakan tempat letak kereta mengikut Garis Panduan Tempat Letak Kereta; dan

(g) Mencadangkan pelaksanaan 1+1P iaitu satu (1) jam dengan tambahan satu (1) jam peletakan akan dilaksanakan di beberapa jalan yang sibuk bagi mengalakkan pusingan penggunaan tempat letak kereta dan memberi lebih peluang kepada orang ramai untuk meletak kereta di kawasan tersebut.

19. Apakah rancangan Kerajaan Negeri untuk memastikan pembinaan Rumah Mampu Milik (RMM) akan keutamaan di Negeri Pulau Pinang?

Ini adalah untuk memastikan golongan muda mampu membeli rumah mereka sendiri.

JAWAPAN OLEH YAB. KETUA MENTERI:

19. Kerajaan Negeri telah meletakkan sasaran lebih tinggi kepada penyediaan rumah mampu milik yang sebelum ini sebanyak 180,000 unit kepada 220,000 menjelang tahun 2030. usahasama Kerajaan Negeri dan pemaju swasta dalam menjayakan matlamat ini seharusnya turut dipikul oleh Kerajaan Persekutuan dengan pembekalan lebih banyak Rumah Mampu Milik melalui pelbagai inisiatif seperti Perumahan Penjawat Awam Malaysia (PPAM) dan melalui Perbadanan PRIMA Malaysia (PR1MA). Lembaga

Perumahan Negeri Pulau Pinang (LPNPP) yang baru ditubuhkan dan beroperasi pada 1 Januari 2021 telah mengenalpasti sepuluh (10) bidang tanah yang dapat membekalkan sekitar 20,192 unit Rumah Mampu Milik pelbagai kategori memangkin kepada kesediaan membekalkan perumahan mampu milik kepada rakyat Pulau Pinang.

Kita merancang dan berusaha agar COVID-19 ini akan segera berakhir, tetapi tidak dapat mengelak sekiranya dimasa hadapan akan wujud pandemik seumpamanya. Sehubungan itu, keperluan merancang kesediaan persekitaran kediaman rumah mampu milik yang lebih selesa, ruang yang lebih besar dengan fasiliti dan kemudahan setempat sekiranya keperluan kawalan pergerakan diaktifkan lagi akan semakin penting seiring keperluan bekerja dan belajar dari rumah.

Kerajaan Negeri menjamin pembekalan Rumah Mampu Milik melalui penguatkuasaan dasar-dasar yang diwujudkan khusus kepada pemaju swasta mahupun Kerajaan seperti Dasar Pembinaan Rumah Kos Rendah/Kos Sederhana Rendah dan Garis Panduan Penyediaan Skim Perumahan Mampu Milik 100 Peratus. Takrifan Mampu Milik juga merangkumi kesemua kategori kediaman di bawah harga RM300,000.00 termasuk yang yang dahulunya dikenali sebagai Rumah Kos Rendah (RKR) dan Rumah Kos Sederhana Rendah (RKSR). Kerajaan Negeri memutuskan untuk menjenamakan semula istilah ini kepada RMM A (harga maksima RM42,000.00), RMM B (harga maksima RM72,500.00) dan RMM C (harga maksima RM300,000.00 di Pulau dan RM250,000 di Seberang Perai). Kerajaan Negeri juga menilai kebolehlaksanaan projek RMM 100 peratus dimana berikutan keputusan penurunan paras maksima harga Rumah Mampu Milik sebanyak 10 peratus di Pulau dan Seberang Perai. Ini menjadikan harga Rumah Mampu Milik bagi unit berkeluasan 850 kaki persegi maksima RM270,000.00 di Pulau dan RM225,000 seunit di Seberang Perai. Sekiranya pemaju ingin mengekalkan harga lama iaitu RM300,000.00 di Pulau dan RM250,000 di Seberang Perai, saiz hendaklah ditingkatkan menjadi minima 900 kaki persegi. Selain daripada itu, pelbagai kemudahan dan fasiliti kegunaan bersama seperti tempat riadah, dewan serbaguna, ruang bacaan juga perlu disediakan. Keputusan ini diseimbangkan dengan pemberian nisbah plot lebih tinggi iaitu 4:1 dan turut diberi insentif pengurangan kos pembangunan agar pemaju lebih tertarik menyertai pemajuan rumah mampu milik.

20. Apakah rancangan Kerajaan Negeri untuk menambahkan pekerjaan yang berkualiti tinggi di Negeri Pulau Pinang?

    (a) Apakah rancangan untuk menambahkan pendapatan juga?

JAWAPAN OLEH YAB. KETUA MENTERI:

20. Kerajaan Negeri menerusi InvestPenang melaksanakan usaha berterusan untuk menambah pekerjaan yang berkualiti dan berpendapatan tinggi melalui kemasukan pelaburan yang strategik. Antara strategi yang dilaksanakan oleh InvestPenang untuk menyokong perkembangan ini adalah seperti berikut:

    (a) Membangunkan daya saing Pulau Pinang dalam sektor pembuatan berteknologi canggih dan maju dan seterusnya menjadikan Pulau Pinang sebagai hab industri teknologi perubatan;

    (b) Menjadikan Pulau Pinang sebagai hab pembuatan peralatan yang menawarkan kepakaran front-to-back end di peringkat serantau dan global;

    (c) Menggalakkan syarikat multinasional untuk melokalisasikan (localise) rantaian bekalan dan memberi perkhidmatan mudah cara dalam pemadanan perniagaan yang secara tidak langsung akan membuka peluang pekerjaan kepada syarikat tempatan;

(d) Membuka peluang kepada industri tempatan di Pulau Pinang melalui konfigurasi rantaian bekalan, percambahan teknologi mengganggu (distruptive technologies) dan perkembangan pesat di wilayah Asia Pasifik;

(e) Memperkukuhkan lagi kedudukan Pulau Pinang sebagai pusat Perkhidmatan Perniagaan Global (GBS) untuk menambahkan peluang pekerjaan yang bernilai tinggi dalam bidang kewangan, teknologi maklumat (IT), perisian, seni kreatif dan sumber manusia; dan

(f) Menjalinkan kerjasama berterusan dengan pemegang taruh bagi memastikan:

(i) persekitaran perniagaan yang kondusif dapat dikekalkan melalui dasar yang memberi penekanan kepada kesenangan untuk menjalankan perniagaan (ease of doing business) di Pulau Pinang;

(ii) penawaran kos yang kompetitif kepada industri dalam menjalankan perniagaan; dan

(iii) pembangunan dan penyelenggaraan infrastruktur dan taman perindustrian adalah setara dengan piawaian antarabangsa.

21. Apakah tindakan Kerajaan Negeri untuk memastikan Rumah Mampu Milik (RMM) yang dibina oleh pemaju swasta adalah berkualiti dan tidak kurang bahan binaan?

JAWAPAN OLEH YAB. KETUA MENTERI:

21. Spesifikasi bangunan perlu mematuhi Pelan Bangunan yang diluluskan oleh Pihak Berkuasa Tempatan sebelum Perakuan Siap dan Pematuhan dikeluarkan. Pengeluaran Perakuan Siap dan Pematuhan / Certificate of Completion and Compliance (CCC) juga dipertanggungjawabkan kepada Orang Utama Yang Mengemukakan/Principle Submitting Person (PSP) sebagai contoh Arkitek Berdaftar yang dikawalselia oleh Lembaga Arkitek Malaysia. Pematuhan kepada 21 perkara pematuhan teknikal sepertimana diperlukan di dalam G1 sehingga G21 memastikan semua syarat dipatuhi.

Garis Panduan Perumahan Mampu Milik 100 peratus menyatakan secara umum keluasan minima, keperluan tempat letak kereta sebuah unit kediaman tiga (3) bilik tidur dan dua (2) bilik air. Bagi memastikan kualiti terjamin, Kerajaan Negeri telah telah menetapkan syarat keperluan mendapatkan skor QLASSIC sekurang-kurangnya 70% di dalam Dasar Rangsangan Sektor Hartanah dan Dasar Pemilikan Kediaman/Home Ownership Campaign (HOC).

Selain daripada itu, sekiranya terdapat sebarang kecacatan atau perbezaan antara spesifikasi yang dipersetujui di antara pembeli dan pemaju di dalam Perjanjian Jual Beli, tuntutan boleh diajukan kepada Tribunal Tuntutan Pembeli Rumah (TPPR). Tuntutan yang boleh dibuat samada teknikal sepertimana kecacatan mutu kerja atau bahan-bahan digunakan dan juga bukan teknikal seperti kelewatan penyerahan milikan kosong. Had tuntutan dibenarkan sehingga RM50,000.00 atau sekiranya kedua-dua pihak bersetuju TPPR mempunyai kuasa untuk mendengar tuntutan tersebut.

22. Apakah rancangan Kerajaan Negeri terkini dalam mengurangkan banjir di sekitar Negeri Pulau Pinang?

JAWAPAN OLEH YAB. KETUA MENTERI:

22. Kerajaan Negeri Pulau Pinang melalui Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Negeri Pulau Pinang telah mengenal pasti 63 kawasan hotspot banjir yang masih aktif di seluruh negeri sejak tahun 2016.

JPS dengan kelulusan Kerajaan Negeri telah melaksanakan kerja-kerja yang berkaitan seperti merancang, membida peruntukan di peringkat Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan berdasarkan skala projek, membuat reka bentuk, melaksanakan proses perolehan serta melaksana projek pembinaan di tapak sehingga siap. Ini termasuklah melaksanakan program-program bagi mengurangkan risiko banjir di kawasan berkaitan yang mengambil masa secara berfasa.

Menjelang tahun 2030, JPS menjangkakan bahawa sebanyak 48 peratus daripada keseluruhan hotspot banjir di seluruh negeri Pulau Pinang dapat dikurangkan dengan pelaksanaan rancangan tebatan banjir ini.

23. Apakah pelan Kerajaan Negeri menambahkan kawasan hijau (green space) di sekitar Negeri Pulau Pinang dan adakah kawasan hijau Gurney Wharf boleh diperluaskan?

JAWAPAN OLEH YAB. KETUA MENTERI:

23. Perancangan Kerajaan Negeri menambahkan kawasan hijau (green space) di sekitar Negeri Pulau Pinang adalah seperti berikut:

(i) Melaksanakan Projek *Green Connector* di bahagian pulau dengan memaksimakan penggunaan tanah sedia ada. Projek ini melibatkan penyediaan kawasan hijau sepanjang 50 km di kawasan Coastal Park dan seluas 18,000 hektar telah dikenal pasti untuk dijadikan kawasan hijau dengan pembangunan taman awam dengan pelbagai kemudahan. Antaranya adalah seperti Pembangunan Projek Gurney Wharf, mewujudkan 'System of Eco-Boulevards', sistem melindungi tanaman bakau, Projek Pertanian Bandar *(Urban Landscape)* di kawasan bandar, perlindungan kawasan hutan dan penyediaan kawasan *'Blue Connectors'*. Penyediaan Project *Green Connector* ini dijangka dapat memastikan 93% penduduk di kawasan kediaman *(residential area)* di dalam kawasan pulau dan tiba ke kawasan hijau / rekreasi dalam tempoh masa 5 minit. Antara kawasan yang telah dimulakan dengan Projek *Green Connector* adalah di kawasan tapak warisan iaitu di bahagian North Seafront di sepanjang Lebuh Light dan kawasan Projek Gurney Wharf. Pelaksanaan projek ini boleh diperluaskan ke kawasan Seberang Perai selepas mengkaji pelaksanaannya di bahagian Pulau sebagai *Pilot Study*;

(ii) Projek Gurney Wharf telah dirancang dengan sistematik dengan memaksimakan keseluruhan kawasan untuk manfaat penduduk Pulau Pinang di samping memastikan *value for money* untuk pelaburan yang dibuat oleh Kerajaan Negeri bagi projek tersebut. Projek Gurney Wharf sememangnya adalah satu projek berunsurkan hijau yang dianggarkan seluas 90 ekar di mana ia termasuk kawasan rekreasi hijau, kawasan pesisir pantai, tempat letak kenderaan bertingkat, kawasan *hawker center* yang bercirikan bangunan hijau, terminal teksi air dan jajaran Gurney Expressway;

(iii) Membangunkan *Penang South Islands* yang memperuntukkan 20% daripada keluasan tanah Pulau A untuk mewujudkan taman awam, terusan air, *wetlands*, *floodplain* dan *bioswales* untuk memperkasakan kepelbagaian konsep bio, pencegahan banjir serta untuk menurunkan suhu sebanyak 1 hingga 2 darjah Celsius. Selain itu, 20 ekar tanah sepanjang 4 km di pesisiran pantai Pulau A akan ditanam dengan pokok bakau untuk mewujudkan habitat baru dan kawasan nurseri untuk ikan dan udang, selain menjadikannya sebagai zon rekreasi bagi orang awam;

(iv) Berdasarkan prinsip untuk menambah litupan hijau dan menjamin penyerapan karbon di Negeri Pulau Pinang, Kerajaan Negeri menerusi Jabatan Perhutanan Negeri giat menjalankan aktiviti pewartaan Hutan Simpanan Kekal (HSK).

Antaranya, sebahagian Pulau Jerejak yang berkeluasan 285.84 hektar telah diwartakan sebagai HSK pada 26 Mac 2020. Pewartaan ini sekaligus meningkatkan keluasan HSK di Negeri Pulau Pinang sebanyak 5.5% iaitu daripada 5,100.93 hektar pada Disember 2019 kepada 5,386.77 hektar pada tahun 2020;

(v) Berpandukan kepada Garis Panduan Piawaian Perancangan dari Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (JPBD) dalam menyediakan kawasan tanah lapang awam yang mencukupi melalui pemakaian sasaran petunjuk 1,000 penduduk per 2 hektar tanah lapang awam. Pihak Berkuasa Tempatan juga mensyaratkan kepada pemaju untuk menyediakan kawasan hijau dalam setiap pembangunan;

(vi) MBSP menjalankan pembesaran Taman Tempatan Padang Chempedak di Tasek Gelugor. Selain itu, MBSP juga sedang mengkaji cadangan *promenade* kawasan pejalan kaki di sepanjang pesisir Sungai Kerian; dan

(vii) Bekerjasama dengan agensi swasta melalui program *Corporate Social Responsibility* (CSR) untuk penanaman pokok bakau.

24. Bolehkah Program *George Town Festival* diperluaskan sebagai sebuah program yang berlangsung sepanjang tahun?

(a) Apakah rancangan Kerajaan Negeri untuk menambahkan ruang persembahan di seluruh Negeri Pulau Pinang?

JAWAPAN OLEH YAB. KETUA MENTERI:

24. Program George Town Festival dianjurkan setiap tahun pada bulan Julai bagi menyambut pengiktirafan George Town sebagai Tapak Warisan Dunia UNESCO. Festival ini telah berjaya memaparkan kekayaan dan kepelbagaian kesenian, kebudayaan dan warisan Negeri Pulau Pinang melalui pelbagai aktiviti persembahan secara fizikal dan dalam talian. Konsep festival merupakan kegiatan kempen yang biasanya berlaku secara tahunan dan bukannya sepanjang tahun. Tambahan pula, George Town Festival telah menjadi satu festival kesenian yang unggul dan mendapat pengiktirafan yang tinggi di rantau ini, seperti Singapore International Festival of Arts, Bangkok Bukruk International Street Art Festival dan sebagainya.

Sama ada George Town Festival boleh diperluaskan sebagai program yang berlangsung sepanjang tahun perlu dipertimbangkan dengan mengambil kira pelbagai faktor.

Kerajaan Negeri Pulau Pinang berada dalam peringkat perbincangan dan perancangan dengan pihak-pihak swasta yang berminat untuk bekerjasama dengan Kerajaan Negeri Pulau Pinang bagi tujuan penambahan ruang persembahan di dalam negeri.

25. Bolehkah Kerajaan Negeri mempromosikan seni-seni tradisi melalui program-program khususnya kepada pelajar-pelajar sekolah supaya kebudayaan kita tidak dilupai oleh generasi akan datang?

JAWAPAN OLEH YAB. KETUA MENTERI:

25. Sejak tahun 1990, Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara, Pulau Pinang (JKKNPP) telah menganjurkan pelbagai program kesenian di peringkat sekolah, di mana hasil daripada program-program tersebut adalah amat memberangsangkan. Program-program tersebut bertujuan untuk memberikan bimbingan, asuhan, latihan, pemupukan dan pengukuhan seni kepada pelajar-pelajar sekolah rendah dan menengah, supaya mereka dapat mengenali, memahami, menghayati serta mengamalkan seni budaya tempatan Malaysia. Tambahan pula, program ini juga disusun secara sistematik dan

terancang dengan pelaksanaan modul pembelajaran dan penyediaan Jurulatih Seni Budaya yang diiktiraf oleh Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN).

Selain itu, Lembaga Muzium dan Balai Seni Lukisan Negeri Pulau Pinang juga turut menganjurkan pelbagai program dan aktiviti berbentuk pendidikan seni tampak, warisan dan sejarah secara tidak formal, yang kini dijalankan melalui kaedah atas talian di laman media sosial akibat penularan wabak COVID-19.

26. Bolehkah Kerajaan Negeri mengadakan kempen pelancongan secara "virtual" supaya menambah minat bakal pelancong-pelancong luar negara dan tempatan untuk melawat Pulau Pinang apabila pandemik ini telah berakhir?

JAWAPAN OLEH YAB. KETUA MENTERI:

26. Kerajaan Negeri Pulau Pinang melalui *P*enang Global Tourism Sdn. Bhd. (PGTSB) dan Penang Convention & Exhibition Bureau (PCEB) telah dan akan terus melaksanakan kempen-kempen berbentuk virtual bagi mempromosikan Negeri Pulau Pinang sebagai salah satu destinasi utama pelancongan tempatan dan antarabangsa. Antara kempen-kempen yang telah dan akan dilaksanakan adalah seperti berikut:

(a) *Virtual Tradeshow 2021*

Bil.	Program	Tarikh
i	Travel Meet Asia: South East Asia	24-25 Februari 2021
ii	AVIAREPS Southeast Asia Virtual Roadshow	20-21 Januari 2021
iii	ITB Berlin NOW	8-12 Mac 2021
iv	BIT 2021 Digital Edition (Borsa Internazionale del Turismo)	9-14 Mei 2021
v	PATA Adventure Travel Mart	26-27 Mei 2021
vi	Arabian Travel Market (ATM) Dubai Hybrid	16-19 Mei 2021
vii	Uzakrota Online Summit	3 Ogos 2021
viii	Travel Meet Asia : North Asia	4-5 Ogos 2021
ix	ITB Asia	25-29 Oktober 2021
x	Virtual Wedding Expo (Malaysia & Singapore)	7-10 Oktober 2021
xi	Virtual Travel Expo (Malaysia)	27-29 Ogos 2021
xii	World Travel Mart London	8-9 November 2021
xiii	ITB China	31 Disember 2021
xiv	Penang Roadshow to India 2021	18 - 25 Jan 2021
xv	Penang Virtual Roadshow to China 2021 (PVRTC 2021)	18 - 20 Mei 2021
xvi	Penang International Travel Exchange (PITE Digital Show 2021)	4 - 5 Oct 2021 7 - 8 Oct 2021
xvii	Incentive Travel & Conventions, Meetings China (IT&CM China)	22 - 24 Jun 2021
xviii	The Meetings Show	30 Sept - 1 Oct 2021
xix	Incentive Travel & Conventions, Meetings Asia (IT&CM Asia)	28 - 30 Sept 2021

xx	ITB Asia	25 - 29 Oct 2021
xxi	IBTM World	30 Nov - 2 Dis 2021

(b)*Penang Webinars conducted in* 2021

Bil.	Program	Tarikh
i.	Filipina	28 Januari dan 26 Mac 2021
ii.	Indonesia	26 Mac 2021
iii.	Nordic: Denmark, Finland, Sweden, Norway	18-25 Mac 2021
iv.	Itali	15 April 2021
v.	Perancis	19 April 2021
vi.	United Kingdom	31 Mei 2021
vii.	Australia	2 Jun 2021
viii.	New Zealand	13 Julai 2021

c. *Penang Webinars conducted in* 2021

Bil.	Program	Tarikh
i	*E-Learning* Malaysia Specialist Certified Programme – Middle East Travel Agents	18 Mac 2021
ii	*Virtual Tours / Classes*	
iii	Virtual Cooking Classes for Australia & New Zealand Travel Agents	September 2021
iv	Virtual Tour – The Habitat for Scandinavia Travel Agents	14 September 2021
v	Virtual Tour – The Top for Indonesia Travel Agents	September 2021

27. Apakah tindakan Kerajaan Negeri untuk menambahkan penguatkuasaan terhadap undang-undang larangan merokok di seluruh Negeri Pulau Pinang?

JAWAPAN OLEH YAB. KETUA MENTERI:

27. Kerajaan Negeri melalui Jabatan Kesihatan Negeri (JKN) Pulau Pinang sentiasa memantau isu berkaitan penguatkuasaan terhadap undang-undang larangan merokok. Bagi perkara ini, Kerajaan Negeri mengguna pakai polisi kebangsaan bagi kawalan tembakau iaitu Pelan Strategik Kebangsaan Bagi Kawalan Tembakau 2015-2020 yang diterbitkan pada tahun 2015. Polisi kebangsaan bagi kawalan tembakau ini bertujuan untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara yang bebas tanpa amalan merokok menjelang tahun 2040. Antara misi Pelan Strategik Kebangsaan Bagi Kawalan Tembakau 2015-2020 adalah untuk mewujudkan 100 peratus (100%) tempat-tempat awam sebagai kawasan bebas tanpa amalan merokok.

Di Negeri Pulau Pinang terdapat enam (6) kawasan rekreasi yang telah diwartakan sebagai kawasan larangan merokok pada 2012 dan Tapak Warisan Dunia George Town pada 2015. Kerajaan Negeri kini dalam proses pewartaan kawasan Batu Ferringhi sebagai kawasan larangan merokok dan giat memperluaskan Program Pulau Pinang Bebas Asap Rokok (PENBAR) ke daerah-daerah lain.

Di bawah Program Berhenti Merokok pula, masyarakat digalakkan untuk menubuhkan Komuniti Bebas Tanpa Amalan Merokok melalui Program Komuniti Sihat Perkasa Negara (KOSPEN) dan Program *MyHouse*. Program *MyHouse* adalah program gerakan komuniti yang dilakukan bagi memastikan setiap rumah yang berdaftar bebas daripada asap rokok. Selain itu, tempat kerja awam juga telah diwartakan sebagai kawasan larangan merokok dan pewartaan ini diperluaskan ke IPTA/IPTS dan di rumah ibadat seperti masjid dan rumah-rumah ibadat agama lain juga.

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) juga menjalinkan kerjasama dengan agensi kerajaan yang lain seperti Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT), Kementerian Dalam Negeri (KDN), Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dengan penurunan kuasa untuk Peraturan 11, Peraturan-Peraturan Kawalan Hasil Tembakau (PPKHT). KKM juga telah menetapkan sasaran pengeluaran Notis Kesalahan kepada setiap penguat kuasa dan sasaran ini dipantau setiap bulan di peringkat daerah dan negeri. Sasaran operasi penguatkuasaan yang dijalankan setiap daerah juga dipantau. Justeru itu, tiada penambahan penguatkuasaan undang-undang memandangkan ia telah dilaksanakan dengan teliti kini. Walau bagaimanapun, cadangan penambahbaikan akan tetap disemak dari semasa ke semasa.

28. Apakah langkah Kerajaan Negeri dalam proses memastikan golongan pelarian mendapatkan vaksinasi COVID-19?

JAWAPAN OLEH YAB. KETUA MENTERI:

28. Kerajaan Negeri telah menubuhkan satu taskforce berkaitan pelarian dan warga asing di bawah COVID-19 *Immunisation Task Force* (CITF) Negeri bagi memastikan golongan berkenaan mendapatkan vaksinasi COVID-19. Suntikan dijangka akan bermula pada bulan September 2021 dengan pemberian vaksin Cansino kepada golongan berkenaan.

Garis Panduan Pengurusan Pemberian Vaksin kepada Individu Bukan Warganegara yang diluluskan oleh CITF seperti di **LAMPIRAN A.**

PASUKAN PETUGAS KHAS IMUNISASI COVID-19

COVID-19 Immunisation Task Force (CITF)

GARIS PANDUAN PENGURUSAN PEMBERIAN VAKSIN KEPADA INDIVIDU BUKAN WARGANEGARA

3. PUNCA KUASA

3.1 Pelaksanaan vaksinasi kepada individu bukan warganegara sama ada yang mempunyai dokumen yang sah atau tidak, yang layak divaksinasi di bawah PICK ini dan selaras dengan perundangan dan keputusan-keputusan Kerajaan yang dirujuk seperti berikut:

i. Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 (Akta 342)

ii. Proklamasi Darurat, Ordinan Darurat (Kuasa-kuasa

iii. Keputusan Jemaah Menteri ke atas Memorandum daripada Menteri Kesihatan - Pengecualian Caj Kepada Bukan Warganegara Bagi Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan Bertarikh 10 Februari 2021

iv. Pekeliling Ketua Pengarah Kesihatan Bilangan 10 Tahun 2001 (PKPK 10/2001) bertajuk Garis Panduan Melaporkan Pendatang Asing Tanpa Izin Yang Mendapatkan Perkhidmatan Kesihatan di Hospital dan Klinik Kesihatan

4. KUMPULAN SASAR

4.1 Individu bukan warganegara yang mempunyai dokumen yang sah;

4.2 Individu bukan warganegara yang tidak mempunyai dokumen perjalanan yang sah, tinggal lebih masa dan melanggar syarat pas/permit;

4.3 Individu bukan warganegara di Sabah yang memegang pelbagai dokumen seperti IMM13, Sijil Banci, Kad Burung-Burung dan sebagainya; dan

4.4 Pelarian *(Refugees)* yang memegang dokumen identiti yang dikeluarkan oleh Pejabat United Nations High Commissioner for Refugees (UNHCR) Kuala Lumpur (selaras dengan Arahan MKN No. 23) termasuk yang mempunyai dokumen yang telah luput oleh kerana masalah pembaharuan akibat pandemik.

5.1 Pemberian vaksin kepada individu bukan warga negara boleh dilaksanakan melalui kaedah-kaedah berikut:

a) Hadir ke Pusat Pemberian Vaksin (PPV) sedia ada melalui janji temu atau secara *line-listing*; atau

b) Pemberian vaksin melalui program jangkauan (*outreach programme*) yang dilaksanakan secara berjadual oleh pihak badan bukan kerajaan (NGO) iaitu Persatuan Bulan Sabit Merah (PBSM).

6. PROSES PEMBERIAN VAKSIN

6.1 Proses pemberian vaksin kepada individu bukan warganegara yang **mempunyai dokumen yang sah**.

6.1.1 Individu bukan warganegara yang akan menerima vaksinasi disaran untuk melengkapkan maklumat berikut sebelum hadir ke PPV dengan bantuan majikan/persatuan/kenalan dan lain-lain bagi mengurangkan kesesakan dikaunter semakan dan pendaftaran di PPV dengan:

6.1.1 Individu bukan warganegara yang akan menerima vaksinasi disaran untuk melengkapkan maklumat berikut sebelum hadir ke PPV dengan bantuan majikan/persatuan/kenalan dan lain-lain bagi mengurangkan kesesakan dikaunter semakan dan pendaftaran di PPV dengan:

i. Muat turun aplikasi MySejahtera dan melengkapkan pendaftaran

ii. Mengemas kini maklumat status COVID-19

6.1.3 Ketua PPV boleh mendapatkan bantuan jurubahasa untuk membantu proses di PPV;

6.1.4 Ketua Pusat Pemberian Vaksin (PPV) memastikan petugas membenarkan individu bukan warganegara yang mempunyai dokumen yang sah (sama ada dalam bentuk dokumen asal atau salinan) untuk masuk ke

6.1.5 Ketua Pusat Pemberian Vaksin (PPV) memastikan petugas tidak mengenakan proses sanitasi dan perlu manyantuni individu bukan warganegara yang hadir ke PPV;

6.1.6 Bagi individu bukan warganegara yang mempunyai dokumen yang sah dan telah mempunyai aplikasi MySejahtera, petugas boleh meneruskan proses vaksinasi sedia ada;

6.1.7 Bagi individu bukan warganegara yang mempunyai dokumen yang sah, tetapi tidak mempunyai aplikasi MySejahtera, petugas akan membantu mereka untuk

6.2 Proses pemberian vaksin kepada individu bukan warganegara berikut:

i) **Tidak mempunyai dokumen perjalanan yang sah, tinggal lebih masa dan melanggar syarat pas/permit**;

ii) **Individu yang tinggal di Sabah yang memegang pelbagai dokumen seperti IMM13, Sijil Banci, Kad Burung-Burung** dan sebagainya;

iii) **Pelarian *(Refugees)* yang memegang dokumen identiti yang dikeluarkan oleh Pejabat United Nations High Commissioner for Refugees (UNHCR) Kuala Lumpur** (selaras dengan Arahan MKN No. 23) termasuk yang mempunyai dokumen yang telah luput oleh kerana masalah pembaharuan akibat pandemik

6.2.1 Ketua PPV perlu memastikan PPV dilengkapi dengan maklumat panduan mengisi borang persetujuan vaksinasi (*consent form*) dalam pelbagai bahasa yang dipaparkan secara manual atau digital secara berterusan;

6.2.2 Ketua PPV boleh mendapatkan bantuan jurubahasa untuk membantu proses di PPV;

6.2.3 Ketua Pusat Pemberian Vaksin (PPV) memastikan petugas tidak mengenakan proses sanitasi dan perlu manyantuni individu bukan warganegara yang hadir ke PPV;

6.2.4 Ketua Pusat Pemberian Vaksin (PPV) memastikan petugas membenarkan individu bukan warganegara dalam kategori i, ii dan iii untuk masuk ke fasiliti tertakluk kepada status COVID-19;

6.2.5 Petugas mendaftarkan individu bukan warganegara kategori i, ii dan iii di dalam sistem pendaftaran yang boleh diakses melalui pautan berikut https://citfidlife.herokuapp.com/ dengan melengkapkan maklumat-maklumat berikut:


a) Nama
b) Negara asal
c) Tarikh lahir
d) Negeri bermastautin
e) Daerah bermastautin
f) Gambar profil

6.2.6 *Unique ID* yang akan diwujudkan melalui pendaftaran tersebut akan digunakan sebagai pengenalan diri di dalam sistem MyVAS untuk meneruskan proses vaksinasi sedia ada;


6.2.7 Maklumat vaksinasi dilaporkan kepada sekretariat diselaraskan sebaik tamat pengoperasian PPV pada hari tersebut.

PROSES PENDAFTARAN PENERIMA VAKSIN BUKAN WARGANEGARA (senarai 4.2, 4.3 dan 4.4)


1. Log masuk ke https://citfidlife.herokuapp.com/ , lengkapkan maklumat dan tekan *submit*



2. Salin *unique* ID yang dipaparkan



3. Buka sistem MyVas dan tekan *add vaccinee*



29. Adakah Kerajaan Negeri bersedia meminta Kerajaan Persekutuan untuk desentralisasikan kuasa pengangkutan awam? Ini adalah untuk memastikan keperluan dan kehendak tempatan boleh diambil kira dalam penambahbaikan sistem pengangkutan awam Negeri Pulau Pinang.

JAWAPAN OLEH YAB. KETUA MENTERI:

29. Pengangkutan awam termasuk pengangkutan darat, air dan udara adalah terletak di bawah bidang kuasa Kerajaan Persekutuan. Perkara ini dijelaskan dalam Senarai Pertama, Jadual ke Sembilan Perlembagaan Persekutuan.

Namun begitu, Kerajaan Negeri berpendapat pengangkutan awam khususnya perkhidmatan bas seharusnya ditadbir di peringkat Negeri. Sekurang-kurangnya, Kerajaan Negeri atau Pihak Berkuasa Tempatan harus diberi kuasa-kuasa tertentu dalam hal ehwal harian yang berkait dengan perkhidmatan bas, termasuk penentuan laluan bas.

30. Apakah rancangan Kerajaan Negeri untuk menambahbaikan sistem komunikasi di antara Kerajaan Negeri dengan rakyat jelata?

Ini adalah untuk memastikan berita palsu tidak dipercayai.

JAWAPAN OLEH YAB. KETUA MENTERI

30. Bagi menambaik sistem komunikasi terutamanya dalam memastikan berita palsu tidak tersebar dalam kalangan rakyat jelata, Kerajaan Negeri memiliki beberapa platform rasmi sama ada berbentuk versi cetakan dan juga media sosial yang boleh dijadikan rujukan. Antaranya adalah Buletin Mutiara, Penang Lawan COVID-19 dan Instagram *I Love Penang*. Dengan itu, Kerajaan Negeri akan terus mempromosikan melalui platform-platform berkaitan secara turun padang ataupun menerusi pendekatan pendigitalan.

V. Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Ong Khan Lee) bertanya kepada YAB. Ketua Menteri:

1. Apakah rancangan Kerajaan Negeri dalam menjenamakan semula Zon Industri Bebas di seluruh Negeri Pulau Pinang supaya menjadi lebih kompetitif yang dapat *'move up the value chain'* dalam bidang elektrik dan elektronik?

JAWAPAN OLEH YAB. KETUA MENTERI

1. *Green Tech Park* ini adalah berbeza daripada taman perindustrian yang sedia ada kerana ia direka bentuk secara khusus untuk menyediakan infrastruktur bagi menyokong keperluan Revolusi Perindustrian 4.0, Teknologi Digital, E-dagang, Kepintaran Buatan (AI), 5G, Internet Kebendaan (IoT), robotik dan automasi.

Selain itu, pembangunan *Green Tech Park* juga akan memenuhi prinsip-prinsip *Environmental, Social and Corporate Governance* (ESG) dan *Sustainable Development Goals* (SDG), serta mengambil kira cadangan *Low Carbon Cities Framework* (LCCF).

Green Tech Park akan menggunakan 100% tenaga boleh diperbaharui dan mempunyai bangunan tenaga amat rendah (*super low energy buildings*); dan dihubungkan dengan pengangkutan hijau seperti sistem rel, tren dan bas yang menggunakan tenaga elektrik, dan rangkaian terusan air, basikal serta pejalan kaki.

Taman perindustrian baru ini juga akan berjiran dengan sebuah '*software campus*' yang mempunyai pusat pentadbiran Kerajaan Negeri, pusat seni dan budaya, pusat konvensyen, pusat komersial dan tarikan pelancongan.

Green Tech Park ini akan beroperasi di dalam sebuah bandar raya pintar yang akan membolehkan Pulau Pinang terus bersaing dalam sektor E&E dunia yang semakin membangun akibat perkembangan teknologi.

Kerajaan Negeri yakin bahawa *Green Tech Park* akan menjadi satu jenama antarabangsa baru dalam menambah baik dan mengukuhkan kedudukan Pulau Pinang dalam rantaian nilai sektor E&E dunia untuk tempoh 30 tahun akan datang disamping mencapai matlamat untuk '*move up the value chain*' dalam sektor E&E.

2. Adakah Kerajaan Negeri mempunyai visi dan rancangan dalam menjadikan Pulau Pinang sebagai satu hub Penyelidikan dan Pembangunan (R&D) dalam menghasilkan produk-produk yang bernilai dan bermutu tinggi?

JAWAPAN OLEH YAB. KETUA MENTERI

2. Untuk merealisasikan visi dan rancangan bagi menjadikan Pulau Pinang sebagai hab penyelidikan dan pembangunan (R&D) dalam menghasilkan produk-produk yang bernilai dan bermutu tinggi, Kerajaan Negeri memperuntukkan sebanyak RM4 juta kepada 27 *start-ups* melalui InvestPenang di bawah Skim Insentif "*Penang i4.0 Seed Fund*" untuk membantu para usahawan tempatan berasaskan teknologi (*technology start-ups*). Di bawah skim ini, setiap syarikat *start-up* menerima dana antara RM50,000 sehingga RM250,000 untuk membangunkan perniagaan berasaskan teknologi dalam bidang seperti Analisis Data Raya (*Big Data Analytics*), Internet Kebendaan (*Internet of Things*), *Advance Manufacturing*, platform pemantauan kesihatan, *e-Commerce* dan sebagainya. *Success stories* yang telah tercipta melalui skim ini adalah seperti *Good Foodie Media*, *Food Market Hub*, *Telebot Technologies* dan *Safetruck*.

Selain itu, Kerajaan Negeri sentiasa memberi fokus dalam memperkasakan pembelajaran *Science, Technology, Engineering & Mathematics* (STEM) dalam kalangan rakyat Pulau Pinang untuk membangunkan kemahiran dan kebolehan dalam penciptaan termasuk aspek R&D. Sehubungan dengan itu, Kerajaan Negeri telah melaksanakan beberapa inisiatif seperti berikut:-

(i) Menubuhkan Penang Science Cluster (PSC) untuk orang awam belajar, berinteraksi dan menjalankan aktiviti berkaitan dengan bidang sains dan teknologi. Antara aktiviti utama yang dijalankan oleh PSC untuk mempersiapkan pelajar dan orang awam dengan kemahiran seperti robotik dan pengekodan adalah program *TechMentor*, *Penang International Science Fair* (PISF), *Science Café* dan inisiatif *Coding-For-All* dan *MakerLab*;

(ii) Menubuhkan *Tech Dome Penang* (TDP) di Komtar bagi memupuk minat dalam bidang sains, inovasi teknologi dan keusahawanan. TDP menyediakan platform kepada semua lapisan masyarakat untuk menerokai keajaiban sains dan teknologi serta menganjurkan program-program seperti kem sains, pameran sains, bengkel dan seminar pendidikan yang melibatkan pelbagai lapisan masyarakat;

(iii) Menubuhkan *Penang Digital Library* (PDL) yang menawarkan buku jenis elektronik (*eBook*) dalam bidang *Science, Technology, Engineering, Entrepreneur dan Mathematics* (STEEM) dan juga bekerjasama dengan pelbagai pihak untuk menganjurkan program-program yang memanfaatkan orang awam seperti kelas pengekodan; dan

(iv) Bekerjasama dengan *Penang Skills Development Centre* (PSDC) yang memainkan peranan untuk melatih modal insan dalam pelbagai bidang kemahiran bagi memenuhi kehendak industri berasaskan teknologi tinggi di negeri ini. Antara program khusus yang menjadi agenda utama Kerajaan Negeri melalui PSDC ialah dalam bidang Teknologi Pemesinan Kepersisan, Kejuruteraan (Komputer, Elektronik, Mekatronik, Telekomunikasi), dan Teknologi Pembuatan (CAD/CAM).

3. Apakah visi dan rancangan Kerajaan Negeri dalam menjadikan Pulau Pinang sebagai satu Smart City dengan infrastruktur digital yang maju dan moden?

JAWAPAN OLEH YAB. KETUA MENTERI

3. Dalam hasrat Kerajaan Negeri menerajui teknologi *Industrial Revolution* (IR) 4.0, pembangunan Bandar Pintar adalah menjadi faktor utama dalam memastikan Negeri Pulau Pinang mencapai Visi Penang2030: *A Family-Focused, Green & Smart State that inspires the Nation*.

Sehubungan dengan itu, Kerajaan Negeri telah menetapkan pelan implementasi hala tuju Negeri Pintar yang merupakan pelan pelaksanaan cadangan-cadangan inisiatif pintar bagi mencapai hasil yang disasarkan berdasarkan penambahbaikan dan naiktaraf program, dasar, urus tadbir dan infrastruktur digital yang perlu dilaksanakan oleh agensi-agensi Kerajaan Negeri bermula daripada tahun 2020 sehingga 2030 seperti berikut:

(a) **Peringkat Asas (2020-2021)**

Peringkat untuk mengenalpasti masalah perbandaran bagi membolehkan penyediaan dasar dan program dilakukan. Pada peringkat ini, warga Pulau Pinang akan didedahkan dan dilibatkan dalam pembentukan Negeri Pulau Pinang sebagai sebuah Negeri Pintar.

(b) **Peringkat Pembangunan (2022-2024)**

Peringkat untuk merangka perubahan supaya sesuatu pelan dan strategi dapat dilaksanakan secara lebih teliti dan teratur. Pada peringkat ini, setiap inisiatif yang dirancang dapat dilaksanakan dengan lebih mampan dan berkesan.

(c) **Peringkat Penambahbaikan (2025-2027)**

Peringkat penambahbaikan beraspirasi untuk memperkukuhkan prestasi inisiatif pintar sedia ada bagi memastikan pelan jangka masa panjang dapat dilaksanakan dan dicapai dengan lebih berkesan.

(d) **Inisiatif Keutamaan**

Inisiatif keutamaan merupakan inisiatif yang diberi penekanan untuk dilaksanakan bagi mencapai hasil yang disasar berdasarkan keadaan semasa ekonomi dan sosial Negeri Pulau Pinang. Inisiatif keutamaan yang dilaksanakan ini juga bertujuan untuk mempersiap dan memudahkan rakyat Negeri Pulau Pinang untuk menjalani kehidupan norma baharu menerusi penggunaan solusi pintar dan teknologi terkini.

Selain itu, Kerajaan Negeri juga sedang merangka sebuah dokumen Agenda Negeri Pintar Pulau Pinang hasil daripada kerjasama, input dan pandangan daripada pelbagai pihak seperti Bahagian Kerajaan Tempatan, Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP), Unit Perbadanan Ketua Menteri (CMI), Bahagian Teknologi Maklumat dan Komunikasi Negeri (BTMKN), Penang Science Cluster (PSC), Penang Green Council (PGC), PDC Telecommunication Services Sdn. Bhd. dan lain-lain untuk menjadi panduan dan rujukan bagi pelaksanaan inisiatif pintar di negeri ini. Penyediaan dokumen Agenda Negeri Pintar Pulau Pinang tersebut memfokuskan terhadap proses urbanisasi yang berlaku di negeri Pulau Pinang terutamanya dalam aspek keselamatan, pengurusan sisa pepejal dan kesesakan jalan raya.

Setakat ini sebanyak 76 inisiatif telah, sedang dan akan dilaksanakan dan telah didokumentasikan dalam dokumen tersebut seperti projek Penang Smart Parking (PSP), Intelligent Operation Centre (IOC) dan inisiatif tanpa tunai. Dokumen ini dijangka siap dan akan dirasmikan oleh Ketua Menteri Pulau Pinang pada bulan September 2021.

Adalah diharapkan dengan penyediaan dokumen tersebut, perancangan dan pelaksanaan inisiatif pintar akan berjalan secara teratur serta tersusun bagi menjadikan hasrat Pulau Pinang untuk menjadi sebuah Negeri Pintar Bertaraf Antarabangsa menjelang tahun 2030 akan menjadi kenyataan.

4. Apakah perkembangan terkini kedudukan *Penang South Islands* (PSI)?

JAWAPAN OLEH YAB. KETUA MENTERI:

4. Projek *Penang South Islands* (PSI) atau *Penang South Reclamation* (PSR) ini telah dibentangkan kepada Majlis Perancangan Fizikal Negara (MPFN) pada 18 April 2019. MPFN telah memberi 18 nasihat bagi pelaksanaan projek ini. Selain itu, projek ini juga telah mendapat kelulusan Kajian Penilaian Impak Alam Sekitar (EIA) pada 25 Jun 2019 dengan 72 syarat. PSI juga telah memperoleh surat kelulusan Laporan Penilaian Impak Sosial (SIA) daripada PLAN Malaysia pada 27 Ogos 2019.

   Lanjutan daripada kelulusan EIA, salah satu (1) syarat adalah untuk menyediakan Laporan Pelan Pengurusan Alam Sekitar (EMP) bagi kelulusan JAS Negeri Pulau Pinang. Laporan EMP ini akan mensyaratkan kontraktor yang dilantik dalam mematuhi syarat-syarat kelulusan EIA semasa kerja-kerja penambakan dilaksanakan. Langkah-langkah kawalan alam sekitar dan program pengawasan alam sekitar di dalam Laporan EMP ini perlu dipatuhi sepenuhnya oleh kontraktor yang bakal dilantik.

   Buat masa ini, Kerajaan Negeri masih menantikan kelulusan Pelan Pengurusan Alam Sekitar (EMP) yang telah dikemukakan pada 31 Mei 2021 kepada Jabatan Alam Sekitar Pulau Pinang untuk diluluskan. Sementara menunggu keputusan JAS, aktiviti pra-pembinaan seperti kerja ukur (*survey works*) dan siasatan tanah (*soil investigation*) akan diteruskan di tapak projek.

   Walau bagaimanapun, kerja-kerja penambakan tidak akan dilaksanakan sehingga kelulusan EMP diberikan oleh JAS dan Kerajaan Negeri memberi jaminan bahawa pelaksanaan projek PSR ini hanya akan bermula setelah kelulusan EMP ini diperolehi.

   Bagi pelaksanaan Pelan Pengurusan Impak Sosial (SIMP), Kerajaan Negeri telah menawarkan bantuan saguhati ex-gratia; bantuan bot; peluang perniagaan/pekerjaan dan skim latihan/pendidikan terhadap komuniti individu nelayan yang layak dan terkesan dengan projek PSI. Selain itu, pembinaan jeti nelayan moden yang dilengkapi pelbagai kemudahan, dan alur navigasi yang membolehkan para nelayan untuk ke laut bagi tempoh 24 jam sehari tanpa mengira keadaan air laut pasang atau surut turut akan dibina dan kini dalam peringkat perancangan reka bentuk Pelan SIMP ini akan bermula selepas projek PSR diberi kelulusan EMP oleh JAS untuk penambakan bermula.

   Selain itu, Kerajaan Negeri melalui pihak *Project Delivery Partner* (PDP) juga telah melantik beberapa perunding bagi tujuan pelaksanaan dan audit *PSR Ecology Offset Program* (PEOM). Ini merangkumi kerja-kerja pelabuhan tukun tiruan dan unjam, pelepasan benih ikan dan udang, penambahbaikan ekologi pesisir pantai (*shoreline eco enhancement*), dan geran penyelidikan (kesan bunyi terhadap hidupan laut, kajian migrasi udang dan kajian-kajian ekologi marin yang lain).

   Manakala, bagi *Green River Program* dan projek penanaman bakau pula telah dipertanggungjawabkan kepada agensi Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) dan Jabatan Perhutanan. Langkah-langkah ini akan dijalankan untuk mewujudkan habitat baharu bagi hidupan laut dan menyumbang kepada kelestarian alam sekitar dan industri perikanan.

5. Adakah Kerajaan Negeri akan membangunkan semula rumah pangsa Padang Tembak?

JAWAPAN OLEH YAB. KETUA MENTERI:

5. Rumah Pangsa Padang Tembak merupakan salah satu projek perintis dalam pembaharuan semula bandar yang diluluskan dalam Pelan Induk Perancangan Pembangunan LPNPP 2021 hingga 2025. Rumah Pangsa Padang Tembak telah mula didiami sejak tahun 1969 dan kini telahpun berusia 52 tahun. Projek pembaharuan semula bandar dibuat melibatkan skim-skim perumahan yang didapati telah dimamah usia dan usang (*dilapidated and deteriorated*) serta kos bagi penyelenggaraan dan pembaikan didapati tidak lagi efektif. Dalam pada masa yang sama, penduduk akan dapat menikmati saiz unit kediaman yang lebih besar berbanding saiz unit semasa iaitu 387.36 kaki per segi

bagi unit satu (1) bilik hingga 441.16 kaki per segi bagi unit dua (2) bilik, selain menikmati lain-lain kemudahan yang dapat meningkatkan kualiti kehidupan.

6. Adakah Kerajaan Negeri akan melaksanakan apa-apa program vaksinasi di peringkat negeri melalui inisiatif kerjasama pihak awam bersama swasta?

JAWAPAN OLEH YAB. KETUA MENTERI:

6. Melalui inisiatif kerjasama pihak awam bersama swasta, Pulau Pinang telah melaksanakan Program Imunisasi Industri COVID-19 Kerjasama Awam-Swasta (*PIKAS*) melibatkan 16 lokasi di Industri, melibatkan 179,109 pekerja sehingga 10 Ogos 2021.

   Terdapat juga kerjasama bersama CIDB, melibatkan pemberian vaksin kepada 20,000 orang pekerja dan kerjasama bersama KPDNHEP, melibatkan 10,000 orang pekerja.

7. Bagaimanakah Kerajaan Negeri dapat memastikan supaya trend peningkatan kes COVID-19 dapat dikawal dan dikurangkan?

JAWAPAN OLEH YAB. KETUA MENTERI:

7. Strategi bagi memastikan trend peningkatan kes Covid 19 dapat dikawal dan dikurangkan termasuklah:

   (a) Memutuskan rantaian transmisi melalui aktiviti saringan bagi pengesanan kes dan kontak serta mengukuhkan aktiviti survelan Covid 19 melalui saringan kes-kes *influenza like illness* (ILI) dan *severe acute respiratory illness* (SARI);

   (b) Mencapai imuniti kelompok melalui pelaksanaan Program Imunisasi Covid 19 Kebangsaan (PICK);

   Senarai PPV dibawah PICK seperti di **LAMPIRAN A.**

   (c) Meningkatkan kesedaran orang awam dengan pembudayaan normal baharu dan pematuhan SOP;

   (d) Memperkukuhkan pemerkasaan komuniti melalui pendekatan Cegah, Amal, Patuh dan Pantau di bawah *District Risk Reduction Program* (DRRP); serta mengaktifkan semula pelaksanaan Program Agen Basmi Covid-19 (ABC-19). Penglibatan YB. Kawasan, Pegawai Daerah, lain-lain agensi serta ketua-ketua komuniti hendaklah diperkukuhkan; dan

   (e) Meningkatkan aktiviti penguatkuasaan yang dilakukan secara operasi bersepadu melibatkan pihak PDRM, Kesihatan, PBT, MITI dan KPDNHEP melalui pemeriksaan ke atas premis di mana pengeluaran kompauan, penutupan premis dan/atau tindakan pendakwaan dibuat berdasarkan ketidakpatuhan yang dilakukan.

   (f) Program Mobilisasi Vaksin Komuniti (Mobile PPV) bagi golongan warga emas, OKU, dan sukar ke PPV sebab lokasi agak jauh. Melalui Mobile PPV sehingga 24 Ogos 2021, seramai 9,020 telah menerima vaksin.


   (g) Program PVac yang menumpukan sektor selain dibawa MITI dan Program RiVAC unutk sektor retail seperti restoran, francais, hypermarket, pengurusan kompleks. Kadar vaksinasi seperti **LAMPIRAN C.**

   Kadar Vaksinasi pada 25 Ogos seperti di **LAMPIRAN B.**

LAMPIRAN A

PROGRAM IMUNISASI COVID-19 KEBANGSAAN (PICK)

NEGERI PULAU PINANG - sehingga 23 Ogos 2021



PPV	DOS (Harian)	Anggaran DOS Aktif (Harian)
Awam	9,300	8,500
MITI	13,200	8,600
Integrasi	5,200	5,200
MEGA	10,000	10,000
IPT	1,600	1,400
Hospital Swasta	2,000	2,000
NGO	1,000	1,000
Mobile/ Outreach	350	350
P-Vac	1,000	1,000
Pelabuhan	200	200
CIVAC	1,300	800
RIVAC	2,000	0
JUMLAH	47,150	39,050

Nota: Tidak termasuk Pengamal Perubatan Am

LAMPIRAN B

PUSAT PEMBERIAN VAKSIN (PPV) NEGERI PULAU PINANG 25 OGOS 2021 (RABU)								
A. PUSAT PEMBERIAN VAKSIN AWAM + HOSPITAL AWAM								
BIL.	**DAERAH**	**DEWAN**	**PENERIMA VAKSIN DOS 1**	**PENERIMA VAKSIN DOS 2**	**JUMLAH PENERIMA VAKSIN**	**KAPASITI (DOS / HARI)**	**PERATUSAN MENCAPAI KAPASITI SEHARI**	**CATATAN**
1.	SEBERANG PERAI UTARA	DEWAN MILENIUM KEPALA BATAS	220	2,470	2,690	2,000	135%	Aktif
2.	SEBERANG PERAI TENGAH	DEWAN SEBERANG PERAI ARENA	399	744	1,143	1,200	95%	
3.	SEBERANG PERAI SELATAN	DEWAN SERBAGUNA JAWI	44	1,072	1,116	1,200	93%	
4.	BARAT DAYA	KOMPLEKS SUKAN, BALIK PULAU	0	882	882	800	110%	
5.	TIMUR LAUT	TAPAK PESTA SUNGAI NIBONG	37	1,461	1,498	1,000	150%	
6.	SEBERANG PERAI TENGAH	DEWAN TAPAK EKSPO SEBERANG JAYA	35	997	1,032	600	172%	
7.	BARAT DAYA	DEWAN BALAI RAKYAT BAYAN BARU	0	754	754	800	94%	
8.	HOSPITAL - HOSPITAL AWAM (4 BUAH HOSPITAL)		498	534	1,032	900	115%	
	JUMLAH DOS / HARI		**1,233**	**8,914**	**10,147**	**8,500**	**119%**	
B. PUSAT PEMBERIAN VAKSIN INTEGRASI & NGO								
9.	SEBERANG PERAI UTARA	PUSAT KONVENSYEN PERDA	1,735	19	1,754	2,000	88%	Aktif
10.	SEBERANG PERAI SELATAN	DEWAN SERBAGUNA SUNGAI BAKAP	633	10	643	1,200	54%	
11.	SEBERANG PERAI TENGAH	ONE HOPE CHARITY, JURU	180	360	540	1,000	54%	
12.	SEBERANG PERAI TENGAH	VANGOHH EMINENT	960	0	960	1,000	96%	
	JUMLAH DOS / HARI		**3,508**	**389**	**3,897**	**5,200**	**75%**	
C. PUSAT PEMBERIAN VAKSIN MEGA								
13.	SPICE ARENA		11	2,854	2,865	**3,000**	**96%**	**Aktif**
14.	SPICE CONVENTION		1,384	2,438	3,822	5,000	**76%**	
	JUMLAH DOS / HARI PPV MEGA		**1,395**	**5,292**	**6,687**	**8,000**	**84%**	
D. PUSAT PEMBERIAN VAKSIN USM								
15.	USM KAMPUS INDUK + *Drive-through*		0	364	364	1,000	**36%**	Aktif
16.	USM IPPT BERTAM		0	520	520	400	**130%**	
	JUMLAH DOS / HARI PPV USM		**0**	**884**	**884**	**1,400**	**63%**	
E. PUSAT PEMBERIAN VAKSIN INDUSTRI *(ECONOMIC FRONTLINERS)* I PROGRAM VAKSINASI BARISAN SEKTOR EKONOMI NEGERI PULAU PINANG (Pvac)								
17.	PPV BUKIT JAWI		636	0	636	1,500	**42%**	Aktif
18.	HOTEL IXORA		1,027	0	1,027	1,000	**103%**	
19.	HOTEL EQUATORIAL		54	240	294	1,500	**20%**	
20.	PPV LAPANGAN (INTEL, PLEXUS, JABIL, INARI, FLEXTRONICS, KEYSIGHT, B.BRAUN, MOLEX, MATTEL, OSRAM, PEMBINAAN & PENGANGKUTAN, GURNEY PARAGON MALL, DESIGN VILLAGE)		1,759	2,212	3,971	11,100	**36%**	
21.	HOTEL PEARLVIEW		0	0	0	1,500	**0%**	
	JUMLAH DOS / HARI PPV AKTIF		**3,476**	**2,452**	**5,928**	**16,600**	**36%**	
22.	ECO MEADOWS GALLERY (SPS)		0	0	0	600		**Menunggu kelulusan**
23.	HOTEL RAIA, BAYAN LEPAS		0	0	0	1,000		**Menunggu kelulusan**
24.	DEWAN SUNSHINE BAYAN BARU		0	0	0	1,000		**Menunggu kelulusan**
	JUMLAH DOS / HARI (AKAN DIBUKA & PERSEDIAAN)		**0**	**0**	**0**	**2,600**	**0%**	
	JUMLAH DOS / HARI PPV INDUSTRI		**3,476**	**2,452**	**5,928**	**19,200**	**31%**	

F. PUSAT PEMBERIAN VAKSIN HOSPITAL SWASTA								
BIL.	DAERAH	DEWAN	PENERIMA VAKSIN DOS 1	PENERIMA VAKSIN DOS 2	JUMLAH PENERIMA VAKSIN	KAPASITI (DOS / HARI)	PERATUSAN MENCAPAI KAPASITI SEHARI	CATATAN
25.	HOSPITAL PANTAI		3	291	294	200	147%	Aktif
26.	HOSPITAL KPJ		0	615	615	200	308%	
27.	HOSPITAL LAM WAH EE		0	408	408	400	102%	
28.	HOSPITAL LOH GUAN LYE		5	265	270	200	135%	
29.	HOSPITAL GLENEAGLES		4	212	216	200	108%	
30.	HOSPITAL PENANG ADVENTIST		3	69	72	200	36%	
31.	OPTIMAX EYE SPECIALIST		0	60	60	200	30%	
32.	BAGAN SPECIALIST CENTRE		0	0	0	200	0%	
33.	GEORGETOWN SPECIALIST HOSPITAL		0	0	0	200	0%	
JUMLAH DOS / HARI			15	1,920	1,935	2,000	97%	
G. *GENERAL PRACTITIONER* (58 BERDAFTAR)								
34.	58 BUAH KLINIK SWASTA		219	1,599	1,818	1,630	112%	Aktif (41GP – 3 hari, 12GP – 5 hari & 5GP – 7 hari)
H. USM OUTREACH / MOBILE PPV								
35.	By UNIVERSITI SAINS MALAYSIA		0	0	0	200		Persediaan (hujung Julai 2021)
I. PEJABAT KESIHATAN DAERAH (OUTREACH PUSAT JAGAAN WARGA EMAS / OKU)								
36.	5 BUAH PKD		19	0	19			
JUMLAH KESELURUHAN PENERIMA VAKSIN HARIAN (PPV AKTIF)			9,865	21,450	31,315	43,330	72%	Kapasiti PPV (Aktif)
			Dos 1	*Dos 2*	*Jumlah*	*Kapasiti*	*Peratusan Mencapai Kapasiti Sehari*	
JUMLAH KESELURUHAN PENERIMA VAKSIN HARIAN (PPV AKTIF + PPV TIDAK AKTIF)			9,865	21,450	31,315	46,130	68%	Kapasiti PPV (Aktif + Persediaan)
			Dos 1	*Dos 2*	*Jumlah*	*Kapasiti*	*Peratusan Mencapai Kapasiti Sehari*	
JUMLAH KESELURUHAN DOS / HARI (PPV TIDAK AKTIF)			2,800					Kapasiti PPV Persediaan
JUMLAH KUMULATIF PEMBERIAN DOS 1 VAKSIN COVID-19 NEGERI PULAU PINANG			1,095,196		1,384,600		79.1%	Prestasi Pencapaian Pemberian Vaksin Negeri (Dos 1)
					Sasaran populasi		*Peratusan Pencapaian*	
JUMLAH KUMULATIF PEMBERIAN LENGKAP DOS VAKSIN NEGERI PULAU PINANG			690,720		1,384,600		49.9%	Prestasi Pencapaian Pemberian Vaksin Negeri (Lengkap)
					Sasaran populasi		*Peratusan Pencapaian*	


Fasa 1 sudah selesai pada 1 Julai 2021 dengan pencapaian 100% untuk dos 1 dan 99.2% untuk dos 2

J. RUMAH SAKIT ANGKATAN TENTERA (RSAT)								
BIL.	DAERAH	DEWAN	JUMLAH PENERIMA VAKSIN DOS 1	JUMLAH PENERIMA VAKSIN DOS 2	JUMLAH PENERIMA VAKSIN KUMULATIF	JUMLAH SASARAN	PERATUSAN MENCAPAI SASARAN	CATATAN
37.	RSAT SG ARA, KEM TUN RAZAK		4,547	4,607	9,154	9,217	99%	
38.	RSAT TUDM BUTTERWORTH		3,861	3,555	7,416	7,458	99%	
JUMLAH DOS / HARI			8,408	8,162	16,570	16,675	99%	

Data sehingga 25 OGOS 2021

DISEDIAKAN OLEH : SEKRETARIAT, CITF NEGERI PULAU PINANG (APM)

Cadangan Program RiVac sehingga 17 Ogos



Statik Penerima Vaksin untuk program PVac

STATISTIK PENERIMA VAKSIN (SEHINGGA 16 OGOS 2021)

TARIKH	BILANGAN PENERIMA
09 OGOS 2021	612
10 OGOS 2021	618
11 OGOS 2021	582
12 OGOS 2021	588
13 OGOS 2021	612
14 OGOS 2021	588
15 OGOS 2021	570
16 OGOS 2021	670
JUMLAH	**4,840**

8. Adakah Kerajaan Negeri boleh mempertimbangkan melaksanakan *swab test* untuk kesemua penduduk-penduduk di Pulau Pinang?

JAWAPAN OLEH YAB. KETUA MENTERI:

8. Program Penang Saring COVID-19 (PSC19) merupakan inisiatif Kerajaan Negeri Pulau Pinang yang telah diluluskan oleh Mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMK) pada 2 Jun 2021 dan disahkan pada 9 Jun 2021 bagi memperkasa langkah kesihatan awam di Negeri Pulau Pinang dalam menangani penularan pandemik COVID-19 melalui Program Saringan Komuniti secara bersasar melibatkan 40,000 saringan iaitu, 1,000 saringan bagi setiap kawasan DUN.

Bagi tujuan tersebut, Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah menyediakan peruntukan sebanyak RM3.52 juta bagi melaksanakan program PSC19 secara percuma melibatkan 40,000 saringan COVID-19 bagi rakyat Negeri Pulau Pinang. Pelaksanaan program PSC19 ini adalah berdasarkan pendekatan 3T iaitu saringan massa (*mass testing*), pengesanan kontak (*tracing*) dan rawatan (*treatment*). Objektif pelaksanaan program PSC19 ini juga adalah bagi memutuskan rantaian virus tersebut menerusi langkah-langkah seperti berikut:

(i) Mengenalpasti seramai mungkin individu yang dijangkiti COVID-19;

(ii) Mengasingkan individu yang positif COVID-19 bagi tujuan memutuskan rantaian; dan

(iii) Mengawal dan mengelakkan jangkitan merebak ke kawasan bukan kluster sasaran terutamanya oleh *silent carrier* COVID-19.

Keberkesanan pelaksanaan program saringan PSC19 yang bermula pada 5 Julai 2021 sehingga 22 Ogos 2021 adalah seperti berikut:

Lokasi	Jumlah Pradaftar	Jumlah Saring	RTK-Ag -ve	RTK-Ag +ve
43	44,915	39,524	36,891 (93.33%)	2,623 (6.63%)

9. Padang Tembak telah mencatat beberapa kes kematian COVID-19, apakah kaedah dan/atau rancangan proaktif Kerajaan Negeri untuk menangani gejala ini?


JAWAPAN OLEH YAB. KETUA MENTERI:


9. Dari 1 Januari 2021 hingga 11 Ogos 2021, terdapat enam (6) kes kematian dilaporkan melibatkan penduduk di kawasan Padang Tembak. Semua kes melibatkan warganegara Malaysia dan berusia 60 tahun ke atas. Kesemua kes kematian tersebut dalam kalangan mereka yang tiada sejarah vaksinasi.


Untuk menangani kes jangkitan COVID-19 yang teruk dan kematian, pihak Pejabat Kesihatan Daerah (PKD) Timur Laut telah menjalankan aktiviti saringan secara aktif di kawasan Padang Tembak terutamanya dalam kalangan warga emas. Seterusnya, pihak PKD juga telah melaksanakan program vaksinasi secara "*outreach*" tanpa temu janji di kawasan Padang Tembak pada sekitar bulan Jun dan Julai.

Aktiviti survelan COVID-19 juga akan diteruskan bagi mengesan penularan wabak COVID-19 lebih awal di kawasan berkenaan.

Maklumat kes kematian di Pulau Pinang seperti di **LAMPIRAN A**.


Penang State Total Covid-19 Death Trend
Total Death
DATE
38
39
48
82
119
150
161
185
211
266
324
392
Exponential increment over the last 7 weeks with ICU at full capacity.
Announced by KKM 274


Penang State Cumulative BID
Total Death
DATE
1/1/2021
1/3/2021
1/5/2021
1/7/2021
3
6
8
9
15
21
42
61
76
This is worrying. The cumulative BID numbers had shown sharp increase over the last 6 weeks.


Bilangan Kes dan Kematian COVID-19 Dalam Kalangan Ibu Hamil/Postnatal, Mac 2020 hingga Jun2021
1000
800
600
400
200
0
20
15
10
5
0
Mac 2020
April 2020
Mei 2020
Jun 2020
Julai 2020
Ogos 2020
September 2020
Oktober 2020
November 2020
Disember 2020
Januari 2021
Februari 2021
Mac 2021
April 2021
Mei 2021
Jun 2021
Ibu Hamil/Postnatal di jangkiti COVID-19
Kematian Ibu Hamil

3

ID362/02

10. Pematuhan Prosedur Operasi Standard (SOP) tidak diikuti dengan sepenuhnya walaupun wujud undang-undang semasa, apakah peranan Kerajaan Negeri dalam mengeluarkan saman terhadap pesalah dan sama ada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) mempunyai bidang kuasa dalam penguasaan?

JAWAPAN OLEH YAB. KETUA MENTERI:

10. Kerajaan Negeri melalui kedua-dua Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dapat menjalankan penguatkuasaan terhadap pematuhan SOP dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) apabila Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia pada 14 April 2021 telah menurunkan kuasa kepada Datuk Bandar dan Pegawai Penguatkuasa PBT Gred 19 dan ke atas untuk mengkompaun apa-apa kesalahan di bawah Akta 342 dan peraturan-peraturan berikut:

    (i) Peraturan-Peraturan Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit (Langkah-Langkah Di Dalam Kawasan Tempatan Jangkitan) (Kawalan Pergerakan) (No. 4) 2021 [P.U. (A) 96/2021] Akta 342 yang berkuatkuasa pada 5 Mac 2021;

    (ii) Peraturan-Peraturan Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit (Langkah-Langkah Di Dalam Kawasan Tempatan Jangkitan) (Kawalan Pergerakan Bersyarat) (No. 4) 2021 [P.U. (A) 977/2021] Akta 342 yang berkuatkuasa pada 5 Mac 2021; dan

    (iii) Peraturan-Peraturan Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit (Langkah-Langkah Di Dalam Kawasan Tempatan Jangkitan) (Kawalan Pergerakan Pemulihan) (No. 3) 2021 [P.U. (A) 98/2021] Akta 342 yang berkuatkuasa pada 5 Mac 2021.

    Berdasarkan penurunan kuasa tersebut, kesemua kakitangan PBT diberi kuasa untuk membuat pemeriksaan dan pemantauan supaya penduduk-penduduk di kawasan PBT masing-masing mematuhi SOP yang ditetapkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN) bagi mengatasi dan mengawal penularan COVID-19.

    Sekiranya SOP yang ditetapkan gagal dipatuhi, maka kakitangan PBT boleh mengeluarkan kompaun bagi kesalahan yang dilakukan. Sehingga 23 Ogos 2021, sebanyak 62 kompaun yang telah dikeluarkan oleh Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan 82 kompaun oleh Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) dibawah Akta 342.

11. Tahap kebersihan di rumah pangsa amat tidak memuaskan, apakah sasaran Kerajaan Negeri untuk mengatasi masalah yang berpanjangan ini?

    (a) Nyatakan tempoh masa yang ditetapkan untuk tujuan penyelesaian masalah ini.

JAWAPAN OLEH YAB. KETUA MENTERI:

11. Kerajaan Negeri yang saban tahun tidak putus-putus mengeluarkan dana dan mengatur program-program yang bersesuaian demi menaik taraf hidup rakyat ke arah yang lebih berkualiti, mampan dan selesa. Bermula sejak tahun 2008 sehingga Ogos 2021, Kerajaan Negeri telah membelanjakan sebanyak RM281,776,182.67 bagi kerja-kerja penyelenggaraan di kesemua perumahan awam dan swasta yang layak. Perincian perbelanjaan adalah seperti di berikut:

RUMUSAN PENYENGGARAAN PERUMAHAN AWAM DAN SWASTA PULAU PINANG TAHUN 2008 SEHINGGA OGOS 2021		KERAJAAN NEGERI
BIL.	**PROJEK**	**AMAUN**
1	Penyelenggaraan Perumahan Awam	RM207,641,671.19
2	Penyelenggaraan Perumahan Di Bawah Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP)	RM24,457,461.35
3	Penyelenggaraan Perumahan Di Bawah Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP)	RM4,435,956.21
4	Tabung Penyelenggaraan Maksima 80 Pulau Pinang	RM45,241,093.92
JUMLAH BESAR		**RM281,776,182.67**

Aspek kebersihan merupakan antara isu utama di mana-mana perumahan berstrata terutamanya di perumahan Rumah Mampu Milik Jenis A dan B. Isu kebersihan seharusnya diambil berat oleh semua penduduk dan tidak hanya meletakkan tanggungjawab tersebut di bahu pihak pengurusan semata-mata. Perkara ini adalah selaras dengan Akta Pengurusan Strata 2013 [Akta 757] Seksyen 9(3) dalam Jadual Ketiga, Peraturan-Peraturan Pengurusan Strata (Penyenggaraan dan Pengurusan) 2015, Larangan am pemilik seperti berikut "membuang atau membenarkan untuk jatuh, apa-apa buangan atau sampah sarap dalam apa-apa bentuk atas harta bersama atau mana-mana bahagian daripadanya kecuali dalam tong sampah yang disenggara olehnya atau ke dalam saluran buangan atau bekas sampah dalam ruang sampah umum yang disediakan dalam bangunan".

Bagi perumahan awam yang di bawah tadbir urus Kerajaan Negeri, komitmen sebanyak RM1,929,977.52 telah dibelanjakan setiap tahun bagi melantik syarikat melaksanakan kerja-kerja pembersihan di skim perumahan awam. Selain daripada itu, Kerajaan Negeri melalui Penang Womens Development Corporation (PWDC) telah melancarkan program *Gender Responsive Parcipatory Budgeting* (GRPB) di mana projek rintis telah berjaya dilaksanakan di PPR Jalan Sungai, PPR Ampangan dan Rumah Pangsa Desa Wawasan yang bermatlamat untuk melibatkan penyertaan pelbagai lapisan masyarakat secara konklusif dalam komuniti di perumahan awam. Projek ini juga telah dapat meningkatkan tahap kesedaran komuniti ke atas kepentingan penjagaan kawasan gunasama dimana perkhidmatan kerja-kerja kebersihan dan atau keselamatan akan ditawarkan kepada komuniti berkenaan serta fokus kepada program mahupun projek-projek yang dimohon oleh komuniti.

(a) Program GRPB ini akan diperluaskan lagi ke lain-lain Rumah Sewa Kerajaan Negeri susulan dari kejayaan projek rintis ini. Sejumlah empat (4) skim perumahan awam lain telahpun terpilih dalam pelaksanaan GRPB ini. Hasilnya dijangkakan akan dapat dilihat dalam tempoh 2 hingga 3 tahun ini di mana beberapa program serta projek telah mula dijalankan di kawasan tersebut.

12. Isu penyelenggaraan Indah Water di rumah pangsa Padang Tembak tidak cukup berkesan, apakah tindakan dan/atau rancangan Kerajaan Negeri untuk mengatasi masalah ini?

(a) Nyatakan tempoh masa yang ditetapkan untuk tujuan penyelesaian masalah kebersihan ini?

JAWAPAN OLEH YAB. KETUA MENTERI:

12. Kerajaan Negeri Pulau Pinang merupakan antara kerajaan negeri yang telah membelanjakan sejumlah peruntukan yang tertinggi dalam aspek pengurusan perumahan awam dan swasta yang layak. Ini terbukti di mana pada tahun 2008 sehingga Ogos 2021, Kerajaan Negeri telah membelanjakan sebanyak RM281.7 juta bagi kerja penyenggaraan tersebut.

Berkenaan penyenggaraan tangki septik di Perumahan Awam Padang Tembak, kerja-kerja penyelenggaraan rutin senantiasa dijalankan. Walaubagaimanapun, pada akhir-akhir ini terdapat isu berkenaan tangki individu yang berada di bahagian belakang rumah penghuni. Tangki ini yang pada asalnya berada di bahagian belakang rumah kini berada di dalam rumah penghuni disebabkan oleh kerja-kerja pengubahsuaian haram yang dijalankan oleh pemilik unit sehingga menutupi tangki tersebut. Keadaan ini menyukarkan kerja penyelenggaraan rutin tambahan. Sebagai tambahan kepada permasalahan ini, kebanyakan pemilik unit tidak bersetuju untuk kerja penyelenggaraan dijalankan di dalam unit rumah mereka sebagai langkah berjaga-jaga kesan dari pandemik COVID-19.

Lembaga Perumahan Negeri Pulau Pinang (LPNPP) sentiasa berusaha bersama penduduk setempat untuk menyelesaikan isu ini. Hasil daripada penjelasan dan penerangan penjagaan SOP yang dikeluarkan oleh Majlis Keselamatan Negara (SOP), sebanyak tujuh (7) aduan yang diterima berkenaan isu ini telah berjaya diselesaikan sepenuhnya. LPNPP akan terus memantau perkara ini dan dijangka ianya dapat diselesaikan sepenuhnya dalam masa terdekat.

13. Hakisan tanah dan banjir sering berlaku di Pulau Pinang apabila berlakunya hujan lebat, apakah kaedah dan/atau rancangan proaktif baru yang diambil oleh Kerajaan Negeri untuk menyelesaikan keadaan ini dan apakah had tempoh masa yang ditetapkan untuk mencapai sasaran itu?

JAWAPAN OLEH YAB. KETUA MENTERI:

13. Pihak Jabatan Kerja Raya (JKR) Negeri Pulau Pinang sentiasa memantau kawasan yang terlibat dengan hakisan tanah dari semasa ke semasa. Bagi kaedah pembaikan cerun untuk jangka masa panjang, JKR Pulau Pinang akan mendapatkan khidmat nasihat dari Cawangan Kejuruteraan Cerun, JKR Malaysia.

Selain itu, Kerajaan Negeri Pulau Pinang turut mengambil langkah proaktif dengan mengenal pasti 63 kawasan *hotspot* banjir yang masih aktif di seluruh negeri. Pihak Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Negeri Pulau Pinang telah merancang dan memohon peruntukan di peringkat Kerajaan Negeri dan juga Kerajaan Persekutuan bagi menyiapkan dan melaksanakan program-program untuk mengurangkan risiko banjir yang akan mengambil masa kerana ia melibatkan skala projek, proses reka bentuk, proses perolehan dan juga pelaksanaan projek di tapak.

Selaras dengan visi Negeri Pulau Pinang menjelang 2030, dijangka sebanyak 48 peratus daripada keseluruhan *hotspot* banjir di seluruh negeri dapat dikurangkan. Manakala baki 58 peratus *hotspot* banjir akan dikurangkan secara berfasa antara tahun 2040 sehingga 2050.

14. Ekoran daripada kesan pandemik COVID-19 dan kenaikan bahan-bahan binaan dan sebagainya, apakah kos pembinaan Pelan Induk Pengangkutan Pulau Pinang (PTMP) yang terkini?

    (a) Nyatakan kos untuk setiap komponen yang berkenaan.

JAWAPAN OLEH YAB. KETUA MENTERI:

14. Kerja-kerja pembinaan untuk melaksanakan komponen-komponen Pelan Induk Pengangkutan Pulau Pinang (PTMP) adalah di bawah tanggungjawab pihak syarikat SRS Consortium. Kerja-kerja pembinaan tersebut masih belum bermula setakat ini. Penularan wabak COVID-19 telah menyebabkan kelewatan dalam pelaksanaan projek *Penang South Reclamation* (PSR) yang merupakan model pembiayaan bagi PTMP. Oleh itu, kerja-kerja penyediaan untuk melaksanakan komponen-komponen PTMP yang lain juga tertangguh.

Kos yang sebenar hanya boleh ditentukan setelah kerja-kerja reka bentuk dan proses tender terbuka untuk melantik kontraktor selesai. Proses tender terbuka akan memastikan Kerajaan Negeri Pulau Pinang mendapat harga yang terbaik daripada pihak kontraktor.

Oleh itu, kos anggaran bagi komponen-komponen PTMP masih tidak berubah. Kos Lebuh Raya Pan Island Link 1 yang dianggarkan pada tahun 2019 adalah sebanyak RM7.5 bilion manakala kos anggaran Sistem Rel Bayan Lepas yang dianggarkan pada tahun 2018 adalah sebanyak RM9.5 bilion seperti yang telah dilaporkan di media. Kos ini tidak termasuk kos pengambilan balik tanah dan kenaikan harga bahan binaan akibat kadar inflasi.

Manakala kos bagi projek-projek tiga (3) Jalan Utama dan Terowong yang dipertanggungjawabkan di bawah syarikat Consortium Zenith Construction Sdn. Bhd. (CZC) masih kekal seperti yang ditawarkan di dalam kontrak iaitu sebanyak RM6.3 bilion.

Untuk projek PSR pula, anggaran kos penambakan dan pembangunan infrastruktur adalah seperti yang tertera dalam dokumen RFP (*Request for Proposal*) seperti yang diterima pada tahun 2015, iaitu:-

(i) Fasa 1 (Pulau A dan Pulau B) = RM10.8 bilion; dan

(ii) Fasa 2 (Pulau C) = RM4.2 bilion

Kos sebenar penambakan dan pembangunan infrastruktur juga hanya dapat dimuktamadkan setelah proses tender terbuka dijalankan.

Kerajaan Negeri berharap agar pelaksanaan projek PSR dan projek-projek PTMP dapat direalisasikan secepat mungkin kerana kedua-dua projek ini akan menjadi perangsang bagi ekonomi Negeri Pulau Pinang.

15. Memandangkan kadar pembangunan di sebelah pulau adalah 2 kali ganda berbanding dengan Seberang Perai, apakah visi dan rancangan Kerajaan Negeri untuk seimbangkan pembangunan di Seberang Perai dengan bahagian pulau?

(a) Nyatakan satu tempoh masa untuk tujuan pencapaian keseimbangan pembangunan di seluruh Pulau Pinang?

JAWAPAN OLEH YAB. KETUA MENTERI

15. Kerajaan Negeri telah melancarkan wawasan Penang2030 dengan matlamat utama *'A Family-Focused Green and Smart State that Inspires the Nation'*. Selanjutnya, Rancangan Struktur Negeri Pulau Pinang 2030 (RSNPP2030) diwujudkan untuk menggariskan perancangan yang mengandungi polisi dan dasar-dasar perancangan Negeri Pulau Pinang dan disokong dengan Gambarajah Utama/Peta Cadangan Guna Tanah sehingga tahun 2030. Pada masa ini, Kerajaan Negeri melalui Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dalam peringkat akhir penyediaan Draf Rancangan Tempatan Pulau Pinang 2030 dan Draf Rancangan Tempatan Seberang Perai 2030. Rancangan Tempatan tersebut merupakan usaha Kerajaan Negeri untuk memastikan pembangunan di kedua-dua PBT dipacu seiring dengan RSNPP2030 dan secara tidak langsung dapat mengurangkan jurang keseimbangan yang berlaku. Masa depan pembangunan Negeri Pulau Pinang adalah di bahagian Seberang Perai kerana dijangka mampu menawarkan kawasan pembangunan yang luas dan berpotensi tinggi.

Antara perancangan pembangunan utama di Seberang Perai adalah seperti berikut:

(i) Pembangunan Eco-City di Batu Kawan.

(ii) Pembangunan hab bersepadu di Penang Sentral, Butterworth yang berfungsi sebagai pusat hentian bersepadu di Pulau Pinang.

(iii) Pembangunan bandar baharu seluas 1,674.813 ekar yang berkonsepkan *'Eco City, Smart City, Safe City, Future City'* di Bandar Setia Fontaines, Kepala Batas.

(iv) Cadangan Projek *Penang Bay* melibatkan kawasan pesisir pantai Bahagian Pulau di Weld Quay, George Town dan kawasan pesisir pantai Bah

(v) agian Butterworth di Seberang Perai Utara.

(vi) Penambahan tujuh (7) zon industri iaitu Zon Industri Teknologi Tinggi Bertam, Zon Industri Jalan Siram, Zon Industri Kg. Hujung Bukit Juru, Zon Penang Science Park

1, 2 & 3, Zon Industri Bandar Cassia, Zon Industri Byram dan Zon Industri Timur Batu Kawan.

Kerajaan Negeri berharap agar pelaksanaan Penang2030 dan RSNPP2030 serta kedua-dua Rancangan Tempatan dapat mengurangkan jurang keseimbangan pembangunan antara Bahagian Pulau dan Seberang Perai menjelang tahun 2030.

16. Adakah terdapat bantuan kewangan atau subsidi oleh Kerajaan Negeri untuk terus membantu sektor pelancongan, hotel, teksi, Grab dan semua industri yang terkesan akibat pandemik COVID-19 untuk 2021 dan 2022?

JAWAPAN OLEH YAB. KETUA MENTERI

16**.** Berikut merupakan bantuan kewangan dan subsidi yang disediakan oleh Kerajaan Negeri bagi membantu sektor pelancongan di Negeri Pulau Pinang bagi tahun 2021.

(a) **Pakej Bantuan Rakyat Pulau Pinang 3.0**

(i) Bantuan Khas Kewangan sebanyak RM200 secara *one-off* kepada penarik beca;

(ii) Bantuan Khas Kewangan sebanyak RM500 secara *one-off* kepada peniaga yang berlesen dengan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang merangkumi peniaga perkhidmatan spa, refleksologi dan sebagainya.

(b) **Pakej Bantuan Rakyat Pulau Pinang 3.1**

Bantuan Khas Kewangan sebanyak RM500 secara *one-off* kepada

(i) pemandu bas/van persiaran, kereta sewa / limosin pelancongan;

(ii) pemandu pelancong berdaftar;

(iii) pengusaha kuda rekreasi Pulau Pinang;

(iv) pengendali perkhidmatan *mobile spa*;

(v) pengusaha lancang air (*watercraft operator*) di Pulau Pinang; dan

(vi) bantuan Khas Kewangan sebanyak RM 1000 secara *one-off* kepada Tourist Attraction Operators.

(c) Pengecualiaan fi hotel sehingga 31 Disember 2021.

(d) Pemberian subsidi untuk bil Tenaga Nasional Berhad (TNB) kepada penggiat-penggiat industri pelancongan dengan tabung sebanyak RM1 juta.

(e) Melancarkan SKIM Pinjaman Kelangsungan Perusahaan (PEKA), yang memperuntukkan RM10 juta pinjaman tanpa faedah untuk menyokong perniagaan yang terjejas dalam industri pelancongan.

(f) Pemberian bantuan secara moratorium untuk bil air, cukai petak, cukai tanah, cukai pintu dan fi lesen perniagaan kepada pengusaha-pengusaha sektor pelancongan.

17. Adakah Kerajaan Negeri mempunyai rancangan untuk menjalankan sanitasi yang berjadual di tempat-tempat awam seperti stesen bas, keretapi, teksi, terminal feri, pejabat agensi dan jabatan kerajaan di seluruh Pulau Pinang?

JAWAPAN OLEH YAB. KETUA MENTERI

17. Agensi seperti Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Pulau Pinang (JBPM) sentiasa komited dalam melaksanakan sanitasi awam di Negeri Pulau Pinang. Perlaksanaan Operasi Sanitasi bagi JBPM Pulau Pinang sememangnya telah ditetapkan dari Peringkat Pusat (Ibu Pejabat JBPM) yang mana perlaksanaan operasi sanitasi ditetapkan seperti berikut:

(i) Mengutamakan permohonan bersekali daripada premis awam dan kerajaan dengan nasihat Pejabat Kesihatan Daerah. Premis juga hendaklah terdapat kes jangkitan COVID-19 aktif,

(ii) Kerja-kerja disinfeksi dilaksanakan di kawasan dengan keutamaan tertutup dan terlindung sahaja,

(iii) Memberi keutamaan pada tempat, alatan dan sebagainya yang kerap disentuh "*high-touch surface*".

Bagi tempat-tempat awam seperti pasar awam dilaksanakan oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang bertanggungjawab dan perlaksanaan dilakukan secara berkala.

Berdasarkan statistik terkini, adalah dimaklumkan bahawa JBPM Pulau Pinang telah melakukan sanitasi awam sebanyak 1448 pengoperasian sanitasi sepanjang tempoh pandemik COVID-19 bermula dari Mac 2020 sehingga kini yang melibatkan tempat awam dan premis agensi kerajaan berdasarkan permohonan dan juga arahan PKD setempat.

Sekiranya tempat-tempat awam yang dinyatakan ini dinasihatkan oleh Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang dan Pejabat Kesihatan Daerah adalah tempat yang perlu dibuat sanitasi berjadual, pihak JBPM Pulau Pinang akan merancang dan sedia melakukan pengoperasian sanitasi tersebut.

Dalam usaha menangani pandemik ini juga, Jabatan telah melakukan sanitasi harian dimana ianya melibatkan Pusat Pemberian Vaksin (PPV) di seluruh Negeri Pulau Pinang dimana proses sanitasi akan dilaksanakan selepas PPV selesai aktiviti harian.

18. Huraikan dan kenal pasti demografi dan bilangan penduduk di KADUN Kebun Bunga mengikut umur, bangsa dan jantina?

JAWAPAN OLEH YAB. KETUA MENTERI:

18. Data demografi dan bilangan penduduk di KADUN Kebun Bunga mengikut umur, bangsa dan jantina yang tersedia adalah bagi tahun 2010. Bilangan penduduk di Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) Kebun Bunga mengikut jantina, kumpulan etnik, kewarganegaraan dan kumpulan umur adalah seperti di dalam **LAMPIRAN A** Jadual 1 hingga 3.

Bagi tahun antara Banci 2011 – 2020, data unjuran yang tersedia adalah mengikut jantina dan kewarganegaraan. Data unjuran penduduk adalah seperti dalam **LAMPIRAN A** Jadual 4.

LAMPIRAN A

(a) Data yang tersedia adalah bagi tahun 2010. Bilangan penduduk di Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) Kebun Bunga mengikut jantina, kumpulan etnik, kewarganegaraan dan kumpulan umur adalah seperti di dalam Jadual 1 hingga 3 seperti di bawah:

JADUAL 1: PENDUDUK MENGIKUT JANTINA, DEWAN UNDANGAN NEGERI, PULAU PINANG, 2010

Parlimen / Dewan Undangan Negeri	Jumlah	Lelaki	Perempuan
N.24 Kebun Bunga	**22,531**	10,943	11,588

Nota: Angka di atas tidak disesuaikan kepada kadar kurang penghitungan

JADUAL 2: PENDUDUK MENGIKUT KUMPULAN ETNIK, DEWAN UNDANGAN NEGERI, PULAU PINANG, 2010

Parlimen / Dewan Undangan Negeri	Jumlah	Warganegara							
		Jumlah	Bumiputera			Cina	India	Lain-lain	Bukan Warga-negara
			Jumlah	Melayu	Bumi-putera lain				
N.24 Kebun Bunga	**22,531**	21,652	1,777	1,707	70	15,860	3,837	178	879

Nota: Angka di atas tidak disesuaikan kepada kadar kurang penghitungan

JADUAL 3: PENDUDUK MENGIKUT KUMPULAN UMUR, DEWAN UNDANGAN NEGERI, PULAU PINANG, 2010

Parlimen / Dewan Undangan Negeri	Jumlah	0-4	5-9	10-14	15-19	20-24	25-29	30-34	35-39
N.24 Kebun Bunga	**22,531**	933	1,099	1,354	1,551	1,424	1,495	1,577	1,590

Parlimen / Dewan Undangan Negeri	40-44	45-49	50-54	55-59	60-64	65-69	70-74	75+
N.24 Kebun Bunga	1,620	1,676	1,704	1,611	1,532	1,187	1,017	1,161

Nota: Angka di atas tidak disesuaikan kepada kadar kurang penghitungan

(b) Bagi tahun antara Banci 2011 – 2020, data unjuran yang tersedia adalah mengikut jantina dan kewarganegaraan. Data unjuran penduduk adalah seperti dalam Jadual 4 di bawah:

JADUAL 4: BILANGAN PENDUDUK BAGI KAWASAN DEWAN UNDANGAN NEGERI (KADUN) KEBUN BUNGA MENGIKUT JANTINA DAN KEWARGANEGARAAN, 2011 - 2020

	JUMLAH ('000)			WARGANEGARA ('000)			BUKAN WARGANEGARA ('000)		
Tahun	**Jumlah**	**Lelaki**	**Perempuan**	**Jumlah**	**Lelaki**	**Perempuan**	**Jumlah**	**Lelaki**	**Perempuan**
2011	27.5	13.7	13.8	26.0	13.0	13.0	1.5	0.8	0.8
2012	28.2	14.2	14.0	26.5	13.4	13.2	1.6	0.8	0.8
2013	28.8	14.6	14.1	27.1	13.8	13.3	1.7	0.9	0.8
2014	29.3	15.1	14.3	27.6	14.2	13.4	1.7	0.9	0.8
2015	29.9	15.5	14.4	28.2	14.6	13.6	1.8	0.9	0.8
2016	30.5	16.0	14.5	28.7	15.0	13.7	1.8	0.9	0.8
2017	31.1	16.4	14.7	29.3	15.5	13.8	1.8	1.0	0.9
2018	31.7	16.9	14.8	29.9	16.0	13.9	1.8	1.0	0.9
2019	32.3	17.4	14.9	30.4	16.4	14.0	1.8	1.0	0.9
2020	32.9	17.9	15.0	31.0	16.9	14.1	1.8	1.0	0.9

Nota:
1.Unjuran penduduk berasaskan Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2010 yang disesuaikan
2. Hasil tambah mungkin berbeza kerana pembundaran

(c) Data bagi tahun 2020 akan dikaji semula setelah maklumat dari Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2020 diperolehi.

19. Nyatakan bilangan dan kenal pasti lokasi semua tempat ibadat bukan Islam serta masjid di KADUN Kebun Bunga?

(a) Adakah Kerajaan Negeri akan mewajibkan semua tempat ibadat menjalani sanitasi yang berjadual?

JAWAPAN OLEH YAB. KETUA MENTERI:

19. Berdasarkan data yang telah dikemas kini pada tahun 2016 daripada SMARTPLAN Geoportal, sistem maklumat guna tanah PLANMalaysia@Pulau Pinang, terdapat 31 tapak Rumah Ibadat Bukan Islam (RIBI) di KADUN Kebun Bunga seperti berikut:

Bil.	Kategori RIBI	Jumlah
1	Tokong Cina	18
2	Kuil Hindu	12
3	Gereja	1
4	Wat Siam	-
5	Gurdwara	-
JUMLAH		31

Pelan lokasi tapak RIBI bagi KADUN Kebun Bunga adalah seperti di **Lampiran A**.

Berdasarkan rekod Jabatan Agama Islam Pulau Pinang, tiada masjid di dalam KADUN Kebun Bunga. Walau bagaimanapun, terdapat tiga (3) buah surau di KADUN Kebun Bunga seperti berikut:


Bil	Nama	Lokasi
1	Surau Kebun Bunga	Jalan Kebun Bunga
2	Surau Abu Bakar As-Siddiq	Jalan Sempadan
3	Surau FRU	Jalan Sempadan

(a) Berdasarkan prosedur operasi standard (SOP) pembukaan Rumah Ibadat Selain Islam dalam tempoh Pelan Pemulihan Negara (PPN) Fasa 2 yang dikeluarkan oleh Kementerian Perpaduan Negara, telah ditetapkan bahawa Jawatankuasa Pengurusan Rumah Ibadat perlu melakukan pembersihan ruang dan kawasan sekitarnya termasuk tandas dan semua ruang sebelum dan selepas acara keagamaan serta melakukan kerja-kerja sanitasi.

Bagi masjid dan surau, tiada SOP khas berkenaan kerja-kerja sanitasi. Walau bagaimanapun, Jawatankuasa Pengurusan Masjid digalakkan untuk melaksanakan kerja-kerja sanitasi secara berjadual.

LAMPIRAN A

PELAN LOKASI TABURAN RIBI DI KADUN KEBUN BUNGA



PETUNJUK :

- TOKONG CINA
- KUIL HINDU
- GEREJA

ID658/06

20. Adakah Kerajaan Negeri mempunyai rancangan untuk memastikan semua pekerja asing termasuk yang tidak berdaftar di Pulau Pinang dapat divaksinasikan demi mencapai *herd immunity*?

(a) Sekiranya ada, apakah mekanisme dan/atau kaedahnya?

(b) Nyatakan had tempoh masa yang disasarkan.

JAWAPAN OLEH YAB. KETUA MENTERI:

20. (a) Kebanyakkan pekerja asing telah menerima vaksin melalui Program Imunisasi Industri COVID-19 Kerjasama Awam-Swasta (*PIKAS*). Mereka juga boleh mendaftar melalui MySejahtera dan ada yang telah menerima vaksin di pelbagai Pusat Pemberian Vaksin di Pulau Pinang. Selain dari itu, mekanisme pemberian vaksinasi kepada individu bukan warganegara sama ada yang mempunyai dokumen yang sah atau tidak juga diwujudkan. Perincian Garis Panduan ini seperti yang terdapat dalam **Lampiran A.**

(b) Tiada had tempoh masa buat waktu ini, kerana sasaran adalah 100% penduduk wargangera dan juga bukan warganegara berumur 18 tahun ke atas menerima vaksin.

PASUKAN PETUGAS KHAS IMUNISASI COVID-19

COVID-19 Immunisation Task Force (CITF)

GARIS PANDUAN PENGURUSAN PEMBERIAN VAKSIN KEPADA INDIVIDU BUKAN WARGANEGARA

3. PUNCA KUASA

3.1 Pelaksanaan vaksinasi kepada individu bukan warganegara sama ada yang mempunyai dokumen yang sah atau tidak, yang layak divaksinasi di bawah PICK ini dan selaras dengan perundangan dan keputusan-keputusan Kerajaan yang dirujuk seperti berikut:

i. Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 (Akta 342)

ii. Proklamasi Darurat, Ordinan Darurat (Kuasa-kuasa

iii. Keputusan Jemaah Menteri ke atas Memorandum daripada Menteri Kesihatan - Pengecualian Caj Kepada Bukan Warganegara Bagi Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan Bertarikh 10 Februari 2021

iv. Pekeliling Ketua Pengarah Kesihatan Bilangan 10 Tahun 2001 (PKPK 10/2001) bertajuk Garis Panduan Melaporkan Pendatang Asing Tanpa Izin Yang Mendapatkan Perkhidmatan Kesihatan di Hospital dan Klinik Kesihatan

4. KUMPULAN SASAR

4.1 Individu bukan warganegara yang mempunyai dokumen yang sah;

4.2 Individu bukan warganegara yang tidak mempunyai dokumen perjalanan yang sah, tinggal lebih masa dan melanggar syarat pas/permit;

4.3 Individu bukan warganegara di Sabah yang memegang pelbagai dokumen seperti IMM13, Sijil Banci, Kad Burung-Burung dan sebagainya; dan

4.4 Pelarian *(Refugees)* yang memegang dokumen identiti yang dikeluarkan oleh Pejabat United Nations High Commissioner for Refugees (UNHCR) Kuala Lumpur (selaras dengan Arahan MKN No. 23) termasuk yang mempunyai dokumen yang telah luput oleh kerana masalah pembaharuan akibat pandemik.

5.1 Pemberian vaksin kepada individu bukan warga negara boleh dilaksanakan melalui kaedah-kaedah berikut:

a) Hadir ke Pusat Pemberian Vaksin (PPV) sedia ada melalui janji temu atau secara *line-listing*; atau

b) Pemberian vaksin melalui program jangkauan (*outreach programme*) yang dilaksanakan secara berjadual oleh pihak badan bukan kerajaan (NGO) iaitu Persatuan Bulan Sabit Merah (PBSM).

6. PROSES PEMBERIAN VAKSIN

6.1 Proses pemberian vaksin kepada individu bukan warganegara yang **mempunyai dokumen yang sah**.

6.1.1 Individu bukan warganegara yang akan menerima vaksinasi disaran untuk melengkapkan maklumat berikut sebelum hadir ke PPV dengan bantuan majikan/persatuan/kenalan dan lain-lain bagi mengurangkan kesesakan dikaunter semakan dan pendaftaran di PPV dengan:

6.1.1 Individu bukan warganegara yang akan menerima vaksinasi disaran untuk melengkapkan maklumat berikut sebelum hadir ke PPV dengan bantuan majikan/persatuan/kenalan dan lain-lain bagi mengurangkan kesesakan dikaunter semakan dan pendaftaran di PPV dengan:

i. Muat turun aplikasi MySejahtera dan melengkapkan pendaftaran

ii. Mengemas kini maklumat status COVID-19

6.1.3 Ketua PPV boleh mendapatkan bantuan jurubahasa untuk membantu proses di PPV;

6.1.4 Ketua Pusat Pemberian Vaksin (PPV) memastikan petugas membenarkan individu bukan warganegara yang mempunyai dokumen yang sah (sama ada dalam bentuk dokumen asal atau salinan) untuk masuk ke

6.1.5 Ketua Pusat Pemberian Vaksin (PPV) memastikan petugas tidak mengenakan proses sanitasi dan perlu manyantuni individu bukan warganegara yang hadir ke PPV;

6.1.6 Bagi individu bukan warganegara yang mempunyai dokumen yang sah dan telah mempunyai aplikasi MySejahtera, petugas boleh meneruskan proses vaksinasi sedia ada;

6.1.7 Bagi individu bukan warganegara yang mempunyai dokumen yang sah, tetapi tidak mempunyai aplikasi MySejahtera, petugas akan membantu mereka untuk

6.2 Proses pemberian vaksin kepada individu bukan warganegara berikut:

i) **Tidak mempunyai dokumen perjalanan yang sah, tinggal lebih masa dan melanggar syarat pas/permit**;

ii) **Individu yang tinggal di Sabah yang memegang pelbagai dokumen seperti IMM13, Sijil Banci, Kad Burung-Burung** dan sebagainya;

iii) **Pelarian *(Refugees)* yang memegang dokumen identiti yang dikeluarkan oleh Pejabat United Nations High Commissioner for Refugees (UNHCR) Kuala Lumpur** (selaras dengan Arahan MKN No. 23) termasuk yang mempunyai dokumen yang telah luput oleh kerana masalah pembaharuan akibat pandemik

6.2.1 Ketua PPV perlu memastikan PPV dilengkapi dengan maklumat panduan mengisi borang persetujuan vaksinasi (*consent form*) dalam pelbagai bahasa yang dipaparkan secara manual atau digital secara berterusan;

6.2.2 Ketua PPV boleh mendapatkan bantuan jurubahasa untuk membantu proses di PPV;

6.2.3 Ketua Pusat Pemberian Vaksin (PPV) memastikan petugas tidak mengenakan proses sanitasi dan perlu manyantuni individu bukan warganegara yang hadir ke PPV;

6.2.4 Ketua Pusat Pemberian Vaksin (PPV) memastikan petugas membenarkan individu bukan warganegara dalam kategori i, ii dan iii untuk masuk ke fasiliti tertakluk kepada status COVID-19;

6.2.5 Petugas mendaftarkan individu bukan warganegara kategori i, ii dan iii di dalam sistem pendaftaran yang boleh diakses melalui pautan berikut https://citfidlife.herokuapp.com/ dengan melengkapkan maklumat-maklumat berikut:


a) Nama
b) Negara asal
c) Tarikh lahir
d) Negeri bermastautin
e) Daerah bermastautin
f) Gambar profil

6.2.6 *Unique ID* yang akan diwujudkan melalui pendaftaran tersebut akan digunakan sebagai pengenalan diri di dalam sistem MyVAS untuk meneruskan proses vaksinasi sedia ada;


6.2.7 Maklumat vaksinasi dilaporkan kepada sekretariat diselaraskan sebaik tamat pengoperasian PPV pada hari tersebut.

PROSES PENDAFTARAN PENERIMA VAKSIN BUKAN WARGANEGARA (senarai 4.2, 4.3 dan 4.4)


1. Log masuk ke https://citfidlife.herokuapp.com/ , lengkapkan maklumat dan tekan *submit*



2. Salin *unique* ID yang dipaparkan



3. Buka sistem MyVas dan tekan *add vaccinee*



21. *Urban poverty* masih merupakan isu yang belum diatasi, adakah Kerajaan Negeri mempunyai kaedah baru yang lebih komprehensif seperti negara China untuk menyelesaikan masalah ini?

(a) Nyatakan had tempoh masa yang disasarkan?

JAWAPAN OLEH YAB. KETUA MENTERI:

21. *Urban poverty* atau kemiskinan bandar merupakan masalah sosioekonomi yang dihadapi oleh semua negara maju mahupun negara membangun. Kemiskinan dapat dikenal pasti berdasarkan kekurangan sumber pendapatan untuk memperoleh keperluan asas, tingkat pendidikan yang rendah, tidak memiliki harta benda, tidak sihat tubuh badan, kekurangan makanan dan pakaian, tiada tempat tinggal yang selesa dan tiada pekerjaan yang dapat menjamin kelangsungan hidup. Keadaan ini menyebabkan isi rumah miskin tidak mampu untuk keluar daripada lingkaran kemiskinan sekiranya tiada bantuan dan sokongan daripada pihak berkuasa.

Kemiskinan juga didefinisikan berdasarkan Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) yang merupakan satu nilai yang menjadi indikator pengukuran insiden kemiskinan mutlak di dalam kelompok masyarakat. PGK 2019 telah berkuat kuasa pada 1 Februari 2021 dengan pendapatan per kapita (PPK) menggunakan PGK 2019 bagi kategori miskin meningkat kepada RM594 berbanding RM244 bagi PGK 2016 di peringkat nasional. Di peringkat Negeri Pulau Pinang pula, pendapatan per kapita menggunakan PGK 2019 bagi kategori miskin meningkat kepada RM581 berbanding RM258 bagi PGK 2016. Walau bagaimanapun, kadar PPK RM260 masih kekal diguna pakai bagi penyaluran bantuan berkaitan di bawah peruntukan Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

Justeru, sebagai sebuah pentadbiran yang prihatin terhadap nasib rakyat, Kerajaan Negeri telah melaksanakan pelbagai inisiatif untuk membantu rakyat Pulau Pinang untuk keluar dari kepompong kemiskinan. Antara inisiatif yang dilaksanakan adalah:

(i) Menyalurkan bantuan kewangan di bawah peruntukan Kerajaan Negeri. Bantuan-bantuan di bawah seliaan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) ini merangkumi Bantuan Agenda Ekonomi Saksama (BAES) secara bulanan manakala bantuan-bantuan lain seperti Bantuan Pendidikan Pelajar Miskin, Bantuan Bencana Alam, Tabung Bantuan Segera Negeri, Bantuan Latihan Sambil Belajar dan Bantuan Alat Tiruan/Alat Sokongan;

(ii) Memberi bantuan kewangan secara bulanan melalui Program BAES untuk membantu dan membasmi kemiskinan di Pulau Pinang. Pemberian BAES merupakan kesinambungan pemberian Bantuan Am JKM yang dijenamakan semula daripada Program Agenda Ekonomi Saksama (AES). Setiap Ketua Isi Rumah (KIR) yang memenuhi syarat-syarat kelayakan penerimaan BAES akan dibayar pada kadar antara RM100 (minimum) sehingga RM1,300 (maksimum) sebulan;

(iii) Melaksanakan Program "*2 Years Exit Programme*" (2YEP) kepada penerima-penerima bantuan JKM yang layak. Program yang berkonsepkan kebajikan produktif ini menyediakan peserta program ke arah kehidupan yang lebih berdikari agar tidak bergantung kepada bantuan kerajaan semata-mata untuk sara hidup selain mewujudkan peluang penjanaan sumber pendapatan yang stabil dan berterusan kepada peserta program;

(iv) Bantuan Bina Baru merupakan antara bantuan yang diberikan kepada golongan miskin untuk menampung perbelanjaan membina rumah kediaman yang lebih selamat dan sesuai untuk didiami. Bantuan Baik Pulih Rumah pula diberikan untuk menampung kos-kos membaik pulih rumah kediaman yang rosak agar bebanan implikasi kewangan tersebut kepada golongan miskin dapat dikurangkan;

(v) Mengadakan kursus-kursus kemahiran di bawah Program Pembangunan Modal Insan. Melalui program ini, keluarga miskin digalakkan menyertai kursus-kursus kemahiran tertentu seperti kursus masakan atau jahitan supaya kemahiran tersebut boleh dimanfaatkan untuk menjana pendapatan dan hidup berdikari tanpa perlu bergantung kepada bantuan kerajaan;

(vi) Melaksanakan Program Peningkatan dan Pemulihan Ekonomi di bawah Program Peningkatan dan Pemulihan Ekonomi. Program ini memfokuskan kepada peniaga kecil sepenuh masa termasuk golongan miskin yang menjalankan perniagaan. Individu yang telah menjalankan perniagaan sekurang-kurangnya satu (1) tahun dan berpendapatan kurang daripada RM3,000 sebulan adalah layak untuk mendapat bantuan peralatan dalam usaha mengembangkan lagi perniagaan sedia ada;

(vii) Menyediakan perkhidmatan Skim Pinjaman Harapan (SPH) kepada usahawan atau anak negeri yang ingin menceburi bidang keusahawanan. SPH di bawah seliaan Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) ini menyediakan saluran modal tambahan yang mudah dan tidak membebankan peminjam tanpa syarat-syarat kelayakan yang kompleks dan menyukarkan proses pinjaman. Program pinjaman mikro kredit memberi peluang kepada usahawan tempatan, penganggur dan golongan B40 untuk menceburi bidang keusahawan dengan membuat pinjaman wang tanpa sebarang cagaran dan penjamin. Golongan miskin ini dapat menggunakan pinjaman yang disediakan ini untuk mengubah nasib hidup mereka;

(viii) Menyediakan kemudahan pinjaman kredit Tabung Usahawan Tani (TUT) Negeri Pulau Pinang. Tabung pinjaman mikro kredit tanpa faedah ini diwujudkan bagi memberi dorongan kepada penternak, petani dan nelayan dalam golongan B40 khususnya untuk menjadikan sektor industri asas tani sebagai kerjaya dan punca pendapatan yang besar. Dahulunya dikenali sebagai Tabung Usahawan Tani Muda (TUTM) dan memfokuskan kepada belia, kini had umur tabung tersebut telah diperluas kepada peminjam berumur 18 hingga 60 tahun; dan

(ix) Memberi bantuan makanan kepada golongan sasar yang telah dikenal pasti termasuklah golongan miskin. Program yang dinamakan sebagai Program Mutiara Foodbank ini berkonsepkan pengagihan semula makanan yang diselamatkan dan masih boleh dimakan dari pelbagai pasar raya sekitar Pulau Pinang kepada penerima manfaat.

(a) Kerajaan Negeri akan sentiasa komited melaksanakan inisiatif-inisiatif pembasmian kemiskinan secara berterusan bagi memastikan kehidupan asas rakyat di Pulau Pinang terjamin. Justeru, tiada tempoh masa yang ditetapkan.

22. Apakah rancangan Kerajaan Negeri seterusnya untuk mereka yang telah divaksinasi dua kali?


JAWAPAN OLEH YAB. KETUA MENTERI:

22. Kerajaan Negeri sentiasa mengadakan perbincangan bersama Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan Jabatan Kesihatan Negeri serta agensi-agensi lain dalam menentukan kaedah yang bersesuaian bagi mereka yang telah divaksin sebanyak 2 kali di negeri ini. Sebarang kemudahan yang diluluskan adalah mengikut Standard Operating Procedure (SOP) yang telah dikeluarkan oleh MKN dari semasa ke semasa.

LAMPIRAN A menunjukkan kemudahan tambahan bagi individu lengkap vaksinasi dan sektor ekonomi yang dibenarkan yang dikeluarkan oleh MKN.


11 AKTIVITI EKONOMI
DALAM SEKTOR PERDAGANGAN DAN PENGEDARAN BOLEH KEMBALI BEROPERASI DI FASA 2
TERPAKAI KE ATAS FASA 2 PPN YANG MANA KADAR VAKSINASI LENGKAP BAGI POPULASI DEWASA DI NEGERI BERKENAAN TELAH MENCAPAI SEKURANG-KURANGNYA 50%
KEMENTERIAN/AGENSI BERTANGGUNGJAWAB : PDRM, KPDNHEP
TARIKH BERKUATKUASA 16 OGOS 2021
PELANGGAN YANG INGIN MEMANFAATKAN KEMUDAHAN INI MESTI TELAH LENGKAP VAKSINASI
2 DOS SUNTIKAN | PFIZER, ASTRAZENECA DAN SINOVAC SELEPAS HARI KE-14 DARI TARIKH SUNTIKAN DOS KEDUA.
1 DOS SUNTIKAN | JOHNSON & JOHNSON DAN CANSINO SELEPAS HARI KE-28 DARI TARIKH SUNTIKAN.
KEMUDAHAN
FASA 2
KEDAI BARANG FOTOGRAFI DAN PERKHIDMATAN FOTOGRAFI
KEDAI BARANGAN TERPAKAI
KEDAI BUNGA DAN NURSERI
KEDAI KRAFTANGAN DAN CENDERAHATI
KEDAI ANTIK
KEDAI ALAT PERMAINAN
KEDAI PERMAIDANI
KEDAI KANDUNGAN KREATIF DAN PERALATAN INDUSTRI KREATIF
KEDAI PERALATAN OUTDOOR
(TERMASUK PERALATAN PERKHEMAHAN, MEMANCING DAN LAIN-LAIN)
KEDAI KOSMETIK, PENJAGAAN KULIT DAN MINYAK WANGI
KEDAI TEMBAKAU
(TERMASUK VAPE DAN ROKOK ELEKTRONIK)


FASA-FASA PELAN PEMULIHAN NEGARA
SETAKAT 15 OGOS 2021
FASA 1
KEDAH
SELANGOR
W.P KUALA LUMPUR
NEGERI SEMBILAN
MELAKA
JOHOR
W.P PUTRAJAYA
FASA 2
PULAU PINANG
PERAK
KELANTAN
TERENGGANU
PAHANG
SABAH
FASA 3
PERLIS
SARAWAK
LABUAN
KERAJAAN MALAYSIA


11 AKTIVITI EKONOMI
DALAM SEKTOR PERDAGANGAN DAN PENGEDARAN BOLEH KEMBALI BEROPERASI DI FASA 2
TERPAKAI KE ATAS FASA 2 PPN YANG MANA KADAR VAKSINASI LENGKAP BAGI POPULASI DEWASA DI NEGERI BERKENAAN TELAH MENCAPAI SEKURANG-KURANGNYA 50%
KEMENTERIAN/AGENSI BERTANGGUNGJAWAB : PDRM, KPDNHEP
TARIKH BERKUATKUASA 16 OGOS 2021
PELANGGAN YANG INGIN MEMANFAATKAN KEMUDAHAN INI MESTI TELAH LENGKAP VAKSINASI
2 DOS SUNTIKAN | PFIZER, ASTRAZENECA DAN SINOVAC SELEPAS HARI KE-14 DARI TARIKH SUNTIKAN DOS KEDUA.
1 DOS SUNTIKAN | JOHNSON & JOHNSON DAN CANSINO SELEPAS HARI KE-28 DARI TARIKH SUNTIKAN.
KEDAI BARANG FOTOGRAFI DAN PERKHIDMATAN FOTOGRAFI
KEDAI KRAFTANGAN DAN CENDERAHATI
KEDAI PERMAIDANI
KEDAI BARANGAN TERPAKAI
KEDAI ANTIK
KEDAI KANDUNGAN KREATIF DAN PERALATAN INDUSTRI KREATIF
KEDAI BUNGA DAN NURSERI
KEDAI ALAT PERMAINAN
KEDAI KOSMETIK, PENJAGAAN KULIT DAN MINYAK WANGI
KEDAI PERALATAN OUTDOOR
(TERMASUK PERALATAN PERKHEMAHAN, MEMANCING DAN LAIN-LAIN)
KEDAI TEMBAKAU
(TERMASUK VAPE DAN ROKOK ELEKTRONIK)
PERATURAN DAN GARIS PANDUAN
Pemilik premis wajib sediakan kod QR MySejahtera, buku pendaftaran kehadiran pelanggan, hand sanitizer dan pengimbas suhu
Pemilik premis, pekerja dan pelanggan wajib check in guna MySejahtera atau buku pendaftaran kehadiran pelanggan
Pemilik premis perlu pastikan amalan pemakaian pelitup muka dan penjarakan fizikal sentiasa dipatuhi
Pemilik premis perlu pastikan pelanggan yang ingin memasuki premis/pasar mesti menunjukkan kad/sijil digital vaksinasi COVID-19 yang membuktikan pelanggan tersebut telah divaksin lengkap
Suhu lebih 37.5 darjah celcius tidak dibenarkan memasuki premis
Memakai gloves, menghadkan masa urusan antara pekerja dan pelanggan serta tidak membuka fitting room
FASA-FASA PELAN PEMULIHAN NEGARA
SETAKAT 15 OGOS 2021
FASA 1
KEDAH
SELANGOR
W.P KUALA LUMPUR
NEGERI SEMBILAN
MELAKA
JOHOR
W.P PUTRAJAYA
FASA 2
PULAU PINANG
PERAK
KELANTAN
TERENGGANU
PAHANG
SABAH
FASA 3
PERLIS
SARAWAK
LABUAN
KERAJAAN MALAYSIA

19 Ogos 2021

KEMUDAHAN TAMBAHAN SEKTOR SOSIAL DAN EKONOMI BAGI INDIVIDU VAKSINASI LENGKAP (FASA 1 PPN & SETERUSNYA)

BERKUATKUASA : JUMAAT, 20 OGOS 2021



MAKSUD VAKSINASI LENGKAP

VAKSIN COVID-19 2 SUNTIKAN (Pfizer, AstraZeneca dan Sinovac)	**14 HARI SELEPAS** SUNTIKAN DOS KEDUA
VAKSIN COVID-19 1 SUNTIKAN (CanSino dan Johnson & Johnson)	**28 HARI SELEPAS** SUNTIKAN

AKTIVITI *DINE-IN* BAGI NEGERI-NEGERI FASA 1 PPN

- Menyediakan **lebih banyak ruang tempat makan** di bahagian luar premis bagi pengudaraan yang lebih baik.
- Pemilik premis kedai makan perlu pastikan individu yang memasuki premis untuk *dine-in* **MESTI** menunjukkan **Kad / Sijil Digital Vaksinasi COVID-19.**
- **DIBENARKAN** membawa anak-anak berusia 17 tahun dan ke bawah untuk *dine-in* di premis tersebut dengan **mematuhi protokol kesihatan umum**.

AKTIVITI SUKAN, REKREASI & RIADAH

Tanpa sentuhan fizikal & bukan berkumpulan

- Masa : **6.00 pagi - 10.00 malam**
- Patuhi penjarakan fizikal dan dilakukan di kawasan terbuka *(outdoor)* termasuk separa terbuka.
- **Aktiviti di *club house* :**
  - ✓ *Dine-in* di restoran / kafe - **DIBENARKAN** (selaras dengan kebenaran *dine-in*)
  - ✗ Operasi bilik persalinan / bilik mandi - **TIDAK DIBENARKAN**
- Joging, senaman, taichi, berbasikal, *skateboarding*, memancing, ekuestarian, memanah, mendaki, tenis *(single)*, badminton *(single)*, golf, permotoran & seumpamanya.
- Perkelahan & perkhemahan :
  - ✓ Penyertaan anak-anak berusia 17 tahun dan ke bawah adalah **DIBENARKAN** dengan pematuhan **SOP yang ketat**.

OPERASI PASAR MALAM & PASAR MINGGU

- **PASTIKAN** pelanggan yang memasuki kawasan pasar malam / pasar minggu **MESTI** menunjukkan **Kad / Sijil Digital Vaksinasi COVID-19**.

www.mkn.gov.my | Majlis Keselamatan Negara | @MKNJPM | Majlis Keselamatan Negara (Rasmi) | @mkn_rasmi | MKNTV

23. Apakah rancangan Kerajaan Negeri untuk membantu mereka yang kehilangan pekerjaan dan perniagaan mereka yang gulung tikar akibat kesan pandemik COVID-19?

JAWAPAN OLEH YAB. KETUA MENTERI:

23. Kerajaan Negeri telah menyediakan pelbagai bantuan segera kepada mereka yang kehilangan pekerjaan dan mengalami penutupan operasi perniagaan melalui Pakej Bantuan Khas Rakyat Pulau Pinang (Penang Lawan COVID-19). Antara bantuan segera yang disediakan adalah penyediaan bakul makanan / pek makanan kering kepada penduduk terkesan dan bayaran bantuan *one-off* kepada peniaga-peniaga yang tidak dapat membuka perniagaan seperti biasa.

Selain itu, Kerajaan Negeri Pulau Pinang menerusi Pusat Bantuan Kerjaya dan Bakat Pulau Pinang (Pusat CAT) telah melaksanakan inisiatif-inisiatif untuk membantu rakyat Pulau Pinang yang kehilangan kerja akibat diberhentikan kerja dan penutupan operasi perniagaan disebabkan oleh penularan pandemik COVID-19 seperti berikut:

(i) Menjalankan pemadanan kerja secara berkumpulan (*group job matching*) untuk membantu pencari kerja dengan menjalankan pemadanan jawatan bersesuaian apabila menerima permintaan daripada majikan/syarikat. Pusat CAT akan mendapatkan maklumat tentang jenis pekerjaan untuk syarikat yang mengalami penutupan. Susulan itu, Pusat CAT akan menjalani prosedur pemadanan kerja secara berkumpulan dengan syarikat yang memperluaskan operasi;

(ii) Laman sesawang Pusat CAT menjadi satu titik tumpuan kepada majikan dan juga pencari kerja. Melalui perkhidmatan percuma laman sesawang Pusat CAT ini, pihak majikan dapat mempromosi peluang pekerjaan yang ditawarkan manakala pencari kerja juga dapat memohon pekerjaan yang ditawarkan menerusi laman sesawang tersebut;

(iii) Jangkauan kepada agensi-agensi pekerjaan lain secara proaktif bagi memahami peluang-peluang pekerjaan yang aktif untuk dipanjangkan kepada pencari kerja melalui laman sesawang serta *Facebook* Pusat CAT;

(iv) Menganjurkan siri *webinar* bertajuk *Onwards & Upwards: Explore New Careers in Penang* di bawah kempen *My Penang, My Workplace* yang bertujuan untuk membantu golongan yang hilang pekerjaan dan sumber pendapatan. Siri *webinar* tersebut memaparkan perkongsian oleh wakil daripada syarikat-syarikat di Pulau Pinang kepada pencari kerja khususnya golongan yang hilang pekerjaan dan sumber pendapatan, lepasan graduan dan pelajar-pelajar institut pengajian tinggi mengenai peluang pekerjaan di syarikat masing-masing di samping keistimewaan bekerja di syarikat-syarikat tersebut. Sebanyak dua (2) sesi *webinar* telah dianjurkan pada bulan Mac dan Mei 2021 yang melibatkan lapan (8) buah syarikat manakala tiga (3) sesi lagi akan dijalankan pada bulan Ogos dan suku keempat tahun 2021;

(v) Bekerjasama dengan Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) dalam membantu pencari kerja melalui program-program seperti latihan, kaunseling, insentif kewangan dan lain-lain; dan

(vi) Bekerjasama dengan agensi-agensi lain untuk mempromosikan maklumat tentang peluang pekerjaan yang tersedia seperti dengan Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara (NCIA) bagi program JomKerja dan JomNiaga di bawah Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA) dan TalentCorp untuk program *Career Comeback.*

Selain itu, Kerajaan Negeri turut bekerjasama dengan agensi-agensi lain melalui InvestPenang untuk meneruskan usaha mempromosi dan menarik pelaburan, sama ada pelabur baharu ataupun penambahan pelaburan daripada pelabur sedia ada, di

samping membantu pembangunan Industri Kecil dan Sederhana (IKS) tempatan. Usaha ini akan mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan di Pulau Pinang dan memberi manfaat kepada pencari kerja. Berdasarkan pelaburan yang diluluskan dalam sektor pembuatan di Pulau Pinang dari Januari 2020 sehingga Mac 2021, dianggarkan sebanyak 15,596 peluang pekerjaan akan diwujudkan di Pulau Pinang secara berperingkat dalam tempoh tiga (3) hingga lima (5) tahun yang akan datang.

Sebagai tambahan, Kerajaan Negeri juga turut melaksanakan program-program bantuan bagi menggalakkan keusahawanan dalam kalangan rakyat Pulau Pinang khususnya kepada pencari kerja. Antara program-program yang dilaksanakan adalah seperti berikut:

(i) Skim Pinjaman Harapan (SPH)

Kerajaan Negeri melalui Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) telah melaksanakan Skim Pinjaman Harapan (SPH) bermula 2009 sehingga kini. Sehingga Julai 2021, seramai 3,662 usahawan/penerima bantuan pembiayaan mikro kredit yang telah diluluskan dengan jumlah pinjaman sebanyak RM20.37 juta telah disalurkan;

(ii) Tabung Usahawan Tani (TUT) Negeri Pulau Pinang

Kerajaan Negeri telah memperkenalkan Tabung Usahawan Tani (TUT) Negeri Pulau Pinang yang sebelum ini dikenali sebagai Tabung Usahawan Tani Muda (TUTM). TUT memberi dorongan kepada golongan belia termasuk para graduan untuk menjadikan sektor industri asas tani sebagai kerjaya dan berpotensi sebagai punca pendapatan yang lumayan. Sehingga Julai 2021, sebanyak RM980,000 telah diagihkan kepada 175 orang usahawan untuk menikmati kemudahan kredit ini; dan

(iii) Program Peningkatan dan Pemulihan Ekonomi (Bantuan Peralatan)

Program ini adalah untuk peniaga kecil sepenuh masa yang menjalankan perniagaan sekurang-kurangnya satu (1) tahun dan berpendapatan RM3,000.00 sebulan. Bantuan ini diberikan untuk mengembangkan perniagaan sedia ada bagi memperoleh hasil yang lebih lumayan.

24. Apakah tindakan/rancangan Kerajaan Negeri untuk membantu penyewa yang menghadapi kerugian dan/ atau hampir muflis akibat pandemik daripada terus ditekan/ dibuli oleh kompleks seperti Gurney Plaza, Queensbay Mall dan lain-lain untuk membayar sewa serta pampasan tinggi?

(a) Adakah Kerajaan Negeri boleh menaikkan taksiran/cukai tanah terhadap kompleks yang tidak bertimbang rasa?

JAWAPAN OLEH YAB. KETUA MENTERI

24. Kerajaan Negeri amat prihatin dan berhasrat membantu mengurangkan beban yang dihadapi oleh penyewa-penyewa premis perniagaan berikutan penularan pandemik COVID-19. Perlu ditekankan bahawa Kerajaan Negeri tidak terlibat dengan urusan perjanjian penyewaan/ jual beli hartanah antara penyewa dan pemilik premis di Gurney Plaza, Queensbay Mall dan lain-lain kompleks milikan pihak swasta. Oleh itu, perjanjian antara penyewa dan pemilik premis swasta adalah di luar bidang kuasa Kerajaan Negeri. Tindakan/ rancangan Kerajaan Negeri untuk membantu penyewa premis memastikan kelangsungan perniagaan adalah seperti berikut:

(i) Skim Pinjaman Kelangsungan Perniagaan (Skim PEKA PKS 3.0) yang merupakan pinjaman tanpa faedah dengan jumlah peruntukan sebanyak RM15.0 juta daripada Kerajaan Negeri. Skim ini diwujudkan bertujuan untuk menyediakan pinjaman modal pusingan secara cepat kepada Industri Kecil dan Sederhana (IKS) dan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) yang terjejas teruk akibat pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Permohonan dijangka akan dibuka oleh Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) pada 6 September hingga 30 September 2021;

(ii) Kerajaan Negeri telah melanjutkan tarikh akhir bayaran cukai tanah/ cukai bagi petak atau blok sementara daripada 31 Mei 2021 kepada 31 Ogos 2021. Pemilik tanah/ petak boleh membuat bayaran cukai tanah/ petak tanpa denda lewat sehingga 31 Ogos 2021;

(iii) Penyewa premis komersial milik Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) diberikan pengecualian bayaran sewa sebanyak 50% untuk tempoh enam (6) bulan mulai Julai hingga Disember 2021; dan

(iv) Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) telah memberikan rebat cukai taksiran kepada pengusaha-pengusaha kompleks beli-belah. Pada tahun 2020, pemberian rebat 100% diberikan daripada perbezaan kenaikan cukai taksiran dalam Senarai Nilaian Baru 2020 berbanding cukai taksiran pada tahun sebelumnya (2019). Pada tahun 2021 pula, pemberian rebat sebanyak 50% diberikan daripada perbezaan kenaikan cukai taksiran dalam Senarai Nilaian Baru 2020 berbanding cukai taksiran yang dikenakan pada tahun 2019.

(a) Dalam penentuan cukai taksiran/ tanah, Kerajaan Negeri hendaklah mematuhi peruntukan perundangan yang telah ditetapkan. Bagi cukai taksiran, Kerajaan Negeri perlu mematuhi Akta Kerajaan Tempatan 1976 yang telah menggariskan asas penentuan kadar taksiran. Bagi kadar cukai tanah pula, kadar yang digunakan sekarang merupakan kadar yang telah disemak pada tahun 1994 dan pelaksanaanya bermula 1 Januari 1996. Sehingga kini, Kerajaan Negeri masih belum berhasrat untuk menaikkan kadar cukai tanah walaupun kadar tersebut telah digunapakai sejak tahun 1996 iaitu 26 tahun yang lepas.

Justifikasi menaikkan cukai taksiran/ tanah terhadap kompleks yang tidak bertimbang rasa bukan merupakan justifikasi yang munasabah. Oleh itu, bagi perkara ini, Kerajaan Negeri tiada perancangan untuk menaikkan cukai taksiran/ tanah.

25. Adakah Kerajaan Negeri akan mempertimbangkan memberi semua kakitangan Kerajaan Negeri perlindungan insurans perubatan yang merangkumi COVID-19 supaya mereka juga boleh mendapatkan rawatan di hospital swasta?

JAWAPAN OLEH YAB. KETUA MENTERI

25. Setakat ini Kerajaan Negeri tidak mempunyai cadangan bagi memberi perlindungan insurans perubatan yang merangkumi COVID-19 kepada kakitangan Kerajaan Negeri. Justeru itu, Kerajaan Negeri lebih fokus untuk menangani wabak COVID-19 ini merebak di Pulau Pinang berbanding rawatan COVID-19.

26. Apakah kaedah dan/atau rancangan Kerajaan Negeri untuk meningkatkan hasil selain daripada penebusan tanah?

JAWAPAN OLEH YAB. KETUA MENTERI

26. Selain daripada penebusan tanah, berikut merupakan langkah-langkah Kerajaan Negeri untuk meningkatkan hasil:-

(i) **Memantau Kutipan Hasil Negeri.**

Bagi tahun 2021, kutipan hasil Kerajaan Negeri adalah dianggarkan berjumlah RM506.02 juta. Kerajaan Negeri sentiasa berusaha untuk mencapai sasaran kutipan yang telah dimuktamadkan disamping sentiasa menyemak laporan

kutipan hasil negeri secara bulanan serta mengadakan pelbagai mesyuarat berkaitan pengurusan kutipan hasil negeri secara berkala.

(ii) **Meningkatkan Hasil Negeri Melalui Aktiviti Pelaburan**

Antara langkah lain yang diambil oleh Kerajaan Negeri untuk meningkatkan hasil negeri adalah melalui aktiviti-aktiviti pelaburan, iaitu pelaburan dalam Simpanan Tetap, pelaburan dalam pasaran ekuiti serta memantau saham-saham baru.

(iii) **Meningkatkan Kutipan Tunggakan Hasil Negeri**

Sehingga Jun 2021, tunggakan keseluruhan hasil negeri adalah berjumlah RM93.59 juta. Sekiranya tunggakan hasil ini dapat dikutip, hasil negeri akan bertambah dan akan dapat mengurangkan tunggakan. Kerajaan Negeri sentiasa komited melipatgandakan usaha bagi meningkatkan hasil negeri dan mengurangkan tunggakan hasil dengan melakukan tindakan penguatkuasaan, perundangan dan pemantauan berterusan.

(iv) **Pelupusan Tanah Secara Tender Khas**

Pada masa ini, pelupusan tanah kerajaan adalah dibuat secara terus kepada pemohon tertentu dengan dikenakan bayaran premium mengikut harga pasaran semasa. Selain kaedah ini, kaedah pelupusan tanah secara tender khas akan dilaksanakan dimana tanah kerajaan akan dilupuskan (dijual) kepada pembida tertinggi tertakluk kepada syarat-syarat tertentu bagi menjana hasil yang lebih tinggi kepada Kerajaan Negeri.

(v) **Mewartakan Deposit Yang Tidak Dituntut**

Kerajaan Negeri mengambil tindakan menyemak status akaun-akaun deposit dan mewartakan deposit yang tidak dituntut selepas tempoh 12 bulan dari tarikh deposit tersebut boleh dikembalikan, supaya dapat dikreditkan ke dalam Akaun Hasil Disatukan. Tindakan ini secara tidak langsung akan dapat meningkatkan hasil negeri.

(vi) **Meningkatkan Jumlah Pemberian Daripada Kerajaan Persekutuan**

Kerajaan Negeri juga memohon kepada Kerajaan Persekutuan untuk meningkatkan jumlah pemberian kepada Kerajaan Negeri, memandangkan Pulau Pinang adalah di antara negeri yang tertinggi menyumbang kepada Pelaburan Langsung Asing (FDI) Malaysia dan ini sekaligus menyumbang kepada hasil negara berupa cukai. Pemberian-pemberian daripada Kerajaan Persekutuan ini termasuklah Pemberian Mengikut Bilangan Kepala, Pemberian Bayaran Perkhidmatan 10% Kerana Melaksanakan Projek-projek Pembangunan Persekutuan, Pemberian Pertambahan Hasil Kerajaan Persekutuan, Pemberian Membiayai Perbelanjaan Mengurus Di Bawah Senarai Bersama, Pemberian Pelancongan, Pemberian Berdasarkan Tahap Pembangunan Ekonomi, Infrastruktur Dan Kesejahteraan Hidup serta Pemberian Kerajaan Persekutuan kepada Kumpulan Wang Amanah Penyenggaraan Jalan Raya Negeri (MARRIS).

27. Apakah rancangan Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk menaik taraf Pelabuhan Pulau Pinang sehingga ia setanding dengan pelabuhan-pelabuhan antarabangsa seperti di Singapura dan Hong Kong?

JAWAPAN OLEH YAB. KETUA MENTERI:

27. Pelabuhan Pulau Pinang sememangnya telah diiktiraf sebagai pelabuhan yang bertaraf antarabangsa. Selain itu, dengan pematuhan Pelabuhan Pulau Pinang kepada *International Safety and Port Security (*ISPS*) Code*, ia membolehkan

Pelabuhan Pulau Pinang menerima kemasukan kapal-kapal antarabangsa. Prestasi pelabuhan juga turut dipantau menggunakan *Key Performance Indicator* (KPI) yang juga dipraktikkan di pelabuhan-pelabuhan antarabangsa. Sebagaimana pelabuhan-pelabuhan antarabangsa yang lain, Pelabuhan Pulau Pinang juga telah mewujudkan *Green Port Policy.* Pihak operator pelabuhan juga telah merancang dan melaksanakan inisiatif ke arah *smart port* dan *green energy.* Untuk perancangan jangka masa panjang*,* Pelabuhan Pulau Pinang akan menambah baik perkhidmatan yang disediakan melalui *operational improvement* seperti *improve yard planning* melalui *information system upgrade,* penggantian peralatan (*equipment)* dan memperbaiki struktur *yard*.

28. Apakah perkembangan atau kedudukan semasa pelaksanaan Pelan Induk Pengangkutan Pulau Pinang (PTMP)?

    (a) Nyatakan tahap pembinaan dan penyempurnaan secara progresif untuk setiap komponen yang berkaitan?

JAWAPAN OLEH YAB. KETUA MENTERI:

28. Perkembangan terkini bagi projek di bawah Pelan Induk Pengangkutan Pulau Pinang (PTMP) iaitu Projek Bayan Lepas *Light Rail Transit* (BLLRT) dan *Pan Island Link* 1 (PIL 1), *Pan Island Link* 2A (PIL2A) dan Projek Jalan-Jalan Utama dan Terowong Dasar Laut adalah seperti berikut:

Bayan Lepas *Light Rail Transit* (BLLRT)

Fasa 1 (*segment* 1 – *segment* 4) LRT Laluan Bayan Lepas telah mendapat kelulusan Laporan *Environmental Impact Assessment* (EIA) pada 21 Februari 2020 dengan 63 syarat. Laporan Kajian Penilaian Impak Warisan (HIA) telah diluluskan oleh Jabatan Warisan Negara (JWN) pada 28 Ogos 2020. Manakala, laporan *Social Impact Assessment* (SIA) telah diluluskan pada 19 Jun 2020. Selain itu, Kerajaan Negeri sedang menyusuli kelulusan akhir untuk memuktamadkan Skim Rel yang telah mendapat kelulusan bersyarat pada 18 Julai 2019 dan dijangka akan mendapat kelulusan sepenuhnya daripada Agensi Pengangkutan Awam Darat (APAD) pada suku pertama tahun 2022 memandangkan Kerajaan Negeri dalam perbincangan bersama pihak Malaysia Airports Holdings Berhad (MAHB) untuk memuktamadkan jajaran dan stesen BLLRT di kawasan Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang seperti yang telah disyaratkan oleh pihak APAD untuk mendapat persetujuan bersama pihak MAHB sebelum kelulusan sepenuhnya diberikan oleh pihak APAD.

***Pan Island Link* (PIL 1)**

Projek PIL 1 telah mendapat kelulusan EIA pada 10 April 2019 dengan 56 syarat dan Laporan *Traffic Impact Assessment* (TIA) yang diluluskan oleh pihak Jabatan Kerja Raya (JKR) Negeri Pulau Pinang bersama Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) pada 24 Ogos 2018 dan kini Kerajaan Negeri bersama pihak Rakan Pelaksana Projek (PDP) dalam proses mendapatkan kelulusan bagi laporan *Environmental Management Plan* (EMP) daripada pihak Jabatan Alam Sekitar (JAS) Negeri Pulau Pinang.

Di samping itu, proses pelantikan perunding bagi kerja-kerja pelaksanaan projek PIL 1 sedang dijalankan dan dijangka akan memulakan kerja-kerja membuat reka bentuk pada akhir bulan September 2021 bagi *Phase* 1A iaitu daripada Tun Dr. Lim Chong Eu (LCE) *Interchange ke* Tun Dr. Awang *Interchange*.

***Pan Island Link* (PIL 2A)**

Projek PIL 2A kini di peringkat pelantikan perunding bagi kerja-kerja membuat reka bentuk dan dalam proses mendapatkan kelulusan-kelulusan yang berkaitan di peringkat Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri.

Jalan-Jalan Utama dan Terowong Dasar Laut

Bagi Projek Jalan-Jalan Utama, kelulusan wajib yang diperlukan iaitu kelulusan EIA telah diperoleh pada 7 November 2017 dengan 59 syarat. Kerajaan Negeri telah pun menandatangani perjanjian bagi fasa pembinaan untuk salah satu pakej projek Jalan-Jalan Utama iaitu Pakej 2 (Jalan Pintasan Lebuhraya Tun Dr. Lim Chong Eu ke Ayer Itam). Kerja-kerja awalan bagi fasa pembinaan Pakej 2 telah dijalankan bermula pada 31 Oktober 2019. Di samping itu, proses pengambilan balik tanah juga sedang dijalankan pada peringkat ini.

Bagi projek Jalan Berkembar dari Tanjung Bungah ke Teluk Bahang (Pakej 1) kini dalam proses menentukan opsyen jajaran yang bersesuaian dan Jalan Pintasan dari Persiaran Gurney ke Tun Dr. Lim Chong Eu (Pakej 3), pihak kontraktor kini sedang dalam tindakan memuktamadkan reka bentuk terperinci. Manakala untuk Terowong Dasar Laut (Pakej 4), pihak Kerajaan Negeri masih dalam tindakan memuktamadkan kelulusan bagi draf laporan kajian kebolehlaksanaan yang dikemukakan oleh pihak Consortium Zenith Construction Sdn.Bhd. (CZC).

(a) Secara amnya, kerja-kerja pembinaan untuk komponen projek di bawah PTMP masih belum bermula setakat ini secara fizikal di tapak. Walau bagaimanapun, projek Jalan-Jalan Utama dan Terowong bagi Pakej 2 untuk kerja-kerja awalan telah dijalankan di tapak bermula pada 31 Oktober 2019 yang lalu dan proses pengambilan balik tanah sedang dilaksanakan pada peringkat ini.

Penularan wabak COVID-19 dan kemelesetan ekonomi telah menyebabkan kelewatan dalam pelaksanaan projek di bawah PTMP ini dan telah menyebabkan banyak kerja-kerja yang berkaitan telah tertangguh. Oleh yang demikian, Kerajaan Negeri telah membuat beberapa perancangan sewajarnya bagi memastikan kerja-kerja pembinaan dapat dijalankan dengan kadar segera dan mendapatkan semua kelulusan untuk setiap komponen seperti yang telah ditetapkan oleh setiap agensi yang berkaitan.

29. Kes penagih dadah masih berleluasa di Pulau Pinang, adakah Kerajaan Negeri mempunyai pelan tindakan yang baru untuk mengatasi masalah ini?

JAWAPAN OLEH YAB. KETUA MENTERI:

29. Kerajaan Negeri dengan kerjasama Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) bagi sepanjang tempoh 3 tahun kebelakang iaitu 2018, 2019 dan 2020, mendapati bilangan penagih dan penyalahguna dadah serta bahan di negeri Pulau Pinang menurun setiap tahun. Ini dapat dilihat melalui perbandingan data pada tahun 2018 dan 2019 yang mana berlaku penurunan 9,084 orang kepada 8,987 orang iaitu penurunan sebanyak 1.1 peratus. Manakala perbandingan data pada tahun 2019 dan 2020 juga menurun daripada 8,987 orang kepada 7,884 orang iaitu penurunan sebanyak 12.3 peratus.

Di samping usaha sedia ada yang akan terus dilaksanakan, pada tahun 2021, tumpuan kepada aspek pencegahan dadah bagi membendung kewujudan penagih baharu melalui tindakan pengekangan permintaan terhadap dadah *(demand reduction)* dan pengekangan penawaran terhadap dadah *(supply reduction)* secara total oleh agensi penguatkuasaan terlibat iaitu AADK, Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Kastam DiRaja Malaysia (KASTAM) dan lain-lain. Pihak Kerajaan Negeri Pulau Pinang sentiasa menyokong usaha-usaha yang dijalankan oleh pihak AADK dan PDRM khususnya. Di bawah Arahan YAB Perdana Menteri No.1 Tahun 2004, melalui Jentera Penyelarasan Pelaksanaan Dasar Membanteras Gejala Dadah Negara, platform Majlis Tindakan Membanteras Dadah (MTMD) Peringkat Negeri Pulau Pinang yang dipengerusikan oleh Y.A.B. Ketua Menteri, usaha untuk menangani isu permasalahan dadah sentiasa menjadi keutamaan oleh Kerajaan Negeri ini.

Bagi mengekang gejala permasalahan dadah di negara ini dan mempertingkatkan usaha menanganinya, bertindak sebagai *lead agency* dalam menangani permasalahan dadah di Negara ini, AADK telah memperkenalkan Sasaran **"Dadah Terkawal 2025"**. Bagi merealisasikan "Dadah Terkawal 2025", Kerajaan Negeri Pulau Pinang komited untuk menjayakan "**Fokus 5 Tahun Penang Lawan Ancaman Dadah''** dibawah Agensi Antidadah Kebangsaan Negeri Pulau Pinang kearah sasaran Dadah Terkawal 2025 melalui empat (4) Strategi utama iaitu:

(a) Penghijauan Kawasan Berisiko Tinggi (KBT) Penyalahgunaan Dadah dan Substan;

(b) Pendidikan Pencegahan Dadah melalui Pemerkasaan Golongan Remaja dan Belia melalui Gerak Skuad Antidadah, Tempat Kerja Bebas Dadah (TEKAD) di semua jabatan kerajaan negeri dan persekutuan, pemantapan institusi kekeluargaan dan institusi Pendidikan;

(c) Pengukuhan Program Rawatan dan Pemulihan Penagihan Dadah; melibatkan Pusat Pemulihan Penagihan Narkotik (PUSPEN) dan Pemulihan Dalam Komuniti; dan

(d) Pengekangan Penawaran Dadah Melalui Tindakan Penguatkuasaan (oleh pelbagai agensi penguatkuasaan)

Dengan strategi ditetapkan, jangkaan dalam lima (5) tahun akan mencapai penurunan penagih baru, penagih dadah dapat rawatan dan dipulihkan, pengekalan kepulihan penagih dan pemilikhakkan program komuniti di kesemua 7 KBT. Seterusnya mencapai jangkauan bilangan penyalahguna dan penagih dadah serta bahan yang ditetapkan pada tahun 2025 ke tahap kadar 0.4 peratus atau seramai 400 orang penyalahguna dan penagih dadah serta bahan per 100 ribu penduduk (prevalens nasional). Bagi mendokong tindakan-tindakan menangani permasalahan penyalahgunaan dadah dan substan di negeri ini, Kerajaan Negeri bekerjasama erat dengan AADK dalam menjayakan inisiatif-inisiatif berikut :

INISIATIF 1 : Penghijauan Kawasan Berisiko Tinggi Penyalahgunaan Dadah dan Substan dan substan

Di seluruh negara, sebanyak 155 KBT Penyalahgunaan Dadah dan Substan telah dikenal pasti. Bagi mencapai Dadah Terkawal 2025, usaha penghijauan keatas 155 KBT di negara ini menjadi fokus utama dalam tempoh 5 tahun bermula 2021 sehingga 2025. Daripada 155 KBT tersebut, 7 KBT adalah di negeri ini melibatkan **Mukim 1** (Daerah Seberang Perai Utara), **Mukim 16**, **Mukim 19**, **Mukim 20**, **Mukim 20** (Daerah Seberang Perai Tengah), **Mukim 12** (Daerah Barat Daya) dan **Mukim 13** (Daerah Timur Laut). Inisiatif ini melibatkan komitmen 9 Kementerian dan 15 jabatan / agensi kerajaan, Badan Bukan Kerajaan (NGO), pemimpin dan komuniti setempat serta semua Ahli Parlimen dan ADUN. Sasaran penghijauan kawasan telah ditetapkan keatas Mukim 1 dan Mukim 21 bagi tahun 2021; Mukim 19, Mukim 20 dan Mukim 13 bagi tahun 2022 ; Mukim 12 bagi tahun 2023 ; Mukim 16 bagi tahun 2024. Manakala bagi tahun 2025 merupakan tindakan pengekalan dan penilaian keatas ke semua KBT.

Dalam mencapai objektif Penghijauan Kawasan Berisiko Tinggi bagi mengurangkan penagih baru yang dikesan, meningkatkan perkhidmatan rawatan pemulihan dan meningkatkan kerjasama serta penglibatan komuniti setempat dan pelbagai agensi pelaksana, status penghijauan KBT akan dinilai berdasarkan indikator berikut:

(i) Penglibatan kumpulan sasar menyertai program pencegahan;

(ii) Bilangan penagih baru dalam KBT;

(iii) Bilangan kumpulan sasar menerima mesej antidadah;

(iv) Kes baru yang dikesan mendapat perkhidmatan rawatan pemulihan

(v) Klien dalam komuniti menjalani Program Rawatan Pemulihan;

(vi) Klien dalam komuniti tidak komplian dikesan;

(vii) Klien dalam komuniti kekal pulih dalam tempoh 2 tahun pengawasan;

(viii) Penggerak komuniti yang dilatih terlibat sebagai perancang, pelaksana dan pemilikhak dalam semua program pencegahan, rawatan pemulihan dan penguatkuasaan;

(ix) Usaha supportif (dana, sumber manusia, logistik dan fasiliti); dan

(x) Tahap kesediaan komuniti

Berdasarkan pendekatan yang telah dilaksanakan di Kawasan Rintis Guar Perahu, Penanti berdasarkan 8 segmen, ia akan diperluaskan ke Kawasan Berisiko Tinggi lain di negeri ini meliputi Segmen Keselamatan, Segmen Kerohanian, Segmen Pendidikan, Kemahiran Pekerjaan, Segmen Sukan dan Rekreasi, Segmen Kebersihan dan Infrastruktur, Segmen Kekeluargaan dan Segmen Keprihatinan dan Khidmat Masyarakat.

Bagi menjayakan inisiatif ini, Kerajaan Negeri Pulau Pinang melalui Majlis Tindakan Membanteras Dadah (MTMD) Peringkat Negeri Pulau Pinang Bilangan 1 Tahun 2021 pada 20 April 2021, telah meluluskan peruntukan sebanyak RM 318,000.00. Sebagai sokongan kepada inisiatif ini, Kerajaan Negeri Pulau Pinang juga bekerjasama dengan AADK melalui pemasangan papan tanda/*billboard* di 7 Kawasan Berisiko Tinggi dengan kos sebanyak RM 12,850.00.

Inisiatif Kedua : Pemerkasaan Kesukarelaan Belia Negeri Pulau Pinang melalui "Gerak Skuad Antidadah"

Inisiatif Gerak Skuad Antidadah Ke Arah Pemerkasaan Kesukarelaan Belia Negeri Pulau Pinang merupakan usaha untuk memperkasa gelombang kesukarelaan dalam kalangan remaja dan belia yang berumur 18 hingga 45 tahun di negeri ini supaya bukan sahaja bertujuan untuk peningkatan kefahaman tentang risiko penyalahgunaan dadah dalam kalangan anak muda, malah golongan ini juga menjadi penggerak kepada program-program pencegahan dadah dalam komuniti. Dengan pendedahan dan penglibatan secara langsung golongan ini dalam usaha-usaha yang dijalankan maka golongan ini bukan sahaja menjadi agen penggerak malah inisiatif ini menjadi meningkatkan faktor pelindung dan mengurangkan faktor risiko penyalahgunaan dadah dan substan dalam kalangan remaja dan belia.

Melalui Majlis Tindakan Membanteras Dadah (MTMD) Peringkat Negeri Bilangan 1 Tahun 2021, Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah memperuntukan sebanyak RM219,000.00 untuk tempoh 5 tahun dengan peruntukan tahunan sebanyak RM 43,800.00 mulai 2021 bagi pelaksanaan inisiatif tersebut. Peruntukan ini mengambil kira perancangan dan penyelarasan di peringkat Jawatankuasa Skuad Antidadah di peringkat Negeri dan Daerah, latihan dan peningkatan kemahiran ahli Skuad Antidadah, pelaksanaan program Gerak Skuad Antidadah dan pemantauan serta penilaian yang akan dibuat setiap tahun.

Inisiatif Ketiga : Tempat Kerja Bebas Dadah Di Jabatan / Agensi Kerajaan Negeri Pulau Pinang

Inisiatif Tempat Kerja Bebas Dadah Di Jabatan/Agensi Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah dibentangkan dan diluluskan dalam Mesyuarat Majlis Tindakan Membanteras Dadah (MTMD) Peringkat Negeri Pulau Pinang Bilangan 1 Tahun 2021. Tumpuan kepada inisiatif ini adalah golongan pekerja dan majikan dalam sektor kerajaan sama ada persekutuan mahupun negeri sebagai usaha pencegahan penyalahgunaan dadah dan substan dalam sektor awam. Ianya juga bertujuan untuk memastikan majikan memainkan peranan sewajarnya dalam memberikan kesedaran dan melaksanakan langkah-langkah pencegahan penyalahgunaan dadah di jabatan masing-masing.

Disamping penilaian, persijilan dan pengiktirafan yang akan dilaksanakan, inisiatif ini juga menggariskan tujuh (7) langkah yang perlu dilaksanakan oleh setiap jabatan dan kos adalah dibawah komitmen jabatan / agensi masing-masing. Tujuh (7) langkah pelaksanaan inisiatif ini merangkumi:

(i) Kepimpinan dan Komitmen Pengurusan Atasan;

(ii) Pewujudan Polisi dan Jawatankuasa Antidadah Di Tempat Kerja;

(iii) Pelaksanaan Latihan Kepada Penyelia;

(iv) Program Pendidikan dan Kesedaran Kepada Pekerja;

(v) Pelaksanaan Program Rawatan dan Pemulihan Dadah sekiranya ada pekerja yang terlibat dalam penyalahgunaan dadah dan substan;

(vi) Pelaksanaan Program Tanggungjawab Sosial Korporat; dan

(vii) Pengintegrasian Semula Di Tempat Kerja bagi pekerja yang telah menjalani rawatan dan pemulihan dan diberi peluang kedua untuk bekerja.

Pelaksanaan inisiatif ini berdasarkan tempoh ditetapkan sepanjang 5 tahun bermula 2021 sehingga 2025 dimana bagi tempoh suku kedua 2021 sehingga suku kedua 2022 sasaran kepada jabatan / agensi dibawah kerajaan negeri; Manakala pada suku ketiga 2022 sehingga suku ketiga 2023 mensasarkan kesemua jabatan / agensi dibawah Dasar Dadah Negara (12 kementerian dan 15 jabatan) serta jabatan dibawah Kementerian Dalam Negeri; Manakala mulai suku keempat 2023 sehingga suku keempat 2024 mensasarkan jabatan / agensi di bawah persekutuan. Tindakan pengekalan diteruskan oleh kesemua jabatan / agensi sehingga tahun 2025.

Melalui platform Majlis Tindakan Membanteras Dadah (MTMD) Peringkat Negeri dan Majlis Tindakan Membanteras Dadah (MTMD) Peringkat Daerah yang bersidang sekurang-kurangya dua kali setahun, kerajaan negeri akan sentiasa membincangkan, memantau isu permasalahan dadah di negeri ini disamping menyokong dan memberikan komitmen sepenuhnya keatas apa juga usaha yang dilaksanakan bagi menangani permasalahan dadah di negeri ini seterusnya mencapai sasaran Dadah Terkawal 2025.

30. Kes perceraian Islam dan bukan Islam telah meningkat secara mendadak di Pulau Pinang kebelakangan ini, adakah Kerajaan Negeri mempunyai pelan tindakan yang lebih berkesan untuk mengatasi serta mengurangkan kadar kes perceraian?

JAWAPAN OLEH YAB. KETUA MENTERI:

30. Pada masa kini, Kerajaan Negeri tidak mempunyai pelan tindakan yang khusus yang mengatasi serta mengurangkan kadar kes penceraian melibatkan masyarakat Islam dan bukan Islam di Pulau Pinang. Namun, Kerajaan Negeri melalui Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang (JHEAIPP) telah melaksanakan beberapa usaha untuk mengurangkan kes penceraian di Pulau Pinang seperti berikut:

(a) Menyediakan saluran bantuan khidmat nasihat dan kaunseling melalui talian telefon khas. Inisiatif ini telah dimulakan sejak pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Fasa 3.0;

(b) Mengadakan program bimbingan dan kaunseling secara berkelompok oleh golongan pakar. Program berkonsepkan kelompok psikopendidikan ini telah dijalankan bermula Julai dan akan berlangsung hingga November 2021 secara dalam talian. Antara program yang telah dan akan diadakan adalah seperti berikut;

(i) Pengurusan Emosi pada 13 Julai 2021 dan 12 Ogos 2021;

(ii) Pengurusan Komunikasi pada 27 Julai 2021 dan 24 Ogos 2021;

(iii) Pengurusan Kewangan pada 26 Ogos 2021; dan

(iv) Isu-isu Perundangan pada bulan Oktober dan November 2021.

(c) Mengadakan program kekeluargaan, kovensyen, seminar dan ceramah. Program pada tahun ini akan hanya dijalankan secara dalam talian berikutan situasi pandemik COVID-19. Antara program yang telah diadakan adalah seperti berikut:

(i) Konvensyen Pemerkasaan Keluarga Bahagia Peringkat Negeri Pulau Pinang Dengan Tema “Merencana Kepimpinan Institusi Keluarga 2030”;

(ii) Program Jelajah Komuniti Keluarga Bahagia Peringkat Negeri Pulau Pinang;

(iii) Pidato Keluarga Sakinah;

(iv) Santuni Anak Istimewa: Pengurusan Anak-anak Berkeperluan Khas;dan

(v) Seminar Kesejahteraan Keluarga Peringkat Daerah.

Selain itu, Kerajaan Negeri juga telah meluluskan pelaksanaan Dasar Keluarga Selamat di Pulau Pinang. Dasar ini diperkenalkan sebagai usaha untuk membentuk keluarga selamat di Pulau Pinang dengan menangani kes keganasan rumah tangga. Salah satu strategi di bawah dasar ini adalah untuk menambahbaik kursus pra perkahwinan melibatkan semua penganut agama di Pulau Pinang. Usaha yang akan dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri di bawah dasar ini dapat memberikan pengetahuan kepada bakal pengantin mengenai implikasi keganasan rumah tangga dan penyediaan sistem sokongan di bawah dasar ini. Pelaksanaan dasar ini secara tidak langsung dapat mengurangkan kadar penceraian di Pulau Pinang.

VI. Ahli Kawasan Batu Lancang (YB. Ong Ah Teong) bertanya kepada YAB. Ketua Menteri:

1. Sila nyatakan statistik jumlah penerima vaksin COVID-19 mengikut daerah.

   (a) Apakah perancangan Jabatan Kesihatan Negeri untuk meningkatkan kadar tersebut?

JAWAPAN OLEH YAB. KETUA MENTERI

1. Sehingga 22 Ogos 2021, statistik jumlah penerima vaksin COVID-19 mengikut daerah adalah seperti berikut:

Prestasi Pencapaian Pemberian Vaksin mengikut

Daerah sehingga 22.8.2021 (MySejahtera)

Daerah	Bilangan Populasi 18 tahun ke atas berdaftar	Bilangan Diberi Vaksin	% diberi vaksin
Timur Laut	**374,087**	**292,650**	**78.2**
Barat Daya	**211,159**	**175,723**	**83.2**
Seberang Perai Utara	**235,052**	**180,872**	**77.0**
Seberang Perai Tengah	**300,837**	**206,114**	**68.5**
Seberang Perai Selatan	**157,977**	**111,534**	**70.6**
JUMLAH	**1,279,112**	**966,893**	**75.6**

Pulau Pinang juga telah melaksanakan Program Imunisasi Industri COVID-19 Kerjasama Awam-Swasta (*PIKAS*) melibatkan 16 lokasi di Industri, melibatkan 243,522 pekerja sehingga 25 Ogos 2021.

(a) Bagi meningkatkan pemberian vaksin di Pulau Pinang, bermula Ogos 2021, satu lagi Pusat Pemberian Vaksin Mega telah dibuka di SPICE Convention Centre yang mempunyai kapasiti 5000 dos sehari dan satu Pusat Pemberian Vaksin di Seberang Perai Tengah iaitu di Hotel Eminent Van Gohh, Bukit Mertajam dengan kapasiti 2000 dos sehari.

2. Program Penang Saring COVID-19 (PSC-19).

   (a) Apakah matlamat pelaksanaan Program PSC-19?

   (b) Adakah mereka yang positif COVID-19 dari program ini mendapat keutamaan untuk menerima suntikan vaksin?

JAWAPAN OLEH YAB. KETUA MENTERI:

2. (a) Program Saringan COVID-19 (PSC19) merupakan inisiatif Kerajaan Negeri Pulau Pinang yang telah diluluskan oleh Mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMK) pada 2 Jun 2021 dan disahkan pada 9 Jun 2021 bagi memperkasa langkah kesihatan awam di Negeri Pulau Pinang dalam menangani penularan

pandemik COVID-19 melalui program saringan komuniti secara bersasar melibatkan 40,000 saringan iaitu 1,000 saringan bagi setiap kawasan DUN.

Objektif pelaksanaan program PSC19 ini juga adalah bagi memutuskan rantaian virus tersebut menerusi langkah-langkah seperti berikut:

(i) Mengenal pasti seramai mungkin individu yang dijangkiti COVID-19;

(ii) Mengasingkan individu yang positif COVID-19 bagi tujuan memutuskan rantaian; dan

(iii) Mengawal dan mengelakkan jangkitan merebak ke kawasan bukan kluster sasaran terutamanya oleh *silent carrier* COVID-19.

(b) Program vaksinasi penduduk di Pulau Pinang adalah dibawah Kerajaan Persekutuan. Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri telah mengemukakan permohonan kepada Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang untuk memberi keutamaan suntikan vaksin kepada mereka yang didapati negatif setelah melaksanakan saringan di program PSC19.

3. Pandemik COVID-19 telah memberi impak kepada pertumbuhan ekonomi negeri.

(a) Sila nyatakan Pakej Ransangan Ekonomi Kerajaan Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan agensi negeri lain dalam membantu mengurangkan impak negatif ekonomi.

JAWAPAN OLEH YAB. KETUA MENTERI

3. Kerajaan Negeri telah mengambil pelbagai usaha untuk meringankan beban rakyat yang terkesan akibat penularan wabak COVID-19 di Negeri Pulau Pinang dan pada masa sama merangsang pertumbuhan ekonomi negeri. Antara langkah utama yang diambil bagi tujuan ini adalah pelaksanaan Pakej Bantuan Khas (Penang Lawan COVID-19) dengan implikasi kos keseluruhan berjumlah RM176.44 juta melalui beberapa fasa sejak tahun 2020. Pakej Bantuan Khas ini meliputi inisiatif yang disediakan oleh Kerajaan Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan dan agensi negeri yang lain.

Senarai bantuan yang disediakan di bawah pakej ini untuk membantu golongan yang terkesan dan merangsang pertumbuhan ekonomi negeri adalah seperti di **LAMPIRAN A**.

LAMPIRAN A

FASA 1

LAPORAN PERUNTUKAN DAN PERBELANJAAN PAKEJ BANTUAN KHAS (PENANG LAWAN COVID-19)

BIL.	PAKEJ BANTUAN	ANGGARAN PENERIMA MANFAAT	ANGGARAN PERUNTUKAN (RM)	BILANGAN PENERIMA SEBENAR	PERBELANJAAN SEBENAR (RM)	PERATUS BELANJA (%)	BAKI (RM)
1	One-off RM500 kepada peniaga dan penjaja berlesen	14,012 peniaga MBPP- 6957 MBSP- 6324	7,006,000.00	11,324 peniaga (MBPP- 6,806 MBSP- 4,518)	5,662,000.00	80.82	1,344,000.00
		FAMA – 731 (Pasar tani)	66,000.00	132	66,000.00	100.00	0.00
2	Bekalan peralatan keselamatan diri (*face mask, hand sanitizer* dll.)	Rakyat Pulau Pinang dan kakitangan barisan hadapan	10,000,000.00	Rakyat Pulau Pinang dan kakitangan barisan hadapan	8,416,587.00	84.17	1,583,413.00
3	Bantuan tunai one-off kepada pesakit COVID-19 Pulau Pinang	Pesakit dan waris COVID-19	300,000.00	92	46,500.00	15.50	253,500.00
4	One-off RM500 kepada pemandu pelancong berdaftar	1,367 pemandu pelancong	685,000.00	751	375,500.00	54.82	309,500.00
5	One-off RM500 kepada penerima bantuan Jabatan Kebajikan Masyarakat dan AES dibawah BPEN	18,007 (JKM)	9,003,500.00	18,087	9,043,500.00	100.44	-40,000.00
		650 (AES)	325,000.00	660	330,000.00	101.54	-5,000.00
6	Penambahan RM200 dalam wang insentif tahunan kepada penarik beca dan *upfront* RM300 (April, Mei, Jun)	318 penarik beca	63,600.00	189	94,500.00	148.58	-30,900.00
7	Penambahan RM200 dalam wang insentif tahunan kepada pemandu teksi dan *upfront* RM300 (bayaran fasa 2)	2,248 pemandu teksi	449,600.00	2,221	1,110,500.00	247.00	-660,900.00
8	One-off RM300 kepada pemandu e-hailing	10,000 pemandu e-hailing	3,000,000.00	8,390	2,517,000.00	83.90	483,000.00
9	Bantuan kewangan khas kepada masjid dan surau	226 masjid, 538 surau	495,000.00	226 masjid, 476 surau	464,000.00	93.74	31,000.00
10	Bantuan Khas Kewangan one-off RM300 kepada kakitangan barisan hadapan kedua-dua PBT	4,791 kakitangan MBPP-1700 MBSP - 3091	1,437,300.00	4,983 kakitangan MBPP - 1,892 MBSP - 3,091	1,494,900.00	104.01	-57,600.00
11	Bantuan Khas Kewangan one-off RM300 kepada 10,511 kakitangan barisan hadapan jabatan persekutuan.	Anggaran 11,000 ATM - 240 RELA - 164 PDRM - 1,787 JKNPP - 7,570 JIM - 450 APM - 300	3,300,000.00	ATM - 240	72,000.00	73.16	885,600.00
				RELA - 164	49,200.00		
				PDRM - 1,787	536,100.00		
				JKNPP - 5,107	1,532,100.00		
				APM - 300	90,000.00		
				JIM - 450	135,000.00		

12	Peruntukan khas RM30,000 kepada setiap ADUN	40 ADUN	1,200,000.00	40 ADUN	1,200,000.00	100.00	0.00
13	Pinjaman Tanpa Faedah Kelangsungan Perniagaan Pulau Pinang (*Penang Business Continuity Zero Interest Loan*)	SME dan Mikro	30,000,000.00	1,651	28,740,000.00	95.80	1,260,000.00
14	Bantuan zakat sebanyak RM3 juta kepada golongan asnaf	Golongan asnaf	3,000,000.00	6,000	3,000,000.00	100.00	0.00
15	Pengecualian sewa bulanan Rumah Sewa Kerajaan Negeri (RSKN) dan Projek Perumahan Rakyat (PPR) kelolaan Kerajaan Negeri	4,860 keluarga	932,844.00	-	932,844.00	-	-
16	Pengecualian sewa premis-premis perniagaan Kerajaan Negeri dan pihak berkuasa tempatan (PBT)	10,999 premis perniagaan	1,610,000.00	-	1,610,000.00	-	-
17	Penangguhan tempoh pembayaran kepada Kerajaan Negeri bagi cukai tanah/petak, bayaran skim sewa beli RSKN dan pinjaman (SPH, TUT dan penuntut)	Rakyat Pulau Pinang	-	-	-	-	-
	JUMLAH		**72,873,844.00**		**67,518,231.00**	**92.65**	**5,355,613.00**

	Kelulusan Tambahan						
18	Pegawai Penyelaras Khas Parlimen Tasek Gelugor/ Kepala Batas dan Balik Pulau (YAB KM)	Rakyat di Kawasan Parlimen berkaitan	60,000.00	Rakyat di Kawasan Parlimen berkaitan	60,000.00	100.00	0.00
19	Pengawai Penyelaras KADUN Penaga, Sungai Dua dan Permatang Berangan (YAB KM)	Rakyat di KADUN berkaitan	90,000.00	Rakyat di KADUN berkaitan	90,000.00	100.00	0.00
20	Bantuan untuk pelarian Rohingya (NGO)	Pelarian di Pulau Pinang	100,000.00	1	100,000.00	100.00	0.00
21	Peruntukan kepada Pg Science Cluster untuk menyediakan facemask bagi petugas barisan hadapan	Petugas barisan hadapan	60,000.00	1	60,000.00	100.00	0.00
22	Bantuan Barang Keperluan Harian kepada rakyat yang kurang berkemampuan	20,650 keluarga	1,032,500.00	20,650	1,032,500.00	100.00	0.00
23	Bantuan Khas Kewangan one-off RM300 kepada kakitangan barisan hadapan Bhgn. Perumahan, PSUKPP	51 kakitangan	15,300.00	51	15,300.00	100.00	0.00
24	Peruntukan Makanan dan Minuman Petugas Ops COVID-19 PDRM	Petugas Ops COVID-19	120,000.00	Petugas Ops COVID-19	120,000.00	100.00	0.00
25	Bantuan Khas Kewangan *one-off* RM500 kepada pengusaha kuda	9	4,500.00	9	4,500.00	100.00	0.00
26	Bantuan Khas Kewangan *one-off* RM200 kepada pemandu bas dan *upfront* RM300 bayaran Fasa 2	521	260,500.00	463	231,500.00	88.87	29,000.00
27	Pembelian Face Mask bagi perlindungan dan Mitigasi ancaman COVID-19	Rakyat PP	35,000.00	Rakyat PP	35,000.00	100.00	0.00
28	Projek Penyediaan Makmal Minilab di Lapangan Terbang Antarabangsa Bayan Lepas	Rakyat yang pulang dari luar negara	186,100.00	-	90,000.00	48.36	96,100.00
29	Peruntukan kepada Kelab PDRM untuk pembelian khemah semasa tempoh PKPB	PDRM	225,000.00	-	225,000.00	100.00	
	JUMLAH		**2,188,900.00**		**2,063,800.00**	**94.28**	**125,100.00**
	JUMLAH KESELURUHAN		**75,062,744.00**		**69,582,031.00**	**92.70**	**5,480,713.00**

FASA 2

LAPORAN PERBELANJAAN PAKEJ BANTUAN KHAS FASA 2 (PENANG LAWAN COVID-19)

BIL	CADANGAN INSENTIF/BANTUAN	ANGGARAN PENERIMA	IMPLIKASI KEWANGAN (RM)	BILANGAN PENERIMA SEBENAR	BELANJA SEBENAR (RM)	PERATUS BELANJA (%)	BAKI (RM)
1	Rebat bagi cukai taksiran tahun 2020	**Jumlah:597,806** MBPP:281,949 MBSP:315,857	47,311,854.20	-	47,311,854.20	100.00	0.00
2	Bantuan Khas Kewangan sebanyak **RM500** secara one-off penjaja/penggerai yang berniaga dalam kompleks makanan/ kedai persendirian (shoplot).	**Jumlah:3,103** MBPP:1,950 MBSP:1,153	1,551,500.00	**Jumlah: 1,670** MBPP: 1,229 MBSP: 441	835,000.00	53.82	716,500.00
3	Bantuan Khas Kewangan sebanyak **RM500** secara *one-off* kepada penjaja/penggerai yang mempunyai *tagging* dan berdaftar dengan PBT.	**Jumlah:5,666** MBPP:2,673 MBSP:2,993	2,833,000.00	**Jumlah: 1,586** MBPP: 1,345 MBSP: 241	793,000.00	27.99	2,040,000.00
4	Bantuan Khas Kewangan sebanyak **RM300** secara *one-off* kepada kakitangan barisan hadapan yang terlibat dalam menangani wabak COVID-19.	**Jumlah:6,179**	1,853,700.00	**Jumlah: 6,390**	1,917,000.00	103.41	-63,300.00
	Polis DiRaja Malaysia	4090		4090			
	Angkatan Tentera Malaysia	1436		1436			
	Angkatan Pertahanan Awam	60		60			
	RELA	239		239			
	VETERAN ASKAR WATANIAH	63		277			
	BOMBA	211		211			
	PSUKPP (Pengawal Keselamatan)	80		77			
5	Bantuan Khas Kewangan sebanyak **RM300** secara *one-off* kepada ahli MPKK dan JPWK sebagai penghargaan dalam usaha membantu kerajaan negeri membendung penularan wabak Covid 19.	**Jumlah : 6050**	1,815,000.00	**Jumlah : 3,383**	1,014,900.00	55.92	800,100.00
	MPKK (364)	5,460		3,074			
	JPWK (40)	594		309			
6	Bantuan Khas Kewangan sebanyak **RM500** secara *one-off* kepada pemandu bas/van persiaran, kereta sewa / limosin pelancongan.	331	165,500.00	351	175,500.00	106.04	-10,000.00
7	Bantuan Khas Kewangan sebanyak **RM300** secara *one-off* kepada pengusaha lancang air (*watercraft operator*) di Pulau Pinang.	23	6,900.00	21	6,300.00	91.30	600.00
8	Peruntukan **RM200,000** untuk pelaksanaan Show Penang, sebuah projek bagi membangunkan kandungan digital (digital content) sektor seni, budaya dan warisan yang pertama dalam negara.	-	200,000.00	24	64,830.00	32.42	135,170.00
9	Bantuan Khas Kewangan sebanyak **RM500** secara one-*off* kepada pengusaha taska dan pusat jagaan kanak-kanak yang berdaftar dengan Jabatan Masyarakat dan tadika yang berdaftar dengan Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang	**Jumlah : 645**	322,500.00	**Jumlah : 494**	247,000.00	76.59	75,500.00
	TADIKA (BPEN)	465		314			
	TASKA (JKMPP)	118		118			
	Pusat Jagaan Kanak-kanak (JKMPP)	62		62			
10	Peruntukan **RM100,000** kepada pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan individu yang membantu masyarakat Pulau Pinang menangani masalah keganasan rumah tangga.	NGO dan individu	100,000.00	5	65,000.00	65.00	35,000.00

11	Bantuan Khas Kewangan sebanyak **RM400** secara *one-off* kepada Nelayan Pesisir Pantai (Zon A)	5,814	2,325,600.00	3,999	1,599,600.00	68.78	726,000.00
12	Bantuan kotak insulasi (**RM180**) kepada 250 nelayan darat/sungai	250	45,000.00	0	38,750.00	86.11	6,250.00
13	Insentif makanan ternakan bagi penternak tradisional untuk komoditi unggas, ruminan dan babi.	988	200,147.00	988	200,001.50	99.93	145.50
14	Pinjaman Tanpa Faedah Kelangsungan Perniagaan Pulau Pinang (Penang Business Continuity Zero Interest Loan) - Pelancongan	Peniaga	10,000,000.00	93	3,245,000.00	32.45	6,755,000.00
15	Bantuan Zakat	Pekerja Harian / e-hailing dsb.	5,000,000.00	3,769	1,884,500.00	37.69	3,115,500.00
16	Pengecualian Kadar Sewaan dan Pajakan bagi Projek-projek CMI dan SSI bagi bulan April dan Mei 2020	33 pengusaha / syarikat	271,926.00	33	271,926.00	100.00	0.00
17	Diskaun dan Pengecualian Kadar Sewaan bagi bulan April, Mei dan Jun 2020 bagi premis-premis tertentu milik PDC	387 syarikat / premis / penghuni	1,030,000.00	387	1,030,000.00	100.00	0.00
18	Konsesi sewa kepada 24 lot komersial Perbadanan Bukit Bendera Pulau Pinang untuk setengah bulan pada Januari dan Februari 2020, dan sepenuhnya untuk Mac, April dan Mei 2020. Bantuan *one-off* RM500 kepada pengendali servis jip di Bukit Bendera.	24 lot komersial / 13 pengendali jip	448,253.00	24 lot komersial / 13 pengendali jip	448,253.00	100.00	0.00
19	Pengecualian Sewa Bulanan RSKN dan PPR untuk bulan Jun dan Julai 2020	2,911 unit	516,000.00	2911	516,000.00	100.00	0.00
20	Pengecualian bayaran sewa bagi unit kedai dibawah pengurusan Bahagian Perumahan Kerajaan Negeri untuk bulan Mei, Jun dan Julai 2020	122 unit	76,741.00	122	76,741.00	100.00	0.00
	Jumlah		**76,073,621.20**		**61,741,155.70**		**14,332,465.50**
	ID61/05						

FASA 2.1

LAPORAN PAKEJ BANTUAN RAKYAT PULAU PINANG (PENANG LAWAN COVID-19) FASA 2.1

BIL	CADANGAN INSENTIF/BANTUAN	ANGGARAN PENERIMA	ANGGARAN IMPLIKASI KEWANGAN (RM)	PENERIMA SEBENAR	BELANJA SEBENAR (RM)	PERATUS PERBELANJAAN (%)	BAKI (RM)
1	Bantuan Khas Kewangan one-off RM500 kepada pengusaha kantin sekolah berdaftar di Pulau Pinang	439	219,500.00	462	231,000.00	105.24	-11,500.00
2	Bantuan Khas Kewangan one-off RM500 kepada syarikat penganjur acara (event management) di Pulau Pinang	200	100,000.00	160	80,000.00	80.00	20,000.00
3	Bantuan Khas Kewangan one-off RM1,000 kepada Pertubuhan Rumah Ibadat Bukan Islam	1,711	1,711,000.00	601	601,000.00	35.13	1,110,000.00
4	Bantuan Khas Kewangan one-off RM500 kepada Pertubuhan/ Persatuan yang aktif dan berdaftar dengan ROS di Pulau Pinang.	3,481	1,740,500.00	634	317,000.00	18.21	1,423,500.00
5	Bantuan Khas Kewangan one-off RM500 bagi pengusaha penjual akhbar dan buku Pulau Pinang	150	75,000.00	243	121,500.00	162.00	-46,500.00
6	Bantuan Khas Kewangan one-off RM500 bagi Persatuan Belia Pulau Pinang	515	257,500.00	12	6,000.00	2.33	251,500.00
	JUMLAH KESELURUHAN (RM)	**6,496**	**4,103,500.00**	**2112**	**1,356,500.00**	**33.06**	**2,747,000.00**

ID61/05

FASA 3

LAPORAN PAKEJ BANTUAN KHAS (PENANG LAWAN COVID-19) FASA 3
KEMASKINI SEHINGGA 17 OGOS 2021

BIL.	INSENTIF / BANTUAN	ANGGARAN PENERIMA MANFAAT	ANGGARAN PERUNTUKAN (RM)	JABATAN/ AGENSI PELAKSANA	PECAHAN PENERIMA	BILANGAN PENERIMA SEBENAR	BELANJA SEBENAR (RM)	BAKI (RM)	PERATUS BELANJA (%)
1	Bantuan Khas Kewangan *one-off* RM500 kepada:	14,712 peniaga MBPP - 9,380 MBSP - 5,200 FAMA - 132	7,356,000.00	MBPP MBSP FAMA	16,322	16,322	8,161,000.00	- 805,000.00	110.94
	i) peniaga dan penjaja berlesen;	6,806		MBPP	6,830				
		4,518		MBSP	5,770				
	ii) penjaja/penggerai yang berniaga dalam kompleks makanan/kedai persendirian (shoplot);	1,229		MBPP	1,296				
		441		MBSP	661				
	iii) penjaja/penggerai yang mempunyai tagging dan berdaftar dengan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT); dan	1,345		MBPP	1,410				
		241		MBSP	173				
	iv) peniaga pasar tani (FAMA)	132		FAMA	82				
2	Bantuan Khas Kewangan *one-off* RM200 kepada penarik beca.	288 penarik beca	57,600.00	BPEN, PSIJKPP	157	157	31,400.00	26,200.00	54.51
3	Bantuan Khas Kewangan *one-off* RM500 kepada pengusaha kantin sekolah berdaftar di Pulau Pinang	462 pengusaha	231,000.00	Jabatan Pendidikan Negeri, JHEAIPP	435	435	217,500.00	13,500.00	94.16
4	Bantuan Khas Kewangan *one-off* RM500 kepada peniaga yang berlesen dengan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) :	2929 peniaga MBPP - 1334 MBSP - 1595	1,464,500.00	MBPP MBSP	869	869	434,500.00	1,030,000.00	29.67
	i) perkhidmatan gunting rambut/salun rambut;	760		MBPP	225				
		1421		MBSP	354				
	ii) perkhidmatan salun kecantikan dan spa;	489		MBPP	95				
		131		MBSP	137				
	iii) perkhidmatan pusat refleksologi; dan	85		MBPP	38				
		34		MBSP	19				
	iv) perkhidmatan bekam	0		MBPP	0				
		9		MBSP	1				
5	Peruntukan Khas RM30,000 kepada semua ADUN, Ahli Parlimen Kerajaan Negeri, ADUN Angkat, Pegawai Penyelaras KADUN dan Pegawai Penyelaras Khas Parlimen untuk membantu rakyat yang terkesan dengan PKP 2.0	59	1,770,000.00	JKN	58	59	1,770,000.00	0.00	100.00
	JUMLAH		10,879,100.00		17,841	17,842	10,614,400.00	264,700.00	97.57

ID61/05

FASA 3.1

LAPORAN PAKEJ BANTUAN KHAS (PENANG LAWAN COVID-19) FASA 3.1

KEMASKINI SEHINGGA 17 OGOS 2021

BIL	INSENTIF/BANTUAN	ANGGARAN PENERIMA	IMPLIKASI KEWANGAN (RM)	JABATAN/ AGENSI PELAKSANA	BILANGAN PENERIMA SEBENAR	BELANJA SEBENAR (RM)	BAKI (RM)	PERATUS BELANJA (%)
1	Geran pensijilan halal berjumlah RM320 kepada usahawan mikro baharu dan sedia ada melalui Penang Halal International.	900	288,000.00	Penang Halal International (PHI)	88	10,720.00	277,280.00	3.72
2	Bantuan Khas kewangan RM1,000 secara one-off kepada SME yang berdaftar dengan SME Association Malaysia (SAMENTA)	1,000	1,000,000.00	BPEN	333	333,000.00	667,000.00	33.30
3	Bantuan khas kewangan RM500 secara one-off kepada pengusaha kegiatan sukan dan aktiviti kecergasan yang berdaftar dengan PBT.	194	97,000.00	BKT (MBPP & MBSP)	38	19,000.00	78,000.00	19.59
4	Bantuan khas kewangan RM500 secara one-off kepada pengendali perkhidmatan Mobile SPA.	63	31,500.00	BKT (MBPP & MBSP)	42	21,000.00	10,500.00	66.67
5	Insentif makanan ternakan bagi penternak tradisional untuk komoditi unggas, ruminan dan babi di bawah seliaan Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri	1,088	574,424.00	Jabatan Perkhidmatan Veterinar	1,088	0.00	574,424.00	0.00
6	Bantuan Khas Kewangan RM500 secara one-off kepada pemandu bas/van persiaran, kereta sewa / limosin pelancongan.	351	175,500.00	BPEN	142	71,000.00	104,500.00	40.46
7	Bantuan Khas Kewangan RM500 secara one-off kepada pemandu pelancong berdaftar.	1,367	683,500.00	BPEN	587	293,500.00	390,000.00	42.94
8	Bantuan Khas Kewangan RM500 secara one-off kepada pengusaha lancang air (watercraft operator) di Pulau Pinang.	23	11,500.00	BPEN	21	10,500.00	1,000.00	91.30
9	Bantuan Khas Kewangan RM500 secara one-off kepada pengusaha kuda rekreasi Pulau Pinang.	9	4,500.00	BPEN	9	4,500.00	0.00	100.00
10	Bantuan khas kewangan RM500 secara one-off kepada pengusaha kantin dan kafeteria di IPTA/IPTS/Kolej/Institut Latihan	500	250,000.00	BKP	31	15,500.00	234,500.00	6.20
11	Bantuan Peralatan Kesihatan Dan Penyediaan Kelengkapan Program Imunisasi COVID-19 Negeri Pulau Pinang	-	2,000,000.00	BKP	5	1,351,420.95	648,579.05	67.57
12	Bantuan khas kewangan RM5,000 secara one-off kepada pusat jagaan kanak-kanak / warga emas/ OKU /perlindungan wanita di Pulau Pinang	104	520,000.00	Jabatan Kebajikan Masyarakat	94	470,000.00	50,000.00	90.38
13	Bantuan khas kewangan RM1,000 secara one-off kepada Tourist Attraction Operators.	60	60,000.00	BPEN	10	10,000.00	50,000.00	16.67
14	Bantuan khas kewangan RM1,000 secara one-off kepada kuil-kuil yang berdaftar di bawah Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia	83	83,000.00	BPEN / Lembaga Wakaf Hindu	46	46,000.00	37,000.00	55.42
15	Bantuan khas kewangan RM1,000 secara one-off kepada Rumah Ibadat Bukan Islam yang berdaftar dibawah Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia	539	539,000.00	BPEN	286	286,000.00	253,000.00	53.06
16	Bantuan khas kewangan RM1,000 secara one-off kepada surau berdaftar dibawah JHEAIPP	600	600,000.00	JHEAIPP	600	600,000.00	0.00	100.00
17	Bantuan khas kewangan RM500 secara one-off kepada guru-guru sekolah agama rakyat berdaftar dibawah JHEAIPP	935	467,500.00	JHEAIPP	935	467,500.00	0.00	100.00

18	Bantuan khas kewangan RM500 secara one-off kepada Pemegang Tauliah Mengajar yang berdaftar dan diperakukan oleh JHEAIPP	55	27,500.00	JHEAIPP	55	27,500.00	0.00	100.00
19	Program kerjasama pintar dengan penyedia platform marketplace digital commerce	15,000	1,000,000.00	BPEN / PHI		353,438.00	646,562.00	35.34
20	Bantuan khas kewangan RM10,000.00 kepada Persatuan BOMBA Sukarela dan Pasukan CERT	36	360,000.00	BKP	36	360,000.00	0.00	100.00
21	Pengecualian 2 bulan sewaan dan pajakan bagi projek-projek CMI dan Ssi yang berkaitan kepada pengusaha/syarikat	20	381,000.00	CMI	20	381,000.00	0.00	100.00
22	Peruntukan tambahan RM20,000.00 kepada YB ADUN Kerajaan Negeri, YB Parlimen Kerajaan Negeri, YB ADUN Angkat, Pegawai Penyelaras KADUN dan Pegawai Penyelaras Khas YAB Ketua Menteri bagi membantu golongan terjejas	59	1,180,000.00	JKN	59	1,180,000.00	0.00	100.00
	JUMLAH KESELURUHAN (RM)	**22,986**	**10,333,924.00**		4,525	**6,311,578.95**	**4,022,345.05**	**61.08**
	ID61/05							

4. Golongan penjaja terjejas teruk dengan pelaksanaan Prosedur Operasi Standard (SOP) COVID-19.

(a) Nyatakan strategi yang dilaksanakan oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dalam menangani isu yang dihadapi oleh penjaja.

JAWAPAN OLEH YAB. KETUA MENTERI:

4. (a) Kerajaan Negeri mengambil berat terhadap golongan penjaja yang terjejas dengan pelaksanaan Prosedur Operasi Standard (SOP) COVID-19. Antara strategi yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri melalui Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dalam menangani isu yang dihadapi oleh penjaja adalah seperti berikut:

Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP)

(i) Mengecualikan bayaran kepada penganjur pasar malam dan penjaja bagi kategori yang terlibat;

(ii) Melaksanakan pengisian tawaran tapak pasar/ kompleks/ tapak penjaja MBPP dengan lebih kerap. Proses permohonan dilaksanakan secara atas talian bagi memastikan orang awam boleh memohon dan mendapat tapak perniagaan dengan pengecualian caj bayaran selama tempoh enam (6) bulan;

(iii) Membenarkan penukaran aktiviti perniagaan kepada jenis aktiviti perniagaan yang dibenarkan bagi memastikan peniaga mempunyai alternatif untuk meneruskan aktiviti perniagaan;

(iv) Mengeluarkan Permit Sementara Bagi Perniagaan Dari Rumah (*Business From Home*) bagi membantu rakyat mencari nafkah hidup sejak pada awal Oktober 2020; dan

(v) Melaksanakan program Jom Beli Online (JBO) bagi membantu golongan peniaga menjalankan perniagaan secara atas talian. JBO juga merupakan satu platform online yang membolehkan peniaga mempromosi produk mereka.

Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP)

(i) Membantu memudahkan proses pengeluaran lesen / permit kepada penjaja / peniaga kecil dalam tempoh satu (1) hari untuk permohonan yang lengkap;

(ii) Memberikan keutamaan kepada peniaga-peniaga di tepi jalan untuk mengisi kekosongan ruang niaga milik MBSP melalui sesi temuduga ruang niaga yang diadakan pada setiap bulan;

(iii) Meluluskan permit penjajaan secara sementara kepada peniaga / penjaja tepi jalanan untuk aktiviti perniagaan buah-buahan bermusim;

(iv) Mewujudkan 25 lokasi penempatan semula penjaja bagi peniaga / penjaja yang tidak berlesen / tanpa kebenaran;

(v) Mengecualikan bayaran sewaan gerai pasar awam dan kompleks penjaja MBSP untuk tempoh sebulan bagi bulan April 2020. Pakej tersebut memberikan manfaat kepada 4532 penyewa gerai MBSP dengan kos yang ditanggung MBSP adalah sebanyak RM 495,094.50;

(vi) Menyalurkan bantuan RM500 kepada penjaja-penjaja berlesen, penjaja bertagging, gerai dalam kedai menerusi Pakej Bantuan Rakyat Pulau Pinang. Pakej bantuan tersebut disediakan secara berfasa dengan dimulakan Fasa 1 pada Mac 2020, Fasa 2 pada Mei 2020 dan Fasa 3 pada Januari 2021;

(vii) Menjalankan program kerjasama dengan Boost bagi mempromosikan pembayaran tanpa tunai. Kerjasama ini merupakan initatif MBSP untuk menggalakkan dan mempromosikan transaksi tanpa tunai dalam transaksi perniagaan harian. Program ini akan dijangka akan mula dilancarkan selepas tempoh Perintah Kawalan Pergerakan ditamatkan; dan

(viii) Menyediakan garis panduan yang boleh diakses melalui laman sesawang MBSP sebagai panduan kepada penjaja dan peniaga kecil dalam menjalankan perniagaan seperti berikut:

(a) Garis Panduan Kaedah Penjajaan Secara Mudah Alih; dan

(b) Garis Panduan Trak Makanan dan Trak Perkhidmatan

5. Apakah perancangan yang telah dan akan dilakukan oleh agensi kerajaan dalam menjadikan Pulau Pinang sebagai Green State dalam pandemik COVID-19?

JAWAPAN OLEH YAB. KETUA MENTERI:

5. Kerajaan Negeri dengan bantuan Jabatan Kesihatan Negeri (JKN) dan juga Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) sedaya upaya berusaha untuk menjadikan Pulau Pinang sebagai *Green State* dalam pandemik COVID-19. Justeru itu, beberapa langkah telah diambil dan dilaksanakan bersama-sama bagi membolehkan pandemik ini berakhir. Antara perancangan dan tindakan yang dilakukan adalah seperti berikut:

(i) Memutuskan rantaian transmisi melalui aktiviti saringan bagi pengesanan kes dan kontak serta mengukuhkan aktiviti tinjauan COVID-19 melalui saringan kes-kes *influenza like illness* (ILI) dan *severe acute respiratory illness* (SARI);

(ii) Mencapai imuniti kelompok melalui pelaksanaan Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK);

(iii) Meningkatkan kesedaran orang awam dengan pembudayaan norma baharu dan pematuhan *standard operating procedure* (SOP);

(iv) Memperkukuhkan pemerkasaan komuniti melalui pendekatan Cegah, Amal, Patuh dan Pantau di bawah Program Pengurangan Risiko Daerah (DRRP); serta mengaktifkan semula pelaksanaan Program Agen Basmi COVID-19 (ABC-19). Penglibatan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Kawasan, Pegawai Daerah, agensi-agensi lain serta ketua-ketua komuniti hendaklah diperkukuhkan; dan

(v) Meningkatkan aktiviti penguatkuasaan yang dilakukan secara operasi bersepadu melibatkan pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Kesihatan, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) melalui pemeriksaan ke atas premis. Antara tindakan penguatkuasaan yang dilakukan termasuklah mengeluarkan kompaun, penutupan premis dan/atau tindakan pendakwaan sekiranya berlaku ketidakpatuhan.

6. *Foodbank.*

(a) Adakah agensi kerajaan bertanggungjawab dalam mewujudkan *Foodbank* di Negeri Pulau Pinang?

(b) Jika tiada, adakah Kerajaan Negeri akan mengambil inisiatif berkenaan?

JAWAPAN OLEH YAB. KETUA MENTERI:

6. *Foodbank* adalah sebuah inisiatif untuk mengumpulkan lebihan makanan dan kemudiannya diagihkan kepada penerima yang dikumpulkan dari pasar raya besar, pasar raya, dapur-dapur hotel, restoran dan kilang-kilang yang menghasilkan barang makanan.

(a) Kerajaan Negeri telah menubuhkan Unit Mutiara *Foodbank* melalui YB Pengerusi Jawatankuasa MMK Alam Sekitar dan Kebajikan yang beroperasi sejak Mei 2017 dengan peruntukan kewangan Kerajaan Negeri sebanyak RM373,548.00 pada tahun pertama penubuhan dan RM291,840.00 pada tahun-tahun berikutnya. Mutiara *Foodbank* merupakan tambahan kepada program kebajikan yang sedia ada iaitu i-Sejahtera dan Bantuan Agenda Ekonomi Saksama (BAES) Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

Sepanjang program ini berlangsung sejak tahun 2017 sehingga 2021, Mutiara *Foodbank* telah berjaya memasuki hampir kesemua Tesco di Negeri Pulau Pinang dan Kedah. Konsep program ini adalah untuk menyelamatkan lebihan makanan yang masih boleh dimakan dan disalurkan kepada penerima-penerima kumpulan sasaran yang telah dikenal pasti termasuk seliaan Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK), rumah-rumah kebajikan, pusat-pusat pemulihan, pusat bantuan makanan, keluarga miskin dan Orang Kurang Upaya (OKU). Sehingga kini, kawasan agihan makanan meliputi sebanyak 11 Parlimen, 22 Dewan Undangan Negeri (DUN) dan 80 MPKK. Kejayaan Program Mutiara *Foodbank* menunjukkan bahawa Kerajaan Negeri bukan sahaja prihatin akan kebajikan rakyat, malahan cakna akan isu pembaziran makanan dan alam sekitar.

Jumlah makanan yang telah diselamatkan mengikut pecahan sumbangan sepanjang tempoh beroperasi sejak 2017 sehingga Jun 2021 adalah sebanyak 1,082 tan (1,082,000 kg) makanan yang memberi manfaat kepada hampir 62,238 orang penerima (isi rumah) yang layak di Negeri Pulau Pinang seperti di **Lampiran A**.

Pihak Mutiara *Foodbank* juga kini bekerjasama dan menjalin hubungan baik dengan syarikat korporat secara bulanan dan berkala untuk membantu golongan yang memerlukan. Syarikat tersebut adalah seperti Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC), Etika Sdn. Bhd., Sunway Property, My Kuali Manufacturing, Finna Food Malaysia, Lumson Bina Engineering Sdn. Bhd. dan sebagainya.

Sepanjang tempoh penularan wabak pandemik COVID-19 yang masih berleluasa, Mutiara *Foodbank* merupakan pengerak utama dalam menyumbang bantuan kepada golongan yang memerlukan termasuk juga ketika banjir dan sebagainya. Mutiara *Foodbank* juga telah berjaya meraih sumbangan pelbagai barangan kering daripada pelbagai pihak sejak bermulanya pandemik COVID-19 pada Mac 2020 sehingga Jun 2021 berjumlah **RM253,629.10** yang dapat memberi manfaat kepada **14,890** orang penerima yang memerlukan seperti di **Lampiran B.**

LAMPIRAN A

LAPORAN PROGRAM MUTIARA FOODBANK SEHINGGA JUN 2021

JUMLAH MAKANAN YANG BERJAYA DISELAMATKAN MENGIKUT TAHUN MELALUI PROGRAM MUTIARA FOODBANK

TAHUN / JENIS BARANG (TAN)	2017	2018	2019	2020	2021 (Jan - Jun)
Produce (Sayuran, Buahan)	205 Tan (205,000 Kg)	220 Tan (220,000 Kg)	168 Tan (168,000 Kg)	150 Tan (150,000 Kg)	127 Tan (127,000 Kg)
Bakery (Roti, Kek, Pizza)	90 Tan (90,000 Kg)	83 Tan (83,000 Kg)	19 Tan (19,000 Kg)	15 Tan (15,000 Kg)	5 Tan (5,000 Kg)
JUMLAH KESELURUHAN			**1,082 Tan (1,082,000 Kg)**		

JUMLAH PENERIMA PROGRAM MUTIARA FOODBANK MENGIKUT TAHUN

TAHUN	2017	2018	2019	2020	2021 (Jan-Jun)
Bilangan Penerima	4,500	10,500	13,480	20,699	13,059
BILANGAN PENERIMA KESELURUHAN			**62,238**		

LAMPIRAN B

JUMLAH SUMBANGAN BARANGAN MAKANAN KERING DALAM TEMPOH PANDEMIK COVID-19

	JUMLAH DALAM UNIT		JUMLAH DALAM (RM)	
SENARAI BARANG	**Tahun 2020**	**Tahun 2021 (Jan-Jun)**	**Tahun 2020**	**Tahun 2021 (Jan-Jun)**
Beras	7,100	2,900	92,300.00	37,700.00
Gula	7,116	2,910	20,280.60	8,293.50
Minyak Masak	7,000	2,400	12,500.00	4,080.00
Sardin	8,200	6,100	32,800.00	24,400.00
Tepung Gandum	6,100	2,410	15,250.00	6,025.00
Jumlah	35,516	16,720	173,130.60	80,498.50
JUMLAH KESELURUHAN		**52,236**		**253,629.10**

JUMLAH PENERIMA BANTUAN MAKANAN KERING DALAM TEMPOH PANDEMIK COVID-19

Tahun	Bilangan penerima bantuan barangan COVID-19
2020	11,980
2021 (Jan-Jun)	2,910
JUMLAH PENERIMA BANTUAN MAKANAN KERING	**14,890**

7. Penarik beca merupakan golongan paling terjejas akibat ketiadaan pelancong.

(a) Apakah bantuan yang disediakan oleh Kerajaan Negeri bagi membendung masalah ini?

JAWAPAN OLEH YAB. KETUA MENTERI:

7. (a) Sehingga kini, terdapat sebanyak 157 penarik beca yang berlesen dengan Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP). Bantuan yang telah diberikan kepada penarik beca adalah melalui pemberian Bantuan Khas Rakyat Pulau Pinang berjumlah RM200 secara *one-off* sebanyak dua (2) *kali.*

Selain itu, elaun bulanan kepada penarik beca sebanyak RM100.00 telah dinaikkan kepada RM200.00 sebulan bermula bulan Jun sehingga Disember 2021.

Kerajaan Negeri juga dalam proses melaksanakan Program Penaiktarafan Imej Penarik Beca melalui *George Town World Heritage Incorporated* (GTWHI). Projek ini bertujuan untuk membekalkan baju kemeja, topeng muka, tuala dan payung beca kepada komuniti penarik beca untuk meningkatkan imej mereka.

Kerajaan Negeri Pulau Pinang juga sentiasa bekerjasama bersama Badan Bukan Kerajaan (NGO) dan pihak swasta untuk membekalkan bantuan kewangan dan makanan kepada mereka pada masa pandemik ini.

Selaras dengan kempen 'Pelancongan Bertanggungjawab Pulau Pinang', Kerajaan Negeri juga telah mengadakan '*Program Vaccination Outreach'* untuk memberikan vaksinasi kepada komuniti penarik beca.

8. Pandemik COVID-19 telah menyebabkan masalah kesihatan mental.

(a) Adakah agensi kerajaan sedang menyediakan kemudahan psikologi bagi mengatasi masalah ini?

JAWAPAN OLEH YAB. KETUA MENTERI:

8. Bagi menangani isu kesihatan mental berkaitan pandemik COVID-19, Perkhidmatan Kesihatan Mental dan Sokongan Psikososial (MHPSS) telah mewujudkan Talian Sokongan Psikososial. Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) bersama MERCY dan agensi-agensi lain seperti Bahagian Keluarga, Sosial dan Komuniti, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (KSK JAKIM), Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM), serta pertubuhan bukan kerajaan (NGO) melalui Talian Sokongan Psikososial telah menerima banyak panggilan. Antara isu-isu yang dialami oleh pemanggil adalah:

(a) Isu yang memerlukan sokongan emosi, dan kaunseling, (stres, bimbang, marah, murung) : 50%;

(i) Antara sebab-sebab adalah faktor-faktor sosial seperti hilang pekerjaan, tiada pendapatan, masalah hubungan, persepsi negatif orang sekeliling, bimbang dijangkiti, masalah tempat kerja)

(b) Maklumat berkaitan COVID-19 : 14.7%;

(c) Isu rumahtangga / Keganasan rumah tangga: 8.8%;

(d) Keperluan asas / bantuan kewangan / sumbangan : 6.8;

(e) Aduan: 3.3%;

(f) Masalah psikiatri 2.2%; dan

(g) Isu – isu kesihatan : 1.1%.

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah mewujudkan beberapa inisiatif dalam menangani gejala tekanan yang dihadapi berikut seperti:

(i) Bekerjasama dengan MERCY Malaysia dalam memberikan perkhidmatan talian bantuan sokongan psikososial yang berpusat di CPRC, KKM sejak 25 Mac 2020. Talian ini dikendalikan oleh pegawai psikologi kaunseling KKM serta dibantu oleh sukarelawan pegawai psikologi agensi-agensi lain dan NGO.

(ii) KKM juga bekerjasama dengan agensi-agensi kerajaan lain seperti Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) dengan mewujudkan talian bantuan masing-masing iaitu KSK Care (JAKIM) dan Talian KASIH.

(iii) Manakala di peringkat lapangan seperti hospital dan klinik kesihatan, Perkhidmatan Kesihatan Mental dan Sokongan Psikososial atau MHPSS *(Mental Health Psychosocial Support Service)* turut disediakan untuk kumpulan sasar iaitu;

  (a) *Person Under Surveillance (PUS)* di Stesen Kuarantin dan di rumah;

  (b) Pesakit COVID-19 yang dimasukkan ke hospital / PKRC;

  (c) Petugas kesihatan yang bertugas dalam menangani pandemik COVID-19 di peringkat kebangsaan, negeri dan daerah;

  (d) Petugas daripada agensi lain yang terlibat dalam mengendalikan pandemik COVID-19;

  (e) Ahli keluarga kepada individu yang meninggal akibat COVID-19; dan

  (f) Perkhidmatan kepakaran psikiatri oleh para pakar. Mereka juga melaporkan peningkatan jumlah pesakit yang datang mendapatkan konsultasi.

Perkhidmatan MHPSS yang dilaksanakan adalah:

(i) Pendidikan kesihatan mental atau *Psychoeducation* melalui web chat/ *messenger* dan *QR Code*;

(ii) Saringan kesihatan mental yang diedarkan kepada petugas kesihatan / PUI / PUS melalui borang google link

(iii) Melaksanakan sesi *Psychological First Aid (PFA)* secara individu atau berkumpulan kepada petugas kesihatan;

(iv) Menjalankan PFA melalui tele-kaunseling kepada pesakit dan petugas yang disyaki menghidap Covid-19 dan yang berisiko di hospital dan Stesen Kuarantin seluruh negara;

(v) Memberikan sokongan emosi, sokongan psikososial, psiko-spiritual dan *Grief Counseling* kepada keluarga pesakit Covid-19 yang meninggal dunia;

(vi) Melaksanakan intervensi kaunseling yang bersesuaian kepada petugas kesihatan dan pesakit serta ahli keluarga mereka yang terkesan akibat pandemik Covid-19;

(vii) Menyampaikan maklumat mengenai psikologi dan emosi berkaitan kesan COVID-19 dan Perintah Kawalan Pergerakan melalui pelbagai media seperti TV, radio serta melalui maya iaitu *Zoom* dan *Skype*; dan

(viii) KKM turut melaksanakan sesi webinar kepada masyarakat tentang topik kesihatan mental yang berkait rapat dengan tekanan semasa pandemik COVID-19. Sesi ini dikendalikan oleh pakar-pakar psikiatri, pegawai psikologi (klinikal dan kaunseling) dari hospital-hospital serta kaunselor dari Persatuan PERKAMA *International*.

Sekurang-kurangnya 10 orang membunuh diri dalam sebulan di Pulau Pinang dalam tempoh lima bulan pertama tahun ini iaitu sepanjang pelaksanaan beberapa siri Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) akibat pandemik Covid-19.

Data yang pernah dikongsi Ketua Menteri, Chow Kon Yeow yang memaklumkan, sebanyak 53 kes bunuh diri dan sebanyak 19 kes cubaan bunuh diri dilaporkan berlaku di negeri ini antara Januari hingga Mei tahun ini.

Peranan Ketua Komuniti seperti ketua-ketua kampung, pengerusi jawatankuasa penduduk, kelab rukun tetangga dan PBT penting dalam mendepani cabaran pandemik ini dan usaha-usaha mendekati masyarakat telah dipergiatkan.

Banyak punca yang menyebabkan kesihatan mental terjejas termasuk potensi membunuh diri semasa pandemik ini rentetan kehilangan pekerjaan, sokongan kewangan tidak stabil, tekanan keluarga dan sebagainya. NGO seperti *Befrienders Penang* melaporkan bahawa mereka menerima 6,202 panggilan sepanjang tempoh pandemik COVID-19 ini. Begitu juga *D'Home Mental Health Association* yang menerima peningkatan aduan daripada orang ramai yang memerlukan bantuan psikologi dan sebagainya.

Sejajar dengan hasrat menuju kearah merealisasikan Visi Penang 2030 iaitu menjadikan Pulau Pinang sebuah Negeri Pintar dan Hijau Berteraskan Keluarga Inspirasi Negara, Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah menjalinkan kolaborasi dengan pelbagai NGO seperti *D'Home, Befrienders Penang,* Pertubuhan Kebajikan Sneham Malaysia (Pulau Pinang), Kelab Kiwanis Pulau Pinang, The Penang Buddhist Tzu Chi Merits Society (Tzu Chi), JCI Penang dan lain-lain termasuk persatuan-persatuan dalam kalangan pemain industri di negeri ini seperti Persekutuan Pekilang-Pekilang Malaysia (FMM), Persatuan Industri Semikonduktor Malaysia (MSIA), Persatuan Perusahaan Kecil dan Sederhana (SAMENTA) serta Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) serta golongan professional untuk membentuk gabungan bagi mengukuhkan dan mempercepatkan penyaluran bantuan kepada rakyat sepanjang tempoh pandemik ini.

Gabungan yang dimaksudkan ini adalah PgCare Alliance atau Gabungan PgCare. Gabungan ini mempunyai empat teras utama iaitu;

(i) Kesihatan Mental

(ii) Pekerjaan

(iii) Makanan dan Perlindungan

(iv) Kewangan

Yang mana semua ini saling berkait antara satu sama lain. Misalnya, kebanyakan isu kesihatan mental dan tekanan adalah berpunca daripada isu pekerjaan atau kedudukan kewangan semasa tempoh pendemik ini. Perincian PgCare ini dilampirkan dalam **Lampiran A.**

ARE YOU OKAY?

HAVE YOU DONE A SELF-TEST?

Take a quick self-test to understand further if you are too stressed out. You may benefit from this test, designed by mental health professionals.

Take A Quick Self-test*

*You will be re-directing to other website for this self-test.

PgCare Alliance

HOW WE CAN HELP?

WE CAN HELP YOU ON THESE



Mental Health Aid

After the self-test, if you would like someone to talk to or listen to you, we are here to provide you the services. Together we will make a difference for a brighter tomorrow. For there's hope & light at the end of the tunnel!

Call Helpline



Food Aid

If you are looking for food aid, let us help you here! You can contact the ADUN or Member of Parliament (MP) in your area to get help. We have provided the list of ADUN & MP in Penang below or you can directly contact PgCare Alliance Helpline as well.

Get Help



Job Aid & Financial Consultation

If you are looking for a job, we will help you to match you with the right employers. If you are looking for financial consultation, please contact us for details.

Get Help

CLICK THE LOGO TO GET FOOD AID

WE ARE READY TO HELP

ADUN In Penang

List Of ADUN In Penang

MP In Penang

List of MP In Penang

CLICK THE LOGO TO GET JOB AID & FINANCIAL CONSULTATION

WE ARE READY TO HELP

PgCare Job Bank

https://bit.ly/mfjtalentpenang
Click & Fill Up The Form

AKPK Financial Consultation

https://edmp.akpk.org.my
Click & Fill Up The Form

MyBiz Urban Farming

https://forms.gle/UnG7rRBRSUDJxTo67
Click & Fill Up The Form

MyBiz Online Cooking Class

https://forms.gle/Cg592ij34FWPU39K8
Click & Fill Up The Form

PgCareAlliance

Home | We Can Help | About PgCare Alliance | Contact Us

Befrienders Penang

Helpline: 04-2910100
Everyday (3pm - 12am)
English, BM, Mandarin & Tamil

Persatuan Minda D'Home

Helpline: 04-2910111
Mon - Sat (10am - 2pm)
BM, English, 华语 & Hokkien

Home Dynamics

Helpline: 011-10629927
Mon - Sat (10am - 5pm)
华语

Hope Worldwide

Helpline: 014-6323889
Tuesday & Thursday (2pm - 5pm)
English & 华语

Sneham Malaysia

Helpline: 1800-22-5757
Everyday (24 hours)
BM, English & Tamil

Than Hsiang Association

Helpline: 014-3286429
Mon - Fri (1pm - 6pm, 7pm - 9pm), Sat (1pm - 6pm)
English & 华语

Women's Centre for Change

Helpline: 016-4390698
Mon - Fri, 9am to 5pm
BM, English, 华语 & Tamil

Agape Counselling

Helpline: 017-4894236
Everyday 9am-6pm
English & 华语

Tzu Chi

Helpline: 012-4498128
Mon-Sat, 9am-5pm
English & 华语

9. Nyatakan jumlah perniagaan yang telah menamatkan lesen perniagaan ekoran dari kemerosotan ekonomi.

(a) Apakah pelan tindakan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dalam mengatasi masalah ini?

JAWAPAN OLEH YAB. KETUA MENTERI:

9. Mengikut rekod PBT di Pulau Pinang, jumlah lesen perniagaan yang ditamatkan semenjak tempoh pandemik COVID-19 bermula pada tahun 2020 sehingga bulan Julai 2021 adalah seperti di jadual berikut :

Jadual perniagaan yang telah ditamatkan lesen perniagaan mulai tahun 2020 hingga bulan Julai 2021

Bil.	Jenis Aktiviti yang ditamatkan lesen perniagaan	MBPP	MBSP	Jumlah
1	Penubuhan Makanan	8	3	11
2	Tred, Perniagaan dan Perindustrian	4	76	80
3	Rumah Urut	0	0	0
4	Kandang Lembu / Kuda	0	0	0
5	Memelihara Khinzir	0	0	0
6	Pasar Prebet	0	0	0
7	Tempat Letak Kereta Persendirian	0	0	0
8	Iklan	7 (termasuk dengan aktiviti utama Tred /Establisymen Makanan)	0	7
9	Iklan (Sementara), Banner / Streamers	0	0	0
10	Garaj	0	0	0
11	Tempat Hiburan Awam	42	0	42
12	Penjaja	(Sama spt kategori di Bil. 19)	0	0
13	Gerai Jalan Awam / Gerai Tanah Prebet	15	0	15
14	Gerai Bermusim	0	0	0
15	Kenderaan Tanpa Motor	0	0	0
16	Anjing	0	0	0
17	Perniagaan Kecil	(Sama spt kategori di bilangan 19)	0	0
18	Beca Awam / Pengayuh Beca Awam	0	0	0
19	Gerai Pasar, Tapak Penjaja Sementara dan Kompleks	178	0	178
20	Kilang	3	0	3
21	Hotel	5	2	7
Jumlah		**262**	**81**	**343**

(a) Kerajaan Negeri melalui Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) telah mengambil beberapa langkah proaktif dalam merangka pelan tindakan bagi membantu peniaga-peniaga melibatkan semua skop perniagaan yang terjejas akibat pandemik COVID-19 serta demi merancakkan semula ekonomi di negeri Pulau Pinang. Antara pelan tindakan yang telah dilaksanakan bagi membantu peniaga-peniaga tersebut adalah seperti berikut :

Bil.	Pelan Tindakan	Huraian
1	Mempercepatkan pemprosesan dan pengeluaran lesen premis peniagaan	(i) Tempoh pemprosesan dan pengeluaran lesen berisiko dikurangkan dari 45 hari kepada 28 hari. (ii) Tempoh pemprosesan dan pengeluaran lesen tidak berisiko di kompleks membeli-belah dikurangkan dari 28 hari kepada 1 hari. (iii) Peniaga boleh memulakan perniagaan setelah mengemukakan permohonan lesen baru sehingga keputusan dibuat oleh PBT.
2	Mengurangan bayaran fi lesen	(i) Bayaran fi lesen bagi lesen sementara seperti lesen kiosk dan lesen bersyarat tukarguna, dibuat mengikut purata suku tahun. (ii) Bagi lesen tetap yang dikeluarkan pada suku tahun terakhir mulai Oktober 2020 dikecualikan membayar fi lesen bagi tahun 2020. Peniaga hanya perlu membayar fi lesen bagi tahun 2021 sahaja. (iii) Bagi lesen gerai-gerai dalam kedai makan yang tidak berniaga, bayaran fi lesen boleh dikurangkan mengikut bilangan gerai yang sedang berniaga. (iv) Bayaran fi lesen boleh dikurangkan bagi papan-papan iklan yang diturunkan dari premis perniagaan. (v) Bagi bilangan premis atau saiz keluasan aktiviti perniagaan yang dikurangkan, bayaran fi lesen boleh dikurangkan mengikut bilangan atau saiz sedia ada.
3	Membenarkan bayaran fi lesen secara ansuran bagi	(i) Bayaran fi lesen secara tiga kali ansuran (3 bulan) bagi amaun fi lesen kurang RM1,000.

	peniaga yang menghadapi masalah kewangan	(ii) Bayaran fi lesen secara enam kali ansuran (6 bulan) bagi amaun fi lesen RM1,000 dan ke atas.
4	Membenarkan peniaga menukar aktiviti perniagaan	(i) Peniaga yang menjalankan perniagaan seperti bar dan pub yang dilarang beroperasi semasa PKP/PKPP (MCO/RMCO) dibenarkan menukar aktiviti perniagaan kepada peniaga kecil di pasar/kompleks, restoran atau *coffee house* tertakluk kepada pematuhan syarat-syarat pelesenan yang ditetapkan oleh MBPP. (ii) Peniaga boleh membuat rayuan secara bertulis untuk penukaran kepada aktiviti perniagaan yang baharu yang tidak berisiko tanpa membuat permohonan lesen baharu. Penukaran aktiviti perniagaan baharu boleh dibuat secara pentadbiran oleh Bahagian Pelesenan setelah mendapat pengesahan dan perakuan dari pegawai kawasan.
5	Membenarkan lesen yang telah batal dihidupkan semula	(i) Peniaga yang telah berhenti beroperasi dan lesennya telah dibatalkan oleh Majlis atau atas permintaan sendiri berikutan pandemik COVID-19 boleh membuat rayuan secara bertulis kepada MBPP dalam tempoh setahun dari tarikh luput lesennya bagi menghidupkan semula lesen tersebut sekiranya peniaga berkenaan berhasrat untuk menyambung semula perniagaan berkenaan di premis tersebut tanpa perlu membuat permohonan lesen baharu yang sama. (ii) Lesen berkenaan boleh dihidupkan semula dan diberi kepada peniaga berkenaan dalam tempoh 3 hari
6	Membenarkan penukaran nama pemegang lesen dari nama individu kepada nama syarikat	(i) Membantu peniaga menukar nama pemegang lesen PBT dari nama individu kepada nama syarikat yang baharu atas permintaan peniaga berkenaan yang telah pun menukar dari pendaftaran perniagaan kepada pendaftaran syarikat Malaysia dengan SSM supaya dapat berurusan dengan bank bagi mendapatkan pinjaman modal.

		(ii) Membantu peniaga menukar nama pemegang lesen PBT dari nama individu kepada nama syarikat baharu atas permintaan peniaga berkenaan supaya mereka dapat berurusan dengan jabatan-jabatan Kerajaan Persekutuan seperti Jabatan Imigresen Malaysia (Permit pekerja), Jabatan Kastam DiRaja Malaysia (Import/Eksport), Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) dan sebagainya.
7	Mengeluarkan surat pengesahan bagi aktiviti yang tidak perlu lesen PBT	(i) Jabatan Imigresen Malaysia menetapkan syarat permohonan baharu atau pembaharuan bagi permit pekerja warganegara asing termasuk "expatriate" hendaklah disokong dengan salinan lesen PBT atau surat pengesahan dari PBT sekiranya pengoperasian terlibat tidak memerlukan lesen PBT antaranya pejabat-pejabat urusan, badan-badan professional, institusi-institusi pendidikan dan sebagainya. (ii) Surat pengesahan tidak memerlukan lesen premis perniagaan dari PBT akan diberi kepada pemohon dalam tempoh 3 hari setelah permohonan diterima dan pemeriksaan premis.
8	Mengecualikan kutipan fi hotel	(i) Mengecualikan kutipan fi hotel (RM3/semalam bagi hotel 4&5 bintang dan RM2/semalam bagi hotel 3 bintang dan ke bawah) selama 6 bulan (Julai - Disember 2020) ke atas pelancong/penghuni hotel dengan tujuan untuk membantu pengusaha hotel bagi menarik lebih ramai pelancong. (ii) Pengecualian kutipan fi hotel sekali lagi dilanjutkan sehingga 31 Disember 2021.
9	Mengeluarkan permit sementara bagi membuat perniagaan dari rumah *(Business From Home)*	(i) Membantu rakyat yang hilang pekerjaan dan tiada hasil pendapatan akibat kesan pandemik COVID-19 yang ingin atau sedang menjalankan aktiviti perniagaan yang tidak berisiko secara atas talian. (ii) Mengenakan fi permit sementara yang rendah iaitu RM10.00 sebulan bagi mengurangkan beban kewangan peniaga yang terlibat. Tempoh operasi yang diluluskan adalah dari 01 November 2020

		hingga 31 Disember 2021 dan boleh dilanjutkan mengikut keperluan semasa.
10	Bantuan secara moratorium kepada industri pelancongan Pulau Pinang	(i) PBT memberi bantuan moratorium kepada industri pelancongan Pulau Pinang seperti berikut: (a) Penangguhan bayaran bil cukai taksiran bagi tahun 2021 dan; (b) Penangguhan bayaran fi lesen premis perniagaan bagi tahun 2021. Lesen fizikal masih dikeluarkan kepada pengusaha untuk berurusan dengan agensi-agensi kerajaan/utiliti (TNB/PBA) terutamanya MITI.
11	Platform perniagaan secara *online*	(i) Peniaga boleh mempromosikan perniagaan secara atas talian dengan kerjasama pihak ketiga ataupun persendirian untuk membantu meningkatkan pendapatan mereka. Contohnya melalui JBO dan lain-lain lagi. (ii) Bekerjasama dengan Boost yang menyediakan bantuan pembiayaan sehingga RM20,000.00 bagi membantu peniaga-peniaga menghidupkan kembali perusahaan / perniagaan yang terjejas
12	Ruang peniagaan kepada peniaga pasar malam	(i) Peniaga pasar malam yang terjejas diberikan tapak alternatif di pasar/kompleks/tapak penjaja Majlis tanpa sebarang caj bagi membantu mereka meneruskan perniagaan untuk menjana pendapatan.
13	Mewujudkan Garis Panduan	(i) Menyediakan Garis Panduan Permit Bangunan Perniagaan Berskala Kecil dengan mempermudahkan kelulusan premis bangunan perniagaan dan mendapatkan lesen perniagaan MBSP yang sah kepada perniagaan-perniagaan tidak berisiko berskala kecil. (ii) Menyediakan Garis Panduan Perniagaan Secara Atas Talian *(Online)* di Premis Kediaman sebagai pilihan bagi membantu peniaga-peniaga yang tidak dapat beroperasi dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) untuk menjalankan perniagaan secara atas talian di premis kediaman. Melalui garis panduan ini, peniaga boleh menggunakan premis kediaman dengan memilik permit

			perniagaan MBSP yang sah untuk menjalankan perniagaan tertakluk kepada syarat-syarat yang telah ditetapkan di dalam garis panduan.
14	Membangunkan sistem pelesenan baharu	(i)	Membangunkan sistem pelesenan baharu bagi menggantikan sistem sedia ada bagi membantu mempermudahkan proses permohonan lesen dan permit oleh peniaga-peniaga di Seberang Perai. Sistem ini akan mula dilancarkan secara berperingkat pada bulan Ogos 2021 dan dijangka meningkatkan jumlah permohonan lesen dan permit perniagaan di Seberang Perai.

10. Program *outreach* yang dilaksanakan bagi membendung peningkatan kes COVID-19 tidak berkesan.

(a) Apakah kaedah lain yang akan diambil bagi mengurangkan peningkatan kes COVID-19?

JAWAPAN OLEH YAB. KETUA MENTERI:

10. Pelbagai usaha telah dilaksanakan dalam usaha membendung penularan wabak COVID-19. Antaranya adalah dengan mewujudkan program PPV Mobile yang akan digerakkan ke kawasan-kawasan yang memerlukan akses secara mendekati penduduk yang memerlukan bantuan vaksinasi. Kumpulan sasaran untuk program ini adalah OKU, Warga Emas, Pesakit Terlantar,Ibu Tunggal, mereka yang menghadapi kesukaran untuk hadir ke PPV Awam dan kumpulan yang dirasakan sesuai oleh *The establishment of the COVID-19 Immunisation Task Force* (CITF) Negeri mengikut keutamaan. Sehingga 24 Ogos 2021, seramai 9,020 telah menerima vaksin melalui program mobile PPV.

Program Mobilisasi Vaksin Komuniti (MOVAK) juga akan berlangsung di setiap daerah dengan 2 bas setiap lokasi bermula 30 Ogos-2 September 2021 bagi dos 1. Jumlah penerima adalah 11,000 penjaja.

Program Vaksinasi Barisan Sektor Ekonomi Negeri Pulau Pinang (PVac) yang melibatkan sektor selain MITI di Bukit Jawi di bawa Kerajaan Negeri. Jumlah penerima vaksin dari 9 Ogos hingga 16 Ogos adalah seramai 4,840.

Program Vaksinasi Industri Peruncitan (RiVAC) di Gurney Paragon and Design Village bagi retailers seperti Restoran, Persatuan Pengurusan Kompleks, Francais, Stesen Minyak. Kuota bagi Gurney Paragon adalah 6,000 manakala untuk Design Village adalah 4,000 yang telah dilulus oleh CITF.

Melalui program *outreach* ini juga kesedaran serta pelbagai kempen dijalankan oleh agensi - agensi Kerajaan antaranya APM, JKN, Jabatan Penerangan, Majlis-Majlis Perbandaran serta Pejabat Daerah.

Terdapat juga usaha dijalankan dari rumah ke rumah untuk mendekati kumpulan penduduk yang memerlukan Khidmat Nasihat serta Bantuan selain membantu mendaftarkan mereka ke dalam Mysejahtera

11. Vaksin COVID-19.

(a) Nyatakan jumlah penerima vaksin Pfizer, Sinovac dan AstraZeneca di Pulau Pinang.

(b) Nyatakan kriteria pemilihan penerima bagi setiap jenis vaksin berkenaan.

JAWAPAN OLEH YAB. KETUA MENTERI:

11. (a) Sehingga 15 Ogos 2021, perincian penerima vaksin mengikut jenis vaksin adalah:

(i) Pfizer: 439,828 ;

(ii) Sinovac: 212,017 ; dan

(iii) AZ: 163,332

Tiada kriteria tertentu. Cuma jika penerima didapati mempunyai kontraindikasi terhadap vaksin tertentu, akan diberi jenis vaksin yang lain mengikut kesesuaian.

12. Nyatakan jumlah penerima suntikan vaksin mengikut Pusat Pemberian Vaksin (PPV) dan juga pusat vaksin swasta.

JAWAPAN OLEH YAB. KETUA MENTERI:

12. Sehingga 10 Ogos 2021, pemberian suntikan vaksin mengikut kategori Pusat Pemberian Vaksin (PPV) adalah seperti berikut:

PUSAT PEMBERIAN VAKSIN	PEMBERIAN DOS 1	PEMBERIAN DOS 2
Hospital Kerajaan	**36,474**	**26,358**
PPV Awam	**374,686**	**235,709**
Hospital swasta	**39,942**	**24,183**
Klinik swasta	**20,681**	**8,453**
SPICE	**172,875**	**2,031**
PPV Industri	**179,109**	**57,225**
USM	**20,925**	**12,517**

13. Kadar Kebolehjangkitan COVID-19 (Ro/Rt).

(a) Apakah kadar kebolehjangkitan COVID-19 (Ro/Rt) di Negeri Pulau Pinang dari 1 Jun hingga kini?

(b) Apakah pelan tindakan yang diambil oleh Jabatan Kesihatan Negeri (JKN) mengenai trend berkenaan?

JAWAPAN OLEH YAB. KETUA MENTERI:

13. Julat kadar kebolehjangkitan COVID-19, Rt negeri Pulau Pinang dalam tempoh dua minggu (26.7.2021- 9.8.2021) adalah antara 1.14 hingga 1.25. Pelan Tindakan bagi menangani perkara ini termasuklah:-

(i) Memutuskan rantaian transmisi melalui aktiviti saringan bagi pengesanan kes dan kontak serta mengukuhkan aktiviti survelan COVID-19 melalui saringan kes-kes *influenza like illness* (ILI) dan *severe acute respiratory illness* (SARI);

(ii) Mencapai imuniti kelompok melalui pelaksanaan Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK);

Senarai Pusat Pemberian Vaksin (PPV) sehingga 23 Ogos seperti di **LAMPIRAN A.**

(iii) Meningkatkan kesedaran orang awam dengan pembudayaan normal baharu dan pematuhan SOP;

(iv) Memperkukuhkan pemerkasaan komuniti melalui pendekatan Cegah, Amal, Patuh dan Pantau di bawah District Risk Reduction Programme DRRP; serta mengaktifkan semula pelaksanaan Program Agen Basmi COVID-19 (ABC-19). Penglibatan YB Kawasan, Pegwai Daerah, lain-lain agensi serta ketua-ketua komuniti hendaklah diperkukuhkan.; dan

(v) Meningkatkan aktiviti penguatkuasaan yang dilakukan secara operasi bersepadu melibatkan pihak Polis DiRaja Malaysia (PDRM), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) melalui pemeriksaan ke atas premis; di mana pengeluaran kompaun, penutupan premis dan/atau tindakan pendakwaan dibuat berdasarkan ketidakpatuhan yang dilakukan.

LAMPIRAN A

BIL.	JENIS PPV	NAMA PPV	KAPASITI HARIAN
1	Awam	Kompleks Masyarakat Penyayang	800
2	Awam	Kompleks Sukan Balik Pulau	800
3	Awam	Tapak Ekspo Seberang Jaya	600
4.	Awam	Dewan SP Arena	1200
5.	Awam	Dewan Millenium	2000
6.	Awam	Tapak Pesta Sungai Nibong	1000
7.	Awam	Dewan Serbaguna Jawi	1200
8.	Awam	Balai Rakyat Bayan Baru	800
9.	Awam	Hospital Pulau Pinang	900
10.	Awam	Hospital Seberang Jaya	
11.	Awam	Hospital Balik Pulau	
12.	Awam	Hospital Bukit Mertajam	
13.	NGO	One Hope Charity	1000
14.	Integrasi	Dewan Serbaguna Sungai Bakap	1200
15.	Integrasi	Pusat Konvensyen Perda	2000
16.	Integrasi	Vangohh Eminent Hotel	2000
17.	Mega	SPICE Arena AstraZeneca	5000
18.	Mega	SPICE Convention Centre	5000
19.	Sektor Pengangkutan	SPP	200
20.	IPT	USM Kampus Induk	1000
21.	IPT	USM IPPT Bertam	400
22.	Mobile	Pelbagai Lokasi	350
23.	PIKAS (MITI)	BBraun Medical	400
24.	PIKAS (MITI)	Keysight Technologies	800
25.	PIKAS (MITI)	Osram Opto Semiconductor	400
26.	PIKAS (MITI)	Jabil	1500
27.	PIKAS (MITI)	Intel	1000

BIL.	JENIS PPV	NAMA PPV	KAPASITI HARIAN
28.	PIKAS (MITI)	Plexus	1500
29.	PIKAS (MITI)	Flextronic	1000
30.	PIKAS (MITI)	Molex	800
31.	PIKAS (MITI)	Mattel	300
32.	PIKAS (MITI)	Inari	1500
33.	PIKAS (MITI)	Hotel Ixora	1000
34.	PIKAS (MITI)	Hotel Equatorial	1500
35.	PIKAS (MITI)	Hotel Pearlview	1500
36	PIKAS (Negeri)	Bukit Jawi Golf Resort	1500
37.	Swasta	Hospital Gleneagles	200
38.	Swasta	Penang Adventist Hospital	200
39.	Swasta	Optimax Eye Specialist	200
40.	Swasta	Hospital Lam Wah Ee	400
41.	Swasta	Bagan Specialist Centre	200
42.	Swasta	Hospital Loh Guan Lye	200
43.	Swasta	Hospital Pantai	200
44.	Swasta	KPJ Penang Specialist	200
45.	Swasta	Georgetown Specialist Hospital	200
46.	Swasta	Klinik *General Practioners (GP)* – 58 buah	1630
47.	CIVAC (CIDB)	Sunway carnival Covention Centre	1300
48.	RIVAC (KPDNHEP)	Gurney Paragon	1200
49.	RIVAC (KPDNHEP)	Design Village	800
50.	Mobile Taskforce	Pelbagai Lokasi	350

14. Nyatakan jumlah pengamal perkhidmatan swasta yang dibenarkan membuat suntikan vaksin di Negeri Pulau Pinang.

JAWAPAN OLEH YAB. KETUA MENTERI

14. Terdapat sejumlah 68 pengamal perkhidmatan swasta yang dibenarkan membuat suntikan vaksin, iaitu 10 hospital swasta dan 58 buah klinik swasta di Pulau Pinang.

Senarai adalah seperti berikut:

BIL	SENARAI PPV	DAERAH
	KLINIK SWASTA	
1	KLINIK BERSATU BAYAN BARU	BARAT DAYA
2	KLINIK AMAN (BANDAR BAYAN BARU, PULAU PINANG)	BARAT DAYA
3	KLINIK MIKA	SEBERANG PERAI SELATAN
4	QUALITAS HEALTH KLINIK SENTOSA (LENGKOK DUMBAR)	TIMUR LAUT
5	KLINIK AMAN (GEORGETOWN, PULAU PINANG)	TIMUR LAUT
6	KLINIK AMAN (GELUGOR, PULAU PINANG)	TIMUR LAUT
7	QUALITAS HEALTH KLINIK SENTOSA (PENANG STREET, PULAU PINANG)	TIMUR LAUT
8	KLINIK SYED ALWI DAN CHANDRAN	SEBERANG PERAI TENGAH
9	KLINIK BRUNEI	BARAT DAYA
10	KLINIK MEDICRIS	BARAT DAYA
11	KLINIK WELLESLEY	SEBERANG PERAI SELATAN
12	CLINIC MEDI-GENESIS (SEBERANG PERAI SELATAN)	SEBERANG PERAI SELATAN
13	POLIKLINIK PUBLIC (SEBERANG PERAI TENGAH)	SEBERANG PERAI TENGAH
14	BP DIAGNOSTIK (SEBERANG PERAI UTARA)	SEBERANG PERAI UTARA
15	KLINIK UNICARE (SEBERANG PERAI TENGAH)	SEBERANG PERAI TENGAH
16	PLUX HEALTH CLINIC (BARAT DAYA)	BARAT DAYA
17	POLIKLINIK PEKAKA (SEBERANG PERAI SELATAN)	SEBERANG PERAI SELATAN
18	O2 KLINIK (GEORGETOWN)	TIMUR LAUT
19	KLINIK BERSATU 16 JAM (SEBERANG PERAI TENGAH)	SEBERANG PERAI TENGAH
20	KHONG KLINIK (TIMUR LAUT)	TIMUR LAUT
21	O2 KLINIK (BUTTERWORTH)	SEBERANG PERAI UTARA
22	KLINIK TOPCARE (ALMA) SDN. BHD.	SEBERANG PERAI TENGAH
23	KLINIK NEOH (TIMUR LAUT)	TIMUR LAUT
24	KLINIK HARMONY (TIMUR LAUT)	TIMUR LAUT
25	O2 KLINIK (SUMMERTON COMPLEX PERSIARAN BAYAN INDAH)	BARAT DAYA
26	O2 KLINIK (JALAN TAN SRI THE EWE LIM)	TIMUR LAUT
27	QUALITAS HEALTH KLINIK SENTOSA	BARAT DAYA
28	KLINIK ECO MEDIC	SEBERANG PERAI SELATAN
29	KLINIK HUANG	TIMUR LAUT

BIL	SENARAI PPV	DAERAH
30	OSEL CLINIC	TIMUR LAUT
31	KLINIK SERI PULAU	BARAT DAYA
32	KLINIK IMA	SEBERANG PERAI UTARA
33	O2 KLINIK (BAYAN LEPAS)	BARAT DAYA
34	KLINIK WAWASAN (TAMAN SUTERA)	SEBERANG PERAI TENGAH
35	KLINIK BERSATU	SEBERANG PERAI TENGAH
36	O2 KLINIK (TANJUNG TOKONG)	TIMUR LAUT
37	KLINIK BERSATU GEORGETOWN	TIMUR LAUT
38	KLINIK CHENG GHEE	TIMUR LAUT
39	MENARA MEDICAL CLINIC (BAYAN LEPAS)	BARAT DAYA
40	KLINIK DR. DASHINDAR SINGH	SEBERANG PERAI TENGAH
41	POLIKLINIK LOURDES (PENANG)	SEBERANG PERAI SELATAN
42	PEOPLES CLINIC	SEBERANG PERAI SELATAN
43	KLINIK MENARA (BAYAN LEPAS)	BARAT DAYA
44	KLINIK 1 UTAMA (BUTTERWORTH)	SEBERANG PERAI UTARA
45	KLINIK IHEALTH (BUKIT MERTAJAM)	SEBERANG PERAI TENGAH
46	KLINIK 1 UTAMA (BUKIT MERTAJAM)	SEBERANG PERAI TENGAH
47	02 KLINIK HERITAGE	TIMUR LAUT
48	KLINIK IHEALTH (BAYAN LEPAS)	BARAT DAYA
49	POLIKLINIK PUBLIC	SEBERANG PERAI UTARA
50	KLINIK PAKAR DR. K. K. TAN	SEBERANG PERAI TENGAH
51	BP DIAGNOSTIK (SEBERANG PERAI TENGAH)	SEBERANG PERAI TENGAH
52	IG CLINIC	SEBERANG PERAI UTARA
53	KLINIK PERUBATAN THE PEARL	TIMOR LAUT
54	KLINIK UNIVERSITI	TIMOR LAUT
55	KLINIK BAYAN MEDIC	TIMUR LAUT
56	ASIA KLINIK	TIMUR LAUT
57	POLIKLINIK BAGAN	TIMUR LAUT
58	POLIKLINIK DR. AZHAR DAN RAKAN-RAKAN (KEPALA BATAS)	SEBERANG PERAI UTARA
	HOSPITAL SWASTA	
1	PANTAI HOSPITAL PENANG	BARAT DAYA
2	KPJ PENANG SPECIALIST HOSPITAL	TIMUR LAUT
3	LOH GUAN LYE SPECIALISTS CENTRE	TIMUR LAUT
4	BAGAN SPECIALIST CENTRE	SEBERANG PERAI UTARA
5	GLENEAGLES MEDICAL CENTRE PENANG	TIMUR LAUT
6	OPTIMAX EYE SPECIALIST HOSPITAL (PENANG)	TIMUR LAUT
7	PENANG ADVENTIST HOSPITAL	TIMUR LAUT

BIL	SENARAI PPV	DAERAH
8	GEORGETOWN SPECIALIST HOSPITAL	TIMUR LAUT
9	BP RADIOLOGY CENTRE	TIMUR LAUT
10	HOSPITAL LAM WAH EE	TIMUR LAUT

15. Berapakah kes import COVID-19 di Negeri Pulau Pinang sejak Mac 2020?

(a) Nyatakan kaedah pencegahan yang dilaksanakan bagi mengelak peningkatan kes COVID-19?

JAWAPAN OLEH YAB. KETUA MENTERI

15. Kes Import COVID-19 ditafsirkan kepada 2 jenis, Import A adalah kes-kes penularan dari luar negara, Import B adalah kes-kes penularan dari luar Negeri Pulau Pinang. Sejak Mac 2020, sebanyak 46 kes Import A telah direkodkan di Pulau Pinang yang melibatkan pengembara yang disaring di pintu-pintu masuk antarabangsa yang terdapat di Negeri Pulau Pinang. Sebanyak 32 kes Import B direkodkan di Pulau Pinang yang mendapat risiko pendedahan dari luar Negeri Pulau Pinang.

(a) Sistem kesihatan awam di Negeri Pulau Pinang di bawah Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang bersedia untuk menghadapi ancaman COVID-19 yang lebih cepat menular berbanding sebelumnya. Terdapat aktiviti-aktiviti yang dirangka untuk merealisasikan tujuan persediaan menghadapi ancaman tersebut berlandaskan beberapa perancangan:

(i) Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang sentiasa mengambil perhatian terhadap aktiviti virus yang menular dalam kluster-kluster komuniti atau tempat kerja yang dilihat berpotensi untuk menjadi penularan yang lebih ganas. Sampel akan dihantar segera untuk tujuan *Whole Genomic Sequencing* (WGS) ke Institute of Medical Research (IMR) untuk tujuan analisa penuh *variant* COVID-19. Aktiviti ini telahpun bermula sejak pertengahan tahun 2021, sehingga 11.8.2021 tiada keputusan ujian ke atas sampel ini yang dikenal pasti sebagai varian delta.

(ii) Respon kesihatan awam terhadap COVID-19 juga sentiasa berterusan dengan menjalankan pemantauan survelan COVID-19 secara *sentinel* bagi mengesan jangkitan COVID-19 dalam kalangan klien Klinik Kesihatan yang bergejala. Dengan cara ini, mereka akan lebih cepat diisolasi untuk mengekang penularan dalam komuniti.

(iii) Bahagian kesihatan awam juga akan menjalankan koordinasi Bersama dengan agensi awam dan jentera dibawah kerajaan negeri bagi membantu pengurusan pesakit COVID-19 dan kontak rapat yang sedang dalam tempoh kuarantin. Pematuhan SOP juga akan dititikberatkan melalui aktiviti penguatkuasaan kesihatan awam yang akan lebih dirancakkan lagi bagi memastikan penularan dapat dikawal di peringkat komuniti.

Secara kolektif, semua usaha yang dinyatakan akan membantu usaha Negeri Pulau Pinang dalam usaha menghadapi COVID-19 yang lebih cepat berjangkit dalam kalangan komuniti.

16. Pusat Kuarantin dan Rawatan COVID-19 (PKRC).

(a) Berapakah jumlah individu yang dikuarantin di Pusat Kuarantin Pulau Pinang sejak Mac 2020?

(b) Apakah kekurangan yang dihadapi di PKRC berkenaan?

JAWAPAN OLEH YAB. KETUA MENTERI

16. (a) Sehingga 10 Ogos 2021, jumlah kumulatif PUS di PKRC MEC Jawi adalah sebanyak 14,644 pesakit.

(b) Antara kekurangan di PKRC MEC Jawi adalah ruang di bangunan sedia ada MARA terhad dan ini menyebabkan Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang tidak dapat memisahkan pesakit warganegara dan bukan warganegara di lain-lain bangunan.

17. Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) berperanan dalam menjaga kebajikan golongan miskin.

(a) Nyatakan jumlah bantuan yang disediakan oleh JKM kepada orang miskin semasa pandemik COVID-19?

JAWAPAN OLEH YAB. KETUA MENTERI

17. Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) merupakan sebuah agensi kerajaan yang ditubuhkan sebagai agensi pelaksana program-program kebajikan. Pelaksanaan bantuan-bantuan kebajikan oleh JKM adalah selaras dengan peruntukan Perlembagaan Persekutuan di bawah Senarai 3 - Jadual Kesembilan. Di bawah peruntukan tersebut, pihak Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri bertanggungjawab secara bersama terhadap kebajikan masyarakat.

(a) Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan Kerajaan Persekutuan melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat telah membelanjakan sebanyak **RM78,418,385.00** bagi bantuan kewangan dalam tempoh bermulanya pandemik COVID-19 sejak Mac 2020 sehingga kini seperti di **LAMPIRAN A.**

Selain itu, bantuan bakul makanan yang disalurkan melalui JKM dan agensi Kerajaan Negeri seperti Pejabat Daerah dan Tanah dan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) di bawah peruntukan Kerajaan Negeri sejak bermula pandemik COVID-19 yang berjumlah **RM1,540,000.00** telah memberi manfaat kepada 30,800 orang penerima yang terkesan akibat pandemik tersebut.

LAMPIRAN A

PERBELANJAAN BANTUAN KEWANGAN SEMASA PANDEMIK COVID-19

PROGRAM	JENIS BANTUAN	BILANGAN PENERIMA	JUMLAH PERBELANJAAN (RM)	TEMPOH
Bantuan Negeri (Bantuan Agenda Ekonomi Saksama)	Bulanan	1,573	4,825,715.00	Januari sehingga Ogos 2021
Bantuan Persekutuan	Bulanan	18,088	62,654,570.00	
Bayaran Khas RM500 Penerima Bantuan JKM Dibawah Projek Bantuan Rakyat Negeri Pulau Pinang	*One-off*	18,087	9,043,500.00	April 2020
Bayaran Khas RM100 Kepada Penerima Bantuan JKM di bawah Projek Bantuan Rakyat Negeri Pulau Pinang	*One-off*	18,846	1,894,600.00	Disember 2020
JUMLAH KESELURUHAN BANTUAN KEWANGAN SEJAK MAC 2020 SEHINGGA OGOS 2021			**78,418,385.00**	

18. Terdapat gelandangan yang menjadikan hentian bas KOMTAR sebagai tempat tidur.

(a) Apakah tindakan yang akan diambil bagi mencegah penularan wabak di kalangan mereka?

JAWAPAN OLEH YAB. KETUA MENTERI:

18. Sejak pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) berikutan penularan wabak COVID-19 sejak Mac 2020, peningkatan bilangan individu yang menjadikan KOMTAR sebagai tempat tidur dan tempat mendapatkan sumber makanan atas ehsan dan sumbangan orang ramai semakin ketara. Walau bagaimanapun, siasatan terperinci masih perlu dilaksanakan bagi memastikan individu-individu tersebut adalah berstatus gelandangan sebenar sebelum tindakan selanjutnya dapat dilaksanakan.

Berkaitannya, penularan wabak COVID-19 lebih mudah terdedah dalam kalangan gelandangan kerana mereka kerap berpindah-randah dan agak sukar dikesan untuk dirawat berbanding dengan orang awam. Inisiatif pemberian vaksin kepada golongan gelandangan adalah tindakan yang sewajarnya bagi mencegah penularan wabak dalam kalangan mereka dan juga bagi membantu mencapai 80 peratus imuniti kelompok (*herd immunity*) di negara ini.

Melalui Jawatankuasa Program Imunisasi COVID-19 (CITF) peringkat negeri, telah diwujudkan satu *Task Force* bagi menangani perkara ini. Memandangkan keadaan gelandangan yang sering berpindah-randah, perancangan Jabatan Kesihatan Negeri (JKN) untuk pemberian vaksin satu (1) dos seperti 'Cansino' adalah amat sesuai bagi mereka. Vaksin satu (1) dos ini dijangka akan dibekalkan ke Pulau Pinang pada bulan September 2021.

19. Program Imunisasi Industri COVID-19 Kerjasama Awam-Swasta (PIKAS) di Hotel Equatorial telah berjaya meningkatkan jumlah orang yang divaksin.

(a) Nyatakan bantuan yang disalurkan oleh Kerajaan Negeri kepada penganjur berkenaan.

JAWAPAN OLEH YAB. KETUA MENTERI

19. Pusat Pemberian Vaksin (PPV) PIKAS adalah diuruskan oleh Kerajaan Persekutuan antara agensi yang terlibat ialah Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI), Jabatan Kesihatan Negeri (JKN) dan Badan Bertindak Imunisasi COVID-19 (CITF) Pusat.

(a) Sumbangan Kerajaan Negeri adalah dari sudut menyokong permohonan kelulusan PPV PIKAS Hotel Equatorial untuk beroperasi pada awal dahulu.

Penganjur di Hotel Equatorial telah menerima stok vaksin daripada Kerajaan Persekutuan.

20. Projek-projek pembinaan terjejas akibat pelaksanaan Pelan Pemulihan Negara (PPN) kerana tidak dibenarkan beroperasi dan ramai pekerja yang terjejas.

(a) Apakah peranan Kerajaan Negeri dalam membantu golongan ini?

JAWAPAN OLEH YAB. KETUA MENTERI

20. Berdasarkan Mesyuarat Induk Majlis Keselamatan Negara (MKN), sektor pembinaan akan dibuka secara berperingkat berpandukan kepada keperluan semasa.

Justeru, Kerajaan Negeri Pulau Pinang melalui pihak Jabatan Kerja Raya (JKR) Negeri Pulau Pinang masih meneruskan pelaksanaan kerja-kerja pembinaan secara berperingkat mengikut Prosedur Operasi Standard (SOP) yang telah ditetapkan berdasarkan kelulusan yang telah dikeluarkan oleh pihak Kerajaan Persekutuan.

21. Pematuhan Prosedur Operasi Standard (SOP) terhadap Premis Perniagaan

(a) Berapakah kadar pematuhan SOP terhadap premis perniagaan?

(b) Adakah satu analisa risiko dijalankan ke atas data-data tersebut dan apakah pelan tindakan ke atas penemuan berkenaan?

JAWAPAN OLEH YAB. KETUA MENTERI

21. (a) Sehingga 8 Ogos 2021, jumlah pemeriksaan yang telah dijalankan di kawasan Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) adalah sebanyak 1,091,831 premis manakala di kawasan Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) pula sebanyak 1,102,164 premis. Kadar pematuhan SOP bagi kedua-dua Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) ialah 99.41%. Perincian kadar pematuhan adalah seperti berikut:

BUTIRAN	MBPP	MBSP
Jumlah Premis Diperiksa	1,091,831 premis	1,102,164 premis
Jumlah Premis Patuh SOP	1,086,913 premis	1,094,186 premis
Jumlah Premis Tidak Patuh SOP	4,918 premis	7,978 premis
Peratusan Pematuhan Keseluruhan	99.55%	99.28%

Kebanyakkan premis mematuhi SOP yang telah ditetapkan dengan kadar purata pematuhan sebanyak 99.41%. Walau bagaimanapun, masih terdapat sebanyak 0.59% ketidakpatuhan SOP yang telah direkodkan semasa pemeriksaan masih dijalankan oleh kedua-dua PBT. Kriteria-kriteria ketidakpatuhan yang diambilkira semasa pemeriksaan pematuhan SOP adalah seperti berikut:

(i) Pemakaian *facemask* oleh pekerja dan pelanggan/pengunjung;

(ii) Penyediaan pengimbas suhu badan, *hand sanitizer* & QR code MySejahtera di pintu masuk premis;

(iii) Pematuhan penjarakkan sosial;

(iv) Penyediaan satu (1) laluan keluar dan satu (1) laluan masuk ke premis;

(v) Pengoperasian mengikut masa yang ditetapkan oleh MKN;

(vi) Penetapan kapasiti pekerja dalam sesebuah premis mengikut had bilangan yang diarahkan oleh MKN; dan

(vii) Pematuhan pelaksanaan ujian saringan bagi pekerja asing dan keperluan majikan untuk mengemukakan bukti ujian saringan apabila diminta oleh penguatkuasa

(a) Sekiranya kriteria-kriteria ini tidak dipatuhi oleh individu atau premis tersebut, berkemungkinan risiko-risiko seperti berikut akan berlaku:

(i) Peningkatan kes COVID-19 dalam kalangan komuniti/premis berkenaan;

(ii) Kesukaran untuk mengesan dan menjejaki pergerakan individu jika terdapat sebarang situasi kes positif di sesuatu premis; dan

(iii) Jangkitan kes COVID-19 dengan lebih cepat dan mudah terutama sekali melalui varian Delta.

Berdasarkan kepada analisis risiko tersebut, antara pelan tindakan yang disediakan oleh PBT berdasarkan penemuan-penemuan semasa pemeriksaan pematuhan SOP adalah seperti berikut:

(i) Mempertingkatkan tindakan pemantauan serta melaksanakan pendidikan awam kepada premis-premis yang menghadapi permasalahan pematuhan dengan memberikan khidmat nasihat sewajarnya dan diikuti dengan tindakan penguatkuasaan sebagai langkah terakhir;

(ii) Mengemukakan data kepada Majlis Keselamatan Negara (MKN) bagi membolehkan agensi terbabit menjalankan analisa dan menetapkan SOP serta pelan tindakan dari semasa ke semasa;

(iii) Menjalankan pemeriksaan pematuhan secara bersepadu bersama agensi-agensi luar seperti Polis DiRaja Malaysia (PDRM), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Kementerian Perdagangan Antarabangsa Dan Industri (MITI), Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), Jabatan Tenaga Kerja (JTK), Jabatan Imigresen Malaysia (JIM), Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) dan Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang (JHEAIPP) bagi memastikan pematuhan SOP; dan

(iv) Mengeluarkan kompaun di bawah Akta Pencegahan Dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 (Akta 342) sekiranya terdapat kesalahan melibatkan pelanggaran SOP.

22. Adakah tindakan penguatkuasaan dijalankan semasa Pelan Pemulihan Negara (PPN) memandangkan rakyat sedang mengalami kesusahan?

JAWAPAN OLEH YAB. KETUA MENTERI:

22. Pada masa ini, tindakan penguatkuasaan utama yang dilaksanakan semasa Pelan Pemulihan Negara oleh Kerajaan Negeri adalah mengikut Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit (Akta 342) bagi memastikan semua rakyat Pulau Pinang mengikut *Standard Operating Procedure* (SOP) yang telah ditetapkan bagi mencegah penularan wabak COVID-19.

Selain itu, tindakan penguatkuasaan lain yang turut dilaksanakan adalah bagi kesalahan yang melibatkan isu keselamatan dan kepentingan awam dan tertakluk di bawah Akta Kerajaan Tempatan 1976, Akta Jalan Parit Dan Bangunan 1974, Akta Perancangan Bandar Dan Desa 1974, Enakmen, Perintah dan Undang-Undang Kecil Pihak Berkuasa Tempatan. Antaranya adalah seperti berikut:

(a) Menunda kenderaan yang diletakan di tempat berbahaya kepada pengguna jalan raya;

(b) Mengapit roda kenderaan;

(c) Tindakan penguatkuasaan menjalankan jika tiada permohonan / tiada kelulusan dan tidak menghentikan kerja serta masih menjalankan kerja tanpa kebenaran di tapak pembinaan; dan

(d) Menjalankan penguatkuasaan ke atas kesalahan menjalankan aktiviti perjudian dan pusat hiburan yang telah disenaraikan dalam senarai aktiviti yang tidak dibenarkan sebagaimana yang telah ditetapkan dalam SOP MKN. Walau bagaimanapun, tindakan penguatkuasaan fizikal dan pengeluaran kompaun adalah dikurangkan pelaksanaannya kecuali bagi kes yang benar-

benar menyebabkan kesusahan dan kesukaran kepada penduduk dan kes melibatkan pematuhan dan pelanggaran SOP Pelan Pemulihan Negara.

23. Adakah Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) akan membuat pindaan Perintah Pengangkutan Jalan (Tempat Letak Kereta) MPPP 2014 memandangkan Perintah 19 tidak sesuai dengan *Penang Smart Parking* (PSP)?

JAWAPAN OLEH YAB. KETUA MENTERI:

23. Semenjak dilancarkan pada 19 Ogos 2019, tahap pencapaian penggunaan aplikasi *Penang Smart Parking* (PSP) telah menerima maklumbalas yang positif daripada pengguna dengan jumlah muat turun aplikasi sebanyak 623,350 setakat 16 Ogos 2021.

Namun yang demikian, pihak Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) mengambil maklum bahawa Perintah 19 dalam Perintah Pengangkutan Jalan (Tempat Letak Kereta) MPPP 2014 iaitu *"*Seorang pemandu atau pemunya kenderaan motor yang menggunakan alat peraga berelektronik hendaklah pada setiap masa mempamerkan alat peraga berelektronik itu di tempat yang mudah dilihat di atas papan pemuka menghadap cermin hadapan kenderaan motornya" adalah tidak bersesuaian dengan penggunaan sistem PSP yang sedang digunakan di MBPP.

Sehubungan itu, pihak MBPP sedang dalam proses untuk membuat pindaan terhadap Perintah 19 dalam Perintah Pengangkutan Jalan (Tempat Letak Kereta) 2014 untuk disesuaikan dengan penggunaan sistem PSP.

24. Terdapat individu yang telah diberi dos pertama atau kedua vaksin tetapi tidak dapat hadir untuk temu janji atas pelbagai sebab yang tidak boleh diterima. Ketidakhadiran untuk temu janji seperti yang terjadual menyebabkan warga yang betul-betul inginkan vaksin tidak berkesempatan untuk menerima vaksin.

(a) Apakah tindakan Jabatan Kesihatan Negeri (JKN) dan Badan Imunisasi Bertindak COVID-19 (CITF) untuk menangani masalah ini?

JAWAPAN OLEH YAB. KETUA MENTERI

24. Memandangkan program vaksinasi merupakan pendaftaran secara sukarela, individu mempunyai pilihan untuk menolak temu janji vaksinasi atas sebab-sebab tertentu.

Walau bagaimanapun, temu janji akan dijadualkan semula secara automatik melalui aplikasi MySejahtera atau boleh menghubungi hotline JKN di talian 04-2611330 untuk pertanyaan lanjut.

(a) Tindakan yang telah diambil oleh JKN melalui MySejahtera adalah dengan mengenalpasti penerima vaksin baru untuk hadir ke PPV.

25. Kajian menunjukkan terdapat perlindungan ke atas COVID-19 setelah divaksin dos pertama.

(a) Adakah Jabatan Kesihatan Negeri dan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) akan mempercepatkan pemberian vaksin kepada golongan gelandangan di kawasan tumpuan awam seperti pusat bandar, perhentian bas dan sebagainya?

JAWAPAN OLEH YAB. KETUA MENTERI

25. Pihak Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang akan bekerjasama dengan pihak Jabatan Kebajikan Masyarakat bagi pemberian vaksin kepada golongan gelandangan. Mesyuarat CITF Negeri Bil. 19/2021 telah membuat ketetapan bahawa

Program Vaksinasi bagi gelandangan akan disuntik dengan vaksin Cansino yang dijangka tiba pada bulan September 2021.

26. Pasca COVID-19 memerlukan satu *Economic Response Plan* sebagai usaha mengawal Kadar Pertumbuhan ekonomi negeri.

(a) Senaraikan pelan tindakan yang telah diambil oleh Kerajaan Negeri dalam hal ini.

JAWAPAN OLEH YAB. KETUA MENTERI

26. Pelan tindakan yang telah diambil oleh Kerajaan Negeri bagi meningkatkan kadar pertumbuhan ekonomi Negeri Pulau Pinang adalah seperti berikut:

(i) Pemulihan ekonomi bersandarkan kepada Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan dan program saringan massa untuk memutuskan rantaian jangkitan COVID-19 dalam komuniti. Kerajaan Negeri telah mengguna pakai strategi 3T *(testing, tracing, treatment)* bertujuan mengenal pasti, mengasingkan serta merawat individu pembawa COVID-19. Kerajaan Negeri mensasarkan bahawa 100% populasi penduduk Pulau Pinang yang berumur 18 tahun ke atas akan menerima sekurang-kurangnya satu (1) dos vaksin pada awal bulan September 2021;

(ii) Kerajaan Negeri telah meluluskan Pakej Bantuan Rakyat Pulau Pinang bagi mengurangkan beban golongan paling terkesan serta mengaktifkan kembali sektor ekonomi negeri yang terjejas akibat penularan pandemik COVID-19 dan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) serta tempoh Pelan Pemulihan Negara (PPN). Pakej bantuan ini telah dilaksanakan secara berfasa iaitu Fasa 1, 2 dan 2.1 pada tahun 2020 dan Fasa 3 dan 3.1 pada tahun 2021. Perincian bantuan adalah seperti di **LAMPIRAN A;** dan

Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah menubuhkan Jawatankuasa *Penang Socio Economic Recovery Consultative Council* (PSERCC) bagi membincangkan tindakan-tindakan yang boleh dilaksanakan untuk mengurangkan impak pandemik COVID-19 serta mengaktifkan kembali sektor ekonomi negeri yang terjejas akibat penularan pandemik COVID-19. Di bawah PSERCC, enam (6) Jawatankuasa Kerja telah ditubuhkan iaitu bagi Sektor Industri/SMI/SME/Peruncitan, Sektor Pasaran Tenaga Kerja, Sektor Perumahan, Sektor Infrastuktur dan Pengangkutan, Sektor Pelancongan, Sektor Industri Makanan. Pelan tindakan pemulihan yang dikenal pasti adalah seperti di **LAMPIRAN B.**

LAMPIRAN A

SENARAI BANTUAN DI BAWAH PAKEJ BANTUAN RAKYAT PULAU PINANG (PENANG LAWAN COVID-19)

FASA 3.0

BIL.	INSENTIF / BANTUAN (FASA 3.0)	ANGGARAN PERUNTUKAN (RM)	BILANGAN PENERIMA SEBENAR	PERBELANJAAN SEBENAR (RM)
1	Bantuan Khas Kewangan *one-off* RM500 kepada: (i) Peniaga dan penjaja berlesen; (ii) Penjaja/penggerai yang berniaga dalam kompleks makanan/kedai persendirian (*shoplot*); (iii) Penjaja/penggerai yang mempunyai *tagging* dan berdaftar dengan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT); dan (iv) Peniaga pasar tani (FAMA)	7,356,000.00	16,322 peniaga [(i) MBPP - 6,930, MBSP - 5,770; (ii) MBPP - 1,296, MBSP - 661; (iii) MBPP - 1,410, MBSP - 173; (iv) FAMA – 82]	8,161,000.00
2	Bantuan Khas Kewangan *one-off* RM200 kepada penarik beca	57,600.00	157 penarik beca	31,400.00
3	Bantuan Khas Kewangan *one-off* RM500 kepada pengusaha kantin sekolah berdaftar di Pulau Pinang	231,000.00	435 pengusaha kantin	217,500.00
4	Bantuan Khas Kewangan *one-off* RM500 kepada peniaga yang berlesen dengan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT): (i) Perkhidmatan gunting rambut/salun rambut; (ii) Perkhidmatan salun kecantikan dan spa;	1,464,500.00	869 peniaga [(i) MBPP - 225, MBSP - 354; (ii) MBPP - 95, MBSP - 137; (iii) MBPP - 38, MBSP - 19; (iv) MBPP - 0, MBSP - 1]	434,500.00

BIL.	INSENTIF / BANTUAN (FASA 3.0)	ANGGARAN PERUNTUKAN (RM)	BILANGAN PENERIMA SEBENAR	PERBELANJAAN SEBENAR (RM)
	(iii) Perkhidmatan pusat refleksologi; dan (iv) Perkhidmatan bekam			
5	Peruntukan Khas RM30,000 kepada semua ADUN, Ahli Parlimen Kerajaan Negeri, ADUN Angkat, Pegawai Penyelaras KADUN dan Pegawai Penyelaras Khas kepada Ketua Menteri untuk membantu rakyat yang terkesan dengan PKP 2.0	1,770,000.00	59 penerima	1,770,000.00
JUMLAH BESAR		**10,879,100.00**	**17,842**	**10,614,400.00**

FASA 3.1

BIL.	INSENTIF / BANTUAN (FASA 3.1)	ANGGARAN PERUNTUKAN (RM)	BILANGAN PENERIMA SEBENAR	PERBELANJAAN SEBENAR (RM)
1	Geran pensijilan halal berjumlah RM320 kepada usahawan mikro baharu dan sedia ada melalui Penang Halal International	288,000.00	88 usahawan	10,720.00
2	Bantuan Khas kewangan RM1,000 secara *one-off* kepada SME yang berdaftar dengan SME Association Malaysia (SAMENTA)	1,000,000.00	333 SME	333,000.00
3	Bantuan khas kewangan RM500 secara *one-off* kepada pengusaha kegiatan sukan dan aktiviti kecergasan yang berdaftar dengan PBT	97,000.00	38 pengusaha	19,000.00

BIL.	INSENTIF / BANTUAN (FASA 3.1)	ANGGARAN PERUNTUKAN (RM)	BILANGAN PENERIMA SEBENAR	PERBELANJAAN SEBENAR (RM)
4	Bantuan khas kewangan RM500 secara *one-off* kepada pengendali perkhidmatan Mobile SPA	31,500.00	42 pengusaha	21,000.00
5	Insentif makanan ternakan bagi penternak tradisional untuk komoditi unggas, ruminan dan babi di bawah seliaan Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri	574,424.00	1,088 penternak	0.00
6	Bantuan Khas Kewangan RM500 secara *one-off* kepada pemandu bas/van persiaran, kereta sewa / limosin pelancongan	175,500.00	142 pemandu	71,000.00
7	Bantuan Khas Kewangan RM500 secara *one-off* kepada pemandu pelancong berdaftar	683,500.00	587 pemandu pelancong	293,500.00
8	Bantuan Khas Kewangan RM500 secara *one-off* kepada pengusaha lancang air (*watercraft operator*) di Pulau Pinang	11,500.00	21 pengusaha lancang air	10,500.00
9	Bantuan Khas Kewangan RM500 secara *one-off* kepada pengusaha kuda rekreasi Pulau Pinang	4,500.00	9 pengusaha kuda	4,500.00
10	Bantuan khas kewangan RM500 secara *one-off* kepada pengusaha kantin dan kafeteria di IPTA/IPTS/Kolej/Institut Latihan	250,000.00	31 pengusaha kantin	15,500.00

BIL.	INSENTIF / BANTUAN (FASA 3.1)	ANGGARAN PERUNTUKAN (RM)	BILANGAN PENERIMA SEBENAR	PERBELANJAAN SEBENAR (RM)
11	Bantuan Peralatan Kesihatan Dan Penyediaan Kelengkapan Program Imunisasi COVID-19 Negeri Pulau Pinang	2,000,000.00	5 PDT	1,351,420.95
12	Bantuan khas kewangan RM5,000 secara *one-off* kepada pusat jagaan kanak-kanak / warga emas/ OKU /perlindungan wanita di Pulau Pinang	520,000.00	94 pusat jagaan	470,000.00
13	Bantuan khas kewangan RM1,000 secara *one-off* kepada *Tourist Attraction Operators*	60,000.00	10 pengusaha	10,000.00
14	Bantuan khas kewangan RM1,000 secara *one-off* kepada kuil-kuil yang berdaftar di bawah Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia	83,000.00	46 pertubuhan	46,000.00
15	Bantuan khas kewangan RM1,000 secara *one-off* kepada Rumah Ibadat Bukan Islam yang berdaftar di bawah Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia	539,000.00	286 pertubuhan	286,000.00
16	Bantuan khas kewangan RM1,000 secara *one-off* kepada surau berdaftar di bawah JHEAIPP	600,000.00	600 surau	600,000.00
17	Bantuan khas kewangan RM500 secara *one-off* kepada guru-guru sekolah agama rakyat berdaftar di bawah JHEAIPP	467,500.00	935 guru	467,500.00

BIL.	INSENTIF / BANTUAN (FASA 3.1)	ANGGARAN PERUNTUKAN (RM)	BILANGAN PENERIMA SEBENAR	PERBELANJAAN SEBENAR (RM)
18	Bantuan khas kewangan RM500 secara *one-off* kepada Pemegang Tauliah Mengajar yang berdaftar dan diperakukan oleh JHEAIPP	27,500.00	55 pemegang tauliah mengajar	27,500.00
19	Program kerjasama pintar dengan penyedia *platform marketplace digital commerce*	1,000,000.00	-	353,438.00
20	Bantuan khas kewangan RM10,000.00 kepada Persatuan BOMBA Sukarela dan Pasukan CERT	360,000.00	36 persatuan	360,000.00
21	Pengecualian 2 bulan sewaan dan pajakan bagi projek-projek CMI dan SSI yang berkaitan kepada pengusaha/syarikat	381,000.00	20 pengusaha/ syarikat	381,000.00
22	Peruntukan tambahan RM20,000.00 kepada YB ADUN Kerajaan Negeri, YB Parlimen Kerajaan Negeri, YB ADUN Angkat, Pegawai Penyelaras KADUN dan Pegawai Penyelaras Khas YAB Ketua Menteri bagi membantu golongan terjejas	1,180,000.00	59 penerima	1,180,000.00
JUMLAH BESAR		**10,333,924.00**	**4,525**	**6,311,578.95**

LAMPIRAN B

PELAN TINDAKAN PEMULIHAN NEGERI PULAU PINANG
DI BAWAH *PENANG SOCIO ECONOMIC RECOVERY CONSULTATIVE COUNCIL* (PSERCC)

A) SEKTOR INDUSTRI/SMI/SME/PERUNCITAN

BIL.	PERKARA	BUTIRAN PELAKSANAAN
1	Cadangan memudahkan kelulusan *Special Relief Fund* (SRF)	*Special Relief Fund* (SRF) diluluskan tetapi perlu menunggu sokongan CGC untuk pelepasan dana. Kerajaan Negeri telah mengemukakan cadangan kepada Kementerian Kewangan untuk memohon proses permohonan dapat dipermudah dan pembayaran SRF dipercepatkan.
2	Cadangan mempercepatkan proses bayaran balik tuntutan GST	Kerajaan Negeri telah mengemukakan cadangan kepada Kementerian Kewangan untuk mempercepatkan proses bayaran balik tuntutan GST kepada syarikat-syarikat berkaitan
3	Cadangan pekerja asing turut dipertimbangkan dalam insentif subsidi upah	Pekerja asing tidak termasuk dalam insentif subsidi upah. Kerajaan Negeri telah mengemukakan cadangan kepada Kementerian Kewangan untuk mempertimbangkan cadangan insentif subsidi upah kepada pekerja asing.
4	Cadangan penambahan pelanjutan moratorium selama enam (6) bulan lagi	Moratorium penangguhan pembayaran pinjaman ditetapkan sehingga September 2020 sahaja. Kerajaan Negeri telah mengemukakan cadangan kepada Kementerian Kewangan untuk mempertimbangkan cadangan pelanjutan moratorium untuk tempoh enam (6) bulan berikutnya
5	Penambahbaikan ke atas isu sekatan terhadap *foreign key personnel* dan pasukan teknikal yang memasuki Malaysia serta kekeliruan akibat SOP yang kurang jelas yang melibatkan pelbagai agensi	Kerajaan Negeri telah mengemukakan cadangan kepada Majlis Keselamatan Negara, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) dan Jabatan Imigresen untuk mempertimbangkan pelaksanaan proses kelulusan dalam tempoh dua (2) minggu bagi kemasukan perniagaan atau Professional Visit Pass (PVP) dan diuruskan oleh satu (1) agensi pusat serta mempunyai tempat perhubungan dari mula hingga selesai permohonan.
6	Kelulusan pengambilan pekerja asing untuk sektor terpilih tidak termasuk pembuatan	Kerajaan Negeri telah mengemukakan cadangan kepada Kementerian Sumber Manusia untuk mempertimbangkan pengambilan pekerja asing bagi sektor pembuatan
7	Cadangan mewujudkan kempen jualan Pulau Pinang dan menggalakkan SME menggunakan platform digital	Kerajaan Negeri melalui Penang Halal International (PHI) telah melancarkan *"Penang EMall"* secara atas talian melalui platform e-dagang *"Shopee"* bagi membantu peniagaan mikro dan perusahaan sederhana kecil. Kempen ini telah berjaya membantu sejumlah 36,507 peniaga.
8	Meningkatkan kadar penyertaan PKS dalam perolehan kerajaan dan MNC	Kadar penyertaan PKS masih rendah dalam perolehan kerajaan dan MNC. InvestPenang telah menganjurkan Hari Pembekal *"Supplier's Day"* secara atas talian pada 1 Julai 2021 dengan kerjasama syarikat Lam Research Malaysia.

BIL.	PERKARA	BUTIRAN PELAKSANAAN
		Sejumlah 256 peserta dari syarikat-syarikat tempatan telah mengambil bahagian. Mengkaji cadangan untuk mempertimbangkan penetapan kuota khusus untuk syarikat tempatan dalam aktiviti perolehan (Jabatan Kerajaan Negeri / Persekutuan yang berkaitan). MNC pula mempertimbangkan untuk membuka perolehan bahan tidak langsung kepada PKS tempatan (FMM, FREPENCA) untuk mendorong perolehan tempatan.
9	Cadangan pelanjutan Skim Pinjaman Kelangsungan Perniagaan (PEKA) oleh PDC	Pada masa ini, Skim PEKA tidak akan dilanjutkan kerana peruntukan telah digunakan sepenuhnya. Kerajaan Negeri sedang mempertimbangkan untuk menyediakan pinjaman secara bersasar kepada penerima sektor yang memerlukan.
10	Cadangan supaya sektor pembuatan dikecualikan daripada ditutup sepenuhnya sekiranya PKP diperkenalkan semula	Kilang-kilang di Pulau Pinang mengamalkan pematuhan SOP keselamatan dan kebersihan dalaman yang ketat. Kerajaan Negeri telah mengemukakan cadangan kepada Majlis Keselamatan Negara dan MITI untuk mempertimbangkan sektor pembuatan dikecualikan untuk ditutup sepenuhnya sekiranya Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dilaksanakan semula.

B) SEKTOR PASARAN TENAGA KERJA

BIL.	PERKARA	BUTIRAN PELAKSANAAN
1	Platform berkenaan maklumat dan statistik sektor pasaran tenaga kerja di Pulau Pinang	Satu sekretariat untuk mengumpulkan maklumat dan statistik sektor pasaran tenaga kerja telah ditubuhkan yang merangkumi Penang CAT Centre, Penang Skills Development Centre, Penang Institute, PERKESO, FREPENCA dan BPEN. Secretariat ini akan menyediakan maklumat dan statistik berkaitan situasi pasaran tenaga kerja di Pulau Pinang kepada YB EXCO Pembangunan Modal Insan.
2	Memperkasakan peranan Penang CAT Centre	Penang CAT Centre terus memainkan peranannya untuk meningkatkan pembangunan sumber manusia melalui kempen My Penang, My Workplace yang bertujuan untuk menarik bakat-bakat dari seluruh negara bagi memilih Pulau Pinang sebagai destinasi kerjaya. Di bawah kempen ini terdapat dua (2) siri webinar bertajuk *"Onwards & Upwards: Explore New Careers in Penang"* yang dihadiri oleh hampir 700 orang pencari kerja, lepasan graduan dan pelajar-pelajar institut pengajian tinggi di seluruh negara. Kempen ini dianjurkan oleh Penang CAT Centre dan disertai oleh syarikat-syarikat di Pulau Pinang seperti Micron, Clarivate, Keysight, ViTrox, Jabil, Pentamaster, Teleperformance dan ManpowerGroup.

BIL.	PERKARA	BUTIRAN PELAKSANAAN
3	Syarikat memainkan peranan dengan mendaftarkan pekerja yang bakal kehilangan kerja di sistem Penang CAT Centre/MyFutureJobs	Individu kehilangan pekerjaan yang membuat permohonan untuk mendapatkan Skim Insurans Pekerja akan memperolehi ID MyFutureJobs secara automatik dan seorang *caseworker* akan ditugaskan untuk membantu setiap pencari kerja
4	Program peningkatkan kemahiran pekerja	Di bawah PenjanaKerjaya, majikan yang mengambil pekerja layak memohon subsidi agar pekerja tersebut menjalani latihan semula atau peningkatan kemahiran *(re-skilling & upskilling)* berdasarkan keperluan pekerjaan atau industri berkenaan, tertakluk kepada kadar antara RM4,000 hingga RM7,000. PSDC juga menawarkan pelbagai kursus-kursus jangka pendek dan seminar dalam bidang teknikal, soft skills dan IT yang boleh diambil oleh pekerja bagi meningkatkan kemahiran mereka.
5	Kajian untuk mengenal pasti pengangguran yang bakal berlaku dan puncanya serta meneliti dan menangani persaingan antara pekerja yang kehilangan kerja dan pencari kerja lepasan universiti	Penang Institute telah memulakan kajian tersebut dan dalam proses pengumpulan data. Kajian dijangka akan disiapkan pada akhir tahun 2021. Kos pelaksanaan kajian termasuk dalam permohonan peruntukan Penang Institute kepada Kerajaan Negeri bagi tahun 2021

C) SEKTOR PERUMAHAN

BIL.	PERKARA	BUTIRAN PELAKSANAAN
1	Insentif kepada pembeli	a) Had siling maksima RMM diturunkan sebanyak 10 peratus bagi projek baru. b) Keluasan RMM ditingkatkan 50kps jika pemaju ingin mengekalkan harga maksima asal. c) Skor minima 70% Qlassic CIDB.
2	Insentif kepada pemaju	a) Pengurangan harga had siling hartanah pembelian warga asing bagi tempoh 1 tahun. b) Pengurangan Fi Kelulusan (State Consent Fees) sebanyak 50% secara menyeluruh bagi tempoh 1 tahun. c) Pengecualian levi pembelian warga asing bagi tempoh1 tahun. d) Penggunaan kuota RMM mengikut PBT. e) Nisbah Plot 1:4 pembinaan RMM. f) Pengurangan kos pembangunan bagi tempoh 1 tahun.
3	Insentif tambahan kepada pemaju serta kajian dan syor pengurangan kos pembangunan dan pematuhan	a) Pengurangan kadar sumbangan *in kind* pembukaan pasaran terbuka RMM 100 peratus kepada LPNPP. b) Pengecualian Pemeriksa Bebas bagi Laporan Kajian Lalu Lintas (TIA) dan Penyediaan Laporan Kajian Impak Sosial (SIA). c) Cadangan diskaun 50% dari 15% premium nilai tanah dikenakan dan pengiraan premium dipinda daripada nilai

BIL.	PERKARA	BUTIRAN PELAKSANAAN
		tanah kepada perbezaan nilai tanah. d) Cadangan pengiraan premium dipinda daripada nilai tanah kepada perbezaan nilai tanah.
4	Penyediaan Rumah Mampu Milik (RMM) melalui konsep sewa beli	Sebanyak 10 skim perumahan RMM telah siap dan sedia untuk ditawarkan, manakala dua (2) skim perumahan di peringkat pembinaan dan dua (2) skim perumahan lagi di peringkat perancangan.

D) SEKTOR INFRASTUKTUR DAN PENGANGKUTAN

BIL.	PERKARA	BUTIRAN PELAKSANAAN
1	*Penang Connectivity Master Plan* (PCMP)	
	a) Projek Penaiktarafan Infrastruktur *Copper* Milik Telekom Malaysia (TM) kepada Fiber Optik di seluruh Negeri Pulau Pinang.	53% kawasan di seluruh Negeri Pulau Pinang telah dinaiktaraf kepada jajaran fiber optik Unifi sehingga bulan Jun 2021. Dijangka akan mencapai 100% fiberisation menjelang Jun 2022.
	b) Projek *Allo Nationwide Fiberisation Plan* (AFNP)	Sedang dalam proses pemasangan yang melibatkan 11,000 home premises di seluruh kawasan Seberang Jaya.
	c) Projek *Fiber Clip On Solution* (FTTL)	Pemasangan telah siap sepenuhnya melibatkan 8,711 premis rumah di seluruh Negeri Pulau Pinang sehingga Jun 2021.
	d) Projek *Smart Street Pole* di Negeri Pulau Pinang	Pelaksanaan projek masih di peringkat *Proof of Concept* (POC) oleh Syarikat Webe Digital Sdn Bhd dan Celcom Berhad.
2	Cadangan Pembinaan Pencawang Masuk Utama (PMU) 275 kV	Perbincangan TNB bersama JKPTG akan dibuat bagi membincangkan proses pemindahan 12 buah rumah transit. Perbincangan bersama Lembaga Perumahan Pulau Pinang juga akan dijalankan bagi memohon rumah PPRT bagi tujuan perpindahan penghuni rumah transit. TNB akan membincangkan perkara di atas bersama KeTSA bagi tujuan kelulusan untuk menanggung kos perpindahan secara keseluruhan seperti yang dimohon oleh MINDEF.
3	Ekonomi Digital	*Startups* - Meningkatkan penglibatan komuniti kejuruteraan/perisian melalui pendekatan *engagement*. Pembangunan program dan perkhidmatan untuk *Startups*. *Local Enterprise Development* - Meningkatkan penglibatan PKS. Membangunkan aliran urus

BIL.	PERKARA	BUTIRAN PELAKSANAAN
		niaga untuk syarikat ICT. Beralih dari pendedahan asas ke digitalisasi proses perniagaan untuk PKS mikro. Pelabur (*Investor*) - Menyediakan petunjuk selaras dengan matlamat Ekonomi Digital. Mengenal pasti peluang semasa yang sesuai untuk pelaburan digital.
4	Pembangunan Projek Lebuhraya *Northern Corridor Highway* (NCH)	NCIA dan LLM dalam tindakan untuk memuktamadkan *Statement of Needs* (SON) projek. Model pelaksanaan akan dikemukakan untuk kelulusan Jemaah Menteri. Cadangan jajaran hubungan dari Serdang ke Jambatan Kedua Pulau Pinang sepanjang 25.5km.

E) SEKTOR PELANCONGAN

BIL.	PERKARA	BUTIRAN PELAKSANAAN
1	Program promosi dan rangsangan pasaran tempatan	a) Kempen taktikal merangkumi produksi video (*Experience it all in Penang, The other side of the Island, The opposite side of the Island, Penang through the lens* dan lain-lain), kempen *Penang Tour Packages* dan kempen *Penang Frontliners*. b) Kempen pengiklanan di *family mart retails, covered walkaways, giant cubes* dan laman web *Penang Travel Deals.* c) Kempen media dengan kerjasama Astro Radio. d) Promosi muslim-friendly dan halal melalui risalah. Risalah Jalan-Jalan Penang dan Muslim Travel Guide yang masih dalam peringkat penyediaan.
2	Kempen *Responsible Tourism*	Promosi melalui badan bas (*bus wrap*) perhentian bas bagi mewujudkan kesedaran masyarakat akan pelancongan bertanggungjawab
3	Promosikan Pulau Pinang secara digital untuk mencapai sasaran pelancong lebih tinggi dan impak media sosial yang diinginkan	a) Promosi melalui kolaborasi dengan Penang Foodie, Penang Hidden Gems dan pengiklanan media sosial. Kempen akan dimulakan pada suatu masa yang akan ditetapkan kemudian. b) Pengiklanan digital dengan Sojern bagi mempromosikan *Jom! Experience Penang Campaign* telah diselesaikan. c) Pengiklanan atas talian melalui laman web rasmi *Going Places (Malaysia Airlines inflight magazine)* ditangguhkan sementara. d) Penambahbaikan laman web pelancongan mypenang.gov.my

BIL.	PERKARA	BUTIRAN PELAKSANAAN
4	Meningkatkan daya perbelanjaan dan menjana pendapatan untuk pemain industri tempatan	Tarikh permulaan kempen akan ditentukan setelah perjalanan merentas negeri dibenarkan semula. Kempen dengan kerjasama Shopee.
5	Kerjasama dengan penggiat-penggiat pelancongan untuk merangsang pelancongan domestik	Kolaborasi dengan Klook, Booking.com, Shopback dan AirAsia. Kempen telah diluluskan pada tahun 2020, namun telah ditangguhkan sehingga sektor pelancongan dapat beroperasi semula.
6	Mengekalkan penjenamaan Pulau Pinang di pasaran luar negara	a) Penglibatan dalam pameran perdagangan luar negara secara maya seperti *ITB Asia Virtual, Virtual Wedding Festival, Malaysia Meet 2021 - Istanbul, Moscow and Almaty, Travel Meet Asia Virtual* dan *ITB China.* b) Penglibatan dalam webminar secara atas talian seperti *New Zealand Travel Agents together with Malaysia Airlines, Online Cooking Class with Malaysia Airlines Australia and Travel Agents, Virtual Tour – The Habitat with Scandinavia Travel Agents* dan *Nordic Travel Agents together with Tourism Malaysia.*

F) SEKTOR INDUSTRI MAKANAN

BIL.	PERKARA	BUTIRAN PELAKSANAAN
1	Pengkuatkuasaan Rumah Sembelih (Akta rumah sembelihan di bawah Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) Pulau Pinang adalah meliputi rumah sembelihan babi dan ruminan sahaja)	a) Sehingga kini, 5 buah rumah sembelihan babi telah dilesenkan dan 2 buah rumah sembelihan ruminan swasta dilesenkan serta 1 rumah sembelihan ruminan JPV. b) 5 buah rumah sembelihan babi tersebut terbahagi kepada 1 di SPS, 2 di SPU, 1 di DBD dan 1 di DTL manakala rumah sembelihan ruminan di DTL dan SPT. c) JPV telah menghantar notis kepada pemilik Rumah Sembelihan yang tidak berlesen untuk tidak beroperasi dan tindakan penguatkuasaan akan diambil ke atas aduan yang diterima oleh Jabatan.
2	Wabak penyakit *Lumpy Skin Disease* (LSD) pada ternakan lembu	a) Kertas MMK telah dibentangkan dan diluluskan pada 23 Julai 2021 dan pewartaan dalam peringkat proses dokumentasi. b) Permohonan peruntukan perolehan vaksin dengan anggaran RM72,000 setahun dipohon untuk tahun 2022. Bagi tahun 2021, perolehan vaksin menggunakan penjimatan daripada peruntukan tahun Jabatan semasa. c) Peruntukan wang ehsan/saguhati bagi ternakan yang diarahkan dilupus akibat penyakit dengan anggaran RM30,000 setahun. Sehingga 21 Ogos 2021, sebanyak 11 ekor lembu telah dilupuskan oleh pihak Jabatan. Tuntutan akan dikemukakan untuk mendapatkan wang ehsan/saguhati daripada Kerajaan Negeri.

BIL.	PERKARA	BUTIRAN PELAKSANAAN
3	Program lmunisasi lndustri COVID-19 Kerjasama Awam-Swasta - Pusat Pemberian Vaksin Industri (PIKAS-PPVIN) (Permohonan telah dihantar oleh Persatuan Penternak dan Peladang Negeri Pulau Pinang)	a) Dalam pertimbangan program PIKAS-PPVIN awam di EQ kepada pekerja yang terlibat dalam rantaian bekalan makanan dalam sektor ternakan seramai 1,570 orang. b) Program pemvaksinan bagi pekerja yang terlibat dengan industri unggas turut dilaksanakan di bawah program Program Vaksinasi Barisan Sektor Ekonomi Pulau Pinang (PVac). c) Seramai 70 orang telah menerima suntikan dos pertama vaksin dan sedang menunggu suntikan dos kedua vaksin, manakala seramai 2,039 orang telah mendapat temujanji untuk suntikan dos pertama vaksin bermula pada 9 Ogos 2021. d) Status pelaksanaan program pemvaksinan telah diurus dan mencapai kadar 90%.
4	Masalah dalam pembekalan kepada usahawan (Pertubuhan Usahawan Industri Desa - kebanyakan kilang dalam pembuatan pembungkusan plastik tidak dapat dibuka menyebabkan masalah dalam pembekalan)	a) Bermula 1 Jun 2021, permohonan sokongan untuk pengoperasian penternak atau usahawan Industri Asas Ternakan (IATn) yang berdaftar dengan JPV dan mempunyai Sijil SSM perlu melalui Sistem CIMS 3.0 di mana pertimbangan dan kelulusan akan diberikan oleh pihak MAFI. b) Pihak JPV Pulau Pinang hanya akan mengeluarkan surat sokongan pengoperasian kepada penternak dan usahawan IATn yang berdaftar dengan pihak Jabatan, tidak mempunyai sijil SSM, merupakan penternak / pengusaha IATn kecil atau tergolong dalam kategori isi rumah B40 selaras dengan arahan daripada pihak MAFI. c) Ibu Pejabat Perkhidmatan Veterinar Putrajaya (IPPV) telah memberi taklimat pada 19 Ogos 2021 berkenaan perlaksanaan sistem eTernak kepada pegawai di semua negeri untuk menyelaraskan permohonan surat sokongan bagi pengoperasian di dalam tempoh COVID-19 kepada para penternak / pengusaha IATn.
5	Isu kenaikan harga makan ternakan susulan daripada kenaikan bekalan bahan mentah yang diimport	a) Perundingan dengan MPOB mengurangkan kapasiti eksport PKE yang merupakan sumber bahan mentah dalam negara. b) Insentif bekalan makanan dan bahan makanan tambahan kepada penternak terkesan. Pemberian Bantuan Makanan Ternakan & Penokok Diet (Supplement) Ternakan telah dilaksanakan melalui Pakej Bantuan Rakyat Pulau Pinang 2.0 berjumlah RM 200,001.50 dengan 988 orang penerima pada tahun 2020 dan melalui Pakej Bantuan Rakyat Pulau Pinang 3.1 melibatkan peruntukan sebanyak RM574,424,00 dengan 1,088 penerima pada tahun 2021. c) Cadangan kajian berterusan sumber bahan mentah alternatif yang tersedia dalam negara sebagai bahan mentah. d) Mempertimbangkan lebih banyak bantuan sokongan tanaman fodder untuk penternakan ruminan dan makanan alternatif bagi ternakan lain sebagai bekalan makanan utama untuk mengurangkan kebergantungan kepada makanan komersial/pallet melalui permohonan bantuan Jabatan.

BIL.	PERKARA	BUTIRAN PELAKSANAAN
6	Pelaksanaan Sistem Penternakan Moden mampu meningkatkan pengeluaran melalui peningkatan populasi ternakan dalam kapasiti ladang yang sama dengan lebih berkualiti dan mesra alam	Pelaksanaan merangkumi dua pendekatan seperti berikut: a) Pelaksanaan Enakmen Penternakan Babi yang bermula tahun 2020 dengan penguatkuasaan pelesenan ladang ternakan di atas kepatuhan syarat-syarat pelesenan yang telah ditetapkan. Sebanyak 147 ladang ternakan babi telah dilesenkan mengikut kriteria dan syarat yang telah ditetapkan dalam pelesenan. Verifikasi ladang babi sedang dilaksanakan bermula 2 Ogos 2021 dan seterusnya semua ladang babi perlu mengamalkan penternakan secara kandang tertutup sepenuhnya mulai tahun 2022. b) Enakmen Perladangan Unggas Negeri Pulau Pinang 2020 telah diwartakan pada 19 Oktober 2020 dan berkuatkuasa pada 1 Januari 2021 bagi memastikan ladang-ladang ternakan beroperasi mengikut keperluan dan mematuhi kehendak asas regulatori veterinar. Peraturan-Peraturan Pengawalan Perladangan Unggas dalam proses semakan undang-undang sebelum ianya diimplementasi dan dilaksanakan oleh pihak Jabatan.
7	Keselamatan Makanan *(Food Safety)*	a) Pengutkuasaan Akta Rumah Sembelih (Penswastaan 1993) – Pemeriksaan Ante / Post Mortem bagi memastikan prosedur pemeriksaan daging dipatuhi untuk menjamin keselamatan kepada pengguna. b) Penempatan Pegawai Pemeriksa Daging (Meat Inspector) – Kemasukan sebanyak 12 orang pegawai *(contract of service)* pada Mac 2021 untuk pemeriksaan daging di rumah sembelih swasta yang terlibat memastikan bekalan daging suci, sihat serta selamat untuk dimakan.
8	Penstrukturan Semula Kawasan Kekal Ternakan	Mewujudkan kawasan penternakan dirancang sebelum ini sebagai kawasan pembangunan industri penternakan di kawasan khas penternakan (dicadangkan seumpama ini dalam Deraf Rancangan Tempatan Seberang Perai 2030) sebagai kawasan pengeluaran ternakan berpusat dan kekal bagi jaminan pengeluaran hasil makanan dan keselamatan makanan *(food security).*
9	Projek *'Farmer to Farmer'*	a) Telah mendapat persetujuan penggunaan peruntukkan Pembangunan di bawah P01. Program dijangka akan dilaksanakan pada Ogos 2021. b) Terdapat 10 projek sebagai projek *"pilot"* merangkumi 8 projek fertigasi dan 2 projek Cendawan. c) Manakala projek Industri Asas Tani lebih kepada pembangunan berpusat iaitu menyediakan kemudahan pembungkusan berpusat (Penggunaan Mesin *Retort*).
10	Projek Pembangunan Pusat Agro Pelancongan Relau	Projek untuk dimohon melalui NCIA di bawah RMKe-12. Walau bagaimanapun, belum mendapat perakuan daripada pihak JPM. Dalam pertimbangan untuk pelaksanaan secara *"Request for Proposal"*.

BIL.	PERKARA	BUTIRAN PELAKSANAAN
11	Isu pengeluaran dan penjualan buah-buahan	Jabatan Pertanian sedang dalam tindakan untuk menyediakan ruang pasaran kepada petani secara kerjasama dengan AEON.
12	Isu kenaikan harga bahan tanaman padi	a) Terdapat aduan dari petani di mana peningkatan dari segi kos seperti racun dan baja yang naik antara 20% hingga 40% berikutan pandemik COVID-19. b) Jabatan Pertanian telah mengadakan sesi hands-on kepada petani melalui penyediaan baja sendiri.
13	Isu harga sayur naik turun sepanjang PKP	Pemantauan dari Jabatan Pertanian mendapati penjualan sayur-sayuran masih terkawal dengan harga yang berpatutan. Petani lebih bijak dalam pengaturan penjualan sayuran.
14	Projek *'Farm to Farm'* - Projek ternakan keli	a) BQ untuk projek berkenaan telah disiapkan oleh Jabatan Perikanan dan telah diserahkan kepada BPEN. BPEN akan menjalankan proses sebutharga tersebut. b) Data Sistem Ternakan Air Tawar 2020: tangki air tawar – pengeluaran 56.33 mt dengan nilai RM498,891.60.
15	Projek TOL Kerang	a) Kajian telah dilaksanakan di daerah SPU dan di Beting Selatan. Pada masa ini, dalam proses untuk menyelesaikan kajian biomass di daerah SPT dan SPS. b) Sebanyak 13 Lot Penternakan Kerang di SPU akan dibuka. Iklan penyertaan peserta kebun kerang telah dikeluarkan pada 18 Ogos 2021. c) Data Sistem Kultur Laut (SKL) 2020: Kerang – pengeluaran 2,691.32 mt dengan nilai RM21,531,887.61
16	Lesen Sampan Khas Negeri Pulau Pinang	Permohonan oleh nelayan dari tahun 2018 hingga 2020. Kelulusan – 535 Lesen yang telah keluar - 326 KIV untuk siasatan semula – 38 Tidak disokong – 72 Tidak Hadir (Tidak hadir sewaktu program sukat sampan bagi tujuan pelesenan) – 51 Baki (Nama duplicate) – 48 Data Perikanan Tangkapan 2020: Pendaratan untuk perikanan tangkapan yang meliputi kesemua zon (A, B, C, C2/C3) ialah sebanyak 56,848.53 mt dengan nilai RM513,426,731.71
17	Isu kesukaran menjual ternakan ikan sangkar a) PENKUA Persatuan Penternak Akuakultur Pulau Pinang – Ikan ternakan tidak dapat dieksport kerana isu permit bot Hong Kong dan harga ikan merosot disebabkan tiada pembeli b) Vaksinasi kepada pekerja asing sangkar ikan	a) Surat Kementerian Pengangkutan Malaysia bertarikh 15 Julai 2021 memaklumkan bahawa YB Menteri Pengangkutan telah memberi pengecualian dan membenarkan vesel ikan hidup Hong Kong memasuki perairan Malaysia dan tempoh pengecualian adalah pada 13 Julai sehingga 31 Disember 2022. b) Pihak Industri telah memohon kepada PIKAS untuk menyegerakan vaksin dalam industri makanan. c) Data Sistem Ternakan Air Payau 2020: Sangkar air payau - pengeluaran 18,684.35 mt dengan nilai RM427,685,546.52

BIL.	PERKARA	BUTIRAN PELAKSANAAN
18	Projek HUB Tuna di Jeti Batu Maung	a) Penang Development Corperation (PDC) tidak meluluskan permohonan Syarikat Abadi Utama Food Industries Sdn. Bhd. kerana bekas Restoran Jeti Batu Musang tersebut akan dirobohkan untuk tujuan pembangunan lain (Ecotourism dan Pembangunan Bercampur). b) Mesyuarat di antara pihak PDC bersama PPN Pulau Pinang telah diadakan pada 18 Ogos 2021 bagi membincangkan perkara ini dengan lebih lanjut. Satu penyelesaian terbaik akan dicapai setelah pembentangan lanjut oleh pemohon kelak. c) 93,898 tan metrik hasil perikanan yang dianggarkan bernilai RM1.16 bilion setahun. Terdapat 11 buah vesel tuna di Pulau Pinang. Pendaratan di Dermaga Dalam, Penang Port. Untuk tahun 2020, sebanyak 30 kali pendaratan telah dicatatkan iaitu melibatkan 11 vesel tempatan dan 2 vesel asing. Sebanyak 1,943,843.53 kg ikan tuna telah didaratkan di Penang Port yang membawa nilai USD7,775,374.12 atau RM31,196,496.48.
19	Industri Asas Tani (IAT) - *Retort Technology*	a) Bagi mempromosikan penggunaan teknologi retort dalam industri makanan, pengusaha IAT di Pulau Pinang digalakkan untuk menggunakan teknologi tersebut. Oleh itu, pada tahun 2021, sebanyak 2 projek yang menggunakan teknologi retort akan dilaksanakan. Projek tersebut akan diperluaskan lagi pada masa hadapan. b) Penggunaan *Easy Pack Retort* sebab mereka merupakan syarikat tempatan dan berada dalam Jawatankuasa Keselamatan Makanan yang melibatkan USM dan UITM. c) Mewujudkan komuniti *Retort*, untuk membantu usahawan terutamanya jika mempunyai automated sealer. d) Buat satu *Retort* machine dahulu untuk diletakkan di satu tempat dan dapat melatih dan memberi perkhidmatan kepada peniaga-peniaga). e) Pihak jabatan juga telah melaksanakan kajian penggunaan mesin *"retort"* kepada PKS Industri Asas Tani.

27. Berapakah lesen perniagaan dan penjaja telah ditamatkan ekoran dari pandemik COVID-19?

(a) Adakah pelaksanaan economic bubble berjaya menyelamatkan sektor Perusahaan Kecil dan Sederhana (SME) dan penjaja?

JAWAPAN OLEH YAB. KETUA MENTERI:

27. Berdasarkan rekod Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di Pulau Pinang, jumlah lesen perniagaan dan penjaja yang ditamatkan ekoran pandemik COVID-19 yang bermula pada tahun 2020 sehingga bulan Julai 2021 adalah sebanyak 343 lesen. Perincian jenis aktiviti yang ditamatkan lesen perniagaan adalah seperti di jadual berikut:

Bil.	Jenis aktiviti yang ditamatkan lesen perniagaan	MBPP	MBSP	Jumlah
1	Penubuhan Makanan	8	3	11
2	Tred, Perniagaan dan Perindustrian	4	76	80
3	Rumah Urut	0	0	0
4	Kandang Lembu / Kuda	0	0	0
5	Memelihara Khinzir	0	0	0
6	Pasar Prebet	0	0	0
7	Tempat Letak Kereta Persendirian	0	0	0
8	Iklan	7 (termasuk dengan aktiviti utama Tred /Establisymen Makanan)	0	7
9	Iklan (Sementara), Banner / Streamers	0	0	0
10	Garaj	0	0	0
11	Tempat Hiburan Awam	42	0	42
12	Penjaja	(Sama spt kategori di Bil. 19)	0	0
13	Gerai Jalan Awam / Gerai Tanah Prebet	15	0	15
14	Gerai Bermusim	0	0	0
15	Kenderaan Tanpa Motor	0	0	0
16	Anjing	0	0	0
17	Perniagaan Kecil	(Sama spt kategori di bilangan 19)	0	0
18	Beca Awam / Pengayuh Beca Awam	0	0	0
19	Gerai Pasar, Tapak Penjaja Sementara dan Kompleks	178	0	178
20	Kilang	3	0	3
21	Hotel	5	2	7
Jumlah		**262**	**81**	**343**

(a) Berdasarkan laporan yang diterbitkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM), Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) bagi tahun 2020 menyusut 7.3 peratus, lebih tinggi berbanding kemerosotan KDNK Malaysia dan KDNK Bukan PKS yang mana masing-masing mencatatkan negatif 5.6 peratus dan negatif 4.6 peratus. KDNK Pulau Pinang pada 2020 juga mencatatkan penurunan negatif 2.1 peratus berbanding tahun sebelumnya. Sejak 2004, ini merupakan kali pertama prestasi KDNK PKS lebih rendah berbanding KDNK Malaysia dan KDNK Bukan PKS. PKS dijangka akan mengalami kesan lebih sukar dalam tempoh pemulihan terutamanya semasa pertengahan krisis kesihatan yang berpanjangan disebabkan oleh peningkatan kes COVID-19 di Malaysia.

Pada 15 Ogos lalu, kerajaan mengumumkan kemudahan sektor ekonomi yang memberikan kelegaan kepada rakyat khususnya untuk membantu ekonomi rakyat dan kelangsungan perniagaan terutamanya dalam kalangan PKS dan penjaja. Antaranya membenarkan 11 jenis aktiviti ekonomi kembali beroperasi dalam fasa satu Pelan Pemulihan Negara (PPN). Ini perlu dilaksanakan kerana apabila Kerajaan Persekutuan melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) sejak 1 Jun yang lalu, banyak perniagaan terjejas dan meninggalkan kesan yang begitu ketara.

Jika ekonomi tidak dibuka secara berperingkat, keadaan ini akan memberikan kesan besar kepada peniaga terutamanya kepada PKS dan penjaja. Sebelum ini, Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MEDAC) menjangkakan lebih tujuh juta rakyat Malaysia bakal kehilangan pekerjaan susulan penutupan operasi sektor PKS akibat PKP 3.0 dan kira-kira 580,000 perniagaan yang mewakili 49 peratus sektor PKS dijangka terpaksa gulung tikar sekiranya tidak dibenarkan beroperasi menjelang Oktober depan. Pembukaan sektor ekonomi secara berperingkat akan memberikan ruang kepada PKS dan peniaga untuk terus bernafas dengan memulakan perniagaan masing-masing.

Kemudahan sektor ekonomi ini juga berjaya memberikan sinar harapan kepada sektor pelancongan yang terjejas teruk dengan pandemik ini. Setakat ini hanya Pulau Langkawi telah dijadikan sebagai projek perintis destinasi gelembung pelancongan di Malaysia dan bakal mengembalikan semula kekuatan ekonomi negara melalui sektor pelancongan. Gelembung pelancongan ini juga perlu diperluaskan ke destinasi pelancongan di Pulau Pinang memandangkan industri pelancongan adalah penyumbang kepada 39peratus daripada KDNK di negeri ini. Hal ini penting berdasarkan kerugian semasa yang dialami oleh sektor pelancongan yang amat tinggi, seterusnya menyebabkan berlakunya penutupan hotel dalam di Pulau Pinang.

Langkah kerajaan ini bakal memberikan nafas baharu kepada sektor pelancongan untuk memulakan semula perniagaan mereka yang akan dapat membantu seluruh ekosistem terbabit dalam sektor pelancongan yang memberi manfaat dan peluang pekerjaan kepada rakyat Pulau Pinang.

Sehubungan itu, Kerajaan Negeri perlu meneruskan dan melengkapkan pelaksanaan Pelan Pemulihan Negara yang sudah ditetapkan oleh Kerajaan Persekutuan agar sektor ekonomi di Pulau Pinang seperti industri perkilangan dan pelancongan dapat dirancakkan semula. Semestinya jalan penyelesaian ke arah itu adalah dengan memastikan kelancaran dasar sedia ada seperti pelaksanaan projek pembangunan, program menangani pandemik COVID-19 dan program vaksinasi untuk mencapai imuniti kelompok. Sasaran pelaksanaan gelembung ekonomi ini adalah supaya Malaysia amnya dan Pulau Pinang khususnya dapat keluar daripada krisis kesihatan dan ekonomi

dengan kadar segera serta sektor PKS dan penjaja dapat diselamatkan daripada ditutup.

28. Inisiatif *Business From Home* telah membantu meningkatkan ekonomi mikro.

(a) Berapakah jumlah permohonan diterima dan diluluskan oleh Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan adakah objektif telah dicapai? Sila jelaskan.

JAWAPAN OLEH YAB. KETUA MENTERI:

28. Setakat 30 Julai 2021 pihak Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) telah menerima 182 permohonan untuk mendapatkan permit *Business From Home* dan daripada jumlah tersebut sebanyak 70 permohonan telah diluluskan. Perincian mengenai permohonan permit *Business From Home* adalah seperti berikut:

Jumlah Permohonan	Lulus	Tolak	Dalam Proses	Batal/Tarik Balik
182	70	47	43	22

Objektif *Business From Home* adalah sebagai sebahagian daripada platform untuk membantu golongan yang hilang pekerjaan dan hasil pendapatan dalam tempoh pandemik COVID-19 agar berupaya dapat menjalankan perniagaan atas talian secara sah. Berdasarkan kepada statistik, MBPP menerima permintaan yang menggalakkan daripada peniaga untuk mendapatkan permit *Business From Home*. Sebanyak 70 permohonan atau 36.46% pemohonan telah diluluskan dan daripada jumlah tersebut 37 pemohon telah memulakan perniagaan.

Selain itu, melalui pelaksanaan perniagaan dari rumah ini, para peniaga dapat mengurangkan kos operasi apabila tidak perlu menyewa premis perniagaan dan dapat menjalankan perniagaan secara sah dan selesa di rumah. Semenjak program *Business From Home* diperkenalkan, bilangan penjaja kecil tepi jalan juga berkurangan dan lebih terkawal. Secara keseluruhannya, program *Business From Home* ini telah mencapai objektif yang ditetapkan semenjak diperkenalkan pada bulan November 2020.

29. Berapakan kadar pengangguran di Negeri Pulau Pinang sejak Mac 2018 hingga kini Ogos 2021?

(a) Nyatakan inisiatif Kerajaan Negeri bagi membantu golongan terjejas ini.

JAWAPAN OLEH YAB. KETUA MENTERI:

29. Berdasarkan rekod Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM), kadar pengangguran di Negeri Pulau Pinang sejak tahun 2018 sehingga separuh pertama tahun 2021 adalah seperti Jadual 1 di bawah:

Jadual 1: Kadar pengangguran di Negeri Pulau Pinang, 2018 sehingga separuh tahun pertama 2021

Tahun	Kadar Pengangguran (%)
2018	2.2
2019	2.0
2020	3.5
Separuh tahun pertama 2021	3.7

(a) Kerajaan Negeri Pulau Pinang menerusi Pusat Bantuan Kerjaya dan Bakat Pulau Pinang (Pusat CAT) telah melaksanakan inisiatif-inisiatif untuk membantu rakyat Pulau Pinang yang kehilangan kerja disebabkan oleh pandemik COVID-19 seperti berikut:

(i) Menjalankan pemadanan kerja secara berkumpulan (*group job matching*) untuk membantu pencari kerja dengan menjalankan pemadanan jawatan bersesuaian apabila menerima permintaan daripada majikan/syarikat. Pusat CAT akan mendapatkan maklumat tentang jenis pekerjaan untuk syarikat yang mengalami penutupan. Susulan itu, Pusat CAT akan menjalani prosedur pemadanan kerja secara berkumpulan dengan syarikat yang memperluaskan operasi;

(ii) Laman sesawang Pusat CAT menjadi satu titik tumpuan kepada majikan dan juga pencari kerja. Melalui perkhidmatan percuma laman sesawang Pusat CAT ini, pihak majikan dapat mempromosi peluang pekerjaan yang ditawarkan manakala pencari kerja juga dapat memohon pekerjaan yang ditawarkan menerusi laman sesawang tersebut;

(iii) Jangkauan kepada agensi-agensi pekerjaan lain secara proaktif bagi memahami peluang-peluang pekerjaan yang aktif untuk dipanjangkan kepada pencari kerja melalui laman sesawang serta *Facebook* Pusat CAT;

(iv) Menganjurkan siri *webinar* bertajuk *Onwards & Upwards: Explore New Careers in Penang* di bawah kempen *My Penang, My Workplace* yang bertujuan untuk membantu golongan yang hilang pekerjaan dan sumber pendapatan. Siri *webinar* tersebut memaparkan perkongsian oleh wakil daripada syarikat-syarikat di Pulau Pinang kepada pencari kerja khususnya golongan yang hilang pekerjaan dan sumber pendapatan, lepasan graduan dan pelajar-pelajar institut pengajian tinggi mengenai peluang pekerjaan di syarikat masing-masing di samping keistimewaan bekerja di syarikat-syarikat tersebut. Sebanyak dua (2) sesi *webinar* telah dianjurkan pada bulan Mac dan Mei 2021 yang melibatkan lapan (8) buah syarikat manakala tiga (3) sesi lagi akan dijalankan pada bulan Ogos dan suku keempat tahun 2021;

(v) Bekerjasama dengan Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) dalam membantu pencari kerja melalui program-program seperti latihan, kaunseling, insentif kewangan dan lain-lain; dan

(vi) Bekerjasama dengan agensi-agensi lain untuk mempromosikan maklumat tentang peluang pekerjaan yang tersedia seperti dengan Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara (NCIA) bagi program JomKerja dan JomNiaga di bawah Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA) dan TalentCorp untuk program *Career Comeback*.

Selain itu, Kerajaan Negeri turut bekerjasama dengan agensi-agensi lain melalui InvestPenang untuk meneruskan usaha mempromosi dan menarik pelaburan, sama ada pelabur baharu ataupun penambahan pelaburan daripada pelabur sedia ada, di samping membantu pembangunan Industri Kecil Dan Sederhana (IKS) tempatan. Usaha ini akan mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan di Pulau Pinang dan memberi manfaat kepada pencari kerja. Berdasarkan pelaburan yang diluluskan dalam sektor pembuatan di Pulau Pinang dari Januari 2020 sehingga Mac 2021, dianggarkan sebanyak 15,596 peluang pekerjaan akan diwujudkan di Pulau Pinang secara berperingkat dalam tempoh tiga (3) hingga lima (5) tahun yang akan datang;

Sebagai tambahan, Kerajaan Negeri juga turut melaksanakan program-program bantuan bagi menggalakkan keusahawanan dalam kalangan rakyat Pulau Pinang khususnya kepada pencari kerja. Antara program-program yang dilaksanakan adalah seperti berikut:

(i) Skim Pinjaman Harapan (SPH)

Kerajaan Negeri melalui Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) telah melaksanakan Skim Pinjaman Harapan (SPH) bermula 2009 sehingga kini. Sehingga Julai 2021, seramai 3,662 usahawan/penerima bantuan pembiayaan mikro kredit yang telah diluluskan dengan jumlah pinjaman sebanyak RM20.37 juta telah disalurkan.

(ii) Tabung Usahawan Tani (TUT) Negeri Pulau Pinang

Kerajaan Negeri telah memperkenalkan Tabung Usahawan Tani (TUT) Negeri Pulau Pinang yang sebelum ini dikenali sebagai Tabung Usahawan Tani Muda (TUTM). TUT memberi dorongan kepada golongan belia termasuk para graduan untuk menjadikan sektor industri asas tani sebagai kerjaya dan berpotensi sebagai punca pendapatan yang lumayan. Sehingga Julai 2021, sebanyak RM980,000 telah diagihkan kepada 175 orang usahawan untuk menikmati kemudahan kredit ini.

(iii) Program Peningkatan dan Pemulihan Ekonomi (Bantuan Peralatan)

Program ini adalah untuk peniaga kecil sepenuh masa yang menjalankan perniagaan sekurang-kurangnya satu (1) tahun dan berpendapatan RM3,000.00 sebulan. Bantuan ini diberikan untuk mengembangkan perniagaan sedia ada bagi memperolehi hasil yang lebih lumayan.

30. Jelaskan secara terperinci inisiatif yang dijalankan oleh Kerajaan Negeri dan agensi dalam mempercepatkan Pulau Pinang memasuki Fasa ke-3 dan ke-4 Pelan Pemulihan Negara (PPN). Nyatakan mengikut agensi.

JAWAPAN OLEH YAB. KETUA MENTERI

30. Perancangan dan pelaksanaan yang telah diambil oleh Kerajaan Negeri dan agensi-agensi berkaitan untuk mempercepatkan Pulau Pinang memasuki Fasa 3 dan Fasa 4 Pelan Pemulihan Negara adalah seperti jadual di bawah.

Agensi	Program
Pejabat Daerah dan Tanah (PDT)	(i) Program *Outreach* Vaksinasi
Angkatan Pertahanan Awam (APM)	(i) Agen Basmi Covid-19 (ABC-19) (ii) Pemantauan di Premis-Premis
Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang	(i) Program *Outreach* Vaksinasi (ii) Program Vaksinasi Mobil
Majlis Keselamatan Negara	(i) Pematuhan SOP (ii) Bilik Gerakan MKN
Polis Diraja Malaysia (PDRM)	(i) Pemantauan Pematuhan SOP
Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Kepenggunaan (KPDNHEP)	(i) Pemantauan Pematuhan SOP

MITI	(i)	PPVIN (PIKAS)
Jabatan Penerangan	(i) (ii)	*Info On Wheel* MOVAC
Pihak Berkuasa Tempatan	(i)	Pemantauan Pematuhan SOP

VII. Ahli Kawasan Bukit Tambun (YB. Goh Choon Aik) bertanya kepada YAB. Ketua Menteri:

. Senaraikan semua kluster COVID-19 di Pulau Pinang sejak 1 Januari 2021 dengan jumlah kes positif dan kematian setiap kluster.

(a) Apakah punca wujudnya kluster tempat kerja dan jumlah kompaun dikeluarkan?

(b) Nyatakan jumlah kes aktif, kes Unit Rawatan Rapi (ICU) dan kes keperluan alat pernafasan.

(c) Huraikan kes kematian mengikut jantina, komorbiditi dan tempat kematian.

JAWAPAN OLEH YAB. KETUA MENTERI:

1. Senarai semua kluster COVID-19 di Pulau Pinang sejak 1 Januari 2021 dengan jumlah kes positif dan kematian setiap kluster adalah seperti di **LAMPIRAN A**.

(a) Kluster tempat kerja boleh berlaku apabila terdapat seseorang pekerja yang bergejala dibenarkan memasuki ruang bekerja dan tidak dihantar ke fasiliti kesihatan untuk tujuan pemeriksaan lanjut dan untuk saringan COVID-19. Justeru penularan akan berlaku di tempat kerja.Tambahan pula, jika tiada amalan norma baharu dan pematuhan SOP di tempat kerja. Selain daripada itu, persekitaran tempat kerja yang sesak dan dalam ruang yang sempit memudahkan penularan berlaku. Penularan juga boleh berlaku di tempat umum/ ruang tempat berkumpul pekerja-pekerja seperti kafetaria dan ruang lokar pekerja. Bagi tempat kerja, tiada kompaun yang dikeluarkan, tetapi hanya penutupan premis. Sejak 1 Januari 2021 sehingga sekarang, sebanyak 233 premis tempat kerja telah ditutup. Maklumat pengkuatkaan PKP di Pulau Pinang seperti di **LAMPIRAN B.**

Jadual di bawah menunjukkan bilangan premis ditutup pada tahun 2020 dan 2021 mengikut daerah:-

Daerah	2020	2021
Timur Laut	0	7
Barat Daya	15	41
Seberang Perai Utara	0	24
Seberang Perai Tengah	1	133
Seberang Perai Selatan	1	28
Pulau Pinang	**17**	**233**

(b) Data terkumpul bagi kes-kes aktif Covid -19 tidak dipecahkan mengikut kluster tetapi mengikut Mukim/Bandar/Daerah (lihat LAMPIRAN C: TABURAN KES AKTIF COVID MENGIKUT DAERAH 29 Julai 2021-11 Ogos 2021). Sehingga 11 Ogos 2021, kes aktif keseluruhan adalah seramai 5669 orang, manakala bagi kemasukan ICU pula, 70 orang pesakit telah dimasukkan ke ICU dan bilangan yang memerlukan bantuan pernafasan pula adalah seramai 93 orang.

(c) Bermula 1 Januari 2021 hingga 11 Ogos 2021, KKM telah mengumumkan sejumlah 258 kes kematian berkaitan COVID-19 dari negeri Pulau Pinang. Perincian taburan mengikut jantina adalah 156 kes lelaki dan 102 kes perempuan. 219 (84.9%) kes kematian ini melibatkan individu yang menghidap pelbagai penyakit kronik seperti kencing manis, darah tinggi, penyakit jantung, penyakit buah pinggang, paras kolestrol yang tinggi serta obesiti. 39 kes (15.1%) tidak menghidap sebarang penyakit kronik.

Perincian Kes Kematian COVID-19 mengikut KADUN adalah seperti berikut:-

KADUN	KES KEMATIAN
Air itam	21
Bagan Dalam	7
Bagan Jermal	11
Batu Lanchang	10
Batu Maung	12
Batu Uban	7
Bayan Lepas	9
Berapit	2
Bertam	4
Bukit Tambun	10
Bukit Tengah	9
Datuk Keramat	8
Jawi	13
Kebun Bunga	1
KOMTAR	4
Machang Bubok	4
Pantai Jerejak	3
Paya Terubong	7
Penaga	14
Penanti	4
Pengkalan Kota	12
Perai	7
Permatang Berangan	12
Permatang Pasir	8
Pinang Tunggal	7
Pulau Betong	2
Seberang Jaya	10
Seri Delima	4
Sg Acheh	3
Sg Bakap	2
Sg Dua	7
Sg Pinang	9
Sg Puyu	7
Telok Air Tawar	1
Telok Bahang	1
Tg Bungah	6
Jumlah	**258**

LAMPIRAN A

Senarai semua kluster COVID-19 di Pulau Pinang sejak 1 Januari 2021 dengan jumlah kes positif dan kematian setiap kluster.

NO	KLUSTER	JUMLAH KES POSITIF	JUMLAH KES MATI
1	Kluster Rawa Akasia	289	0
2	Kluster Symphony Magazine	105	0
3	Kluster Mandin Jaya	40	0
4	Kluster Mayang Pasir	597	0
5	Kluster Tapak Bina Jalan Valdor	168	0
6	Kluster Jalan Baru	77	0
7	Kluster Tapak Bina Persiaran Mutiara	27	0
8	Kluster Lintang Kampung Jawa	132	0
9	Kluster Perusahaan Baru	92	0
10	Kluster Hilir Sg Kluang	62	0
11	Kluster Lorong Bakau	169	0
12	Kluster Vista Hilir	50	0
13	Kluster Lorong Murni	50	1
14	Kluster Genting Terang	26	0
15	Kluster Jalan Sg. Baong	56	0
16	Kluster Persiaran Bayan Indah	40	0
17	Kluster Jalan Kebun Nenas	141	0
18	Kluster Tapak Bina Queens Waterfront	251	0
19	Kluster Perusahaan Sepuluh	170	0
20	Kluster Medan Bayan Lepas	203	0
21	Kluster Lintang Bayan Lepas	176	0
22	Kluster DTI Juru	463	0
23	Kluster Telok Air Tawar	36	0
24	Kluster Bukit Tambun	16	0
25	Kluster Teknologi Bukit Minyak	308	0
26	Kluster Persiaran Cassia Selatan	178	0
27	Kluster Lebuhraya Kg. Jawa	192	0
28	Kluster Jalan Jelawat	400	0
29	Kluster Jalan Teluk Kumbar	16	0
30	Kluster Jalan Padang Benggali	50	0
31	Kluster Sg Kluang Empat	230	0
32	Kluster Perusahaan Perai Tiga	68	0
33	Kluster Sg Kluang Satu	170	0
34	Kluster Jalan Sempilai	20	0
35	Kluster Jalan Padang Lalang	9	0
36	Kluster Hala Kampung Jawa	134	0

NO	KLUSTER	JUMLAH KES POSITIF	JUMLAH KES MATI
37	Kluster Pintasan Kg Jawa	116	0
38	Kluster Jalan Perai Jaya	27	0
39	Kluster Jalan Sungai Daun	17	0
40	Kluster Tingkat Mak Mandin	19	0
41	Kluster Kampung Selamat	21	0
42	Kluster Jalan Arumugam Pillai	24	0
43	Kluster Cangkat Minden	43	0
44	Kluster Perusahaan Baru Dua	199	0
45	Kluster Tapak Bina Jalan Todak Satu	70	0
46	Kluster Jalan Besar Sungai Jawi	395	0
47	Kluster Jalan Batu Maung	35	0
48	Kluster Kopitiam Kg. Selamat	20	0
49	Kluster Desa Murni	42	0
50	Kluster Tapak Bina Jalan Tun Hussein Onn	72	0
51	Kluster Bukit Minyak Lapan	163	0
52	Kluster Jalan Terbilang	106	2
53	Kluster Jalan Chain Ferry	20	0
54	Kluster Lebuh Katz	39	6
55	Kluster Lebuh Lembah Permai	35	0
56	Kluster Jalan Sultan Azlan Shah	12	0
57	Kluster Perusahaan Maju Lapan	90	0
58	Kluster Bayan Lepas Innoplex	23	0
59	Kluster Padang Lalang Dua	50	0
60	Kluster Jalan Kampung Juru	49	0
61	Kluster Teknologi Juru	27	0
62	Kluster Sungai Keluang 2	129	0
63	Kluster Industri Nibong Tebal	76	0
64	Kluster Industri Bukit Minyak	68	0
65	Kluster Persiaran Cassia Selatan Dua	63	0
66	Kluster Jalan Kilang Ubi	25	0
67	Kluster Jalan Perindustrian Bukit Minyak	34	0
68	Kluster Jalan Todak	212	1
69	Kluster Perusahaan Maju Enam	16	0
70	Kluster Industri Zon Dagang Satu	181	1
71	Kluster Perusahaan Maju Sepuluh	30	0
72	Kluster Jalan Cassia Selatan Lima	193	0
73	Kluster Perusahaan Valdor	93	0
74	Kluster Jalan Kampung Bukit	123	1
75	Kluster Paya Terbakar	28	0
76	Kluster Jalan Bagan Ajam	16	0
77	Kluster Jalan Veterinari	89	1
78	Kluster Lorong Jelawat Dua	70	0


NO	KLUSTER	JUMLAH KES POSITIF	JUMLAH KES MATI
79	Kluster Lintang Bayan Lepas Enam	34	0
80	Kluster Industri Bukit Minyak Tujuh	49	0
81	Kluster Hala Kampung Jawa Dua	42	0
82	Kluster Lebuh Kampung Jawa	34	0
83	Kluster Belah Dua	16	0
84	Kluster Kelisa Emas	20	0
85	Kluster Industri Bukit Panchor	169	0
86	Kluster Industri Perai Empat	47	0
87	Kluster Jalan Pasar Bukit Mertajam	57	0
88	Kluster Jalan Bandar Baru	91	0
89	Kluster Lorong Perusahaan Maju Enam	57	0
90	Kluster Industri Chain Ferry	179	0
91	Kluster Hilir Sg Kluang Tiga	152	0
92	Kluster Jalan Burma	17	0
93	Kluster Jalan Seruling	96	0
94	Kluster Lorong Perusahaan 8A	44	0
95	Kluster Jalan Perusahaan Maju Empat	152	0
96	Kluster Jalan Besar Perai	16	0
97	Kluster Lebuh Sungai Tiram Satu	24	0
98	Kluster Tembok Bukit Mertajam	100	0
99	Kluster Jalan Perindustrian Bukit Minyak Tiga	50	0
100	Kluster Perusahaan Baru Satu	36	0
101	Kluster Tingkat Perusahaan Empat	271	0
102	Kluster Solok Perusahaan Satu	559	2
103	Kluster Jalan Song Ban Kheng	9	0
104	Kluster Tapak Bina Jalan Gelugor	185	0
105	Kluster Lorong Industri Tujuh	27	0
106	Kluster Padang Tembak Ayer Itam	26	0
107	Kluster Tapak Bina Jalan Seri Tanjung Pinang	35	0
108	Kluster Lebuh Kurau Tiga	137	0
109	Kluster Industri Bukit Tengah	52	0
110	Kluster Tingkat Perusahaan 6A	15	0
111	Kluster Industri Jalan Macalister	40	0
112	Kluster Jalan Kampung Jawa	57	0
113	Kluster Jalan Usaha Jaya	23	0
114	Kluster Jalan Thean Teik	70	0
115	Kluster Jalan Perusahaan Maju Sembilan	186	0
116	Kluster Lorong Perusahaan Maju Lapan	82	0
117	Kluster Jalan Residensi	60	1
118	Kluster Industri Miel Bayan Lepas	18	0
119	Kluster Tingkat Perusahaan 4A	18	0
120	Kluster Lorong Perusahaan Empat	138	1

NO	KLUSTER	JUMLAH KES POSITIF	JUMLAH KES MATI
121	Kluster Jalan Nagasari Satu	119	0
122	Kluster Lorong Sungai Tiram	59	0
123	Kluster Lintang Macallum Dua	147	1
124	Kluster Jalan Perusahaan Prai	38	0
125	Kluster Industri Perai Lima	414	2
126	Kluster Tapak Bina Jalan Thean Teik	233	2
127	Kluster Industri Bukit Minyak 11	38	0
128	Kluster Persiaran Cassia Selatan Satu	92	0
129	Kluster Jalan Mayang Pasir	35	0
130	Kluster Putra Bertam	38	0
131	Kluster Lorong IKS Juru Tiga	45	0
132	Kluster Jalan Seri Tawar	21	0
133	Kluster Lorong Perusahaan 10	62	0
134	Kluster Lorong Jelawat	165	0
135	Kluster Lorong Perusahaan 8B	180	0
136	Kluster Lorong Perusahaan Baru Tiga	115	0
137	Kluster Jalan Usahawan Lima	17	0
138	Kluster Lebuh Tenggiri	30	0
139	Kluster Industri Valdor	52	0
140	Kluster Jalan Bayan Lepas	78	2
141	Kluster Jalan Seladang	32	0
142	Kluster Jalan Jelawat Satu	125	0
143	Kluster Industri Sungai Baong	28	0
144	Kluster Tingkat Mak Mandin Lima	68	0
145	Kluster Jalan Permatang Pauh	15	0
146	Kluster Industri Perai Lapan	76	0
147	Kluster Persiaran Cassia Selatan Tujuh	124	0
148	Kluster Industri Jalan Pantai	50	0
149	Kluster Industri Perai 4A	95	0
150	Kluster Lorong Perusahaan Bukit Minyak 22	60	0
151	Kluster Jalan Tasek	71	0
152	Kluster Industri Bukit Minyak 88A	103	0
153	Kluster Jalan Penang	25	2
154	Kluster Lorong Perindustrian Bukit Minyak 21	97	0
155	Kluster Industri Persiaran Cassia Selatan	55	0
156	Kluster Tapak Bina Jalan Air Putih	13	0
157	Kluster Jalan Ong Yi How	20	0
158	Kluster Lintang Batu Lanchang	52	0
159	Kluster Industri Perai Dua	44	1
160	Kluster Zon Dagang Bebas Perai	26	0
161	Kluster Solok Perusahaan Tiga	130	0
162	Kluster Jalan Bukit Tengah	29	0

NO	KLUSTER	JUMLAH KES POSITIF	JUMLAH KES MATI
163	Kluster Tapak Bina Lebuhraya Kampung Jawa	83	0
164	Kluster Jalan Pasar Bukit Mertajam 2	28	0
165	Kluster Tembok Bukit Mertajam 2	114	0
166	Kluster Jalan Gajah Mati	39	0
167	Kluster Lorong Mak Mandin Tiga	22	0
		15463	27

LAMPIRAN B

PENGUATKUASAAN PKP



LAMPIRAN C

TABURAN KES AKTIF COVID MENGIKUT DAERAH 29 JULAI 2021 - 11 OGOS 2021

14 DAYS MOVING CHART
COVID-19
NEGERI PULAU PINANG
29 Julai 2021 – 11 Ogos 2021

KUMULATIF KES	55404
KES AKTIF:	5669
DAFTAR KES 14 HARI:	11350
KES SEMBUH:	49468
KES KEMATIAN:	267

INDIKATOR	BIL. MUKIM KES KUMULATIF	BIL. MUKIM KES AKTIF
TIADA KES	1	9
1 HINGGA 20 KES	33	18
21 HINGGA 40 KES	6	11
41 KES ATAU LEBIH	55	54


■ 1385 KES BARU

TIMUR LAUT (+150)

MUKIM / BANDAR	DAFTAR KES 14 HARI	KES BARU
BANDAR GEORGETOWN	395	39
BANDAR JELUTONG	290	26
BANDAR GELUGOR	84	6
BANDAR AYER ITAM	85	4
BANDAR BUKIT BENDERA	0	0
BANDAR TANJONG PINANG	17	0
BANDAR TANJONG TOKONG	43	6
BANDAR TANJONG BUNGAH	71	1
BANDAR BATU FERINGGHI	12	2
MUKIM 13	735	66
MUKIM 14	0	0
MUKIM 15	0	0
MUKIM 16	0	0
MUKIM 17	0	0
MUKIM 18	0	0
JUMLAH	1732	150

SEBERANG PERAI UTARA (+25

MUKIM / BANDAR	DAFTAR KES 14 HARI	KES BARU
BANDAR BUTTERWORTH	340	19
MUKIM 1	95	5
MUKIM 2	85	22
MUKIM 3	113	25
MUKIM 4	209	27
MUKIM 5	70	8
MUKIM 6	344	24
MUKIM 7	190	16
MUKIM 8	206	21
MUKIM 9	30	5
MUKIM 10	53	4
MUKIM 11	156	17
MUKIM 12	228	33
MUKIM 13	69	4
MUKIM 14	351	14
MUKIM 16	116	11
JUMLAH	2655	255



BARAT DAYA (+134)

MUKIM / BANDAR	DAFTAR KES 14 HARI	KES BARU
MUKIM 1	18	5
MUKIM 2	13	0
MUKIM 3	7	0
MUKIM 4	9	2
MUKIM 5	0	0
MUKIM 6	66	11
MUKIM 7	6	2
MUKIM 8	1	0
MUKIM 9	83	15
MUKIM 10	0	0
MUKIM 11	105	6
MUKIM 12	768	72
MUKIM A	14	1
MUKIM B	1	0
MUKIM C	8	0
MUKIM D	25	5
MUKIM E	16	4
MUKIM F	32	10
MUKIM G	5	0
MUKIM H	6	0
MUKIM I	5	0
MUKIM J	11	1
JUMLAH	1198	134

SEBERANG PERAI SELATAN (+225)

MUKIM / BANDAR	DAFTAR KES 14 HARI	KES BARU
MUKIM 1	43	13
MUKIM 2	41	12
MUKIM 3	28	5
MUKIM 4	188	22
MUKIM 5	139	15
MUKIM 6	100	19
MUKIM 7	188	18
MUKIM 8	40	5
MUKIM 9	52	5
MUKIM 10	96	10
MUKIM 11	258	28
MUKIM 12	93	11
MUKIM 13	229	5
MUKIM 14	332	44
MUKIM 15	277	13
MUKIM 16	0	0
JUMLAH	2104	225

SEBERANG PERAI TENGAH (+615

MUKIM / BANDAR	DAFTAR KES 14 HARI	KES BARU
BANDAR PRAI	49	3
BANDAR BUKIT MERTAJAM	39	22
MUKIM 1	825	84
MUKIM 2	48	1
MUKIM 3	96	10
MUKIM 4	59	6
MUKIM 5	39	8
MUKIM 6	601	99
MUKIM 7	37	2
MUKIM 8	38	2
MUKIM 9	72	2
MUKIM 10	25	3
MUKIM 11	355	66
MUKIM 12	63	6
MUKIM 13	371	147
MUKIM 14	331	90
MUKIM 15	285	18
MUKIM 16	61	2
MUKIM 17	12	0
MUKIM 18	5	0
MUKIM 19	51	3
MUKIM 20	167	41
MUKIM 21	32	0
JUMLAH	3661	615

BILANGAN KES IMPORT	6

Nota : Data kes 14 hari tidak termasuk kes import dan kes dari penjara/depoh tahanan.


Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang

Sumber:
Crisis Preparedness & Response Centre, Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang

Ringkasan Data Kemasukan ICU dan Bantuan Pernafasan Pesakit COVID-19 di Hospital Pulau Pinang dan Hospital Kepala Batas sehingga 11 Ogos 2021.


BIL	PARAMETER	HPP	HKB	JUMLAH PESAKIT
1	KES MASUK ICU	37	33	70
2	KES BANTUAN PERNAFASAN (High Flow Nasal Canula Oksigen)*	18	21	39
3	KES BANTUAN PERNAFASAN (VENTILASI MEKANIKAL)	31	23	54
*Pemberian HFNC Oksigen termasuk di luar ICU				

i. Trend Kematian dari 1 April hingga 11 Ogos 2021 di Pulau Pinang




Exponential increment over the last 7 weeks with ICU at full capacity.

Announced by KKM 274



This is worrying. The cumulative BID numbers had shown sharp increase over the last 6 weeks.


Bilangan Kes dan Kematian COVID-19 Dalam Kalangan Ibu Hamil/Postnatal, Mac 2020 hingga Jun2021
1000
800
600
400
200
0
20
15
10
5
0
Mac 2020
April 2020
Mei 2020
Jun 2020
Julai 2020
Ogos 2020
September 2020
Oktober 2020
November 2020
Disember 2020
Januari 2021
Februari 2021
Mac 2021
April 2021
Mei 2021
Jun 2021
Ibu Hamil/Postnatal di jangkiti COVID-19
Kematian Ibu Hamil

2. Senaraikan hospital kerajaan yang terlibat menangani kes COVID-19 dan huraikan jumlah katil pesakit, katil Unit Rawatan Rapi (ICU) dan alat bantuan pernafasan bagi setiap hospital?

(a) Bagaimanakah Jabatan Kesihatan Negeri (JKN) menangani pesakit-pesakit selain kes COVID-19?

(b) Mengapakah JKN tidak melibatkan hospital swasta dalam rawatan kes COVID-19?

(c) Apakah status cadangan hospital kerajaan di Batu Kawan?

JAWAPAN OLEH YAB. KETUA MENTERI:

2. Senarai hospital yang terlibat secara langsung dalam perawatan kes-kes COVID-19 adalah:

(i) Hospital Pulau Pinang (Hybrid Covid Hospital);

(ii) Hospital Kepala Batas (Full Covid Hospital);

(iii) Hospital Bukit Mertajam (Hybrid Covid Hospital); dan

(iv) Hospital Seberang Jaya (bermula 13/8/2021)

Pecahan katil bagi pesakit COVID-19 pula adalah seperti berikut: (sehingga 13/8/2021)

HOSPITAL	BIL KATIL WAD COVID-19	BIL KATIL ICU COVID-19	BIL KATIL STEP DOWN CARE COVID-19	BILANGAN VENTILATOR KESELURUHAN
HPP	280	37	236	90
HKB	160	32	37	38
HBM	120	0	0	7
HSJ	64	0	0	31
JUMLAH	**624**	**69**	**273**	**166**

Rujuk LAMPIRAN A bagi penggunaan katil untuk pesakit COVID-19.

(a) Pesakit selain kes COVID-19 dari Hospital Kepala Batas telah dirujuk ke fasiliti hospital-hospital lain seperti Hospital Seberang Jaya, Hospital Bukit Mertajam dan hospital swasta bermula tahun 2020 (*outsourcing*).

(b) Perbincangan untuk melibatkan hospital swasta dalam rawatan kes COVID-19 telah dijalankan namun didapati kapasiti katil di wad dan ICU hospital swasta adalah tidak mencukupi dan kos rawatan tidak menepati siling caj rawatan yang ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).


(c) Jabatan Kesihatan Negeri (JKN) Pulau Pinang telah mengemukakan cadangan perolehan tanah bagi pembinaan Hospital Bandar Cassia pada Sesi Pembentangan yang diadakan di Kementerian Kesihatan Malaysia pada 20 Ogos 2019. Walau bagaimanapun, berdasarkan kepada surat dari Bahagian Pembangunan bertarikh 8 November 2019, cadangan tersebut ditangguhkan

memandangkan tiada keperluan mendesak bagi pembinaan hospital baru di Bandar Cassia. Melalui surat bertarikh 26 November 2019 kepada Y.A.B. Ketua Menteri Pulau Pinang, mantan Ketua Setiausaha KKM telah memaklumkan bahawa KKM akan mempertimbangkan pembinaan hospital baharu di Bandar Cassia sekiranya pihak Kerajaan Negeri dapat mengemukakan tanah seluas 30 ekar yang lebih sesuai dari segi keadaan muka bumi secara percuma ataupun pada kadar nominal kepada KKM.

Selepas keputusan di atas dibuat, pihak Penang Development Corporation (PDC) telah membuat pembentangan berkenaan dengan Cadangan Pembinaan Hospital Bandar Cassia secara PFI (BLT) di KKM pada 8 Januari 2021 di KKM.

Bahagian Perancangan, KKM selepas pembentangan tersebut telah memohon ulasan keperluan membangunkan hospital kerajaan tersebut dan Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang telah mengemukakan maklum balas bahawa masih terdapat keperluan untuk membina sebuah hospital di Bandar Cassia memandangkan Hospital Sungai Bakap tidak lagi mampu dikembangkan berasaskan kepada ruang yang terhad dengan struktur geografi yang berbukit dan tidak sekata untuk menambah bangunan baru dan keadaan fasiliti sedia ada yang uzur dan berusia lebih 100 tahun. Perkembangan semasa iaitu pertambahan populasi penduduk di daerah Seberang Perai Selatan serta perkembangan ekonomi menyebabkan peningkatan pembinaan kilang dan industri.

JKNPP sedang dalam tindakan menyediakan maklum balas berkenaan keperluan pembinaan hospital ini untuk dikemukakan kepada pihak KKM dan seterusnya keperluan ini akan dipanjangkan kepada pihak PDC untuk permohonan projek ini dilaksanakan secara *Private Funding Initiative* (PFI).



1. Increase number of Covid-19 beds

Indicator	6/8	7/8	8/8	9/8	10/8	11/8	12/8
No. of beds (kadar penggunaan)	385/424 = 90.8%	388/424 = 91.5%	400/458 = 87.3%	433/486 = 89.1%	422/486 = 86.8%	476/486 = 97.9%	486/518 = 93.8%
No. of PKRC beds (kadar penggunaan)	1008 (28.5%)	1008 (32%)	1008 (33%)	1008 (32.4%)	1008 (31%)	1008 (35%)	1008 (37%)
No. of ICU beds (kadar penggunaan)	69 (99%)	69 (91%)	69 (96%)	69 (94%)	69 (100%)	69 (101%)	69 (101%)

No of new decanted (private) (Daily)

pts pending in ED >24hours (daily)

IPPT – Daycare patients from HKB

More plans
Decanting of non-Covid-19 patients out to private facilities to make more inpatient Covid-19 beds and reduce numbers of patients waiting in EDs.

Number of ICU beds still short of what is required – around 10% of total admission. HR issues. Ventilate outside ICUs.

- Full Covid – Hospital Kepala Batas. Hybrid Covid – Hospital Pulau Pinang, Hospital Bukit Mertajam. KIV other Hospitals too.
- Field ICU have been established in HKB. ATM Field ICU (12 Beds and 12 HDU) and Hybrid ICU (10) – Additional to 10 ICU beds in the main building. HPP – 37 ICU Beds.
- Modificatians have been made to allow hospital to increase capacity to house Covid-19 patients: OPD – 130 beds. Repurpose Non Covid wards are also in the pipe line
- KMP – To be converted to 100 bedded Pusat Rawatan Risiko Tinggi (PRRT) to manage Cat 3 & 4 patients
- Capacity of MEC has been ramped up to receive 20 Cat 3 patients – Will start on 16/8/2021

ID90/02

3. Nyatakan jumlah penduduk yang telah berdaftar untuk menerima vaksin mengikut daerah.

(a) Nyatakan jumlah penerima vaksin mengikut setiap Pusat Pemberian Vaksin (PPV), hospital, klinik, PPV Bergerak dan Program Imunisasi Industri COVID-19 Kerjasama Awam-Swasta (PIKAS).

(b) Huraikan penerima vaksin di kesemua PIKAS mengikut warganegara dan negeri tempat tinggal.

(c) Jumlah perbelanjaan yang ditanggung oleh Kerajaan Negeri sepanjang proses vaksinasi.

JAWAPAN OLEH YAB. KETUA MENTERI:

3. Jumlah pendaftaran dalam MySejahtera bagi mereka yang berumur 18 tahun ke atas di Pulau Pinang adalah seramai 1,263,130 dan pecahan mengikut daerah adalah seperti jadual berikut:

Barat Daya	207,340
Seberang Perai Selatan	156,167
Seberang Perai Tengah	295,849
Seberang Perai Utara	233,912
Timur Laut	369,862

(a) Sehingga 10 Ogos 2021, pemberian suntikan vaksin mengikut kategori Pusat Pemberian Vaksin (PPV) adalah seperti jadual berikut:

Pusat Pemberian Vaksin	Pemberian Dos 1	Pemberian Dos 2
Hospital Kerajaan	**36474**	**26358**
PPV Awam	**374686**	**235709**
Hospital swasta	**39942**	**24183**
Klinik swasta	**20681**	**8453**
SPICE	**172875**	**2031**
Industri (PIKAS)	**179109**	**57225**
USM	**20925**	**12517**
Outreach	**3438**	**1244**

(Rujuk Lampiran 1)


(b) Sehingga 10 Ogos, penerima vaksin bagi pekerja industri melalui program PIKAS adalah 176,109 orang. Daripada reten yang diterima daripada Pusat Pemberian Vaksin, seramai 158,019 adalah warganegara manakala 21,090 adalah bukan warganegara.

(c) Kerajaan Negeri telah menyalurkan peruntukan sebanyak RM2 juta sebagai pebelanjaan bagi Program Vaksinasi di negeri Pulau Pinang.

LAMPIRAN 1

PROGRAM IMUNISASI COVID-19 KEBANGSAAN (PICK)

NEGERI PULAU PINANG - sehingga 23 Ogos 2021



PPV	DOS (Harian)	Anggaran DOS Aktif (Harian)
Awam	9,300	8,500
MITI	13,200	8,600
Integrasi	5,200	5,200
MEGA	10,000	10,000
IPT	1,600	1,400
Hospital Swasta	2,000	2,000
NGO	1,000	1,000
Mobile/ Outreach	350	350
P-Vac	1,000	1,000
Pelabuhan	200	200
CIVAC	1,300	800
RIVAC	2,000	0
JUMLAH	**47,150**	**39,050**

Nota: Tidak termasuk Pengamal Perubatan Am

4. Huraikan setiap kluster COVID-19 yang melibatkan pasar awam dari segi jumlah saringan, kes positif dan kematian.

(a) Huraikan tindakan Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) terhadap kluster pasar awam.

(b) Adakah pendekatan saringan berkala boleh dilakukan di pasar?

(c) Apakah tindakan untuk mempercepatkan vaksinasi peniaga dan pekerja di pasar awam?

JAWAPAN OLEH YAB. KETUA MENTERI:

4. Hasil semakan bersama Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang, terdapat tujuh (7) kluster pasar awam yang melibatkan sebanyak 1,642 saringan dan tiga (3) kes kematian. Perincian mengenai kluster pasar awam adalah seperti berikut:

BIL	KLUSTER	PREMIS/FASILITI/LOKALITI TERLIBAT	DAERAH	STATUS KLUSTER	JUMLAH SARINGAN	JUMLAH KES POSITIF	JUMLAH SAMPEL NEGATIF	JUMLAH KES MATI
1	JALAN TERBILANG	PASAR BAGAN AJAM	SPU	TAMAT	**185**	106	79	2
2	JALAN PASAR BUKIT MERTAJAM	PASAR AWAM BUKIT MERTAJAM	SPT	TAMAT	**229**	57	172	0
3	LEBUH KURAU TIGA	PASAR AWAM TAMAN CHAI LENG	SPT	TAMAT	**649**	137	512	0
4	LINTANG MACALLUM DUA	PASAR BORONG PULAU MUTIARA	TL	TIDAK AKTIF	**169**	147	22	1
5	LEBUH TENGGIRI	PASAR AWAM SEMENTARA SEBERANG JAYA	SPT	AKTIF	**221**	33	188	0
6	LINTANG BATU LANCHANG	PASAR BASAH BATU LANCHANG	TL	AKTIF	**70**	54	16	0
7	JALAN PASAR BUKIT MERTAJAM 2	PASAR AWAM BUKIT MERTAJAM, 2ND EPISOD	SPT	AKTIF	**119**	60	59	0
JUMLAH					**1642**	**594**	**1048**	**3**

(a) Tindakan-tindakan yang telah diambil oleh Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) terhadap kluster pasar awam adalah seperti berikut :

(i) Menutup keseluruhan / sebahagian operasi pasar awam dengan nasihat daripada Pejabat Kesihatan Daerah (PKD);

(ii) Mengarahkan semua peniaga / penjaja / pekerja di pasar awam supaya menjalankan ujian saringan dan melaporkan keputusan sebelum perniagaan dibenarkan beroperasi semula;

(iii) Membuat kawalan dan pemantauan untuk memastikan hanya peniaga / penjaja / pekerja yang disahkan negatif COVID-19, tamat tempoh kuarantin atau mendapat surat pelepasan dari Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) sahaja dibenarkan menjalankan semula operasi perniagaan di pasar awam setelah pasar awam beroperasi semula;

(iv) Memperketatkan kawalan keluar masuk pasar dengan menutup lorong-lorong tikus di pasar awam yang terlibat;

(v) Membuat semakan profil MySejahtera pengunjung untuk memastikan peniaga / pengunjung yang berada dalam status berisiko rendah sahaja dibenarkan masuk dan peniaga / pengunjung yang berisiko tinggi tidak dibenarkan masuk ke dalam kawasan pasar;

(vi) Menjalankan sanitasi dikeseluruhan kawasan pasar awam yang terlibat.

(b) Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) tidak mensyaratkan supaya peniaga di pasar awam untuk menjalankan saringan secara berkala. Walau bagaimanapun, sekiranya mereka mempunyai gejala, MBPP dan MBSP menggalakkan supaya membuat saringan secara kendiri melalui Pejabat Kesihatan Daerah (PKD) atau di Klinik Swasta. Selain itu, bagi mereka yang tidak mempunyai gejala, saringan secara sukarela juga boleh dilaksanakan menerusi Program Penang Saring COVID-19 (PSC19) yang dianjurkan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang secara percuma. Selain itu, hebahan/makluman turut dibuat oleh MBPP dan MBSP kepada semua peniaga di pasar awam bagi menggalakkan mereka menyertai program saringan tersebut.

Sekiranya terdapat pasar awam yang ditutup berikutan kes positif COVID-19, semua peniaga / penjaja / pekerja diarahkan supaya menjalani ujian saringan dan melaporkan keputusan saringan tersebut kepada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Hanya peniaga / penjaja / pekerja yang disahkan negatif COVID-19, tamat tempoh kuarantin atau mendapat surat pelepasan dari Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) sahaja dibenarkan menjalankan semula operasi perniagaan di pasar awam setelah pasar awam beroperasi semula.

(c) Pihak MBPP dan MBSP sedang menjalankan bancian ke atas semua peniaga dan pekerja di pasar awam bagi mengenal pasti status vaksinasi dalam kalangan mereka penjaja bagi membantu mempercepatkan pemberian vaksin kepada penjaja yang masih belum divaksinkan. Senarai nama ini akan dihantar kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk program Mobilisasi Vaksin Komuniti (MOVAK) Penjaja iaitu program *mobile* vaksinasi untuk penjaja di Pulau Pinang. Objektif program ini adalah untuk menyediakan akses vaksinasi kepada penjaja di seluruh negeri Pulau Pinang, mengurangkan beban tugas pasukan barisan hadapan melalui khidmat sukarelawan dan membantu program vaksinasi kebangsaan untuk mempercepatkan sasaran 80 peratus *herd immunity* atau imuniti kelompok. Program ini dijangka akan bermula pada 30 Ogos 2021 bagi Fasa Pertama manakala Fasa Kedua akan diadakan pada bulan September 2021

bertempat di lima (5) daerah mengikut lokasi yang ditetapkan selama empat (4) hari. Berikut adalah lokasi program MOVAK Penjaja mengikut daerah :

Daerah	Lokasi	Tarikh
Timur Laut	Stadium Bandaraya Pulau Pinang, Georgetown	31 Ogos - 2 September 2021
Barat Daya	Dewan Perda Teluk Kumbar	30 Ogos - 2 September 2021
Seberang Perai Utara	Dewan Dato' Haji Ahmad Badawi	30 Ogos - 2 September 2021
Seberang Perai Tengah	Kompleks Sukan Jalan Betek	30 Ogos - 2 September 2021
Seberang Perai Selatan	Stadium Batu Kawan	30 Ogos - 2 September 2021

5. Nyatakan jumlah bantahan terhadap Rancangan Tempatan (RT) Seberang Perai yang diterima mengikut daerah.

   (a) Huraikan proses pendengaran bantahan dan nyatakan tarikh dan tempat mendengar bantahan.

   (b) Tarikh jangkaan Rancangan Tempatan digazetkan.

   (c) Adakah permohonan perlingkungan semula masih boleh dikemukakan sebelum dan selepas RT digazetkan?

JAWAPAN OLEH YAB. KETUA MENTERI:

5. Jumlah bantahan terhadap Rancangan Tempatan (RT) Seberang Perai yang diterima mengikut daerah adalah seperti berikut:

BIL.	DAERAH	BILANGAN BANTAHAN
1.	Seberang Perai Utara	4,738
2.	Seberang Perai Tengah	159
3.	Seberang Perai Selatan	151
	JUMLAH	**5,048**

   (a) Proses pendengaran bantahan adalah bermula dengan Penubuhan Jawatankuasa Siasatan Tempatan Dan Pendengaran yang terdiri daripada tiga (3) orang yang dilantik oleh Jawatankuasa Perancang Negeri. Ahli jawatankuasa tidak mempunyai kepentingan langsung dalam bantahan yang dikemukakan dan mempunyai latar belakang dalam hal perancangan dan pembangunan. Proses pendengaran bantahan adalah seperti di **LAMPIRAN A**. Tarikh pendengaran bantahan dicadangkan pada pertengahan bulan September iaitu pada 20 September hingga 30 September 2021 manakala tempat pendengaran bantahan masih belum ditetapkan lagi.

   (b) Berdasarkan kepada Jadual Program Kerja, jangkaan tarikh Draf Rancangan Tempatan digazetkan adalah pada bulan Disember 2021.

   (c) Permohonan perlingkungan semula masih boleh dikemukakan sebelum dan selepas Rancangan Tempatan digazetkan jika:


(i) Permohonan perlingkungan semula sebelum Rancangan Tempatan digazetkan adalah tertakluk kepada keputusan Jawatankuasa Siasatan Tempatan dan Pendengaran dan Jawatankuasa Perancang Negeri.

(ii) Perlingkungan semula selepas Rancangan Tempatan digazetkan adalah tertakluk kepada Seksyen 16 (3) Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 iaitu:

Subseksyen 12 (8) dan (9), dan seksyen 13, 14 dan 15, hendaklah terpakai berhubung dengan pembuatan cadangan untuk pengubahan, pembatalan, atau penggantian suatu rancangan tempatan di bawah seksyen ini dan berkenaan dengan apa-apa pengubahan, pembatalan atau penggantian rancangan itu yang berikutnya, sebagaimana ia terpakai berhubung dengan penyediaan draf rancangan tempatan di bawah seksyen 12 dan berhubung dengan draf rancangan tempatan yang disediakan di bawahnya.

LAMPIRAN A


TANGGUNGJAWA
PROSES
PENGARAH
KERTAS KERJA PENUBUHAN UNTUK DIKEMUKAKAN KEPADA JPN
PENUBUHAN JAWATANKUASA SIASATAN TEMPATAN DAN PENDENGARAN OLEH JPN
PENGARAH
PEMAKLUMAN KEPUTUSAN KEPADA URUSETIA DAN AHLI-AHLI YANG DILANTIK
URUSETIA
PROGRAM PUBLISITI
URUSETIA
PENYEDIAAN LAPORAN PUBLISITI DAN REPRESENTASI
PBT
PERSIAPAN TEMPAT MAJLIS PENDENGARAN AWAM
PBT
SURAT JEMPUTAN KEPADA PEMBANTAH / PENCADANG
PENGARAH
SURAT PELANTIKAN AHLI JAWATANKUASA DAN PANGGILAN KE MAJLIS PENDENGARAN
MAJLIS PENDENGARAN AWAM
URUSETIA
SIASATAN DAN PENYEDIAAN LAPORAN SIASATAN TEMPATAN & PENDENGARAN (jika
PBT
PERSIAPAN TEMPAT MESYUARAT (S.T.P.)
PENGARAH
SURAT PANGGILAN MESYUARAT KEPADA AHLI J/K
MESYUARAT JAWATANKUASA SIASATAN TEMPATAN DAN PENDENGARAN


URUSETIA
PENYEDIAAN LAPORAN KEPUTUSAN JAWATANKUASA SIASATAN TEMPATAN DAN
PBT
PEMAKLUMAN MAJLIS PENUH
PBT
*KELULUSAN JPN (jika perlu)
PBT
MEMBERI MAKLUMBALAS KEPUTUSAN KEPADA PEMBANTAH / PENCADANG

6. Huraikan permohonan dan kelulusan Pelan Kebenaran Merancang (PKM) dan Pelan Bangunan mengikut kategori dan daerah di Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) pada 2021?

   (a) Huraikan kutipan bayaran kelulusan *rezoning* dan caj pembangunan oleh MBPP.

   (b) Huraikan kutipan bayaran kelulusan *rezoning* dan bayaran infrastruktur oleh MBSP.

   (c) Huraikan cabaran *online submission* dan *online* mesyuarat OSC.

JAWAPAN OLEH YAB. KETUA MENTERI:

6. Senarai permohonan dan kelulusan Pelan Kebenaran Merancang (PKM) dan Pelan Bangunan (PB) mengikut kategori dan daerah di Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) pada tahun 2021 adalah seperti di **LAMPIRAN A.**

   (a) Sehingga 30 Jun 2021, jumlah kutipan oleh MBPP bagi bayaran kelulusan pelingkungan semula (*rezoning*) adalah sebanyak RM5,746,360.20 manakala jumlah caj pembangunan adalah sebanyak RM20,849,288.67.

   (b) Sehingga 30 Jun 2021, jumlah kutipan oleh MBSP bagi bayaran kelulusan pelingkungan semula (*rezoning*) adalah sebanyak RM240,775.00, manakala jumlah caj pembangunan adalah sebanyak RM1,889,439.00.

   (c) Cabaran *online submission* dan *online* mesyuarat One Stop Centre (OSC) adalah seperti berikut:

      (i) Bermula Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang berkuatkuasa mulai 18 Mac 2020 akibat penularan pandemik COVID-19 yang melanda seluruh negara, pelaksanaan pemprosesan permohonan pelan pemajuan dan Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (MJOSC) oleh kedua-dua Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) serta agensi pelaksana/teknikal telah dijalankan secara *online*. Walau bagaimanpun, masih terdapat keperluan menyediakan dokumen secara *hardcopy* untuk memproses permohonan pelan pemajuan;

      (ii) Principal Submitting Person (PSP) atau Submitting Person (SP) serta pemaju/pemohon dikehendaki mengemukakan dokumen-dokumen permohonan secara *softcopy* melalui Sistem Integrated Local Council Solution (ILCS) MBPP atau OSC 3.0 Plus Online KPKT. Semasa memproses permohonan, jabatan dan agensi teknikal berkaitan boleh mengakses dokumen-dokumen tersebut secara *softcopy* melalui Sistem ILCS dan OSC 3.0 Plus Online. Walau bagaimanpun, masih terdapat beberapa jabatan dan agensi teknikal yang mengkehendaki dokumen *hardcopy* dikemukakan semasa memproses permohonan. Amalan ini dilaksanakan kerana jabatan dan agensi teknikal berpandangan semakan teknikal dapat dibuat dengan lebih mudah dan cepat melalui dokumen *hardcopy;*

      (iii) Pelaksanaan OSC perlu menggunakan kaedah temu janji terlebih dahulu atau meletakkan dokumen di dalam *dropbox*. Hal ini menyukarkan Principal Submitting Person (PSP) atau Submitting Person (SP) serta pemaju/pemohon untuk menghantar permohonan terus kepada urus setia;

(iv) Terdapat beberapa pejabat kerajaan ditutup akibat PKP ini yang menyukarkan urus setia OSC untuk membuat pertanyaan berkaitan urusan permohonan pemajuan;

(v) Terdapat Principal Submitting Person (PSP) atau Submitting Person (SP) serta pemaju/pemohon sering meminta pengecualian dokumen-dokumen dalam senarai semak yang wajib di lampirkan dalam permohonan pemajuan;

(vi) Segelintir Principal Submitting Person (PSP) atau Submitting Person (SP) serta pemaju/pemohon mengambil kesempatan tidak membuat/melewatkan sebarang urusan permohonan atau bayaran di jabatan/agensi kerajaan dengan memberi alasan PKP;

(vii) Terdapat Principal Submitting Person (PSP) atau Submitting Person (SP) serta pemaju/pemohon juga tidak berminat untuk membuat bayaran secara atas talian (PBTPay) di sistem OSC 3.0 Plus;

(viii) Bagi PBTPay, Principal Submitting Person (PSP) atau Submitting Person (SP) serta pemaju/pemohon sering menggunakan alasan tidak boleh/tidak mahu membuat perpindahan wang (*cash transfer*) kerana mempunyai masalah kepada had limit pembayaran wang (*cash limit*) dan pelbagai alasan untuk tidak membuat bayaran secara atas talian. Namun Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) memaklumkan PBTPay mempunyai had limit wang maksimum sebanyak RM1.5 juta;

(ix) Segelintir Principal Submitting Person (PSP) atau Submitting Person (SP) serta pemaju/pemohon tidak boleh mengambil pelan kelulusan C1/C2 di kaunter OSC. Ini menyebabkan pihak urus setia OSC terpaksa menggunakan khidmat kurier untuk proses penghantaran dokumen;

(x) Penggunaan sistem kurier dan fax juga sukar kerana pejabat Principal Submitting Person (PSP) atau Submitting Person (SP) serta pemaju/pemohon PSP tidak boleh beroperasi/dibuka sepanjang tempoh PKP ini;

(xi) Segelintir Principal Submitting Person (PSP) atau Submitting Person (SP) serta pemaju/pemohon masih mengemukakan dokumen permohonan yang sama berulang kali setelah pihak urus setia OSC telah beberapa kali mengulas permohonan tersebut; dan

(xii) Gangguan rangkaian internet yang perlahan menyebabkan sesuatu isu-isu yang dibangkitkan kurang jelas dan menyebabkan keputusan pemajuan tertangguh dan lewat.

LAMPIRAN A

SENARAI PERMOHONAN DAN KELULUSAN PELAN KEBENARAN MERANCANG (PKM) DAN PELAN BANGUNAN (PB) MENGIKUT KATEGORI DAN DAERAH DI MAJLIS BANDARAYA PULAU PINANG (MBPP) DAN MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI (MBSP) PADA TAHUN 2021

BIL.	KATEGORI PERMOHONAN	STATUS	DAERAH					JUMLAH
			DTL	DBD	SPS	SPT	SPU	
1.	PELAN KEBENARAN MERANCANG	PERMOHONAN	152	49	50	56	29	336
		PROSES	44	14	24	25	15	122
		KELULUSAN	108	35	26	31	14	214
2.	PELAN BANGUNAN	PERMOHONAN	266	157	46	89	79	637
		PROSES	24	11	0	0	0	35
		KELULUSAN	242	146	46	89	79	602

7. Senaraikan semua pasar awam di Seberang Perai dan huraikan jumlah kedai, gerai atau petak penjaja bagi setiap pasar.

   (a) Apakah perancangan untuk menaik taraf pasar awam sedia ada?

   (b) Apakah status cadangan Pasar Awam Bandar Cassia?

   (c) Apakah perancangan Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) untuk pelaksanaan e-pasar dan bayaran digital?

JAWAPAN OLEH YAB. KETUA MENTERI:

7. Kawasan Seberang Perai mempunyai keseluruhan 30 buah pasar awam dengan jumlah gerai / petak sebanyak 4,027 lot. Perincian bagi jumlah gerai / petak di setiap pasar awam adalah seperti di **LAMPIRAN A**.

   (a) Perancangan Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) untuk menaik taraf pasar awam sedia ada adalah seperti di **LAMPIRAN B.**

   (b) MBSP telah menerima Permohonan Kebenaran Merancang daripada pihak PDC bagi cadangan pasar awam di Bandar Cassia pada 30 Jun 2021. Setakat ini, permohonan tersebut masih dalam proses pertimbangan oleh pihak MBSP.

   (c) Seiring dengan hala tuju Kerajaan Negeri dalam menuju sebuah bandaraya pintar melalui Visi Penang2030, MBSP telah melaksanakan program pembayaran digital seperti berikut:

      (i) e-pasar

      MBSP telah bekerjasama dengan Bahagian Kerajaan Tempatan, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang (BKT PSUKPP) dan syarikat Grab Delivery untuk pelaksanaan program Grab Pasar dengan menjadikan Pasar Awam Sementara Seberang Jaya dan Pasar Awam Bagan Ajam sebagai lokasi *pilot project.* Walau bagaimanapun, pelaksanaan program ini tidak mendapat sambutan dari peniaga / penjaja di Pasar Awam Sementara Seberang Jaya dan Pasar Awam Bagan Ajam berikutan kadar komisyen yang tinggi dikenakan oleh syarikat Grab Delivery ke atas peniaga / penjaja.

      (ii) Bayaran digital

      MBSP dengan kerjasama BKT PSUKPP telah melaksanakan Program Initiatif Tanpa Tunai di Pasar Awam milik MBSP. Pasar Awam yang telah dipilih sebagai lokasi *pilot project* pelaksanaan program ini adalah seperti berikut:

      (a) Pasar Awam Bandar Tasek Mutiara;

      (b) Pasar Awam Seberang Jaya;

      (c) Pasar Awam Bagan Ajam;

      (d) Pasar Awam Kepala Batas; dan

      (e) Pasar Awam Bukit Mertajam.

      Inisiatif ini dilihat mendapat sambutan dan sokongan yang tinggi oleh peniaga dan pengguna. Hasil semakan dan pemantauan pegawai MBSP di pasar awam dan kompleks makanan MBSP mendapati banyak peniaga telah mendaftarkan perniagaan mereka dengan syarikat-syarikat yang

menawarkan perkhidmatan *e-wallet* dan menggunakan kaedah ini sebagai salah satu kaedah untuk membuat transaksi bayaran antara pelanggan dan peniaga.

Selain itu, MBSP juga sedang bekerjasama dengan syarikat Boost untuk melaksanakan Program Kompleks Makanan *Cashless* dengan menjadikan Astaka Perda sebagai lokasi *pilot project.* Program ini sedang berada dalam fasa pelaksanaan dan pelancaran program dijangka akan diadakan selepas tamat tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Di samping itu juga, MBSP juga telah menyediakan perkhidmatan pembayaran sewa gerai secara tanpa tunai *(cashless)* melalui MBSP Pay. Perkhidmatan ini merupakan salah satu altenatif bagi memudahkan peniaga / penyewa gerai MBSP membuat bayaran sewa gerai secara atas talian / digital dalam tempoh PKP.

LAMPIRAN A

PASAR AWAM

BIL	DAERAH	NAMA PASAR AWAM	BIL GERAI / PETAK
1	SPU	PASAR AWAM KEPALA BATAS SPU (BABI - 6)	278
2		PASAR AWAM PENAGA	96
3		PASAR AWAM SUNGAI DUA	60
4		PASAR AWAM TASEK GELUGOR S PERAI UTARA	97
5		PASAR AWAM SRI UDA JALAN RAJA UDA BW	74
6		PASAR AWAM BAGAN AJAM	283
7		PASAR AWAM JETI LAMA	76
8		PASAR AWAM TAMAN BAGAN	104
9		PASAR AWAM SRI BANDAR SEBERANG PERAI	131
JUMLAH			**1199**
1	SPT	PASAR AWAM TAMAN SELAMAT BM	176
2		PASAR AWAM PERMATANG TINGGI B MERTAJAM	44
3		PASAR AWAM BUKIT MERTAJAM	325
4		PASAR AWAM KOTA PERMAI,BM	95
5		PASAR AWAM TAMAN SRI RAMBAI	177
6		PASAR AWAM SEBERANG JAYA PERAI SPT	255
7		PASAR AWAM SAMA GAGAH	118
8		PASAR AWAM PENANTI BUKIT MERTAJAM SPT	90
9		PASAR AWAM KAMPONG BARU BUKIT MERTAJAM	304
10		PASAR AWAM BERAPIT,BM	144
11		PASAR AWAM TAMAN SERI DELIMA	28
12		PASAR AWAM CHAI LENG PARK SPT	158
13		PASAR AWAM PERKAMPUNGAN JURU	80
14		PASAR AWAM TAMAN INDERAWASIH	14
JUMLAH			**2008**
1	SPS	PASAR AWAM SUNGAI BAKAP SPS	96
2		PASAR AWAM TASEK MUTIARA	150
3		PASAR AWAM KAMPONG VALDOR	129
4		PASAR AWAM TAMBUN INDAH,SPS	116
5		PASAR AWAM TMN PEKAKA,SPS	28
6		PASAR AWAM TMN BERJAYA NIBONG TEBAL	250
7		PASAR AWAM BUKIT PANCHOR	51
JUMLAH			**820**
JUMLAH KESELURUHAN			**4027**

Tarikh Kemaskini : 06/08/2021

ID95/02

LAMPIRAN B

SENARAI PERANCANGAN PASAR AWAM YANG AKAN DINAIK TARAF

Bil	Pasar Awam	Skop naiktaraf	Anggaran Kos (RM)	Status
1	Pasar Awam Sri Uda	Pemasangan meter individu di gerai dan tandas	139,000.00	Sedang dilaksanakan Jadual siap: 13/9/2021
2	Pasar Awam Taman Kota Permai	(i) Turap semula kawasan tempat letak kereta (iii) Cat semula garisan jalan dan bahu jalan	100,000.00	Sedang dilaksanakan Jadual siap: 14/9/2021
3	Pasar Awam Bandar Tasek Mutiara	(i) Turap semula kawasan tempat letak kereta (iii) Cat semula garisan jalan dan bahu jalan	100,000.00	Sedang dilaksanakan Jadual siap: 14/9/2021
4	Pasar Awam Kampung Baru	(i) Turap semula kawasan tempat letak kereta (ii) Cat semula garisan jalan dan bahu jalan	100,000.00	Sedang dilaksanakan Jadual siap: 14/9/2021
5	Pasar Awam Seberang Jaya	Naiktaraf keseluruhan pasar awam	18,000,000.00	Kelulusan pelan bangunan (Sila rujuk pihak PDC untuk jadual pelaksanaan terperinci)
6	Pasar Awam Kepala Batas	Pembinaan tempat letak kereta baru	670,000.00	Penyediaan rekabentuk Jadual iklan tender: September 2021 Jadual mula projek: Januari 2022 Jadual siap projek: Julai 2022
7	Pasar Awam Mak Mandin	Naiktaraf keseluruhan pasar awam	1,400,000.00	Penyediaan rekabentuk Jadual iklan tender: September 2021 Jadual mula projek: Januari 2022 Jadual siap projek: Disember 2023
8	Pasar Awam Jeti Lama	Naiktaraf keseluruhan pasar awam	4,000,000.00	Penyediaan rekabentuk Jadual iklan tender: Oktober 2021 Jadual mula projek: Februari 2022 Jadual siap projek: Februari 2024
9	Pasar Awam Bandar Tasek Mutiara	(i) Naiktaraf pasar basah dan gerai tertutup (iii) Naiktaraf tandas (iii) Naiktaraf laluan masuk dan longkang	400,000.00	Kelulusan permohonan peruntukan
10	Pasar Awam Kampung Baru	Penggantian keseluruhan bumbung pasar awam	1,200,000.00	Kelulusan permohonan peruntukan
11	Pasar Awam Bukit Mertajam	(i) Naiktaraf struktur pasar sedia ada (iii)Pembinaan tempat letak kereta (iii) Pembinaan rumah mampu milik dan pembangunan semula kawasan sekitar pasar awam	48,960,000.00	Kelulusan permohonan peruntukan
JUMLAH			**75,069,000.00**	

8. Huraikan hasil Kajian Impak Lalulintas (TIA) oleh Palmington, GUH dan Asas Dunia di Bandar Tasek Mutiara dan jalan-jalan berkaitan.

(a) Status sambungan Jalan Tasek Mutiara 10 ke Hijauan Hills.

(b) Isu pelebaran jejambat dan penyelenggaraan Jalan Tasek Mutiara 2.

(c) Apakah cadangan penyelesaian kesesakan lalu lintas dari Stesen JPJ ke Hijauan Valdor?

JAWAPAN OLEH YAB. KETUA MENTERI:

8. Hasil Kajian Impak Lalu Lintas (TIA) daripada pemaju Palmington telah diluluskan oleh pihak Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP), manakala TIA bagi pemaju GUH & Asas Dunia di Bandar Tasek Mutiara masih belum dimuktamadkan. Antara syarat-syarat kelulusan TIA bagi Tetuan Palmington adalah seperti berikut:

(a) Pembinaan *flyover* di persimpangan Jalan Persekutuan dengan Jalan Rozhan dan pembinaan *flyover* di persimpangan Jalan Persekutuan dengan Jalan Tasek;

(b) Ketika ini masih belum ada apa-apa penjadualan daripada pihak pemaju untuk melaksanakan penyambungan jalan tersebut. Namun sambungan jalan ini akan disyaratkan kepada Palmington untuk melaksanakannya; dan

(c) Ketika ini masih belum ada perancangan pelebaran jejambat tersebut dan Jalan Tasek Mutiara 2 kini diselenggara oleh pihak MBSP.

Selain itu, pelebaran Jalan Persekutuan FT001 dari Stesen Penguatkuasa Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) Valdor hingga ke Komplek V3 telah dimohon melalui permohonan bajet Rancangan Malaysia Ke-12 (RMKe-12) dari Kerajaan Persekutuan. Jalan tersebut dicadangkan untuk dilebarkan dan diseragamkan dengan jalan sedia ada (*bottleneck*) yang menjadi punca kesesakan berlaku di kawasan tersebut. Walau bagaimanapun, permohonan bajet melalui RMKe-12 masih belum diluluskan.

9. Huraikan kadar pengangguran di Pulau Pinang bagi tahun 2021.

(a) Jumlah pekerja kilang telah diberhentikan kerja?

(b) Jumlah tawaran pekerjaan baharu di sektor perindustrian?

(c) Unjuran tawaran pekerjaan pada tahun 2022 berdasarkan pelaburan yang telah dimuktamadkan?

JAWAPAN OLEH YAB. KETUA MENTERI:

9. Berdasarkan Survei Tenaga Buruh (STB) yang dijalankan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM), kadar pengangguran di Pulau Pinang pada suku kedua tahun 2021 telah mencatatkan nilai sebanyak 3.9 peratus dan menunjukkan trend penurunan berbanding pada suku kedua tahun sebelumnya iaitu 4.3 peratus. Kadar pengangguran di Pulau Pinang bagi suku tahun ketiga belum dikeluarkan lagi.

(a) Berdasarkan rekod Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO), jumlah pekerja kilang yang telah diberhentikan kerja pada tahun 2021 setakat 13 Ogos 2021 adalah seramai 790 orang.

(b) Sebanyak 4,068 tawaran pekerjaan baharu di sektor perindustrian telah didaftarkan di portal MYFutureJobs di bawah seliaan PERKESO bagi tempoh Januari sehingga Ogos 2021.

(c) Berdasarkan pelaburan yang diluluskan dalam sektor pembuatan di Pulau Pinang dari Januari 2020 sehingga Mac 2021, dianggarkan sebanyak 15,596 peluang pekerjaan akan diwujudkan di Pulau Pinang secara berperingkat dalam tempoh tiga (3) hingga lima (5) tahun yang akan datang.

10. Senaraikan semua hotel yang berdaftar dengan Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC), Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP).

(a) Nyatakan hotel yang berhenti beroperasi dan jumlah pekerja yang diberhentikan.

(b) Nyatakan jumlah pekerja sektor perhotelan dan agensi pelancongan.

(c) Nyatakan jumlah kutipan cukai tanah dan cukai taksiran ke atas premis hotel.

JAWAPAN OLEH YAB. KETUA MENTERI:

10. Bagi senarai semua hotel yang berdaftar dengan Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC), Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) adalah seperti di **LAMPIRAN A.**

(a) Berikut merupakan senarai hotel yang telah berhenti operasi berdasarkan rekod Majlis Bandaraya Pulau Pinang:

BIL.	NAMA HOTEL	JUMLAH BILIK
1.	Copthorne Orchid Penang	318
2.	Holiday Inn	350
3.	Jazz Hotel Penang	255

Menurut Kementerian Sumber Manusia, sehingga kini jumlah *loss of employment* (LOE) bagi sektor perkhidmatan, makanan dan minum di Negeri Pulau Pinang mencatatkan seramai **1,201 orang** telah kehilangan pekerjaan sepanjang pandemik COVID-19 melanda.

(b) Jumlah pekerja bagi sektor perhotelan dan agensi pelancongan adalah seperti berikut:

Bil.	Perkara	Jumlah(Orang)
1.	SEKTOR PERHOTELAN (Sumber: Pejabat Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Negeri (MOTAC) Pulau Pinang)	5,061
2.	AGENSI PELANCONGAN	1,020

	(Sumber: Persatuan Agensi Pelancongan Negeri Pulau Pinang)	
	JUMLAH	**6,081**

(c) Jumlah kutipan cukai tanah dan cukai taksiran ke atas premis hotel di Negeri Pulau Pinang bagi tahun 2021 sehingga 30 Jun 2021 adalah seperti berikut:

Bil.	Perkara	Jumlah (RM)
1.	KUTIPAN CUKAI TAKSIRAN (Sumber: MBPP dan MBSP)	7,155,266.69
2.	KUTIPAN CUKAI TANAH (Sumber: PDTDTL, PDTDBD, PDTSPS, PDTSPU dan PDTSPT)	719,012.50

LAMPIRAN A

Senarai Premis Penginapan Pelancong yang berdaftar dengan Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia di Negeri Pulau Pinang sehingga 30 Jun 2021

1. Daerah Timor Laut (Jumlah - 214)

Bil.	Nama Pemis	Alamat	Poskod	Daerah	Jumlah Bilik
1	Berjaya Penang Hotel	1-Stop Midlands Park, Burmah Road, George Town	10350	Timur Laut	320
2	Bayview Beach Resort	339, Jalan Teluk Bahang, Batu Ferringgi	11100	Timur Laut	365
3	Evergreen Laurel Hotel	53, Persiaran Gurney, George Town	10250	Timur Laut	368
4	Cititel Hotel Penang	66, Jalan Penang, George Town	10000	Timur Laut	451
5	Oriental Hotel	105, Jalan Penang	10000	Timur Laut	97
6	Sunway Hotel Georgetown	33, Lorong Baru, Off Jalan Macalister, George Town	10400	Timur Laut	250
7	Grand Continental Penang	68, Jalan Gurdwara, George Town	10300	Timur Laut	188
8	Golden Sand Resort Penang by Shangri-La	Batu Feringgi Beach, Batu Ferringgi	11100	Timur Laut	387
9	Bayview Hotel Georgetown Penang	25-A, Farquhar Street, George Town	10200	Timur Laut	333
10	Park Royal Penang Resort	Batu Ferringgi Beach, Batu Ferringgi	11100	Timur Laut	310
11	Rainbow Paradise Beach Resort	527, Jalan Tanjong Bungah, Tanjong Bungah	11200	Timur Laut	295
12	Shangri-La's Rasa Sayang Resort & Spa	Batu Ferringgi Beach, Batu Ferringgi	11100	Timur Laut	304
13	Hotel Continental	No. 5, Jalan Penang, George Town	10000	Timur Laut	231
14	Hotel Noble	36, Lorong Pasar, George Town	10200	Timur Laut	25
15	Eastern and Oriental Hotel	10, Leboh Farquhar, George Town	10200	Timur Laut	232
16	Modern Hotel	179-C, Labuh Muntri, George Town	11200	Timur Laut	20
17	Lay Hong Hotel	194a, Jalan Macalister, George Town	10400	Timur Laut	8

Bil.	Nama Pemis	Alamat	Poskod	Daerah	Jumlah Bilik
18	Garden Inn	41, Anson Road, George Town	10400	Timur Laut	54
19	Pin Seng Hotel	82, Lorong Cinta, George Town	10200	Timur Laut	24
20	Hotel Eng Loh	48, Church Street, George Town	10200	Timur Laut	16
21	Hotel Singapore	495-H, Jalan Penang, George Town	10000	Timur Laut	24
22	Nam Seng Hotel	1224, Hutton Lane, George Town	10050	Timur Laut	5
23	Hotel Mingood	164, Jalan Argyll, George Town	10500	Timur Laut	52
24	Paramount Hotel	48f, Jalan Sultan Ahmad Shah, George Town	10500	Timur Laut	31
25	Kin Too Hotel & Coffee Shop	No.128, Seang Teik Road, George Town	10400	Timur Laut	9
26	Hotel Malaysia	7, Jalan Penang, George Town	10000	Timur Laut	126
27	Eastern Hotel	No. 509, Lebuh Chulia, George Town	10200	Timur Laut	21
28	Motel Sri Pantai	516-G, Jalan C.M. Hashim, Tanjong Bungah	11200	Timur Laut	22
29	The Merchant Hotel	55, Jalan Penang, George Town	10000	Timur Laut	76
30	Hock Aun Hotel	70, Jalan Dato' Keramat, George Town	10150	Timur Laut	142
31	Waldorf Hotel	13, Leith Street, George Town	10200	Timur Laut	18
32	Swiss Hotel	431-F, Lebuh Chulia, George Town	10200	Timur Laut	57
33	Hotel Waterfall	160, Jalan Utama, Pulau Tikus, George Town	10450	Timur Laut	20
34	Peking Hotel	50-A, Penang Road, George Town	10200	Timur Laut	62
35	YMCA Of Penang	211, Jalan Macalister, George Town	10450	Timur Laut	259
36	Hang Chow Hotel	511, Chulia Street, George Town	11900	Timur Laut	96
37	Blue Diamond Hotel	422, Lebuh Chulia, George Town	10200	Timur Laut	14
38	Ai Goh Hotel	465, Penang Road, George Town	10000	Timur Laut	16

Bil.	Nama Pemis	Alamat	Poskod	Daerah	Jumlah Bilik
39	Hotel Hong Ping	273b, Lebuh Chulia, George Town	10200	Timur Laut	21
40	White House Hotel	72, Penang Road, George Town	10000	Timur Laut	147
41	Hong Aun Hotel & Café	111, Hutton Lane, George Town	10500	Timur Laut	24
42	Federal Hotel	39, Penang Road, George Town	10000	Timur Laut	11
43	Sky Hotel & Restaurant	No. 348, Chulia Street, George Town	10200	Timur Laut	18
44	New Asia Hotel	110, Jalan Pintal Tali, 71 Lebuh Kimberly, George Town	10100	Timur Laut	24
45	Paris Hotel	2, Irving Road, George Town	10400	Timur Laut	18
46	Kim Sun Hotel	86, Lebuh Campbell, George Town	10100	Timur Laut	19
47	Broadway Hostel	No. 35f, Jalan Masjid Kapitan Keling, George Town	10200	Timur Laut	21
48	Hotel Jen Penang	184, Jalan Megazine, George Town	10300	Timur Laut	443
49	G Hotel Gurney	168a, Persiaran Gurney, George Town	10250	Timur Laut	312
50	Hotel Regal Malaysia	No. 6, Jalan Transfer, George Town	10050	Timur Laut	64
51	1926 Heritage Hotel	227, Jalan Burma, George Town	10050	Timur Laut	96
52	Goodhope Inn Penang	22, Jalan Kelawei, George Town	10250	Timur Laut	56
53	Red Rock Hotel	202-A, Jalan Macalister, George Town	10400	Timur Laut	131
54	Hotel Royal Penang	No. 3, Jalan Larut, Off Jalan Burmah, George Town	10050	Timur Laut	276
55	Tune Hotel Georgetown Penang	100, Jalan Burma Section 15, George Town	10050	Timur Laut	246
56	Lone Pine Hotel	97, Batu Ferringgi, Mukim 17	11100	Timur Laut	90
57	Royale Chulan Penang	No. 1&2, Pengkalan Weld, George Town	10300	Timur Laut	179

Bil.	Nama Pemis	Alamat	Poskod	Daerah	Jumlah Bilik
58	ESQ Ferringhi Hotel	No. 17, Lorong Sg. Emas, Batu Ferringgi	11100	Timur Laut	68
59	PP Island Hotel	33-A, Abu Siti Lane, George Town	10400	Timur Laut	326
60	Yeng Keng Hotel	362 & 366 Chulia Street, George Town	10200	Timur Laut	62
61	G Hotel Kelawai	No. 2, Persiaran Maktab, George Town	10250	Timur Laut	20
62	U Hotel	676, Jalan Sungai 2, Mukim 13, Sungai Dua, George Town	11700	Timur Laut	49
63	Flamingo by The Beach Penang	Jalan Tanjong Bungah, Tanjong Bungah	11200	Timur Laut	128
64	Hard Rock Hotel Penang	Batu Ferringgi Beach, Batu Ferringgi	11100	Timur Laut	42
65	Queen City Hotel	No. 63, Lebuh Queen, George Town	10200	Timur Laut	249
66	23 Love Lane	23, Love Lane, George Town	10200	Timur Laut	88
67	Hotel Sentral Georgetown	No. 12, Lorong Kinta, George Town	10400	Timur Laut	137
68	Grand Inn	165-G-2, Jalan Macalister, George Town	10400	Timur Laut	45
69	Travelodge Georgetown	101, Jalan Macalister, George Town	10400	Timur Laut	131
70	Seven Terraces Hotel Penang	Lot 810-816, Lorong Stewart, Seksyen 19, George Town	10200	Timur Laut	18
71	AG Hotel	350-E, Jalan Sultan Azlan Shah, Glugor	11700	Timur Laut	13
72	G Inn	133, Jalan Macalister	10400	Timur Laut	45
73	Mercure Penang Beach	505, Jalan Tanjong Bungah, Tanjong Bungah	11200	Timur Laut	220
74	Banana Hotel	No. 422, Lebuh Chulia, George Town	10200	Timur Laut	41
75	Armenian St. Heritage Hotel	No. 139, Lebuh Carnarvon, George Town	10200	Timur Laut	92
76	Hotel Penaga	No. 26, 28, 30, 32 & 34, Lebuh Clarke, George Town	10050	Timur Laut	45
77	Super 8 Hotel	81, Lebuh Tye Sin, George Town	10300	Timur Laut	50

Bil.	Nama Pemis	Alamat	Poskod	Daerah	Jumlah Bilik
78	Merlin Hotel	No 1 & 1a, Lebuh Penang, George Town	10200	Timur Laut	17
79	Hotel Sentral Seaview Penang	No. 555, Jln Cm Hashim, Tanjong Tokong	11200	Timur Laut	126
80	Burmahtel	No. 253g-3-3, Wisma Soon, Jalan Burmah	10350	Timur Laut	46
81	Grand Inn (Penang Road)	72, Jalan Penang, George Town	10000	Timur Laut	48
82	Double Tree Resort by Hilton Penang	56, Jalan Low Yat, Batu Ferringgi	11100	Timur Laut	316
83	Sinkeh Guest House	105, Lebuh Melayu, George Town	10100	Timur Laut	9
84	The Wembley - A St. Giles Hotel Penang	No. 183, Jalan Megazine, George Town	10300	Timur Laut	415
85	Cititel Express Penang	123, Lebuh Noordin, George Town	10300	Timur Laut	234
86	Nam Keng Hotel	15,17 & 19, Lebuh Cintra, George Town	10100	Timur Laut	8
87	Chulia Mansion	413, Lebuh Chulia, George Town	10200	Timur Laut	48
88	Grand Swiss Hotel	431f, Lebuh Chulia, George Town	10200	Timur Laut	34
89	Eton Hotel Penang	No. 76, Lorong Selamat, George Town	10400	Timur Laut	38
90	28 Bahari Guesthouse (City Stay)	No. 28, Jalan Sri Bahari, George Town	10500	Timur Laut	5
91	Hotel Neo + Penang	No.68, Jalan Gudwara, George Town	10300	Timur Laut	196
92	Noordin Mews	No. 53, Lebuh Noordin, George Town	10300	Timur Laut	16
93	Leisure Cove Hotel and Apartments	No. 563, Jalan Wee Hein Tze, Tanjong Bungah	11200	Timur Laut	50
94	Newhope Inn	No. 550-G, Jalan Tanjong Bungah	11200	Timur Laut	15
95	Kimberley Hotel	No. 36 & 38-A (Tingkat Bawah), Jalan Sungai Ujong, George Town	10100	Timur Laut	117
96	Pingsa Hotel	17m, Taman Sri Damai, Lebuhraya Batu Lanchang	11600	Timur Laut	32
97	Vouk Hotel Suites	57-G-3, Mansion One, Jalan Sultan Ahmad Shah, George Town	10050	Timur Laut	231

Bil.	Nama Pemis	Alamat	Poskod	Daerah	Jumlah Bilik
98	Ink Hotel	No. 43, Jalan Siam, George Town	10400	Timur Laut	37
99	Areca Hotel	No. 5 - 27, Jalan Khoo Sian Ewe, George Town	10050	Timur Laut	48
100	Le Dream Hotel	No. 139, Jalan Pintal Tali, George Town	10100	Timur Laut	43
101	Shahlini's Guest House	No. 56, Batu Ferringgi, Batu Ferringgi	11100	Timur Laut	11
102	Baba Guest House	No. 52, Jalan Baru Ferringgi	11100	Timur Laut	20
103	E.T Budget Guest House	No. 47, Jalan Batu Ferringgi	11100	Timur Laut	14
104	Thirty-Three Stewart House	No. 33, Lorong Stewart, George Town	10200	Timur Laut	9
105	Mei Hotel	50, Lorong Abu Siti, George Town	10400	Timur Laut	100
106	Reunion Heritage House	No. 345, Lebuh Pantai, George Town	10300	Timur Laut	20
107	Rainhill Guest House	No. 61, Lebuh Presgrave, George Town	10300	Timur Laut	5
108	The Southern Hotel	108, Lebuh Muntri, George Town	10200	Timur Laut	21
109	Page 63 Hostel	No. 484, Lebuh Pantai, George Town	10300	Timur Laut	8
110	Hompton by The Beach Penang	No. 533, Jalan C.M. Hashim, Tanjong Tokong	11200	Timur Laut	240
111	Moustachz Hauze	No. 24, Lebuh Campbell, George Town	10100	Timur Laut	8
112	Hotel 19	No. 19, Pengkalan Weld, George Town	10300	Timur Laut	49
113	New Savoy Hotel	No. 156, Lorong Hutton, George Town	10050	Timur Laut	20
114	Victoria Garden Hotel	No. 280, Lebuh Victoria, George Town	10300	Timur Laut	80
115	Nice Inn	78a, Lorong Selamat, George Town	10400	Timur Laut	13
116	Apollo Inn	7, Jalan Sungai Ujong, George Town	10100	Timur Laut	20
117	Chulia Heritage Hotel	No. 380, Lebuh Chulia, George Town	10300	Timur Laut	43
118	Cintra Heritage House	1, 3, 5, 7 Lebuh Cintra, George Town	10450	Timur Laut	14

Bil.	Nama Pemis	Alamat	Poskod	Daerah	Jumlah Bilik
119	Grand FC Hotel	36, Argyll Road, George Town	10050	Timur Laut	39
120	Hutton Lodge	17, Hutton Lodge, George Town	10050	Timur Laut	25
121	G Times Inn Hotel	278 A, Lebuh Victoria, George Town	10300	Timur Laut	25
122	Ropewalk Piazza Hotel	148, Jalan Pintal Tali, George Town	10100	Timur Laut	12
123	Muntri Grove	127 - 131, Muntri Street, George Town	10200	Timur Laut	16
124	Muntri House	No. 48, Muntri Street, George Town	10200	Timur Laut	11
125	The Frame Guesthouse	168, Chulia Street, George Town	10200	Timur Laut	18
126	Ryokan Muntri Hotel	62, Lebuh Muntri, George Town	10200	Timur Laut	16
127	Goodluck Inn	605, D, Jalan Balik Pulau, Ayer Itam	11400	Timur Laut	31
128	118 Hotel Macalister	49, Jalan Macalister, George Town	10400	Timur Laut	46
129	Macalister Hotel	No. 3, Lebuh Nanning, George Town	10400	Timur Laut	25
130	White Mansion Penang	165, Lebuh Noordin, George Town	10300	Timur Laut	16
131	One Pacific Hotel & Serviced Apartment	177, Jalan Macalister, George Town	10400	Timur Laut	90
132	118 Hotel	29, Jalan Dato Keramat, George Town	10150	Timur Laut	15
133	Old Penang Guest House	53, Love Lane, George Town	10200	Timur Laut	15
134	The Edison Georgetown	15, Lebuh Leith, George Town	10200	Timur Laut	35
135	D Pearl Hotel Penang	572, Jalan Sultan Azlan Shah, Sungai Nibong, Pulau Pinang	11900	Timur Laut	29
136	Hutton Central I	No. 10, Jalan Hutton, George Town	10050	Timur Laut	5
137	The Prestige Hotel	8, Gat Lebuh Gereja, George Town	10200	Timur Laut	162
138	Deluxcious Luxurious Heritage Hotel	15, Jalan Sultan Ahmad Shah, George Town	10050	Timur Laut	19

Bil.	Nama Pemis	Alamat	Poskod	Daerah	Jumlah Bilik
139	Magazine Vista Hotel	237l2, Jalan Magazine, George Town	10300	Timur Laut	4
140	Star Lodge	39, Muntri Street, George Town	10200	Timur Laut	28
141	Mil Hotel	133 - 139, Jalan Masjid Kapitan Keling, George Town	10350	Timur Laut	10
142	The Small Inn	19, Lebuh Kimberley, George Town	10100	Timur Laut	32
143	Old Budget Hotel	No. 46, Jalan Macalister, George Town	10400	Timur Laut	12
144	Stallions Service Apartment	3a, Tingkat Bukit Dumbar, George Town	11600	Timur Laut	70
145	Comfort Inn	No. 278, Lebuh Victoria, George Town	10300	Timur Laut	32
146	Heliconia Hotel	18, Lorong Kinta, George Town	10400	Timur Laut	47
147	Argyll Inn	205, Jalan Argyll, George Town	10050	Timur Laut	13
148	Muntri Mews	No. 77, Muntri Street, George Town	10200	Timur Laut	16
149	Bahari Parade Hotel	69 B, Jalan Sri Bahari, George Town	10050	Timur Laut	7
150	Macalister Mansion	228, Jalan Macalister, George Town	10400	Timur Laut	8
151	Jawi Peranakan Mansion	153, Jalan Hutton, George Town	10050	Timur Laut	14
152	The 80's Guesthouse	46, Love Lane, George Town	10200	Timur Laut	6
153	Macallum Central Hotel	51 B, Lebuh Macallum, George Town	10300	Timur Laut	10
154	Bellevue Hotel	Bukit Bendara, Ayer Itam	11300	Timur Laut	10
155	Container Hotel Penang	4, Gat Lebuh Chulia, George Town	10300	Timur Laut	57
156	Ar Raudhah Suites & Hotel	Lot 1238, Jalan Kampung Kolam, George Town	10200	Timur Laut	33
157	Anggerik Lodging	351, Jalan Sultan Azlan Shah, Glugor	11700	Timur Laut	30
158	Noordin Street House	73, Lebuh Noordin, George Town	10300	Timur Laut	8

Bil.	Nama Pemis	Alamat	Poskod	Daerah	Jumlah Bilik
159	Golden View Services Apartment	2, Jalan Pantai Molek, Kampung Raya Baharu, Tanjong Tokong	10470	Timur Laut	43
160	Victoria Inn	No. 278, Lebuh Victoria, George Town	10300	Timur Laut	32
161	Hutton Central II	128, 128a, B, C, D, E, F & G, Jalan Transfer, George Town	10050	Timur Laut	8
162	M Summit 191 Executive Suites	191 - 121 - 1, Jalan Magazine, George Town	10300	Timur Laut	89
163	Island City Hotel	456, Lebuh Chulia, George Town	10200	Timur Laut	48
164	Campbell House	106, Lebuh Campbell, George Town	10100	Timur Laut	12
165	G - Inn	133, Macalister Road, George Town	10400	Timur Laut	45
166	Rasa Motel	186 - G26, Jalan Batu Feringghi	11100	Timur Laut	17
167	Sri Batik Times Inn Motel	No. 567a, Tanjong Bungah	11200	Timur Laut	12
168	Sri Sayang Resort Service Apartment	No. 188, Jalan Batu Feringghi	11100	Timur Laut	24
169	Sweet Cili Hotel	5, Lorong Lumut, George Town	10200	Timur Laut	15
170	Arte S	3, Jalan Bukit Gambir, Glugor	11700	Timur Laut	60
171	Spices Hotel	5, Lorong Lumut, George Town	10200	Timur Laut	15
172	Luxfort 118 Service Suites	118, Island Plaza, Jalan Tanjong Tokong	10470	Timur Laut	15
173	Charlies Budget Hotel	6, Lebuh Pasar, George Town	10200	Timur Laut	18
174	Museum Hotel	No. 72, Jalan A.S Mansoor, Off Transfer Road, George Town	10050	Timur Laut	29
175	Siok Hostel	458, Chulia Street, George Town	10200	Timur Laut	6
176	1881 Chong Tian Hotel	38, 40 & 42, Jalan Pintal Tali, George Town	10100	Timur Laut	20
177	Heritage Sixteen	16, Lebuh Carnarvon, George Town	10100	Timur Laut	22

Bil.	Nama Pemis	Alamat	Poskod	Daerah	Jumlah Bilik
178	Old Penang Hotel	3, Jalan Jalan Kampung Jawa Lama, George Town	10150	Timur Laut	23
179	Mango Tree Place Hideaway	494, Lebuh Pantai, George Town	10300	Timur Laut	5
180	Hotel Chennai	28, Lebuh Penang	10200	Timur Laut	34
181	Max Ferringhi Hotel	11a, Lorong Sungai Emas, Kawasan Perumahan Sungai Emas, Batu Ferringgi	11100	Timur Laut	19
182	Lang Hoose	269, Lebuh Pantai, George Town	10300	Timur Laut	8
183	B Street Hotel	No. 263, Lebuh Pantai, George Town	10300	Timur Laut	16
184	Tanjung Point	508, Jalan Tanjong Tokong, Tanjong Tokong	10470	Timur Laut	98
185	Savv Hotel	No. 39c, Weld Quay, George Town	10300	Timur Laut	43
186	Wifi Hotel	136, Jalan Gurdwara, George Town	10300	Timur Laut	43
187	SO Hotel	No. 90, Siam Road, George Town	10400	Timur Laut	25
188	Link Hotel	90, Jalan Rangoon, George Town	10400	Timur Laut	24
189	Wassup Youth Hostel	495e, Jalan Penang, George Town	10000	Timur Laut	34
190	Station Budget Hotel	78, Jalan Batu Ferringgi	11100	Timur Laut	21
191	Tien Hotel	348, Tingkat 1, Lebuh Chulia, George Town	10200	Timur Laut	11
192	The Campbell Times Hotel	112, Campbell Street, George Town	10100	Timur Laut	14
193	Ke-Lan-Tan House	27, Kelantan Road, George Town	10050	Timur Laut	10
194	Kim Haus Hotel	No. 9 & 11, Lebuh Campbell, George Town	10100	Timur Laut	31
195	Seriental Hotel	101, Jalan Tanjong Bungah, Jalan Tanjong Tokong	10470	Timur Laut	21
196	Inn Residence 18	103, Lebuh Cintra, George Town	10100	Timur Laut	18
197	Atta Hotel	412a-2-1, Jalan Bukit Dumbar, George Town	11600	Timur Laut	49

Bil.	Nama Pemis	Alamat	Poskod	Daerah	Jumlah Bilik
198	Loop Hotel	No. 29, Lebuh Leith, George Town	10200	Timur Laut	140
199	Summer Tree Hotel Penang	No. 52-A, B, C, D, E, F & G, Jalan Rangoon, George Town	10400	Timur Laut	78
200	Brown Hotel	86, Jalan Perak, George Town	10150	Timur Laut	51
201	Courtyard By Marriott Penang	218d, Jalan Macalister, Tropicana 218 Macalister, George Town	10400	Timur Laut	199
202	OZO Georgetown Penang	No. 166, Jalan Argyll, George Town	10500	Timur Laut	141
203	Cheong Fatt Tze – The Blue Mansion	14, Lebuh Leith, George Town	10200	Timur Laut	18
204	De View Hotel	18, Jalan Pasar, 11500 Ayer Itam	11500	Timur Laut	195
205	Hillside Retreat	Hillside, Jalan Tunnel, Bukit Bendera	11300	Timur Laut	8
206	Le Embassy Hotel	12, Jalan Burma	10050	Timur Laut	33
207	Hotel Palm Mansion Suites	76-88, Lebuh China	10200	Timur Laut	7
208	The Jour’ney Hotel	60-60A Transfer Road	10500	Timur Laut	49
209	Great Shanghai Guest House	50 & 52, Lebuh Leith	10200	Timur Laut	4
210	MoonTree 47	47, Muntri Street	10200	Timur Laut	8
211	Macalister Terraces Hotel	71, Lorong Macalister	10400	Timur Laut	20
212	Mansion One Suites	57-G-1, Mansion One, Jalan Sultan Ahmad Shah	10500	Timur Laut	34
213	Wang’s Hotel	75 Persiaran Gurney	10250	Timur Laut	40
214	Wang's Heritage Hotel @ Deluxcious	15, Jalan Sultan Ahmad Shah	10050	Timur Laut	19

2. Daerah Barat Daya (Jumlah - 21)

Bil.	Nama Pemis	Alamat	Poskod	Daerah	Jumlah Bilik
1	Equatorial Hotel Penang	No. 1, Jalan Bukit Jambul, Bayan Lepas	11900	Barat Daya	662
2	Eastin Hotel Penang	No. 1, Solok Bayan Indah Queensbay, Bayan Lepas	11900	Barat Daya	328
3	Apple 1 Hotel	No. 77, Persiaran Bayan Indah, Bayan Lepas	11900	Barat Daya	20
4	Olive Tree Hotel	No. 76, Jalan Mahsuri, Bayan Lepas	11950	Barat Daya	246
5	Hotel Seri Malaysia Pulau Pinang	No. 7, Jalan Mayang Pasir 2, Bayan Baru	11950	Barat Daya	150
6	Lexis Suites Penang	No. 28, Jalan Teluk Kumbar, Bayan Lepas	11920	Barat Daya	221
7	The Corum View Hotel	90, Jalan Mayang Pasir, Taman Sri Tunas, Bayan Baru	11950	Barat Daya	44
8	M Qube Hotel	No. 22-A, B, C & D, Jalan Aziz Ibrahim, Bayan Lepas	11900	Barat Daya	2
9	Malihom Private Estate	168, Bukit Penara, Mukim 6, Balik Pulau	11000	Barat Daya	8
10	Econtel Hotel	No. 64, Persiaran Bayan Indah, Bayan Lepas	11900	Barat Daya	20
11	Eco Capsule Resort	Lorong Rimba, Off Jalan Teluk Bahang	11050	Barat Daya	19
12	Hotel Pen Mutiara	Aras 2, Wisma Nelayan, Pelabuhan Lkim Batu Maung, Bayan Lepas	11960	Barat Daya	34
13	Boulder Valley Glamping	8, Jalan Teluk Bahang, Teluk Bahang	11050	Barat Daya	25
14	D' Nice Hotel	72-1-63a, 72-1-65, 72-2-63a & 72-2-65, Arena Curve, Jalan Mahsuri, Batu Maung, Bayan Lepas	11950	Barat Daya	20
15	DD Hotel	2-G-12a, Solok Mayang Pasir, Bayan Lepas	11950	Barat Daya	17
16	Super 8 Hotel (Bayan Baru)	2-G-2, Solok Mayang Pasir, Bandar Bayan Baru	11950	Barat Daya	40
17	Sea Princess Hotel	811-A, Jalan Hassan Abbas, Teluk Bahang	11050	Barat Daya	18

Bil.	Nama Pemis	Alamat	Poskod	Daerah	Jumlah Bilik
18	Bahang Bay Hotel	No. 15, Jalan Teluk Bahang, Teluk Bahang	11050	Barat Daya	160
19	Angsana Teluk Bahang	No. 11, Jalan Teluk Bahang, Balik Pulau	11050	Barat Daya	250
20	DR Hotel	No. 12-A, B & C, Lintang Sungai Tiram 5, Bayan Lepas	11900	Barat Daya	26
21	Raia Hotel Pulau Pinang	Lot 5789 & 5790 Jalan Dato Ismail Hashim	11900	Barat Daya	134

3. Daerah Seberang Perai Selatan (Jumlah - 12)

Bil.	Nama Pemis	Alamat	Poskod	Daerah	Jumlah Bilik
1	Galaxy Hotel	42, Lorong Tambun Permai 1, Pusat Perniagaan Tambun Permai, Simpang Ampat	14100	Seberang Perai Selatan	48
2	D' Jawi Bella Hotel	Jalan Besar, Sungai Jawi	14200	Seberang Perai Selatan	20
3	OMG Hotel	No. 1, Jalan Perniagaan Seri Tambun, Pusat Perniagaan Seri Tambun, Simpang Ampat	14100	Seberang Perai Selatan	94
4	JV Hotel Bandar Tasik Mutiara	165, Lorong 7/Ss1, Bandar Tasik Mutiara, Simpang Ampat	14120	Seberang Perai Selatan	48
5	Juru Hotel	No. 655, Jalan Juru, Taman Mengkudu, Simpang Ampat	14100	Seberang Perai Selatan	24
6	JV Hotel @ Simpang Ampat	No. 1712, Jalan Simpang Ampat, Simpang Ampat	14100	Seberang Perai Selatan	42
7	OM Hotel	22, Lorong Tambun Indah 19, Pusat Perniagaan Indah, Simpang Ampat	14100	Seberang Perai Selatan	21
8	No. 31 Maple Inn	31, Jalan Bukit Tambun, Taman Tambun Indah, Simpang Ampat	14100	Seberang Perai Selatan	25
9	Hotel New Town	2 - 2f, Jalan Gemelan Indah 1, Taman Gamelan Indah, Sungai Bakap	14200	Seberang Perai Selatan	26

10	Bukit Jawi Golf Resort	Lot 414, Mukim 6, Jln Paya Kemain Sempayi, Sungai Jawi	14200	Seberang Perai Selatan	66
11	Thanks Hotel	29, Jalan Pekaka 5, Taman Perkaka, Nibong Tebal	14300	Seberang Perai Selatan	20
12	The Upper House	22a, Jalan Vervea 10, Vervea, Bandar Cassia	14100	Seberang Perai Selatan	89

4. Daerah Seberang Perai Tengah (Jumlah - 45)

Bil.	Nama Pemis	Alamat	Poskod	Daerah	Jumlah Bilik
1	Sunway Hotel Seberang Jaya	No.11, Lebuh Tenggiri 2, Pusat Bandar Seberang Jaya, Prai	13700	Seberang Perai Tengah	202
2	Pearl View Hotel	2933, Jalan Baru, Prai	13600	Seberang Perai Tengah	402
3	Golden Wheel Hotel	553, Jalan Sungai Rambai, Bukit Mertajam	10400	Seberang Perai Tengah	50
4	Kim Sun Hotel	80, Jalan Bungan Raya, Bukit Mertajam	14000	Seberang Perai Tengah	40
5	The Summit Hotel Bukit Mertajam	566, Jalan Arumugam Pillai, Bukit Mertajam	14000	Seberang Perai Tengah	27
6	Golden Nasmir Hotel	No. 1639 & 1640, Tingkat Bawah, Jalan Perusahaan Bukit Tengah, Taman Pelangi, Bukit Mertajam	13600	Seberang Perai Tengah	46
7	My Hotel	No. 2, Lorong Seri Jaya, Tmn. Seri Jaya, Tmn Seri Jaya, Bukit Mertajam	14000	Seberang Perai Tengah	49
8	Hotel Prai Jaya	2791, Jalan Chain Ferry, Taman Inderawasih, Prai	13600	Seberang Perai Tengah	90
9	Ixora Hotel	3096, Jalan Baru, Bandar Perai Jaya, Prai	13600	Seberang Perai Tengah	33
10	Hotel Enrich	Lot Nos 6422&6424, Both of Mukim 11, Tmpt Bukit Tgh (Plot 12), Seberang Jaya	13600	Seberang Perai Tengah	208

Bil.	Nama Pemis	Alamat	Poskod	Daerah	Jumlah Bilik
11	Hotel Palm Inn	No. 1620, Jalan Permatang Batu, Taman Industri Permatang Batu, Bukit Mertajam	14000	Seberang Perai Tengah	280
12	Sri Indar Hotel	554-555, Jalan Sungai Rambai, Bukit Mertajam	14000	Seberang Perai Tengah	30
13	My Hotel	No. 2, Lorong Seri Jaya, Tmn. Seri Jaya, Bukit Mertajam	14000	Seberang Perai Tengah	10
14	The Light Hotel	Lot 3862, Lebuh Tenggiri 2, Bandar Seberang Jaya, Prai	13700	Seberang Perai Tengah	303
15	E-Red Hotel	40, 42, 44, Lorong Perda Selatan 1, Bandar Perda, Bukit Mertajam	14000	Seberang Perai Tengah	27
16	BG Business Hotel	7, 9, 11a, 15, Jalan Perniagaan Perda Barat, Kawasan Perniagaan Perda Barat, Bukit Mertajam	14000	Seberang Perai Tengah	48
17	Iconic Hotel	No. 71, Jalan Icon City, Icon City, Bukit Mertajam	14000	Seberang Perai Tengah	195
18	The Blanket Hotel	No.95, Jalan Todak 6, Pusat Bandar Seberang Jaya, Prai	13700	Seberang Perai Tengah	40
19	Vangohh Premier Hotel	3406, Jalan Machang Bubok 2, Bukit Mertajam	14020	Seberang Perai Tengah	39
20	Grand Orient Hotel Perai	No. 3079, Jalan Laguna 1, Prai	13700	Seberang Perai Tengah	46
21	Hotel Alpha	No. 8 & 10, Jln Perda Barat, Bandar Perda, Bukit Mertajam	14000	Seberang Perai Tengah	31
22	E-Red Hotel	22a, Jalan Bayu Mutiara 1, Taman Bayu Mutiara, Bukit Mertajam	14000	Seberang Perai Tengah	27
23	WE Hotel	No. 4, 6, 8, Lorong Arowana 3, Kawasan Perniagaan Arowana, Permatang Pauh	13500	Seberang Perai Tengah	51

Bil.	Nama Pemis	Alamat	Poskod	Daerah	Jumlah Bilik
24	U Design Hotel	2638, Jalan Maju, Pusat Perniagaan Maju Jaya, Bukit Mertajam	14000	Seberang Perai Tengah	32
25	Starway Hotel	No. 18, 20, 22, 24, Jalan Bukit Minyak 1, Taman Bukit Minyak, Bukit Mertajam	14000	Seberang Perai Tengah	10
26	Lapan Puluh Lapan Motel	7, Lorong Kelasah 1, Taman Kelasah, Seberang Jaya	13700	Seberang Perai Tengah	24
27	Chariton Hotel Alma	No. 31, Lorong Seri Impian 2, Taman Seri Impian, Bukit Mertajam	14000	Seberang Perai Tengah	38
28	Pice Hotel	No. 11a, Medan Limau Emas, Pusat Perniagaan Limau Manis, Bukit Mertajam	14000	Seberang Perai Tengah	50
29	Hotel Seri Pauh	No. 15, Lorong Pauh Jaya 1/2, Taman Pauh Jaya	13700	Seberang Perai Tengah	21
30	Poon Soon Green Park	2817a, Jalan Rozhan, Bukit Mertajam	14000	Seberang Perai Tengah	15
31	S Hotel	22, Jalan Todak 5, Seberang Jaya	13700	Seberang Perai Tengah	30
32	Luscious Hotel	No. 2178, Jalan Bukit Minyak, Kawasan Perniagaan Asas Murni, Bukit Mertajam	14000	Seberang Perai Tengah	27
33	SE Hotel	1276 Jalan Baru, Taman Emas, Prai	13600	Seberang Perai Tengah	48
34	Hotel Inderawasih	2815, Jalan Chain Ferry, Taman Inderawasih, Perai	13700	Seberang Perai Tengah	19
35	Adamson Inn	No. 3, Jalan Desa Pauh 1, Taman Desa Pauh, Bukit Mertajam	13500	Seberang Perai Tengah	29
36	E-Red Hotel @ Bukit Mertajam	No. 32, Lorong Seri Alma, Pusat Perniagaan Seri Alma, Bukit Mertajam	14000	Seberang Perai Tengah	78

Bil.	Nama Pemis	Alamat	Poskod	Daerah	Jumlah Bilik
37	Marvelton Hotel	1 & 3, Lorong Kelasah 2, Taman Kelasah, Seberang Jaya	13700	Seberang Perai Tengah	33
38	Mode Inn	41, Jalan Icon City, Bukit Mertajam	14000	Seberang Perai Tengah	30
39	Masson Hotel	24, Jalan Todak 2, Seberang Jaya, Prai	13700	Seberang Perai Tengah	39
40	Wesley Hotel	No. 33, Jalan Juru Sentral, Juru Sentral, Bukit Mertajam	14000	Seberang Perai Tengah	60
41	Sunshine Motel	No. 4,6,8,10,12 Tingkat 1, Lorong Kampung Baru Satu, Jalan Kampung Baru	14000	Seberang Perai Tengah	25
42	The Grand Mulia	494, Mk21, Bukit Berangan. Guar Perahu,	14000	Seberang Perai Tengah	16
43	DCozy Hotel	1, Lebuh Kurau 5, Taman Chai Leng	13700	Seberang Perai Tengah	36
44	Atta Hotel Bukit Mertajam	11, Solok betek 1, Taman Seri Jaya	14000	Seberang Perai Tengah	50
45	Sky Residence Prai Managed by The Ascott Limited	Lot 50522, Mukim 11, Jalan Kebun Nenas	14000	Seberang Perai Tengah	168

5. Daerah Seberang Perai Utara (Jumlah - 21)

Bil.	Nama Pemis	Alamat	Poskod	Daerah	Jumlah Bilik
1	Hotel Apollo	4475, Jalan Kg. Benggali, Butterworth	12200	Seberang Perai Utara	10
2	Lodge 18 Hotel	1, Lorong Bagan Luar Satu, Butterworth	12000	Seberang Perai Utara	54
3	Beauty House Hotel & Restaurant	4267, Jalan New Ferry, Butterworth	12100	Seberang Perai Utara	76
4	Gold City Hotel	4907, Tingkat 1, Jalan Kg. Benggali, Butterworth	12200	Seberang Perai Utara	5
5	King Wah Hotel & Restaurant	3871, Jalan Pasar, Butterworth	12200	Seberang Perai Utara	10

Bil.	Nama Pemis	Alamat	Poskod	Daerah	Jumlah Bilik
6	Chariton (Butterworth)	1, Lorong Jermal Indah, Taman Jermal Indah, Butterworth	12300	Seberang Perai Utara	50
7	Hotel Palm Inn	4802, Jalan Bagan Luar, Butterworth	12000	Seberang Perai Utara	68
8	Aroma Business Hotel	11, Butterworth Business City Centre, Jalan Raja Uda, Butterworth	12300	Seberang Perai Utara	306
9	Marina Oriental Hotel	No. 4907, Jalan Kampong Benggali, Butterworth	12200	Seberang Perai Utara	10
10	Grand De' Garden Hotel	Lorong Cempa (Off Jalan Telaga Air), Butterworth	12200	Seberang Perai Utara	123
11	Hotel Seri Malaysia Kepala Batas	No.2, Jalan Usahawan 5, Pusat Perniagaan Dato' Kailan, Kepala Batas	13200	Seberang Perai Utara	100
12	T+ Hotel	4476, 4477, 4478 Jalan Bagan Luar, Butterworth	12000	Seberang Perai Utara	45
13	Spm Rafikali Motel	2148, Jalan Bertam, Kepala Batas	13200	Seberang Perai Utara	10
14	At Taqwa Inn	Koperasi Qaryah Masjid Taman Bertam Indah, Kepala Batas Berhad, Taman Bertam Indah, Kepala Batas	13200	Seberang Perai Utara	6
15	Spring Motel	8, Jalan Usahawan 2, Kompleks Dato' Kailan, Kepala Batas	13200	Seberang Perai Utara	8
16	Veenai Hotel	5017, Jalan Bagan Luar, Butterworth	12000	Seberang Perai Utara	36
17	River Inn Hotel	No. 5087, Jalan New Ferry, Taman Jawa, Butterworth	12100	Seberang Perai Utara	40
18	Hotel Jannah	No. 51, Jalan Perdagangan 10, Pusat Perdagangan Bertam Perdana, Kepala Batas	13200	Seberang Perai Utara	22
19	Hotel Kamelia	No. 2, Jalan Perdagangan 10, Pusat Perdagangan Bertam Perdana, Kepala Batas	13200	Seberang Perai Utara	22
20	Hotel Fuhow	4121, Jalan B.H. Oon, Off Jalan Talikom, Butterworth	12000	Seberang Perai Utara	14

Bil.	Nama Pemis	Alamat	Poskod	Daerah	Jumlah Bilik
21	JJ Hotel	59a, Jalan Raja Uda, Pusat Perniagaan Raja Uda, Woolley Avenue, Butterwoth	12300	Seberang Perai Utara	12

11. Apakah status Loji Rawatan Sisa Ternakan Berpusat di Kampung Valdor?

(a) Berapakah pengusaha ladang ternakan babi yang menyertai projek ini?

(b) Siapakah bertanggungjawab melakukan penguatkuasaan terhadap pengusaha yang mencemari saliran dan apakah tindakannya?

(c) Apakah rancangan untuk menangani pencemaran air di Parit D3 dan Sungai Jawi?

JAWAPAN OLEH YAB. KETUA MENTERI:

11. Cadangan Projek Stesen Janakuasa 1 Megawatt Elektrik Berasaskan Biogas dan Biomass Sisa Ternakan di Kampung Valdor, Seberang Perai Selatan (SPS), Pulau Pinang merupakan inisiatif oleh Syarikat Timeless Green Sdn. Bhd. Pelaksanaan projek ini merupakan satu kaedah bagi mengalihkan (*diversion*) sisa kumbahan ladang ternakan dari disalur terus (*direct discharge*) ke sistem perparitan dan sungai.

Berdasarkan perancangan asal, Stesen Janakuasa Biogas dan Biomass Sisa Ternakan di Kampung Valdor dijadualkan beroperasi pada April 2019. Walau bagaimanapun, pelaksanaan projek ini terpaksa ditangguhkan bagi memenuhi kehendak tambahan kepada Laporan Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling (EIA) sedia ada yang disyaratkan oleh Jabatan Alam Sekitar (JAS) melibatkan isu pelepasan air kumbahan dari loji dan tambahan komponen Laporan Impak Sosial (SIA) yang perlu disertakan dalam laporan keseluruhan EIA.

Pelaksana projek telah membentangkan laporan keseluruhan EIA sebagaimana yang disyaratkan oleh JAS dan jabatan-jabatan teknikal berkaitan pada 31 Disember 2019. Berikutan pembentangan tersebut, pelaksana projek telah diminta untuk membuat beberapa pindaan tambahan kepada laporan EIA berdasarkan ulasan daripada setiap jabatan teknikal berkaitan. Pelaksana projek telah mengemukakan laporan EIA berserta pindaan sewajarnya kepada ibu pejabat JAS pada 7 Februari 2020.

Susulan semakan JAS, pelaksana projek telah sekali lagi diminta untuk mengemaskini dan mengemukakan semula laporan EIA berserta pindaan berdasarkan ulasan-ulasan terkini khususnya melibatkan isu langkah-langkah kawalan pencemaran dari loji stesen janakuasa. Pelaksana projek telah mengemukakan semula laporan EIA terkini yang dikemaskini kepada JAS pada 14 September 2020.

JAS melalui surat bertarikh 22 Januari 2021 telah meluluskan laporan EIA dibawah Seksyen 34A(3), Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dengan syarat-syarat kelulusan yang perlu dipatuhi.

Pelaksana projek menganggarkan kerja pecah tanah dan kerja-kerja tapak boleh dimulakan 3 bulan selepas arahan PKP ditarik balik. Kerja pembinaan dijangka mengambil masa selama 1 tahun dimana jangkaan akan mula beroperasi pada suku keempat tahun 2022.

(a) Sejumlah 39 pengusaha ladang ternakan babi yang menyertai projek ini.

(b) Tindakan penguatkuasaan terhadap pengusaha yang mencemari saliran boleh diambil melalui Enakmen Penternakan Babi Negeri Pulau Pinang 2016 yang mula berkuatkuasa pada 1 Januari 2020. Enakmen ini mewajibkan penternak untuk menaik taraf ladang sedia ada sebelum 1 Januari 2022 kepada Modern Pig Farming (MPF) yang mempunyai empat (4) kriteria seperti berikut:-

(i) Menaik taraf kepada sistem kandang tertutup;

(ii) Zon penampan dengan jarak 200 meter;

(iii) Mengguna pakai sistem kumbahan sifar; dan

(iv) Amalan penternakan yang baik.

Tindakan penguatkuasaan akan dilaksanakan ke atas penternak-penternak yang gagal melaksanakan MPF bermula 1 Januari 2022.

(c) Rancangan untuk menangani pencemaran air di Parit D3 dan Sungai Jawi melalui Jabatan Pengairan dan Saliran pada tahun 2021 adalah seperti berikut:-

(i) Kerja-kerja mendalam parit-parit kawasan Bukit Tambun dengan kos RM 124,100.00;

(ii) Kerja-kerja mendalam dan membaiki Sungai Jawi dengan kos RM 153,140.00.

12. Huraikan status pemutihan reban ayam.

(a) Huraikan kaedah-kaedah Enakmen Perladangan Unggas dan tarikh penguatkuasaan.

(b) Huraikan Taman Kekal Pengeluaran Ayam Jawi dalam Deraf Rancangan Tempatan?

(c) Apakah cadangan penternakan lembu secara berpusat?

JAWAPAN OLEH YAB. KETUA MENTERI:

12. Kerajaan Negeri sentiasa mengambil tindakan proaktif ke arah memastikan industri ternakan ayam di Pulau Pinang sentiasa berdaya saing dan beroperasi berpandukan amalan terbaik dalam sektor ternakan. Justeru itu, proses pemutihan reban ayam telah dilaksanakan bagi memastikan kesemua penternak ayam mendaftar reban ayam mereka. Menurut data daripada pihak Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) sehingga bulan Ogos 2021, proses pemutihan reban ayam yang telah dilaksanakan di Seberang Perai melibatkan sebanyak 309 buah ladang ayam. Daripada keseluruhan ladang tersebut, sebanyak 30 ladang telah pun mengemukakan pelan bangunan bagi tujuan menaik taraf kepada sistem reban tertutup. Daripada 30 buah ladang tersebut, 23 pelan bangunan telah diberikan kelulusan manakala permohonan bagi tujuh (7) buah ladang sedang diproses.

Bagi ladang ayam yang belum mengemukakan pelan bangunan, pengusaha masih boleh mengemukakan pelan bangunan dengan mendapat pengecualian Pelan Kebenaran Merancang (PKM) sehingga 31 Disember 2021.

(a) Buat masa sekarang, Peraturan-Peraturan Pengawalan Perladangan Unggas masih dalam proses pemurnian draf oleh pihak Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) Negeri Pulau Pinang. Draf yang sama juga masih dalam proses semakan dan pindaan yang melibatkan Pejabat Penasihat Undang-Undang (PPUU) Negeri

dan JPV Negeri Pulau Pinang. Memandangkan dokumen Peraturan-Peraturan Pengawalan Perladangan Unggas masih dalam penyediaan draf, tarikh penguatkuasaan masih belum diputuskan.

(b) Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM) adalah kawasan yang telah diwartakan sama ada di peringkat persekutuan atau kerajaan negeri bagi tujuan pengeluaran makanan. TKPM boleh bersifat khusus bagi satu-satu tujuan seperti pertanian (Contoh: TKPM Ara Kuda) atau gabungan pelbagai komoditi dalam satu TKPM (Pertanian dan penternakan misalnya di Batu Kawan *Agro Park*) atau pelbagai jenis ternakan dalam komoditi yang sama (ternakan seperti ayam, lembu dan kambing di TKPM Sungai Blakan, Selangor).

Taman Kekal Pengeluaran Ayam (TKPA) Jawi dalam Draf Rancangan Tempatan dirancang untuk dilaksanakan di Kampung Jawi melibatkan kawasan seluas 50 hektar, bersebelahan dengan kawasan Estet Kelapa Sawit Lai Hong. Walau bagaimanapun, kawasan ini melibatkan proses pengambilan semula tanah oleh pihak kerajaan.

(c) Cadangan penternakan lembu secara berpusat juga turut dicadangkan di bawah Draf Rancangan Tempatan Seberang Perai 2030 oleh MBSP. Cadangan Meningkatkan Pengeluaran Lembu Secara Intensif Dan Integrasi Di Kawasan Pertanian secara *zero waste* dan *amalan Good Animal Husbandry Practices* (GAHP) yang mengkhususkan penglibatan penternak di daerah Seberang Perai Utara (SPU) dan Seberang Perai Selatan (SPS) ini dicadangkan untuk dilaksanakan di Mukim 6, SPS. Walau bagaimanapun, buat masa sekarang, cadangan ini masih diperhalusi bagi menentukan kawasan cadangan yang sesuai untuk melaksanakan cadangan penternakan lembu secara berpusat ini.

13. Huraikan taburan penternakan udang harimau di Pulau Pinang?

(a) Nyatakan hasil jualan tahunan.

(b) Apakah status projek ZIA di Penaga?

(c) Adakah projek ZIA akan dicadangkan Sungai Acheh?

JAWAPAN OLEH YAB. KETUA MENTERI:

13. (a) Industri ternakan udang harimau di Pulau Pinang hanya terdapat di dua (2) daerah di Pulau Pinang iaitu di Daerah Barat Daya yang melibatkan lima (5) orang pengusaha dan di Daerah Seberang Perai Tengah yang melibatkan tiga (3) orang pengusaha.

Perincian hasil jualan tahunan bagi tiga (3) tahun terkini adalah seperti berikut:

Bil.	**Tahun**	**Berat (MT)**	**Nilai (RM)**
1.	2018	516.22	16,519,134.82
2.	2019	829.86	20,746,595.48
3.	2020	404.87	10,121,710.85

(b) Buat masa sekarang, Projek Zon Industri Akuakultur (ZIA) Penaga masih berada di peringkat kajian Penilaian Impak Alam Sekitar Terperinci (*Detailed Environmental Impact Assessment* – DEIA) oleh pihak juru perunding. Secara dasarnya, Kerajaan Negeri telah memutuskan bahawa pelaksanaan Projek ZIA ini adalah tertakluk kepada kelulusan kajian *Environmental Impact Assessment* (EIA) Jadual-2 terlebih dahulu. Mesyuarat Penyelarasan Penyediaan Laporan EIA juga telah diadakan pada 10 Jun 2021 bersama wakil jabatan/agensi teknikal, wakil juru perunding serta wakil peserta projek bagi menyelaras penyediaan Laporan EIA tersebut. Permohonan Kebenaran Merancang akan dikemukakan kepada Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) berdasarkan Laporan Cadangan Pembangunan (LCP) projek yang telah disediakan oleh jurutera perunding. Surat untuk menyokong pewartaan Zon Paya Bakau Penaga sebagai kawasan perlindungan burung hijrah (*migratory birds)* TAPAK RAMSAR dalam Pelan Tempatan Seberang Perai telah dihantar oleh EXCO Agroteknologi dan Keselamatan Makanan, Pembangunan Luar Bandar dan Kesihatan kepada Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP). Keratan Draf Rancangan Tempatan Seberang Perai 2030 dilampirkan dalam **LAMPIRAN A.**


(c) Setakat ini, tiada sebarang cadangan untuk menjadikan kawasan di Sungai Acheh sebagai kawasan ZIA kerana kawasan tersebut telah dicadang untuk dijadikan kawasan rizab hutan simpan. Selain itu, berdasarkan kepada Rancangan Struktur Negeri Pulau Pinang 2030 (RSNPP 2030), tiada sebarang perancangan khusus untuk menjalankan projek ZIA di kawasan Sungai Acheh.

LAMPIRAN A

KERATAN DRAF RANCANGAN TEMPATAN SEBERANG PERAI 2030

4 MENGEKAL DAN MENGURUS KAWASAN EKOLOGI SEMULA JADI

- Pengekalan dan Penambahan Kawasan Hutan Simpan Kekal (HSK).
- Mewartakan Kawasan Hutan Tanah Negeri di Sekeliling Kawasan Hutan Simpan Bukit Mertajam dan Bukit Seraya.
- Mencalonkan Hutan Paya Laut Pasir Gebu, Lahar Endin, dan Kuala Bekah Sebagai Kawasan Tapak RAMSAR.
- Mewartakan Sebahagian Kawasan Sungai Kerian bagi Tujuan Pemeliharaan Kelip-Kelip.
- Mewujud dan Menyelia Zon Penampan di Persekitaran KSAS Berkepentingan Tinggi.
- Penanaman Semula Pokok bagi Tujuan Rehabilitasi dan Penjanaan Semula.




T3-02-1
Mengekal dan Mengurus Kawasan Ekologi Semula Jadi

Tindakan 1
Pengekalan dan Penambahan Kawasan Hutan Simpan Kekal (HSK)

Tindakan 2
Mewartakan Kawasan Hutan Tanah Negeri di Sekeliling Kawasan Hutan Simpan Bukit Mertajam dan Bukit Seraya

Tindakan 3
Mencalonkan Hutan Paya Laut Pasir Gebu, Lahar Endin, Kuala Bekah dan Hutan Pelajaran Air Hitam Dalam Sebagai Kawasan Tapak RAMSAR

Tindakan 4
Mewartakan Sebahagian Kawasan Sungai Kerian bagi Tujuan Pemeliharaan Kelip-Kelip



14. Apakah status cadangan rumah pangsa Kos Rendah oleh Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) di Taman Murai Jaya?

(a) Mekanisme agihan pembeli bagi projek ini?

(b) Nyatakan jumlah pemohon yang dalam senarai menunggu mengikut daerah?

(c) Apakah tindakan Lembaga Perumahan Negeri untuk menangani pemohon yang layak tetapi gagal mendapat pinjaman bank?

JAWAPAN OLEH YAB. KETUA MENTERI:

14. Cadangan pembinaan 36 unit Rumah Mampu Milik (RMM) A di Lot 5308, Lorong Murai Jaya, Simpang Ampat seluas 0.8 ekar akan diteruskan di mana yang terkini tanah tersebut telah diputuskan oleh Kerajaan Negeri untuk dipindah milik kepada Lembaga Perumahan Negeri Pulau Pinang (LPNPP), manakala Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) bertindak selaku Pengurus Projek ini sedang dalam penyediaan dokumen tender. Tempoh pembinaan dijadualkan mengambil masa 36 bulan dimana projek dijangka dapat disiapkan pada hujung 2024 dengan kos RM7.0 juta.

(a) Unit RMM A ini akan diagihkan selaras Dasar Perumahan Negeri Pulau Pinang dimana senarai menunggu terkini di daerah Seberang Perai Selatan berjumlah 1,291 akan dibentangkan kepada Jawatankuasa Pemilikan dan Peningkatan Mutu Proses Pemilihan Perumahan (JPPPP)/*Selection and Processs Enhancing Committee* (SPEC) untuk perakuan sebelum tawaran dikeluarkan kepada mereka yang layak.

(b) Senarai menunggu terkini RMM A, B dan C mengikut daerah berjumlah 42,562 dengan pecahan mengikut kategori dan daerah seperti berikut:

BIL	DAERAH POHON	KATEGORI RMM				
		RMM A	RMM B	RMM C1	RMM C2	RMMC3
1	DAERAH TIMUR LAUT	2581	11011	734	3499	3988
2	DAERAH BARAT DAYA	3436	1857	279	845	995
3	SEBERANG PERAI TENGAH	2317	900	146	542	412
4	SEBERANG PERAI UTARA	2563	1141	184	771	1035
5	SEBERANG PERAI SELATAN	1291	1252	121	529	223
JUMLAH		**12188**	**16161**	**1464**	**6186**	**6653**
JUMLAH KESELURUHAN		**42562**				

(c) Penolakan pembiayaan kewangan merupakan antara faktor tertinggi penolakan tawaran RMM dari Kerajaan Negeri. Bagi menangani masalah ini, Kerajaan Negeri telah memperkenalkan semula kaedah Sewa Beli (*Rent To Own*) pada tahun 2014 di mana dua (2) projek perintis di daerah Seberang Perai Selatan iaitu Taman Seruling Emas dan Taman Sungai Duri Permai telah dilancarkan dan mendapat sambutan menggalakkan. Projek terbaharu di daerah Seberang Perai Selatan yang ditawarkan dengan kaedah Sewa Beli Taman Sejahtera Rakyat, Kampung Kepala Gajah sebanyak 41 unit. Daerah Seberang Perai Selatan turut menerima keutamaan penawaran unit secara kaedah Sewa Beli ini dimana pemajuan RMM A di Kampung Ladang Byram sebanyak 68 unit dan Taman Murai Jaya sebanyak 36 unit juga dicadangkan untuk ditawarkan secara sewa beli kelak. Keupayaan

kewangan akan diberi perhatian sewajarnya agar kaedah Sewa Beli ini dapat diperluaskan ke semua daerah terutama yang mempunyai permintaan tinggi. Aspek kawalan unit juga lebih baik di bawah kaedah Sewa Beli ini dimana sekiranya unit ini didapati disewakan *(sublet)*, Kerajaan Negeri berhak untuk membatalkan perjanjian dan menarik balik unit berkenaan. Kerajaan Negeri sememangnya akan meneruskan usaha menambah bekalan Rumah Mampu Milik khususnya RMM A dan B khususnya bagi penawaran secara kaedah Skim Sewa Beli bagi membantu masalah pembiayaan perumahan kali pertama.

15. Apakah status pengambilan balik tanah oleh Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) di sepanjang Jalan Paboi?

    (a) Mengapakah proses pengambilan ini tertangguh sekian lama?

    (b) Adakah PDC bersedia menghadapi kemungkinan tindakan perundangan oleh pemilik-pemilik?

    (c) Apakah perancangan sebenar PDC ke atas kawasan ini?

JAWAPAN OLEH YAB. KETUA MENTERI

15. Pengambilan balik tanah oleh Perbadanan Pulau Pinang (PDC) di sepanjang Jalan Paboi dalam proses pewartaan semula di bawah Seksyen 4, Akta Pengambilan Tanah (APT) 1960.

    (a) Pengambilan tanah tertangguh atas beberapa faktor utama yang merangkumi:-

        (i) Permohonan peruntukan kos pengambilan tanah di bawah Rancangan Malaysia Ke-12; dan

        (ii) Pelaksanaan kajian *Traffic Impact Assessment* (TIA) untuk mengenalpasti keperluan pelaksanaan projek ini.

    (b) Setiap projek pengambilan tanah akan melalui proses berdasarkan peruntukan di bawah Akta Pengambilan Tanah 1960 (Akta 486). Oleh yang demikian, segala tindakan perundangan atau bantahan daripada pemilik tanah atau pihak berkepentingan merupakan sebahagian daripada proses pengambilan ini.

    (c) Pengambilan tanah ini adalah untuk cadangan persimpangan bertingkat baharu bagi tujuan penyuraian trafik keluar masuk ke Bandar Cassia dan Bukit Tambun.

16. Apakah perancangan baki tanah Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) di Batu Kawan?

    (a) Adakah PDC sendiri akan melaksanakan pembangunan hartanah bukan Perumahan Mampu Milik (RMM)?

    (b) Huraikan jadual pelaksanaan kerja-kerja tambun tanah di Batu Kawan dan Byram.

    (c) Huraikan pengurusan trafik lori tanah merah.

JAWAPAN OLEH Y.A.B. KETUA MENTERI

16. Setakat bulan Julai 2012, perancangan bagi anggaran baki tanah (*non-committed development land)* Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) di Batu Kawan adalah seperti berikut:-

(a)

Bil.	Perancangan Gunatanah	Keluasan (ekar)
1.	Perindustrian	188.00
2.	Pembangunan Bercampur	1,630.00
JUMLAH		1,818.00

Ya. Pembangunan hartanah bagi tanah yang dikenalpasti bukan perumahan mampu milik akan dilaksanakan melalui anak syarikat PDC iaitu PDC Properties Sdn. Bhd. manakala pembangunan tanah industri dan pembangunan bercampur akan dilaksanakan melalui penjualan tanah dan kaedah penswastaan iaitu secara tender terbuka.

(b) Jadual pelaksanaan kerja menambun Tanah di Batu Kawan adalah seperti berikut:-

(i) Kerja rawatan tanah di Lingkaran Cassia Timur, Batu Kawan dilaksanakan oleh PDC telah bermula pada 16 Disember 2020 dan dijangka siap pada 15 November 2022. Kontraktor yang dilantik adalah JNH Bina Sdn Bhd;

(ii) Kerja tambun tanah plot Tzu Chi, Batu Kawan dilaksanakan oleh Buddhist Tzu-Chi Merits Society Malaysia akan bermula pada bulan November 2021 dan dijangka siap pada bulan November 2022. Kontraktor yang dilantik adalah Ban Cheong Construction Sdn. Bhd.; dan

(iii) Kerja tambun tanah plot projek Eco Horizon, Batu Kawan dilaksanakan oleh Eco Horizon Sdn. Bhd. telah bermula pada tahun 2017 dan dijangka siap pada tahun 2027. Kontraktor yang dilantik adalah Ban Cheong Construction Sdn. Bhd.

Jadual pelaksanaan kerja menambun tanah di Byram adalah seperti berikut:

(i) Kerja menambun tanah di Byram Fasa 1A yang dilaksanakan oleh PDC telah bermula pada 15 Jun 2020 dan dijangka siap pada 14 Disember 2021. Kontraktor yang dilantik adalah Ban Cheong Construction Sdn. Bhd.; dan

(ii) Kerja rawatan tanah Fasa 1A dilaksanakan oleh PDC telah bermula pada 3 Mei 2021 dan dijangka siap pada 2 Mei 2022. Kontraktor yang dilantik adalah JNH Bina Sdn. Bhd.

(c) Pengurusan trafik lori tanah merah bagi kerja menambun tanah yang dilaksanakan oleh PDC adalah seperti berikut:-

(i) Kerja Rawatan Tanah di Lingkaran Cassia Timur, Batu Kawan

(a) Laluan lori tanah dari sumber kuari tanah ke tapak pembinaan telah diluluskan oleh Jabatan Kerja Raya (JKR) pada 12 April 2021 dan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) pada 14 Jun 2021;

(b) Pelan Pengurusan Trafik yang telah disahkan oleh Pegawai Trafik Bertauliah telah dikemukakan kepada JKR Seberang Perai Selatan (SPS);

(c) Kerja pembersihan jalan dilakukan sebanyak 3 kali seminggu;

(d) Pemeriksaan harian papan tanda keselamatan di tapak;

(e) Pemantauan dan pemeriksaan laluan lori tanah dari sumber kuari ke tapak pembinaan oleh pihak perunding dan wakil PDC secara berkala; dan

(f) Pembentangan laporan pemantauan dan pemeriksaan laluan lori tanah secara mingguan kepada Mesyuarat Tapak.

(ii) Kerja menambun tanah di Byram Fasa 1A

(a) Laluan lori tanah dari sumber kuari ke tapak pembinaan telah diluluskan oleh JKR pada 7 Disember 2020;

(b) Pelan pengurusan trafik telah dikemukakan kepada JKR pada 5 April 2021;

(c) Lawatan tapak bersama JKR telah dijalankan pada 20 April 2021 bagi mengenalpasti kerosakan sedia ada di laluan yang diluluskan;

(d) Kerja pembersihan jalan dilakukan sebanyak tiga (3) kali seminggu;

(e) Pemeriksaan harian papan tanda keselamatan di tapak mengikut Pelan Pengurusan Trafik yang telah disahkan oleh Pegawai Trafik Bertauliah;

(f) Pemantauan dan pemeriksaan laluan lori tanah dari sumber kuari ke tapak pembinaan oleh wakil PDC secara berkala; dan

(g) Pembentangan laporan pemantauan dan pemeriksaan laluan lori tanah secara mingguan kepada Mesyuarat Tapak.

(iii) Kerja rawatan tanah di Byram Fasa 1A

(a) Laluan lori tanah dari sumber kuari ke tapak pembinaan telah diluluskan oleh JKR pada 30 Jun 2021;

(b) Pelan pengurusan trafik telah dikemukakan kepada JKR pada 21 April 2021;

(c) Rutin kerja-kerja pembersihan jalan dilakukan sebanyak tiga (3) kali seminggu;

(d) Pemeriksaan harian papan tanda keselamatan di tapak mengikut Pelan Pengurusan Trafik yang telah disahkan oleh Pegawai Trafik Bertauliah;

(e) Pemantauan dan pemeriksaan laluan lori tanah dari sumber kuari ke tapak pembinaan oleh wakil PDC secara berkala; dan

(f) Pembentangan laporan pemantauan dan pemeriksaan laluan lori tanah secara mingguan kepada Mesyuarat Tapak.

17. Huraikan status projek jalan, jambatan dan jejambat di Batu Kawan, Byram, Jalan Tok Kangar, Jalan Bukit Minyak dan Penang Science Park.

(a) Apakah status projek loji rawatan kumbahan di Batu Kawan?

(b) Huraikan semua projek parit monsun di Batu Kawan.

(c) Huraikan status siasatan kerosakan Jalan Perusahaan Valdor?

AWAPAN OLEH YAB. KETUA MENTERI:

17. Senarai status projek jalan, jambatan dan jejambat di Batu Kawan, Byram, Jalan Tok Kangar, Jalan Bukit Minyak dan Penang Science Park adalah seperti di **LAMPIRAN A**.

(a) Status projek loji rawatan kumbahan STP2 di Batu Kawan mengikut kemajuan sebenar kerja di tapak adalah 68 peratus. Kerja-kerja pembinaan tidak dapat dilaksanakan di tapak bermula 1 Jun 2021 sehingga kini disebabkan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Permohonan telah dikemukakan kepada pihak Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) tetapi tidak mendapat kelulusan.

(b) Projek-projek parit monsun di Batu Kawan adalah seperti di **LAMPIRAN B**.

(c) Kerosakan jalan di Jalan Perusahaan Valdor adalah disebabkan oleh faktor reka bentuk yang dibuat dengan tidak memuaskan oleh pihak konsultan dan terdapat kawasan pembinaan yang tidak mengikut spesifikasi oleh kontraktor. Pihak Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) akan menjalankan kerja-kerja pembaikan setelah kelulusan pelan diperolehi.

Selain itu, sebahagian Jalan Perusahaan Valdor iaitu dari persimpangan Jalan Persekutuan, FT001 (KM 0) sehingga persimpangan Jalan Perusahaan Valdor – Jalan Serunai (KM 1.14) adalah di bawah selenggaraan pihak Jabatan Kerja Raya (JKR). Tiada kerosakan struktur jalan di kawasan tersebut. Pihak JKR sentiasa memantau keadaan jalan tersebut dan akan melaksanakan pembaikan jalan sekiranya berlaku kerosakan.

Manakala sebahagian lagi Jalan Perusahaan Valdor dari KM 1.14 sehingga persimpangan berhampiran dengan *Iconic Medicare Glove & Mask Factory* masih dalam pelaksanaan projek oleh pihak PDC dan belum diserahkan kepada JKR.

LAMPIRAN A

STATUS PROJEK INFRASTRUKTUR
(PROJEK JALAN, JAMBATAN DAN JEJAMBAT)

Bandar Cassia

1. CADANGAN PELEBARAN JAMBATAN BATU KAWAN SEDIADA MERENTASI SUNGAI JEJAWI DI BATU KAWAN SEBERANG PERAI SELATAN, PULAU PINANG
   Kontraktor: ZIBINA JAYA SDN BHD
   Tarikh mula kerja: 3/5/2017
   Tarikh siap kerja: 8/1/2021
   Jadual: 100%, Sebenar: 65%

2. CADANGAN PERSIMPANGAN BERTINGKAT LEBUHRAYA BANDAR CASSIA / PERSIARAN CASSIA BARAT 3, BATU KAWAN, SEBERANG PERAI SELATAN, PULAU PINANG
   Kontraktor: Zibina Jaya Sdn Bhd
   Tarikh mula kerja: 3/7/2019
   Tarikh siap kerja (asal): 2/7/2021
   (EOT no. 1): 27/8/2021
   (EOT no. 2): 11/4/2022
   Jadual: 51%, Sebenar: 45%

3. CADANGAN RAWATAN TANAH DI SEPANJANG LINGKARAN CASSIA TIMUR, PERSIARAN CASSIA TIMUR 1 DAN TAPAK LOJI RAWATAN KUMBAHAN 5, LOT 282, MUKIM 13, SEBERANG PERAI SELATAN, BATU KAWAN, PULAU PINANG.
   Kontraktor: JNH Bina Sdn Bhd
   Tarikh mula kerja: 16/12/2020
   Tarikh siap kerja: 15/11/2022
   Jadual:31%, Sebenar: 31%

4. CADANGAN PEMBINAAN 'PILED EMBANKMENT' TERMASUK JALAN DAN PARIT SERTA LAIN-LAIN KERJA YANG BERSANGKUTAN DENGANNYA DI LINGKARAN CASSIA BARAT, DI ATAS SEBAHAGIAN LOT 282, MUKIM 13, BATU KAWAN, SEBERANG PERAI SELATAN, PULAU PINANG
   Kontraktor: OneQS Sdn Bhd
   Tarikh mula kerja: 22/3/2021
   Tarikh siap kerja: 21/3/2022
   Jadual: 22%, Sebenar: 22%

5. CADANGAN KERJA-KERJA INFRASTRUKTUR DAN KERJA-KERJA BERSANGKUTAN DENGANNYA BAGI SAMBUNGAN PERSIARAN CASSIA SELATAN 6, SAMBUNGAN PERSIARAN CASSIA SELATAN 7 DAN LOGISTIC HUB DI BKIP, KEJIRANAN 6, LOT 282, MUKIM 13, SEBERANG PERAI SELATAN, PULAU PINANG
   Kontraktor: Vekii Construction (M) Sdn Bhd
   Tarikh mula kerja: 22/10/2018
   Tarikh siap kerja: 15/1/2021
   Jadual: 100%, Sebenar: 100%

6. KERJA-KERJA MENAIKTARAF JALAN PERSIARAN CASSIA SELATAN 10 DI ATAS SEBAHAGIAN LOT 282, MUKIM 13, KAWASAN PERINDUSTRIAN BATU KAWAN, SPS, PULAU PINANG
   Kontraktor: Saharruddin Construction Sdn Bhd
   Tarikh mula kerja: 22/3/2021
   Tarikh siap kerja: 21/2/2022
   Jadual: 13%, Sebenar: 7%

7. CADANGAN PROJEK JAMBATAN KE VALDOR MENYEBERANGI SUNGAI TENGAH SERTA SAMBUNGAN JALAN SEDIA ADA DI BATU KAWAN, PULAU PINANG
   Kontraktor: Image Façade Sdn. Bhd
   Tarikh mula kerja: 18/1/2016
   Tarikh siap kerja: 6/7/2020
   Jadual: 100%, Sebenar: 95%

8. CADANGAN JALAN DAN PARIT SERTA KERJA-KERJA YANG BERSANGKUTAN DENGANNYA: CADANGAN JALAN PERUSAHAAN VALDOR, DI BATU KAWAN, MUKIM 12, SEBERANG PERAI SELATAN, PULAU PINANG
   Kontraktor: Pembinaan Surentech Sdn Bhd
   Tarikh mula kerja: 17/9/2019
   Tarikh siap kerja: 28/2/2021
   Jadual: 100%, Sebenar: 95%

Utara Penang Science Park

1. CADANGAN JALAN DAN PARIT SERTA KERJA – KERJA YANG BERSANGKUTAN DENGANNYA DI ATAS LOT 642, 643, 644, 645, 646, 727, 728, 736, 4717, 4718, 4719, 4729, 4726, 4728, 4730 DAN 4771 DI UTARA SCIENCE PARK, MUKIM 13, JURU, SEBERANG PERAI TENGAH, PULAU PINANG
   Kontraktor: MMA Construction & Engineering Sdn Bhd
   Tarikh mula kerja: 1/7/2019
   Tarikh siap kerja: 30/6/2021
   Jadual: 100%, Sebenar: 97%

2. CADANGAN JALAN DAN PARIT SERTA KERJA–KERJA YANG BERSANGKUTAN DENGANNYA DI ATAS LOT – LOT 686, 703, 705, 706, DAN 6648 DI UTARA SCIENCE PARK, MUKIM 13, JURU, SEBERANG PERAI TENGAH, PULAU PINANG. (PAKEJ 8)
   Kontraktor: Vekii Construction (M) Sdn Bhd
   Tarikh mula kerja: 22/3/2021
   Tarikh siap kerja: 21/9/2022
   Jadual: 4%, Sebenar: 6%

BKIP 2, Byram

1. CADANGAN KERJA-KERJA MEMBAIKPULIH TANAH SERTA LAIN-LAIN KERJA YANG BERSANGKUTAN DENGANNYA DI BKIP 2, BYRAM, MUKIM 11, DAERAH SEBERANG PERAI SELATAN, PULAU PINANG (FASA 1A)
   Kontraktor: JNH BINA SDN BHDâ€‹
   Tarikh mula kerja: 3/5/2021
   Tarikh siap kerja: 2/5/2022
   Jadual: 14%, Sebenar: 5%

Projek Kerajaan Negeri

1. CADANGAN KERJA -KERJA MENAIKTARAF DAN KERJA-KERJA BERKAITAN DI JALAN BUKIT MINYAK, SEBERANG PERAI TENGAH, PULAU PINANG
   Kontraktor: Lumson Bina Engineering Sdn. Bhd.
   Tarikh mula kerja: 18/3/2016
   Tarikh siap kerja: 25/11/2020
   Jadual: 100%, Sebenar: 100%

2. CADANGAN PEMBINAAN JAMBATAN BARU MERENTASI SUNGAI KERIAN DI ATAS LALUAN P169, KAMPUNG TANJUNG BEREMBANG DAERAH SEBERANG PERAI SELATAN, PULAU PINANG.
   Kontraktor: Image Façade Construction Sdn. Bhd.
   Tarikh mula kerja: 18/1/2016
   Tarikh siap kerja: 15/11/2019
   Jadual: 100%, Sebenar: 100%

3. PROJEK PELEBARAN JALAN DAN MENAIKTARAF JALAN DARI SATU LORONG KE DUA LORONG DARI JALAN PERUSAHAAN HINGGA KE PERSIMPANGAN LAMPU ISYARAT JALAN TOK KANGAR, SEBERANG PERAI TENGAH, PULAU PINANG (FASA 2)
   Kontraktor: MMA Construction & Engineering Sdn Bhd
   Tarikh mula kerja: 1/8/2019
   Tarikh siap kerja: 25/9/2021
   Jadual: 86%, Sebenar: 67%

4. CADANGAN KERJA-KERJA MEROBOH STRUKTUR SEDIA ADA PEMBAHAGIAN PLOT 1 HINGGA 31 RUMAH IBADAT BUKAN ISLAM (RIBI), PLOT UTILITI 1 DAN PLOT UTILITI 2 DAN KERJA-KERJA INFRASTRUKTUR YANG BERKAITAN DI TAPAK B AMPANG JAJAR, SEKSYEN 3, SPU, PULAU PINANG.
   Kontraktor: Bina Engineering Sdn. Bhd.
   Tarikh mula kerja: 23/11/2016
   Tarikh siap kerja: 10/2/2020
   Jadual: 100%, Sebenar: 100%

18. Senaraikan dewan dan balai raya milik Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP), Pejabat Daerah dan Perda di DUN Sungai Acheh.

(a) Apakah perancangan untuk menaik taraf dewan-dewan tersebut?

(b) Adakah kerajaan bercadang membina dewan di Sungai Bakau dan Kampung Tok Tuntong?

(c) Apakah kemudahan awam yang akan dibangunkan di DUN Sungai Acheh?

JAWAPAN OLEH YAB. KETUA MENTERI:

18. Senarai dewan dan balai raya milik Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP), Pejabat Daerah dan Tanah Seberang Perai Selatan (PDTSPS) dan Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang (PERDA) di DUN Sungai Acheh adalah seperti di **Lampiran A**.

(a) Kerajaan Negeri melalui Pejabat Daerah dan Tanah sedang menaik taraf Dewan Serbaguna Simpang Tiga dan Dewan Masyarakat Permatang Keling pada tahun 2021. MBSP bercadang untuk menaik taraf Dewan Tadika Taman Ilmu pada tahun 2021 serta Dewan Taman Seri Emas dan Dewan Taman Suria pada tahun 2022. Perincian kerja untuk menaik taraf dewan tersebut adalah seperti di **Lampiran B**.

(b) Kerajaan Negeri pada masa ini tidak bercadang untuk mendirikan dewan di Sungai Bakau dan Kampung Tok Tuntong. Sebarang perancangan pembinaan dewan baharu kelak adalah bergantung kepada kedudukan kewangan semasa Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

(c) Antara kemudahan awam yang dicadang untuk dibangunkan di DUN Sungai Acheh adalah seperti berikut:

(i) Membina dan menaik taraf kemudahan awam di Taman Rekreasi Ampang Jajar Kerian melibatkan pembinaan laluan pejalan kaki, laluan basikal dan gelanggang serbaguna;

(ii) Membina sebuah gelanggang bola keranjang di Sungai Udang; dan

(iii) Membina trek *jogging* di Sungai Udang.

LAMPIRAN A

SENARAI DEWAN DAN BALAI RAYA MILIK MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI (MBSP), PEJABAT DAERAH DAN TANAH SEBERANG PERAI SELATAN (PDT SPS) DAN PERDA DI DUN SUNGAI ACHEH

PEMILIK	BIL	NAMA DEWAN / BALAI RAYA
Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP)	1	Dewan Taman Seri Acheh
	2	Dewan Taman Sungai Acheh
	3	Dewan Acheh Indah
	4	Dewan Serbaguna Taman Ilmu
	5	Dewan Tadika Taman Ilmu
	6	Dewan Taman Sinar
	7	Dewan Taman Fajar
	8	Dewan Taman Seri Emas
	9	Dewan Taman Seri Putera
	10	Dewan Taman Suria
	11	Dewan Taman Keramat Permai
Pejabat Daerah dan Tanah Seberang Perai Selatan (PDT SPS)	12	Dewan Serbaguna Simpang Tiga
	13	Dewan Masyarakat Sungai Udang
	14	Dewan Serbaguna Sungai Chenaam
	15	Dewan Masyarakat Jalan Baru
	16	Dewan Serbaguna Seri Ampangan
	17	Dewan Masyarakat Permatang Keling
	18	Dewan Belia Permatang Keling
	19	Dewan Masyarakat Batu 2
	20	Dewan Aktiviti Wanita Batu 2
	21	Dewan Serbaguna Kg. Haji Omar
	22	Dewan Masyarakat Kg. Haji Omar
PERDA	23	Dewan Gerakan Masyarakat Sungai

LAMPIRAN B

PERINCIAN KERJA MENAIKTARAF DEWAN DI DUN SUNGAI ACHEH

PEMILIK	NAMA DEWAN / BALAI RAYA	PERINCIAN KERJA
Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP)	Dewan Tadika Taman Ilmu	Melibatkan kerja-kerja menaik taraf bumbung dengan anggaran kos berjumlah RM50,000.00. Kerja-kerja menaik taraf dijangka bermula pada Oktober 2021.
	Dewan Taman Seri Emas	Melibatkan kerja-kerja menaik taraf pagar dengan anggaran kos berjumlah RM50,000.00. Kerja-kerja menaik taraf dijangka bermula pada Januari 2022.
	Dewan Taman Suria	Melibatkan kerja-kerja menaik taraf pagar, bumbung dan lantai dengan anggaran kos berjumlah RM100,000.00. Kerja-kerja menaik taraf dijangka bermula pada Februari 2022.
Pejabat Daerah dan Tanah Seberang Perai Selatan (PDT SPS)	Dewan Serbaguna Simpang Tiga	Melibatkan kerja-kerja membaik pulih dengan kos berjumlah RM6,500.00. Kerja-kerja sedang dijalankan.
	Dewan Masyarakat Permatang Keling	Melibatkan kerja-kerja membaik pulih siling dan bumbung dengan kos berjumlah RM9,900.00. Kerja-kerja sedang dijalankan.

19. Senaraikan kemudahan awam di bawah penyelenggaraan Perbadanan Pengurusan Stadium dan Kawasan Lapang Pulau Pinang (PSKLPP).

(a) Apakah status penaiktarafan Stadium Batu Kawan?

(b) Apakah status *request for proposal* (RFP) litar lumba motosikal?

(c) Apakah status perancangan Batu Kawan Sport City?

JAWAPAN OLEH YAB. KETUA MENTERI:

19. Kemudahan-kemudahan awam yang diambil alih dan diselenggara oleh Perbadanan Stadium Dan Kawasan Lapang Pulau Pinang (PSDKLPP) seperti **Jadual** berikut:

Pemilik lama	**Aset yang dipindahmilikan**
Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang [PDC]	Stadium Negeri Pulau Pinang, Batu Kawan
Majlis Bandaraya Pulau Pinang	Kompleks Sukan Balik Pulau
Majlis Bandaraya Seberang Perai	i. Dewan Milenium Kepala Batas; ii. Kompleks Sukan Sony Seberang Jaya; iii. Kolam Renang Awam; Seberang Jaya; iv. Stadium Bola Sepak Dan Trek Sintetik; dan v. Kompleks Sukan dan Rekreasi, Jalan Betek, Seberang Perai Tengah.
Perbadanan Ketua Menteri [CMI]	Bangunan Dewan Serbaguna di Kaki Bukit Bandar Gelugor.

(a) PSDKLPP telah pun menjalankan beberapa kerja penaiktarafan Stadium Batu Kawan iaitu seperti berikut:

(i) Penjenamaan semula Stadium Negeri Pulau Pinang melalui pelancaran logo rasmi Perbadanan dan *tagline* "*Stadium in The Forest & Think Local Act Global*";

(ii) Menaik taraf landskap di sepanjang jalan masuk ke stadium dengan penanaman pokok-pokok teduhan;

(iii) Menaik taraf *signage* dan mengecat pondok pengawal keselamatan;

(iv) Menempatkan kaunter pertanyaan dan menaik taraf ruang menunggu lobi stadium;

(v) Menaik taraf bilik-bilik mesyuarat dan bilik-bilik staf pentadbiran;

(vi) Mengecat garisan untuk balapan stadium;

(vii) Menaik taraf padang stadium;

(viii) Menaik taraf *kerb* jalan untuk tujuan pengindahan, memasang pagar penghadang serta pembinaan *ramp* di laluan masuk kek Stadium Negeri Pulau Pinang; dan

(ix) Menaik taraf sistem pendawaian di pejabat pengurusan dan bilik mesyuarat.

Di samping itu, terdapat beberapa lagi kerja penaiktarafan yang akan dijalankan pada tahun 2021 iaitu seperti berikut:-

(i) Menaiktaraf lampu limpah stadium;

(ii) Menggantikan trek balapan stadium;

(iii) Menggantikan *scoreboard stadium;*

(iv) Mengecat semula bangunan stadium;

(v) Menjalankan kerja-kerja pendawaian semula stadium;

(vi) Menaiktaraf bilik sidang media di Stadium Negeri Pulau Pinang;

(vii) Menaiktaraf kemasan lantai untuk laluan pemain kepada kemasan jenis *rubber matte;* dan

(viii) Menaiktaraf bilik khas tetamu kenamaan (VIP) dan bilik media.

(b) PSDKLPP telah mengiklankan RFP Litar Lumba Batu Kawan pada 17 Mei 2021 di Sistem E-Perolehan Pulau Pinang. Namun, tiada pembida yang mengemukakan dokumen pada tarikh tutup iaitu 8 Jun 2021. Pihak PSDKLPP akan bekerjasama dengan sektor swasta untuk menganjurkan acara sukan seperti *Petronas Cubprix & Toyota Gazoo Racing* di perkarangan Stadium Negeri Pulau Pinang, Batu Kawan sebagai acara tahunan.

(c) Rancangan Sport City Batu Kawan Master Plan telahpun disiapkan dan dibentang oleh PSDKLPP di Mesyuarat Lembaga Bil.1/2021 pada 18 Januari 2021 untuk makluman Lembaga. Untuk makluman, komponen-komponen yang termasuk dalam Rancangan Sport City Batu Kawan Master Plan adalah kolam renang piawaian antarabangsa (FINA), gelanggang hoki, kompleks sukan serbaguna (*integrated complex*) yang terdiri daripada sukan *indoor* seperti badminton, bola tampar, sepak takraw, skuasi, bola jaring dan bola keranjang.

Pihak PSDKLPP adalah dalam proses mendapatkan ulasan daripada jabatan dan agensi teknikal yang berkaitan seperti Pejabat Daerah Dan Tanah Seberang Perai Selatan (PDT SPS), Jabatan Kerja Raya (JKR), *Penang Development Corporation* (PDC), Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP), Jabatan Pengairan Dan Saliran (JPS) untuk mengkaji kesesuaian komponen-komponen tersebut dalam Rancangan Sport City Batu Kawan Master Plan.

Di samping itu, pihak PSDKLPP adalah dalam proses pelantikan juruukur mengikut tatacara lantikan perunding fizikal untuk mendapatkan pelan tapak berserta lot sempadan bagi tujuan pemberian hak milik tanah kepada PSDKLPP.

20. Senaraikan semua rumah pangsa Kos Rendah di Seberang Perai Selatan (SPS) mengikut kawasan DUN.

(a) Nyatakan rumah pangsa Kos Rendah yang memiliki Perbadanan Pengurusan (MC) atau Badan Pengurusan Bersama (JMB).

(b) Bagaimanakah Jabatan Pesuruhjaya Bangunan (COB) membantu penubuhan MC atau JMB?

(c) Adakah Kerajaan merancang untuk membeli balik unit-unit kosong untuk diagihkan kepada pemohon dalam senarai menunggu?

JAWAPAN OLEH YAB. KETUA MENTERI:

20. Kerajaan Negeri amat prihatin terhadap permasalahan berkaitan Badan Pengurusan Bersama (*Joint Management Body*-JMB) dan Perbadanan Pengurusan (*Management Corporation*-MC) yang tidak bergerak aktif di kebanyakan rumah pangsa kos rendah. Perkara paling utama bagi pengurusan sesuatu skim perumahan berstrata adalah penubuhan JMB/MC selaras dengan peruntukan Akta Pengurusan Strata 2013 [Akta 757] Seksyen 18 dan 57. Penubuhan JMB/MC serta hal ehwal berkaitan adalah di bawah bidang kuasa dan pemantauan Pesuruhjaya Bangunan (*Commissioner of Building*-COB), Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP).

(a) Terdapat sejumlah 29 skim rumah pangsa kos rendah di daerah Seberang Perai Selatan mengikut KADUN seperti mana diperincikan di **LAMPIRAN A**. Semakan mendapati bahawa terdapat empat (4) skim perumahan kos rendah di KADUN Bukit Tambun yang masih belum menubuhkan JMB/MC iaitu Taman Jentayu dan Taman Murai Jaya serta di KADUN Jawi iaitu Taman Sintar Indah dan Taman Panchor Indah.

(b) Dari aspek perundangan, tindakan boleh diambil selaras dengan Akta Pengurusan Strata 2013 [Akta 757] Seksyen 86(1) yang mana COB diberi kuasa untuk melantik ejen pengurusan yang akan menyenggara dan menguruskan bangunan serta harta bersama *(common property)* sesuatu skim perumahan bagi satu tempoh yang ditetapkan. Seksyen 86(3) dalam akta yang sama selanjutnya memberi hak kepada ejen pengurusan untuk dibayar apa-apa saraan atau fi sebagaimana yang dipersetujui di antara ejen pengurusan dan pemaju, JMB/MC atau mana-mana pihak yang dipertanggungkan pada akaun penyenggaraan projek berkenaan.

Namun begitu, cabaran besar untuk melaksanakan tindakan ini adalah kurangnya minat dari kalangan ejen pengurusan terhadap skim-skim perumahan kos rendah. Hal ini disebabkan oleh kemampuan pembayaran fi kepada ejen pengurusan yang hanya bergantung kepada dana dalam akaun penyenggaraan JMB/MC skim perumahan tersebut.

Sehubungan dengan itu, pelbagai usaha dan aktiviti telah dan sedang dijalankan oleh pihak COB di kedua-dua Pihak Berkuasa Tempatan bagi mengaktifkan semula JMB/MC antaranya melalui pendekatan seperti berikut:

(i) Mengadakan lawatan pemeriksaan ke skim-skim perumahan berstrata yang tidak aktif;

(ii) Menganjurkan program *outreach* bersama penduduk;

(iii) Mengadakan taklimat dan kempen kesedaran komuniti di skim perumahan berstrata serta melibatkan agensi-agensi serta NGO yang berkaitan; dan

(iv) Memberikan kursus intensif dan bimbingan kepada JMB/MC yang baru ditubuhkan.

(c) Kerajaan Negeri pada masa ini memberi fokus kepada meningkatkan stok Rumah Mampu Milik Jenis A, B mahupun C. Usaha ini melibatkan penguatkuasaan Dasar Penyediaan Rumah Kos Rendah/Kos Sederhana Rendah dan juga Dasar Rumah Mampu Milik 100 Peratus yang banyak bergantung kepada mekanisma subsidi silang dan juga insentif pengecualian caj oleh Kerajaan Negeri. Peningkatan taraf ekonomi isi rumah juga bermaksud keperluan untuk menaik taraf kediaman mereka sama ada dari RMM A dan B ke C atau terus ke kategori rumah yang lebih mewah. Keadaan ini mewujudkan fenomena *sub-sale* (*secondary market)* dan juga pasaran rumah sewa yang tidak memberi kemampanan kepada bekalan rumah mampu milik. Sehubungan dengan itu, Kerajaan Negeri meneliti beberapa kaedah pemilikan dan pengekalan stok rumah mampu milik antaranya dasar pembelian semula (*buy back policy*). Mekanisma yang dicadangkan adalah semua RMM A dan B yang ingin dijual hanya boleh dijual kepada senarai menunggu yang diperaku oleh Kerajaan Negeri. Secara prinsip, RMM A dan B akan kekal sebagai milik Kerajaan Negeri dan sebarang urusniaga memerlukan kelulusan Pihak Berkuasa Negeri. Kerajaan Negeri perlu memasukkan sekatan kepentingan kepada semua hakmilik ini untuk membolehkan dasar ini dilaksanakan. Selain daripada itu, had pajakan yang lebih pendek seperti 30 tahun juga membantu konsep ini. Buat permulaan unit RMM A dan B yang dibina oleh Kerajaan Negeri seperti di Pintasan Cecil, Jalan Perak dan Sandiland Foreshore di daerah Timur Laut boleh dijadikan perintis kepada konsep ini. Penetapan harga ini masih memerlukan kajian lanjut mengambil kira jumlah prinsipal pembelian unit dan faedah ditanggung termasuk ubah suai rumah yang dilakukan. Sekiranya tempoh pajakan dikurangkan, harga jualan kali pertama, kedua dan seterusnya akan perlu ditetapkan terlebih dahulu. Jawatankuasa bagi mengkaji pemilikan secara pajakan terhad dan *buy back policy* telah bermesyuarat sebanyak dua (2) kali dan disusuli dengan bengkel bagi meneliti ruang perundangan dan aspek sosial sekiranya dasar ini dilaksanakan.

LAMPIRAN A

SENARAI RUMAH PANGSA KOS RENDAH DI SEBERANG PERAI SELATAN MENGIKUT KADUN (2021)

BUKIT TAMBUN

BIL	DUN	MK.	LOT	NAMA JMB/MC	NAMA TAMAN
1	BUKIT TAMBUN	4	3927	PERBADANAN PENGURUSAN BAKAP INDAH	TMN BAKAP INDAH
2	BUKIT TAMBUN	4	2924	BADAN PENGURUSAN BERSAMA TAMAN GAMELAN INDAH (LOT 2924)	TMN GAMELAN INDAH
3	BUKIT TAMBUN	4	3182	BADAN PENGURUSAN BERSAMA RUMAH PANGSA TAMAN GAMELAN INDAH	TMN GAMELAN INDAH
4	BUKIT TAMBUN	4	4295	PERBADANAN PENGURUSAN TAMAN SUNGAI BAKAP PERMAI	TMN SG BAKAP PERMAI
5	BUKIT TAMBUN	14	2870	PERBADANAN PENGURUSAN TAMAN JENTAYU	TMN JENTAYU
6	BUKIT TAMBUN	14	5763	PERBADANAN PENGURUSAN KONDO RAKYAT TMN MERAK JAYA BLOK A & B	R/PANGSA TMN MERAK JAYA
7	BUKIT TAMBUN	14	4599	PERBADANAN PENGURUSAN TAMAN TAMBUN JAYA	TMN TAMBUN JAYA
8	BUKIT TAMBUN	14	5082	PERBADANAN PENGURUSAN TAMAN TAMBUN INDAH	TMN TAMBUN INDAH
9	BUKIT TAMBUN	14	8172	BADAN PENGURUSAN BERSAMA RUMAH PANGSA KOS RENDAH TAMAN MERPATI INDAH	TMN MERPATI INDAH
10	BUKIT TAMBUN	14	6682	PERBADANAN PENGURUSAN WISMA TAMAN IDAMAN	TMN IDAMAN
11	BUKIT TAMBUN	14	20390	BADAN PENGURUSAN BERSAMA R/PANGSA KOS RENDAH TAMAN PERDANA	TMN PERDANA
12	BUKIT TAMBUN	14	6112	BELUM ADA PENUBUHAN	TMN JENTAYU
13	BUKIT TAMBUN	14	3918	BELUM ADA PENUBUHAN	TMN MURAI JAYA

JAWI

14	JAWI	7	5556	BADAN PENGURUSAN TAMAN SUNGAI JAWI	TMN SUNGAI JAWI
359	KOPERASI PASARAN DAN PERNIAGAAN PERMATANG SINTOK PENAGA SEBERANG PERAI UTARA BERHAD	AKTIF	Seberang Prai Utara
360	KOPERASI SEBERANG PERAI UTARA BERHAD	AKTIF	Seberang Prai Utara
361	KOPERASI PEKERJA KOMANWEL BUTTERWORTH BERHAD	AKTIF	Seberang Prai Utara
362	KOPERASI KOLEJ VOKASIONAL BUTTERWORTH BERHAD	AKTIF	Seberang Prai Utara
363	KOPERASI MASYARAKAT BAGAN DALAM SEBERANG PERAI BERHAD	AKTIF	Seberang Prai Utara
364	KOPERASI PEMBANGUNAN DAERAH SEBERANG PERAI UTARA BERHAD	AKTIF	Seberang Prai Utara
365	KOPERASI TASEK GELUGOR PULAU PINANG BERHAD	AKTIF	Seberang Prai Utara
366	KOPERASI PESERTA RANCANGAN FELCRA GUGUSAN TASEK KACANG PURI PULAU PINANG BERHAD	AKTIF	Seberang Prai Utara
367	KOPERASI TENAGA MAJU PULAU PINANG BERHAD	AKTIF	Seberang Prai Utara
368	KOPERASI SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN CONVENT BUTTERWORTH BERHAD	AKTIF	Seberang Prai Utara
369	KOPERASI SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN DATO` ONN BUTTERWORTH BERHAD	AKTIF	Seberang Prai Utara
370	KOPERASI SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN DATUK HAJI AHMAD SAID BUTTERWORTH BERHAD	AKTIF	Seberang Prai Utara
371	KOPERASI SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN TELOK AIR TAWAR BUTTERWORTH BERHAD	AKTIF	Seberang Prai Utara
372	KOPERASI SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN DATUK HAJI ABDUL KADIR KEPALA BATAS BERHAD	AKTIF	Seberang Prai Utara
373	KOPERASI SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN BAKTI TASEK GELUGOR SEBERANG PERAI BERHAD	AKTIF	Seberang Prai Utara

Bil	Nama Koperasi	Status	WILAYAH
374	KOPERASI SEKOLAH DATUK HAJI AHMAD BADAWI KEPALA BATAS BERHAD	AKTIF	Seberang Prai Utara
375	KOPERASI SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN AGAMA AL-IRSHAD PULAU PINANG BERHAD	AKTIF	Seberang Prai Utara
376	KOPERASI SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN SRI MUDA PENAGA PULAU PINANG BERHAD	AKTIF	Seberang Prai Utara
377	KOPERASI SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN DATO` KAILAN KEPALA BATAS BERHAD	AKTIF	Seberang Prai Utara
378	KOPERASI SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN ST. MARK BUTTERWORTH BERHAD	AKTIF	Seberang Prai Utara
379	KOPERASI SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN KAMPUNG KASTAM BUTTERWORTH BERHAD	AKTIF	Seberang Prai Utara
380	KOPERASI SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN PERMATANG TOK JAYA BUTTERWORTH BERHAD	AKTIF	Seberang Prai Utara
381	KOPERASI SMK BAGAN JAYA BERHAD	AKTIF	Seberang Prai Utara
382	KOPERASI SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN KAMPUNG SELAMAT TASEK GELUGOR BERHAD	AKTIF	Seberang Prai Utara
383	KOPERASI SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN KEPALA BATAS PULAU PINANG BERHAD	AKTIF	Seberang Prai Utara
384	KOPERASI SEKOLAH MENENGAH JENIS KEBANGSAAN CHUNG LING BUTTERWORTH BERHAD	AKTIF	Seberang Prai Utara
385	KOPERASI SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN BERTAM INDAH KEPALA BATAS BERHAD	AKTIF	Seberang Prai Utara
386	KOPERASI MAKTAB RENDAH SAINS MARA KEPALA BATAS BERHAD	AKTIF	Seberang Prai Utara
387	KOPERASI SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN POKOK SENA KEPALA BATAS BERHAD	AKTIF	Seberang Prai Utara
388	KOPERASI MAKTAB WAN JAH PULAU PINANG BERHAD	AKTIF	Seberang Prai Utara
389	KOPERASI SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN GEMILANG BUTTERWORTH BERHAD	AKTIF	Seberang Prai Utara
390	KOPERASI SEKOLAH MENENGAH SAINS KEPALA BATAS BERHAD	AKTIF	Seberang Prai Utara
391	KOPERASI SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN DESA MURNI BUTTERWORTH BERHAD	AKTIF	Seberang Prai Utara
392	KOPERASI SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN BERTAM PERDANA KEPALA BATAS BERHAD	AKTIF	Seberang Prai Utara
393	KOPERASI PENDIDIKAN KHAS SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN KEPALA BATAS PULAU PINANG BERHAD	AKTIF	Seberang Prai Utara
394	KOPERASI PENDIDIKAN KHAS SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN PERMATANG TOK JAYA BUTTERWORTH BERHAD	AKTIF	Seberang Prai Utara
395	KOPERASI MAAHAD AL-IMAM AN-NAWAWI PULAU PINANG BERHAD	AKTIF	Seberang Prai Utara
396	KOPERASI KOLEJ MATRIKULASI PULAU PINANG BERHAD	AKTIF	Seberang Prai Utara
397	KOPERASI POLITEKNIK METrO TASEK GELUGOR BERHAD	AKTIF	Seberang Prai Utara
398	KOPERASI KOLEJ KOMUNITI TASEK GELUGOR BERHAD	AKTIF	Seberang Prai Utara
399	KOPERASI IKMSPU BERHAD	AKTIF	Seberang Prai Utara
400	KOPERASI MASJID AL-JAMIUL BADAWI KEPALA BATAS BERHAD	AKTIF	Seberang Prai Utara
401	KOPERASI QARYAH MASJID TAMAN BERTAM INDAH KEPALA BATAS BERHAD	AKTIF	Seberang Prai Utara

Bil	Nama Koperasi	Status	WILAYAH
402	KOPERASI BELA RAKYAT KAWASAN PERMATANG BERANGAN TASEK GELUGOR BERHAD	AKTIF	Seberang Prai Utara
403	KOPERASI BELA RAKYAT KAWASAN SUNGAI DUA TASEK GELUGOR BERHAD	AKTIF	Seberang Prai Utara
404	KOPERASI PANDAI BESI PEKAN DARAT SEBERANG PERAI BERHAD	AKTIF	Seberang Prai Utara
405	KOPERASI KELUARGA ABDULLAH DAN ISHAH TASEK GELUGOR BERHAD	AKTIF	Seberang Prai Utara
406	KOPERASI PEGAWAI DAN KAKITANGAN PEJABAT DAERAH DAN TANAH SEBERANG PERAI UTARA BERHAD	AKTIF	Seberang Prai Utara
407	KOPERASI PEMULIHAN DALAM KOMUNITI BAGAN INDAH BUTTERWORTH BERHAD	AKTIF	Seberang Prai Utara
408	KOPERASI KARIAH MASJID KAMPUNG TOK BEDU TASEK GELUGOR BERHAD	AKTIF	Seberang Prai Utara
409	KOPERASI KARIAH MASJID PADANG CEMPEDAK SEBERANG PERAI BERHAD	AKTIF	Seberang Prai Utara
410	KOPERASI KARIAH MASJID AR RAHMAN BAKAR KAPOR PULAU PINANG BERHAD	AKTIF	Seberang Prai Utara
411	KOPERASI SERI BERTAM KEPALA BATAS BERHAD	AKTIF	Seberang Prai Utara
412	KOPERASI KELOMPOK PADI KAMPUNG TASEK SEBERANG PERAI UTARA BERHAD	AKTIF	Seberang Prai Utara
413	KOPERASI WAWASAN KEPALA BATAS BERHAD	AKTIF	Seberang Prai Utara
414	KOPERASI GENERASI TELUK AIR TAWAR BERHAD	AKTIF	Seberang Prai Utara
415	KOPERASI DESA CEMERLANG AIR MELINTAS BESAR KEPALA BATAS BERHAD	AKTIF	Seberang Prai Utara
416	KOPERASI PADI EMAS TASEK GELUGOR BERHAD	AKTIF	Seberang Prai Utara
417	KOPERASI MADANI KEPALA BATAS BERHAD	AKTIF	Seberang Prai Utara
418	KOPERASI SENA BERSATU TASEK GELUGOR BERHAD	AKTIF	Seberang Prai Utara
419	KOPERASI BERTAM IKHTIAR KEPALA BATAS BERHAD	AKTIF	Seberang Prai Utara
420	KOPERASI KOMUNITI POKOK SENA SEBERANG PERAI UTARA BERHAD	AKTIF	Seberang Prai Utara
421	KOPERASI KARIAH MASJID AL-HIDAYAH LAHAR TIANG KEPALA BATAS BERHAD	AKTIF	Seberang Prai Utara
422	KOPERASI KELUARGA SATARIAH PULAU PINANG BERHAD	AKTIF	Seberang Prai Utara
423	KOPERASI PERMATANG MANGGIS TASEK GELUGOR BERHAD	AKTIF	Seberang Prai Utara
424	KOPERASI JKKKP JARAK ATAS TASEK GELUGOR BERHAD	AKTIF	Seberang Prai Utara
425	KOPERASI EKONOMI PERMATANG KERAI BESAR TASEK GELUGOR BERHAD	AKTIF	Seberang Prai Utara
426	KOPERASI NELAYAN SUNGAI PENGKALAN MACHANG SEBERANG PERAI UTARA BERHAD	AKTIF	Seberang Prai Utara
427	KOPERASI TAMAN ALAMANDA SEBERANG PERAI UTARA BERHAD	AKTIF	Seberang Prai Utara
428	KOPERASI WAWASAN MAJU TASEK GELUGOR BERHAD	AKTIF	Seberang Prai Utara
429	KOPERASI BADAWIAN KEPALA BATAS BERHAD	AKTIF	Seberang Prai Utara
430	KOPERASI KENDERAAN MAJU JAYA SEBERANG PERAI BERHAD	AKTIF	Seberang Prai Utara

Bil	Nama Koperasi	Status	WILAYAH
431	KOPERASI PAYA TOK AKIL PULAU PINANG BERHAD	AKTIF	Seberang Prai Utara
432	KOPERASI WARGA NORTH MALAYA BUTTERWORTH BERHAD	AKTIF	Seberang Prai Utara
433	KOPERASI PENDIDIKAN INOVATIF PULAU PINANG BERHAD	AKTIF	Seberang Prai Utara
434	KOPERASI WANITA KEPALA BATAS BERHAD	AKTIF	Seberang Prai Utara
435	KOPERASI PEKERJA MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI BERHAD	AKTIF	Seberang Prai Utara
436	KOPERASI PASAR ANEKA TAMAN SELAT BUTTERWORTH BERHAD	AKTIF	Seberang Prai Utara
437	KOPERASI SUNGAI PUYU SEBERANG PERAI BERHAD	AKTIF	Seberang Prai Utara
438	KOPERASI KELOMPOK PADI LAHAR KEPAR PULAU PINANG BERHAD	AKTIF	Seberang Prai Utara
439	KOPERASI WARGA SEKOLAH TAHFIZ AL-ISLAH TASEK GELUGOR BERHAD	AKTIF	Seberang Prai Utara
440	KOPERASI BEKAS PELAJAR MELAYU PFS PULAU PINANG BERHAD	AKTIF	Seberang Prai Utara
441	KOPERASI SEMARAK WAWASAN PENAGA SEBERANG PERAI BERHAD	AKTIF	Seberang Prai Utara
442	KOPERASI EHSAN JAYA LAHAR YOOI SEBERANG PERAI BERHAD	AKTIF	Seberang Prai Utara
443	KOPERASI PETANI PULAU PINANG BERHAD	AKTIF	Seberang Prai Utara
444	KOPERASI KAKITANGAN LPP DAN PERTUBUHAN PELADANG PULAU PINANG BERHAD	AKTIF	Seberang Prai Utara
445	KOPERASI ANJAKAN BERSAMA PULAU PINANG BERHAD	AKTIF	Seberang Prai Utara
446	KOPERASI PENDIDIKAN SEBERANG PERAI BERHAD	AKTIF	Seberang Prai Utara
447	KOPERASI USAHAWAN GROOM BIG PP BERHAD	AKTIF	Seberang Prai Utara
448	KOPERASI KERJASAMA RAKYAT MALAYSIA PULAU PINANG BERHAD	AKTIF	Seberang Prai Utara
449	KOPERASI KAKITANGAN UITM BERTAM PULAU PINANG BERHAD	AKTIF	Seberang Prai Utara
450	KOPERASI MASJID ABDULLAH FAHIM SEBERANG PERAI UTARA BERHAD	AKTIF	Seberang Prai Utara
451	KOPERASI TERAS WARISAN PULAU PINANG BERHAD	AKTIF	Seberang Prai Utara
452	KOPERASI SAHABAT MELAYU 85 PULAU PINANG BERHAD	AKTIF	Seberang Prai Utara
453	KOPERASI INDERAPURA PULAU PINANG BERHAD	AKTIF	Seberang Prai Utara
454	KOPERASI HOMESTAY LAHAR YOOI SEBERANG PERAI BERHAD	AKTIF	Seberang Prai Utara
455	KOPERASI NELAYAN SUNGAI KOROK DAN AIR ITAM SEBERANG PERAI BERHAD	AKTIF	Seberang Prai Utara
456	KOPERASI NELAYAN DAN KOMUNITI LABUH BANTING PULAU PINANG BERHAD	AKTIF	Seberang Prai Utara
457	KOPERASI GENERASI HARAPAN PULAU PINANG BERHAD	AKTIF	Seberang Prai Utara
458	KOPERASI AMAN PULAU PINANG BERHAD	AKTIF	Seberang Prai Utara
459	KOPERASI WARISAN BERSATU PULAU PINANG BERHAD	AKTIF	Seberang Prai Utara

Bil	Nama Koperasi	Status	WILAYAH
460	KOPERASI PENYELIA ASRAMA PULAU PINANG BERHAD	AKTIF	Seberang Prai Utara
461	KOPERASI AMANAH JAYA PULAU PINANG BERHAD	AKTIF	Seberang Prai Utara
462	KOPERASI WARGA DARUL HADIS PULAU PINANG BERHAD	AKTIF	Seberang Prai Utara
463	KOPERASI HARTANAH PULAU PINANG BERHAD	AKTIF	SEBERANG PERAI UTARA
464	KOPERASI IWP PULAU PINANG BERHAD	AKTIF	SEEBERANG PERAI UTARA
465	KOPERASI MUTTAQIN BERTAM PUTRA BERHAD	AKTIF	SEEBERANG PERAI UTARA
466	KOPERASI SURAU TUAN GURU HAJI ABDUL MAJID PERMATANG JANGGUS PULAU PINANG BERHAD	AKTIF	SEBERANG PERAI UTARA
467	KOPERASI USAHAWAN MAA ORO PULAU PINANG BERHAD	AKTIF	SEBERANG PERAI UTARA

28. Huraikan jadual pelaksanaan projek *Penang South Reclamation* (PSR), *Bayan Lepas LRT* (BLLRT) dan *Pan Island Link 1* (PIL 1).

(a) Apakah status pematuhan Penilaian Impak Alam Sekitar (EIA) dan penyediaan Pelan Pengurusan Alam Sekitar (EMP) bagi projek PSR?

(b) Apakah bentuk pembiayaan projek PSR?

(c) Huraikan Pelan Induk PSR dan mekanisme penjualan tanah.

JAWAPAN OLEH KETUA MENTERI:

28. Jadual pelaksanaan bagi projek *Penang South Reclamation* (PSR), *Bayan Lepas Light Rail Transit* (BLLRT) dan *Pan Island Link 1* (PIL 1) adalah seperti berikut:

***Penang South Reclamation* (PSR)**

Cadangan projek PSR ini telah dibentangkan kepada Majlis Perancangan Fizikal Negara (MPFN) pada 18 April 2019. MPFN telah memberi 18 nasihat bagi pelaksanaan projek ini. Selain itu, projek ini juga telah mendapat kelulusan Kajian Penilaian Impak Alam Sekitar (EIA) pada 25 Jun 2019 dengan 72 syarat. Proses pelaksanaan tambakan *Penang South Islands* (PSI) juga telah memperoleh surat kelulusan Laporan Penilaian Impak Sosial (SIA) daripada PLAN Malaysia pada 27 Ogos 2019.

Lanjutan daripada kelulusan EIA, salah satu (1) syarat adalah untuk menyediakan Laporan Pelan Pengurusan Alam Sekitar (EMP) bagi kelulusan Jabatan Alam Sekitar (JAS) Negeri Pulau Pinang. Laporan EMP ini akan mensyaratkan kontraktor yang dilantik dalam mematuhi syarat-syarat kelulusan EIA semasa kerja-kerja penambakan dilaksanakan. Langkah-langkah kawalan alam sekitar dan program pengawasan alam sekitar di dalam Laporan EMP ini perlu dipatuhi sepenuhnya oleh kontraktor yang bakal dilantik.

Buat masa ini, Kerajaan Negeri Pulau Pinang masih menantikan kelulusan Pelan Pengurusan Alam Sekitar (EMP) yang telah dikemukakan pada 31 Mei 2021 kepada JAS Negeri Pulau Pinang untuk diluluskan. Sementara menunggu keputusan JAS, aktiviti pra pembinaan seperti kerja ukur (*survey works*) dan siasatan tanah (*soil investigation*) akan diteruskan di tapak projek.

Walau bagaimanapun, kerja-kerja penambakan tidak akan dilaksanakan sehingga kelulusan EMP diberikan oleh JAS dan Kerajaan Negeri memberi jaminan bahawa pelaksanaan projek PSR ini hanya akan bermula setelah kelulusan EMP ini diperoleh.

Bagi pelaksanaan Pelan Pengurusan Impak Sosial (SIMP), Kerajaan Negeri telah menawarkan bantuan saguhati *ex-gratia*, bantuan bot, peluang perniagaan/ pekerjaan dan skim latihan/ pendidikan terhadap komuniti individu nelayan yang layak dan terkesan dengan projek PSI. Selain itu, pembinaan jeti nelayan moden yang dilengkapi pelbagai kemudahan dan alur navigasi yang membolehkan para nelayan untuk pergi ke laut bagi tempoh 24 jam sehari tanpa mengira keadaan air laut pasang atau surut turut akan dibina dan kini dalam peringkat perancangan reka bentuk. Pelan SIMP ini akan bermula selepas projek PSR diberi kelulusan EMP oleh JAS untuk penambakan bermula.

Selain itu, Kerajaan Negeri melalui pihak *Project Delivery Partner* (PDP) juga telah melantik beberapa perunding bagi tujuan pelaksanaan dan audit PSR *Ecology Offset Program* (PEOM). Ini merangkumi kerja-kerja pelabuhan tukun tiruan dan unjam, pelepasan benih ikan dan udang, penambahbaikan ekologi pesisir pantai (*shoreline eco enhancement*), geran bagi penyelidikan kesan bunyi terhadap hidupan laut, kajian migrasi udang dan kajian-kajian ekologi marin yang lain.

Manakala, bagi *Green River Program* dan projek penanaman bakau pula telah dipertanggungjawabkan kepada agensi Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Negeri Pulau Pinang dan Jabatan Perhutanan Negeri Pulau Pinang. Langkah-langkah ini akan dilaksanakan untuk mewujudkan habitat baharu bagi hidupan laut dan menyumbang kepada kelestarian alam sekitar dan industri perikanan.

***Bayan Lepas Light Rail Transit* (BLLRT)**

Fasa 1 (*segment* 1 - *segment* 4) LRT Laluan Bayan Lepas telah mendapat kelulusan Laporan *Environmental Impact Assessment* (EIA) pada 21 Februari 2020 dengan 63 syarat. Laporan Kajian Penilaian Impak Warisan (HIA) telah diluluskan oleh Jabatan Warisan Negara (JWN) pada 28 Ogos 2020. Manakala, laporan *Social Impact Assessment* (SIA) telah diluluskan pada 19 Jun 2020. Selain itu, Kerajaan Negeri sedang menyusuli kelulusan akhir untuk memuktamadkan Skim Rel yang telah mendapat kelulusan bersyarat pada 18 Julai 2019 dan dijangka akan mendapat kelulusan sepenuhnya daripada Agensi Pengangkutan Awam Darat (APAD) pada suku pertama tahun 2022 memandangkan Kerajaan Negeri sedang dalam perbincangan bersama pihak *Malaysia Airports Holdings Berhad* (MAHB) untuk memuktamadkan jajaran dan stesen BLLRT di kawasan Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang seperti yang telah disyaratkan oleh pihak APAD untuk mendapat persetujuan bersama pihak MAHB sebelum kelulusan sepenuhnya diberikan oleh pihak APAD.

***Pan Island Link* (PIL 1)**

Projek PIL 1 telah mendapat kelulusan EIA pada 10 April 2019 dengan 56 syarat dan Laporan *Traffic Impact Assessment* (TIA) yang diluluskan oleh pihak Jabatan Kerja Raya (JKR) Negeri Pulau Pinang bersama Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) pada 24 Ogos 2018 dan kini Kerajaan Negeri bersama pihak Rakan Pelaksana Projek (PDP) dalam proses mendapatkan kelulusan bagi laporan *Environmental Management Plan* (EMP) daripada pihak Jabatan Alam Sekitar (JAS) Negeri Pulau Pinang.

Di samping itu, pada peringkat ini juga pelantikan perunding bagi kerja-kerja pelaksanaan projek PIL 1 sedang dijalankan dan dijangka akan memulakan kerja-kerja membuat reka bentuk pada akhir bulan September 2021 bagi Fasa 1A iaitu dari Tun Dr. Lim Chong Eu (LCE) *Interchange* ke Tun Dr. Awang *Interchange*.

(a) Status Pematuhan EIA & Penyediaan EMP Projek PSR

Dalam fasa penambakan, pelbagai langkah akan diambil untuk memastikan projek PSR dilaksanakan dengan terkawal untuk meminimumkan impak alam sekitar sepertimana yang dikehendaki mengikut syarat-syarat Laporan Kajian Penilaian Kesan Alam Sekeliling (EIA) dan Laporan Pelan Pengurusan Alam Sekitar (EMP). Kelulusan EIA meliputi 72 syarat, termasuklah penyediaan laporan EMP yang mewajibkan pelaksanaan langkah-langkah kawalan alam sekitar seperti:

(i) pemantauan kualiti air;

(ii) pemantauan kekeruhan secara langsung (*real time*);

(iii) pemantauan kualiti udara;

(iv) pemantauan bunyi dan getaran;

(v) pengurusan sisa dan bahan pencemar; dan

(vi) pembuangan bahan pengorekan.

Pemantauan kualiti air, udara, bunyi dan sedimen akan dilaksanakan secara berkala dan laporan pemantauan akan dikemukakan kepada pihak JAS Negeri Pulau Pinang setiap tiga (3) bulan sepanjang tempoh pelaksanaan projek.

Bagi memastikan pematuhan terhadap kualiti air marin semasa pelaksanaan projek, stesen pemantauan kualiti air (bagi parameter pepejal terampai dan kekeruhan) secara langsung (*real time*) akan dipasang dan dihubungkan terus ke pejabat JAS Negeri Pulau Pinang.

Pemasangan tirai kelodak di kawasan pelaksanaan projek juga akan membantu mengurangkan kesan ke atas alam sekitar terutamanya dari segi kualiti air.

Kerajaan Negeri akan memastikan kesemua langkah-langkah ini dilaksanakan semasa penambakan. Selain itu, Laporan EIA juga mewajibkan pelaksanaan program pengimbangan (*offset*) ekologi untuk meminimumkan kesan projek terhadap persekitaran dan mewujudkan habitat baharu untuk hidupan laut bagi menggalakkan kelestarian industri perikanan seperti berikut:

(i) penanaman pokok bakau di lokasi mengikut nasihat Jabatan Perhutanan;

(ii) pelabuhan tukun tiruan berhampiran Pulau Kendi dan pelabuhan unjam;

(iii) pelepasan benih ikan dan udang;

(iv) pembinaan garis pantai (*shoreline*) mesra alam di perimeter pulau buatan untuk menggalakkan kepelbagaian biodiversiti, pertumbuhan habitat mikro, dan ekopelancongan; dan

(v) peruntukan dana bagi penyelidikan ekologi laut, perikanan, penyu, tukun dan lain-lain.

Kerajaan Negeri juga telah menubuhkan Jawatankuasa *Task Force* Nelayan untuk merangka dan melaksanakan inisiatif-inisiatif yang akan memberikan manfaat kepada komuniti nelayan agar mereka turut maju dan menikmati pembangunan yang dibawa oleh projek PSR ini.

Jawatankuasa *Task Force* Nelayan yang dipengerusikan oleh YB Dato' Ir. Haji Ahmad Zakiyuddin bin Abdul Rahman, Timbalan Ketua Menteri 1, sedang memperhalusi inisiatif, langkah-langkah mitigasi dan juga mekanisme pelaksanaan Pelan Pengurusan Impak Sosial (SIMP).

Di bawah Pelan Pengurusan Impak Sosial (SIMP) bagi projek PSR, Kerajaan Negeri telah memuktamadkan pakej *ex-gratia* seperti berikut:

(i) Pakej Bantuan Hidup (bayaran saguhati *ex-gratia*, bantuan bot dan enjin bot). Jumlah bayaran saguhati ini dibuat kepada nelayan mengikut tahap lokasi nelayan sama ada tahap 1 atau tahap 2. Bantuan bot dan enjin bot akan ditawarkan kepada pemilik bot (tekong) di tahap 1 iaitu dari unit nelayan Permatang Tepi Laut, Sungai Batu, Teluk Kumbar dan Gertak Sanggul;

(ii) Pakej Pemerkasaan (jeti nelayan baharu, koperasi nelayan, skim tuisyen dan pendidikan untuk anak-anak nelayan, skim latihan atau kursus seperti kursus jurumudi, pembuatan bot, penyelenggaraan bot dan sebagainya untuk nelayan dan anak-anak mereka, serta peluang pekerjaan bagi mereka yang berkelayakan); dan

(iii) Keutamaan bagi pendaftaran rumah mampu milik (bagi membantu nelayan yang belum memiliki rumah sendiri).

Pelaksanaan menyeluruh skim SIMP hanya akan bermula selepas projek PSR diberi kelulusan Pelan Pengurusan Alam Sekitar (EMP) dan penambakan dibenarkan bermula. Buat masa ini, seramai 385 orang ahli unit nelayan telah menerima bayaran pendahuluan *ex-gratia* sebanyak RM500 selepas mendaftarkan nama mereka untuk skim SIMP. Kerajaan Negeri masih meneliti dan mengemas kini senarai nama nelayan bagi mengenal pasti bilangan individu yang layak menerima manfaat SIMP.

Kerajaan Negeri melalui jabatan dan agensi berkaitan sentiasa menerima cadangan dan input bagi menambah baik bantuan kepada nelayan yang terkesan dari semasa ke semasa demi memastikan kebajikan komuniti nelayan yang terkesan akibat Projek PSR ini terbela.

(b) Pembiayaan PSR

Pada bulan Mac 2021, Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMK) telah memutuskan untuk melaksanakan kerja tambakan Pulau A sahaja secara usahasama atau j*oint venture* (JV). Pihak-pihak yang terlibat dalam JV ini adalah *Penang Infrastructure Corporation* (PIC) yang mewakili Kerajaan Negeri dan SRS dengan pegangan saham masing-masing 30 peratus dan 70 peratus.

Sebagai permulaan pelaksanaan projek PSR, pembiayaan Pulau A adalah melalui pembiayaan awal melalui inisiatif pembiayaan swasta oleh *SRS Consortium*. Pelaksanaan Pulau B dan Pulau C adalah masih melalui model Rakan Pelaksana Projek (PDP).

(c) Pelan Induk PSR

(i) Pembangunan PSR merupakan pembangunan bercampur di atas tanah yang ditebus guna dalam Projek Tambakan Selatan Pulau Pinang *(Penang South Reclamation)* yang terdiri daripada Pulau A, Pulau B dan Pulau C yang berkeluasan 4,500 ekar secara keseluruhan.

(ii) Pembangunan yang dicadangkan ini melibatkan cadangan pembinaan 114,326 unit perumahan, komponen pembangunan perindustrian dan pembangunan bercampur yang lain. Anggaran jumlah penduduk adalah 377,276 orang manakala jumlah peluang pekerjaan yang akan diwujudkan dijangka mencecah 300,000.

(iii) Visi pembangunan PSR adalah *'Ke Arah Pembangunan Pintar dan Mampan Yang Berdaya Tahan'* melalui tiga (3) misi iaitu: Pertama: Ekonomi Yang Dinamik, Kedua: Kemampanan dan Kesejahteraan; dan Ketiga: Pembangunan Yang Inklusif. Visi tersebut adalah selaras dengan Visi *Penang2030* yang memberi fokus kepada prinsip kehijauan, pintar dan kebahagiaan keluarga.

Antara elemen utama perancangan Pelan Induk PSR adalah seperti berikut:

(a) <u>Bandar Pintar</u>

Pembangunan PSR akan berteraskan kepada enam (6) aspek utama Bandar Pintar iaitu, Persekitaran Pintar *(Smart Environment),* Kehidupan Pintar *(Smart Community Living),* Mobiliti dan Infrastruktur Pintar *(Smart Infrastructure and Mobility)*, Ekonomi Pintar *(Smart Economy),* Tadbir Urus Pintar *(Smart Governance)* dan Komuniti Pintar *(Smart People).*

Penggalakan penggunaan teknologi digital dengan aplikasi teknologi Industri 4.0 seperti *Big Data, Artificial Intelligence (AI) dan Internet of Things (IoT);* dijangka akan menarik pelabur terutamanya ke Taman Industri Pintar dan Hijau (*Green Tech Park*) untuk mendorong mempertingkatkan dan melengkapkan ekosistem industri teknologi tinggi sedia ada serta memperkembangkan peluang pekerjaan sektor teknologi berkemahiran tinggi.

(b) Integrasi Sistem Transit dan Mobiliti

Integrasi sistem pengangkutan awam dan mobiliti untuk transit '*last mile connectivity'* adalah menuju ke arah sasaran nisbah 70:30 bagi penggunaan pengangkutan awam dan kenderaan persendirian dalam pembangunan PSR. Integrasi mod pengangkutan melibatkan sistem transit adalah seperti TOD (pembangunan berorientasikan transit), bas elektrik, LRT, rangkaian basikal dan pejalan kaki yang berlandskap untuk keselesaan pengguna.

(c) Bandar Hijau

Pembangunan PSR menggalakkan inisiatif bandar hijau bagi mengurangkan kadar pelepasan karbon sebagaimana yang dinasihati Majlis Perancang Fizikal Negara (MPFN) dengan sasaran 40 peratus melalui Pelan Tindakan Bandar Rendah Karbon dan mengambil kira *Green Technology Masterplan Malaysia* 2017-2030 serta menggalakkan reka bentuk bangunan berstatus GBI (Indeks Bangunan Hijau) dan penggunaan MyCREST (Alat Pengekalan Karbon dan Pengekalan Alam Sekitar Malaysia).

Antara lain, strategi-strategi berikut juga dicadangkan:

(i) Menggalakkan konsep **penggunaan tenaga rendah** atau sifar dalam reka bentuk bangunan yang menggunakan aplikasi '*Energy Efficiency'* (EE) dan tenaga boleh diperbaharui (*Renewable Energy, RE*);

(ii) Mengadaptasikan **pengurusan air larian hujan** yang mesra alam dan mampan seperti Sistem Saliran Bio Ekologi (BIOECODS) dan Sistem Penuaian Air Hujan (SPAH);

(iii) **Mengurangkan kesan pemanasan global** atau '*urban heat Island*' melalui orientasi peletakan bangunan yang efisien yang melancarkan aliran angin dan konsep taman atas bumbung; dan

(iv) **Pengurusan sisa pepejal mampan** yang dapat mengurangkan pelepasan karbon dan pelupusan akhir ke tapak pelupusan sanitari (*landfill*); dengan aplikasi teknologi seperti '*macerator*' dalam dapur rumah untuk sisa makanan, pengasingan sisa di punca, integrasi Sistem Kutipan Sisa Automatik (AWCS), sistem pengomposan secara semula jadi dan mekanikal, Pusat Pemuliharaan Sumber serta program 3R yang diintegrasikan dengan penglibatan kejiranan dalam konsep Komuniti Hijau.

(d) Persekitaran Mampan

Perancangan PSR mengutamakan konsep persekitaran yang kondusif dengan koridor hijau dan taman landskap yang pelbagai tumbuhan yang diintegrasikan dengan badan air, taman pesisir pantai serta hutan bakau. Dengan adanya habitat yang kaya dengan kepelbagaian biologi, PSR akan menuju ke arah pembentukan ekosistem yang mampan.

(e) Persekitaran Awam dan Komuniti

Di samping kemudahan komuniti seperti sekolah, pusat komuniti dan agama; perancangan PSR juga menyediakan tempat-tempat bagi aktiviti sivik dan riadah seperti taman, pantai, dan pesisir pantai '*water front*' yang terbuka kepada orang awam.

Kemudahan-kemudahan tersebut akan diintegrasikan dengan jaringan sistem transit dan mobiliti seperti bas elektrik, LRT, dan rangkaian basikal serta pejalan kaki yang juga akan dihubungkan dengan pusat aktiviti awam dan pusat komersial lain yang dicadangkan seperti '*Active Urban Streetscape'*; pusat mesyuarat, insentif, konvensyen dan pameran (MICE); galeri, muzium, plaza awam, pusat bandar, institusi awam dan lokasi tarikan lain yang akan menjadi tumpuan orang awam, termasuk pelancong.

(f) Daya Tahan Iklim

Pembangunan PSR juga memberi perhatian kepada keperluan untuk menangani isu perubahan iklim melalui perancangan kejuruteraan jangka masa panjang yang teliti. Perancangan kejuruteraan ini memberi perhatian kepada isu kenaikan paras air laut, pusuan ribut (*storm surge*) dan impak hidraulik seperti sedimentasi di kawasan pesisir pantai.

Reka bentuk platform dataran dan saliran bagi PSR juga mengambil kira maklumat dan panduan Panel Antara Kerajaan Tentang Perubahan Iklim (IPCC) di bawah Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB).

Mekanisme Penjualan Tanah

Manakala, bagi mekanisme penjualan tanah, aktiviti pemasaran tanah PSR akan dijalankan secara tersasar sebelum dan sepanjang pelaksanaan projek untuk mewujudkan kesedaran tentang pembangunan PSR dalam kalangan pelabur berpotensi yang telah dikenal pasti.

Pasaran yang disasarkan untuk penjualan tanah PSR adalah termasuk:

(i) Pemain industri tempatan dan antarabangsa dalam sektor-sektor tersasar, termasuk rantaian bekalan yang berkaitan;

(ii) Pemaju hartanah (*plot developers*) tempatan dan antarabangsa; dan

(iii) Perusahaan kecil dan sederhana (SME)

Proses penjualan tanah termasuk secara tender akan dijalankan dengan telus untuk memastikan Kerajaan Negeri mendapat nilai yang terbaik daripada setiap penjualan.

Untuk mencapai tujuan ini, transaksi tanah akan melalui kriteria penilaian prakualifikasi. Setiap transaksi akan melibatkan rundingan dengan pembeli untuk mencapai persetujuan mengenai harga tanah, terma dan syarat pembelian tanah dan perkara-perkara lain yang berkaitan.

Langkah-langkah ini perlu diambil untuk Kerajaan Negeri memastikan setiap pembangunan di PSR adalah selaras dengan visi Pulau Pinang untuk membangunkan sebuah bandar raya pintar, taman perindustrian berteknologi tinggi, dan tarikan pelancongan bertaraf dunia yang dapat menjamin pertumbuhan ekonomi negeri bagi jangka masa panjang.

29. Huraikan struktur organisasi dan peranan Penang Infrastructure Corporation Sdn Bhd (PICSB).

(a) Nyatakan jumlah perbelanjaan bulanan PIC dan siapakah yang membiayainya?

(b) Apakah status Jalan Pintasan Lebuhraya Tun Dr Lim Chong Eu ke Ayer Itam?

(c) Adakah PIC akan dipertanggungjawabkan dalam semua projek infrastruktur bawah peruntukan Kerajaan Negeri?

JAWAPAN OLEH YAB. KETUA MENTERI:

29. Penang Infrastructure Corporation Sdn. Bhd. (PICSB) ditubuhkan pada Julai 2020 di bawah Akta Syarikat 2016 sebagai anak syarikat Kerajaan Negeri Pulau Pinang bagi menerajui Pelan Induk Pengangkutan Pulau Pinang (PTMP).

Lembaga Pengarah PICSB diketuai oleh YAB Ketua Menteri sebagai Pengerusi bersama dua (2) Ahli Lembaga Pengarah iaitu YB. EXCO Infrastruktur dan Pengangkutan dan YB. Setiausaha Kerajaan Negeri. Secara keseluruhannya, carta organisasi PICSB yang diluluskan adalah terdiri daripada 101 perjawatan yang melibatkan bahagian teknikal, kewangan dan pengurusan daripada kalangan profesional pelbagai bidang yang bersesuaian dengan pelaksanaan projek PTMP. Pentadbiran dan pengurusan PICSB diketuai oleh Ketua Pegawai Eksekutif. Pengisian jawatan yang diluluskan akan dilaksanakan dari semasa ke semasa mengikut keperluan dan dijangka dipercepatkan setelah *Environment Management Plan* (EMP) untuk projek Tambakan Selatan Pulau Pinang (PSR) diluluskan.

(a) PICSB adalah anak syarikat Kerajaan Negeri Pulau Pinang yang menerima dana awal daripada Kerajaan Negeri sebagai pendahuluan. Perbelanjaan bulanan secara purata setakat ini adalah tidak melebihi RM100,000.00.

(b) Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah menandatangani perjanjian bagi fasa pembinaan untuk salah satu pakej projek Jalan-Jalan Utama iaitu Pakej 2 (Jalan Pintasan Lebuhraya Tun Dr. Lim Chong Eu ke Ayer Itam). Kerja-kerja awalan bagi fasa pembinaan Pakej 2 telah dijalankan bermula pada 31 Oktober 2019. Di samping itu, proses pengambilan balik tanah juga sedang dijalankan pada peringkat ini.

(c) Setakat ini PICSB dipertanggungjawabkan dengan projek di bawah PTMP iaitu Bayan Lepas *Light Transit Rail* (BLLRT), Lebuhraya *Pan Island Link* 1 (PIL1), *Pan Island Link* 2A (PIL2A) termasuklah Terowong Dasar Laut dan 3 Jalan Utama iaitu Pakej 1 – Jalan Berkembar dari Tanjung Bungah ke Teluk Bahang, Pakej 2 - Jalan Pintasan Lebuhraya Tun Dr. Lim Chong Eu ke Ayer Itam, Pakej 3 - Jalan Pintasan dari Persiaran Gurney ke Tun Dr. Lim Chong Eu dan Pakej 4 – Terowong Dasar Laut.

Pelaksanaan projek PSR adalah sebagai model pembiayaan bagi projek-projek di bawah PTMP, tidak termasuk projek Terowong Dasar Laut dan 3 Jalan Utama.

30. Huraikan struktur organisasi dan peranan Digital Penang Sdn. Bhd.

(a) Huraikan Penang Digital Transformation Master Plan (DTMP).

(b) Sejauh manakah Digital Penang telah membantu rakyat Pulau Pinang?

(c) Apakah cadangan untuk menggantikan perkhidmatan Penang Free WiFi?

JAWAPAN OLEH YAB. KETUA MENTERI:

30. Kerajaan Negeri telah menubuhkan Digital Penang Sdn. Bhd. (Digital Penang) sebagai syarikat milik Kerajaan Negeri di bawah Perbadanan Ketua Menteri Pulau Pinang (CMI). Lembaga Pengarah bagi Digital Penang dipengerusikan oleh Y.A.B. Ketua Menteri Pulau Pinang dan Timbalan Pengerusi adalah Exco Infrastruktur dan Pengangkutan. Terdapat lapan (8) ahli lembaga pengarah iaitu Exco Pembangunan Modal Insan, Pendidikan, Sains dan Teknologi, Exco Perumahan, Kerajaan Tempatan, Perancangan Bandar dan Desa, Exco Perdagangan, Industri dan Pembangunan Keusahawanan, Setiausaha Kerajaan Negeri, Pegawai Kewangan Negeri, Timbalan Pengurus Besar Perbadanan Ketua Menteri, Pengarah Eksekutif Penang Institute dan Pengarah PDC Telecommunications Service Sdn. Bhd. Anggota Digital Penang terdiri daripada 14 orang yang diketuai oleh Ketua Pegawai Eksekutif, Encik Tony Yeoh Choon Hock. Struktur organisasi Digital Penang, senarai Lembaga Pengarah dan anggota Digital Penang adalah seperti di **LAMPIRAN A**.

Peranan Digital Penang adalah sebagai peneraju agenda Transformasi Digital Kerajaan Negeri selaras dengan visi Penang2030. Peranan ini dilaksanakan dengan cara:

(i) Bekerjasama dengan pihak berkepentingan utama untuk menarik dan mempromosikan pelaburan dan eksport dalam sektor utama ekonomi digital untuk membangunkan skala;

(ii) Memantau perancangan seni bina dan pelaksanaan infrastruktur telekomunikasi dan teknologi yang tangkas (*agile)* untuk membolehkan penggunaan solusi digital secara meluas;

(iii) Menjadi Pusat Kecemerlangan (*Centre of Excellence*) untuk memberikan khidmat perundingan strategik kepada Kerajaan Negeri mengenai solusi dan trend teknologi baharu, khidmat data sains dan pandangan berdasarkan fakta untuk pembangunan dasar yang termaklum;

(iv) Memperdalam bakat dan kepakaran dalam bidang teknologi dan memudahkan pembangunan ekosistem keusahawanan; dan

(v) Menggerakkan komuniti melalui kaedah perhubungan secara maya dan pembangunan penyelesaian bersama.

(a) Digital Transformation Masterplan 1.0 (DTMP 1.0) merupakan satu pelan induk untuk tempoh 2021 hingga 2023 bagi agenda transformasi digital negeri Pulau Pinang. Bagi mencapai objektif DTMP 1.0, sebanyak empat (4) strategik utama telah dirangka, iaitu Ekonomi Digital (*Digital Economy*), Infrastruktur Digital (*Digital Infrastructure*), Tadbir Urus Digital (*Digital Governance*) dan Komuniti Digital (*Digital Community*).

<u>Ekonomi Digital (*Digital Economy*)</u>

Strategik Ekonomi Digital menerapkan beberapa tema strategik, iaitu:

(i) Pembangunan ekosistem perusahaan tempatan ke arah digital dan ke pentas antarabangsa;

(ii) Pengukuhan ekosistem syarikat peringkat permulaan;

(iii) Tarikan tunjang digital pada teknologi dalam (*deep technology*);

(iv) Membangunkan budaya penyelesaian masalah yang inovatif;

(v) Membangunkan sektor bersebelahan (*adjacent sectors*); dan

(vi) Menggiatkan sektor kejuruteraan perisian dan ICT.

Senarai inisiatif strategik bagi Ekonomi Digital seperti di **LAMPIRAN B**.

Infrastruktur Digital (*Digital Infrastructure*)

Strategik Infrastruktur Digital menerapkan beberapa tema strategik, iaitu:

(i) Menjajar pelaksanaan Pelan Induk Kesalinghubungan Negeri Pulau Pinang dengan pelan JENDELA oleh kerajaan persekutuan;

(ii) Mengembangkan rangkaian gentian dan pelaksanaan 5G; dan

(iii) Pendigitalan data geospatial dan lapisan rangkaian utiliti dan infrasturktur.

Senarai inisiatif strategik bagi Infrastruktur Digital seperti di **LAMPIRAN B**.

Tadbir Urus Digital (*Digital Governance*)

Strategik Tadbir Urus Digital menerapkan beberapa tema strategik, iaitu:

(i) Pendigitalan proses teras menyeluruh yang bersemuka dengan rakyat;

(ii) Penggunaan kaedah seni bina "*Data and API First*"; dan

(iii) Pembangunan model rujukan bandar raya pintar.

Senarai inisiatif strategik bagi Tadbir Urus Digital seperti di **LAMPIRAN B**.

Komuniti Digital (*Digital Community*)

Strategik Komuniti Digital menerapkan beberapa tema strategik, iaitu:

(i) Peningkatan literasi digital dan penggunaan teknologi seharian;

(ii) Penggunaan teknologi sebagai saluran lain untuk perhubungan antara kerajaan dan penduduk Pulau Pinang; dan

(iii) Mengerakkan sukarelawan untuk memberi idea, maklum balas dan pandangan.

Senarai inisiatif strategik bagi Komuniti Digital seperti di **LAMPIRAN B**.

(b) Sejak beroperasi pada April 2020, Digital Penang telah berjaya menerajui agenda transformasi digital di negeri Pulau Pinang melalui pelbagai program yang telah membantu rakyat Pulau Pinang secara langsung.

Bagi golongan usahawan yang bergiat dalam perniagaan mikro, kecil dan sederhana (PKS), Digital Penang telah melaksanakan program "Penang SME Go Digital" yang bertujuan menyokong PKS menjual secara dalam talian. Antara kejayaan program ini adalah penyampaian program kepada 6,389 PKS, latihan berkenaan penjualan dalam talian kepada 314 PKS dan penggunaan aplikasi *business-to-business* (B2B) oleh 500 PKS.

Bagi golongan usahawan permulaan berteraskan teknologi (*tech startup*) pula, Digital Penang telah berjaya mengadakan pelbagai kelas berkenaan bidang keusahawanan kepada 955 usahawan. Digital Penang juga telah melaksanakan program *Pitching* yang memberi peluang kepada 12 syarikat peringkat permulaan berteraskan teknologi untuk membentangkan perkhidmatan dan produk syarikat mereka kepada pelabur.

Bagi penduduk Pulau Pinang, Digital Penang telah melaksanakan kempen #DahDigital yang bertujuan untuk memupuk penggunaan teknologi asas seharian di kalangan orang ramai di samping memberi peluang pekerjaan separuh masa pada waktu pandemik COVID-19. Sejak pelaksanaan, program ini sudah berjaya sampai kepada 36,615 rakyat Pulau Pinang. Di samping itu, seramai 966 individu telah menyertai pelbagai bengkel teknologi asas seharian yang dikelolakan dengan kerjasama pusat khidmat ahli dewan undangan negeri. Sepanjang tempoh program, sebanyak 170 peluang pekerjaan sebagai *Digital Coach* dan *Digital Promoter* telah berjaya diberikan.

Di samping itu, banyak akitiviti yang diusahakan oleh Digital Penang yang dapat membantu rakyat Pulau Pinang secara tidak langsung, seperti aktiviti yang memberi tumpuan pada pembangunan industri dan ekosistem teknologi tinggi, dan akitiviti perundingan untuk Kerajaan Negeri. Antara kejayaan yang telah dicapai adalah pemacuan sektor bersebelahan dalam bidang satelit *Low Earth Orbit* (LEO) dengan penubuhan syarikat permulaan pertama di Pulau Pinang iaitu AngkasaX Innovation Sdn. Bhd.. Digital Penang juga telah berjaya berunding dengan ASEAN Australia Smart Cities Trust Fund untuk mendapatkan dana projek pelaksanaan *traffic simulation* bernilai RM1.8 juta.

(c) Kerajaan Negeri sedang merancang untuk melaksanakan projek *Smart Street Pole* di seluruh Negeri Pulau Pinang yang dilengkapi dengan komponen *wifi* percuma bagi menggantikan perkhidmatan *Penang Free Wifi* (PFW). Projek *Smart Street Pole* ini akan dilaksanakan di kawasan tumpuan awam seperti di kawasan sekitar bangunan kerajaan, pasar awam dan hospital. Projek *Smart Street Pole* ini masih dalam peringkat *Proof Of Concept* (POC) dan dijangka akan dikomersialkan pada penghujung 2021 mengikut spesifikasi Garis Panduan Pemasangan *Smart Street Pole* yang telah ditetapkan oleh Kerajaan Negeri.

Kerajaan Negeri percaya perkhidmatan *wifi* percuma perlu diteruskan dalam menyokong pelaksanaan *Penang Connectivity Master Plan* (PCMP) selaras dengan pembangunan kerajaan digital yang semakin pesat membangun dalam memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada rakyat di Negeri Pulau Pinang.

LAMPIRAN A

SENARAI AHLI LEMBAGA PENGARAH DAN ANGGOTA SYARIKAT DIGITAL PENANG SDN. BHD.

Lembaga Pengarah Digital Penang Sdn. Bhd.

Bil.	Nama dan Jawatan	Peranan
1.	Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow Ketua Menteri Pulau Pinang Exco Pembangunan Tanah & Ekonomi dan Komunikasi Pulau Pinang	Pengerusi
2.	YB. Zairil Khir Johari Exco Infrastruktur dan Pengangkutan Pulau Pinang	Timbalan Pengerusi
3.	YB. Prof. Dr. Ramasamy a/l Palanisamy Timbalan Ketua Menteri II Pulau Pinang Exco Pembangunan Modal Insan, Pendidikan, Sains & Teknologi Pulau Pinang	Ahli Lembaga Pengarah
4.	YB. Jagdeep Sing Deo a/l Karpal Singh Exco Perumahan, Kerajaan Tempatan, Perancangan Bandar & Desa Pulau Pinang	Ahli Lembaga Pengarah
5.	YB. Dato' Haj i Abdul Halim bin Haji Hussain Exco Perdagangan & Industri dan Pembangunan Keusahawanan Pulau Pinang	Ahli Lembaga Pengarah
6.	YB. Dato' Seri Abdul Razak bin Jaafar Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang	Ahli Lembaga Pengarah
7.	YB. Dato' Dr. Mohamad Farazi bin Johari Pegawai Kewangan Negeri Pulau Pinang	Ahli Lembaga Pengarah
8.	Puan Bharathi a/p Suppiah Timbalan Pengurus Besar Unit Perbadanan Ketua Menteri Pulau Pinang	Ahli Lembaga Pengarah
9.	YBhg. Dato' Dr. Ooi Kee Beng	Ahli Lembaga Pengarah


Bil.	Nama dan Jawatan	Peranan
	Pengarah Eksekutif Penang Institute	
10.	YBhg. Dato' Tang Ching Siang Lembaga Pengarah PDC Telecommunications Service Sdn. Bhd.	Ahli Lembaga Pengarah

Anggota Digital Penang Sdn. Bhd.

Bil.	Nama	Jawatan
1.	Tony Yeoh Choon Hock	Ketua Pegawai Eksekutif
2.	Alfonso Yani Chin @ Alfonso bin Johan	Pengarah *Agile Solutions*
3.	Sivavenayakam a/l T Velayutham	Pengarah *Industry Development and Marketing*
4.	Lim Kar Wee	Pengurus *Industry Development and Marketing*
5.	Timothy Choy	Pengurus Kanan Strategi dan Komunikasi
6.	Balashangaran A/L Karuppiah	Eksekutif Transformasi Digital
7.	Ira Syazwani Mohamad Marzuki	Eksekutif Transformasi Digital
8.	Nur Azmina Salimi Uzair	Eksekutif Operasi
9.	Mohd Zabari Izyan bin Zainal Abidin	*Solution Analyst*
10.	Cerise Leong	*UI/UX Designer*
11.	Mohammad Nasrullah Zulkifli	*Digital Marketing Specialist*
12.	Julian Ooi	*Full Stack Specialist*
13.	Raja Muhammad Nazirul Mubin Raja Badrol Hisham	*Full Stack Specialist*
14.	Nur Farahana Mohamad Yunus	Pembantu Tadbir

LAMPIRAN A

CARTA ORGANISASI DIGITAL PENANG SDN. BHD.



LAMPIRAN B

SENARAI INISIATIF STRATEGIK DTMP 1.0

Teras	Inisiatif Strategik
Ekonomi Digital	DE-1 Perusahaan tempatan "Go Digital Go International" DE-2 Mempromosi inovasi, penyelidikan dan pengkomersialan digital DE-3 Penjajaran dengan inisiatif MDEC untuk PKS Mikro DE-4 Menyubur ekosistem syarikat peringkat permulaan DE-5 Membangunkan pembekalan bakat DE-6 Pendigitalan Pelan Induk Pelancongan Negeri Pulau Pinang
Infrastruktur Digital	DI-1 Pelan Induk Kesalinghubungan Negeri Pulau Pinang DI-2 Kualiti Perkhidmatan Lebih Baik DI-3 Melaksanakan sistem pengaturcaraan aplikasi telekomunikasi bersepadu DI-4 Kembar Digital Data Geospatial DI-5 Pelaburan Dalam Zon Keutamaan
Tadbir Urus Digital	DG-1 Proses Pendigitalan Menyeluruh DG-2 Perolehan Mempertingkatkan Ekosistem ICT Tempatan DG-3 Memperkemas Tadbir Urus IT DG-4 Seni bina API dan "Data First" DG-5 Model Rujukan Bandar Raya Pintar DG-6 Meningkatkan Kemahiran dan Pengurusan Pengetahuan
Komuniti Digital	DC-1 Kelas dan kempen literasi digital untuk menggalakkan penggunaan teknologi DC-2 Mewujudkan Rangkaian Capaian Luar Digital untuk Sukarelawan dan Komuniti Khusus Kepentingan DC-3 Membangunkan platform penglibatan komuniti dalam talian DC-4 Memupuk pendidikan dan latihan STEM peringkat awal